PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI PERTAMA	KHAMIS, 19 JUN 2008	BIL. 2 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia bte Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
Dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah bte Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
Dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M.Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman, KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusa Jaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah Binti Mansor,
(Penawar)

Y.B.Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof,
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Encik Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR MEMANGGIL DEWAN NEGERI UNTUK BERMESYUARAT.

"Pemasyhuran oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda AlMutawakkil 'AlAllah Sultan Iskandar, Sultan dan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim. Dengan ini memanggil Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 19 Jun 2008 pukul 9.30 pagi sebagai tarikh dan waktu bagi memulakan Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Pertama Dewan Negeri Yang Ke-12."

TITAH DULI YANG MAHA MULIA BAGINDA TUANKU

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum Dewan saya teruskan, saya minta pihak Jurutulis ataupun pihak yang berkenaan, mana-mana jika ada Ahli Dewan Negeri yang tidak memakai uniform rasmi Ahli Dewan Negeri, saya tidak benarkan masuk ke dalam Dewan ini semasa Perasmian Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku. Harap pihak Jurutulis dan pihak berkenaan mengambil tindakan jika terdapat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi membolehkan kita semua menyambut keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku di hadapan Tangga Agung bangunan ini, maka saya tangguhkan Persidangan ini sehingga jam 10:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 9:40 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11:50 pagi.

Y.B. Dato' Speaker : Persidangan disambung semula. Sukacita saya maklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku akan berangkat masuk sebentar lagi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku.

D.Y.M.M. Sultan Johor : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

(Dewan menjawab salam)

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku berkenan untuk bertitah kepada Dewan ini.

D.Y.M.M. Sultan Johor : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmaanirrahim. Alhamdulillahi rabbil aalamin. Wassolaatu

wassalaamu alaa Saidina Muhammadin asyrafil ambiyaai walmursalin. Waala aalihi wasohbihi ajmain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, syukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat saya hadir merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-12 pada hari ini.

Kita semua juga mengucap syukur kerana dapat terus berada di dalam keadaan selamat, aman dan damai. Tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Abdul Ghani bin Othman yang terus diberi amanah oleh rakyat Johor. Saya yakin kerana kerajaan akan mentadbir dengan adil, menjaga kepentingan rakyat dan membawa kemajuan kepada semua.

Dasar kerajaan yang sederhana menjamin negeri dalam keadaan aman dan maju. Oleh itu, kita mesti menolak unsur melampau sama ada dari segi kaum atau agama. Semua pimpinan dan rakyat hendaklah berpegang teguh kepada Rukun Negara dan Perlembagaan.

Ahli Dewan Negeri hendaklah menjalankan tugas dengan jujur, ikhlas dan memahami hasrat serta harapan rakyat. Saya yakin Negeri Johor akan terus maju dalam bidang ekonomi yang dapat memberi faedah kepada rakyat, menambah kemudahan awam dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Kita hendaklah sentiasa bersyukur di atas nikmat kurniaan Allah dan mengamalkan cara hidup sederhana dalam menghadapi keadaan ekonomi sekarang. Rakyat hendaklah hidup dalam muafakat kerana muafakat itu berkat.

Akhirnya saya mengucap terima kasih kepada Kerajaan Johor yang bersungguh-sungguh memajukan Negeri Johor. Juga kepada Kerajaan Persekutuan yang telah memberi sokongan. Saya berdoa agar Negeri Johor Darul Ta'zim akan terus membangun dengan lebih kukuh, malah lebih makmur. Saya, dengan lafaz Bismillahill lazi la yadhurru maas mihi syaiun fil ardhi walaa fis samaa i wahuas samiul alim, saya dengan sukacita merasmikan Penggal Persidangan Pertama bagi Dewan Negeri Johor ini, yang Ke-12.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahii wabarakaatuh.

Lagi satu, saya suka mengingatkan semua, saya tak lupa pulau saya Batu Puteh itu bukan hak Singapura, hak Johor. Sampai bila saya cari, ikhtiar, balikkan benda tu ke Johor, itu sahaja. Wabillahi taufik walhidayah wassalaamualaikum warahmahtullahii wabarakaatuh.

Jurutulis : Ampun Tuanku, Mufti Kerajaan Johor mohon perkenan membaca doa.

DOA PERASMIAN
(Y.B. Dato' Mufti baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Dif-Dif Jemputan sekalian, Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku akan berangkat meninggalkan majlis ini.

Maka saya tangguhkan persidangan ini sehingga esok, Jumaat, 20 Jun 2008, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:09 tengah hari.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KEDUA	JUMAAT, 20 JUN 2008	BIL. 2 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia bte Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
Dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah bte Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
Dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M.Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman, KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusa Jaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah Binti Mansor,
(Penawar)

Y.B.Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof,
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Encik Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT DATO' SPEAKER.

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong telah berkenan mengurniakan darjah-darjah kebesaran dan pingat-pingat sempena Hari Keputeraan Baginda pada 7 Jun 2008. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Zahri bin Jamil, Ahli Dewan Negeri Johor kawasan Sri Medan yang juga Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor bagi portfolio Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam telah dianugerahkan Bintang Panglima Jasa Negara (PJN) yang membawa gelaran Datuk. (Dewan bertepuk). Bagi pihak Dewan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 1 hingga 5 Tahun 2008.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 6 hingga 13 Tahun 2008.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 14 hingga 18 Tahun 2008.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman, jemput.

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 1. [Kebanyakan pemaju perumahan menjual unit-unit bumiputera setelah 6 bulan diwartakan untuk dijual kepada bumiputera. Selepas 6 bulan tiada pembeli maka unit bumiputera dihapuskan, dianggap unit internasional. Apakah langkah kerajaan bagi memastikan bahawa unit bumiputera dapat dikekalkan?]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker**,** satu-satu permohonan bagi memajukan kawasan dengan tujuan perumahan ataupun unit-unit perdagangan dan komersil perlu sepertimana biasalah di Negeri Johor ini mendapatkan kelulusan Serah Balik Kurnia Semula daripada Pejabat Tanah dan Galian Negeri. Mengikut dasar kerajaan sedia ada, pecahan kuota unit-unit yang perlu diperuntukkan pemaju kepada bumiputera dengan potongan 15 peratus di bawah dasar Kerajaan Negeri ini adalah seperti berikut: iaitu untuk

rumah kediaman harga jualan kurang daripada RM200,000.00 sebanyak 40 peratus, harga jualan rumah RM200,000.00 hingga RM299,999.00, 30 peratus dikhaskan untuk bumiputera. Dan, harga jualan rumah melebihi RM300,000.00, 20 peratus untuk bumiputera. Dan, selainnya iaitu rumah-rumah kedai dan juga perdagangan termasuk kilang-kilang, sebanyak 40 peratus dikhaskan untuk bumiputera di bawah dasar yang sedia ada ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selepas mendapatkan kelulusan Serah Balik Kurnia Semula oleh pemaju itu tadi daripada Pihak Berkuasa Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian, pemaju adalah dikehendaki menandatangani perjanjian tambahan dengan Kerajaan Negeri sebagai Aku Janji untuk memberikan potongan 15 peratus sebagai harga jualan unit ini, bumiputera berbanding dengan harga pasaran terbuka. Perjanjian tambahan ini Yang Berhormat Dato' Speaker juga mensyaratkan bahawa unit-unit bumiputera ini tidak boleh dijual kepada bukan bumi. Walau bagaimanapun, pemaju boleh memohon pelepasan unit-unit bumiputera yang tidak terjual mengikut terma-terma dalam perjanjian tambahan tersebut sebagaimana berikut :

i. Pemaju tersebut telah pun mendaftar projek perumahan mereka di Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri selama tempoh melebihi 6 bulan daripada tarikh perjanjian tambahan yang ditandatangani itu tadi. Ataupun kemajuan fizikal pembinaan di atas tanah telah capai 50 peratus, ini bersandarkan kepada pengesahan arkitek yang bertauliah, mana yang terdahulu iaitu kalau 6 bulan terdahulu walaupun fizikal *development* dia dengan izin, belum sampai 50 peratus dia boleh dapat pelepasan dan sebaliknya.
ii. Hartanah yang dipohon untuk pelepasan tanah diiklankan, kita iklankan jualannya di akhbar-akhbar utama di negeri ini sekurang-kurangnya dua kali dengan jarak tempoh satu bulan antara kedua iklan.
iii. Pemaju telah pun menjelaskan terlebih dahulu semua bayaran perkhidmatan sebanyak RM1,000.00 bagi setiap unit kuota bumiputera yang diuruskan jualannya oleh Bahagian Perumahan.

Dan seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi mendapatkan pelepasan kali kedua dan seterusnya, para pemaju hanya boleh memohon selepas tempoh 3 bulan daripada tarikh pelepasan terakhir. Inilah dia langkah-langkah yang sedia ada, yang kita ambil untuk memastikan bahawa sebaik mungkin kuota bumiputera ini dapat kita jual kepada kaum bumiputera.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Puteri Wangsa.

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Pengerusi Perumahan dan Kerajaan Tempatan di atas penganugerahan anugerah. Dan mengenai dengan keterangan ataupun pembelian rumah yakni 15 peratus yang ditetapkan pada bumiputera, boleh atau tidak kuota 15 peratus itu kepada bumiputera dikekalkan dan *release* unit kepada bumiputera? Sekarang ini kalau kita lihat 6 bulan dilepaskan kepada *non*-bumi untuk dijual. Kadang-kadang pemaju

kebiasaannya bila orang bumiputera atau orang Melayu datang berjumpa dengan pihak pemaju, mereka mengatakan bahawa rumah dah habis. Dah habis jual. Bila pergi Pejabat Perumahan, dia kata ada. *So*, kadang-kadang ini yang menyebabkan kemungkinan strategi pemaju untuk melepaskan hak bumiputera kepada *non*-bumi. Kerana saya lihat, prinsipnya kita sebagai orang Melayu mempertahankan hak-hak orang Melayu, bagi Kerajaan Barisan Nasional kita melonggarkan untuk *releas*ekan unit tersebut. Tapi dalam masa yang sama, kadang-kadang ada pihak-pihak tertentu, dia mintak yang bukan-bukan. 15 peratus kepada orang Melayu, mintak disamaratakan, kemudian kalau saya lihat kat sini, mintak dilonggarkan kepada *non*-bumi, sedangkan kerajaan selama ini telah melaksanakan tugas tersebut. Saya memohon kepada kerajaan agar tempoh masa 6 bulan itu dilanjutkan sehingga dua tahun atau terus dikekalkan supaya tidak dilepaskan kepada *non*-bumi, supaya pemaju-pemaju ini mengikut prosedur yang ditetapkan. Ini prinsipnya kerana saya tak naklah prinsip, etika ...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, soalannya apa?

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Soalan tadi saya cakap tadi kekalkan ...

Y.B. Dato' Speaker : Ha oklah, ini bukan bahas ya, tanya...

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Saya mintak kalau boleh dikekalkan Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ah ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker**,** kerajaan sedar berapa pentingnya pembahagian pembangunan ekonomi ini supaya jurangnya dapat diperbaiki antara bumiputera dan bukan bumiputera. Ini pun dasar yang hasilnya timbul daripada Dasar Ekonomi Baru yang sekarang dikenal sebagai Dasar Pembangunan Nasional. Apa yang saya telah jelaskan tadi ialah mekanisme, mekanisme yang, untuk mengawal kuota bumiputera ini dari segi penjualannya kepada bumiputera. Dan, pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Puteri Wangsa, memang itulah sememangnya menjadi hasrat saya, ingat semua rakyat Malaysia, kalau dapat pembahagian ekonomi ini biarlah adil sebab itu kita ada mekanisme ini. Tetapi di samping itu, kita kena adil kepada semua orang khususnya dalam, dari segi ini ialah kepada pemaju juga yang telah pun membuat perjanjian dengan kerajaan iaitu :

i. Untuk membuat proses Serah Balik Kurnia Semula.
ii. Untuk mengadakan kuota bumiputera.

Sebab itu kita adakan had-had itu yang telah pun ditetapkan oleh kerajaan iaitu 6 bulan ataupun selepas itu mana yang lebih awal, 6 bulan ataupun fizikal, pembangunan fizikalnya dah sampai 50 peratus. Itu untuk pelepasan tetapi kita tidak lepaskan semua, selalunya dalam dari segi praktiknya. Dan kaedahnya ialah selepas itu ada juga yang, kalau kita lihat di kawasan itu permintaannya masih ada lagi, kita ada tapisan seterusnya pelepasan kali kedua, kali ketiga.

Dan, di masa yang sama juga kita ambil kira bahawa *holding cost* yang dipegang oleh pemaju adalah tinggi sekarang.

Jadi ini pun kita kena ambil kira, jadi apa jua tindakan yang dibuat oleh Barisan Nasional untuk kepentingan semua khususnya semua kaumlah, adalah berdasarkan kepada prinsip bertimbang rasa dan rasa bertanggungjawab. Inilah falsafah hidup kita yang selama ini harus kita semua fahami dan hayati, bukan kita cabar dan kita bersikap adil dan saksama. Itu yang mustahak.

Itulah falsafah hidup dalam negara ini yang sudah terbukti berjaya sehingga ke hari ini, Yang Berhormat Dato' Speaker. Sebab itulah kuota bumiputera ini diadakan dan mekanisme untuk melepaskannya pun ada, terpulang kepada keadaan. Dan kalau kita tengok pun Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau saya boleh diberi keizinan untuk memberi sedikit penjelasan lagi. Permintaan rumah-rumah ini, penjualannya kalau kita tengok daripada jenis rumah. Rumah teres setingkat atau dua tingkat yang harganya RM200,000.00, akhirnya penjualannya, kalau ikut rekod kita pun separuh sahaja yang terjual 50 peratus. Kalau lebih RM200,000.00 rumah berbandung dua tingkat ataupun yang setingkat, apatah lagi rumah banglo hanya 90 peratus. Kilang, saya berani cakap 100 peratuslah, kita lepaskan kerana tak terjual. Ini semangat kita dan seharusnyalah dapat persefahaman daripada semua orang kerana ini telah terbukti untuk, untuk kita membangunkan dalam proses kita *mission building* ini, dengan izin. Inilah pendekatan-pendekatan yang diambil oleh kita semua.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Terima kasih Dato' Speaker. Saya tertarik hati tentang sebutan soal mekanisme tadi. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat EXCO tadi tentang lebih daripada 50 peratus, banyak peruntukan-peruntukan sebanyak 15 peratus ini tidak disahut oleh bumiputera untuk membelinya. Adakah pihak kerajaan memantau, mengapakah, ini tadi disebutkan soal kilang, rumah teres yang besar. Maksud saya, memantau daripada segi peruntukan 15 peratus itu daripada kedudukan yang ditetapkan. Sebab, kita bagi pihak kerajaan hanya memberikan kuota 15 peratus. Contohnya kalau rumah pangsa 4 tingkat, kadang-kadang untuk, diuntukkan kepada bumiputera bukan di tingkat bawah, di tingkat 4 sana yang hujung sana, atas. Kalau pembelinya orang yang berumur, tak kan dia sanggup nak membelinya. Begitu juga kalau kilang, diletaknya ...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ini cerita rumah bukan kilang ya?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Ya, saya nak tanyakan, adakah dari segi mekanisme ini, pemantauan daripada segi agihan itu. Pada hal berilah lokasi yang tempatnya agak strategik dan memudahkan. Itu sebab...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat lari daripada tajuk. Yang Berhormat...

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : 15 peratus tetapi kedudukannya tidak…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, bila saya sebut, duduk eh, ha'ah, dia soal cerita minta kerajaan 15 peratus rumah yang tak jual itu boleh tidak kan? Yang Berhormat cerita kisah lain ni, kilang ni. Yang Berhormat tuju kepada soal asal dia, tak boleh lari daripada soal asal.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya faham Dato' Speaker. Tadi, pasal menyentuh tentang mekanisme.

Y.B. Dato' Speaker : Kalau faham oklah, duduk.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Mekanisme itu, adakah menjurus kepada peruntukan 15 peratus itu. Lokasinya, adakah tempat yang elok atau tidak. Kadang-kadang dia tolak dia tak mahu beli kerana lokasinya tempat yang tak elok.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah Yang Berhormat, itu tempat. Ini misalnya pasal minta…

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, taburan unit bumiputera dibuat di atas persefahaman di antara pentadbiran dengan pemaju di peringkat pejabat.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, ok, *last*.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Dato' Speaker, soalan tambahan. Kita mempertikaikan berhubung untuk nak mengekalkan apa ni, harta tanah kepada bumiputera yang kita tetapkan. Jadi saya ingin tahu, adakah kerajaan merancang ataupun berbincang dengan agensi-agensi Amanah Bumiputera seperti MARA, Peladang ke, Majlis Agama Islam ke, supaya unit-unit ataupun tempat-tempat harta tanah yang kita agak strategik tetapi kita tidak, kita tidak, apa ni, kemungkinan pembeli-pembeli bumiputera tak dapat membelinya dan adakah kita bercadang, kerajaan bercadang untuk meminta agensi bumiputera untuk memegang sementara, kita serah kepada apa ni, agensi bumiputera yang ada kemampuan seperti Majlis Agama Islam ke, ataupun daripada Majlis Zakat ke, kita pegang sementara, kalau boleh dalam masa yang sama, bila ada bumiputera yang layak yang mampu nak membeli besok, kita jual kepadanya.

Y.B. Dato' Speaker : Ha... ok.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Adakah, apa ni, cadangan ini dibincangkan. Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, satu cadangan yang di, pandangan yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah merupakan satu cadangan yang baik.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Dan memang menjadi impian kita yang sehingga sekarang ini pun belum jadi kenyataan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Dr. Adham bin Baba, jemput.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan 2. [Minta Kerajaan Negeri menyatakan perancangan dilakukan untuk menaik taraf kualiti pendidikan tinggi yang dilaksanakan oleh Kolej-Kolej, Yayasan Pendidikan Negeri Johor terutama dari segi pengajaran, pembelajaran, pensyarah, infrastruktur, penyelidikan dan hasil pembelajaran selaras dengan Piawaian Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang boleh meyakinkan bakal majikan untuk mengambil graduan ini bekerja?]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ha'ah, ok. EXCO baru.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Di antara tindakan-tindakan yang sedang dan akan dilaksanakan bagi meningkatkan lagi tahap, taraf kualiti pendidikan tinggi di Kolej-Kolej Yayasan Pelajaran Johor. Selaras dengan Piawaian Agensi Kelayakan Malaysia ataupun MQA, bagi perkara-perkara berikut adalah, di antaranya :

i. Pelantikan pensyarah-pensyarah adalah sepertimana yang telah ditetapkan dan disyaratkan oleh MQA.
ii. Meningkatkan lagi taraf kelayakan akademik pensyarah untuk mengikuti pengajian di tahap yang lebih tinggi iaitu peringkat Sarjana dan juga PhD.
iii. Menggalakkan pensyarah mengikuti Program Latihan Industri bagi meningkatkan dan mendapatkan pengalaman bekerja dan mengetahui perkembangan teknologi di industri.
iv. Menghantar pensyarah-pensyarah mengikuti Bengkel-bengkel Pemantapan Pengajaran, penyediaan soalan dan skema jawapan dengan rakan-rakan kerjasama seperti Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Teknologi MARA.
v. Menjalankan Program Latihan Dalaman dan juga oleh konsultan luar untuk pensyarah-pensyarah meningkatkan kemahiran-kemahiran dalam pedagogi dan pengurusan kuliah, pengukuran dan penilaian serta kaunseling remaja.
vi. Sentiasa menilai dan menyusun semula *syllabus* dan kokurikulum dengan nasihat oleh panel-panel MQA dan juga dengan kerjasama Jawatankuasa Penasihatan Industri bagi membolehkan kursus yang ditawarkan dan kandungan kursus adalah lebih relevan dengan kehendak industri.
vii. Meningkatkan serta menambah kemudahan-kemudahan pembelajaran dan pengajaran sepertimana piawaian yang telah disyaratkan oleh pihak MQA.

viii. Menyediakan semua kemudahan dan kelengkapan pembelajaran dan pengajaran sepertimana kualiti yang disyaratkan oleh fakulti dan rakan kerjasama yang terdiri daripada UiTM dan UTM.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yayasan Pelajaran Johor juga sedang dalam proses penyediaan sebuah Kampus Induk yang baru, bagi memberikan kemudahan pembelajaran dan pengajaran yang lebih moden, lengkap dan terkini untuk keselesaan dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik. Kolej-Kolej Yayasan Pelajaran MARA, Yayasan Pelajaran Johor juga turut menitikberatkan perkembangan sahsiah pelajar dan bukannya hanya kecemerlangan akademik sahaja. Pelajar-pelajar dibimbing dan diberikan peluang meningkatkan bakat kepimpinan serta dapat mengikuti pelbagai *soft skill* seperti kepimpinan jati diri, penguasaan Bahasa Inggeris sepanjang tempoh pengajian mereka di kolej agar mereka lebih berdaya saing di pasaran kerja kelak. Dengan memenuhi piawaian-piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak MQA, sebanyak 13 Kursus Diploma yang ditawarkan oleh Kolej-Kolej Yayasan Pelajaran Johor telah mendapat akreditasi penuh oleh MQA, manakala satu kursus lagi telah mendapat *provisional accreditation*, kerana kursus tersebut belum matang untuk penilaian Akreditasi Penuh. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Pasir Raja, jemput.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, semua maklum akan keperluan akreditasi terhadap kursus-kursus yang ditawarkan dan diambil oleh pelajar-pelajar. Dahulu ia dikenali sebagai Lembaga Akreditasi Negara ataupun LAN tetapi sekarang ia letak dibawah MQA ataupun *Malaysia Qualification Agency,* dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : Dulu, dulu Yang Berhormat, Setiausaha Parlimenkan? Kementerian ini, Tinggi ya? Faham juga lagi. Ha'ah, oklah.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Ya, jadi dengan ada, Dato' Speaker, dengan ada akreditasi ini...

Y.B. Dato' Speaker : Ha'ah.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Kursus yang, yang diambil ia akan meyakinkan pelajar, ibu bapa dan orang awam. Soalan saya Dato' Speaker, sekarang ini terdapat, sehingga ini terdapat 224 IPT Swasta dalam negara kita, yang telah pun memperolehi lesen untuk merekrut pelajar antarabangsa, bukan sahaja untuk pelajar tempatan tetapi pelajar antarabangsa. Justeru itu, saya nak tanya, apakah usaha-usaha yang akan dan telah dilakukan selaras untuk Kolej-Kolej Yayasan Pelajaran Negeri ini bukan sahaja dapat menerima pelajar-pelajar tempatan, tetapi juga dapat mengambil pelajar-pelajar antarabangsa belajar dalam kolej ini dan ini akan memberikan kita satu daya saing menerima pelajar-pelajar ini, selaras dengan hasrat Pendidikan Negeri kita sebagai hub kecemerlangan pendidikan antarabangsa.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, KPYPJ sebenarnya sedang menjalinkan kerjasama dengan konsultan daripada Singapura dan juga Indonesia untuk mendapatkan pelajar-pelajar bagi mengikuti Program Pengajian di peringkat, di KPYPJ. Dan insya-Allah kalau Kampus Induk KPYPJ di Kulai siap sepenuhnya, kita akan membuat promosi yang lebih agresif. Tetapi setakat ini, KPYPJ telah pun menerima 3 pelajar yang mengikuti program di peringkat diploma, pelajar daripada Singapura dan juga Indonesia. Dan, cadangan daripada Pasir Raja, insya-Allah kita terima dan insya-Allah di masa akan datang, kita akan memperhebatkan promosi tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat...

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Yang Berhormat...

Y.B. Dato' Speaker : Lain kali cepat eh, bangun.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas penjelasan Pengerusi sebentar tadi. Cumanya, saya ingin mendapatkan penjelasan, YPJ ini satu badan yang dikelola oleh kerajaan dan kalau dari segi apa yang dinyatakan tadi, kita lebih merujuk kepada tawaran-tawaran, jenis kursus-kursus dan pensyarah-pensyarah untuk memantapkan YPJ. Tetapi dalam konteks meyakinkan soalan asal ni, meyakinkan majikan-majikan. Makna, keluaran pelajar-pelajar keluaran YPJ ini yang mendapat keyakinan daripada majikan-majikan? Saya bimbang, kadang-kadang kita bimbang agensi kerajaan sendiri, jabatan kerajaan sendiri agak tidak begitu yakin kepada pelajar-pelajar kelulusan YPJ. Di dalam hal ini, saya nak tahu dari segi mana YPJ boleh meyakinkan majikan-majikan, supaya pelajar-pelajar keluaran YPJ memang betul-betul jempol, berkualiti.

Y.B. Dato' Speaker : Jempol.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Jadi, kita minta, ya, cap jempol (ketawa). Jadi, macam mana?

Y.B. Dato' Speaker : Cap jempol, tak kisahlah.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Dari segi peranan YPJ dalam konteks ini. Terima kasih Pengerusi.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan Dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk menentukan bahawa pelajar-pelajar keluaran KPYPJ ini diterima oleh industri, KPYPJ sebenarnya banyak mengadakan program-program dengan kerjasama daripada IPTA-IPTA tempatan seperti UTM dan juga UiTM dan diploma dikeluarkan oleh IPTA-IPTA tersebut. Dan, daripada maklum balas yang kita terima daripada pelajar-pelajar yang belajar, yang pernah belajar di KPYPJ, mereka sebenarnya juga diterima di peringkat industri.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan dari Skudai. Yang Berhormat, memandangkan usaha kerajaan untuk menjayakan projek Iskandar Malaysia untuk menarik kapital dari pelabur asing. Iaitu saya berasa menunjukkan satu institusi IPT khasnya yang menunjukkan integrasi di antara semua kaum, semua anak Malaysia dan anak Johor adalah amat penting. Oleh itu, saya nak bertanya, apa usaha yang dilakukan oleh IPT di bawah YPJ untuk memupuk integrasi di antara semua anak Malaysia dan anak Johor?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya KPYPJ memang sentiasa mengorak langkah untuk menentukan bahawa kolej ini juga dapat memenuhi keperluan tenaga kerja di Wilayah Iskandar ini. Sepertimana kita maklum bahawa baru-baru ini, KPYPJ telah pun juga menandatangani satu MOU dengan Universiti Malaysia Sabah dan juga Universiti Malaysia Pahang untuk kursus peringkat Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, Pengurusan Perhotelan. Dan, KPYPJ sebenarnya merupakan sebuah kolej bukan untuk satu bangsa tetapi untuk semua bangsa dalam negara kita. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, jemput.

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 3. [Berapakah jumlah graduan yang masih menganggur? Apakah bidang? Apakah usaha kerajaan membantu siswazah menganggur menceburi bidang perniagaan dan perkhidmatan?]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, berdasarkan penyiasatan Tenaga Buruh yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Bilangan graduan yang menganggur di Malaysia pada tahun 2007 adalah dianggarkan 53,500 orang. Daripada jumlah tersebut, bilangan penganggur di Negeri Johor adalah dianggarkan sebanyak 2,600 orang. Bidang pengajian Perniagaan dan Pentadbiran mencatatkan bilangan graduan menganggur yang tertinggi di Malaysia pada tahun 2007 iaitu 17,600 orang, pada tahun 2007. Untuk makluman tambahan Dewan yang mulia ini, bilangan siswazah yang menganggur mengikut bidang pengajian terpilih Malaysia 2007 adalah selain daripada Perniagaan dan Pentadbiran iaitu 17,600 orang, untuk Komputer dan Teknologi Maklumat, 9,400 orang; untuk Kejuruteraan, 8,200 orang; untuk Sains Sosial dan Sains Gelagat, 3,300 orang; untuk Latihan Kemahiran, 1,900 orang dan lain-lain, 13,100 orang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi makluman Dewan yang mulia ini, sehingga 31 Mei 2008, terdapat seramai 7,304 orang graduan yang merupakan pencari kerja berdaftar di bawah Sistem Penjodohan Pekerjaan, dengan izin, *Job Clearing System* dipanggil JCS.

Y.B. Dato' Speaker : Apa itu, lagi sekali tak terang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : *Job Clearing System*, jadi melalui JCS ini, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, JCS.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Tak, *Job Clearing System* (JCS). Melalui sistem ini, ia merupakan satu aplikasi di bawah Bursa Buruh Elektronik atau dengan izin, dipanggil *Electronic Labour Exchange,* di mana Sistem Penjodohan Pekerjaan Automatik atas talian yang disediakan oleh Kementerian Sumber Manusia didapati seramai 7,304 graduan yang merupakan pencari kerja. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, Skim Latihan Graduan yang dikendalikan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad, kebanyakan graduan ini adalah dari bidang-bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi Perniagaan, Pengurusan dan juga Jualan dan Pasaran.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan amat prihatin di atas situasi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari DUN kawasan Jorak. Oleh yang demikian, kerajaan telah mengambil beberapa langkah sebagai usaha untuk membantu siswazah yang menganggur menceburi bidang perniagaan dan perkhidmatan. Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah :

i. Skim Tabung Ekonomi Belia. Tabung Ekonomi Belia ini telah ditubuhkan pada tahun 1987 dengan matlamat untuk menyediakan pembiayaan kepada golongan belia termasuk graduan yang menjalankan usaha niaga dalam pelbagai bidang. Kemudahan pembiayaan ini disediakan bagi memulakan dan mengembangkan perniagaan. Jumlah pembiayaan yang ditawarkan adalah sebanyak RM5,000.00 hingga RM50,000.00 dengan syarat-syarat tertentu.

ii. Selain itu, kerajaan juga telah menubuhkan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) yang merupakan Badan Nasional Pembangunan Usahawan Bumiputera. Satu skim yang dinamakan sebagai Skim *Prosper* Siswazah telah diwujudkan dengan tujuan untuk menyediakan kemahiran dan pengetahuan kepada graduan bumiputera untuk menceburi bidang perniagaan. *Prosper* Siswazah menyediakan pembiayaan antara RM5,000.00 hingga maksimum sebanyak RM100,000.00 dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk membantu graduan di dalam bidang keusahawanan. Walau bagaimanapun, saya suka mencadangkan agar graduan-graduan ini bertindak pro-aktif dengan menjadi ahli kepada persatuan-persatuan graduan Malaysia yang akan membantu mewujudkan rangkaian perniagaan.

Y.B. Dato' Speaker : Kasi, Jorak dulu.

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Terima kasih Dato' Speaker. Saya ingin bertanya, agaknya mengapa para siswazah-siswazah ini tidak mendapat kerja sedangkan pihak kerajaan sudah pun mewar-warkan bahawa ICT, Multimedia sebagainya merupakan suatu bidang pekerjaan yang sangat luaslah, mereka akan mendapat kerja. Tetapi rupa-rupanya inilah bilangan pelajar yang paling ramai sekali menganggur. Dan yang keduanya, saya ingin tahu juga berapakah jumlah siswazah yang telah pun mengambil skim-skim yang telah disebutkan tadi? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, bila menjawab tentang bilangan yang mengambil peluang daripada skim-skim yang ditawarkan, saya tidak mempunyai statistiknya. Walau bagaimanapun, berhubung dengan peluang-peluang yang diberikan oleh pihak kerajaan bagi graduan-graduan ataupun siswazah untuk mendapatkan peluang pekerjaan, pihak Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor telah mengadakan Karnival Pekerjaan pada 12 dan 13 April yang lalu. Di mana di Karnival Pekerjaan tersebut, 57 majikan telah hadir ke karnival tersebut dan seramai, jawatan untuk siswazah sebanyak 3,099 jawatan telah ditawarkan. Tetapi cuma 959 yang ditempatkan. Jadi, dalam keadaan ini kita kena tengok kepada kenyataan bahawa ada banyak kriteria-kriteria yang tidak dipenuhi oleh pemohon-pemohon. Sebagai contoh, kurang pengalaman, pengalaman yang ada, tiada kaitan dengan jawatan, kelulusannya tidak sesuai untuk jawatan yang dipohon, tidak boleh berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris, tiada kemahiran berkomunikasi, tiada keyakinan diri, banyak lagi. Jadi, kadang-kadang, sekarang ini, Jabatan Tenaga Kerja kita sedang merangka untuk kita menyediakan, menyediakan penganggur-penganggur khususnya siswazah ini supaya mereka ini lebih bersedia apabila hadir ke temu duga supaya mereka ini dapat ditempatkan. Itu tadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, 3,099 jawatan untuk siswazah tetapi kita cuma boleh tempatkan 959 orang. Di mana dalam karnival tersebut 959 orang ini terus ditempatkan, di temu duga situ, tawaran terus diberi. Jadi, kerajaan mengambil usaha yang begitu yakin, begitu selesa untuk memberi peluang kepada graduan-graduan ini. Tapi, cuma kadang-kadang mereka ini tidak memenuhi kriteria sepertimana yang saya sebutkan tadi.

Y.B. Dato' Speaker : Parit Yaani dulu.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Graduan yang masih menganggur ini biasanya oleh kerana sikap cerewet. Maksud cerewet ini ialah mereka ini terlampau pandai nak pilih kerja, ini tak sesuai, itu gaji tak cukup, kadangkala yang mata pelajaran yang dipelajari itu tak sesuai dengan bidang perniagaan dan juga perkhidmatan. Saya ingin nak tahu, sejauh manakah kerajaan mengambil langkah untuk memperbaiki keadaan dan menyelesaikan masalah ini sebelum masalah menganggur ini diselesaikan? Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Terima kasih kepada soalan tambahan tadi. Tadi sepertimana yang saya sebut tadi, kerajaan sekarang sedang melalui beberapa agensi-agensi yang terdapat di bawah Jabatan Tenaga Kerja, kita sedang mengenal pasti melalui JCS yang saya sebutkan tadi, *Job Clearing System* tu dalam sistem tersebut kita mendapat, kita dapat maklumat bahawa siapa pencari kerja dia, apa alamat dia, apa nombor telefon dia, apakah kelulusan dia. Jadi dalam keadaan sedemikian, kita memanggil mereka, memanggil mereka dan memberi pendedahan sepertimana saya sebut tadi, supaya mereka ini sesuaikan diri dengan keadaan semasa. Sebagai contoh, di Iskandar Malaysia, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita mempunyai penawaran pekerjaan-

pekerjaan yang lebih berupa kepada industri dan juga lain-lain pekerjaan yang mungkin tak sesuai dengan kelulusan mereka. Tapi kita, memanggil pencari-pencari kerja ini, untuk memberi pendedahan tentang apakah pekerjaan-pekerjaan yang ada, sedia ada, dan mereka ini perlu menyesuaikan dirilah dalam keadaan ini. Jadi, dalam keadaan ini saya juga menyeru kepada Dewan yang mulia ini, juga kepada orang-orang awam, sesiapa saja supaya pergi ke Jabatan Tenaga Kerja, daftarkan diri ataupun tidak payah pergi pun, pergi kepada *website* JTK, daftarkan diri di bawah *Job Clearing System* di mana, ini bukan sahaja mereka daftar semata-mata, tapi majikan juga boleh mendapat maklumat tentang pencari-pencari kerja. Jadi perkara ini dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Benut.

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato', ada juga terdapat keadaan di mana, mereka yang dah bekerja khususnya sebagai kakitangan kerajaan, yang mungkin atas sebab tempat mereka bekerja sekarang tidak selesa, atau mungkin atas sebab gaji yang tidak begitu mencukupi, juga memohon jawatan yang dibuka di agensi-agensi lain, dan ini menyekat peluang kepada mereka-mereka yang jadi penganggur yang mungkin belum mendapat pekerjaan. Adakah kerajaan bersedia untuk membuat suatu pendekatan agar menghalang pekerja-pekerja ataupun kakitangan kerajaan memohon jawatan yang serupa di jabatan-jabatan lain sekiranya ada tawaran ataupun peluang pekerjaan baru. Itu yang pertama Yang Berhormat. Yang kedua, kita difahamkan...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Satu ketika..

Y.B. Dato' Speaker : Dia satu soalan je boleh dikemukakan.

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Ya Yang Berhormat berkaitan, berkaitan, maksud saya dia ada dua je.

Y.B. Dato' Speaker : Ha tak payah yang dualah. Yang Berhormat cakap terus ajelah. Kedua makna dua.

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Jadi, maknanya bila kita lihat pelbagai Dato' Speaker, pelbagai syarat-syarat dikenakan, contoh apa usaha kerajaan dalam bila Bahasa Mandarin juga satu ketika dahulu disyaratkan oleh syarikat-syarikat swasta, jadi langkah-langkah, apakah langkah-langkah yang dibuat oleh kerajaan untuk mengurangkan syarat-syarat yang tidak perlu untuk mengambil pekerja oleh kerana *job matching* ataupun perkara-perkara yang bersabit dengan soal mengurangkan pengangguran. Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dia belum jawab Yang Berhormat nak bangun. (Dewan Ketawa). Macam nak jawab aje.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya rasa soalan tersebut...

Y.B. Dato' Speaker : Tak kisahlah itu hak dia.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Soalan tersebut lari daripada soalan asal. Ini mengenai siswazah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh lari ha. Dia kata lari daripada soal asal. Dia tak jawab.

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Ini bagaimana untuk kita nak mengurangkan pengangguran. Soalannya macam mana kita nak mengatasi masalah pengangguran. Yang mohon ini orang yang dah bekerja ni khususnya di jabatan kerajaan ni yang nak mohon di jabatan kerajaan yang lain jika berlaku kekosongan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha yalah. Apa lagi Yang Berhormat?

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Yang Berhormat?

Y.B. Dato' Speaker : Ha oklah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Saya tidak mempunyai maklumat itu.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Oh tak dapat maklumat. (Dewan ketawa) Ok. *Last*.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Kempas.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Ini bukan soalan, nak tanya tadi.

Y.B. Dato' Speaker : Kalau bukan soalan duduk. (Dewan ketawa)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Ini (a) kecil kemudian ada (a) besar pulak.

Y.B. Dato' Speaker : Soalanlah tu.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Tak ada soalan dia. Tadi dia sebutkan tadi 17,600 graduan menganggur itu, ini kemudian yang *last* sekali, yang lain-lain. Tolong jangan kata lain kali kalau ada, minta jangan yang lain-lain. Yang lain-lain tu macam *hanging.* Tak tahu apa.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, soalan tadi.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya nak tahu yang lain-lain tu apa. Apa dia?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat. Yang Berhormat menyoal dia bukan dia soal...

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Soalan saya tadi ada menyebut tentang graduan-graduan yang menganggur cuba nak diserapkan dalam bidang perniagaan, contohnya seperti Skim Tabung Ekonomi Belia dan juga PUNB pinjaman RM5,000.00 hingga RM50,000.00, kemudian RM5,000.00 hingga RM100,000.00. Kita tahu graduan ini baru keluar, *fresh,* tak ada apa-apa pun. Kalau dia nak mulakan perniagaan dia mesti ada duit modal. Ada tak kerajaan nak membuat pendekatan supaya memberikan galakan dengan memberikan modal supaya mereka ini dengan pengalaman dan juga kelayakan mereka ini boleh menyahut akan seruan ataupun bantuan-bantuan skim yang diadakan oleh kerajaan ini. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker. Kalau kita tengok kepada skim-skim yang ditawarkan ini, ada juga skim di mana dia membantu menawarkan untuk dapatkan modal. Ada, memang ada. Memang ada skim-skim di mana kerajaan memberikan peluang untuk mendapatkan modal untuk memulakan perniagaan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Terima kasih Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Dato' Speaker, yang lain-lain tadi saya nak minta tahulah. Yang lain-lain tadi.

Y.B. Dato' Speaker : Itu beritahu kemudian eh, yang lain-lain. Di luar Dewan nanti. Ok, ok. (Dewan ketawa). Itu panjang tu lain-lain tu, banyak. Yang Berhormat Encik Ong Kow Meng, jemput.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan ke-4. [Pemberian diskaun sebanyak 15 peratus bagi pembelian hartanah secara terus bagi projek-projek perumahan yang baru. (a) Bolehkah bagi kaum bukan bumiputera yang berpendapatan tidak melebihi RM1,500.00 sebulan bagi setiap keluarga mendapat hak pemberian diskaun sebanyak 15 peratus ke atas harga pembelian hartanah baru yang dibeli secara terus dari pemaju-pemaju seperti yang dinikmati oleh kaum bumiputera. (b) Sekiranya permohonan pemberian diskaun seperti di atas dianggap terlalu banyak, bolehkah pihak Kerajaan Negeri memberi peruntukan pada satu kadar diskaun yang munasabah bagi pembeli-pembeli kaum bukan bumiputera yang berpendapatan rendah iaitu tidak melebihi RM1,500.00 mengikut Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum? (c) Bolehkah kadar diskaun dikaji semula atau dikurangkan bagi pembeli hartanah di kalangan kaum bumiputera yang mempunyai pendapatan bulanan melebihi RM10,000.00 ke atas?]

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker. Dasar penjualan unit-unit hartanah bumiputera dengan memberi potongan harga 15 peratus itu tadi,

bertujuan memberi peluang kepada kaum bumiputera membeli hartanah, selain rumah kos rendah dan sederhana rendah sahaja daripada pemaju, mengikut harga yang mereka mampu. Usaha ini dilaksanakan bagi mengimbangi kepentingan dari segi pemilikan hartanah seperti yang saya nyatakan tadi, berbentuk rumah kediaman antara kaum bumi dengan bukan bumi di negeri ini. Setakat ini Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk mengubah polisi yang sedang dilaksanakan, kerana ternyata pelaksanaan dasar ini sedikit sebanyak telah pun terbukti membantu mengurangkan jurang pemilikan hartanah antara bumi dan bukan bumi.

Y.B. Dato' Speaker : Ya. Ha Skudai dulu. Anu, *right.*

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat. Terima kasih atas jawapan yang ringkas ini. Sebenarnya, soal yang terpenting bahawa adalah merujuk kepada prinsip Dasar Ekonomi Baru yang mana membasmikan kemiskinan tanpa mengira bangsa adalah satu dasar yang utama sekali. Tanpa disedari bahawa di negara ini khususnya di Negeri Johor, terdapat banyak orang-orang yang bukan bumiputera yang amat menderita dari segi ketidakupayaan untuk membiayai pembelian harga hartanah-hartanah yang kian bertambah harga. Oleh kerana ini saya nak tanya, kenapa orang yang bukan bumiputera yang dengan pendapatannya kurang daripada RM1,500.00 sekeluarga, tidak dibenarkan untuk diberikan diskaun sedemikian seperti orang-orang bumiputera yang juga miskin sesama seperti mereka.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker. Tadi saya telah jelaskan bahawa, saya juga ingin menjelaskan bahawa kalau kita tengok rata-rata di negara kita ini ataupun di negeri kita ini Yang Berhormat Dato' Speaker, iaitu kuasa untuk membeli ataupun apa ini, *purchasing power,* dengan izinlah, antara bukan bumi dengan bumi, kalau nak dibandingkan adalah jauh berbeza lagi. Sebab itu dasar ini kita laksanakan, misalannya kalau-kalau disebut apa ni, *purchasing power,* dengan izin, oleh bukan, bukan bumi mungkin RM5,000.00, RM6,000.00 tetapi nak dibandingkan dengan bumi RM2,000.00 apa tu RM1,500.00.

Saya faham bahawa di dalam masyarakat kita ini, ada juga masyarakat bukan bumi yang jatuh dalam kategori yang miskin ini ataupun yang kurang mampu ini yang apa ini *income* dia atau pendapatan dia memerlukan bantuan. Sebab itu juga kita ada mekanisme-mekanisme yang lain, seperti misalannya rumah kos rendah dan kos sederhana rendah itu tidak terikat kepada diskaun, itu sama. Dan kita juga boleh merangka kaedah-kaedah lain untuk mengatasi masalah ini. Bayangkan kalau dasar ini tidak adalah, tidak dilaksanakan oleh kerajaan, cuba kita bayangkan hari ini, kalau boleh Ahli Yang Berhormat daripada Senai, pejam mata bayangkan bandar Johor Bahru agaknya Taman Pelangi, Taman Sri Tebrau dan taman-taman yang lain tu agaknya. Macam mana agaknya? Komposisi penduduk yang ada pada hari ini. Dan adakah itu menggambarkan keadilan dan sudah tentunya dalam masyarakat yang kita bercampur ini selalu saya cakap, kepimpinan kita cukup bijaksana dan penuh berhikmah, kalau kita *study* sejarah latar belakang negara ini.

Sebab itu dengan falsafah pentadbiran yang ada dilahirkan oleh kepimpinan dulu itu yang kesinambungannya sehingga hari ini, terbukti negara ini walaupun kita terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain. (Dewan ketawa) Tetapi kita tetap, tetap hidup dalam keadaan yang aman dan damai. Dan *disparity* ini ataupun *income gap* ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, di antara kaum ini masih lagi luas dan per kapita *income* pun masih lagi jauh berbeza. Dan inilah usaha-usaha yang perlu, kita dekati. Pendapatan kaum bumi masih lagi di peringkat RM2,000.00 ke bawah. Ini kita kena ambil kira supaya pada keseluruhannya kita boleh hidup dalam keadaan aman dan damai dalam masyarakat yang bercampur ini, adil dan saksama. Itulah, inilah formula kita, sebab itu dulu, kalau kita ingat Tun Dr. Mahathir selalu cakap, kita ikut acuan kita, inilah. Tapi hari ini, ok Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, seumpama peribahasa Melayu berkata 'Janganlah terhantuk baru tengadah'. Bawa satu persoalan, iaitu Pangsapuri Blok 4, Taman Jaya, Skudai telah disahkan tidak selamat diduduki sebab keretakan bangunan itu dan 40 keluarga lagi masih mendiami bangunan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dia soal asal kita mintak...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ada, ada berkaitan sebab, saya juga membawa tawaran untuk penduduk sana membeli kos rendah yang berharga lebih kurang RM35,000.00, tapi mereka kata mereka tidak mampu. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu yang 100 peratus penduduk sana adalah bumiputera untuk membeli rumah baru atau mencadangkan Syarikat Perumahan Negara berhak untuk mengambil alih memulih baik semula bangunan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Ini sudah cerita rumah. Yang Berhormat nak jawab, kalau ikut ni dia lari, pada saya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau nak ikut peraturannya dah jauh dari soalan asal. Tetapi tak apalah, kita dalam Dewankan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha.. bagus, *gentleman*.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Kita nak membangunkan negara, dalam konsep Malaysia yang berbilang kaum ni.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ehem... (Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Projek Flat Taman Jaya Skudai, adalah projek swasta yang dibangunkan dan kita tahu bahawa itu adalah kelemahan dari segi teknikal yang dibina oleh pemaju pada ketika itu, ini projek pada 1980-an kalau tak silap saya. Dan kita pun telah menangani masalah ini. Kita tahu sekarang ada lebih kurang 33 keluarga yang masih duduk dalam satu blok yang keadaannya memang tidak selamat untuk diduduki. Mereka ini telah pun ditawarkan untuk membeli rumah murah, hanya separuh sahaja yang setuju iaitu yang menyewa. Yang membeli ini, yang masih tinggal separuh lagi dalam blok ini hendakkan ganti rugi. Pada hal ini projek-projek swasta tetapi tak apalah, itu pun saya mintaklah Ahli Yang Berhormat, ini kita hendak menyelesaikan masalah bukan hendak jadi *champion*, hendak menimbulkan isu, tidak. (Dewan Bertepuk) Kerajaan Barisan Nasional memang selalu mendekati masalah ini dengan kerjasama semua orang, termasuklah Ahli Yang Berhormatlah, untuk kita sama-sama menyelesaikan permasalahan ini. Insya-Allah saya cukup berkeyakinan kalau kita ada kerjasama dengan semua orang kita dapat menyelesaikan masalah ini tanpa kita menjadikan ini satu isu politik. Itu yang paling mustahak, kita hendak bekerja, bukan hendak menimbulkan isu politik dan hendak menjadi jaguh, satu daripada permasalahan yang timbul.

Y.B. Dr. Boo Chen Hau (Skudai) : Ini bukan isu politik, ini berkaitan dengan nyawa manusia.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, itu dia jawab dah ok, dia tak boleh bahas, ya Benut.

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya kira kerajaan kitalah dari segi usaha untuk memberi diskaun ini, memang mengambil langkah yang begitu adil dan saksama. Orang di Pontian Yang Berhormat Dato' Speaker, tidak ada masalah, bangsa-bangsa apa pun. Dia tak ada masalah dari segi diskaun, setuju dan rasa selesa atas usaha kerajaan. Jadi...

Y.B. Dato' Speaker : Di mana tu?

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Di Pontian, di Benut Dato' Speaker. Walau bagaimanapun, pada keadaan-keadaan dimana Yang Berhormat Dato' Speaker, pemaju mendapat sedikit keistimewaan dalam pemilikan tanah, kemudian hendak dibangunkan dengan projek-projek perumahan secara komersil ni. Diskaun itu adakah berbeza dengan tanah yang dibangunkan di mana pemaju membeli pada harga komersil, berbanding dengan pemaju-pemaju yang mendapat keistimewaan dari segi pemilikan tanah seperti agensi-agensi kerajaan sebagai contoh yang menjadi pemaju dalam masa yang sama. Diskaunnya adakah sama dalam keadaan dari segi dasar, dari segi polisi ada perbezaan?

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Speaker, boleh ulang tak?

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Dari segi diskaun yang kita perkenalkan, dasar yang kerajaan amalkan, adakah terdapat perbezaan antara pemaju yang mendapat tanah untuk membuat pembangunan daripada kerajaan, berbanding dengan pemaju yang memberi diskaun membangunkan di atas tanah komersil yang dibeli secara komersil.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat ni pemaju tak?

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Tak pernah Yang Berhormat Dato' Speaker. Insya-Allah saya jadi pemaju Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, semua diskaun, mekanismenya sama, iaitu 15 persen tu memang dapat diberikan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Allah kesian pulak, oklah. Ha... sekejap dah ternampak saya kasi.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Pengerusi Perumahan dan Kerajaan Tempatan, soalan saya sekarang, saya ingin tahu ada setengah pemaju syarikat perumahan terutama sekali tentang penjualan kedai. Saya tahu ada syarikat perumahan yang kaum Cina dia memberi potongan sampai 20 peratus, 25 peratus pada kaum Cina, kaum dia sendiri tanpa pengetahuan kerajaan. Persoalan sekarang Parti DAP mengatakan bahawa mempersoalkan potongan 15 peratus pada kaum bumiputera, sedangkan syarikat perumahan kaum Cina, setahu saya di Kota Tinggi, dia secara senyap-senyap memberi potongan 20 sampai 25 peratus. Apa sebab kaum Cina mempersoalkan potongan 15 peratus?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat itu soalan dia, soalan Yang Berhormat?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Oleh sebab itu, saya mencadangkan kerajaan supaya potongan kepada kaum Bumiputera ini naik sampai 20 peratus bagi memenuhi kurang rakyat kaum Bumiputera untuk mendapat pembelian kedai yang saya anggap pada hari ini telah meningkat kos harga ini dan amat sesuai untuk 15 peratus kepada 20 peratus.

Y.B. Dato' Speaker : Oh...tambah lagi, ok. Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya secara rasminya tidak maklumlah, secara rasminya. Tetapi kalau betullah ada bukti yang boleh didapati, saya harap perkara ini dapatlah dilaporkan kepada pihak berkenaan.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Bentayan. Oh, hai *you* eh.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Adakah saudara baru dianggap status bumiputera dan adakah mereka layak menikmati diskaun sebanyak 15 persen.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.. saudara baru eh.. saudara lama tak dapat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Mereka dianggap sebagai bumiputera.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, ok, habis. Yang Berhormat Dato' Haji Baderi bin Dasuki jemput. Yang Berhormat soal pulak.

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 5. [Majlis Agama Islam difahamkan mempunyai dana yang banyak yang sekarang ini disimpan di bank-bank dalam bentuk simpanan tetap. Apakah tidak ada usaha-usaha pihak Majlis untuk melaburkan dana tersebut dengan membeli kedai-kedai lot Bumiputera untuk mempertingkatkan pemilikan harta orang Islam di Johor].

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmaanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam, lain Pengerusi Agama eh..

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari kawasan Panti. Majlis Agama Islam Negeri Johor melalui Baitulmal, sebenarnya telah membeli dan memiliki bangunan-bangunan rumah kedai di lokasi-lokasi tertentu. Pembelian ini juga adalah sebagai sumber ekonomi kepada Majlis di mana bangunan ini disewakan kepada orang ramai. Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa ini Majlis Agama Islam Negeri Johor telah memiliki sebanyak 147 unit rumah kedai di seluruh Negeri Johor yang butirannya adalah seperti berikut : Bagi daerah Johor Bahru sebanyak 19; daerah Muar, 32; Batu Pahat, 39; Kota Tinggi, 12; Segamat, 12; Pontian, 33 dan kesemuanya sebanyak 147 unit. Namun demikian Yang Berhormat Dato' Speaker, pelaburan dalam bentuk pembelian aset perlu dibuat dengan berhati-hati dengan melihat kepada lokasi yang strategik, jangkaan pulangan hasil dan juga kos penyelenggaraan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Cik Lim Kee Moi, jemput.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 6. [(a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri membantu penternak-penternak ayam memandangkan kos pengeluaran naik dengan tingginya sehinggakan menyebabkan kerugian kepada mereka? (b) Apakah langkah-langkah Kerajaan yang diambil untuk mengkaji semula harga ayam bersesuaian dengan kos pengeluaran? (c) Berapa ramaikah penternak-penternak ayam di Negeri Johor mengikut daerah?]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, kenaikan harga input-input pertanian termasuk ternakan, bukanlah isu setempat malahan ketika ini ia merupakan masalah global akibat kenaikan harga minyak yang berterusan. Pergantungan negara kepada bahan mentah seperti jagung, kacang soya, baja ikan dan sebagainya dari luar negara untuk diproses dan dijadikan makanan ternakan menyebabkan kos

pengeluaran ternakan terus meningkat. Pada masa ini kos pengeluaran ayam daging, RM4.30 sekilogram berbanding dengan RM3.70 sekilogram pada awal tahun ini. Kerajaan sedar kenaikan kos pengeluaran telah menjejaskan keuntungan penternak terutamanya penternak ayam untuk mengelak kerugian yang berterusan, ada yang penternak yang terpaksa memberhentikan operasi dan menutup ladang. Oleh itu, dalam usaha untuk menjamin pengeluaran makanan diteruskan, kerajaan telah bersetuju membayar insentif di bawah program jaminan bekalan makanan negara dan kadar bayaran insentif untuk pengeluaran ayam, itik, puyuh, pedaging, penelur adalah seperti berikut:

i. Untuk kategori penternak kecil iaitu di bawah 20,000 ekor adalah RM0.84 setiap ekor.
ii. Untuk kategori penternak komersil, iaitu melebihi 20,000 ekor unggas ialah RM0.28 sen setiap ekor.
iii. Untuk penelur kecil, setiap telur ialah RM0.03 sen sebiji dan untuk komersil yang melebihi 10,000 telur ialah RM0.01 sen sebiji. Dan, keseluruhan dianggarkan jumlah insentif ini sebanyak RM45 juta akan dibayar bagi tempoh mulai bulan ini, Jun bulan ini hingga Disember tahun 2008.

Soalan yang kedua (b). Seperti di dalam makluman semua, ayam merupakan salah satu barang kawalan di mana harga siling ini ditetapkan oleh satu jawatankuasa kawalan harga barang di peringkat Persekutuan yang mana ahli jawatankuasanya terdiri daripada :

i. Jabatan Perkhidmatan Veterinar,
ii. Wakil Pengilang Makanan Ternakan,
iii. Wakil pengeluar-pengeluar dan
iv. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Sekiranya terdapat keperluan, harga semasa akan dikaji semula oleh jawatankuasa ini.

Soalan yang ketiga (c). Di Negeri Johor terdapat 750 penternak ayam yang berlesen di mana pecahan untuk daerah-daerah ialah seperti berikut:

i. Daerah Batu Pahat seramai 216 penternak,
ii. Daerah Muar; 149,
iii. Daerah Pontian; 146,
iv. Daerah Johor Bahru; 78,
v. Daerah Kluang; 75,
vi. Daerah Kota Tinggi; 41,
vii. Daerah Segamat; 45.

Keseluruhan 750. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, adakah itu harga siling patut dimansuhkan memandangkan kos pengeluaran begitu

tinggi, macam itu *steel* boleh dimansuhkan harga siling? Mengapa ayam tak boleh?

Y.B. Dato' Speaker : Ha, kenapa ayam tak boleh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Seperti dimaklumkan, bahawa harga siling ini dikawal oleh jawatankuasa di peringkat Persekutuan dan Kerajaan Negeri tidak ada kuasa tentang harga siling ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Othman bin Haji Yusof, jemput. Ini dia.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 7. [Satu tindakan terancang perlu bagi mengatasi masalah makhluk perosak "monyet" yang jumlahnya beribu-ribu ekor di sekitar kawasan Kukup. Masalah ini telah menjejaskan sumber ekonomi rakyat dan dikhuatiri menimbulkan masalah keselamatan (serangan monyet) dan pembawa wabak penyakit.]

Y.B. Dato' Speaker : Segak.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menangani masalah konflik monyet di peringkat Negeri Johor, pihak jabatan...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, kuat sikit Yang Berhormat. Tak berapa dengar. Bunyi dia tu kuat sikit.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Perhilitan Negeri Johor mempunyai Pelan Tindakan Pengurusan Kera yang mana kawasan-kawasan aduan yang serius telah dikenal pasti untuk tindakan secara berterusan dan dijadikan kawasan *hot spot* dengan izin, untuk diselesaikan dalam jangka masa 6 bulan setelah aduan diterima. Di kawasan Kukup misalnya, kawasan Serkat Laut, anggaran populasi kira-kira 300 hingga 350 ekor telah dikelaskan sebagai zon serius untuk diambil tindakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, manakala bagi kawasan lain di Kukup seperti Serkat Timur adalah 300 ekor, Taman Negara Tanjung Piai 250 ekor dan Kampung Perpat 150 ekor. Tindakan tangkap pindah secara berkala dan berkelulusan akan diambil oleh pihak jabatan. Kawasan-kawasan hutan persisiran pantai dan hutan-hutan lain di kawasan Kukup merupakan antara habitat semula jadi utama bagi monyet-monyet liar di Kukup. Jadi, tindakan proaktif dan kerjasama daripada semua pihak yang terlibat adalah sangat diperlukan bagi menangani masalah monyet liar ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, apa beza monyet dengan kera?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Dia tak ada beza, tiada banyak beza tetapi beruk itu ada beza.

Y.B. Dato' Speaker : Beruk apa? Apa beza beruk?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Dia boleh digunakan dilatih untuk memanjat pokok dan petik....

Y.B. Dato' Speaker : Oh, itu beruk. Monyet dan kera tak boleh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Tak,tak boleh.

Y.B. Dato' Speaker : Oh. Yang Berhormat pakar beruk dan monyet jugalah ye. Ok. Kukup.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Terima kasih Dato' Speaker. Saya lihat di kawasan DUN Kukup, saya rasa jumlah yang diberi itu rasanya, adakah pernah buat atau pengiraan secara ataupun apa yang Berhormat katakan tadi tu secara rambang? Kalau manusia ni boleh...

Y.B. Dato' Speaker : Dikira ya.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Dikira sebab pada jumlah tu saya rasa jauh lebih banyak.

Y.B. Dato' Speaker : Ha. Banyak.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Di Serkat ataupun di kawasan Kukup.

Y.B. Dato' Speaker : Monyet dan kera sama mukakan. Kadang-kadang orang yang sama je.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Dato' Speaker tak sama dengan muka saya. (Dewan ketawa)

Y.B. Dato' Speaker : Muka saya lagi cantik.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Jadi, cuma di sana adakah satu sahaja perangkap yang dipasang itu memadai, padahal angka monyet itu di sana begitu banyak sekali dan saya rasa perlu diberi tindakan ataupun tambahan kepada perangkap-perangkap ini. Saya rasa sekurang-kurangnya 10 perangkap perlu di sana. Sekian, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, memang angka yang saya berikan itu adalah angka anggaran, jadi memang habitat ini tidak seperti manusia kita ada bagikan nama ini itu. Memang satu anggaran, jadi cadangan daripada Yang Berhormat daripada Kukup memang baik.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, baik.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Jadi akan memasang lebih lagilah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ada melawat tengok monyet dekat kawasan ni.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Belum.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dia belum pergi.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Terima kasihlah, cadangan yang akan diambil kira. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yang Berhormat. Oklah saya beri satu. Jorak.

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Dah habis masa ni.

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Disebutkan cara nak menyelesaikan masalah monyet ini adalah tangkap dan pindah. Saya ingat ini tak menyelesaikan masalah kerana dia memberi masalah kepada orang lain. Jadi, saya nak tahu kerana tempat saya nampaknya sekarang ni dulu tak ada monyet sekarang ni dah banyak monyet. Adakah cara lain yang dapat dijalankan untuk menyelesaikan masalah ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Cara memang yang dipraktikkan hingga sekarang kita pindah, tangkap pindah kepada hutan simpanan, seperti hutan simpanan ke Hutan Taman Negara, Hutan Simpanan Moakil di mana yang dianggap sesuai untuk pindah di tempat itu. Dan buat masa ini belum ada cara lain yang lebih baik kerana kita tak boleh hantar semua kepada ke Zoo yang memang tak cukup tempat untuk...

Y.B. Dato' Speaker : Kalau hantar Zoo macam manalah agaknya Yang Berhormat ya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Tak cukup.

Y.B. Dato' Speaker : Tak praktikal ya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Jadi, ini cara yang dapat kita praktikkan. Ini cara yang buat masa ini dianggap sesuai dan tepat.

Y.B. Dato' Speaker : Ha ni. Oklah.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat (Bukit Serampang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih penjelasan tadi. Cuma isu monyet ini lebih-lebih lagi isu monyet zaman ICT ni hebat Dato' Speaker sebab apa, apa yang dijelaskan oleh Pengerusi tadi cerita di taman-taman. Sebenarnya ia melibatkan kampung-kampung pedalaman. Yang saya katakan ICT punya monyet ini tadi, ayam bertelur tu belum sempat ayam tu habis bertelur dia dah tadah tangan daripada (dewan ketawa). Tengok betapa hebatnya ICT monyet sekarang ini Yang berhormat Dato' Speaker, kalau ayam itu boleh bercakap dia bersedih tu, Belum sempat habis lagi, kau dah tadah tangan.

Y.B. Dato' Speaker : Nak ambil ya.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat (Bukit Serampang) : Jadi, soalan saya tadi Yang Berhormat Pengerusi kata pindahkan di apa, di taman-taman sebegini tapi kembali cerita-cerita monyet ini bukan lagi kawasan-kawasan tertentu. Tanyalah mana-mana kampung memang hebat monyet ini. Jadi, saya nak bertanya adakah kerajaan mempunyai rancangan yang pertama, membuka, membenarkan monyet-monyet ini kita *eksport* ke luar negeri. (Dewan ketawa) Sebab apa simpan dekat Zoo pun tak menyelesaikan masalah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ini secara komersil.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat (Bukit Serampang) : Tapi kalau monyet ini satu ketika dahulu, saya ingat dulu mana kerajaan benarkan di*eksport* monyet ni ke luar negeri. Jadi, berebut-rebut orang tangkap monyet ini. Kuranglah dia sikit.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ok.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat (Bukit Serampang) : Tapi sekarang ni, mungkin dia dibawah tertakluk dalam Akta Hidupan Liar yang dilindungi maka berlakulah perkara seumpama ini. Jadi, ini yang saya nak minta penjelasan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Buat komersil.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, memang kita belum ada dasar untuk *eksport*kan monyet dalam kerajaan kita. Dan juga kita tidak membenarkan orang musnahkan monyet juga itu tindakan yang tidak dianggapkan sesuai. Kalau Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau saya tersilap dua hari lepas, di surat khabar telah menyiarkan tentang monyet di Batu Pahat di Padang Ikan Bakar di Batu Pahat telah menjadi satu tempat yang menarik pelancongan juga boleh merupakan satu tempat pusat ekopelancongan di negara kita.

Y.B. Dato' Speaker : Dekat mana itu yang Berhormat? Batu Pahat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Di Batu Pahat kalau tak silap saya. dua, tiga hari lepas surat khabar telah siarkan berita tentang ini dan ramai orang tertarik dengan adanya monyet yang mereka pergi sana belikan makanan dan secara langsung dijadikan satu pusat ekopelancongan juga.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Jadi, ini adalah juga kebaikan dia. Kita faham masalah yang dihadapi kemungkinannya merosakkan sikit harta benda itu tapi tidak...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ataupun tak nak biak, boleh diasingkan monyet jantan tempat lain, monyet betina tempat lain.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Tak ada, tak ada, Yang Berhormat. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Tak boleh ya. Oh, banyak kerja ya. Terima kasih. Ok, soalan-soalan jawapan lisan dah selesai. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya teruskan Persidangan ini, ada satu soalan yang tak dapat dijawab secara lisan iaitu soalan A18 daripada ADUN Senai berkaitan dengan tanah. Perkara kes ini telah pun dibawa ke mahkamah dan akan dibicarakan pada 18 Ogos. Jadi, bila ini berlaku dia tidak boleh ditimbulkan perkara-perkara yang telah pun dimasukkan dalam Mahkamah Tinggi.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya harap saya dibenarkan untuk menerangkan ke..

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, tak boleh Yang Berhormat. Saya....

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Saya rasa perkara ini bukan *sub judice* oleh kerana...

Y.B. Dato' Speaker : Eh *sub judice,* Yang Berhormat yang jadi peguam ni, Yang Berhormat dah bawa mahkamah takkan boleh kerajaan nak jawab dalam kes Dewan Negeri akan menjawab.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Saya nak menerangkan keadaan kes ini. Sebenarnya kes ini dalam mahkamah adalah melibatkan ....

Y.B Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Peraturan Mesyuarat.

Y.B. Dato' Speaker : Nanti kejap. Tak apalah saya benarkan dia sikit je. Cuma saya tak nak larang awak jangan tak kasi cakap, saya beri juga tetapi sebenarnya ini hak saya untuk memutuskan, sekiranya Yang Berhormat tak bersetuju...

Y.B Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, apa cerita?

Y.B Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Perkara 46 (4) keputusan Speaker muktamad.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, itu saya tahulah.

Y.B Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Yang Berhormat tidak berhak untuk membangkitkan perkara.

Y.B. Dato' Speaker : *Government* nak ke mana dan bawa ke Mahkamah. Saya dah *check* dan ni semua ada hantarkan kepada saya, dengan ini saya buat keputusan tolak, tak boleh. Kerajaan tak boleh jawab dalam kes sebab Yang Berhormat juga terlibat sama dalam kes yang berkenaan kepada pemohon-pemohon yang terlibat itu. Jadi kes itu pulak nak bawa ke mahkamah, dah tu kerajaan pulak jawab dalam kes yang telah pun disempurnakan. *So*, itu aje Yang Berhormat.

Yang kedua, ada satu usul daripada ADUN Sungai Abong, mohon rundingan berkaitan dengan untuk menangguhkan mesyuarat Peraturan Tetap Bilangan 29 Di Bawah Perintah-Perintah Tetap Bagi Dewan Negeri Johor Peraturan Mesyuarat Perkara Nombor 29 membincangkan implikasi Keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa bagi isu Pulau Batu Puteh ke atas kedaulatan Wilayah dan juga keperluan mengkaji semula pembangunan Iskandar Malaysia. Dia dalam satu rundingan hanya satu sahaja yang boleh dibawa dalam tiap-tiap satu rundingan tetapi Yang Berhormat telah menyatakan dua perkara yang berlainan. Satu, Pembangunan Wilayah Iskandar dan satu lagi kes Batu Puteh. Jadi kalau ikut peraturan memang tak boleh diterima dalam satu masa dua. Yang kedua, soal surat Yang Berhormat ini, minta maaflah. Saya terima surat Sungai Abong, tanda tangan kat bawah kawasan Maharani eh, jadi ini ada kesilapan teknikal, Yang Berhormat *check* balik eh. Dua, satu surat Sungai Abong, kemudian dengan tak ada tandatangan. Jadi dengan ini, saya juga tolak usul ini, bukan tolak ikut, ikut peraturan eh. Jadi kalau Yang Berhormat tengok balik surat tu, Yang Berhormat dapat lihat ada dua rundingan Yang Berhormat bawa dalam satu surat eh, dan tidak ada tandatangan dan juga surat yang berlainan sedikit.

Mana-mana soal yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama. Jadi terus.

Jurutulis : RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya memohon membawa rundingan bahawa satu ucapan menjunjung kasih dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor seperti berikut: "Ampun Tuanku, adalah patik, Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri yang bersidang pada hari ini mengambil ketetapan menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku berangkat ke Dewan yang mulia dan bertitah merasmikan Penggal Persidangan Yang Pertama Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-12."

Yang Berhormat Dato' Speaker, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam hormat. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan, Yang Berhormat Ahli Ex-Officio, Yang Berhormat rakan-rakan Ahli Dewan Negeri, Yang Berusaha Ketua-Ketua Jabatan, tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas ruang, masa dan kesempatan yang diberikan kepada saya untuk membawa rundingan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda AlMuttawakkil 'Alallah Sultan Iskandar Sultan Yang DiPertuan bagi Negeri Johor dan jajahan takluknya di atas keberangkatannya dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku bertitah merasmikan pembukaan Penggal Persidangan Yang Pertama bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-12 pada hari Khamis 19 Jun 2008 bersamaan 15 Jamadil Akhir pukul 11:30 pagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sesungguhnya titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan Johor perlulah kita amati, hayati dan laksanakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya lanjutkan ucapan ini, pertamanya saya ingin sampaikan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang terpilih sekali lagi sebagai Speaker Dewan Negeri Johor. Pemilihan Dato' Speaker jelas membuktikan bahawa Dato' Speaker bukan calang-calang orang.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, ok, terima kasih.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Bukan sembarangan orang. Tentunya Yang Berhormat Dato' Speaker punya pemakaian yang kuat.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, pakai baju.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak sampaikan dua rangkap pantun. Pergi ke hutan mencari nira, dapat sesikat buah peria, Dato' Speaker bijak berbicara, Dewan segar penuh ceria. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Speaker : Nak saya jawab?

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Jawab.

Y.B. Dato' Speaker : Beli kacang panjang, berucap jangan panjang. (Dewan ketawa).

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Pantun yang kedua, Yang Berhormat Dato' Speaker, mudik ke hulu bersama Cik Nyonya, singgah sebentar di Jeram Rompin, Dato' Speaker tinggi budi dan amalnya, sentiasa disayang semua pemimpin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kedua, saya nak sampaikan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang terus diberikan keyakinan oleh pucuk pimpinan untuk memimpin Negeri Johor. (Dewan

bertepuk). Kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sekalung tahniah, sejambak bunga dengan segunung harapan kerana kejayaan memimpin Barisan Nasional dan dapat mencatatkan prestasi yang tinggi jika dibandingkan dengan negeri lain dalam Pilihan Raya yang lalu (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan yang yakin bahawa Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor akan dapat mentadbir Negeri Johor dengan adil serta menjaga kepentingan rakyat dan membawa kemajuan untuk semua. Inilah harapan Baginda Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya yakin dibawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang pasti akan meneruskan pendekatan pembangunan holistik yang akan menjaga kepentingan rakyat tanpa mengira kaum sepertimana yang dibuat sebelum ini. Pendekatan holistik yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan dilaksanakan di Johor telah membawa kesejahteraan lestari seperti yang dinyata dalam puisi ini. Yang kaya pemurah, yang miskin rajin, yang berpangkat ingat, yang berkuasa berjasa, yang tinggi berbudi, yang besar penyabar, yang senang mengenang, yang kuat cermat, yang berani berbakti, yang tua amanah, yang muda menakah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pendekatan ini telah memberikan pembangunan seimbang. Itulah sebab Johor terus diberi keyakinan tinggi oleh rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana memberikan peluang kepada kami untuk terus berbakti kepada rakyat Johor. Insya-Allah amanah dan tanggungjawab ini akan kami pikul dalam usaha membantu dan membela rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, marilah kita bersyukur dengan rahmat dan nikmat yang diturunkan di negara kita. Rahmat dan nikmat ini sesungguhnya sukar ditemui di negara lain. Kita bertuah dianugerahkan bumi yang subur, hasil bumi yang banyak di laut dan di darat. Kita bertuah kerana kita dapat berpayung di Bawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Johor yang sentiasa mengambil berat soal kebajikan rakyat. Kita bertuah kerana dikurniakan pemimpin yang bijak menguruskan negeri dan negara ini. Kita juga bertuah kerana dapat hidup bersatu walaupun rakyat berbilang kaum, budaya dan agama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, inilah keistimewaan kita, inilah kehebatan kita. Kita semua dapat hidup dalam keadaan aman, tenteram dan telah membawa negeri ini ke arah pembangunan yang lebih pesat. Inilah bukti bahawa tolak ansur, toleransi, permuafakatan telah mampu merubah kedudukan sebuah negara kecil, dari negara pertanian menjadi negara yang maju menjelang tahun 2020. Inilah falsafah perjuangan BN daripada dahulu hinggalah kini. Dan ini jugalah landasan yang telah diasaskan oleh pemimpin terdahulu yang telah meletakkan asas yang kukuh sehingga kita dapat hidup dalam keadaan aman, makmur seperti yang ada pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, marilah kita berganding bahu, bergerak senada, seirama membangunkan terus Negeri Johor yang makmur dan permai ini agar dapat dinikmati sama oleh generasi akan datang. Kita kena pelihara kemakmuran dan jangan sekali-kali kita robekkan demi kepentingan yang jumud yang boleh memudaratkan negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam masa yang amat terbatas ini saya ingin bercakap soal yang realiti, soal yang nyata, soal yang ada di hadapan kita. Saya bercakap soal perkara yang berpijak di bumi nyata. Saya terlebih dahulu memohon maaf kalau mungkin kenyataan ini tidak sedap didengar. Kalau ianya pahit, jadikanlah ia ubat, kalau ianya manis, biarkanlah ia terus menjadi dendangan yang menggembirakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, abad dan dekad ini penuh cabaran, penuh rintangan dan halangan. Abad dan dekad ini memperlihatkan pemimpin besar dunia kehilangan arah perjuangan. Dekad ini memperlihatkan pemimpin di dunia ke arah lebih menonjolkan diri menjadi hero dunia, sanggup mengorbankan apa sahaja asal dia dilihat hebat. Sanggup menyerang negara orang atas alasan memerangi keganasan. Ekonomi dunia menjadi kelam kabut akibat percaturan kewangan berkepentingan kenegerian. Akhirnya, seluruh dunia turut sama merasa kepayahan, keperitan hidup dalam abad ke-21.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dekad ini bumi telah bertukar menjadi rumah hijau yang mengeluarkan suhu yang cukup panas. Pemanasan global menyebabkan saban hari kita dengar gempa bumi, ribut taufan, puting beliung, banjir besar, tsunami, tanah runtuh, kebakaran, kemarau dan puluhan bencana yang terjadi di bumi ini. Semua ini berlaku di seluruh pelosok dunia, dari negara yang dikatakan maju seperti di Amerika Syarikat, Australia, negara besar China di Sichuan dan negara miskin seperti di Myanmar dan tidak terlepas negara, negeri dan daerah kita. Inilah cabaran baru yang dihadapi oleh manusia sejagat. Cabaran pemanasan global telah membenihkan krisis baru dunia. Krisis *fuel* dan *food,* dengan izin. Krisis minyak dan makanan. Kedua perkara ini telah menggoncang keyakinan rakyat terhadap pemerintah atau kerajaan. Inilah yang sedang berlaku di seluruh dunia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bukan setakat di negara kita berlaku kegoncangan politik dan krisis keyakinan rakyat tetapi di seluruh dunia. Malah, keresahan rakyat berlaku di setiap pelosok dunia termasuk negara maju dan negara miskin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita bersyukur sekalipun kita tidak terlepas dari cabaran ini, negara masih berada dalam keadaan stabil dan rakyat masih dapat hidup dalam keadaan selesa dan tenteram. Kita juga berterima kasih kepada pucuk pimpinan yang mengambil langkah sesuai untuk menyelamatkan negara pada masa hadapan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walau bagaimanapun keresahan rakyat, kebimbangan masyarakat perlu dibantu. Kita perlu memulihkan keresahan rakyat segera. Kita perlu selesaikan segera isu-isu yang semakin menekan. Mereka risau kebanjiran pendatang asing, bimbang pekerja tempatan terus dibuang. Mereka takut isu jenayah yang semakin meningkat kadarnya. Mereka

tidak puas hati sistem penyampaian yang masih tidak banyak perubahan. Mereka tidak faham kenapa penyeludupan di negara ini kerap lolos dan bobos. Mereka juga tidak faham kenapa di negeri ini soal sampah tidak boleh selesai. Mereka juga semakin tertekan dengan kenaikan kos sara hidup disebabkan kenaikan harga bahan api.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berasaskan kepada kenyataan dan fakta yang saya nyatakan tadi, bahawa kita sekarang berhadapan dengan pelbagai cabaran. Cabaran pemanasan global, cabaran krisis makanan, cabaran krisis minyak serta cabaran mata wang *dollar* Amerika yang jatuh merosot hebat. Perkara ini telah mengubah dimensi politik di negara dan di negeri kita. Kita perlu mengubah pendekatan dan pelan tindakan agar ia sesuai dengan cabaran baru yang perlu kita hadapi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti yang saya sebutkan tadi, kita perlu berpijak di bumi nyata. Kita perlu realistik dan kita perlu praktikal dan kita perlu fokus dalam usaha kita menghadapi cabaran-cabaran baru ini. Jangan terlalu banyak berkhayal, terlalu retorik atau mahu mengambil pendekatan yang popular.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akibat cabaran 3F, *fuel, food and financing* dengan izin, yang kini dihadapi oleh seluruh dunia pada masa kini. Maka tekanan terhadap inflasi di seluruh dunia termasuk negara kita semakin meningkat. Kita dapat merasai kepayahan hidup rakyat negara kita. Yang miskin pekerja, peniaga, pengusaha inilah yang sedang berlaku. Oleh kerana harga naik mendadak yang sesungguhnya bukan menjadi kelaziman di negara kita. Ianya telah mengubah menjadi suasana tidak terancang dan tidak selesa yang mengganggu perjalanan hidup rakyat di negara kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kenaikan harga barang, kenaikan harga perkhidmatan sesungguhnya akan membebankan kehidupan rakyat di negara kita. Kelompok yang terjerumus dalam garis kemiskinan di negara dan negeri semakin bertambah. Perkara ini tentunya akan melebarkan jurang di antara masyarakat, yang kaya akan terus kaya dan yang miskin akan tambah miskin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Allah SWT telah berfirman dalam surah Al-Hasyr ayat ketujuh bermaksud "supaya harta itu tidak beredar antara orang-orang kaya sahaja di kalangan kamu". Dan gurindam Melayu juga ada menyebut, "Wahai anakanda mestika bonda, adil dan benar hendaklah bela, jagalah dengan sehabis daya, supaya hidup beroleh pahala. Sesama makhluk sayang menyayang, besar kecil sama ditimang, sayang tidak pandang memandang, ada tidak berkelang-kelang, kasih tidak pilih-memilih, taat tidak alih beralih".

Yang Berhormat Dato' Speaker, maka saya ingin mencadangkan supaya satu pelan tindakan yang drastik dan komprehensif perlu segera dilaksanakan. Kelompok miskin tegar atau *hard-core poverty* dengan izin perlu dibantu segera sama ada di bandar ataupun di desa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kenaikan harga minyak menyebabkan kuasa beli mereka semakin berkurangan. Saya ingin mencadangkan bagi golongan miskin tegar yang tidak produktif perlu dibantu secara tunai seperti warga emas,

Orang Kurang Upaya, ibu tunggal, bapa tunggal. Bantuan tunai ini segera dan tetap dibuat kepada kelompok ini. Jabatan Kebajikan atau Baitulmal perlu pastikan setiap bulan bantuan tunai ini masuk ke dalam akaun mereka. Jangan sampai ada dua atau tiga bulan baru sekali bayar. Inilah yang kerap saya temui di kawasan saya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mencadangkan bantuan tunai ditambah kepada kelompok ini daripada RM300.00 kepada RM500.00 sebulan. Manakala bantuan persekolahan anak ditambah daripada RM100.00 kepada RM200.00 seorang. Kerajaan juga dikehendaki mempercepatkan mengenal pasti bilangan kelompok yang masih tertinggal, yang perlu dibantu segera tanpa mengira kaum.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi rakyat yang tergolong dalam kelompok kemiskinan biasa, mereka ini perlu dibantu agar kantung keluarga ini sentiasa berduit atau berwang. Projek ekonomi yang *viable* dengan izin, mudah dan menguntungkan perlu segera disusun. Contohnya, di kawasan luar bandar, projek ternakan dan pertanian, manakala di dalam bandar dibekalkan kereta-kereta sorong untuk perniagaan mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mencadangkan agar program membantu kelompok miskin yang sedang berlangsung atau dalam perancangan kerajaan janganlah dijadikan program sambilan atau *part time,* dengan izin oleh jabatan ataupun agensi kerajaan. Apa yang saya perhatikan sekarang ini, kita masih terkial-kial mendapatkan maklumat serta kurangnya penyelarasan di kalangan jabatan di antara jabatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak rakamkan ucapan tahniah kepada Pegawai Daerah Batu Pahat yang kerap mengadakan mesyuarat dan mengaturkan pelan tindakan bagi mengenal pasti kelompok miskin dan membantu mereka ini. Cuma saya tak faham, bagi kawasan Majlis Perbandaran Batu Pahat sejak tahun lepas baru 39 orang sahaja yang dikenal pasti. Barulah saya tahu rupanya dalam kawasan Majlis Perbandaran Batu Pahat sukar nak kenal pasti orang miskin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi rakyat biasa yang terpaksa menanggung beban kenaikan kos sara hidup akibat tekanan inflasi, akibat kenaikan harga bahan api, saya ingin mencadangkan agar langkah-langkah berikut diambil segera :

i. Kerajaan perlu segera menurunkan kadar tol ke paras 40 peratus. Saya yakin syarikat konsesi tol yang lama, yang telah tentunya banyak untung sebab trafik semakin bertambah. Inilah masanya untuk mereka berkorban dalam masa kepayahan rakyat.
ii. Saya ingin cadangkan agar cukai jalan bagi kereta berkuasa 2000cc ke bawah dan kenderaan perdagangan diturunkan.
iii. Cukai import dan cukai perkhidmatan bagi alat ganti kenderaan dan apa-apa cukai perkhidmatan bagi kereta di bawah 2000cc perlu dikaji dan disusun semula.
iv. Bayaran letak kereta juga perlu diturunkan ke paras 40 peratus. Ini akan dapat membantu kehidupan rakyat.

v. Bank dan syarikat kewangan pula perlu memastikan setiap pembelian kereta perlu dikehendaki membayar 30 peratus daripada bayaran harga kereta dan pembelian kereta perlu diperketatkan.

vi. Jabatan Pengangkutan Jalan perlu memperketatkan pengeluaran lesen kereta/motor, jangan terlalu mudah meluluskan pengeluaran lesen.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bayangkan di negara yang berpenduduk 27 juta, kita mempunyai 11 juta kenderaan kereta/motor yang berdaftar. Saya rujuk kenyataan pensyarah ekonomi Universiti Sains Malaysia Profesor Dato' Amin Husssain Baharuddin dalam wawancaranya di Utusan minggu lepas. Kalau inilah statistiknya maka kita akan menempuh cabaran yang lebih besar kalau kita tidak berbuat sesuatu. Dasar pengangkutan awam perlu disusun semula dan langkah-langkah segera untuk meningkatkan kualitinya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi memastikan negara mempunyai bekalan makanan yang cukup, maka saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri segera merangka pelan tindakan pengeluaran makanan negeri yang perlu melibatkan sokongan daripada semua rakyat. Kita perlu melibatkan semua pihak, dari yang kecil hinggalah yang besar, yang kaya dan yang miskin, kita perlu gerakkan, dulu kita war-warkan Buku Hijau. Kita semarakkan semula program Buku Hijau, lepas tu senyap. Yang Berhormat Dato' Speaker, Itu sebab dalam persidangan yang lepas saya sebutkan di Malaysia kita hebat merasmikan dan melancarkan program. Lepas pemimpin balik, program tersebut layu dan sayu. Kita jarang buat tindakan yang berkesan.

Saya ingin cadangkan agar program Buku Hijau dijadikan suatu program massa untuk rakyat Malaysia. Pihak media massa perlu diberi pendedahan, dorongan dan rangsangan kepada rakyat. Ianya boleh dilakukan di taman-taman perumahan, kampung, desa, masjid, tempat ibadah, sekolah dan lain-lain tempat yang sesuai. TV jangan asyik dengan program hiburan siang dan malam yang tidak membina jati diri bangsa. Sekarang ini rakyat tengah berada dalam kepayahan. Mereka ini perlu didorong dan dikuatkan semangat mereka. Saya nak cadangkan RTM dan TV3, tengok dan ikut format TV Korea *KBS World*. Program-programnya boleh membangunkan rakyat. Surat khabar pula jangan asyik cerita artis bercerai, suami madu 3 berjaya kahwin jadi suami madu 4. Apa untungnya cerita ini dalam pembangunan masyarakat?

Y.B. Dato' Speaker : Dapat peluang kita pula. Ada peluang dapat tambah.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang dapat peluang siapa Yang Berhormat?.

Y.B. Dato' Speaker : Rahsia kerajaan. (Dewan ketawa).

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, TV dan surat khabar boleh memberi penerangan dan tunjuk ajar dan dibuat dengan menggunakan kaedah saintifik bagaimana memandu perlahan di bawah 2 RPM boleh mengurangkan penggunaan bahan api. TV dan surat khabar juga boleh memaparkan kejayaan mereka yang terlibat dengan Buku Hijau yang boleh menyara keluarga dan membantu mengurangkan kos sara hidup.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin cadangkan Jabatan Pertanian kena serius dalam melaksanakan program Buku Hijau. Jangan acah-acah aje. Saya yakin jika program ini dibuat dengan lebih tersusun, ia akan berjaya sepertimana negara Australia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada itu, Kerajaan Negeri dikehendaki menggunakan kekuatan yang ada seperti tanah, kepakaran dan kewangan untuk pengeluaran makanan negeri seperti beras, sayur-sayuran, buah-buahan, ternakan. Hari ini kita tidak boleh ambil kira kos berbanding atau *relative cost* dengan izin, dalam menghadapi cabaran krisis makanan. Kita tidak mahu semua tanah digunakan di Johor ini untuk tanaman kelapa sawit. Saya ingin mencadangkan Perbadanan Johor atau mana-mana GLC terlibat secara aktif bagi tanaman padi di Negeri Johor. Kita masih ada tanah yang boleh digunakan untuk tanaman ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara ketiga yang ingin saya sampaikan ialah soal projek Rancangan Malaysia Ke-9. Saya menyambut baik cadangan kerajaan untuk mengkaji semula projek RMK-9 bagi menyesuaikan dengan cabaran kenaikan harga minyak dunia yang melampau dan peningkatan segala kos.

Walau bagaimanapun, bagi projek berkepentingan jangka panjang, seperti sekolah perlu diteruskan. Terutama sekolah-sekolah yang terletak di luar bandar yang masih daif kemudahannya. Begitu juga klinik kesihatan terutama di luar bandar perlu diteruskan oleh pihak kerajaan. Bagi projek yang tidak meresap, bolehlah ditangguh ke Rancangan Malaysia Ke-10.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh kerana kenaikan bahan api yang mendorong kenaikan bahan-bahan binaan, maka saya ingin mencadangkan agar projek mega, projek infrastruktur, jalan, jambatan, bangunan adalah lebih baik ditangguhkan. Kita khuatir kerana tentang kos yang begitu tinggi akan menjejaskan kualiti binaan yang dibuat. Masanya adalah tidak sesuai. Kita boleh senaraikan semula projek ini dalam rancangan yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walau bagaimanapun, projek-projek yang melibatkan infrastruktur saliran perlu diteruskan kerana pemanasan global yang kerap membawa banjir. Ini perlu kita kekalkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan juga bertitah agar semua pemimpin dan rakyat hendaklah berpegang teguh kepada Rukun Negara dan Perlembagaan Negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sesungguhnya amanat Baginda Tuanku Sultan amatlah tepat kerana saya lihat pada masa kini dan ketika ini pemimpin dan rakyat sudah mula melupai Rukun Negara dan Perlembagaan Negara. Kita sudah tidak menghayati Rukun Negara. Kita juga tidak memahami atau sengaja tidak memahami Perlembagaan Negara. Kita juga sudah lupa akan sejarah negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita mula lupa, kita mula leka, kerana gagasan-gagasan universal yang di rencana oleh pihak luar. Gagasan universal atas nama hak asasi, kebebasan bersuara, liberalisme dan globalisasi. Semua gagasan ini bagi sesetengah pemimpin disambut dengan cepat dan mudah tanpa melihat kesesuaiannya di negara kita. Tetapi bagi Rukun Negara, Perlembagaan Negara, sengaja kita lupakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, maka ada kecenderungan di kalangan kita tidak menghayati Rukun Negara dan Perlembagaan Negara tetapi mendewa-dewakan gagasan universal itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Rukun Negara yang digarapkan oleh pemimpin yang mengasaskan negara ini dahulu dengan jelas memelihara dan menjaga kepentingan semua pihak dengan perpaduan menjadi agenda utama serta cara hidup demokratik yang mampu menikmati kemakmuran negara dengan adil dan saksama tanpa melupakan cara hidup tradisi semua pihak untuk membina masyarakat progresif yang menggunakan sains dan teknologi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jika 5 prinsip Rukun Negara ini dapat difahami, tidak timbul perkara-perkara atau tindakan yang boleh menyentuh mana-mana pihak atau mengusik mana-mana pihak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tidak mahu Rukun Negara dan Perlembagaan Negara dirujuk atau dipakai jika ianya berkepentingan sesuatu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan juga bertitah agar kita menolak unsur melampau dari segi kaum atau agama. Inilah yang telah digariskan dalam 5 prinsip Rukun Negara. Semuanya adalah untuk memupuk perpaduan, keharmonian dan tolak ansur antara kaum yang jelas di negara kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, marilah kita kuatkan azam, kuatkan tekad, bulatkan perjuangan agar perpaduan dan kemakmuran yang telah kita sama-sama bina selama ini oleh pemimpin kita dapat diwarisi oleh pewaris pada masa akan datang. Dan sebelum saya akhiri ucapan saya, saya ingin sampaikan pesanan orang tua. Kalau hidup hendak selamat, peliharalah laut serta selat, peliharalah tanah berhutan lebat, di situ terkandung rezeki dan rahmat, di situ terkandung tamsil ibarat, di situ terkandung aneka nikmat, di situ terkandung beragam manfaat, di situ terkandung petua dan adat.

Pesan orang tua-tua lagi, beramu tidak merosakkan kayu, berotan tidak merosakkan hutan, bergetah tidak merosakkan rimba, berumah tidak merosakkan tanah, berkebun tidak merosakkan dusun, berkampung tidak merosakkan gunung, berladang tidak merosakkan padang, di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tak tidur malam eh? Mengarang je ni.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Tak, dah siap seminggu lepas, Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Hebat tu.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya, cabaran masa kini adalah besar dan menuntut pendekatan yang lebih dinamik dan berterusan. Saya masih berkeyakinan bahawa kita mampu melepasi cabaran dan marilah kita berdoa agar negeri ini diberikan kerahmatan, keselamatan dan kemakmuran yang berterusan. Dengan kata-kata itu, saya mohon mencadang. Sekian, wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Perbahasan diteruskan lagi. Ha, Pengkalan Rinting.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana mengizinkan saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan ucapan sokongan kepada rundingan menjunjung kasih di atas titah perasmian oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku, yang dibawa oleh Yang Berhormat dari kawasan DUN Rengit.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kejayaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, Menteri Besar Johor, dapat meneruskan kesinambungan pemerintahan Barisan Nasional di Negeri Johor Darul Ta'zim. Kemenangan Barisan Nasional Negeri Johor di pilihan raya yang lepas melebihi dua pertiga Ahli Dewan Negeri daripada Barisan Nasional. Dalam Dewan yang mulia ini, menampakkan pemerintahan Barisan Nasional, pemerintahan Kerajaan Negeri Johor yang kukuh dan mantap. Dapat kita bersama meningkatkan daya usaha kita bagi Kerajaan Negeri Johor terus berkembang, maju dan semua rakyat dapat menikmati kemudahan dalam pelbagai bidang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini adalah selaras dengan titah perasmian oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku kepada Persidangan Dewan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya adalah Wakil Rakyat yang baru dilantik. Oleh itu, saya memohon agar diberi tunjuk ajar sekiranya ada salah dan juga ada silap sepanjang persidangan ini berlangsung.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengalu-alukan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku yang telah menyentuh mengenai komitmen Kerajaan Negeri Johor untuk terus maju dalam bidang ekonomi yang dapat memberi faedah kepada rakyat, menambah kemudahan awam dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Kenaikan harga minyak dunia dan kenaikan harga beras adalah masalah sejagat. Kita semua sedia maklum dan kesannya dirasai oleh seluruh dunia. Dalam suasana kenaikan harga minyak masa kini, rakyat menanggung beban dan kos sara hidup yang tinggi dan inflasi kian meningkat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, tanggungjawab kerajaan kita bagi meringankan beban yang sedang ditanggung oleh semua rakyat di masa ini. Ada pihak yang mengambil kesempatan daripada kenaikan harga petrol dan diesel ini, dengan menyemarakkan kemarahan rakyat dan berdemonstrasi. Ini boleh merosak suasana harmoni dan keharmonian dalam Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada masa yang sama, kerajaan perlu memastikan prasarana yang cukup bagi rakyat supaya rakyat boleh mengamalkan gaya hidup berjimat cermat. Saya juga memohon agar kerajaan tidak akan membiarkan rakyat menanggung beban kenaikan harga minyak tanpa pembelaan. Jika ekonomi merosot juga lagi, akan menimbulkan rasa tidak selamat di kalangan masyarakat serta berlaku banyak perkara gejala sosial.

Peranan Pihak Berkuasa Tempatan meluluskan lesen-lesen peniaga kecil dan memperbanyakkan ruang-ruang niaga yang difikirkan sesuai agar dapat menampung beban rakyat bawahan seterusnya menjana ekonomi setempat dan negara. Untuk tidak membebankan rakyat lagi, cukai-cukai harta tidak seharusnya dinaikkan buat masa kini oleh Pihak Berkuasa Tempatan serta bayaran lesen-lesen perniagaan juga patut diturunkan untuk mengurangkan bebanan kesan daripada kenaikan harga minyak. Selain daripada itu, selain daripada itu juga Pihak Berkuasa Tempatan perlulah memastikan perlaksanaan projek-projek demi kepentingan rakyat tidak tergendala dengan tidak membelanjakan kos yang lebih tinggi lagi. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga meminta Pihak Penguatkuasaan memainkan peranan lebih aktif terhadap kenaikan harga barang-barang. Pemeriksaan dari premis ke premis perlulah digiatkan dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jika difikirkan penggunaan *Neutral Gas Vehicle*, dengan izin atau NGV boleh memberi penjimatan yang lebih kepada rakyat. Perlulah diputuskan satu kaedah pinjaman khas kepada rakyat bagi membolehkan semua rakyat memasang tangki NGV di kenderaan masing-masing. Selain daripada itu, kerajaan juga perlu membantu penambahan stesen NGV supaya semua kenderaan penggunaan NGV senang mendapat bekalan. Akhir kata, saya berharap kerajaan dapat menyegerakan tindakan-tindakan dan langkah-langkah bagi meringankan beban yang sedang ditanggung oleh rakyat di negara kita ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, banyak taman-taman perumahan yang telah siap diduduki masih lagi tiada laluan kenderaan awam terutamanya bas dalam kawasan taman-taman. Contohnya, di Taman Nusa Bistari II, Taman Jaya Mas, Taman Tan Sri Yaacob di DUN Pengkalan Rinting. Selain daripada itu, saya juga mendapati beberapa tempat di kawasan saya telah diberhentikan laluan perkhidmatan kenderaan bas seperti di Jalan Kolam Air, Taman Kolam Air, Kampung Pengkalan Rinting dan Kampung Pasir.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kenaikan harga minyak boleh menyebabkan orang ramai khususnya pekerja pejabat dan juga pekerja kilang mula ingin menggunakan perkhidmatan kenderaan awam seperti bas. Maka, Kerajaan perlu memberi tumpuan dengan menambah baik mutu perkhidmatan pengangkutan awam agar perkhidmatan kenderaan awam seperti bas dapat diberikan laluan ke semua taman-taman dan juga kampung-kampung khasnya di dalam kawasan DUN Pengkalan Rinting. Saya mencadangkan Lembaga Perlesenan Kenderaan Pengangkutan atau LPKP dapat menyegerakan permit-permit laluan kenderaan awam seperti bas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pangsapuri Bukit Saujana adalah merupakan satu kawasan dalam DUN Pengkalan Rinting dan salah sebuah projek penswastaan kerajaan di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan atau *State Secretary Incorporated,* dengan izin atau SSI. Semasa kempen pilihan raya yang lalu, rakyat kawasan ini telah membangkitkan masalah mereka. Pada tahun 1996, projek yang telah siap dibina diserahkan kepada pembeli oleh pemaju ASM Development Sdn. Bhd. tetapi pemaju mahupun SSI sendiri tidak pernah mengadakan mesyuarat agung membentangkan penyata perbelanjaan tabung penyelenggaraan Pangsapuri Bukit Saujana yang telah diaudit supaya disahkan oleh pemilik unit atau pembeli petak dan ianya mestilah dibuat dalam mesyuarat agung sebagaimana dituntut di bawah Akta Hak milik Strata 1985.

Y.B. Dato' Speaker : Dia kat mana Yang Berhormat, rumah? Tempat dia dekat mana ?

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Di Jalan Yahya Awal.

Y.B. Dato' Speaker : Oh..Bukit Saujana. Ok,ok.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kemudian dalam tahun 2005, pengurusan Pangsapuri Bukit Saujana diserahkan kepada Setiausaha Kerajaan Johor termasuklah tabung atau akaunnya. Tabung penyelenggaraan ini diserap tanpa mengikut peraturan perakaunan yang betul kerana tanpa diserahi, kerajaan telah menerima sebagai hutang-piutang tabung ini yang dikatakan menjejak jutaan ringgit. Penduduk di kawasan itu pula membangkitkan isu kelemahan pihak pemaju atau anak syarikatnya Capital Networks Sdn. Bhd. yang menjadi kontraktor penyelenggara Pangsapuri Bukit Saujana seperti air berkarat, tempat letak kereta tidak mencukupi, kawasan tidak di selenggara dengan baik, lampu koridor dan parimeter tidak berfungsi, lif rosak dan lebih teruk lagi kejadian curi dan ragut berlaku dengan berleluasa kerana kawalan keselamatan yang disediakan oleh kontraktor amat lemah dan longgar. Yang menghairankan saya Yang Berhormat Dato' Speaker, bayaran kepada kontraktor sangat tinggi berbanding yuran penyelenggaraan yang dikutip. Oleh itu, penduduk-penduduk di kawasan Pangsapuri Bukit Saujana sangat-sangat berharap agar kerajaan memberikan perhatian yang serius terhadap masalah di Pangsapuri Bukit Saujana kerana ianya adalah projek kerajaan dan dengan menyelesaikan masalah ini, diharapkan boleh meningkatkan imej kerajaan. Yang Berhormat Dato'…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dah melawat eh? Dah pergi ke kawasan itu?

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Sudah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh. Ok.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya difahamkan bahawa kerajaan telah dan akan membelanjakan peruntukan sebanyak RM38 bilion untuk bidang pendidikan dalam Rancangan Malaysia Ke-9. Oleh itu, kerajaan perlu memastikan semua sekolah akan

menikmati sepenuhnya kelulusan peruntukan yang terbesar itu. Untuk menunjukkan komitmen kerajaan dalam perkara ini, saya mencadangkan kos pembinaan sekolah baru yang direstui sebelum pilihan raya iaitu sebelum pilihan raya umum lalu iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Pei Hwa No. 2 di kawasan DUN Pengkalan Rinting dan juga 5 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina baru yang juga bersama diluluskan serta kelulusan perpindahan 13 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dapat ditanggung oleh kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kuo Kuang No. 2 di Taman Sutera Utama adalah sebuah sekolah bantuan modal di dalam DUN Pengkalan Rinting dan pihak Jemaah pengurusannya telah menghadapi masalah tidak dapat menjelaskan tunggakan cukai tanah sehingga tahun 2008 sebanyak RM36,543.00. Ini tidak termasuk denda yang akan dikenakan. Yang Berhormat Dato' Speaker, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kuo Kuang No. 2 di Taman Sutera Utama hanya mendapat kelulusan peremitan pembayar cukai tanah setahun RM1.00 bagi tahun 2001 hingga tahun 2004 selama 3 tahun sahaja. Pihak jemaah pengurusan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kuo Kuang No. 2 telah mengemukakan permohonan peremitan pembayaran cukai tanah setahun RM1.00 untuk tahun 1997 hingga tahun 2001 dan tahun 2005 serta memohon dikekalkan peremitan pembayaran cukai tanah setahun RM1.00 untuk selama-lamanya pada 30 Mei 2005 tetapi tidak dapat kelulusan sehingga hari ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh itu saya ingin mencadangkan agar pihak Kerajaan Negeri memberikan kelulusan semua Sekolah Jenis Kebangsaan Cina termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kuo Kuang No. 2 dan juga semua Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Negeri Johor diberikan peremitan cukai tanah daripada cukai tanah sedia ada kepada kadar cukai tanah sebanyak RM1.00 sahaja bagi satu lot secara kekal pada setiap tahun dan pihak pemilik tanah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan juga Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil tidak perlu mengemukakan permohonan pada setiap tahun seperti yang dilakukan pada masa ini. Dengan itu, saya juga memohon agar segala tunggakan cukai tanah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kuo Kuang No. 2 di Taman Sutera Utama serta denda yang dikenakan akan dapat dihapuskan, dihapus kira.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengikut Akta 152 Perlembagaan Persekutuan, setiap rakyat di negara ini mempunyai hak mereka untuk mempelajari bahasa Ibunda mereka. Jadi, kerajaan perlu meneliti keperluan bilangan sekolah-sekolah vernakular yang perlu dibina di sesetengah kawasan yang sesuai. Kerajaan juga wajar membantu semua kos pembangunan dan kurniaan tapak tanah sekolah-sekolah vernakular sama ada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil ataupun Sekolah Agama Rakyat (SAR) berdasarkan kepada keperluan golongan ibu bapa dan masyarakat tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan tidak seharusnya menunggu sehingga bangkitnya atau tuntutan daripada orang awam atau semasa tiba pilihan raya baru bersetuju untuk memberikan kelulusan peruntukan untuk pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan juga SAR. Di sini saya mencadangkan agar Kementerian Pelajaran Malaysia, menginstitusikan mekanisme pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan

juga Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil baru dan mencadangkan Kerajaan Negeri Johor menginstitusikan mekanisme kurniaan tapak tanah untuk pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan juga Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil baru mengikut keperluan di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk kaum Cina dan juga kaum India yang ramai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kampung Skudai Kiri adalah berstatus Tanah Kurnia, penempatan kampung Melayu terkawal, terawal sekali di dalam daerah Johor Bahru, telah diwujudkan pada tahun 1940an oleh Almarhum Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim. Dulunya adalah kawasan kampung yang dipenuhi hutan belukar paya bakau, pokok nipah, binatang buas dan tidak mempunyai kemudahan asas seperti jalan raya, api serta air. Penduduk asas adalah anak watan Melayu Kampung Skudai Kiri, tingkap beratap dengan daun nipah dan berlantaikan kayu nibong. Kampung terletak di pinggir anak sungai Teluk Danga, sering dinaiki air semasa paras laut dan juga semasa paras laut pasang tinggi. Penduduknya dianggarkan seramai 5,000 orang dan status tanah adalah seperti berikut: Hak milik persendirian ada 130 unit, memiliki lesen menduduki sementara (TOL) ada sebanyak 11 unit, memohon lesen menduduki sementara (TOL) ada sebanyak 434 unit, setinggan tegar ada sebanyak 988 unit, penyewa rumah ada sebanyak 186 unit.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak Jawatankuasa Bertindak mewakili keseluruhan masyarakat Kampung Skudai Kiri telah mengemukakan memorandum kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor pada bulan September tahun 2007 dengan membuat permohonan agar tidak akan berpindah keluar dari Kampung Skudai Kiri. Selain daripada itu, masyarakat Kampung Skudai Kiri dalam memorandumnya juga membuat tuntutan-tuntutan seperti berikut:

i. Memberikan hak milik persendirian kepada penduduk yang telah mempunyai tanah status Lesen Pendudukan Sementara (TOL), memberikan status lesen menduduki sementara (TOL) kepada penduduk yang telah memohonnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, andailah kata Kerajaan Negeri hendak memajukan Kampung Skudai Kiri dan penduduknya perlulah dipindahkan, maka jawatankuasa bertindak yang mewakili keseluruhan masyarakat penduduk Kampung Skudai Kiri ingin membuat tuntutan-tuntutan seperti berikut: Tanah yang mempunyai hak milik persendirian diberikanlah pampasan dengan harga nilai tanah yang mengikut harga pasaran, kalau boleh di antara RM135.00 hingga RM150.00 kaki persegi. No. (2)

Y.B. Dato' Speaker : RM100.00 eh, sekaki persegi.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : RM135.00 hingga RM150.00 kaki persegi.

ii. Rumah penduduk kampung yang hendak dirobohkan dapatlah dibayar pampasan di antara minimum RM10,000.00 hingga RM20,000.00 maksimumnya.

iii. Membina beberapa blok rumah kawasan di tanah lapang bekas rumah yang terbakar untuk penduduk kampung agar mereka tidak dipindahkan luar dari kawasan Kampung Skudai Kiri.
iv. Membina rumah pangsa 4 atau 5 tingkat seperti Pangsapuri Sri Murni, 2 Tampoi, yang mampu dimiliki untuk dijual atau disewa beli khasnya penduduk asal penduduk Kampung Skudai Kiri seramai 600 keluarga setinggan tegar.
v. Memberikan rumah harga subsidi khas kepada keluarga warga emas, orang kurang upaya dan fakir miskin.
vi. Memberikan rumah kepada anak-anak watan masyarakat kampung yang telah berkahwin dan berkeluarga.
vii. Dan akhirnya, memberikan rumah kepada anak-anak watan masyarakat kampung yang bujang berumur 21 tahun ke atas untuk membeli dan memiliki rumah sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, peranan Wakil Rakyat yang telah diamanahkan oleh rakyat tentulah sekali menjadi beban dan tanggungjawabnya. Merujuk kepada titah oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku, Ahli-Ahli Dewan Negeri yang telah dipilih hendaklah menjalankan tugas dengan jujur, ikhlas dan memahami hasrat serta harapan rakyat. Maka Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan, oleh yang demikian dalam Dewan yang mulia ini saya berharap segala tuntutan yang dikehendaki keseluruhan penduduk Kampung Skudai Kiri ini yang telah dikemukakan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor seperti dinyatakan sebentar tadi dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri dengan sewajarnya demi menjaga hak-hak keistimewaan orang Melayu di dalam kawasan DUN Pengkalan Rinting akan terpelihara untuk kebaikan dan kesejahteraan kualiti hidup masa depan.

Y.B. Dato' Speaker : Kawasan itu tak ada bangsa lain Yang Berhormat, Skudai tu?

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Saya ingat tak ada, semua Melayu. *So*, saya pun berjuang untuk orang Melayu jugaklah.

Y.B. Dato' Speaker : Baguslah. (Dewan ketawa) Macam itulah.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Dewan yang mulia ini saya ingin memaklumkan bahawa akibat daripada pembinaan projek lebuh raya di Taman Perling telah menyebabkan hujung jalan di hadapan rumah kedai yang 3 tingkat, bernombor 53 hingga 91 di Jalan Persisiran Perling menjadi sempit dan tempat meletak kereta telah dikurangkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh yang demikian lori-lori besar yang masuk di rumah kedai tersebut di Jalan Persisiran Perling untuk menurun dan memunggahkan barang menghadapi masalah tidak boleh keluar kerana di hujung jalan tersebut telah menjadi sempit. Maka dengan itu saya ingin memohon jasa baik pihak yang berkenaan agar dapat mengatasi masalah tersebut dengan membina satu laluan keluar di hujung Jalan Persisiran Perling, Taman Perling menyambung dengan jalan menuju ke *Second Link* di bawah *U-turn* lebuh raya Taman Perling tersebut untuk laluan lori-lori.

Selain daripada itu, juga dimohon agar pihak yang berkenaan untuk menutup parit di tepi Jalan Persisiran Perling bagi membina kawasan tempat letak kereta, so, supaya Yang Berhormat Dato' Speaker, supaya dengan dapat membina satu laluan di penghujung jalan tersebut, maka lori-lori yang masuk ke Jalan Persisiran Perling di depan kedai tersebut ada peluang bila masuk boleh keluar jugalah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ya lah.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato' Speaker, mengikut pelan layout terdapat rizab tapak untuk mendirikan tangki air di kawasan Taman Nusa Bistari 2, tetapi mengapa pihak pemaju tidak membina tangki air untuk menyerahkan kepada pihak SAJ untuk penyelenggaraan. Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah Johor Bahru telah dimaklumkan bahawa pihak pemaju telah membayar RM6 hingga RM7 juta kepada SAJ. Dan, pihak SAJ telah memasang PRV untuk menstabilkan tekanan air yang rendah di kawasan Taman Nusa Bistari 2.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tetapi saya telah menerima aduan daripada penduduk Taman Nusa Bistari 2 dengan menyatakan bahawa masih mendapat, menghadapi, masih menghadapi masalah tekanan air yang rendah pada setiap hari dan air yang dibekalkan kadang kala juga adalah air berkarat. Oleh itu, saya ingin memohon jasa baik pihak SAJ agar dapat menyelesaikan masalah tekanan air yang rendah dan bekalan air tersebut dengan segera.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pusat bandar Johor Bahru di sekitar Jalan Wong Ah Fook, Jalan Segget, Jalan Meldrum dan Jalan Tan Hiok Nee telah dilanda banjir kilat pada petang 29 Mei 2008. Sekurang-kurang 100 buah kenderaan dan lebih 20 unit kedai ditenggelami air. Selain daripada itu juga, Jalan Kolam Air dan Kampung Mohamad Amin juga dilanda banjir kilat pada petang 22 Mac 2008. Saya difahamkan punca banjir tersebut adalah sebab hujan lebat dan air pasang bertembung. Walau bagaimanapun, pihak MBJB perlulah mengambil langkah-langkah yang segera untuk mengatasinya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Bandar MBJB yang mana pihak Majlisnya telah meluluskan peruntukan RM500,000.00 dengan serta merta untuk memasang satu sistem pengawalan banjir yang baru dan juga membina rumah pam yang baru pintu air Sungai Segget di samping menaikkan taraf sistem pintu air di Sungai Chat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin tahu bagaimana projek tersebut dapat membantu pemantauan banjir di bandar Johor Bahru dan juga bilanya dapat dijalankan dan dijangka siap dibina.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada titah perasmian Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, masa cukup eh. Dapat dipendekkan.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Lagi sikit saja.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok. Bagus.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada titah perasmian Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku yang menyatakan dasar kerajaan yang sederhana menjamin negeri dalam keadaan aman dan maju. Oleh itu, kita mesti menolak unsur melampau sama ada dari segi kaum atau agama. Semua pemimpin dan rakyat hendaklah berpegang teguh kepada Rukun Negara dan Perlembagaan. Yang Berhormat Dato' Speaker maka dengan, maka dalam Dewan yang mulia ini saya ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri tentang kemajuan Kawasan Rukun Tetangga yang telah diwujudkan di taman-taman dan di kampung-kampung sejak tahun 1975. Yang mana Kawasan Rukun Tetangga dapat memainkan peranan untuk mengeratkan silaturahim dan menjalinkan semangat perpaduan serta kejiranan di kalangan masyarakat berbilang kaum.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kawasan Rukun Tetangga adalah satu kawasan sejiran. Jawatankuasa Rukun Tetangga adalah jawatankuasa jiran. Ianya dipanggil Rukun Tetangga kerana ia ditubuhkan di bawah Undang-Undang Kecil peraturan-peraturan Rukun Tetangga tahun 1975.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ianya merupakan suatu institusi sosial perpaduan kemasyarakatan yang memberi kesedaran kepada rakyat jelata akan tanggungjawab mereka untuk menjaga keamanan dan mewujudkan semangat kejiranan di kalangan masyarakat setempat, serta mengukuhkan semangat bekerjasama untuk jalinkan amalan hidup masyarakat setempat. Jawatankuasa Rukun Tetangga melaksanakan aktiviti perpaduan seperti sosial, kebajikan, sukan, pendidikan, kesihatan, keselamatan, agama, rekreasi, ekonomi, kebudayaan dan lain-lain yang dapat mengurangkan prasangka di kalangan masyarakat berbagai keturunan dan secara langsung mempertingkatkan perhubungan di kalangan masyarakat setempat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, melalui aktiviti perpaduan yang dijalankan ini dapat menyemai dan memperkembangkan unsur-unsur persefahaman, hormat menghormati dan semangat muhibah di kalangan penduduk setempat. Selain daripada itu, Kawasan Rukun Tetangga juga dapat membantu pihak Polis untuk menjalankan rondaan sukarela bagi mengawal keselamatan dalam Kawasan Rukun Tetangga seterusnya menjamin keselamatan setempat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh yang demikian saya mencadangkan agar Kerajaan Johor dapat mengambil perhatian tentang pertubuhan kawasan Rukun Tetangga di samping itu memberikan peruntukan khas melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional kepada Kawasan Rukun Tetangga bagi membiayai projek pembinaan bangunan pusat aktiviti yang baru serta membaik pulih bangunan pusat aktiviti.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam usaha memastikan rakyat hidup dalam

suasana harmoni, ekonomi merupakan sebahagian faktor kebahagiaan rumah tangga, peluang-peluang pekerjaan perlulah dititikberatkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, masa kini ruang pekerjaan di semua sektor diperolehi oleh warga-warga asing. Dan ini memberi satu permasalahan kepada rakyat untuk mendapat pekerjaan dengan gaji yang setimpal, dengan suasana hari ini warga asing menguasai semua sektor pekerjaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, penguasaan, penguasaan terhadap pengambilan pekerja asing perlu diperkuatkuasakan, diperkuatkan dan penguatkuasaan terhadap pengambilan pekerja di kilang-kilang perlulah dikaji semula. Purata dari sekecil-kecil kilang hingga sebesar-besar kilang boleh dikatakan keseluruhan kilang dipenuhi oleh warga asing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pendapatan, pendapatan warga tempatan terjejas dalam kerja-kerja binaan oleh warga asing yang mendapatkan kerja secara kontrak membuat ubahsuai rumah melalui rundingan terus dengan tuan punya rumah. Seterusnya membuat kontraktor, membuatkan kontraktor-kontraktor Kelas F mendapat persaingan hebat. Ianya perlu diatasi demi kestabilan ekonomi, rakyat tempatan dan kerugian pengaliran wang ke luar negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai ADUN yang bertanggungjawab di kawasan Pengkalan Rinting, yang sebahagian besarnya terletak di kawasan bandar raya Johor Bahru, saya suka ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada masalah yang akan dihadapi oleh mereka yang terlibat dalam sektor ekonomi, dalam sektor perniagaan dan penjaja makanan dan minuman di pusat bandar Johor Bahru.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sama ada kita sedar atau tidak mereka ini sedang terjejas teruk perniagaannya akibat dari kenaikan harga minyak. Keadaan ini akan menjadi lebih teruk lagi apabila berlakunya perpindahan Pusat Pentadbiran Negeri ke Nusajaya dan juga apabila CIQ siap nanti. Kenderaan dari negara jiran tidak akan melalui pusat bandar Johor Bahru dan ini tentunya akan mengurangkan pelanggan, berbelanja atau makan minum di kedai-kedai runcit, restoran dan kedai makanan dan minuman yang terdapat di pusat bandar Johor Bahru.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sehubungan dengan itu pihak kerajaan perlulah memikirkan cara dan langkah-langkah yang terbaik untuk membantu masyarakat peniaga dan penjaja yang terdapat di pusat bandar dari terus dihimpit oleh kesukaran ekonomi akibat dari tiga faktor yang saya sebutkan tadi. Antaranya ia, antaranya ialah dengan memberikan pengurangan bayaran lesen perniagaan dan membuat berbagai aktiviti promosi berbentuk hiburan, kebudayaan dan kesenian atau memikirkan apa jua aktiviti yang boleh menarik orang ramai masuk ke pusat bandar Johor Bahru.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru juga boleh memikirkan cara untuk membanyakkan lagi tempat letak kereta di pusat bandar Johor Bahru bagi memberikan kemudahan pemilik kenderaan meletak kenderaan mereka dan kalau ini dapat dilakukan tentunya akan menarik orang

ramai untuk membeli belah, makan minum dan bersantai di pusat bandar Johor Bahru.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada itu kedudukan para peniaga makan minum di lorong belakang Jalan Meldrum juga perlu difikirkan nasibnya. Keadaan tempat perniagaan yang juga terlalu sempit dan padat hingga menimbulkan ketidakselesaan kepada peniaga dan orang ramai yang ingin menjamu selera. Keadaan yang sesak juga menimbulkan bau yang tidak menyenangkan kerana lokasi di belakang kedai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sehubungan dengan itu bagi meningkatkan lagi keselesaan para penjaja makan dan minum, di samping meningkatkan lagi imej Majlis Bandaraya Johor Bahru sendiri, saya suka ingin mencadangkan agar pihak MBJB memasang bumbung di Jalan Meldrum antara Merlin Tower dan bangunan kedai seperti di Petaling Street Kuala Lumpur. Apabila siap kelak, bolehlah kita memindahkan peniaga dan penjaja di lorong belakang menjalankan perniagaan di Jalan Meldrum yang akan kita tutup kepada semua kenderaan dari jam pukul 6.00 petang. Kawasan tersebut juga boleh, kawasan tersebut juga boleh ditingkatkan keceriaannya dengan memasang lampu yang berwarna-warni, bagi menerangi kawasan tersebut yang tentunya akan menjadikan sebagai pusat makanan yang popular...

Y.B. Dato' Speaker : Oh, macam Petaling Street.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Petaling Street di Kuala Lumpur.

Y.B. Dato' Speaker : Sini apa *Street* Yang Berhormat nak letak ?

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : (Ketawa). Nanti kita boleh fikir.

Y.B. Dato' Speaker : Ala, Segget Street. (Dewan ketawa). Yang Berhormat, kata sikit, panjang ni.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Ha, Sudah mahu habis Yang Berhormat Dato'. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Sudah mau habis, tak ada habis, tak ada habis.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang menyediakan berbagai jenis makanan dalam suasana santai dan ceria serta bebas dari ditimpa hujan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selaku ADUN yang bertanggungjawab, saya rasakan perkara ini perlu kita fikirkan nasib 90 orang peniaga penjaja yang terdiri daripada 44 orang Melayu, 50 orang Cina dan 2 orang India yang menjalankan perniagaan di lorong belakang Jalan Meldrum kerana apabila CIQ siap kelak kenderaan dari Singapura tidak akan melalui pusat bandar Johor Bahru seperti sekarang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keadaan ini tentunya akan menjejaskan pendapatan mereka dan saya yakin sekiranya cadangan tersebut dapat

dibuat lengkap dengan kemudahan, keselesaan dan keceriaan yang disediakan di lokasi baru itu nanti tentunya akan menjadi tarikan kepada orang ramai mengunjungi terutamanya pelancong. Langkah positif tersebut sekiranya dapat dilaksanakan segera tentunya akan dapat membantu nasib para peniaga dan penjaja akan lebih terjamin masa depannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berharap sangat agar pihak kerajaan termasuk pihak MBJB sendiri dapat mengadakan perundingan dengan para peniaga dan penjaja menerusi mesyuarat atau perbincangan dengan Persatuan Peniaga dan Penjaja, Dewan-Dewan Perniagaan dan pihak yang terlibat dengan sektor ekonomi agar satu mekanisme atau cara yang terbaik dapat kita rumuskan untuk laksanakan dengan segera agar masyarakat peniaga dan penjaja di pusat bandar Johor Bahru khususnya akan terbela nasibnya. Saya hanya dapat memberikan beberapa pandangan dan pendapat dan selebihnya sama-samalah kita fikirkan cara yang terbaik agar pusat bandar raya Johor Bahru terus pesat membangun menjadi tumpuan orang ramai dan pelancong agar sektor ekonomi di pusat bandar Johor Bahru tidaklah terjejas dan masyarakat peniaga dan penjaja akan terus terbela.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekiranya langkah tersebut dapat…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat cakap macam nak berhentilah, tak berhenti jugak. (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Sudah, sudah, sudah mau berhenti.

Y.B. Dato' Speaker : Mana dah sudah, tak ada, bangun aje.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Sekiranya langkah tersebut tidak dapat dilakukan dengan segera, saya khuatir bandar Johor Bahru akan menjadi sebuah bandar yang lengang dan sempit apabila CIQ siap kelak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ramai rakyat Negeri Johor telah melabur dengan Saham Dana Johor pada tahun 1996. Para pelabur adalah terdiri daripada berbilang bangsa. Dengan harga pasaran yang rendah seunit Dana Johor pada masa sekarang para pelabur telah mengalami kerugian yang banyak. Oleh itu bagi pelabur yang meminjam dana daripada pihak syarikat bank terpaksa menanggung beban membayar hutang bersama-sama faedah kepada pihak syarikat bank pada setiap tahun.

Yang berhormat Dato' Speaker, semasa dalam kempen pilihan raya yang lepas, saya telah menerima banyak rintihan dan rungutan dari rakyat jelata dengan mempersoalkan mengapa Kerajaan Negeri masih tidak dapat membantu pada pelabur Dana Johor untuk menjual balik sahamnya dengan harga nilai sebanyak RM1.00 kepada Johor Corporation seperti yang dilakukan oleh para pelabur Amanah Saham Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh yang demikian, dalam Dewan yang mulia ini saya ingin memohon jasa baik Kerajaan Negeri agar dapat memberi pertimbangan yang sewajarnya agar dapat membantu para pelabur Dana Johor menjual balik sahamnya dengan harga

nilai sebanyak RM1.00 demi meringankan beban rakyat jelata ekoran kenaikan harga petrol dan diesel serta harga barang-barang kegunaan harian.

Yang berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ya, habis?

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Sudah mau habis.

Y.B. Dato' Speaker : Lagi tadi sudah mau habis. Tapi tak habis-habis.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Lagi dua perkara sahaja. Kes jenayah yang sering berlaku didapati telah meningkat di kawasan DUN Pengkalan Rinting khasnya di Taman Tasek, Taman Bukit Indah, Taman Nusa Bistari 2 dan Taman Tampoi Indah. Beberapa penduduk rumah kedai dan rumah kediaman telah mengalami gangguan kes pecah rumah, samun dan ragut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh itu saya memohon jasa baik Ibu Pejabat Daerah Polis Johor Bahru Selatan, Nusa Jaya dan Johor Bahru Utara dapat memberikan tumpuan kepada taman-taman yang dinyatakan di atas dan juga agar dapat mengadakan rondaan lebih giat setelah gelap bagi mencegahkan kes jenayah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang terakhir iaitu tentang hak milik tanah Kampung Baru Cina. Yang berhormat Dato' Speaker, di dalam Negeri Johor kita mempunyai sebanyak 82 buah Kampung Baru Cina yang tradisional dan juga ada sebanyak lagi 19 Kampung Baru Cina yang diwujudkan atas budi bicara Kerajaan Negeri Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, bahawa pada masa sekarang semua hak milik di Kampung Baru Cina ini bila tamat tempohnya perlulah membuat permohonan dan juga perlulah dikemukakan untuk pertimbangan dan juga kelulusan pihak EXCO Kerajaan Negeri. Dan, untuk pembaharuan hak milik tanah Kampung Baru Cina yang telah tamat tempohnya selalu mengambil masa yang panjang untuk dipertimbangkan dan juga diluluskan di beberapa peringkat di dalam Kerajaan Negeri Johor ini. Maka saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan agar kita, Kerajaan Negeri Johor bolehlah kita melihat keadaan yang sekarang ini, kita untuk menambahkan lagi cepat, untuk cepat lagi menambahkan pendapatan Kerajaan Negeri kita tidak perlulah membawa, apa ini, hak milik tanah Kampung Baru Cina yang telah tamat tempohnya yang mana tuan punya tanah adalah orang yang sama, untuk dibawa ke pihak EXCO Kerajaan untuk kelulusan. Sebab kalau dibawa ke pihak EXCO Kerajaan untuk kelulusan memang mengambil masa-masa yang panjang. Oleh sebab itu, di Dewan yang mulia ini, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri dapat menubuhkan satu Jawatankuasa khasnya untuk mempertimbangkan dan juga meluluskan hak milik tanah Kampung Baru Cina yang mana tamat tempohnya, yang mana tempoh telah tamat dan juga adalah dari tuan punya tanah orang yang sama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan kata-kata itu saya menyokong, rundingan menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku yang dibawa oleh ADUN Kawasan Rengit. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, rundingan itu dikemukakan untuk dibahas. Dijemput siapa nak berucap. Mana dia? Ha.. minta maaflah, tak terang sangatlah, gelap sikit. (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Tak pakai putih.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, *sorry*lah, tak nampak.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih Dato' Speaker. Selamat tengah hari, salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas peluang yang diberi untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam Dewan yang mulia ini. Saya juga mengambil kesempatan ini terlebih dahulu untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang telah dilantik semula seperti Speaker dalam Dewan yang mulia ini. Saya juga ambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang telah memimpin parti Barisan Nasional untuk mencapai kemenangan dalam Pilihan Raya yang Ke-12 dan juga menubuhkan Kerajaan Barisan Nasional di Negeri Johor. Seterusnya juga saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat yang telah dilantik semula sebagai Menteri Besar Negeri Johor Darul Ta'zim. Saya yakin dan penuh *confident* agar beliau akan terus majukan negeri ini dengan wawasan jangka panjang beliau. Penduduk Negeri Johor termasuk masyarakat India akan terus memberi sokongan kepada pucuk pimpinan beliau.

Y.B. Dato' Speaker : Oh…

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Di sini saya ingin merakamkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' kerana telah membantu masyarakat India dalam negeri ini. Banyak masalah-masalah yang dibawa perhatian kepada Yang Amat Berhormat dapat diselesaikan. Banyak kuil-kuil yang menghadapi masalah tapak tanah telah pun dapat diselesaikan. Begitu juga bagi sekolah-sekolah Tamil yang menghadapi masalah pembinaan dan juga masalah tapak. Beliau juga mempunyai begitu hubungan rapat bukan sahaja dengan parti tetapi juga dengan NGO-NGO masyarakat India seperti NGO kaum India, seperti sekolah-sekolah Tamil, Guru-guru Besar, warga guru-guru, PIBG, institusi agama termasuk kuil dan juga kebudayaan. Beliau sentiasa berjumpa dengan mereka dan juga sentiasa membantu untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mereka itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya selaku ADUN Permas mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor kerana menaikkan taraf Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang ke taraf Majlis Perbandaran. Ini adalah satu pengiktirafan bagi suatu kawasan yang sedang membangun dengan pesat. Kawasan ini merupakan satu kawasan pelabuhan, kawasan perindustrian, kawasan ekonomi dan satu kawasan yang padat dengan penduduk kerana menyediakan peluang pekerjaan yang

banyak. Dengan peningkatan status ini, harapan penduduk di kawasan ini sangat tinggi. Mereka mengharapkan banyak perubahan yang mendadak akan berlaku dengan menaikkan taraf kawasan ini sebagai Majlis Perbandaran. Jadi, saya meminta semua pihak yang terlibat supaya mengambil kira beberapa faktor apabila melaksanakan program pembangunan di kawasan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pertama sekali semua penduduk akan berharap perkhidmatan Majlis akan meningkat baik. Pembayar cukai berharapkan layanan yang cukup baik dan segera daripada pihak Majlis. Dalam hal ini saya meminta semua pihak yang terlibat supaya mengambil kira beberapa perkara dalam pelaksanaan. Segala keputusan Majlis haruslah mencerminkan aspirasi masyarakat tempatan. Peluang bagi perniagaan dan perkembangan ekonomi harus dititik beratkan dan diproses dengan segera. Dalam konteks ini, saya berharap penduduk tempatan diberi keutamaan dalam sektor perniagaan dan pekerjaan. Maklumlah Yang Berhormat Dato' Speaker, kawasan perindustrian Pasir Gudang ini mempunyai satu angka yang begitu besar berkenaan dengan pekerja-pekerja asing. Oleh itu, banyak masalah yang kita hadapi bahawa kilang-kilang di situ tidak memberi peluang kepada penduduk-penduduk tempatan. Oleh itu, saya berharap perkara ini boleh diperbaiki dan penduduk-penduduk tempatan boleh memberikan keutamaan dalam pekerjaan-pekerjaan di kawasan ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ada ke yang orang-orang tempatan minta kerja kilang tak dapat?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Ada juga yang dapat tapi tidak memberi keutamaan Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Jumpa Jabatan Buruhlah, tanya.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terpulanglah kepada Jabatan, EXCO, Jabatan Buruh untuk mengambil tindakan.

Y.B. Dato' Speaker : Siapa itu? (Dewan ketawa) Pengerusi yang mana?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Pengerusi… apa itu, Sumber Manusia.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat, Yang Berhormat punya kawan tu eh?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Ya. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Oklah….

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga meminta pihak yang berkenaan supaya mengambil kira komposisi masyarakat tempatan di kawasan Majlis ini. Kini berjumlah 157,192 orang penduduk di kawasan itu. Dimana masyarakat Melayu merupakan penduduk terbanyak dengan 121,038 orang ataupun 77 peratus. Yang kedua ialah masyarakat India dengan 22,435 orang atau hampir 14 peratus manakala masyarakat Cina pula berjumlah 11,003 orang dengan 7 peratus.

Y. B. Dato' Speaker : Oh…India 22,000.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas): Lain-lain juga ada 5 atau 3 peratus.

Y.B. Dato' Speaker : Melayu 121, 000 Yang Berhormat?

Y.B Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Ya Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : India?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : 22,000.

Y.B. Dato' Speaker : Apa pasal dia pilih calon India?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Kita ada peratusan lebih.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ok, untunglah Yang Berhormat.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Mengikut kontrak sosial Barisan Nasional.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, itu Yang Berhormat pandai tu sikit, yalah.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya difahamkan bahawa untuk menambahbaikkan prestasi sistem penyampaian, jawatan dalam Majlis juga akan bertambah. Kini terdapat 176 pegawai dan kakitangan, manakala bilangan ini akan bertambah menjadi 428 orang dan ini bererti bertambah 252 jawatan baru akan diwujudkan dalam semua kategori pekerjaan. Saya berharap bahawa masyarakat India dan Cina juga diberi peluang yang mencukupi supaya mempercerminkan komposisi penduduk di Pasir Gudang. Di sini, saya juga difahamkan bahawa lain-lain Majlis seperti Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, Majlis Perbandaran Kulai, Majlis Perbandaran Tangkak juga akan menambahkan pegawai dan kakitangannya. Saya juga berharap bahawa kaum bukan bumiputera khususnya masyarakat India diberi peluang yang munasabah. Saya mendesak supaya peluang ini dibuka bagi semua kategori jawatan, bukan sahaja bagi buruh am tetapi jawatan-jawatan yang lebih tinggi, kategori sokongan dan pegawai. Kita tidak mahu lihat masyarakat India hanya menjadi pengangkut sampah, pemotong rumput atau *driver* dan sebagainya. Tetapi juga, di kaunter perkhidmatan, sektor pengurusan dan pentadbiran. Ramai yang berminat untuk bekerja dan mereka juga mempunyai segala kelulusan. Oleh itu, saya memintalah supaya YDP-YDP di kawasan-kawasan ini mengambil tindakan yang lebih efektif supaya masyarakat India dapat diberi jawatan-jawatan dalam Majlis-Majlis.

Y.B. Dato' Speaker : Emm.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengalih kepada Program Pembasmian Kemiskinan. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan

Barisan Nasional yang telah melancarkan Program Pembasmian Kemiskinan dalam kawasan bandar dan juga di luar bandar. Kementerian Kerajaan Tempatan, Kementerian Pelajaran dan juga Kerajaan Negeri bersama agensi-agensi kerajaan telah mengatur langkah-langkah untuk membantu masyarakat yang kurang mampu ini. Bagi penduduk di bandar terdiri daripada keluarga yang miskin ini sebanyak lapan jenis bantuan telah diperkenalkan. Bantuan sewa rumah, bantuan kemasukan ke sekolah ataupun IPT, bantuan kos pengangkutan ke sekolah, bantuan kos jagaan kanak-kanak ke taska atau tadika dan juga untuk dijaga di rumah-rumah jiran, bantuan kos pengangkutan ke tempat kerja, bantuan kos rawatan dialisis buah pinggang, bantuan latihan dan kemahiran dan bantuan ihsan keluarga miskin ataupun miskin tegar di bandar. Masyarakat yang tinggal dalam Majlis Daerah dan di Majlis Perbandaran, boleh memohon bantuan ini melalui Ahli-Ahli Majlis atau secara terus menerus. Bagi penduduk luar bandar pula permohonan adalah melalui Ketua Kampung, Penghulu dan kepada Pegawai Daerah.

Di sini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang telah memberi perhatian, sangat perhatian kepada penduduk yang tinggal di sektor perladangan. Saya telah difahamkan, beliau telah mengarahkan supaya pekerja-pekerja ladang juga dimasuki dalam program ini. Tetapi masalahnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, penduduk-penduduk di perladangan ini tidak mengetahui berkenaan dengan kemudahan-kemudahan ini.

Saya juga percaya bahawa ramai penduduk-penduduk, bukan sahaja di luar bandar tetapi juga di bandar tidak mengetahui berkenaan dengan banyak kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan, seperti Kementerian Pelajaran. Saya difahamkan, Kementerian Pelajaran telah menyediakan 10 jenis bantuan bagi keluarga-keluarga termiskin. Tetapi, apa yang kita tahu, ramai yang tahu adalah Program Bantuan Buku Teks, Program Tambahan Makanan dan juga Program Susu Sekolah. Tetapi juga, ada program-program seperti Program Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, Skim Bantuan Tuisyen, Biasiswa Kecil Pra-Universiti dan juga Bantuan Makanan Asrama dan sebagainya ada 10 kategori bantuan yang diberi. Tetapi, malangnya ramai ibu bapa tidak tahu. Saya tidak tahu, ada tak guru-guru juga mengetahui dengan perkara ini, sebab mereka tidak memberitahu ataupun memaklumkan perkara ini kepada pelajar-pelajar ataupun kepada para ibu bapa. Di banyak majlis-majlis PIBG, yang mana saya hadir, apabila saya bertanya dengan para ibu bapa, ada tak mereka menerima bantuan-bantuan ini biasanya mereka kata mereka tidak tahu adanya bantuan-bantuan seperti ini. Oleh itu, saya jugalah menyeru guru-guru sekolah khususnya Guru-Guru Besar dan Pengetua-Pengetua memberitahu kepada para ibu bapa bahawa ada juga banyak kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan Barisan Nasional ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, masa melawat tak beritahu?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Memang dalam majlis-majlis saya umumkan, ada juga beritahu, tapi mereka tak tahu, sehingga ini tak tahu, ini program ini telah diamalkan sejak lama dulu.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, oh.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, berbalik kepada masalah penduduk ladang, mereka ini tidak diwakili dalam JKK kerana tinggal luar daripada kawasan perkampungan. Malangnya, penduduk di sektor perladangan ini tertinggal dalam perlaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan ini kerana tidak ada mana-mana pihak kerajaan yang mengambil inisiatif untuk mendampingi mereka. Mereka merasa tertinggal dalam program ini. Oleh yang demikian, saya memintalah supaya satu tindakan efektif diambil oleh pihak kerajaan untuk mengenal pasti penduduk-penduduk di sektor perladangan ini supaya mereka juga boleh menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, program yang telah dirancangkan ini bertujuan untuk membasmikan kemiskinan ataupun mengurangkan kadar kemiskinan dalam satu jangka masa yang tertentu dalam tahun 2009 atau 2010. Saya merasa ini adalah masa yang singkat dan mungkin memerlukan masa yang lebih panjang, lebih lagi, lebih-lebih lagi dalam keadaan semasa di mana harga barangan sentiasa naik. Ini bermakna lebih ramai lagi keluarga akan masuk dalam kategori miskin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan telah mengenalkan dasar pendidikan wajib kepada semua kanak-kanak di Malaysia. Ini adalah satu tindakan yang wajar dan kita semua mengalu-alukan pengumuman ini. Sekiranya ibu bapa tidak menghantar kanak-kanak ke sekolah mereka boleh dijatuhi hukuman. Akan tetapi, terdapat ramai juga kanak-kanak yang tidak bersekolah kerana kecuaian ibu bapa yang tidak mengambil surat beranak. Ini adalah kerana beberapa sebab seperti keluarga retak dan masalah sosial. Pihak sekolah tidak dapat mendaftar mereka dan kanak-kanak ini pula tidak dapat menikmati alam pendidikan. Ini bermakna ramai kanak-kanak telah tercicir.

Pada hujung tahun lalu, Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang begitu prihatin telah mengumumkan bahawa kanak-kanak sedemikian boleh didaftar dalam alam sekolah. Pihak sekolah dan pengurusan sekolah telah pun diberi beberapa taklimat tentang tatacara pendaftaran kanak-kanak ini dan masyarakat juga telah menyambut pengumuman ini. Tetapi, masih terdapat banyak kes-kes di mana kanak-kanak ini tidak dapat didaftar dalam sekolah. Ramai ibu bapa berjumpa dengan Wakil Rakyat untuk mendapat bantuan dan sokongan untuk mendaftar anak-anak mereka di sekolah ini, anak-anak yang belum mempunyai surat lahir. Apabila kita menghubungi sekolah, pihak pengurusan ataupun pihak Guru Besar berkata tidak ada arahan tertulis daripada pihak atasan. Oleh itu, satu masalah yang dihadapi oleh pihak ibu bapa tidak dapat diatasi. Jika perkara ini berterusan, hak pendidikan bagi kanak-kanak ini dinafikan dan dasar pendidikan wajib gagal dilaksanakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menegaskan bahawa masalah ini akan menjadi satu masalah sosial dan menimbulkan tindak balas yang negatif dan mungkin akan menjadi satu kebebanan sosial kepada negara dan kerajaan. Oleh itu, saya berharap Kementerian Pelajaran akan mengambil tindakan serta merta supaya memberi arahan tertentu kepada pengurusan sekolah dalam hal ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini saya ingin membangkitkan satu masalah lalu lintas...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat banyak lagi?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Takde banyaklah, sikit saja.

Y.B. Dato' Speaker : Berapa minit lagi, agak-agak?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Dalam 10 minit.

Y.B. Dato' Speaker : Ha?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Dalam 10 minit.

Y.B. Dato' Speaker : Itu cakap Yang Berhormat, pergi dulu, takpelah duduk. Yang Berhormat nak, boleh sambung dalam 10 minit.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Kalau Yang Berhormat Dato' Speaker, memberi keizinan, saya rasa boleh.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, tak bolehlah, saya nak sembahyang Jumaat. Yang Berhormat tak sembahyang. Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga Isnin, 23 Jun 2008, 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:20 tengah hari.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KETIGA	ISNIN, 23 JUN 2008	BIL. 2 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
Dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah bte Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
Dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M.Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman, KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusa Jaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah Binti Mansor,
(Penawar)

Y.B.Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof,
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Encik Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia bte Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat pagi, salam sejahtera. Dewan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Ali, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1. [Saham Wakaf Johor telah menunjukkan satu kejayaan bagi menggalakkan umat Islam di Johor melaksanakan ibadah wakaf sejak 1994. Berapa banyak nilai saham yang telah terkumpul dan ke manakah ianya disalurkan serta perancangan masa depan untuk pembangunan ummah melalui sumber saham wakaf?]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmaanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker**,** jumlah Saham Wakaf Johor yang terkumpul ialah sebanyak RM6 juta. Dan, daripada jumlah tersebut sebanyak RM4.2 juta telah dibelanjakan bagi pembangunan pertama Projek Saham Wakaf iaitu pembinaan bangunan Wakaf Johor setinggi 6 tingkat yang kini disewakan dan memberi pulangan semula kepada Wakaf.

Bagi meneruskan pembangunan ekonomi ummah Yayasan Wakaf Johor, Majlis Agama Islam juga telah melaksanakan projek pembelian asrama pelajar Johor di Mesir. Dan, melalui pendekatan ini ia memberi peluang kepada masyarakat Islam menyumbangkan harta mereka untuk manfaat dan kegunaan kepada pelajar.

Y.B. Dato' Speaker : Ha'ah, Yang Berhormat soalan tambahan, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Berapa banyakkah pulangan yang diperolehi daripada pelaburan daripada RM4.2 juta?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Saya tidak ada data-data tentang jumlah yang dipungut Yang Berhormat Dato' Speaker. Akan saya berikan secara bertulis.

Y.B. Dato' Speaker : Ya**.**

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saham Wakaf Johor telah dapat mengumpul sebahagian, sebegitu banyak wang. Daripada masa yang sama, kita menghadapi masalah soal sekolah-sekolah agama yang serba kekurangan. Berapa banyakkah

daripada Saham Wakaf Johor ini yang dibelanjakan untuk pembangunan sekolah agama?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, jumlah yang dipungut oleh Saham Wakaf Johor tidaklah besar sebagaimana yang saya nyatakan sebanyak RM6 juta sahaja. Manakala pembinaan bagi sekolah-sekolah agama terletak bukan di bawah Saham Wakaf tapi itu adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan satu skim sedang dirangka untuk pembinaan bangunan Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Johor.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Kita melihat bahawa jumlah yang telah diperolehi dikatakan tidak mencapai RM6 juta, lebih kurang RM6 juta. Jadi adakah, apakah faktor-faktor yang menyebabkan jumlah tersebut berkurangan ataupun apakah bentuk promosi? Adakah promosi yang dibuat tidak mendapat sambutan atau sebagainya? Itu saja.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, semasa kita melancarkan Saham Wakaf, kita mempunyai *target* tertentu dan untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, semasa pelancaran yang dibuat pada tahun 1993, kita telah pun, kita *target* lebih kurang RM4.5 juta tapi kita dah sampai, kita dah capai *target* yang berkenaan. Dan bagi fasa kedua, kita mensasarkan sebanyak RM4 juta. Fasa kedua ini kita mula, kita mulakan mulai tahun ini dan setakat ini selama 4 bulan hasil daripada promosi yang telah Majlis Agama Islam jalankan sebanyak RM480,000.00 telah dapat dipungut. Insya-Allah saya berkeyakinan dengan usaha-usaha yang lebih gigih, *target* sebanyak RM4 juta yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis akan dapat dicapai. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dato' Haji Baderi bin Dasuki, jemput.

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 2. [Apakah tindakan dan cadangan Kerajaan Negeri dan Johor Corp. bagi menolong pelabur-pelabur Amanah Saham Johor dan Dana Johor daripada menanggung kerugian?]

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi, jemput.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 3. [Saham Dana Johor. (a) Amanah Saham Johor (ASJ) dicadangkan nilai RM1.00 seunit yang diambil balik oleh Kerajaan Negeri Johor. Bagaimanakah pula dengan Saham Dana Johor yang sepatutnya dicadangkan RM1.00 seunit seperti ASJ? (b) Bilakah boleh ditunaikan pembayarannya agar tidak menjadi rintihan rakyat?]

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dr. Boo Cheng Hau, jemput.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4. [(a) Pelaburan Johor Berhad telah mengumumkan skim belian balik bersyarat kepada para pelabur Dana Johor dan Amanah Saham Johor. Kenapa pelabur Dana Johor ditawarkan RM0.50 seunit untuk dibeli balik

berbanding dengan pembelian ASJ RM1.00 seunit? (b) Adakah harga belian balik diputuskan dengan mengambil kira keadaan para pesara, warga tua, Orang Kurang Upaya dan peminjam bank terpaksa membayar bunga pinjaman? (c) Pihak Johor Corp pernah menjangka harga ASJ dan Dana Johor akan mencecah RM5.00 seunit dalam 5 tahun selepas pelancarannya. Menurut laporan audit di antara RM48.7 juta ke RM23 juta. Harga syer ASJ juga menurun dari RM1.00 ke RM0.18 seunit dan Dana Johor RM1.00 ke RM0.14 seunit. Adakah Kerajaan Negeri Johor berperancangan menyiasat punca-punca kerugiannya? (d) Apa sebab-sebabnya Pelaburan Johor Berhad tidak mempunyai sebarang rancangan jangka masa panjang untuk memulihkan jual beli ASJ dan Dana Johor di pasaran semula?]

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya menjawab bersekali bagi soalan nombor 2, 3 dan soalan nombor 4. Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Yong Peng, Panti, Skudai, Penggaram dan Maharani telah membangkitkan persoalan berkaitan dengan Amanah Saham Johor dan juga Dana Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan, sukacita saya maklumkan di Dewan yang mulia ini, Amanah Saham Johor telah dilancarkan pada 15 Mei 1992 dengan saiz dana yang dibenarkan iaitu sebanyak 300 juta unit. Dan, Amanah Saham Johor telah mencatatkan harga jualan yang tertinggi iaitu RM2.12 seunit pada 11 Januari 1994. Dan, harga jualan yang paling rendah iaitu RM0.17 sen seunit pada 11 April 2001. Dan, Kerajaan Negeri Johor bersama-sama dengan Johor Corporation telah melaksanakan skim pemulihan harga yang dipanggil Skim Belian Balik Bersyarat (SBBB). Skim Belian Balik Bersyarat Amanah Saham Johor mulai 9 Februari 2004 di mana pemegang unit dibenarkan untuk menjual 10 peratus unit pegangan mereka pada harga RM1.00 seunit. Harga yang jauh lebih tinggi berbanding dengan Nilai Aset Semasa Amanah Saham Johor. Dan, mulai 15 Februari 2007, Pelaburan Johor Berhad telah melaksanakan skim tersebut dan skim itu merupakan skim akhir bagi Amanah Saham Johor di mana pemegang-pemegang unit dibenarkan untuk menjual keseluruhan unit pegangan pada harga RM1.00 seunit sehingga 8 April 2008 ini. Jika dibandingkan dengan harga semasa iaitu RM50.63 sen pada 10 Jun 2008, harga skim belian balik bersyarat adalah 2 kali ganda lebih baik.

Berhubung dengan soalan mengenai penurunan saiz dan nilai Dana Amanah Saham Johor, suka saya maklumkan bahawa apabila pemegang-pemegang unit menebus semula unit mereka, pihak Pelaburan Johor Berhad selanjutnya akan membatalkan pegangan unit-unit tersebut berdasarkan kepada garis panduan yang telah ditetapkan dan dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Pembatalan unit-unit tersebut adalah berdasarkan kepada Nilai Aset Bersih mengikut kepada harga pasaran semasa di mana dengan pembatalan tersebut, seterusnya akan menyebabkan saiz dan nilai dana mengecil. Dan, sebagai contoh nilai dana pada 31 Mei 2007 adalah sebanyak RM48.7 juta dan berikutan dengan tindakan pembatalan itu telah menjadikan nilai dana mengecil kepada sebanyak RM23 juta pada 30 November 2007. Amanah Saham Johor juga telah membuat pembayaran pengagihan pendapatan kasar dalam bentuk dividen berjumlah RM213.89 million, RM213.89 juta, bersamaan dengan RM80.01 sen seunit semenjak ianya dilancarkan. Amanah Saham Johor

tidak membuat pengagihan pendapatan dividen semenjak skim SBBB dilancarkan kerana harga SBBB adalah lebih baik dan pulangan yang diberikan adalah lebih tinggi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Pelaburan Johor Berhad telah mengadakan Mesyuarat Luar Biasa pemegang-pemegang unit Amanah Saham Johor pada 15 Mei 2008 bertempat di PERSADA Johor bagi meluluskan resolusi penempatan, penamatan skim Amanah Saham Johor. Resolusi untuk menamatkan Amanah Saham Johor telah pun mendapat kelulusan majoriti daripada pemegang-pemegang unit Amanah Saham Johor. Makluman mengenai penamatan Amanah Saham Johor telah pun dibuat melalui penghantaran notis kepada semua pemegang unit secara pos, media cetak dan juga melalui siaran radio.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Dana Johor telah dilancarkan pada April 1995 dengan saiz dana yang lebih besar iaitu dana yang dibenarkan sebanyak 500 juta unit. Dana Johor telah mencatatkan prestasi harga jualan tertinggi sebanyak RM1.20 pada April 1996 dan harga jualan terendah 14 sen pada Disember 2005.

Pada 31 Mei 2008, jumlah pemegang unit Dana Johor pula adalah seramai 31,997 pelabur dengan jumlah pegangan unit sebanyak RM239 juta, maaf Dato' Speaker, dengan jumlah pegangan unit sebanyak 239.75 juta unit. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,540 pelabur dengan jumlah nilai pelaburan sebanyak RM47.07 juta membeli unit Dana Johor melalui pinjaman bank. Dana Johor juga sehingga kini telah membuat pembayaran dividen berjumlah RM116.87 juta bersamaan dengan RM25.51 seunit. Nilai Aset Bersih seunit pada 31 Mei 2008 adalah RM17.3 seunit, maaf, 0.1730 seunit bersamaan dengan RM0.1730 per unit.

Untuk makluman Dewan yang mulia juga, JCorp amat memahami dan prihatin terhadap masalah pelabur Dana Johor dan pihak JCorp dengan kerjasama Kerajaan Negeri telah melaksanakan Skim Belian Balik Bersyarat bagi Dana Johor, di mana harga yang ditawarkan iaitu RM0.50 adalah lebih tinggi daripada harga pasaran iaitu RM0.17, iaitu harga pada tarikh 10 Jun 2008 dan Skim Belian Balik Bersyarat Dana Johor yang telah dilaksanakan selama 5 tahun berturut-turut hingga melibatkan suntikan tunai oleh JCorp berjumlah RM84 juta hingga 3 Jun 2008. Dan Skim Bayaran Balik Bersyarat yang pertama telah dilancarkan pada 8 Februari 2004 untuk tempoh satu tahun, manakala skim yang sama untuk tahun kedua dan ketiga dibuka masing-masing pada 23 Februari 2005 hingga 8 Februari 2006 dan 22 Februari 2006 hingga 8 Februari 2007. Dan Skim SBBB tahun keempat telah dibuka mulai 15 Februari 2007 hingga 8 Februari 2008. Pada 22 Februari 2008, Pelaburan Johor Berhad telah meneruskan skim ini untuk tahun yang kelima, di mana pelabur-pelabur yang layak boleh menjual sebanyak 10 peratus unit pegangan mereka pada harga RM0.50 seunit hingga 8 Februari 2009. Harga yang ditawarkan melalui Skim Pemulihan ini adalah jauh lebih baik iaitu 190 peratus lebih tinggi daripada nilai sebenar Dana Johor iaitu RM0.17 seunit. Sementara itu Dato' Speaker, cadangan pemulihan harga Dana Johor kini sedang dalam peringkat kajian oleh Johor Corporation dengan kerjasama daripada pihak Kerajaan Negeri.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Yang Berhormat.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah diambil oleh kerajaan untuk pembeli saham yang membuat pinjaman dengan bank, yang terpaksa bayar hutang bulanan yang makin tambah. Sebab ini menyusahkan, lebih-lebih pada orang yang berumur, tak ada, tak, tak dapat pendapatan untuk membayar hutang tersebut.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, pengalaman dengan Amanah Saham Johor ialah dengan pendekatan yang dibuat oleh PJB sendiri untuk menghubungi pihak bank-bank yang berkenaan. Rata-rata pengalaman di Amanah Saham Johor ialah Maybank, di antara yang, sumber pinjaman yang tertinggi dan CIMB dan Bank Rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila langkah dibuat untuk menamatkan Amanah Saham Johor, maka pihak pemegang unit telah pun dapat diberi kesempatan melalui langkah yang dibuat oleh pihak JCorp khususnya PJB, untuk berunding dengan pihak bank. Yang pertama Yang Berhormat Dato' Speaker, dari segi amalannya *principal* yang dipinjam perlu dibayar. Tapi alhamdulillah Yang Berhormat Dato' Speaker, faedah yang dikenakan sempena dengan perundingan tersebut telah pun diberi kemudahan, apa yang dikatakan dengan izin, *good hair cut*. Bahkan bahagian yang dalam bentuk faedah tadi *hair cut* di antara yang telah pun dipersetujui ialah pada paras yang juga tinggi, ada di antaranya menikmati potongan pada paras 70 peratus. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, ini adalah di antara langkah yang telah dibuat.

Berkaitan dengan Dana Johor Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dikatakan tadi bahawa selama 5 tahun ini ada peruntukan untuk pihak pemegang unit untuk menjual semula pada harga RM0.50 pada paras 10 peratus pegangan. Jadi oleh kerana belum lagi sampai kepada tempoh untuk, mungkin, kemungkinan untuk menamatkan, mungkin, kalau itu berlaku Dana Johor, maka langkah yang sama akan dibuat seperti Amanah Saham Johor, di mana rata-rata bank yang saya, disebutkan tadi, di antaranya lebih kurang 3,000 peminjam untuk unit *holders* di Dana Johor ini di CIMB, di Bank Rakyat dan juga Maybank untuk memberi kemudahan pihak unit *holders* untuk berunding sekurang-kurangnya mendapat *hair cut* yang sewajarnya. Tapi saya katakan tadi bahawa amalan bank biasanya menuntut pembayaran *principal* pinjaman.

Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Skudai.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker dan Yang Amat Berhormat, sehingga hari minggu yang lepas, Amanah Saham Pahang masih bernilai RM0.45 satu unit, Amanah Saham Sarawak masih bernilai pasaran RM1.00 seunit. Memandangkan harga pasaran Dana Johor dan Amanah Saham Johor yang begitu rendah, adakah keperluan dari segi Kerajaan Negeri Johor untuk menubuhkan satu jawatankuasa pilihan di bawah Peraturan Bilangan 103 bagi Peraturan-peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan

yang mulia ini, untuk mengkaji apa sebabnya kegagalan Johor Corp memastikan pulangan yang mewah sekali kepada pelabur-pelabur.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam kes Sarawak, Amanah Saham Sarawak, daripada mula lagi Dato' Speaker, dijanjikan oleh Kerajaan Sarawak RM1.00 dalam apa pun bentuk pasaran. Yang Berhormat Dato' Speaker, kita merupakan satu jenis Amanah Saham yang tertakluk kepada segala peruntukan yang ada termasuk peruntukan peraturan yang ada pada *Security Commission*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita lihat pengalaman Amanah Saham, saya maklumkan tadi bahawa Amanah Saham Johor dilancarkan tahun 1992 dalam keadaan ekonomi yang begitu, apa tu, begitu baik sekali. Jadi Dato' Speaker, kita masih ingat, jelas apa yang berlaku tahun 1997. Bahkan pada 1992 dilancarkan RM1.00, 1994 menjadi RM2.00, RM2.12. Itu 1992, tak sampai dua tahun naik RM2.00, dengan ceritalah, mungkin naik RM5.00. Jadi Dato' Speaker, tapi apa yang berlaku pada tahun 1997? 1997 berlaku satu krisis kewangan yang berlaku dan rata-rata bukan sahaja seluruh, bukan sahaja Amanah Saham Johor, JCorp, bahkan seluruh negara menghadapi krisis yang amat luar biasa yang ditanggung. Apa yang berlaku pada masa tersebut ialah rata-rata Yang Berhormat Dato' Speaker, pelabur asing meninggalkan pasaran kita. Nak katakan pemodal asing meninggalkan kita, Perdana Menteri pada masa itu menggunakan, apa dipanggil, bukan perompak dia mengatakan penyangak.

Y.B. Dato' Speaker : Penyangak.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Penyangak mata wang antarabangsa.

Y.B. Dato' Speaker : Soros.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Sengaja meninggalkan. Jadi apa yang berlaku ialah ringgit keluar daripada pasaran kita, kadar faedah meningkat kononnya untuk menyekat pengaliran wang tunai ke luar negara. Dan bila itu berlaku, maka harga di pasaran saham menjunam. Jadi Amanah Saham rata-rata kesemuanya menghadapi krisis yang amat luar biasa pada masa tersebut.

Jadi Dato' Speaker, dalam Amanah Saham ini terkandung di dalamnya apa yang dipanggil portfolio saham. Saya dimaklumkan bahawa dalam portfolio Amanah Saham Johor ataupun Dana Johor, rata-rata dalam 20, 30 saham yang ada dalam pasaran saham Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi ada pendapat mengatakan bahawa mungkin 20, 30 saham yang termasuk dalam portfolio, kalau istilah ekonomi dipanggil *the basket of portfolio* ataupun gunakan istilah Bahasa Malaysia, dalam bakul itu ada 20, 30 saham yang datangnya daripada saham-saham di Bursa Saham. Dan syarat yang dikenakan Dato' Speaker ialah bahawa pegangan setiap saham dalam 20, 30 saham dalam bakul tadi, dalam portfolio tadi, maka disyaratkan oleh *Security Commission,* tak lebih 10 peratus antaranya. Jadi kalau sekiranya dan berlaku beberapa tahun selepas itu pemulihan dalam pasaran saham, tapi apa yang pulih Dato' Speaker? Yang pulih ialah saham-saham yang dikatakan yang agak *blue chip*, ok.

Kalau kita nak lihat yang tertinggal tidak, tidak berubah ialah di antara yang telah pun dilaburkan dalam Amanah Saham Johor, Dato' Speaker. Bila kita lihat rata-rata Amanah Saham yang dianjurkan oleh negeri-negeri tertakluk kepada suasana tersebut. Jadi Dato' Speaker, kalau ada Amanah Saham yang pulih Yang Berhormat Dato Speaker, adalah Amanah Saham yang dibenarkan pada masa tersebut untuk dia mengembangkan dia punya, dia punya saiz unit dia. Maknanya kalau Amanah Saham Johor pada saiz awalnya 300 juta unit, maka dalam kes-kes Amanah Saham Swasta yang dikendalikan oleh bank sebagai contoh, dibenarkan untuk dikembangkan lebih daripada 300 *million* unit. Tapi Amanah Saham Johor tertakluk kepada syarat tak boleh dikembangkan. Bila dikembangkan Dato' Speaker, maka dia boleh melabur semula dalam pasaran yang telah pun pulih. Jadi Amanah Saham Johor tertakluk kepada syarat-syarat ini yang dikenakan oleh *Security Commission*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ok, ada pihak mengatakan mungkin pengurusan salah pilih ke, pengurusan tidak cekap ke, ataupun mungkin ada, ada amalan-amalan yang tidak menepati dengan peraturan. Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, dua firma audit telah pun dilantik untuk melihat apa yang sebenarnya berlaku dalam Amanah Saham dan impak daripada apa yang berlaku pada krisis kewangan itu membawa kepada keadaan yang berlarutan, tak mungkin untuk dipulihkan. Oleh itu, pihak JCorp dengan sokongan yang kuat daripada Kerajaan Negeri, Dato' Speaker, bahkan untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat telah pun memberikan beberapa kawasan tanah untuk menjadi asas aset kepada pemulihan Amanah Saham Johor ini. Daripada tanah yang daripada Kerajaan Negeri tadi, maka dapat disalurkan peruntukan dari segi tunai ke arah apa yang dapat kita sempurnakan untuk Amanah Saham Johor iaitu pulangan RM1.00 setiap unit, yang akhirnya membawa kepada kedudukan yang terkini kepada Amanah Saham Johor termasuk juga Dana Johor. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kalaulah sudah ada usaha-usaha ke arah untuk memastikan bahawa perjalanannya teratur, tersusun mengikut peraturan, sama ada dari pengurusannya, dari segi operasinya dan kita memberi kepercayaan kepada pihak Audit, Peat Marwick ke ataupun Price Waterhouse. Maka, Dato' Speaker, jadi saya percaya kita tak perlu kepada kajian-kajian, yang, kepada apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat daripada Skudai tadi.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Panti.

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, jemput, Panti dulu.

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Soalan tambahan. Terima kasih atas jawapan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Saya cuma ingin tahu adakah semua pemegang saham ASJ menggunakan kemudahan Skim SBBB sehingga tarikh tutupnya pada 8 April yang lalu?

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, maklumat yang saya ada, yang selepas Mesyuarat Agong, baki pemegang unit yang belum lagi pulangkan, menjualnya ialah seramai 67,000.

Y.B. Dato' Speaker : Oi, banyak.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Nilainya lebih kurang RM12 juta. Tapi, Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ni, bahawa *unit holder*, dengan izin, kesemuanya lebih kurang 124,000. Dan, 70 peratus daripada *unit holder* ini memegang tak lebih 100 unit. Tak lebih 100 unit. Bermakna lebih kurang dekat-dekat 80,000 yang memegang Amanah Saham Johor ini tak lebih 100 unit. Maknanya, kalau 100 unit, berapa ya, RM100.00lah, tak lebih, ada yang mungkin, ada yang mungkin, 10 unit, ada yang mungkin 50 unit.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh itu, izinkan saya untuk padankan antara 67,000 tadi yang belum jual balik itu, rata-rata datangnya daripada kalangan yang memegang tak lebih 100 unit. Jadi, tapi rata-rata yang memegang lebih daripada satu jumlah yang agak besar mungkin 1,000 ke lebih, rata-rata sudah pun menjual semula pegangan-pegangan mereka.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Yang Berhormat, jemput.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat, saya ingin tanya, adakah Dewan ini boleh dibekalkan dengan laporan Audit itu?

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, di antara yang disyaratkan dalam Persidangan Dewan ini ialah laporan-laporan daripada di antaranya ialah termasuk Johor Corporation sendiri, membentangkannya di Dewan yang mulia ini. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, tidak ada, tidak ada halangan untuk mana-mana laporan untuk disampaikan kepada Ahli Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Dr. Adham bin Baba, jemput.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 5. [Minta Jabatan Belia dan Sukan Negeri menyatakan kedudukan jumlah gelanggang permainan di setiap daerah DUN di Negeri Johor ini terutama melibatkan gelanggang permainan seperti futsal, takraw, bola jaring dan bola sepak.]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, di dalam rekod Majlis Sukan Negeri Johor ada terdapat sebanyak 186 buah gelanggang bola sepak, 47 buah gelanggang bola jaring, 248 buah gelanggang sepak takraw dan 72 buah gelanggang futsal. Di mana yang ditunjukkan dalam jadual berikut iaitu di daerah Johor Bahru, 28 gelanggang bola sepak; 16 bola jaring; 18 sepak takraw; 25 futsal. Daerah Muar, 38 bola sepak; 6 bola jaring; 33 sepak takraw; 12 futsal. Daerah Batu Pahat, 25 bola sepak; 5 bola jaring; 40 sepak takraw; 15 futsal. Daerah Segamat, 10 bola sepak; 3 bola jaring; 20 sepak takraw; 1 futsal. Di daerah Kluang, 29 bola sepak; 4 bola

jaring; 40 sepak takraw; 2 futsal. Daerah Pontian, 7 bola sepak; 30 sepak takraw; 5 futsal. Daerah Kota Tinggi, 15 bola sepak; 20 sepak takraw; 2 futsal. Daerah Mersing, 10 bola sepak; 15 sepak takraw; 1 futsal. Daerah Kulaijaya, 9 bola sepak; 11 bola jaring; 8 sepak takraw; 5 futsal dan daerah Ledang sebanyak 15 bola sepak; 2 bola jaring; 24 sepak takraw dan 4 futsal.

Semua kemudahan-kemudahan ini adalah layak untuk diadakan pertandingan mengikut spesifikasi setiap permainan yang secara minima. Bagaimanapun, jumlah ini tidak termasuk dengan kemudahan-kemudahan dewan tertutup yang menawarkan kemudahan pelbagai jenis sukan dan kemudahan-kemudahan sekolah, sukan di sekolah. Dalam rekod Majlis Sukan Negeri Johor, bilangan dewan-dewan tertutup dan serba guna yang bagi kegunaan awam adalah seperti berikut: daerah Johor Bahru, 32; daerah Muar, 15; daerah Batu Pahat, 12; daerah Segamat, 15; daerah Kluang, 12; daerah Pontian, 15; daerah Kota Tinggi, 15; daerah Mersing, 5; daerah Kulaijaya, 5; daerah Ledang, 5.

Buat masa ini, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor tiada statistik berhubung perkara ini. Namun, Jabatan Belia dan Sukan akan membuat bancian semula dan akan mewujudkan direktori kemudahan-kemudahan sukan sehingga ke peringkat kawasan Dewan Undangan Negeri di seluruh Negeri Johor. Dan, program ini akan dibuat dengan kerjasama Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia. Dan, dalam RMK-9, Kementerian Belia dan Sukan telah meluluskan 112 buah gelanggang rakyat, yakni gelanggang pelbagai guna yang mempunyai kemudahan-kemudahan sukan, futsal, bola jaring, sepak takraw, bola tampar dan bola keranjang di setiap Dewan Undangan Negeri di Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Pasir Raja.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Jawapan yang diberikan menunjukkan bahawa taburan setiap daerah berbeza-beza. Dan, betapa pentingnya kita melihat isu ini. Kita lihat SUKMA 2008, saya memerhatikan bahawa daripada 3 gelanggang tersebut cuma bola jaring sahaja mendapat pingat. Yang bola sepak dan takraw sampai ke peringkat suku akhir. Saya mohon jawapan daripada Yang Berhormat, apakah tindakan drastik selain daripada yang diberikan, contoh untuk membina gelanggang *multi sport* yang diumumkan tadi. Selain daripada itu, apakah tindakan drastik yang dapat dilakukan untuk menyediakan gelanggang ini di setiap kawasan yang memerlukan dari sudut baik pulih dan naik taraf gelanggang? Selanjutnya isu mengurus gelanggang ini juga perlu dititikberatkan, umpama dah ada, tak tahu mengurus. Kita ingin tahu sama ada telah ada mekanisme di peringkat Yang Berhormat, tentang penyelenggaraan atau pengurusan gelanggang ini didedahkan atau diajar kepada pihak-pihak bertanggungjawab seperti Majlis Daerah, FELDA, Persatuan Belia, Persatuan Jawatankuasa Kampung dan juga penduduk, yang memiliki gelanggang ini agar yang dimiliki tidak terbiar, kalau tidak ada, bolehkah...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, oklah, panjang sangat tu, duduk.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, pencapaian SUKMA yang lepas, kalau kita lihat memanglah hanya bola jaring

sahaja yang dapat emas, berbanding dengan 3 lagi sukan yang dinyatakan di sini. Ini sebenarnya tidak ada kaitan dengan gelanggang-gelanggang di peringkat daerah dan sebagainya. Keadaan ini adalah disebabkan oleh pengurusan dan juga hubungan di antara pihak Majlis Sukan Negeri Johor dengan persatuan-persatuan. Saya bagi contoh, bola jaring, bola jaring walaupun pihak persatuan tidak begitu aktif dalam menyediakan pasukan untuk SUKMA tetapi Majlis Sukan Negeri Johor dengan kerjasama jurulatih, kebetulan jurulatih kita tu, Cikgu Aminah tu, adalah jurulatih kebangsaan, *so*, jurulatih ini sendiri yang inisiatif dia kuat, dia sendiri yang *train*, ataupun latih atlet-atlet ini bersama-sama dengan MSN.

Y.B. Dato' Speaker : Jurulatih lelaki ke perempuan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Perempuan, Yang Berhormat Dato' Speaker, Cikgu Aminah nama dia. Dan, untuk takraw, takraw sebenarnya kekalahan kita disebabkan oleh kebanyakan pemain-pemain kita adalah terdiri daripada untuk projek tahun 2010. Yang mana kebanyakan mereka masih lagi, ada setengah tu di sekolah dan baru lepas sekolah. Dan, mereka ni belum terdedah dengan pertandingan-pertandingan di peringkat kebangsaan dan sebagainya. Sebab itulah bila mereka bermain buat kali pertama, walaupun, contoh dalam pusingan awal mereka bertemu Melaka, Melaka pun lebih kurang ini juga tetapi mungkin Melaka, dia punya atlet ni, dia lebih ada keyakinan, *so*, kita ni lebih, tidak ada keyakinan. Sebab kebanyakan ini budak-budak baru yang kita nak ketengahkan untuk projek 2010. Begitu juga dengan bola sepak dan sebagainya. Berhubung dengan pengurusan gelanggang-gelanggang sukan. Kebanyakan gelanggang-gelanggang sukan di Negeri Johor ni adalah diuruskan oleh Majlis Tempatan dan Majlis Sukan Negeri Johor cuma kita ada Stadium Larkin sahaja. Jadi, Majlis Sukan Negeri Johor tidak terlibat secara langsung dalam menguruskan gelanggang sukan di seluruh daerah Johor.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Pertamanya saya hendak mendapatkan kepastian, gelanggang yang disebut oleh Yang Berhormat Pengerusi itu tadi, adakah gelanggang yang dipunyai oleh Kementerian Belia dan Sukan ataupun dipunyai oleh badan-badan tertentu. Sebab saya, yang saya tahu padang-padang permainan ini kebanyakannya ada dua, satu dipunyai oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan satu kalau di kawasan kampung-kampung dia kebanyakannya penduduk anak-anak muda kita, belia-belia kita menggunakan padang sekolah yang ada di bawah tertakluk kepada Jabatan masing-masing. Dalam masalah ini saya ingin mendapatkan kepastian bagaimana peranan Jabatan Belia dan Sukan dalam memberikan kemudahan padang-padang permainan yang dipunyai oleh badan-badan tertentu yang saya katakan sebentar tadi.

Umpamanya saya ambil contoh, sekolah. Saya dapati di bawah Kementerian Pelajaran dia ada peraturan-peraturan tertentu Yang Berhormat Dato' Speaker. Di mana kalau anak-anak muda kita, belia-belia kita hendak menggunakan padang sekolah, dia mesti mendapatkan kebenaran daripada pihak sekolah itu atau Guru Besar dan saya telah pun dimaklumkan bahawa kena bayaran sewa setiap kali hendak menggunakan padang. Jadi, kalau inilah yang berlaku

macam mana kita hendak mengembangkan sukan di kalangan anak-anak sekolah. Terima kasih Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Ok... Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Dari segi sebelum saya katakan tadi bahawa kebanyakan gelanggang-gelanggang sukan terutama sekali bola sepak dan sebagainya adalah milik Pihak Berkuasa Tempatan dan pengurusan itu adalah Pihak Berkuasa Tempatanlah. Dan gelanggang-gelanggang yang ada setengah itu, di kawasan-kawasan taman awam dan sebagainya itu pun berada dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Tempatanlah yang menguruskan dari segi potong rumput dan sebagainya. Bagi gelanggang-gelanggang sekolah ini memang saya setuju dengan Yang Berhormat tadi, bahawa itu memang tertakluk kepada peraturan-peraturan Kementerian. Selain daripada itu juga, kita juga ada gelanggang-gelanggang yang dipunyai oleh pihak-pihak swasta sama ada pihak swasta macam futsal, sekarang ini dah banyak gelanggang-gelanggang futsal yang pihak swasta buat untuk cari keuntungan dan sebagainya.

Selain daripada itu juga, begitu juga gelanggang-gelanggang yang dipunyai oleh syarikat-syarikat swasta seperti TNB, Telekom dan sebagainya. Ini juga boleh kita gunakan, dan ini juga tertakluk kepada syarat-syarat yang diletakkan oleh syarikat-syarikat tersebut. Pihak Jabatan Belia dan Sukan, kita baru, kita luluskan sebanyak 112 gelanggang yang saya katakan tadi itu yang betul-betul di bawah Jabatan Belia dan Sukan di setiap 1 DUN ada dua gelanggang. Jadi, untuk menganjurkan sukan dan sebagainya sebenarnya bergantung kepada inisiatif kita berunding dengan pihak-pihak terutama sekolah sebab di semua daerah, saya ingat kita banyak gelanggang sekolah itu bergantung macam mana inisiatif kita berunding dengan pihak sekolah.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Bukit Batu.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya juga ingin tahu sebab kalau Penggal yang lepas kita dengar banyak cadangan untuk pembinaan *multi sport*. Nampaknya kurang dibina di dalam Johor tetapi sekarang nampaknya sudah tukar nama sudah jadi gelanggang rakyat. Sebab itu, saya hendak tahulah, adakah cadangan demi cadangan telah tidak dapat dilaksanakan ataupun apakah pembinaan gelanggang ini dapat mencapai sasarannya untuk pembangunan sukan Negeri Johor.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Untuk gelanggang berbagai-bagai guna ini, di peringkat Kementerian Belia dan Sukan memang setakat hari ini telah mengenal pasti dan saya percaya semua Ahli Yang Berhormat sudah mencadangkan nama-nama tempat untuk dibina dan saya yakin bahawa dalam tahun ini juga akan mula dibina gelanggang pelbagai guna ini. Yang 1 kawasan DUN itu, dua gelanggang.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Munusamy a/l Mareemuthu, jemput.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 6. [Walaupun terdapat banyak kekosongan dalam bidang pekerjaan am industri perindustrian, namun majikan berminat untuk mengambil pekerja-pekerja asing. Ini jelas dapat kelihatan apabila pekerja-pekerja lelaki tempatan (rakyat Malaysia) yang telah mencapai umur 45 tahun dan pekerja-pekerja wanita tempatan (rakyat Malaysia) yang mencapai umur 40 tahun, majikan enggan mengambil dan mengutamakan pekerja asing. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan terhadap majikan yang enggan mengambil pekerja-pekerja tempatan lelaki berumur 45 tahun ke atas dan perempuan 40 tahun ke atas.

Y.B. Dato' Speaker : Emm... *you* jawab eh...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan melalui Jabatan Tenaga Kerja dibawah Kementerian Sumber Manusia adalah berfungsi untuk mendaftarkan pencari kerja dan membantu mereka mendapatkan pekerjaan yang sesuai. Jabatan Tenaga Kerja juga berfungsi membantu para majikan untuk mendapatkan tenaga kerja yang sesuai dengan keperluan mereka. Jadi, untuk merealisasikan misi berkenaan, *Job Clearing System* dengan izin atau JCS yang merupakan salah satu aplikasi di bawah Bursa Buruh Elektronik atau *Electronics Labour Exchange,* dengan izin adalah merupakan sistem penjodohan pekerjaan, automatik atas talian yang disediakan oleh Kementerian Sumber Manusia. Sehingga 31 Mei 2008, adalah dilaporkan terdapat sebanyak 8,580 kekosongan untuk jawatan pekerja asas. Kekosongan ini diiklankan oleh majikan melalui Bursa Buruh Elektronik untuk diisi oleh pekerja tempatan.

Kerajaan, Yang Berhormat Dato' Speaker, amat menitikberatkan peluang-peluang pekerjaan untuk pekerja tempatan. Ini dilakukan dengan mensyaratkan, mensyaratkan mana-mana majikan yang ingin mengisi pekerja asing hendaklah mendapatkan surat perakuan pendaftaran dari Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. Jikalau mereka tidak mempunyai surat perakuan pendaftaran tersebut, Yang Berhormat Dato' Speaker, mereka tidak dapat mengambil pekerja asing. Untuk mendapatkan surat perakuan pendaftaran, majikan hendaklah memaklumkan kekosongan jawatan di dalam JCS secara atas talian ataupun majikan itu kena hadir ke mana-mana Pejabat Tenaga Kerja yang terdekat. Jabatan Tenaga Kerja hanya mengeluarkan surat perakuan pendaftaran JCS setelah berpuas hati majikan telah melakukan pelbagai usaha untuk mendapatkan pekerja tempatan. Surat pengesahan majikan menggunakan perkhidmatan JCS akan dilakukan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan mengikut sektor. Untuk memastikan produktiviti yang optimum dicapai, majikan lazimnya mempunyai kriteria dan syarat dalam menggaji pekerja. Ini adalah dari segi kelayakan pendidikan, tahap kemahiran dan juga umur kemasukan pekerja.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Puteri Wangsa.

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, memandangkan pekerja asing ini sudah menjadi satu budaya dalam negara kita, saya melihat bahawa syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan

Tenaga Kerja amat ketat. Tapi kalau kita lihat tentang kemasukan pekerja asing, khususnya di kilang-kilang saya mengambil contoh di kawasan Perindustrian Tebrau. Di mana ramai warga Bangladesh dan India bekerja di kilang-kilang. Dan *out sourcing* ini, atau pekerja asing melebihi daripada kuota yang diberikan kepada tiap-tiap industri perkilangan seperti contoh kadang-kadang mereka mengutamakan pekerja asing sebanyak 75 peratus sedangkan pekerja warga tempatan sebanyak 25 peratus. Bagaimanakah pemantauan? Dan melihat kepada industri marine time di MHSSC, MSSE, mereka mengambil para profesional termasuk *engineer* di kalangan pekerja-pekerja Filipina dan India dan pekerja lain. Jadi, ini menunjukkan bahawa mereka mengutamakan pekerja-pekerja asing lebih daripada pekerja-pekerja tempatan. Sedangkan banyak pemegang-pemegang ijazah yang tidak bekerja dalam negara kita yang masih lagi menganggur. Apakah pemantauan bagi memastikan bahawa pekerja tempatan perlu diberikan keutamaan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa pengambilan pekerja asing sebenarnya, kelulusannya datang daripada Kementerian, Kementerian yang memberi kelulusan berdasarkan kepada permintaan. Seperti mana, saya sebutkan tadi, apa yang berlaku adalah pihak majikan setelah membuat segala usaha-usaha untuk mendapatkan pekerja-pekerja tempatan apabila tidak mendapat, maka setelah mendapat surat perakuan pendaftaran barulah mereka dibenarkan untuk mengambil pekerja asing. Jadi dalam keadaan ini, saya berpendapat bahawa mungkin kalau Yang Berhormat mempunyai maklumat bahawa kilang yang tertentu yang, Yang Berhormat merasakan bahawa pendaftaran tidak memenuhi permintaan Jabatan Tenaga Kerja iaitu surat perakuan pendaftaran dikeluarkan tanpa mengambil kira pekerja tempatan, saya harap dapat dilaporkan kepada Jabatan Tenaga Kerja untuk kita mengambil tindakan sewajarnya.

Untuk makluman tambahan Dewan ini, sebagai contoh setiap bulan Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor ada membuat pemantauan berhubung dengan pemberhentian pekerja-pekerja di Negeri Johor. Sebagai contoh, untuk bulan Mac sebagai contoh, kita ada pemberhentian pekerja oleh sebuah kilang di mana kilang tersebut memberhentikan pekerja-pekerja kerana operasinya mendapat kerugian. Tetapi semasa dia memberhentikan pekerja, dia memberhentikan 21 orang pekerja tempatan dan 53 orang pekerja asing. Jadi dalam keadaan ini, saya rasa dalam kes-kes tertentu saya harap Yang Berhormat dapat membuat laporan kepada Jabatan Tenaga Kerja.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Parit Yaani dulu.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa pengusaha kilang ataupun majikan mempunyai syarat-syarat dalam proses pengambilan pekerja-pekerja. Syarat itu, 3 syarat iaitu 3D, *Discipline, Difficult* dan *Dirty*. Ini tiga syarat memang payah hendak dipenuhi oleh pekerja tempatan dan mereka ini memang tidak mampu hendak terima. Ini menjadi satu alasan kepada majikan

bukan tidak terima, pekerja tempatan tidak hendak kerja. Ini macam mana hendak selesaikan masalah ini. Terima kasih.

Y. B. Dato' Speaker : Ha.. ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, saya ingat dalam soalan dia tadi sudah ada jawapan. Iaitu berkaitan dengan sikap, apa yang kita, apabila kita bertanya kepada pihak majikan mengapa sampai ke peringkat perlu diambil pekerja-pekerja asing. Di antara sebab yang diberi oleh pihak majikan adalah masalah disiplin. *And then* masalah waktu bekerja biasanya orang tempatan ini, dia 8 jam sahaja dia hendak kerja, lebih 8 jam dia tak nak kerja. Tetapi apabila pekerja asing ini dia tak ada had, dia boleh kerja 12 jam, dia boleh kerja 14 jam. Dia tak ada anak, dia tak ada isteri. Sebagai contohlah... oh sini…

Y.B. Dato' Speaker : Buat apa balik dia tak ada anak, bini apa bikin.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Dan seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi dalam keadaan yang sedemikian, masalah disiplin sebab utama, di mana pihak majikan tempatan bukan cakap tidak mahu ambil, kurang berminat dan mereka telah menurut kepada peraturan-peraturan disediakan di bawah Jabatan Tenaga Kerja. Jadi untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan bukan minat sangat dengan pekerja asing, kita sudah mengambil pelbagai usaha, sebagai contoh kita ada Perbadanan Sumber Manusia Berhad, di mana dalam Perbadanan Sumber Manusia Berhad ini, setiap majikan ini perlu memberikan satu persen levi kepada perbadanan ini. Di mana perbadanan ini menawarkan latihan-latihan khusus kepada pekerja-pekerja tempatan ini. Kita juga ada Jabatan Pembangunan Kemahiran, di mana Jabatan Pembangunan Kemahiran ini menggalakkan melalui latihan kemahiran pembangunan dan pembaikan keupayaan seseorang yang diperlukan untuk kerjaya. Baru-baru ini Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Johor kita telah tubuhkan Jawatankuasa Sumber Manusia Negeri Johor, di mana kita menempatkan majikan-majikan, pemberi-pemberi latihan, Kesatuan-Kesatuan Sekerja untuk kita mendengar rintihan mereka. Apakah permasalahan yang membawa kepada permasalahan yang timbul dengan pekerja-pekerja ini. *So,* kita sedang merangka satu pelan tindakan supaya kepergantungan kita kepada pekerja-pekerja asing ini dapat dikurangkan dalam jangka masa yang tertentu, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, memandangkan hakikat bahawa Kerajaan Selangor sudah berpendirian bahawa salah satu penyelesaian untuk mengurangkan kepada pekerja asing ialah melaksanakan dasar gaji minimum. Adakah Kerajaan Negeri Johor akan membuat sedemikian dan juga mencadangkan kepada Kementerian Sumber Tenaga Manusia pada peringkat Kerajaan Persekutuan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan pekerja-pekerja asing yang enggan bekerja. Jadi, tapi walau bagaimanapun saya rasa berhubung dengan gaji minimum ini, adalah di bawah…

Y.B. Dato' Speaker : Lagipun ini tak masuk soalan asal, saya pun dia dah terlepas. Ini bukan soalan asal. Ada 3, saya kasi yang asal, soalan asal.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Dia sama geng, ok.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Sebenarnya kerajaan telah memperkenalkan banyak syarat dan terus memantau syarikat-syarikat, majikan-majikan supaya mengikut syarat-syarat dan kuota apabila mengambil pekerja asing dan pekerja tempatan. Tetapi ada juga masih kita dapat banyak kompelin daripada masyarakat tempatan, bahawa mereka tidak dapat peluang untuk bekerja dalam kilang-kilang. Setakat ini, adakah mana-mana syarikat yang dikenakan tindakan undang-undang diambil kerana tidak mematuhi, tidak mematuhi undang-undang berkenaan dengan pengambilan pekerja ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Berhubung dengan tindakan setakat ini, setakat ini belum ada mengikut rekod Jabatan Tenaga Kerja belum ada mana-mana majikan yang dikenakan tindakan berhubung dengan tidak mengambil pekerja tempatan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, masa dah habis Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Haji Adam bin Sumiru.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 7 dan 8. [Adakah relevan bagi guru untuk menghadiri kursus-kursus yang tidak berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran seperti kursus pentadbiran dan pengurusan dan sekiranya tidak mengikutinya akan terjejas proses kenaikan gaji mereka?][Adakah wajar guru-guru dipaksa menghadiri kursus pada hari persekolahan dan mengganggu masa pengajaran?]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya menjawab soalan 7 dan 8 secara bersekali yang dibangkitkan oleh Ahli dari kawasan Tanjung Puteri. Guru-guru tidak perlu untuk menghadiri kursus-kursus yang tiada berkaitan dengan pentadbiran kecuali pentadbir seperti Guru Besar ataupun Pengetua. Mulai tahun 2008, guru-guru hanya dikehendaki hadir kursus di sekolah masing-masing sebagaimana peruntukan kewangan yang telah diturunkan ke sekolah-sekolah. Amalan biasa yang dilakukan sebelum ini tidak lagi diteruskan di mana guru-guru tidak lagi perlu menghadiri kursus di tempat-tempat lain kecuali kursus yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pelajaran di mana kebiasaannya kursus yang dianjurkan adalah berkaitan dengan perkenalan program atau mungkin perubahan kurikulum yang baru. Kursus

yang dianjurkan juga tidak melibatkan sesi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Tiada istilah paksaan sebenarnya bagi guru-guru untuk menghadiri program-program yang dianjurkan oleh mana-mana unit, bahagian termasuk di Jabatan Pelajaran Negeri Johor, Pejabat Pendidikan Daerah, Kementerian Pelajaran Malaysia. Walau bagaimanapun, guru-guru harus memastikan mematuhi pekeliling latihan 2005 di mana guru-guru perlu menghadiri kursus 7 hari setahun mengikut pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Jadual waktu anjal akan disediakan untuk mereka oleh mana-mana unit bahagian, termasuk di Jabatan Pelajaran Negeri Johor, PPD ataupun Kementerian Pelajaran Malaysia. Ini bagi membolehkan sekolah sentiasa berada dalam keadaan terkawal dan tidak menjejaskan pengajaran dan pembelajaran.

Y.B. Dato' Speaker : Ya... Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli PIBG sekolah terutamanya memang ibu bapa selalu merungut *syllabus* pembelajaran anak-anak mereka tidak mengikut jadual, apabila akhir tahun. Dan guru-guru sendiri pun, guru-guru yang mengajar biasa ini, pun merungut sebenarnya oleh kerana mereka kena pergi kursus, kalau tidak mereka ini akan tidak naik gaji mereka.

Y.B. Dato' Speaker : Tak naik pangkatlah.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Tak naik pangkat dan juga mereka guru-guru ini juga dia merungut kerana akhirnya mereka ketinggalan *syllabus* pengajaran tersebut. Jadi, saya minta penjelasan pertama**,** kursus apa yang mereka guru-guru ini kena pergi. Dan seterusnya tak bolehkah kursus-kursus ini diadakan hari Sabtu dan Ahad ataupun cuti sekolah. Sekian.

Y.B. Dato' Speaker : Kursus apa ni Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti yang saya nyatakan tadi, bahawa tahun 2008, kursus-kursus telah pun diperturunkan di peringkat sekolah. Di mana Guru Besar ataupun Pengetua boleh menetapkan masa yang sesuai bagi guru-guru menghadiri kursus tersebut. Tetapi sekiranya pihak sekolah telah menetapkan dengan persetujuan jabatan, guru-guru ini enggan untuk menyertai kursus tersebut, maka guru-guru ni sebenarnya dikehendaki untuk memberi sebab yang munasabah, kena surat tunjuk sebab. Jadi, kalau tidak ada sebab yang munasabah barulah boleh diambil tindakan tatatertib kepada guru tersebut. Yakni kursus yang ditetapkan mengikut pekeliling 7 hari setahun. Jadi, kursus yang apa tu, biasanya yang 7 hari setahun ini ialah latihan dalam perkhidmatan. Bagi guru-guru yang lebih kepada kaedah mengajar untuk meningkatkan prestasi guru-guru tersebut. Dan untuk Negeri Johor ini maklumat tambahan, bahawa kita dalam setahun ini kita telah pun apa tu, diperuntukkan sebanyak RM12 juta dan ini akan.. apa tu, diadakan di sekolah masing-masing di mana daripada RM12 juta tu, kalau ikut perangkaan belanja untuk kursus bagi seorang guru lebih kurang RM300.00. Dan, apa tu kita boleh melatih 40,000 guru di seluruh Negeri Johor bagi tahun ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, kursus perkahwinan masuk tak Yang Berhormat, yang sibuk ni.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Kursus Perkahwinan tak masuk.

Y.B. Dato' Speaker : Tak masuk. Parit Yaani lagi, ok.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Guru-guru tidak perlu menghadiri kursus pada hari persekolahan, ini adalah satu langkah yang terbaiklah. Tetapi setahu saya, guru tak perlu hadir, tetapi Guru Besar, Penolong Kanan selalu dipanggil untuk mesyuarat sini, mesyuarat sana, pada hari persekolahan. Dan selalunya program-program yang dirancang oleh pihak Jabatan Pelajaran hanya untuk percubaan sahaja, bila *testing* tak berapa sesuai ubah lagi. Ini jadi satu mengelirukan masalah kepada guru-guru dan juga kepada ibu bapa. Saya ambil contoh laporan berkenaan dengan kesihatan setiap murid. Dalam dua tahun lepas itu, berhenti, tukar. Saya rasa format-format yang selalu ditukar, kos belanja.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, soalan apa?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Soalan saya ini, saya nak masuk Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Eh.. mana ada masuk lagi, tak masuk pun soalan tu.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ini ada jalan sikit-sikit, macam jalan kampung, lepas tu masuk ke jalan raya. Adakah pihak Jabatan Pelajaran mengambil langkah-langkah yang tertentu, bahawa program yang dirancang itu memang akan dijalankan untuk jangka panjang, bukan untuk percubaan. Sekian, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya Guru Besar sekarang ini merupakan pentadbir sepenuh masa di peringkat sekolah. Dan dia pun tak seperti guru biasa di mana tak terlibat secara langsung dalam pengajaran di peringkat sekolah. Jadi, kursus-kursus dan apa tu, seperti yang saya nyatakan tadi kebanyakan sekolah sekarang ini dah menetapkan kursus tidak mengganggu hari persekolahan. Dan biasanya diadakan selepas waktu sekolah ataupun diadakan pada hari Sabtu dan juga hari Ahad. Dan apa tu, bagi kursus-kursus ataupun apa tu, panggilan mesyuarat yang katanya mengganggu seperti yang saya nyatakan tadi Guru Besar tidak terlibat dengan pengajaran. Dan kalau ada perkara-perkara yang mustahak sahaja biasanya pihak jabatan akan memanggil mereka-mereka yang terlibat. Supaya kita ada sebenarnya kita pastikan apa juga tindakan ataupun apa juga panggilan mesyuarat yang apa tu, dibuat oleh pihak jabatan ataupun pihak Kementerian tak mengganggu sebenarnya pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Masa dah habis. Mana-mana soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula. Sila. Yang Berhormat Skudai, yang semalam Permas belum habis cakap lagi. *Sorry*, ok. Yang Berhormat 3 hari, ini yang ke-4 tak boleh panjang.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun 3 hari baru cakap 10 minit, Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Itu Yang Berhormat punya hallah, saya kira 3 hari. (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana mengizinkan saya untuk menyambung perbahasan. Di sini saya ingin membangkitkan satu masalah lalu lintas yang sedang dihadapi di kawasan saya iaitu di persimpangan Permas Jaya dan Plentong. Masalah ini sangat kritikal dan sering menjadi rungutan penduduk tempatan. Jalan masuk ke Permas Jaya sangat sempit kerana adanya jambatan kereta api dan jambatan Lebuh raya Pasir Gudang. Bilangan kenderaan yang menggunakan laluan di bawah kedua-dua jambatan yang berhampiran ini sangat banyak tetapi akibat jalan sempit laluannya selalu berlaku *jam* dan mengambil masa yang begitu lama untuk keluar masuk khususnya pada waktu-waktu tertentu. Penduduk Bandar Permas Jaya yang ingin pergi balik ke Bandar Plentong dan Pasir Gudang perlu menggunakan laluan ini. Kadang kala mereka terpaksa menunggu sehingga 20 minit untuk melintas lampu trafik di hujung laluan ini. Begitulah panjangnya *jam*. Laluan ini saya percaya telah dibina lebih 20 tahun dahulu. Saya percaya apabila Yang Berhormat Dato' Speaker masih menjadi Wakil Rakyat bagi kawasan itu, laluan itu sudah ada.

Y.B. Dato' Speaker : Tapi elok. Masa saya bagus. (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Sekarang mesti mahu tambah baik lagi, Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Dia tak nampaklah sekarang jalan.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Pada ketika itu, hanya sebahagian kawasan perumahan Permas Jaya telah wujud, tetapi keadaan kini sudah berbeza. Terdapat hampir 23,000 penduduk di kawasan Bandar Baru Permas dan di bandar Plentong. Orang-orang ataupun penduduk-penduduk kawasan ini termasuk orang-orang luar juga sentiasa mengulang-alik dengan menggunakan laluan ini. Pada masa ini, ramai penduduk ataupun pemilik-pemilik rumah mempunyai lebih daripada 1 kereta. Ada juga yang terdapat sehingga 5 kereta.

Y.B. Dato' Speaker : Sudah naik harga minyak pun 5 kereta?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Itu dah beli dulu.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, sudah beli dulu-dulu.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Oleh itu, saya rasa sampailah masa untuk meningkatkan prestasi dan kemudahan laluan ini dengan membina *interchange* ataupun membesarkan laluan menjadi 4 lorong. Penduduk tempatan telah menyuarakan masalah ini kepada saya beberapa kali. Saya sendiri telah meninjau perkara ini dan berasa bahawa satu tindakan harus diambil dengan segera untuk mengatasi keadaan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jika isu-isu seperti ini diabaikan maka masyarakat tempatan yang sentiasa menggunakan jalan ini akan berasa hampa dan kecewa terhadap kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu perkara lagi yang saya ingin membangkitkan adalah Program Buku Hijau yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Rengit. Kerajaan sedang memberi banyak tumpuan terhadap sektor pertanian. Pihak swasta digalakkan melibatkan dalam sektor ini untuk menambah produktiviti negara secara komersil. Pada masa ini, harga barangan sentiasa menaiki dan rakyat menghadapi banyak kesulitan untuk menguruskan bajet keluarga. Mereka perlu berjimat cermat dan mengurangkan pembelian barangan. Tetapi kita tidak boleh mengelakkan pembelian barang-barang keperluan harian termasuk barangan makanan seperti sayur-sayuran.

Pada satu ketika dahulu, tahun 70-an dan 80-an kita boleh lihat penanaman sayur di tapak-tapak kosong di halaman rumah bukan sahaja di kawasan perladangan dan perkampungan tetapi juga di rumah-rumah di kawasan bandar. Tetapi kini, rumah-rumah penuh dengan pasu-pasu bunga dan landskap sahaja di mana pemilik rumah belanja beribu-ribu ringgit untuk menghiaskan halaman rumah mereka. Kita kena ubah sikap kita supaya kita menjadi *self sufficient* dengan izin iaitu memenuhi keperluan diri kita sendiri. Penanaman sayur-sayuran di halaman rumah perlulah digalakkan. Halaman rumah akan di kelihatan lebih ceria di samping mendatangkan hasil dan memenuhi keperluan keluarga kita sendiri. Kita juga akan lebih sihat dengan kerja-kerja penanaman, *home gardening* dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, cadangkan tanam apa yang elok tu depan rumah?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Sekarang macam-macam Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Yang bagus?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang bagus tanam sayur-sayur sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah tanam sayur apa?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Tomato. Tomato pun boleh juga.

Y.B. Dato' Speaker : Tomato?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Ataupun ubi kayu. Ubi kayu pun dah cukup.

Y.B. Dato' Speaker : Ubi kayu? Alamak, ubi kayu tempat lainlah.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Tapi kita galakan untuk makanan alternatif daripada nasi.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, terung bagus?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terung pun bagus juga. Semua sayur-sayuran. Semua sayur-sayuran yang lebih berzat. Terdapat juga banyak kawasan-kawasan lapang iaitu rizab tanah lapang, rizab tanah JPS, tapak sekolah dan lain-lain yang daripada lain-lain agensi. Ada juga tapak-tapak rizab ini yang belum digunakan dan masih kosong terbiar begitu sahaja sehingga kadang kala menjadi semak samun dan hutan rimba.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat rumah dah tanam pokok sayur? Rumah Yang Berhormat.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Ada juga dekat belakang, adalah sikit.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, bukan depan, belakang, betul?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Ada, memang ada. Bolehlah bila-bila jemput dia Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, ok.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Tanah-tanah seperti ini boleh digunakan untuk mendatangkan hasil. Oleh itu, kelulusan sementara boleh diberi kepada individu ataupun kumpulan-kumpulan penduduk yang ingin mengusahakan tanah ini untuk penanaman sayur-sayuran. Banyak kosong di kawasan-kawasan perumahan. Misalnya, tapak sekolah Yang Berhormat Dato' Speaker, yang masih kosong yang kadang kala seluas 10 ekar boleh digunakan oleh pihak guru-guru atau PIBG untuk menanam sayur-sayuran dan buah-buahan secara kelompok. Program ini juga boleh dijadikan sebagai satu aktiviti komuniti berbilang kaum. Ini sudah tentu akan menggalakkan perhubungan rapat antara berbilang kaum dan menggalakkan perpaduan dan keharmonian.

Saya difahamkan bahawa agensi-agensi kerajaan seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan menjalankan Program Penanaman Sayur di kawasan pusat-pusat pemulihan. Mereka juga telah memperkenalkan Program Pemulihan Dalam

Masyarakat yang mana penagih dadah yang mengikuti program pemulihan ini boleh berada bersama keluarga tetapi agensi ini memberi garis panduan dan memantau aktiviti mereka. Mereka perlulah melaporkan diri dengan Balai Polis dan agensi ini setiap bulan seperti dengan ekosistem yang diamalkan oleh kerajaan baru-baru ini. Pihak agensi ini membantu mereka mencari kerja dan juga menambah pendapatan seperti program ekonomi, penanaman sayur-sayuran, pemelihara ikan dan sebagainya. Mereka juga memerlukan tanah-tanah bagi aktiviti-aktiviti mereka ini. Semalam saya telah menghadiri satu majlis untuk merasmikan satu Program Jati Diri bagi peserta-peserta yang mengikuti program ini dan mereka juga meminta saya untuk mencari tapak tanah di kawasan Permas untuk menjadikan tanaman sayur-sayur. Oleh itu, saya juga bercadang di sini supaya tapak-tapak seperti ini yang berada di kawasan-kawasan dalam perumahan ini diberi kelulusan untuk digunakan sebagai tapak untuk menanam sayur-sayuran dan juga bagi tanaman buah-buahan.

Y.B. Dato' Speaker : Tanah siapa tu Yang Berhormat?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Tanah dimiliki oleh PBT. Yang Berhormat Dato' Speaker, satu perkara yang saya ingin utarakan ialah berkenaan dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial, PERKESO atau SOCSO. Seksyen 46 Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Pekerja 1971, tidak membenarkan tuntutan pencen ilat bagi mereka yang berusia lebih 55 tahun. Baru-baru ini kerajaan telah meluluskan had umur bekerja sebagai 58 tahun. Ada juga sektor swasta yang membenarkan pekerja-pekerja mereka berkhidmat sehingga 60 tahun, ada juga sehingga 65 tahun.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti syarikat-syarikat keselamatan *Security Services* yang selalu mengambil pesara. Oleh itu, saya rasa peraturan ini adalah *obsolete,* dengan izin atau tidak boleh digunakan lagi. Tambahan pula mereka yang berusia lebih 55 tahun atau warga emas sentiasa mendampingi pelbagai penyakit dan menghadapi masalah untuk bekerja. Oleh itu, mereka ini yang menjadi pencarum PERKESO ini harus diberi peluang untuk menuntut kemudahan-kemudahan pencen ilat dan lain-lain faedah dari SOCSO.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk meminta pihak kerajaan mengarahkan pihak majikan untuk memberitahu kepada pihak pekerja, pekerja-pekerja mereka berkenaan dengan kemudahan-kemudahan yang boleh didapat daripada SOCSO. Ramai daripada pekerja-pekerja kita tidak mengetahui apa juga kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh PERKESO ini. Apabila menghadapi ataupun masalah ataupun kemalangan barulah mereka mencari Wakil Rakyat untuk mendapat bantuan. Dan apabila kita berhubung dengan pihak SOCSO barulah diberitahu ada kemudahan ini, ada kemudahan itu. Oleh itu, saya rasa perlulah pihak SOCSO ataupun pihak majikan memberitahu kepada setiap pekerja apalah kemudahan daripada skim insuran ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berbalik kepada kawasan saya, Yang Berhormat Dato' Speaker, ini ada, saya ingin mencadangkan Kampung Teluk Jawa dan Kampung Senibong yang menjadi kawasan popular makanan laut dinaik taraf. Setiap hari khususnya hujung minggu dan hari kelepasan am kawasan ini dibanjiri oleh orang-orang luar terutama daripada Singapura kerana

terdapat makanan laut yang segar. Ada juga chef dari kalangan Orang Asli yang memasak begitu sedap.

Y.B. Dato' Speaker : Apa nama dia? Makanan apa?

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Chef,chef, tukang masak. (Dewan ketawa)

Y.B. Dato' Speaker : Oh... saya ingat apa chef, chef, ha... yalah.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Ini kita dah menarik terus, kita nak naikkan taraf semua. Oleh itu saya rasa lebih eloklah kita cari nama-nama yang baru. Dengan pembinaan lebuh raya baru dari Bakar Batu hingga Pasir Gudang, yang melalui kedua-dua kawasan ini sudah tentu lebih mudah bagi pelawat dari Singapura dan juga lain-lain tempat untuk berulang alik di kawasan ini. Saya bercadang *exit* atau ruang keluar masuk dibina dari lebuh raya ke tempat-tempat ini tetapi minta jangan kenakan tollah. Saya cadangan supaya kawasan ini menjadikan kawasan *tourist attraction*, dengan izin bagi Negeri Johor. Bukan sahaja kawasan tersebut dinaik taraf tetapi juga jalan-jalan yang keluar masuk ke kawasan ini perlu dinaik taraf dengan lampu-lampu hiasan kepada landskap yang menarik, bukan sahaja kerajaan yang bermanfaat tetapi juga penduduk tempatan akan menikmati keuntungan dengan aktiviti pelancongan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin menyokong seruan daripada Yang Berhormat ADUN Pengkalan Rinting supaya cukai tanah bagi sekolah-sekolah Cina dan sekolah-sekolah Tamil dihapuskan dengan bayaran hanya nominal seringgit. Saya juga merasa pihak sekolah-sekolah ini tidaklah seharusnya memohon setiap tahun untuk pengecualian bayaran ini. Di samping itu, saya juga meminta pihak kerajaan supaya menukar status sekolah-sekolah ini menjadi sekolah bantuan penuh yang mana kerajaan bertanggungjawab untuk pembinaan fizikal sekolah-sekolah ini. Pada masa ini banyak masalah berkenaan dengan sekolah-sekolah Tamil dan Cina yang mana sekolah-sekolah ini dikategorikan sebagai sekolah bantuan modal dan bantuan penuh. Walaupun guru-guru mendapat gaji yang sama, pelajar-pelajar mendapat kemudahan-kemudahan yang sama, tetapi bangunan dan juga keadaan sekolah, halaman sekolah, senario sekolah itu berbeza, berbeza banyak. Kadang-kadang bangunan-bangunan yang telah dibina di sekolah-sekolah Tamil itu lebih daripada 70 tahun, 70 tahun dahulu yang dibina.

Y.B. Dato' Speaker : Tapi banyak sekolah nak bina baru, dua tingkat.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Ada yang baru, baru berapa, berapa *percent* sahaja Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Boleh tahan.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Ada banyak lagi sekolah-sekolah di kawasan-kawasan luar bandar yang bangunannya telah pun lusuh dan hampir-hampir jatuh. Pihak JKR telah memberi amaran kepada banyak

sekolah-sekolah ini supaya katakan tidak layak digunakan untuk menggunakan sebagai sekolah tetapi masih digunakan. Tidak ada alternatif, tidak ada tempat lagi, kita apa nak buat, jadi kita kena gunakan sekolah-sekolah itu. Itulah sebabnya kita mohon supaya sekolah-sekolah ini ditukar status menjadi Sekolah Bantuan Penuh supaya kerajaan boleh mengambil kira dan juga membina bangunan-bangunan baru bagi sekolah-sekolah ini.

Pada masa ini masyarakat perlu mencari duit sendiri dan juga perlu meminta bantuan daripada Kerajaan Negeri. Di sini saya sekali lagi ingin ucap terima kasih dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana di Negeri Johor ini kita mendapat banyak bantuan, peruntukan-peruntukan khas daripada Yang Amat Berhormat Dato' untuk membina dan membaik pulih sekolah-sekolah Tamil di Negeri Johor ini, tetapi ini tidak mencukupi. Saranan saya adalah untuk kementerian sendiri mengambil alih sekolah-sekolah ini dan membina sekolah-sekolah baru bagi mengganti sekolah-sekolah yang hampir-hampir jatuh ini. Dengan kata-kata ini, saya turut menyokong rundingan usul menjunjung kasih atas titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan Johor yang dibawa oleh Yang Berhormat ADUN Rengit. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, perbahasan diteruskan. Yang Berhormat, jemput.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Di Pertuan, Skudai ingin mengambil kesempatan ini untuk menceburi membahaskan usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan Johor sempena pembukaan rasmi Dewan yang mulia ini, yang ke-12 pada 19 Jun 2008. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku kerana sudi menyampaikan titah Baginda pada hari Khamis yang lepas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kenaikan harga minyak telah membawa penderitaan yang semakin mencengkam, ekoran kenaikan harga petrol sebanyak 40 peratus. Pengangkutan awam merupakan satu kaedah, khasnya khidmat bas dan teksi sepatutnya menjadi penyelesaian untuk mengatasi inflasi dan menahan pencemaran udara. Malangnya pengangkutan awam dan kemudahan awam dan berkaitan dengannya telah diabai-abaikan selama ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Skudai berharap perkhidmatan pengangkutan awam dan pembangunan kemudahan awam akan diberikan perhatian dan mendapat keutamaan oleh Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri. Pada Mei, 2006, lebih kurang 1000 orang penduduk Taman Sri Skudai dan Taman Sri Puteri telah menghantar sepucuk memorandum bertanda tangan kepada Kerajaan Tempatan, Kerajaan Negeri dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan iaitu LPKP Wilayah Selatan, meminta, memulihkan perkhidmatan bas di kawasan perumahan berkenaan. Ekoran memorandum tersebut, syarikat bas Handal Indah memulakan perkhidmatan bas di kawasan perumahan berkenaan selama sebulan sahaja sebelum diberhentikan perkhidmatan bas atas sebab-sebab mengikut China Press bertarikh 13 Mei 2008:

i. Kekerapan khidmat bas tidak dapat mematuhi jadual yang tetap.

ii. Syarikat-syarikat bas lain tidak berminat memasuki kawasan perumahan berkenaan sebab penumpang-penumpang dari kawasan perumahan lain misalnya Taman Universiti dan Taman Desa Skudai, Sri Puteri dan lain-lain lebih gemar, lebih gemar menumpang bas-bas yang memirau Taman Sri Skudai dan Taman Sri Puteri.

iii. Pembantu penumpang yang bergaji komisen sekarang enggan membawa bas ke kawasan perumahan berkenaan sebab kehilangan para penumpang yang ingin memirau Taman Sri Skudai dan Taman Sri Puteri.

Untuk Yang Berhormat Dato' Speaker, menurut maklumat yang terkini, saya ada dimaklumkan bahawa sekarang perkhidmatan bas di kawasan Johor Bahru dan Johor Bahru Tengah berhenti pada malam pukul 10:00 sebab selepas pukul 10:00 mereka pembantu bas tidak ingin membawa sebarang penumpang sebab kenaikan kos dan juga mereka bergaji berasaskan komisen. Kalau kekurangan penumpang mereka langsung tidak ambil membawa mana-mana penumpang. Oleh itu ketidakadaan perkhidmatan bas di Taman Sri Skudai dan Sri Puteri menyebabkan para penduduk berjalan kaki selama 15 atau 30 minit untuk menaiki bas di perhentian bas di lebuhraya Skudai-Senai. LPKP Wilayah Selatan telah menjawab secara bertulis kepada Skudai bahawa syarikat pengangkutan Bas Maju telah bersetuju memulakan perkhidmatan bas di kawasan perumahan tersebut dengan lesen sementara dan dijangka memulakan operasi 3 bulan dari sekarang. Diharapkan pihak berkuasa akan memastikan semua syarikat bas di kawasan tersebut memulakan tanggungjawab sosial mereka dengan memberikan khidmat bas di kawasan-kawasan perumahan.

Sehubung dengan peningkatan taraf pengangkutan awam, Skudai mengharapkan projek monorel dapat direalisasikan dalam jangka masa yang singkat. Khidmat monorel dapat mengurangkan masalah kenaikan harga petrol, kekurangan sumber tenaga dan pencemaran alam sekitar. Monorel merupakan pengangkutan awam alternatif yang sesuai. Projek monorel Johor Bahru telah diumumkan pada 3 Oktober 2005 dan dijangka menelan perbelanjaan sebanyak RM1.2 bilion. Rangkaian monorel pertama akan menghubungi pusat bandar raya Johor Bahru dan Hospital Sultanah Aminah, Kem Tentera Majidee, Pasar Borong Pandan sehingga Tebrau City. Rangkaian kedua sehingga Nusajaya dan rangkaian ketiga sehingga Skudai. Tetapi setakat ini projek monorel Johor Bahru ini merupakan janji-janji kosong sahaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Skudai mengharapkan rangkaian monorel akan dilaksanakan secepat mungkin sebagai sistem pengangkutan awam Johor Bahru dimajukan setaraf dengan bandar raya-bandar raya antarabangsa lain. Rangkaian monorel mesti diseragamkan dengan sistem pengangkutan awam lain termasuk khidmat bas, teksi dan *train* di kawasan pusat bandar raya seharusnya dipertimbangkan. Sistem pembayaran satu kad dan pengurusan seragam juga boleh memudahkan penggunaan pengangkutan awam yang telah dilaksanakan di bandar raya-bandar raya antarabangsa lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Skudai berharap sistem monorel tidak akan mencontohi Kuala Lumpur di mana terdapat rangkaian monorel, 3 rangkaian monorel iaitu monorel LRT dan Putra yang tidak seragam di antara satu sistem

dengan yang lain, iaitu kalau hujan kita terpaksa berjalan dalam hujan dari satu stesen ke satu stesen yang di bawah urusan syarikat lain. Kemudahan pengangkutan awam misalnya perhentian teksi dan bas mesti juga digabungkan. Contohnya perhentian-perhentian bas di Taman Jaya Skudai, Skudai Parade, kawasan Syahbandar, Taman Ungku Tun Aminah dan Sekolah Kuo Kuang memerlukan perhentian teksi yang sesuai memandangkan pemandu-pemandu teksi beroperasi di khemah sementara. Kemudahan awam adalah penting dalam usaha menggalakkan penggunaan pengangkutan awam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, rancangan kemudahan awam yang sempurna adalah amat penting untuk menjimatkan sumber kewangan kerajaan. Contohnya pembinaan jambatan bertingkat Jalan Senai dan Jalan Pontian bersebelahan Taman Sri Skudai menelan perbelanjaan sejumlah RM40 juta berbanding dengan jambatan bertingkat di Jalan Skudai - Lebuhraya Pasir Gudang, pembinaan jambatan bertingkat Jalan Senai Pontian telah menimbulkan pelbagai masalah sehingga para penduduk pada 12 Disember 2007 terpaksa menghantar sepucuk memorandum kepada pihak berkuasa. Masalah-masalah telah timbul selepas persiapan jambatan bertingkat Jalan Senai - Jalan Pontian adalah berikut ini:

i. Jambatan tersebut tidak menghubungi jalan raya dari arah Taman Impian Emas.
ii. Kenderaan dari arah Senai yang hendak memasuki Taman Sri Skudai, Taman Putri dan Bandar Skudai terpaksa membuat pusingan U sama ada di bawah jambatan bertingkat Taman Tun Aminah atau pusingan U di UTM iaitu jaraknya 2km dari persimpangan terdekat memasuki Taman Sri Skudai.
iii. Kesesakan lalu lintas di bawah jambatan bertingkat Taman Ungku Tun Aminah khasnya waktu sibuk sebab banyak kenderaan dari arah Senai terpaksa membuat pusingan U dua kali di sana jika hendak memasuki Taman Sri Skudai dan Taman Sri Putri.
iv. Pusingan U yang terlalu jauh telah menyusahkan pemandangan ini memasuki Taman Sri Skudai dan Taman Sri Puteri serta mengurangkan aktiviti *business* di kawasan perumahan tersebut. Sebelum jambatan bertingkat dibuka terdapat 30 hingga 40 peratus rumah kedai di Taman Sri Skudai telah terbengkalai ekoran pembukaan jambatan bertingkat ini, para peniaga menghadapi kemerosotan *business* dan lagi besar sebab kekurangan pelanggan dari Kulai dan Senai yang mendapati kesulitan memasuki Taman Sri Skudai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, para penduduk telah mencadangkan dalam pemimpin kepada JKR bahawa jambatan bertingkat berkenaan dicantumkan dengan jambatan susur dari arah Taman Impian Emas dan dicantumkan dengan jambatan susur ke Jalan Sri Skudai, Taman Sri Skudai. JKR sewajarnya mengkaji cadangan penduduk secara terperinci supaya lalu lintas keluar dan masuk kawasan perumahan berkenaan dapat diperbaiki.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Skudai telah mewakili Ahli Dewan yang mulia ini dari Pakatan Rakyat serta memohon pertukaran tempat duduk kami di dalam Dewan yang mulia ini, melalui surat bertarikh 14 Mei iaitu ditukar dari bersusunan

tempat sekarang kesusunan tempat duduk tradisional di mana Ahli-Ahli Parti Pembangkang ditempatkan supaya berdepan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor. Menurut praktis Parlimen Persekutuan Malaysia Dewan Undangan Negeri lain dan Dewan Undangan Negara-Negara Komanwel lain. Tempat duduk Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dato' Speaker, tempat duduk Ahli-Ahli Dewan Pakatan Rakyat sekarang ini walaupun ada satu kemudahan iaitu bilik air dekat sekali. Tetapi...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat selalu rajin pergi bilik air. Ha, rajin pergi bilik air. Selalu.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tadi minum air banyak sikit.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Baguslah dekat bilik air.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ya, tapi seumpama orang hitam di Amerika pada tahun 1960-an di mana mereka membayar tambang bas yang sama dengan orang putih tetapi cuma diizinkan duduk di bahagian belakang bas. Para pengundi memberikan mandat kepada 6, 6 ahli dewan dari Pakatan Rakyat sebagai suara pembangkang. Keputusan mereka mesti dihormati. Peraturan Bilangan 124 Peraturan dan Perintah Tetap bagi Dewan yang mulia ini memperuntukkan di dalam sebarang perkara yang tidak ada disyaratkan Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap ini, maka cara-cara dan peraturan-peraturan dipakai di dalam Dewan Rakyat Persekutuan Tanah Melayu hendaklah diikut dengan seberapa hampir yang boleh.

Y.B. Dato' Speaker : Itu jika perlu sangat, tapi kalau Yang Berhormat…

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat bila saya cakap kena duduk sekejap.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Boleh-boleh.

Y.B. Dato' Speaker : Bila remeh temeh yang agak tidak terdesak. Ha, itu Speaker je boleh menentu bila di dalam Dewan. Tapi saya kalau benda yang saya anggap Yang Berhormat punya permohonan, wah ini memang mesti. Ini duduk tak kisahlah. Sama kerusi set semua cantik dan saya pun tengok Yang Berhormat sentiasa tengok kadang malas juga tengok Yang Berhormat sangat. Tapi dah depan ini lagi terang saya tengok, jadi makna kalau Yang Berhormat hidup api, hah nyala ya. Jadi, itu takpalah yang sikit-sikit kita akan lihat di tempat yang baru esok. Dekat apa tu. Nusajaya ah baru tu lawa esok semua cantik. Ok. Ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, bayangkan macam mana Dato' Sri Khir Toyo berasa sekarang kalau dia menjadi Ketua Pembangkang di Negeri Selangor disuruh duduk belakang sekali.

Y.B. Dato' Speaker : Takpa dia tak kisah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Itu satu penghormatan yang asas.

Y.B. Dato' Speaker : Ni memang di Johor ini memang lain sikitlah. Johor lain sikit. Macam…

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Jangan, kita sepatutnya belajar dari negeri yang maju, jangan belajar dari…

Y.B. Dato' Speaker : Itu belajar, tu kalau perkara yang baik, kalau dah Yang Berhormat riuh beritahu rakyat kawasan Yang Berhormat, saya bergaduh dalam Dewan pasal nak duduk tempat. Saya ingat kalau kerana tempatlah Yang Berhormat ni sibuk sangat dalam Dewan ni Yang Berhormat tak boleh, bila saya cakap, Yang Berhormat ini bukan perbahasan. Saya teruskan lagi. Ok. Jemput-jemput Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ha yalah. Yang mustahaklah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh itu Skudai dan Y.B., Y.B. Pakatan Rakyat berpandangan bahawa kombinasi susunan tempat di dalam Dewan Negeri Johor sepatutnya mematuhi susunan tempat duduk di dalam Parlimen Persekutuan Malaysia. Saya mengharapkan Dewan yang mulia ini, akan menghormati tradisi ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Skudai juga mengharapkan Dewan yang mulia ini, akan diiktiraf kedudukan dan kepentingan parti pembangkang dengan mempersiapkan kemudahan-kemudahan berikut ini:

i. Mengiktiraf kedudukan Ketua Pembangkang secara rasmi.
ii. Menyediakan bilik mesyuarat khas untuk parti pembangkang tujuan mesyuarat dalaman dan sidang akhbar.
iii. Memberikan kemudahan elaun Pembantu Kesetiausahaan, Pembantu Penyelidikan dan lain-lain untuk Ahli-Ahli Pembangkang.

Malah ahli-ahli dan penyokong pembangkang masih ketara di Negeri Johor. Minta maaf Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bagi 3 contoh:

i. Pihak Berkuasa Pasir Gudang telah merobohkan rumah setinggan Encik Sulaiman Hashim di Kampung Pasir Putih, Pasir Gudang pada 23 Mei 2008 atas alasan bendera parti PAS dipasang di rumahnya. Memandangkan 700 rumah setinggan dari 1000 rumah setinggan sana adalah diduduki oleh pendatang asing. Rumah setinggan warganegara sendiri dirobohkan tetapi.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat betul?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Laporan Polis telah dibuat.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah kadang ada sebab-sebab yang lain yang kena siasat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tetapi setinggan asal negara asing mempunyai hak lebih daripada orang tempatan.

ii. Ketua UMNO Bahagian Batu Pahat telah menghantar sepucuk surat bertarikh 14 Mac 2007 bersama dengan senarai nama kontraktor Kelas F yang dikatakan penyokong dan simpati kepada pembangkang untuk dihitam senaraikan oleh JKR daerah Batu Pahat.

iii. Menurut laporan New Straits Times bertarikh dengan izinnya bertarikh 10 Mei 2008 Pegawai Khas dilantik oleh Menteri Besar untuk mengawasi 6 kawasan DUN yang dimenangi pakatan rakyat. Ini bermakna peruntukan pembangunan kecil yang biasanya disalurkan melalui ADUN masing-masing akan disalurkan melalui jentera Barisan Nasional tanpa pengetahuan ADUN-ADUN pakatan rakyat kawasan di kawasan mereka sendiri di mana mereka diberikan mandat oleh pengundi-pengundi di kawasan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, minta maaf sebab sudah lama Dewan yang mulia ini tidak mempunyai sebarang Ahli-Ahli Pembangkang selama 20 tahun.

Y.B. Dato' Speaker : Apa Yang Berhormat? Tak jelas.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Skudai kata tadi sebab Dewan yang mulia ini sudah lama tidak ada sebarang Ahli Pembangkang selama 13 tahun.

Y.B. Dato' Speaker: Ada, yang lepas ada.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Saya.

Y.B. Dato' Speaker : Pilihan raya yang lepas ada seorang.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Oh minta maaf.

Y.B. Dato' Speaker : Ada marah tu parti PAS. Ha'ah penat dia menang. Tetapi menang percumalah. Ok teruskan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, menurut laporan *The Seoul Times* dengan izinnya, 10 Mei 2008, Menteri Pelancongan Dato' Seri Azalina Othman.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat *mention* Menteri Pelancongan jelah tak payah *mention* nama. Nama tak payah sebutlah. Sebut Menteri Pelancongan semua orang tahu.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Telah memuji usaha Kerajaan Negeri Pahang memelihara alam sekitar di negeri tersebut tetapi membidas kegagalan Kerajaan Negeri Johor memelihara alam sekitar di dalam negeri ini. Kemusnahan alam sekitar bukan sahaja menjejaskan pelancongan ekologi atau *eco tourism* dengan izinnya, tetapi juga mengakibatkan banjir-banjir serta kekurangan sumber-sumber air misalnya kekurangan sumber bekalan air telah berlaku di Yong Peng, Batu Pahat, Kluang pada pertengahan tahun 2005. Banjir besar pada Disember 2006 dan Januari 2007 sepatutnya dapat dikawal supaya

mengurangkan kesan kemusnahan akibat penurunan hujan terlalu tinggi. Aliran-aliran kedua-dua sungai Muar dan Sungai Johor berasal dari hutan-hutan rizab tetapi daerah Kota Tinggi dan daerah Segamat merupakan dua daerah yang paling teruk dimusnahkan oleh banjir Disember 2006. Pembalakan tidak terkawal tidak boleh dikecualikan di antara sebab-sebab yang mengakibatkan malapetaka tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker nampaknya kerajaan belum belajar dari pengalaman banjir Disember 2006. Pada Januari 2007 para penduduk Bekok Encik Ng. Chai Eng dan Encik Goh Ching Chuan telah membuat laporan Polis yang bernombor Bekok 00068 tahun 2007 dan Koh Chin Cham laporan Bekok 0057 tahun 2007. Pembalakan haram secara kecil-kecilan telah berlaku di hutan lipur Sungai Pandan, Bekok. Akan tetapi belum ada sebarang siasatan akan diambil sebab dalam proses pembalakan haram secara kecilan Pegawai Perhutanan juga di saksi berada sewaktu pembalakan dijalankan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengikut laporan *China Press* dengan izinnya bertarikh 19 Jun 2008, gajah-gajah liar didapati berkeliaran di dusun-dusun dan kebun kelapa sawit di sekeliling Kampung Baru Bekok sejak Januari 2007. Skudai telah dijemput oleh para penduduk tempatan untuk melawat tempat kejadian pada 24 Mei dan sebelum ini pada Disember 2007. Di mana binatang liar termasuk gajah-gajah berkeliaran di luar hutan adalah tanda-tanda pembalakan besar-besar sedang dijalankan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selanjutnya kegagalan mengawasi projek-projek pembangunan telah mengakibatkan banjir kilat lumpur di kawasan bandar termasuk di Kampung Poh Chee Leng, Skudai, Taman Damai Jaya, Skudai, Batu 21 Kulai. Kelalaian Kerajaan Tempatan dalam usaha memantau membina perangkap kelodak atau dengan izin, *silt trap* punca utama banjir kilat kawasan bandar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, banjir kilat sering berlaku di Kampung Poh Chee Leng Skudai, semenjak perpindahan Kem Tentera Skudai bermula pada tahun 2000. Walaupun pembinaan *monsoon drain* dengan izinnya, di bahagian hilir Kampung Poh Chee Leng telah mengurangkan banjir kilat di bahagian hilir, namun perkampungan di bahagian hulu sering dilanda banjir kilat, lumpur. Banjir kilat berlaku, telah berlaku 3 kali pada bulan April tahun ini dan 3 kali pada bulan Mei tahun ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perangkap kelodak asal di tapak Kem Tentera Skudai telah terhakis sehingga tapak asal perangkap kelodak itu telah menjadi lurah yang besar dan sedalam 10 meter. Dengan itu…

Y.B. Dato' Speaker : Benda apa itu?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ha, saya?

Y.B. Dato' Speaker: Ular?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Lurah. L.U.R.A.H. Lurah. Lembah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Lurah yang besar dan sedalam 10 meter. Dengan itu, hujan lebat sebelum musim tengkujuh pun cukup untuk mengakibatkan berlakunya semata-mata banjir kilat, lumpur yang menakutkan sebab tidak ada perangkap kelodak yang berkesan untuk menahan arus air hujan yang bercampur dengan tanah merah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun banjir-banjir kilat di kawasan Makmur, Taman Damai Jaya telah berkurangan ekoran usaha pemaju di hulu Sungai Melana membina perangkap-perangkap kelodak di tapak projek perumahan baru di bawah pemantauan MPJBT. Seramai 20 keluarga mangsa-mangsa banjir kawasan Jalan Makmur 17 hingga 24, Taman Damai Jaya pada 11 dan 15 Disember 2007 telah mengadu bahawa mereka belum mendapatkan wang bantuan banjir yang dijanjikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semenjak Jun 2000 ekoran banjir kilat di Kampung Poh Chee Leng, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memperuntukkan RM100.00 kepada seorang budak sekolah mangsa banjir kilat. Akan tetapi mangsa-mangsa banjir kilat kawasan jalan Makmur, Taman Damai Jaya merasa terpinggir sebab janji bantuan kewangan JKM itu tidak dapat diperkotakan atas sebab Ketua Masyarakat belum menghantar senarai pendaftaran mangsa banjir.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya sebagai Gerbang Selatan. Banjir kilat di pusat bandar raya Johor Bahru telah memalukan warga bandar raya Johor Bahru. Johor Bahru akan menjadi Venice Timur dengan izinnya Venice Timur sekira tidak usaha sewajarnya diambil khususnya alam sekitar tidak dapat dipelihara dengan keberkesanan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Skudai mengharapkan Kerajaan Negeri Johor akan mengumumkan laporan penilaian kesan alam sekitar selepas pemusnahan hutan bakau di Teluk Danga khasnya atas punca-punca banjir kilat di pusat bandar raya Johor Bahru.

Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, 20 minit dah ya. Saya beri sikit lagi masa.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Blok 4, Flat Taman Jaya Skudai telah terdapat keretakan tiang besar pada tahun Disember 2005. Tapi setakat ini masih ada 40 dari 60 buah keluarga masih menduduki bangunan yang dikatakan tidak selamat diduduki. Seorang pengundi, namanya Encik Omar bin Mahbob telah mencagar semula unit beliau kepada Bank Islam Malaysia Berhad dengan berinsuran di bawah Takaful Insuran Berhad. Tapi tuntutan insuran beliau ditolak atas alasan laporan IKRAM, siasatan laporan keputusan IKRAM belum diumumkan. Oleh itu, saya berharap Kerajaan Negeri akan mempercepatkan proses mengumumkan keputusan laporan IKRAM untuk memudahkan penduduk untuk menuntut insurans. Dan juga, cadangan-cadangan yang dikemukakan adalah, penduduk berharap Syarikat Perumahan Negara Berhad sepatutnya mengambil alih hak milik tanah itu dan membina semula bangunan

baru di tapak yang sama dan juga memberikan ganti rugi yang munasabah. Tapi, untuk menampakkan nilai tapak berkenaan sebab haruslah, seharuslah hak milik tapak berkenaan yang pegangan pajak 99 tahun perlu diubah syarat kepada pegangan bebas.

Dan juga, pengurusan Yang Berhormat Dato' Speaker, rumah pangsapuri Taman Ungku Tun Aminah merupakan kawasan pangsapuri kos rendah yang paling besar di Negeri Johor di mana 86 blok pangsapuri terdiri daripada lebih dari 3,000 unit yang meliputi tanah seluas 53 ekar. 6 Perbadanan Pengurusan telah ditubuhkan di bawah Akta Hak Milik Strata 1985 sejak tahun 2002 kecuali blok 55 hingga blok 61 ditubuhkan. Menurut Seksyen 81(b) Akta Hak Milik Strata, Pihak Berkuasa Negeri memberi kuasa untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan akta ini termasuk memanggil Mesyuarat Agung Tahunan sesuatu Perbadanan Pengurusan. Oleh itu, adalah kuasa dan tanggungjawab Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri memastikan Perbadanan Pengurusan Pangsapuri berkenaan akan ditubuhkan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Skudai juga difahamkan kadar pembayaran yuran penyelenggaraan di antara faktor Pangsapuri Tun Aminah adalah serendah 30 hingga 50 peratus. Untuk menggalakkan pengundi-pengundi membayar yuran penyelenggaraan mereka, Skudai berharap kerajaan sepatutnya memberikan peruntukan sebagai galakan RM1.00 ke RM1.00 yuran penyelenggaraan dikutip.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ada lagi, sekejap lagi. Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker: Ha, akhirkan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah tugas dan tanggungjawab Pejabat Tanah Kerajaan Negeri dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan FELDA memelihara kepentingan peneroka FELDA. Di bawah seksyen 44(1) Akta Tanah Kawasan Penempatan Berkelompok 1960, Kerajaan Negeri diperuntukkan kuasa untuk melepaskan status tanah rizab termasuk tanah peneroka FELDA. Oleh yang demikian, adalah juga tanggungjawab Pejabat Tanah dan Kerajaan Negeri memastikan peneroka-peneroka FELDA akan mendapatkan faedah yang adil daripada tindakan melepaskan status tanah rizab. Kerajaan Negeri sepatutnya memantau proses khasnya perwakilan kuasa untuk membangunkan tanah FELDA yang dilepaskan status rizab. Malangnya, nasib peneroka-peneroka FELDA Cahaya Baru, Pasir Gudang sepatutnya dijadikan satu contoh kepada Pihak Berkuasa bahawa penswastaan dan persyarikatan bukanlah satu-satunya kaedah untuk membangun tanah FELDA dan membawa faedah maksimum yang sewajarnya kepada para peneroka jika pemantauan agensi-agensi kerajaan terlalai. Manakala segelintir pemimpin diperkayakan atas penderitaan para peneroka lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk kepentingan awam. Menurut maklumat diberikan Badan Bertindak Penduduk Kg. Cahaya Baru di antara 401 keluarga peneroka Felda Cahaya Baru, sekarang Kg. Cahaya Baru, Pasir Gudang, 372 keluarga peneroka yang jumlah miliki tanah seluas 3,135 ekar dan pada purata 7 ekar sekeluarga telah menceburi Perbadanan Syarikat Cahaya Baru Development Berhad, dengan izinnya atau CBDB dengan melepaskan kuasa perwakilan hak milik mereka kepada CBDB apabila menjadi pemegang saham individu dalam syarikat berkenaan pada tahun 1993. Walaupun menurut harga pasaran sewaktu sebahagian tanah dilepaskan status tanah rizab pada tahun 1995 adalah RM3.00 sekaki persegi. Setiap peneroka dijanjikan pulangan RM900,000.00 hingga RM1 juta akan tetapi setakat ini mereka cuma mendapatkan bayaran pulangan sebanyak RM230,000.00 setiap peneroka iaitu 25 peratus dari amaun yang dijanjikan selepas 15 tahun.

Yang Berhormat Dato' Speaker, setakat ini 2,000 ekar tanah milik CBDB telah dilepaskan status tanah rizab serta dijual kepada pemaju-pemaju dan digadai kepada bank-bank. Bagi tanah 1,135 ekar belum dilepaskan status tanah rizab. Badan Bertindak Penduduk Kg. Cahaya Baru telah merayu dan memorandum-memorandum kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada bulan April dan bulan Mei ini dan memorandum kepada Yang Berhormat Tiram supaya status rizab bagi tanah miliki CBDB seluas 1,135 ekar itu dibekukan sebagai jaminan di mana pembayaran baki purata RM700,000.00 seorang pemegang saham kecil itu akan digunakan seperti yang dijanjikan dulu.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Skudai telah melawati Kg. Cahaya Baru pada 17 Mei atas jemputan para peneroka di sana. Badan Bertindak Penduduk Kg. Cahaya Baru telah mengutarakan keraguan terhadap integriti dan ...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ini kawasan mana, merayau? Dijemput? Yang Berhormat Dewan Negeri kawasan mana? Skudai ya?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Skudai.

Y.B Dato' Speaker : Apasal merayau satu Johor?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Bukan merayau. Saya anak Johor, mana-mana saya boleh pergi.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, memanglah boleh tapi ini pasal kawasan orang.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Bukan ini, saya dijemput sebab sebagai Ketua Pembangkang Dewan ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Ops, Yang Berhormat lantik. Hm…ok. Yalah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Pusat yang lantik, dengan persetujuan rakan pakatan yang lain.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, itu setuju ya. Pas setuju ya?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ya, kita satu pakatan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok. Yang Berhormat dah 25 minit.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : 5 minit lagi, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, lekas sikit.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Pembayaran RM900,000.00 cuma ditunaikan 25 peratus iaitu seperti yang disebut tadi dan pendapatan CBDB setakat ini adalah berikut ini:

i. Menjual dana kepada Redez Properties Sdn. Bhd. dengan izinnya pada tahun 2002, pembayaran untuk tanah 1,640 ekar sejumlah RM184 juta tapi RM160 juta digunakan untuk menjelaskan pinjaman bercagar daripada Phileo Allied Bank dan pinjaman itu adalah RM100 juta tapi dengan faedah RM60 juta. Ini bermakna pendapatan bersih yang dibayar kepada CBDB adalah RM24 juta sahaja.

ii. SAP Holdings Berhad. Tanah dijual kepada SAP Holdings Berhad, pemberian untuk tanah 360 ekar sejumlah RM39 juta.

iii. Pampasan projek Lebuhraya Senai-Desaru dibayar dengan pampasan sejumlah RM30.6juta. Pada Oktober 2006, RM10 juta pampasan telah dibayar pada CBDB tetapi cuma sebahagian diagihkan di peneroka pemegang saham kecil iaitu seorang pemegang saham diberikan RM3,000.00 sahaja berbanding dengan sebenarnya RM26,000.00. Pada tahun 1996, CBDB membayar RM25 juta kepada Pinggir Setar Malaysian Sdn. Bhd., di mana RM9 juta digunakan untuk menjelas bunga pinjaman dari Phileo Allied Bank tetapi RM16juta dicaj oleh Pinggir Setar Malaysian Sdn. Bhd. sebagai kos kerja pengurusan pinjaman. CBDB memegang 51 peratus dan Lotus Consolidated Malaysia Sdn. Bhd., dengan izinnya memegang 49 peratus saham Pinggir Seta.

Apa yang meragu-ragukan adalah berikut ini. Encik Mustafa bin Abu Hassin dan Mohd Nasir bin Abdul Rahman adalah merangkap Ahli Lembaga dua-dua syarikat CBDB dan Pinggir Setar.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tak payah sebutlah nama sebab orang itu kita tak tahu. Dia tak ada dalam Dewan ini dan tidak hadir atau tidak terlibat. Bila Yang Berhormat umumkan nama seseorang yang belum tentu. Sebab itu Dewan saya tak izinkan. Sebut pengarah je sudah. Jangan disebut nama individu.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ok, terima kasih. Yang Berhormat Dato' Speaker, baki tanah CBDB 1,135 ekar telah dijual kepada Cahaya Bumimas Sdn. Bhd. (CBSB) pada tahun 2004 dengan harga RM248 juta dan bayaran pendahuluan RM30 juta yang dibayar oleh pampasan projek Lebuh Raya Senai-Desaru. Dan seorang lagi juga dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah untuk

dua-dua syarikat CBDB dan CBSB. Ini menunjukkan ketidaktelusan kepentingan pengarah-pengarah di semua syarikat ini.

Para peneroka mengharapkan Kerajaan Negeri memperketatkan proses meluluskan status tanah rizab FELDA serta memastikan peneroka-peneroka mendapatkan faedah maksimum. Disebabkan aduan ketidaktelusan terhadap pihak pengurusan CBDB, Cahaya Baru Development Berhad, pihak Kerajaan Negeri sewajarnya membeku kelulusan melepaskan status baki tanah rizab 1,135 ekar sehingga kepentingan peneroka pemegang saham kecil dapat terjamin. Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat. Dah habis eh?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dua minit lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, akhir sekali.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, secara ringkas, ada banyak tanah-tanah, hak milik tanah-tanah Kampung Baru Cina seumpamanya penduduk di Jalan Dato' Toh Ah Boon, Tampoi telah menetap di sana selama 50 tahun tetapi Lesen Menduduki Sementara mereka tamat pada tahun 80-an. Sehingga sekarang mereka tidak dikurniakan sebarang hak milik tanah, malahan hak milik tanah rumah mereka telah diambil alih oleh Johor Corporation. Ini bermakna penduduk Jalan Dato' Toh Ah Boon telah tiba-tiba menjadi penceroboh di atas tanah kediaman mereka. Mereka dihalau atas alasan Johor Corporation ingin membangunkan lokasi hangat itu.

Johor Corporation tidak membangunkan tempat itu dengan sendiri tetapi memajakkan tanah itu kepada sebuah syarikat swasta Total Valley Sdn. Bhd. dengan izinnya. Penduduk asal dihalau tanpa pampasan atau pampasan yang begitu sedikit iaitu RM10,000.00 sahaja.

Kerajaan Negeri Johor seharusnya mencontohi Kerajaan Negeri Perak dengan memberikan hak milik tanah pegangan bebas kepada penduduk Kampung Baru Cina dan Kampung Setinggan di sekeliling bandar raya Johor Bahru. Permasalahan setinggan tidak akan diselesaikan jika pembangunan akan terhindar. Hak milik pegangan bebas juga akan mengurangkan kes penipuan jual beli tanah dan juga mengelakkan ketidakadilan dari berlaku. Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Menurut laporan Metro Harian bertarikh 30 April 2008 yang bertajuk "Pejabat Tanah Main Kotor", Goh Chong dari Kampung Baru Nyior, Kluang, membuat tukar milik sebidang tanah penempatan berkelompok ke atas anak angkatnya Yap Ei Lian didapati didaftarkan atas nama individu lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kes-kes tersebut sering berlaku serta melibatkan kerugian berbilion-bilion ringgit. Walaupun dilaporkan terdapat 4 kes sahaja penipuan pemindahan hak milik tanah pada tahun 2006 dan 2007 berlaku di

Negeri Johor dan kerugian dijangka sejumlah RM1 juta sahaja, tapi adalah dipercayai lagi banyak kes penipuan sedemikian tidak dapat diketahui pemilik asal.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Mahkamah Persekutuan telah membuat keputusan dalam kes Adorna Properties Sdn. Bhd. *versus* Boonsom Boonyanit, dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ini mahkamah dah putuskan ke apa ni? Yang Berhormat ambil kes mahkamah ni. Masih dalam mahkamah lagi?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Sudah tutup. Sudah selesai. Keputusan mahkamah yang akan saya sebutkan.

Y.B. Dato' Speaker : Saya ingat masih rayuan ke Mahkamah Tinggi.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tak, tak. Sudah ditentukan oleh Mahkamah Persekutuan. Serta mentafsirkan Seksyen yang untuk kepentingan awam sebab ini mentafsirkan Seksyen 340 Kanun Tanah Negara bahawa hak milik tanah akan dikurniakan kepada seorang pembeli yang membelinya dengan suci hati walaupun tanah itu dijual oleh pihak kedua secara penipuan.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, itu peribadi Yang Berhormat dengan tertentu bukan dengan kerajaan. Yalah, dia berlawan antara dua pihak yang berkenaan itu.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya akan menunjukkan ada kepentingan awam selain daripada kes berkenaan. Ini bermakna pemilik tanah asal tidak dapat ganti rugi satu sen pun.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, masa dah lebih. Saya dah bagi lebih sangat Yang Berhormat. Saya minta...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Satu muka surat lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Dia bukan cerita satu muka surat lagi. Tadi Yang Berhormat cakap 2 minit. Dah lebih 4 minit, 5 minit.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : 2 minit lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Mana boleh lagi 2 minit Yang Berhormat. Minta tamat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Minta, minta maaf. Untuk saya minta kesimpulan dari kes tadi. Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Dah lebih dah masa ni.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Maka, Kerajaan Negeri seharusnya.

Y.B. Dato' Speaker : Tak tahulah kenapa Yang Berhormat ni tak dengar cakap. Dah lebih na. Saya lepas ni nak...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dan juga mempertimbangkan tabung insurans atau *assurance fund.*

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, sekejap duduk. Saya nak ingatkan Yang Berhormat, bila saya dah beri masa. Duduk kejap. *Please sit down*. Bila saya beri masa lebih, bermakna saya timbangkan jugalah, tapi bila saya arahkan hendaklah tamat. Yang Berhormat tadi cakap lagi 5 minit, lebih 2 minit, saya lebihkan juga. Tapi itulah sebab ramai Ahli Yang Berhormat yang belum bercakap lagi. Lepas ini saya nak hadkan masa. Jadi, mungkin ramai yang tak dapat termasuk Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada Yang Berhormatnya kat belakang. Nanti tak mahu, tak bercakap ada yang cakap kata Speaker sendiri tak kasi cakap. Apabila saya suruh berhenti, Yang Berhormat tak nak berhenti. Jadi, bila berhenti tu saya arahkan makna saya dah jaga masa betul. Memang terlebih betul. Nasib baiklah saya ni. Ya, saya buat tak tahu je. Jadi, saya minta berhenti. Kalau Yang Berhormat baca, patut tak boleh baca. Takpe sebab tak tahu. Jadi, saya minta Yang Berhormat tamatkan ajelah. Kalau nak cakap yang lain nantilah. Dah habis, dah lebih betul.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ok, terima kasih. Oleh itu, Skudai mencadangkan Kerajaan Negeri supaya menubuhkan satu tabung insurans untuk memberikan pampasan kepada pemilik tanah kehilangan hak milik sebab dibeli oleh pembeli ikhlas jika kes penipuan berlaku. Dan juga...

Y.B. Dato' Speaker : Akhirnya.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Akhirnya.

Y.B. Dato' Speaker : Ah, Ok. Tamat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Skudai mencadangkan supaya Dewan yang mulia ini mengkaji kemungkinan ditubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Integriti dan Ketelusan Dewan Negeri di bawah Peraturan Tetap Bilangan 103 Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor memandang keperluan untuk menyiasat kes-kes yang disyaki melibatkan ketidaktelusan agensi-agensi kerajaan.

Tujuan untuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan tersebut adalah untuk mendengar dan menilai aduan dan maklum balas awam terhadap integriti dan ketelusan mana-mana jabatan dan agensi Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Perbahasan diteruskan lagi.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai muqadimah bicara Maharani ingin menjunjung kasih kebawah Duli Tuanku Sultan Iskandar AlMutawakil 'AlAllah yang telah

merasmikan majlis pembukaan penggal Persidangan Dewan yang mulia ini pada 19 Jun yang lalu.

Maharani ingin menarik perhatian pada sidang Dewan sekalian terhadap titah Baginda Sultan yang meminta Kerajaan Negeri ini melaksanakan amanah pentadbirannya dengan adil, menjaga kepentingan rakyat dan membawa kemajuan dan pembangunan kesemua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, agama mahupun pegangan politik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di akhir titah Baginda Sultan, ada menyentuh tentang isu kedaulatan Wilayah Johor berikutan penyelesaian Mahkamah Keadilan Antarabangsa pada 23 Mei 2008 yang lalu berhubung dengan kedaulatan Pulau Batu Puteh. Kenyataan Baginda melambangkan betapa kurang yakinnya Baginda dengan keputusan yang telah dibuat oleh ICJ tersebut. Walaupun Yang Berhormat Menteri Luar menganggapnya sebagai keputusan menang-menang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ekoran kegagalan kita mempertahankan kedaulatan Pulau Batu Puteh juga, saya ingin mencadangkan agar sidang DUN Johor kali yang ke-12 ini, mendesak pihak kerajaan supaya mengkaji semula Iskandar Wilayah, Iskandar Malaysia, maaf.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengatakan wilayah ini memberi tanah yang begitu luas, 2,217 kilometer persegi, 3 kali ganda Singapura atau 48 kali ganda Putrajaya Tun Mahathir. Jadi, kawasan ini merupakan kawasan yang cukup bernilai untuk rakyat Negeri Johor dan beberapa perkara yang telah menimbulkan persoalan. Contohnya, pada peringkat awalnya kerajaan akan mengadakan zon akses bebas yang akhirnya dibantah oleh rakyat dan dibatalkan. Begitu juga dengan penyertaan usahawan bumiputera atas dasar merit. Dengan ini, mengurangkan peluang bumiputera untuk mengambil bahagian di wilayah ini. Begitu juga beberapa berita yang mengatakan ada tapak yang telah digazetkan untuk Kementerian Pertahanan tetapi telah digazetkan semula dan akan dijadikan kawasan komersil. Ini adalah merugikan kita. Begitu juga berita mengenai pembinaan sebuah jambatan raya atau koridor dengan izin daripada Singapura ke Iskandar Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, hari ini majoriti rakyat Malaysia khusus warga Johor yang merasa bimbang projek mega ini akan menjadi satu malapetaka di masa hadapan. Kita bimbang, satu hari kedaulatan Iskandar Malaysia dituntut oleh pihak asing sebagaimana kedaulatan Pulau Batu Puteh pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak Singapura telah membina dan menguruskan rumah api di Pulau Pisang, sebuah lagi pulau kesayangan kita sejak tahun 1914. Jadi, untuk mengelakkan perkara yang sama berlaku terhadap Pulau Pisang ini, Maharani mencadangkan supaya langkah pencegahan dijalankan. Contohnya, memastikanlah kemasukan pekerja-pekerja di rumah api itu, memastikan mereka melalui kastam dan juga imigresen seperti prosedur biasa. Yang kedua, pengurusan rumah api ini hendaklah diambil alih oleh pemerintah Malaysia. Dan yang ketiga, bangunkanlah Pulau Pisang ini, walaupun namanya Pulau Pisang, bangunkan supaya keputusan ICJ

di mana di antara keputusannya mengambil kira bahawa pihak mana yang membangunkan dan menyeliakan pulau tersebut mendapat hak daripada itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain Pulau Pisang, Pulau Merambung dah dijadikan isu...

Y.B. Dato' Speaker : Pulau apa Yang Berhormat?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Pulau Merambung di Gelang Patah merupakan satu lagi pulau yang perlu kita jaga dengan baik supaya nelayan-nelayan terutamanya yang mencari makan di situ mendapat kemudahan untuk terus menjalankan aktiviti di situ. Sebagai rujukan akhbar, Utusan Malaysia 14 Jun yang lalu, nelayan-nelayan di Taman Pendas, Gelang Patah mengadu bahawa mereka sering diusir oleh Pihak Berkuasa Maritim Singapura ketika berada dalam perairan Malaysia. Jadi inilah kita ambil perhatian untuk kepentingan rakyat Johor khususnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menurut laporan akhbar Berita Harian pada 22 April 2008, 280 guru al-Quran yang bertugas di setiap DUN di seluruh Negeri Johor belum mendapat elaun mereka sejak 10 bulan yang lepas. Saya harap ini telah selesai.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dah agaknya Yang Berhormat tengah bercakap ini dah bayar dah.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Alhamdulillah.

Y.B. Dato' Speaker : Agaknyalah.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Tahniah. Kalau dah bayar saya harap ada tunggakan, tambah lagi 40 peratus sebab minyak naik 40 peratus. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Aduh, senang je cakap eh. (Dewan ketawa)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Begitu juga, kalau katakanlah dana tidak mencukupi, saya dapati berkaitan dengan isu agama ini kerajaan telah pun mencadangkan supaya bayaran cukai, maaf bayaran zakat, oleh kerana ini kerajaan ini tolak duit gaji. Jadi kalau kakitangan kerajaan bayar zakat, saya haraplah syarikat-syarikat GLC, *Government Linked Company* dengan izin, juga mematuhi syarat ini untuk membayar zakat kepada Majlis Agama Islam Johor. Dan saya yakin, kalau kita lihat anak syarikat JCorp sendirilah, saya kurang pasti tetapi kita cuba perhatikan laporan-laporan tahunan mereka, adakah syarikat ini ada membayar zakat kepada Jabatan Agama. Jadi kalau mereka ada, alhamdulillah kita dapat gunakan wang ini untuk kepentingan rakyat Johor dan kalau belum sila semak semulalah sebab saya difahamkan bahawa JCorp juga ada mempunyai *business* jihad, jika *business* jihad ada, zakat jihad pun ada.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, oh.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, pada 8 Mac 2008 yang lalu kita tahu, kita telah mengadakan pilihan raya umum yang ke 12 dan alhamdulillah rakyat telah membuat pilihan yang bijak dan saya bagi pihak Maharani dan juga PAS Johor mengucapkan tahniah kepada BN Johor kerana masih mampu mengekalkan prestasi dengan baik dan mampu untuk kerajaan dengan majoriti yang selesa (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Speaker : Ok boleh berucap dua minit lagi (Dewan ketawa).

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, walau bagaimanapun, seperti yang telah disebut oleh Skudai tadi bahawa Kerajaan Johor telah melantik 6 orang wakil di DUN yang kami wakili ini. Saya rasa tidak payahlah lantik, kami dah ada, Wakil Rakyat dah ada. Berilah peruntukan kepada kami, insya-Allah kami akan jalankan program-program untuk rakyat dengan telus dan tidak perlu bimbang. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat pembangkang?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Timbalan Menteri Pelajaran mengumumkan baru-baru ini, Johor Bahru bahawa Jabatan Pelajaran Johor, JPNJ menerima peruntukan RM1.7 bilion daripada Kementerian Pelajaran untuk berbagai-bagai projeklah contohnya Rancangan Makanan Tambahan, Program Susu Sekolah, Skin Bantu Tuisyen dan macam-macam lagi dan saya mengharapkan sambil ucap terima kasih kepada Kementerian Pelajaran mengharapkan kepada semua pelajar tidak kira di mana sekolah akan mendapat manfaat daripada peruntukan yang besar ini dan dalam lawatan saya ke sekolah sempena Hari Guru, walau tidak dipanggil kita Wakil Rakyat, kita prihatin kepada guru, ucap Selamat Hari Guru dan ada guru yang mengadu terutama di sekolah menengah kerana walaupun di sekolah rendah, Rancangan Makanan Tambahan khususnya yang nak disebutkan ini ada di sekolah rendah tetapi di sekolah menengah tiada ada Rancangan Makanan Tambahan jadi pelajar yang miskin di sekolah kebangsaan itu bila pergi ke sekolah menengah masih miskin lagi. Jadi berilah projek ini kepada sekolah menengah.

Begitu juga dengan kesihatan yang baik daripada pelajar-pelajar ini, kami mengharapkan dan dengan kerjasama daripada guru-guru dan juga Jabatan Pelajaran, kami mengharapkan prestasi Negeri Johor yang di antara negeri yang termaju di Malaysia ini supaya prestasi akademik pelajar-pelajar kita juga meningkat. Jadi, saya ingin tahu jugalah daripada Jabatan Pelajaran Johor tentang analisa prestasi pencapaian UPSR, PMR, SPM, STPM Negeri Johor bagi tahun-tahun yang lepas kerana saya dapati dari segi prestasi pencapaian peperiksaan kerajaan ini, di Johor ini tidaklah begitu cemerlang, jadi perlu diambil perhatian. Dan di antara sebab-sebab mungkinlah kerana di DUN Maharani, saya tak sempat pergi tempat lain, masalah pelajar-pelajar memang ada. Pelajar ponteng, pelajar tak mengikuti, tak berminat belajar, keciciran, masalah sosial dan begitu juga di daerah-daerah lain, kalau kita baca surat khabar, kita dapati masalah yang terbaru di Segamat, yang MMS, pelajar hantar MMS, jadi kita tahulah benda-benda yang kurang elok, kumpulan-kumpulan menyerang pelajar sama pelajar dan juga beberapa perkara yang kurang elok yang diamalkan oleh anak-anak kita di sekolah. Jadi saya

mengharapkan kerajaan akan menangani masalah ini dan juga Kementerian Jabatan Pendidikan dapat menangani masalah sosial yang dihadapi oleh anak kita yang akan menjadi pewaris kita pada masa hadapan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat, berapa lama lagi ini? Pendek je.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Sekejap lagi Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Dato' Speaker, menyentuh tentang Pihak Berkuasa Tempatan, saya di bandar Maharani atau di Muar, Muar ada Pekan Rabu dan saya kebetulan saya terbaca surat khabar tentang Pekan Rabu di Kota Tinggi juga. Masalahnya Pekan Rabu ini nampaknya tidak begitu menarik minat orang ramai untuk pergi. Apa sebabnya kita kena tanya pada pihak peniaga dan juga Pihak Berkuasa Tempatan, apakah faktor-faktor yang menyebabkan Pekan Rabu ini yang kita bangunkan dengan wang rakyat dengan begitu cantik tetapi akhirnya tidak mendapat sambutan daripada masyarakat setempat. Jadi saya ingin tahu juga berapa banyak Pekan-pekan Rabu yang telah diadakan, dibina di daerah-daerah Negeri Johor ini dan apakah ianya dapat membantu peniaga-peniaga yang dapat tempat di pekan-pekan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti juga di tempat-tempat lain, di Maharani juga banjir kilat sering berlaku. Dan tadi sebelum saya datang pun hujan lebat di Maharani, saya bimbang saya kena panggil lepas ini kerana banjir di Muar. Dengan harapan tidak. Jadi seperti biasa tempat-tempat lainlah, tempat-tempat banjir itu memang banyak dan telah dimaklumkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan saya mengharapkan supaya tindakan akan diambil dan saya ucapkan terima kasih kepada Majlis Perbandaran Muar dan juga Pejabat Daerah Muar yang setakat ini hubungan baik antara ADUN Maharani dan pihak jabatan. Dan saya dapati tindakan telah diadakan, permohonan daripada rakyat, bukan daripada saya, permohonan daripada rakyat yang saya ajukan dihantar ke pihak berkenaan di Negeri Johor dan saya mengharap supaya permohonan-permohonan ini akan diambil beratlah sebab ada beberapa permohonan yang lalu, oleh kerana ada dikatakan ini kawasan hitam jadi kena KIV dulu. Jadi dari satu tahun ke satu tahun permohonan yang sama, jawapan yang sama. Jadi kali ini dengan ADUN yang baru saya mengharapkan supaya ada perubahan sebab saya ingin bekerja sama.

Y.B. Dato' Speaker : Oh dia layan ke Yang Berhormat?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Dia layan, alhamdulillah.

Y.B. Dato' Speaker : Layan dengan baik ke?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Keputusannya itu belum lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Nasib baik dia jadi DO. Kalau saya, saya memang tak layan. Ok Yang Berhormat, habis? (Dewan ketawa).

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang terakhir sekali Yang Berhormat Dato' Speaker. Walaupun saya daripada Maharani tetapi seperti juga sahabat saya Skudai, saya didatangi oleh Jawatankuasa Bertindak Setinggan Kempas. Mereka datang pada hari Jumaat yang lepas, telah pun menghantar

memorandum kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita dan telah memaklumkan jadi saya di Dewan yang mulia ini, saya ingin menyerulah atau merayu supaya rayuan mereka ini diberi perhatian yang teliti kerana mereka telah tinggal di sana selama lebih 30 tahun dan mereka juga dipercayai penyokong kuat BN bukan penyokong PAS jadi kena ambil perhatianlah tu. Kalau tidak nanti di Kempas PAS menang susah juga.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, jangan kacau Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Nak tanya sedikit. Saya tak faham, tak faham tadi apa yang disebut? Kempas.

Y.B. Dato' Speaker : Biar saya faham jadilah.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Ayat dia, untuk makluman Kempas ya, di Memorandum Penduduk Setinggan Kempas, jadi kalau mereka yang ingin itu, sila ke Pejabat Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada memorandum. Pada saya pun ada memorandum itu.

Y.B. Dato' Speaker : Ha yalah semua orang tahu. Wakil Rakyat, Kempas pun hantar memorandum.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang pentingnya kali ini mereka mohon, kalau boleh berilah mereka tanah di Johor Bahru ini, kalau rumah pangsa itu banyak tanah pasal dia nak, dia nak mempromosikan Bumi Hijau. Jadi, mereka yang ada tanah bolehlah dia praktikkan Bumi Hijau kalau kat atas, tingkat-tingkat atas, tingkat 17, apa dia nak tanam. Tanam ubi atas bumbunglah agaknya.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, surat itu bawah sedikit boleh tak? Jangan tunjuk saya. Ha.. macam baca warta beritalah. (Dewan ketawa)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi dengan ucapan tadi, saya ingin juga sekali lagi, akhir sekali saya mengharapkan supaya keterangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar beri tentang Amanah Saham Johor, Dana Johor akan dapat memberi keringanan kepada pemegang-pemegang sahamlah. Saya mengharapkan supaya tindakan yang tepat dan yang tidak merugikan mereka yang memegang saham Amanah Saham Johor, Dana Johor ini supaya tidak kerugian sebab Terengganu walaupun dalam kerugian dapat memberi dividen, Kedah juga, Amanah Saham Kedah juga dapat memberi dividen, mengapa Johor ini tutup, sambunglah supaya boleh dapat, adalah harapan walaupun mereka menyumbang RM100, RM10 ada harapan untuk meningkat. Jadi sekian terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam. Perbahasan diteruskan lagi.

Y.B. Encik Koh Chee Chai (Penggaram) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Selamat pagi, salam bahagia saya ucapkan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat serta semua yang berada di dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ya nak apa? Nak rehat. Ok duduk. Jemput duduk. Ahli Yang Berhormat, Dewan saya tangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:50 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 12:20 tengah hari.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula, jemput.

Y.B. Encik Koh Chee Chai (Penggaram) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, kerana diberi ruang kepada saya untuk menyambung ucapan saya di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan menjunjung kasih atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku semasa merasmikan Pembukaan Dewan tempoh hari, iaitu pada 19 Jun 2008.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu izinkan saya menyampaikan ucapan tahniah kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memenangi kerusi masing-masing dalam pilihan raya umum yang baru lalu. Kini, tibalah masa untuk kita menunaikan amanah dan tanggungjawab yang telah diberikan oleh para pengundi. Bersesuaian dengan tanggungjawab ini, inginlah saya menarik perhatian kepada bebanan rakyat yang kini menghadapi berbagai masalah kenaikan harga barang yang berpunca dari kenaikan harga minyak di peringkat global.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita tidak menafikan ada kenaikan harga barang-barang yang mendapat persetujuan kerajaan dan ada pula kenaikan yang tidak mendapat kelulusan serta dinaikkan secara sesuka hati, oleh para peniaga dengan alasan segala kos kenaikan tidak patut ditanggung oleh para peniaga, malah perlu ditanggung sama oleh para pengguna.

Yang Berhormat Datuk Speaker, walaupun kerajaan memberi wang rebet yang diberi secara tunai sebagai ganti bagi subsidi, ianya tidak memberi manfaat kepada semua orang yang memerlukan bantuan. Ini adalah kerana hanya mereka yang memiliki kenderaan sahaja yang layak menerimanya. Bagaimana dengan mereka yang tidak memiliki kenderaan dan bergantung sepenuhnya pada pengangkutan awam? Mereka tidak layak menerima rebet itu sedangkan kenaikan harga bahan bakar memberi kesan yang pelbagai dan kumpulan ini juga menerima akibat kerana harga semua barang akan turut meningkat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita merasakan perlu ada pemantauan dan penguatkuasaan dari pihak Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna dalam soal ini. Kenyataan beberapa pihak dalam media cetak dan elektronik yang menyatakan kementerian ini bagaikan harimau tidak bertaring. Seolah-olah mencabar pihak kerajaan yang dikatakan mengambil sikap lepas tangan dalam soal penguatkuasaan ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ada banyak undang-undang yang telah diwartakan untuk melindungi para pengguna, namun rasanya kita kekurangan daya dan usaha untuk menguatkuasakannya dengan berbagai-bagai alasan seperti kekurangan pegawai penguat kuasa, tiada aduan rasmi dan sebagainya. Kini dengan keluhan rakyat yang semakin jelas kedengarannya, marilah kita berbuat sesuatu untuk membantu rakyat menghadapi zaman inflasi ini dengan apa jua cara, baik dari segi penguatkuasaannya malah pengorbanan jiwa dan raga, untuk rakyat terutamanya di Negeri Johor. Semoga pengorbanan dan usaha kita ini akan dihargai dan rakyat akan melihat kita sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang mesra rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, amanah saham yang menjadi kebanggaan kita satu ketika dulu, telah diumum akan ditutup dan para pelabur ini dipulangkan semula pelaburan mereka dengan kadar pelaburan asal mereka, iaitu sebanyak RM1.00 satu unit. Tahniah kepada Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, yang telah berjaya menyelesaikan satu babak dalam soal ini. Namun begitu, ada lagi satu pelabur yang masih lagi tidak ada kepastian kepada para pelabur iaitu Dana Johor, yang pagi kita bahas dengan hebat. Adalah diharapkan dengan berbagai rayuan, permohonan dan akhirnya bertukar kepada tohmahan kepada Kerajaan Negeri, Dana Johor ini ditamatkan dengan mekanisme yang sama dengan penyelesaian kepada Amanah Saham Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara ini sering diutarakan oleh para pelabur dalam apa jua perjumpaan dan dialog yang kita akan bersama rakyat. Semoga ianya akan dipercepatkan demi kesejahteraan para pelabur yang terlibat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kini saya ingin menarik perhatian pula kepada soal pembangunan yang telah kita jalankan untuk keselesaan rakyat. Ada berbagai-bagai projek yang telah kita jalankan baik di desa, taman-taman serta perbandaran. Namun aspek penyelenggaraan yang ingin saya tekankan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kos untuk membina sesuatu kemudahan awam ataupun projek untuk kesejahteraan rakyat menelan puluhan, ratusan malah jutaan ringgit. Antara projek yang boleh saya jadikan contoh, di mana Jabatan Parit dan Saliran, merupakan badan pelaksana bagi projek saliran dalam bandar. Apabila projek ini telah siap ianya diserahkan kepada Majlis Perbandaran untuk diurus. Kos yang tinggi bagi pengurusan ini menyebabkan soal penyelenggaraan tidak dapat dilakukan dan akhirnya menyebabkan parit-parit ini tersumbat dengan sampah sarap, pagar keselamatan pula berkarat dan dilitupi pokok-pokok dan akhirnya berlakulah banjir kilat akibat daripada parit konkrit yang tersumbat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, adalah dicadangkan JPS ataupun Jabatan Parit dan Saliran diberi taraf agensi pelaksana dan juga bagi pengurusan dan penyelenggaraan seharusnya mereka diberi sedikit peruntukan memandangkan kos penyelenggaraan sama penting dengan kos pembinaan. Sesuatu projek yang dibina tetapi tidak diselenggara pasti mengundang bahaya terutamanya kepada para pengguna.

Yang Berhormat Datuk Speaker, oleh itu adalah dicadangkan satu tabung untuk penyelenggaraan projek-projek yang telah dijalankan oleh kerajaan, dengan ini projek-projek yang telah siap untuk kepentingan orang ramai dapat diselenggara dengan baik dan bukannya dibiarkan hingga masalah penyelenggaraan akan bertukar kepada masalah baik pulih dan sebagainya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ingin saya juga ditanyakan berkenaan projek membina parit konkrit di Jalan Tan Swee Hoe Batu Pahat, berhadapan dengan Sekolah Menengah dan Rendah Convent. Rasanya deretan longkang-longkang besar telah lama diletak di tepi jalan tanpa ada perkembangan. Khabarnya, projek ini telah terbengkalai dan pastinya ada masalah yang timbul. Berkaitan dengan perkara tersebut adalah diharapkan pihak yang menyelia projek ini menyiasat dan menyelesaikan apa sahaja halangan dan memberikan sedikit usaha agar sahaja, agar projek ini akhirnya akan dapat disiap sepenuhnya dengan kadar yang segera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, begitu juga dengan masalah penyelenggaraan rumah-rumah pangsa awam atau swasta. Sesetengah penduduk mewujudkan jawatankuasa untuk memastikan keselesaan tinggal di rumah tersebut, namun bila berlaku kerosakan besar seperti tangki air pecah, bumbung rosak dan sebagainya, mereka tidak tahu ke mana arah hendaklah dituju. Ada dicadangkan agar ada badan yang menjaga dan mengawal selia rumah-rumah pangsa ini. Majlis Perbandaran setempat mungkin boleh mengenakan sedikit bayaran cukai harta atau pintu atau mana yang sesuai dan seterusnya menjaga kepentingan penduduk rumah pangsa ini. Perkara ini untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara ini saya sering bangkit dalam Dewan ini, tetapi sampai setakat ini, masih belum ada tindakan diambil.

Yang Berhormat Datuk Speaker, begitu juga dengan jalan raya di DUN Penggaram, iaitu di Jalan Tanjung Labuh menuju ke bandar, pertambahan taman-taman perumahan, penduduk dan bilangan kenderaan yang bertambah, menyebabkan jalan di sana mengalami kesesakan dan bagaikan tidak dapat menampung aliran trafik yang bertali arus. Begitu juga dari Pekan Bukit Pasir menuju ke Jambatan Tongkang Pechah walaupun ada sedikit pembesaran tepi jalan ataupun *side table*, dengan izin, satu reka bentuk jalan yang baru mungkin perlu bagi menggantikan reka bentuk lama. Mungkin jalan 4 lorong agak sesuai menampung aliran trafik yang mungkin bertambah, untuk 10 atau 20 tahun yang akan datang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, memandangkan negara kita merupakan antara negara yang terbanyak dari segi kemalangan jalan raya pada setiap bulan dan juga tahun, maka diharapkan cadangan ini diberikan perhatian.

Semoga keselamatan dan kesejahteraan pengguna jalan raya dapat kita jaga bersama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita juga perlu menilai semula masalah pelupusan sisa pepejal yang masih lagi ada di daerah Batu Pahat. Pelupusan berjadual yang dipamerkan kepada para pembayar cukai hanya menjadi hiasan saja. Tidak lagi mengikut jadual, sampah berlonggok-longgok tanpa diangkat dengan alasan tempat pembuangan jauh dan kesukaran mendapatkan tempat pembuangan yang berdekatan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita patut mencari penyelesaian ini secara jangka pendek dan jangka panjang. Berkaitan perkara ini, pastinya ada tempat yang sesuai atau mekanisme lain yang boleh menyelesaikan masalah pelupusan sisa pepejal yang saya sebutkan tadi. Perkara ini untuk makluman Datuk Speaker, ini, perkara ini, masalah ini pun saya sudah bangkit banyak kali di Dewan juga. Nampaknya pun belum ada tindakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Negeri Johor kini dalam proses memajukan semua aspek pembangunan baik dari segi fizikal dan pembangunan insan menilai dari persembahan kontinjen Sukan Malaysia Negeri Johor tahun 2008 yang diadakan di Negeri Terengganu baru-baru ini, pencapaian 27 pingat emas, 31 perak dan 40 gangsa adalah jauh dari sasaran yang diharapkan. Dengan laporan media yang mengatakan yang atlet-atlet kita telah berlatih di luar negara. Dan sasaran sebanyak 40 pingat emas, kita perlu menilai semula aspek pembangunan sukan terutamanya golongan muda ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, ada satu rangkap pantun yang ringkas iaitu berbunyi, harga minyak melambung tinggi, rakyat gelisah setiap hari. Sekianlah saja ucapan ini, moga dihayati, tindakan diberi. Saya mengakhiri ucapan saya ini dengan menyokong rundingan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku yang telah dibawa oleh Yang Berhormat ADUN Kawasan Rengit. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Jemput yang lain. Tanjung Puteri.

Y.B. Encik Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Encik Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Salam sejahtera dan selamat pagi Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker serta sidang Dewan yang saya muliakan sekalian. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta berucap sempena rundingan menjunjung kasih kepada titah ucapan Duli yang Maha Mulia Sultan Johor Darul Ta'zim. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT pada pilihan raya yang ke-12 yang lalu parti Barisan Nasional terus diberi kepercayaan untuk terus mengemudi Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim ini. Dilihat sejak daripada awal pentadbiran Kerajaan Negeri Johor hingga hari ini, tidak dapat dinafikan

bahawa Kerajaan Negeri di bawah Barisan Nasional berjaya membangunkan negeri ini dari pelbagai sudut pembangunan. Sama ada prasarananya, ekonomi, budaya malahan meliputi kerohanian dan modal insannya.

Ingin saya menarik perhatian sidang Dewan yang mulia ini, pentadbiran Barisan Nasional telah berjaya menjalankan sebilangan besar program-program serta aktiviti-aktiviti yang melibatkan soal agama, yang mana dijana khas untuk kebaikan rakyat negeri ini. Malah pelan perancangan program agama ini telah diberikan fokus khas oleh Kerajaan Negeri Johor melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor mahupun agensi-agensi serta jabatan-jabatan kerajaan yang lain antaranya seperti Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim. Antara program-program yang telah dilaksanakan yang menyumbang kepada modal insan ini, telah diwujudkan sistem sekolah agama dan juga diwujudkan program-program sakinah. Menyentuh soal kewujudan sekolah agama di Negeri Johor, yang mana sistem ini telah memainkan peranan yang sangat penting dalam pembinaan *character* dengan izin atau tingkah laku rakyat Negeri Johor itu sendiri. Ada pandangan yang mengatakan sistem di Johor ini telah melahirkan manusia yang seimbang dan lebih terbuka. Sistem ini juga selari dengan sistem semasa, yang dipraktikkan dalam sekolah kebangsaan yang sedia ada.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan sidang Dewan sekalian, untuk makluman sidang Dewan, sekolah agama telah dijalankan di Negeri Johor bermula dari tahun 1918 lagi, yang dikenali sebagai Sekolah Al-Quran. Kemudian Sekolah Kitab pada 1920. Sekolah agama petang pula diperkenalkan pada 1923. Dan sekolah agama pagi dan petang bermula dari tahun 1965. Pendidikan sekolah agama ini terkandung di bawah Enakmen Pelajaran 1992. Ini cukup jelas menterjemahkan peranan Kerajaan Negeri dalam membangunkan modal insan di negeri ini. Manakala program sakinah, yang dilaksanakan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim telah banyak membantu dan mempertingkatkan budaya hidup serta institusi kekeluargaan di negeri ini. Antara program-program yang dijayakan adalah :

i. Modul Keluarga Sakinah yakni Sayangi Keluarga kerana Allah. Objektifnya mempertingkatkan kefahaman dalam rumah tangga berlandaskan ketenangan, kecintaan dan kasih sayang.
ii. Modul Sahsiah, Bina Kerjaya, yang mana objektifnya penyediaan asas-asas remaja berkualiti, bermaruah dan mempunyai jati diri serta melahirkan generasi yang cintakan budaya rasmi, budaya murni kita.

Sidang Dewan sekalian, walaupun pelbagai sistem dan program sokongan yang telah diambil serta dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, malangnya masih terdapat kepincangan dan permasalahan yang tidak mampu ditangani. Statistik menunjukkan kadar jenayah di Negeri Johor pada tahun 2006, Negeri Johor menduduki tangga yang kedua tertinggi dari sudut kadar jenayah yang berlaku. Yang mana sejumlah 28,469 kes jenayah dilaporkan, 3,364 adalah kes samun dan 343 kes rogol. Angka ini amat membimbangkan masyarakat kita pada hari ini. Keselesaan dan keharmonian setempat seolah tidak terjamin berdasarkan kadar jenayah yang berlaku di negeri ini.

Dinilai dari aspek kekeluargaan pula, statistik menunjukkan kadar penceraian yang tinggi berdasarkan kajian pada tahun 2007 yang mana daripada 13,241

perkahwinan, kadar penceraiannya adalah 1,931 kes. Pada tahun 2006, daripada 11,943 perkahwinan, kadar penceraiannya adalah 1,647. Statistik melibatkan gejala sosial adalah lebih melibatkan remaja yang berumur dari 15 hingga 18 tahun. Dilihat punca peningkatan kadar jenayah khususnya di Negeri Johor, ianya adalah disebabkan pengaruh media. Sama ada elektronik atau media cetak. Bahan-bahan media terlalu mudah diperolehi dan unsur-unsur negatif berleluasa dan terlalu terdedah disebabkan gelombang media tanpa sempadan ini. Di sinilah peranan ibu bapa, masyarakat serta pemimpin ditagih dalam usaha bersama-sama mengawal ledakan arus jenayah yang melanda masyarakat kita di Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, menyedari akan gelombang pemusnah budaya dan bangsa ini terlalu serius, saya mengambil pendekatan bahawa semua masyarakat mestilah berusaha membendungnya bersama-sama. Kementerian Penerangan mestilah mengambil langkah proaktif untuk memastikan cerita berunsur mistik, berunsur gengsterisme, kongsi gelap dan cerita-cerita mengandungi pendorongan seks tidak dibenarkan untuk ditayang di televisyen atau ditapis dan dinilai secara serius terlebih dahulu. Contohnya, kita lihat dulu satu ketika yang mana zaman filem *Tionghoa* menayangkan filem gengster dan cerita-cerita ganas. Akibat daripadanya banyak remaja kita, terutamanya remaja-remaja *Tionghoa* dan juga remaja-remaja Melayu dan India terikut-ikut dan berkelompok membuat kumpulan penjenayah. Kemudian begitu juga apabila zaman cerita-cerita Hindi menayangkan filem sedemikian, remaja-remaja kita juga turut melakukan seperti mana tadi. Pada masa ini filem-filem tempatan pula, filem-filem Indonesia, filem-filem daripada barat yang ditayangkan begitu mengelirukan pemikiran dan sekali gus menjadikan golongan remaja kita terikut-ikut, langsung keliru kelakuan dan akidahnya.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker serta sidang Dewan yang dimuliakan, dikesempatan ini saya ingin memaklumkan bahawa untuk mengurangkan gejala keliru kelakuan dan akidah ini, di dalam DUN Tanjung Puteri akan melaksanakan satu program Mewujudkan Satu Rumah Satu Guru Al-Quran. Tujuan program ini adalah untuk mewujudkan kesedaran kepada masyarakat terutama ibu bapa agar sentiasa membudayakan al-Quran di kalangan masyarakat Islam, yang mana dalam sistem kehidupan manusia hari ini Ad-dinnya akan merujuk kepada panduan yang terkandung dalam al-Quran untuk dijadikan pegangan hidup.

Untuk permulaan, di Dewan Undangan Negeri Tanjung Puteri, saya telah pun memilih seramai 40 orang terdiri daripada pengerusi surau, imam dan individu yang mahir dalam al-Quran untuk mengikuti kursus bagi mendalami teknik dan ilmu pengajaran al-Quran. Kemudian setelah tamat kursus, mereka akan kembali ke Masjid dan surau-surau dan mewujudkan kelas-kelas al-Quran yang lebih sistematik. Untuk melaksanakan program dan memperbanyakkan guru al-Quran ini hingga terlaksana, impian Dewan Undangan Negeri Tanjung Puteri ke arah Satu Rumah Satu Guru Al-Quran, akan memerlukan perbelanjaan yang banyak. Maka dicadangkan Kerajaan Negeri melalui agensinya membantu ke arah merealisasikannya. Program-program susulannya pula, saya akan bermuafakat dengan pengerusi-pengerusi penganut agama yang lain. Saya akan ke tokong-tokong dan juga kuil-kuil dalam DUN Tanjung Puteri dan berbincang mencari jalan bagaimana cara pendekatan mengikut fahaman

ajaran agama masing-masing agar satu mekanisme dapat diwujudkan bagi membendung gejala yang boleh merosakkan bangsa ini dihapuskan sama sekali. Diharap dengan pendekatan yang akan diambil ini sejumlah besar kelompok masyarakat dapat manfaatkannya untuk kehidupan seharian mereka dan dapat membendung gejala keliru kelakuan ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh juga soal kedaulatan penggunaan bahasa Melayu dan urusan seharian baik di sektor kerajaan mahupun sektor swasta. Mengikut Perlembagaan Persekutuan, Fasal 152, Bahasa Kebangsaan adalah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan yang diperuntukkan oleh Parlimen. Dilihat dalam konteks mendaulatkan bahasa Melayu ianya terbukti dan berfungsi sebagai alat penyatupaduan anggota masyarakat di Malaysia dan di Negeri Johor khususnya. Kewujudan masyarakat majmuk di negeri ini memperlihatkan cabaran yang begitu getir dan terpaksa dilakukan oleh kerajaan. Dengan adanya bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan secara konkritnya bahasa Melayu berjaya membentuk bukan semata-mata akal budi dan seluruh padang alam manusia dalam satu lingkungan budaya, bahkan juga seluruh rangkaian kehidupan bermasyarakat dan berbagai bangsa. Selain itu, penggunaan bahasa Melayu secara menyeluruh dapat dilihat mengelakkan penjajahan kembali dalam bentuk emosi, fisiologi dan juga ideologi sepertimana yang telah dilaksanakan oleh penjajah British ketika menjajah Tanah Melayu dahulu. Oleh yang demikian, dicadangkan Kementerian Pelajaran memperkasakan semula mata pelajaran sejarah di sekolah-sekolah dan menterjemahkan kontrak sosial antara kaum yang telah diperkenalkan oleh pemimpin dahulu semasa mendapatkan kemerdekaan dijadikan salah satu *syllabus* pembelajaran di sekolah.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, melihat suasana budaya dan tekanan hidup pada hari ini lahir kebimbangan akan berlaku fenomena krisis kemanusiaan di kalangan masyarakat kita pada hari ini. Apatah lagi dengan adanya sesetengah pihak yang cenderung mengelirukan fakta dan memberi cadangan kepada sesuatu penyelesaian secara semberono saja. Hasilnya akan terus berlaku gejala sosial dan kadar jenayah akan terus meningkat akibat tekanan ekonomi yang berlaku sekarang. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri digesa untuk mencari satu formula dalam menyuntik semangat baru dan pendekatan baru dalam menangani tekanan emosi dan juga ekonomi yang berlaku sekarang. Saya bimbang, fakta-fakta yang benar sengaja dikelirukan seperti kenaikan harga barang disebabkan kos untuk pengeluaran hasil naik, maka harga barang-barang makanan melambung naik. Dan harga bahan api pula melambung naik disebabkan permintaan minyak seluruh dunia meningkat dan pengeluarannya kurang yang menyebabkan harga bahan api tersebut naik. Punca minyak mentah berkurangan pengeluarannya kita sama-sama ketahui. Yang mana apabila negara Iraq ditakluki oleh Amerika dan akhirnya kestabilan politik dalam negara tersebut tidak stabil, maka pengeluaran minyak mentah negara tersebut berkurangan dan begitulah akhirnya, hasilnya di seluruh dunia mengalami kekurangan bekalan minyak dan juga melibatkan harga minyak di Malaysia ini juga naik.

Apabila kita tidak dapat membendung dan memberi kefahaman kepada masyarakat dengan betul dan akhirnya akan timbul kecelaruan fikiran dan juga

krisis kemanusiaan akan berlaku seperti yang berlaku di Nepal baru-baru ini yang akhirnya membawa terhapusnya sistem beraja di sana. Manakala di Turki sistem politik terus bertukar kepada Islam yang lebih sekular sehinggakan mengharamkan pemakaian tudung kepada pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke universiti. Apakah ini yang dihajati oleh parti pembangkang di Malaysia ini. Yang ingin juga, saya ingin mencadangkan agar kerajaan memulakan kempen mengurangkan penggunaan petrol dan diesel dan segala subsidi yang diberi untuk petrol dan diesel hendaklah diberi kepada kadar penggunaannya sahaja yakni berapa banyak yang digunakan oleh setiap kenderaan.

Saya mengesyorkan kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, mula-mula kita mulakan dengan subsidi diesel yang diberikan kepada lori-lori, bas-bas, kapal-kapal nelayan, kapal-kapal laut nelayan laut dalam dan sebagainya. Pertama, kerajaan membekalkan satu alat elektronik kepada setiap kenderaan dan pihak kerajaan dengan menggunakan sistem satelit GPS, seterusnya mengenal pasti data perjalanan setiap kenderaan tersebut. Kemudian data tersebut digunakan untuk membuat potongan subsidi terhadap kuantiti penggunaan dieselnya. Kita boleh mulakan ini dengan kenderaan-kenderaan, syarikat-syarikat ataupun kapal-kapal laut dalam ini. Penggunaan alat canggih seperti ini sepatutnya digunakan untuk kebaikan bukan untuk merosakkan fikiran manusia seterusnya memporak-perandakan masyarakat kita.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, seterusnya saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim kerana limpahan pembangunan telah diberikan kepada pengundi-pengundi di DUN Tanjung Puteri sebelum ini. Pembangunan ini telah berjaya memberikan manfaat kepada masyarakat serta pengundi di DUN saya tidak kiralah dari aspek ekonomi, budaya, agama mahupun program-program kemasyarakatan. Walau bagaimanapun, pengundi DUN Tanjung Puteri di Taman Dato' Onn, Larkin memohon dikembalikan Balai Raya mereka yang sebagaimana dijanjikan sebelum projek penswastaan Larkin Resident dimulakan dahulu. Mereka meminta agar cadangan pemaju sebagaimana yang dibincangkan dengan Yang Berhormat Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru dahulu agar sekeping tanah di sebelah rumah No. 11, Jalan Saksama, Taman Dato' Onn Larkin dapat ditukar statusnya, dapat ditukar status pemilikan tanah tersebut kepada pihak Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Johor Bahru ataupun Pejabat Daerah Johor Bahru agar dapat dibina Balai Raya tersebut.

Untuk makluman Sidang Dewan, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Johor Bahru juga telah pun memberikan kelulusan Sijil Layak Menduduki (CFO) sebelum pilihan raya lagi kepada penduduk-penduduk di Larkin Perdana yang sebelum ini berhadapan dengan masalah tersebut selama bertahun-tahun termasuklah Pangsapuri Seri Impian Larkin Perdana. Masalah yang belum selesai pada masa ini adalah menubuhkan *Maintenance Corporation*nya, *MC*nya di setiap *apartment* dan rumah pangsa tersebut. Diminta pihak Majlis Bandaraya menyegerakan penubuhan MC ini agar pihak Majlis Bandaraya dapat melepaskan tanggungjawab penyelenggaraan bangunan ini kepada pihak MC masing-masing. Selain pembangunan yang sedia ada di DUN Tanjung Puteri,

ingin saya maklumkan bahawa status Stadium Larkin ataupun Stadium Tan Sri Hassan Yunos adalah dimiliki oleh Johor Corporation.

Oleh yang demikian, sebagai badan berkanun Kerajaan Negeri Johor dengan syarikat GLCnya yang telah mencatatkan keuntungan yang konsisten iaitu RM4.62 juta pada tahun 2006, manakala peningkatan keuntungan berjaya dicatat pada tahun 2007 iaitu RM13.37 juta. Maka sehubungan itu, saya selaku Wakil Rakyat bagi DUN Tanjung Puteri ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri agar Stadium Larkin tersebut dihadiahkan sahaja atau diwakafkan sahaja kepada penduduk-penduduk DUN Tanjung Puteri. Ini selaras dengan langkah Johor Corporation yang selalu mewakafkan saham mereka untuk rakyat Johor dan stadium ini seterusnya kekal selama-lamanya di situ.

Di masa yang sama saya sentiasa memantau perkembangan-perkembangan yang dijalankan oleh pihak penswastaan di dalam kawasan DUN Tanjung Puteri dan sentiasa menggesa pihak yang terbabit dengan pembangunan tersebut supaya menyegerakan pelaksanaan pembangunan tersebut agar rakyat dapat menikmati hasil dan seterusnya memiliki hartanah dalam bandar raya Johor Bahru. Selain itu juga, penglibatan (SJIC) South Johor Investment Corporation dalam membangunkan prasarana hendaklah secara menyeluruh dalam kawasan pembangunan Iskandar Malaysia termasuk juga kawasan DUN Tanjung Puteri dan kawasan DUN-DUN yang terlibat sama. Kerja-kerja pembangunan dan yang amat penting peruntukan-peruntukan hendaklah diagihkan terus kepada pihak PBT-PBT setempat agar pengagihan kerja kontrak dapat disalurkan kepada kontraktor-kontraktor tempatan dan tidak dimonopolikan oleh kontraktor-kontraktor luar daripada kawasan Johor ini.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa cukup Yang Berhormat.

Y.B Encik Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Terima kasih. Sikit lagi. Akhir kata saya berharap agar seluruh anggota kerajaan terutama anggota Kerajaan Negeri Johor, tunjukkanlah prestasi kerja yang berintegriti tinggi dan berkualiti tinggi agar dapat menangkis cemuhan pihak pembangkang kepada pihak pemimpin Kerajaan Negeri pada hari ini. Dan akhirnya menjaga kedaulatan negeri dan juga seterusnya negara Malaysia. Dengan ini saya memohon menyokong rundingan menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan yang dibawa oleh DUN kawasan Rengit. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat, dijemput ada yang lain? Ada yang lain? Dijemput Penggaram, Senggarang.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullah.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Timbalan Datuk Speaker, terutamanya izinkan saya mengucapkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana turut diberi peluang untuk membahaskan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor ketika Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-12 ini. Ini juga merupakan sejarah untuk saya kerana

dapat bercakap secara rasmi di Dewan yang mulia ini. Kesyukuran yang seterusnya saya lihat, saya berikan kepada Yang Berhormat Timbalan Datuk Speaker kerana begitu istiqamah dan akur dengan segala tugas yang diberikan sehingga kekal menjadi Timbalan Speaker Kerajaan Negeri Johor pada Penggal Persidangan pada kali ini .

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Berapa lama nak berucap? Yang Berhormat berapa lama nak berucap?

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Lama Tuk.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Lama. Kalau lama duduklah dulu. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 24 Jun 2008, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KEEMPAT	SELASA, 24 JUN 2008	BIL. 2 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia bte Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
Dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah bte Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
Dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M.Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman, KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusa Jaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah Binti Mansor,
(Penawar)

Y.B.Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof,
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Encik Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim,
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Ng See Tiong, jemput.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 1. ((a) Sejauh manakah Kerajaan Negeri Johor bertindak agresif untuk memastikan setiap produk pelancongan yang disediakan dapat menarik minat pelancong dan berdaya saing supaya memantapkan sektor pelancongan dikenal pasti sebagai satu daripada penyumbang utama ekonomi Negeri Johor? (b) Sejauh manakah pencapaian bidang industri pelancongan Negeri Johor sejak 2007 dalam sasaran kempen Tahun Melawat Malaysia?]

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, jemput.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 2. [Negeri Johor mempunyai banyak pusat-pusat pelancongan dan percutian yang menarik dan sektor pelancongan merupakan salah satu punca pendapatan utama di negeri ini. (a) Apakah langkah-langkah serta program yang dijalankan untuk membawa lebih ramai pelancong ke Negeri Johor? (b) Adakah sebarang inisiatif atau kajian yang dijalankan untuk membangunkan pusat-pusat pelancongan baru yang mempunyai potensi pelancongan yang besar seperti di Kahang?]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker**,** selamat pagi dan salam sejahtera. Izinkan saya untuk menjawab soalan Yang Berhormat Parit Yaani bersama-sama dengan Yang Berhormat Kahang berkenaan tentang usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Johor bagi memantapkan lagi sektor pelancongan sebagai penyumbang sektor ekonomi utama dan mempertingkatkan lagi kedatangan para pelancong di dalam Negeri Johor.

Dato' Speaker, berbagai kerjasama dan usaha telah diaturkan oleh Kerajaan Negeri Johor dengan kerjasama Kementerian Pelancongan Malaysia melalui Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor dan agensi berkaitan bagi memantapkan lagi dan membangunkan industri pelancongan di dalam Negeri Johor. Antara usaha-usaha tersebut:

i. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, Negeri Johor telah memperolehi sejumlah RM49.5 juta bagi projek-projek pembangunan kemudahan pelancongan, infrastruktur dan projek-projek baru eko-pelancongan. Manakala sejumlah RM48 juta bagi tujuan penyelenggaraan tempat-tempat pelancongan di dalam Negeri Johor. Selain daripada itu, sejumlah RM4 juta juga telah diperuntukkan oleh Kerajaan bagi membuat pembangunan infrastruktur pelancongan bagi sub-sektor *home stay*.

ii. Mempergiatkan lagi usaha-usaha promosi, publisiti dan pemasaran produk-produk pelancongan di dalam Negeri Johor dengan bantuan semua pihak. Mengeluarkan bahan-bahan promosi, risalah-risalah dan buku-buku penerangan berkaitan dengan pelancongan.

iii. Membuka dan sentiasa mencari segmen pemasaran baru para pelancong dan tidak terhad kepada pelancong daripada Singapura sahaja. Sehingga kini, 10 negara telah dikenal pasti sebagai penyumbang utama para pelancong ke Negeri Johor. Antaranya ialah Indonesia, China, India, Thailand, Taiwan, U.K., Jepun, Korea Selatan dan Australia.

iv. Penganjuran pelbagai acara-acara pelancongan bertaraf antarabangsa di dalam Negeri Johor.

v. Mempakejkan produk-produk pelancongan sedia ada dengan kerjasama dengan pelbagai pihak yang berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, melalui pelaksanaan Kempen Tahun Melawat Malaysia, Negeri Johor telah pun mengalami peningkatan kedatangan pelawat dan pelancong yang amat menggalakkan. Kedatangan para pelawat dan pelancong ke dalam Negeri Johor telah meningkat 17.6 peratus pada tahun 2007 kepada 23,919,561 orang berbanding dengan 20,335,203 orang pada tahun 2006. Berdasarkan kepada pencapaian yang amat membanggakan ini, bersesuaian dengan langkah untuk melanjutkan lagi tempoh Tahun Melawat Malaysia sehingga Ogos 2008, Kerajaan Negeri Johor telah menetapkan sasaran peningkatan sebanyak 20 peratus, 15 hingga 20 peratus untuk kemasukan para pelawat dan pelancong pada tahun 2008 ini. Sehubungan itu, pelbagai langkah-langkah agresif sedang dilakukan di dalam usaha mencapai sasaran yang ditetapkan oleh kami ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yang Berhormat Parit Yaani.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani): Terima kasih kepada Dato' Speaker, soalan tambahan. Laporan yang begitu jelas daripada Pengerusi portfolio Pelancongan, memang adalah laporan sebelum tahun 2008 iaitu laporan daripada tahun 2007 dan bandingkan dengan 2006. Itu adalah sejarah keputusan dan kejayaan pelancongan. Saya nak tahu, memandangkan keadaan ekonomi dan juga harga minyak semakin meningkat, ini adalah satu masalah global. Dan, saya rasa berkemungkinan industri pelancongan akan terjejas. Apa langkah terbaru untuk Negara Malaysia terutama sekali Negeri Johor, kita nak adakan satu daya tarikan yang terbaru, yang akan terbaik, terhandal untuk kita tarik pelancong ke negara kita, ke Negeri Johor. Saya belum dapat apa laporan daripada Pengerusi portfolio itu, harap hari ini, pagi ini boleh dapat laporan yang jelas. Sekian, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ucapkan terma kasihlah kepada Yang Berhormat Parit Yaani yang begitu minat dalam sektor pelancongan ini. Mungkin Yang Berhormat dari Mersing, kita pun...

Y.B. Dato' Speaker : Tak, dia Wakil Rakyat Parit Yaani cuma daripada Malaysia.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Tapi berasal dari Mersing. Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, walaupun isu kenaikan harga minyak ataupun isu-isu yang lain, mungkin akan ada impak sedikit tentang sektor pelancongan, tetapi kami di Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor telah pun berusaha awal-awal lagi, kita telah pun menetapkan dan juga ingin memfokuskan destinasi *highlight* yang kita katakan. Kita tumpukan kepada 8 sektor yang penting iaitu *eco tourism, agro tourism, sport tourism, shopping, heritage tourism* termasuk juga *health tourism* dan sebagainya, untuk kita memastikan bukan setakat pelawat datang ke Negeri Johor tetapi ada tujuan sampingan untuk mereka mendapati kemudahan-kemudahan yang ada di Negeri Johor ini. Dan, saya ingin menjelaskan di sini, selain daripada kita mendapat peruntukan untuk kita menaik taraf kemudahan-kemudahan yang ada di tempat pelancongan yang sedia ada di Negeri Johor ini. Setiap tahun kita juga ada menyertai banyak *travel fair* dan juga promosi yang dapat kita mempromosikan tempat-tempat pelancongan di Negeri Johor ini. Dan, baru-baru ini Kementerian telah pun mengadakan satu dasar baru iaitu, ia fokus kepada tempat pelancongan iaitu kita namakan Program *Zoom* di Kementerian. Dan di pihak Negeri Johor ini, kita akan bekerjasama dengan semua pihak termasuklah persatuan-persatuan yang ada berkaitan dengan industri pelancongan, untuk kita sama-sama meningkatkan lagi prestasi pelancongan di Negeri Johor ini. Pada saya Negeri Johor masih berdaya saing untuk menghadapi sebarang cabaran yang ada, yang kita boleh atasi. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Ha ini... tak sana, Yang Berhormat. Saya kasi Yang Berhormat Maharani, anu Maharani ke... anu itu.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Skudai, Skudai...

Y.B. Dato' Speaker : Tak... yang hujung itu.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Skudai.

Y.B. Dato' Speaker : Bukan Skudai tu... Ha Sungai Abong. Lebih kurang aje Maharani dengan Sungai Abong.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya ingin bertanya...

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Ya. Soalan tambahan. Apakah langkah-langkah daripada pihak Jabatan untuk menarik pelancong-

pelancong dari Timur Tengah di mana kita tahu bahawa mereka adalah pelancong-pelancong yang merupakan pelancong berkualiti dari segi belanja dan tinggal yang apa, tinggal terlalu lama di negara ini. Makna dalam laporan tadi dinyatakan bahawa hanya 8 golongan pelancong daripada negeri-negeri luar yang tidak termasuk satu pun daripada Timur Tengah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh...

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Itu saja.

Y.B. Dato' Speaker : Ha'ah Timur Tengah ini, apa cerita?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Ya, ya. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti yang saya nyatakan tadi pada masa kini, 10 negara telah dikenal pasti sebagai penyumbang utama para pelancong iaitu Negeri China, Indonesia, India, Thailand, Taiwan, U.K., Jepun, Korea Selatan dan Australia. Tetapi, saya sebut tadi tentang kita harus mencari segmen pemasaran baru para pelancong. Maka, *target* kita baru ini selain daripada 10 negara yang saya sebutkan tadi, sekarang Indo China, *North Africa* dan juga *Middle East* juga merupakan sasaran kita untuk kita mendapatkan pelancong daripada negara-negara yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Kita sepertimana yang disebutkan, kita banyak itu projek mega untuk menarikkan pelancong ke negara kita khasnya Negeri Johor. Tetapi kita terlepas pandang bahawa tempat pelancongan tidak dijaga dengan bersih, penyelenggaraan takde, jadi persepsi pelawat datang ke...

Y.B. Dato' Speaker : Contoh kat mana? Yang tak jaga tu kat mana? Jadi dia senang ambil tindakan.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Desaru kita boleh sebutkanlah…

Y.B. Dato' Speaker : Hah?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Desaru pun kita boleh sebutkan, Mersing kita boleh sebutkan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat jangan tanya orang lainlah, Yang Berhormat sebut sinilah.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Tapi itu, kemudahan macam bilik air ke, nak jaga dengan bersih, biasa terlepas pandang.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, bilik air perempuan nombor satu eh…

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ha, itu, itu, adakah itu patut kita…

Y.B. Dato' Speaker : Ha… yalah. Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya akui segala kemudahan yang ada perlu kita tingkatkan dari semasa ke semasa untuk menjaga keselesaan pelancong yang datang ke Negeri Johor ini.

Dalam ucapan, maaf, dalam jawapan saya awal-awal tadi, di Negeri Johor kita dapat memperolehi peruntukan sejumlah RM49.5 juta untuk projek-projek pembangunan kemudahan pelancongan dan juga RM48 juta bagi penyelenggaraan tempat-tempat pelancongan. Saya, tadi ingat, Yang Berhormat tadi, Parit Yaani pasti tanya tentang Mersing dan sebagainya, tapi dia tak tanya.

Y.B. Dato' Speaker : Ha... ah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Bagi sana...

Y.B. Dato' Speaker : Macam Wakil Rakyat Parit Yaani.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Ya... ya. Saya cuma bagi satu contoh aje, misalnya di daerah Mersing. Kita sebenarnya memberi peruntukan untuk meningkatkan kemudahan pelancongan di Bandar Mersing dan juga di sekitar kawasan dan bandar lain termasuklah di bandar raya Johor Bahru. Kita memberi peruntukan sebanyak RM12 juta untuk kita naikkan taraf termasuklah tandas, termasuklah kemudahan yang biasa yang kita harus memberikan kemudahan kepada pelancong. Jadi semua perkara ini diambil kira oleh Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor. Dan saya juga memintalah kerjasama daripada Ahli Yang Berhormat sekalian, jika ada pandangan ataupun cadangan yang baru, ataupun dapat kita meningkat bersama-sama di Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor akan tetap bekerjasama untuk kita majukan lagi sektor pelancongan di Negeri Johor ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Skudai, anu, Kulai.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Senai, Senai.

Y.B. Dato' Speaker : Senai.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, lampu nyala tak? Tak dengar.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Oh.

Y.B. Dato' Speaker : Ha.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Saya difahamkan bahawa salah satu punca utama pelancongan di Johor Bahru adalah pelawat-pelawat daripada Singapura yang sentiasa belanjakan duit, banyak duit di pusat Johor Bahru ini. Jadi walau bagaimanapun, ada difahamkan bahawa wujudnya satu persepsi yang negatif di kalangan pelawat-pelawat atau pelancong-pelancong daripada Singapura, oleh kerana berpunca daripada, khusus terutama sekali adalah kadar penjenayah yang begitu tinggi di Johor Bahru. Juga di samping dengan faktor yang mana minyak, harga minyak ada bertambah. Selain daripada itu adalah didapati bahawa…

Y.B. Dato' Speaker : (Ketawa).

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Di tempat hiburan, tempat-tempat hiburan di Johor Bahru semasa mereka berkunjung dekat tempat sedemikian, sentiasa dikacau oleh anggota-anggota Polis dengan menyerbu, menangkap sesuka hati pelanggan-pelanggannya di situ.

Y.B. Dato' Speaker : Hem, ok, apa soalan dia Yang Berhormat?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Jadi saya ingin tahu, bagaimana pihak, pihak Pelancongan Negeri, Kerajaan Negeri ini boleh mengatasi, juga boleh ada langkah-langkah yang sewajarnya untuk memberikan keyakinan kepada pelancong-pelancong daripada Singapura. Itu saja.

Y.B. Dato' Speaker : Hem... ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Ya, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Speaker, isu tentang kenaikan harga minyak dan sebagainya telah pun saya jawab tadi. Tentang isu keselamatan ini, saya dengar ada sedikit percanggahan ini. Satu, kata Polis…

Y.B. Dato' Speaker : Seribu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Memberi satu gambaran yang tidak cukup baik untuk menjalankan tugas. Tiba-tiba kata dia banyak agresif untuk mengambil tindakan. Dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri bersama-sama dengan PDRM, PDRM khususnya di Negeri Johor ini, kerana Dato' Mokhtar sebagai Ketua Polis Negeri Johor telah pun bincang dengan saya 2, 3 kali tentang cara macam mana, apa strategi untuk kita mengadakan satu gambaran yang lebih jelas tentang keselamatan, isu keselamatan di Negeri Johor khususnya di bandar Johor Bahru ini. Dan antara perbincangan saya dengan Yang Berbahagia Dato' Ketua Polis Negeri, memang kita ada banyak cabaran sebenarnya. Tetapi kita harus akui *crime rate* ataupun kadar jenayah kalau Yang Berhormat tengok kawasan bandar Johor Bahru ini, dapat lihat memang ada kesan penurunan tentang kadar jenayah ini. Walau bagaimanapun, kami telah pun berbincang satu cara di mana tak lama lagi kita akan melancarkan satu kempen juga. Kemungkinan di *Causeway*, untuk kita selain daripada

mewujudkan satu kesedaran antara warga Johor Bahru dengan pelancong yang datang, khususnya pintu masuk utama iaitu *Causeway* di Johor Bahru ini.

Selain daripada mewujudkan satu kesedaran, kita akan bagi brosur-brosur untuk menerangkan kepada para pelancong ataupun pelawat yang masuk ke Bandar Johor Bahru ini, sama ada cara macam mana dia dapat menghubungi dengan pihak Polis, dengan agensi kerajaan yang lain termasuk Pelancongan Negeri Johor. Bagaimana kita dapat membantu mereka, selain daripada Polis dapat mengatasi isu keselamatan ini, tetapi segala kemudahan yang ada, apa cara yang kita dapat bantu dan sebagainya akan kita beritahu kepada para pelancong dan juga pelawat yang datang masuk ke pintu utama di bandar raya Johor Bahru ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Puteri Wangsa.

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, tadi Yang Berhormat Pengerusi Pelancongan menyatakan tentang projek *zoom, eco tourism*, yang mana ini akan mempunyai pusat-pusat pelancongan dan pusat yang menarik di sektor pelancongan. Dan saya lihat dengan adanya pintu-pintu masuk ke dalam Negeri kita ini, contohnya pintu-pintu masuk luar melalui laut. Kita tengok di Kukup, Belungkor, Rengit dan sebagainya. Dan kita melihat produk yang ada, *eco tourism* di Desaru. Kalau kita pergi Desaru, kita rakyat Malaysia pun tengok, dengan izin *dull,* macam tempat *tourism* yang akan pupus dan mati. Jadi saya nak tahu, berapa ramai rakyat ataupun warga asing yang masuk mengikut pintu-pintu laut yang saya maksudkan tadi. Kerana apa, kalau kita lihat Changi ke Belungkor, hanya satu syarikat yang dibenarkan, Star Cruise dan diberikan *exclusivity*. Dan ini menjurus kepada *touch and go*. Maksudnya daripada Changi ke Belungkor kemudian *cruise to no where*. Jadi maknanya dia tak pergi ke Desaru, jadi kita beri kebenaran kepada satu syarikat sedangkan kalau kita lihat, kita boleh *tap* pelancong daripada Changi Airport, yang mana ramai pelancong-pelancong warga asing bukan sahaja daripada Singapura dan Indonesia, tetapi daripada Negara-negara Barat dan Asia Barat yang sepatutnya diambil peluang oleh pengusaha-pengusaha bot dan diberi peluang kepada syarikat-syarikat ini untuk menarik lebih ramai. Manakala Kerajaan Negeri sepatutnya membangunkan Desaru. Kalau kita lihat ini berlaku…

Y.B. Dato' Speaker : Ok, apa soalan dia?

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Statistik pelancong yang masuk bukan sahaja daripada Singapura dan Indonesia, tetapi di kalangan warga barat ataupun warga Asia Barat. Terima kasih Yang Berhormat, Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Speaker, di Negeri Johor ini kita ada 14 pintu masuk ataupun *the entry point,* ada 14, di mana 6 yang merupakan premium, bererti yang banyak sekalilah yang datang temasuklah Tambak Johor, Second Link dan sebagainya. 8 lagi yang lebih kecil sedikit. Saya, walaupun 3 bulan sahaja di Pelancongan ini, saya boleh dikatakan lebih kurang 75 peratus masa saya bersama.

Y.B. Dato' Speaker : Fuh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Bersama dengan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor. Ini menunjukkan bahawa 2 portfolio ini yang saya pegang ini, satu, pelancongan yang cukup hebat cabarannya untuk kita atasi dan juga mempertingkatkan lagi sektor pelancongan Negeri Johor ini. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat tentang di pintu-pintu masuk ini, selain daripada pengusaha sektor pelancongan ini dapat kita bantu. Dari segi persepsi pelancongan ataupun pelawat yang masuk ke pintu masuk ini, sama ada harapan mereka tentang dari segi mana yang perlu mereka pergi dan apa pakej yang boleh kita *repackage* untuk mereka sama-sama, bukan setakat datang ke satu tempat tetapi ada tujuan yang lain. Sama-sama kita meningkatkan lagi sektor pelancongan untuk kemudahan para pelancong.

Dan baru-baru ini kita telah pun berbincang dengan pihak hotel dan juga persatuan-persatuan berkenaan di dalam Mesyuarat Tindakan Pelancongan Negeri Johor, di mana banyak idea yang telah pun dikemukakan oleh pihak persatuan-persatuan yang berkaitan dengan industri pelancongan. Saya sambut baik dengan pandangan dan cadangan Yang Berhormat tentang perkara yang dikemukakan ini dan saya akan kumpulkan semua maklumat ini dan cuba kita mengadakan pakej yang baru untuk lebih menarik kepada para pelancong yang masuk ke Negeri Johor ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat Encik Ja'affar bin Hashim, jemput.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 3. [Kesan pemanasan global yang begitu ketara sejak akhir-akhir ini telah mengakibatkan air pasang di laut melebihi dari paras biasa. Akibatnya kawasan-kawasan yang berada di persisiran pantai akan mengalami kesan seperti banjir dan hakisan. (a) Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh JPS untuk mengatasi masalah tersebut? (b) Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk mengatasi kesan hakisan benteng di kawasan pantai barat Johor khususnya dari Pontian hingga ke Muar?]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, kesan pemanasan global telah mengakibatkan air pasang di laut melebihi dari paras biasa. Beberapa langkah-langkah telah diambil oleh JPS untuk mengatasi pasang tinggi. Antaranya, membaiki, meninggikan benteng laut serta benteng sungai di daerah, Pontian, Batu Pahat dan Muar bagi mengelakkan berlakunya limpahan air laut ke dalam kawasan pertanian dan penempatan. Ia juga bagi memastikan keadaan benteng cukup kuat agar tidak berlaku kebocoran atau pecah semasa berlaku air pasang tinggi. JPS juga sentiasa menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan pintu kawalan pasang surut bagi memastikan ianya dapat berfungsi dengan baik sepanjang masa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, JPS menjalankan pemantauan di tempat-tempat yang telah dikenal pasti mengalami hakisan dan maklumat ini disalurkan

kepada Bahagian Kejuruteraan Pantai, JPS Malaysia bagi tujuan permohonan peruntukan dan perancangan kerja-kerja pembaikan kawasan yang mengalami hakisan. Di samping itu juga, JPS Malaysia telah melantik pihak UTM untuk menjalankan kajian *National Coastal Vulnerability Index Study* dengan izin, bagi melihat kesan impak pemanasan global dan kenaikan paras air laut kepada hakisan pantai *salt water intrusion* dengan izin, takungan air di *wetland*, dengan izin, habitat kawasan pantai, pengurusan sumber air, kesan ekonomi dan lain-lain lagi. Kajian ini telah pun siap pada awal tahun 2008 dan dianya akan digunakan sebagai sumber rujukan dalam perancangan kerja-kerja kawalan hakisan pantai di masa akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di bawah peruntukan Pembangunan Negeri, JPS telah diperuntukkan sejumlah RM2 juta pada tahun ini bagi tujuan mengatasi masalah hakisan pantai untuk seluruh Negeri Johor. Antara projek-projek yang telah dikenal pasti adalah Tanjung Piai, Pontian, RM200,000.00; Taman Awam, bandar Pontian, RM200,000.00; Sungai Lurus, Batu Pahat, RM200,000.00; Kem Teluk Sali, Mersing, RM200,000.00; Kampung Sebong, Kota Tinggi, RM200,000.00 dan Seri Menanti, Muar, RM200,000.00. Bagi peruntukan RM800.00 akan digunakan bagi kerja-kerja pembaikan hakisan di masa akan datang. Di samping itu, melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan, projek pengawalan pantai di Kuala Sungai Punggor, Rengit sedang dilaksanakan dan dijangka akan siap pada 28 Oktober 2008 dengan kos RM1.32 juta. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Parit Yaani.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Setahu saya pada hujung tahun 2006 dan awal tahun 2007, selepas kita menghadapi banjir besar di Negeri Johor, kita memang rajin dan kerajaan memang rajin terutama sekali JPS. Rajin untuk bersihkan parit-parit dan juga merancangkan bagaimana nak naikkan taraf parit-parit yang tersumbat yang menjadi punca banjir. Tapi, nampaknya keadaan macam gitu hangat-hangat tahi ayam. Sekarang nampaknya ada *slow*, ada kurang...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat nak soal apa ni?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ini yang saya nak sampaikan ke soalan saya, sebelum itu, saya kena masuk gear 3, baru 4, yang ni masuk gear 5, boleh.

Y.B. Dato' Speaker : Lambat, gear 1 terus.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ini automatik gear. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak tahu, adakah pihak kerajaan meneruskan langkah-langkah untuk kita, supaya tidak terjadi lagi macam keadaan tahun 2006 dan 2007, sebab 1 kali kena, 2 kali tau, jangan kita 2 kali pun tak tahu.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, soalan asal.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Asal? Banjir.

Y.B. Dato' Speaker : Soalan asal, dia cerita dekat persisiran pantai, ha, air ni dari pantai ni, dia cerita pantai ini, dia tak cerita yang banjir lain.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Tapi dari pantai itu, air masuk ke parit.

Y.B. Dato' Speaker : Dah lari soalan tu.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Biasa, biasa, kalau air pasang, air dalam parit semua kena, kena banjir, naik ke kampung. Inilah saya punya soalan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, cepat jawab. Yang Berhormat, tak boleh tu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, memang, Yang Berhormat Dato' Speaker betul, mengikut peraturan 26 (5) memang tidak tepat. Dan, soalan yang ditimbulkan merupakan tebatan banjir dan juga saliran bandar.

Y.B. Dato' Speaker : Jadi, Yang Berhormat anggap dia salahlah?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang soalan asal itu memang melibatkan persisiran pantai.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dia salah tak?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Jadi, saya tidak ada maklumat tentang apa yang ditanya kerana tebatan banjir...

Y.B. Dato' Speaker : Oklah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Dia ada terlibat juga, Majlis, Pihak Berkuasa Tempatan dan juga lain jabatan. Jadi, tentang saliran bandar juga, dia terletak dalam bidang kuasa Majlis Tempatan. Jadi, sekiranya kita mengalami, memang...

Y.B. Dato' Speaker : Eh, panjang pula Yang Berhormat jawab, saya dah tak kasi jawab, ha'ah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Sikit. Memang mengalami kejadian banjir di Negeri Johor yang berlaku pada 19 hingga 31 Disember 2006 dan juga 11 hingga 14 Januari 2007, kita mengalami kerugian yang besar. Jadi, saya pun tak dapat.

Y.B. Dato' Speaker : Ha.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Diberikan maklumat satu persatu, kemungkinan bantuan boleh diperolehi juga, saya akan minta Pengerusi

Kerajaan Tempatan dan juga Kerja Raya untuk sama membantu bagi satu gambaran yang lebih tepat dan lebih mendalam.

Y.B. Dato' Speaker : Ha'ah, kemudianlah. Oklah, Machap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Dulu kita ada terbaca, ada terbaca satu laporan akhbar yang dikeluarkan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Alam Sekitar, yang menyatakan bahawa kawasan pesisir pantai, kalau akibat daripada *global warming*, pemanasan global yang mana kawasan, yang saya difahamkan bahawa bandar Batu Pahat akan hilang.

Y.B. Dato' Speaker : Emm.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Akibat daripada pemanasan global, kalau sekiranya kita tidak mengambil langkah-langkah akibat daripada hakisan pantai dan juga air laut akan naik dalam masa 10, 20 tahun. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, adakah laporan ini sesuai ke tak sesuai dengan kajian Yang Berhormat bentangkan, Yang Berhormat nyatakan tadi, iaitu kajian bersama-sama dengan pihak UTM dan sebagainya. Jadi, kalau sekiranya perkara ini berlaku, apakah langkah-langkah awal, ataupun apakah persiapan kita? Kerana saya difahamkan bahawa perkara ini diperbincangkan hangat di Singapura, eh. Kerana kalau kita kira bila Batu Pahat tenggelam habis, samalah Singapura juga akan hancur. Jadi, saya ingin tahu, apakah persiapan kita dan adakah laporan ini betul? Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasihlah Yang Berhormat daripada kawasan Machap. Memang saya tidak ada maklumat yang tepat tentang apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat. Tetapi kita, dasar kita untuk memantau dan juga buat kawalan terhadap hakisan pantai memang kita ada secara amnya kita bagi dalam 2 cara, satu jangka pendek dan satu jangka panjang. Dan, untuk jangka pendek kita akan membina struktur-struktur kawalan hakisan di semua kawasan pantai menggunakan *geo tube*, satu cara, *sea wall*, dengan izin, satu cara, *rock bun*, satu cara. Sekarang kita gunakan inovasi negara kita sendiri, JPS sendiri iaitu *Labuan Rock* satu jenis yang amat boleh kata lebih baik, boleh jimatkan 50 peratus kos daripada lain, cara lain. Dan, untuk jangka panjang memang mengikut surat pekeliling...

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Yang Berhormat Dato' Speaker, *Labuan Rock* tu tadi boleh terangkan sikit, kita...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Itu cara untuk kita.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dia tak faham *rock* tu, *geo hall rock* ke, dia nak tahu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Itu memang satu jenis perbuatan teknikal kalau dengan izin, saya hanya ada gambar. Ini caranya *geo tube*, di mana dia akan...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat kena tunjuk saya, bukan dia. Ha, ha, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, ini memang cara *geo tube,* dia diletak di tepi pantai.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Persisiran pantai supaya mengurangkan pukulan ombak ke pantai, jadi mengurangkan kelajuan dan juga pukulan dia. Ini satu cara, lagi satu cara adalah ini *sea wall* di mana kita buat macam benteng juga.

Y.B. Dato' Speaker : *Sea, sea...*

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : *Sea Wall*, makna benteng laut**.**

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ingat *sea wall*, ingat *sea* wau.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Ini satu jenis. Ada satu jenis lagi kemungkinan saya tunjuk gambar yang kecil sikit. Ini maknanya *Labuan Rock.*

Y.B. Dato' Speaker : Ini, apa?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : *Labuan Rock*, dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : Labuan Rock?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Ini inovasi atas perbuatan, inovasi JPS sendiri, kita memang buat oleh kita sendiri, dan ini dapat jimatkan kos lebih kurang 50 sen, 50 peratus. Tambah pula lagi, kita juga ada program mengorek kuala-kuala sungai supaya air dapat licin, dapat keluar, lebih alir cepat daripada sungai-sungai yang kita ada. Tetapi laporan yang disebutkan dalam surat khabar ini, saya tidak ada maklumat untuk mengesahkan sama itu tepat atau tidak tepat secara saintifik. Saya tak ada maklumat macam itu. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Benut.

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Kesan pemanasan global ini, kalau kita tengok pada kawasan-

kawasan yang berpotensi tinggi untuk dilanda banjir ataupun hakisan. Saya ingin tahu, sama ada kerajaan ada menyediakan satu program di mana masyarakat di kawasan yang berpotensi berkenaan diberi pendidikan, diberi penjelasan berkenaan dengan ancaman-ancaman kemungkinan banjir. Adakah program-program itu dijalankan oleh kerajaan dan kalau tak ada disediakan kerajaan untuk...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ni, Yang Berhormat soal ni, lari.

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Dato', kesan, soalannya kesan daripada pemanasan global, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi. Jadi, adakah memberi pendidikan kepada masyarakat di kawasan berpotensi sebagai salah satu langkah, kalau tak ada, adakah kerajaan bersedia untuk berbuat demikian?

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bersetujulah dengan Yang Berhormat Dato' Speaker. Tetapi saya jawab, kita ada Program Cintai Sungai. Di samping itu, kita mendapati satu punca tindakan manusia yang juga menyumbangkan faktor banjir berlaku adalah pembuangan sampah sarap di sungai-sungai kita, termasuk kayulah, macam-macam benda, yang rakyat atau manusia buang dalam sungai. Dan juga sebutkan, sungai itu, aliran sungai itu lambat, kalau tak tersumbat, lambat. Ini juga satu faktor yang boleh menyumbangkan kepada banjir kilat juga. Jadi, kita ada program supaya rakyat kita khasnya penduduk-penduduk kita ataupun pemuda remaja kita bersama-samalah kita mencintai sungai kita, janganlah mencemarkan sungai kita. Itulah salah satu program juga kita buat untuk kesedaran program kita.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, saya ingat, oklah, saya kasi Yong Peng dulu sekejap.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan penanaman pokok bakau di tepi pantai supaya boleh mengelakkan hakisan?

Y. B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, pokok bakau memang adalah satu jenis pokok semula jadi yang boleh sedikit sebanyak membantu untuk menahan hakisan pantai. Kita, saya, kita setiap tahun, Jabatan Perhutanan kalau saya tidak silap, ada peruntukan sekurang-kurangnya RM500,000.00 untuk tanam semula pokok-pokok bakau, di samping itu, Taman Negara juga berusaha bersama untuk menanam pokok bakau di kawasan bukan sahaja RAMSA International yang kita ada, juga di kawasan pantai. Dan juga NGO-NGO juga bersama berusaha untuk menanam pokok-pokok bakau di persekitaran pantai kita.

Y. B. Dato' Speaker : Senai.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya hendak bertanya soalan tambahan. Iaitu di kawasan Bekok, kawasan Yang Berhormat Pengerusi sendiri, gajah-gajah telah berkeliaran. Apakah kesan pembalakan di kawasan Bekok, yang mengakibatkan banjir.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, tolak ni. Ini cerita banjir tepi, tepi pantai. Soalan asal...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan iaitu apakah kesan pemusnahan hutan bakau di Teluk Danga mengakibatkan banjir-banjir besar pada hari ini.

Y.B. Dato' Speaker : Eh... tadi macam gajah, ini pergi Teluk Danga pulak. Pokok bakau Teluk Danga, Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, kalaulah saya boleh bantu.

Y.B. Dato' Speaker : Tak apalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Memang tidak mengikut peraturan kerana ini seolah-olah timbulkan satu soalan baru yang tidak kena mengena dengan soalan asal.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah... Yang Berhormat Encik Adam bin Sumiru, jemput.

Y.B. Encik Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4. [Kerajaan sudah memperkenalkan JQAF. Setakat ini bagaimana pencapaian murid dan berapa peratus telah menguasai Bahasa Arab?]

Y.B. Dato' Speaker : Mana awak?

Y.B. Encik Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Saya... saya...

Y.B. Dato' Speaker : Apa lampu tak nak nyalakan? Saya mencari...

Y.B. Encik Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Nyala...nyala...

Y.B. Dato' Speaker : Nyala eh? Hah, mana nyala... astaghfirullah alazim.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan Ahli daripada Tanjung Puteri mengenai dengan JQAF dan pencapaian murid serta peratusan yang menguasai Bahasa Arab. Ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa program JQAF di Negeri Johor bermula pada tahun 2005 dengan jumlah sekolah yang terlibat sebanyak 143 buah dan bilangan murid dari tahun 1 yang terlibat berjumlah 13,632 orang. Pada tahun 2006, jumlah sekolah yang terlibat adalah sebanyak 144 buah menjadikan

jumlah keseluruhan kepada 283 buah sekolah. Manakala bilangan pelajar yang terlibat dari tahun 1 di 283 buah sekolah adalah seramai 21,278 orang murid. Bagi tahun 2007 pula bilangan sekolah meningkat kepada 427 buah dengan pertambahan sebanyak 144 buah sekolah. Jumlah murid tahun 1 yang terlibat pula meningkat kepada 25,976 orang murid dan pada tahun 2008 pertambahan sekolah yang terlibat sebanyak 45 buah sekolah dengan jumlah keseluruhan meningkat kepada 472 buah sekolah dan jumlah murid yang terlibat daripada tahun 1 adalah seramai 27,256 orang. Berdasarkan pemantauan pihak Jabatan Pelajaran Negeri dengan menggunakan instrumen E-pelaporan JQAF sehingga 31 Disember 2007, pencapaian murid-murid Islam dalam program JQAF sangat memberangsangkan...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, apa Yang Berhormat, *word* dia JCorp?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : JQAF. JQAF ini...

Y.B. Dato' Speaker : Ha... ialah saya ingat JCorp... SEDC tu. Johor Corp.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usaha dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Biar saya jelaskanlah.. J.Q.A.F, JQAF ini adalah singkatan kepada program Jawi, Quran, Arab dan Fardu Ain.

Y.B. Dato' Speaker : Hah... sebab itulah MCA, MIC tidak faham.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Jadi berdasarkan pemantauan pihak Jabatan Pelajaran sehingga 31 Disember 2007, pencapaian murid Islam dalam program JQAF sangat memberangsangkan termasuk dalam Program Bahasa Arab yang diikuti oleh murid-murid bukan Islam. Hasil daripada pemantauan yang dilakukan ke atas murid tahun 1 sehingga murid tahun 3 di sekolah-sekolah kebangsaan yang melaksanakan program JQAF adalah seperti berikut: Bagi tahun 1, Yang Berhormat Dato' Speaker, komponen Bestari Solat, jumlah murid yang terlibat 25,936; yang menguasai 23,371 ataupun 87.9 peratus. Bagi komponen al-Quran, jumlah murid yang terlibat 25,976; yang menguasai 11,967 ataupun 46.1 peratus, Iqraq 1 hingga 6, jumlah murid yang terlibat bagi tahun 1, 25,976, yang menguasai 14,009 ataupun 53.9 peratus dan bagi komponen Bahasa Arab, jumlah murid yang terlibat 26,057 orang yang menguasai 24,191 ataupun 92.8 peratus dan bagi komponen Jawi, jumlah murid yang terlibat 25,976; yang menguasai 24,348 ataupun 94.2 peratus.

Bagi tahun 2 pula, bagi komponen Bestari Solat, jumlah murid yang terlibat 21,278; yang menguasai 20, 215 ataupun 95.2 peratus dan bagi komponen al-Quran, jumlah murid yang terlibat 21,278; yang menguasai 9,554 ataupun 45 peratus. Dan bagi komponen Iqraq 1 hingga 6, jumlah murid yang terlibat 21,278, yang menguasai 11,694 ataupun 55 peratus. Bagi komponen Bahasa Arab, jumlah murid yang terlibat 21,374; yang menguasai 20,001 ataupun 93.6 peratus. Dan bagi komponen Jawi, jumlah murid yang terlibat 21,374, yang mengusai 20,049 ataupun 94 peratus.

Dan untuk tahun 3, jumlah murid yang terlibat untuk Bestari Solat, 13,632; yang menguasai 12,951 ataupun 95.6 peratus. Dan bagi komponen al-Quran, jumlah murid yang terlibat bagi Tahun 3, ialah 13,632; yang menguasai 6,413 ataupun 47 peratus. Dan bagi komponen Iqraq 1 hingga 6, jumlah murid yang terlibat 13,632; yang menguasai 7,219 ataupun 53 peratus. Dan bagi komponen Bahasa Arab, jumlah murid yang terlibat 13,698; yang menguasai 12,759 ataupun 93.1 peratus dan bagi komponen Jawi 13,632 murid yang terlibat; yang menguasai 12,778 ataupun 94.8 peratus. Terima kasih.

Y.B. Tuan Haji Abdul Hallim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker : Nanti kejap. Ok, saya kasi Puteri Wangsa. Biar dia, Timbalan lawan Ketua.

Y.B. Tuan Haji Abdul Hallim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Saya bukan Timbalan Ketua, Yang Berhormat Dato' Speaker... sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri.

Y.B. Dato' Speaker : Oh... silap pulak... saya pun terlupa. Ha'ah... ok.

Y.B. Tuan Haji Abdul Hallim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang berjaya mengadakan JQAF dan saya lihat ini sebagai satu pendekatan yang baik untuk kita mempergiatkan tulisan Jawi dan juga Arab. Tetapi saya hendak tanya, kenapa tidak diselaraskan antara Kementerian Pelajaran Malaysia dengan sekolah agama. Sedangkan sekolah agama telah mengajar pendidikan yang sama dan kemudian Kementerian Pendidikan Malaysia juga mengajar Bahasa Arab dan Jawi. Mungkin sebagai satu kesinambungan tapi dalam masa yang sama, kalau boleh kenapa tidak Kementerian Pendidikan Malaysia membantu dari segi peruntukan untuk dibantu sekolah agama yang ada di negeri-negeri. Kita lihat bagaimana keadaan sekolah agama yang ada dalam di Negeri Johor ataupun negara kita. Jadi, saya harap kalau boleh, cari mekanisme untuk memastikan bahawa pengajian agama dapat kita jalankan secara baik dan berkesan dan dalam masa yang sama Kementerian Pendidikan Malaysia dapat membantu dari segi peruntukan kepada sekolah agama ini. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, program JQAF adalah program yang diperkenalkan oleh Kementerian yang meliputi seluruh negara. Tetapi di Johor kita mempunyai keistimewaan kerana kita ada Sekolah Agama. Setakat ini, pihak Kementerian belum lagilah saya rasa ada cadangan menyelaraskan seperti mana pandangan daripada Puteri Wangsa tadi. Dan peruntukan itu saya tidak dapat jawab kerana itu adalah kuasa, bidang kuasa Kementerian.

Y.B. Dato' Speaker : Erm... ok... Ya, Jorak.

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Kita tahu bahawa program JQAF ini adalah baik, tapi juga saya difahamkan bahawa program ini hanya diikuti oleh pelajar-pelajar di sekolah rendah tidak di sekolah menengah. Mengapa jadi begitu? Dan saya

tidak yakin bahawa pelajar-pelajar ini sudah dapat menguasai Bahasa Arab dengan baik.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, program JQAF baru diperkenalkan pada tahun 2005. Bermakna sehingga kini program JQAF hanya melibatkan pelajar daripada tahun 1 hingga tahun 4 dan akan diteruskan sehingga pelajar tahun 6. Setakat ini memang pihak Kementerian belum ada cadangan untuk memperkenalkan di peringkat sekolah menengah. Saya difahamkan begitu. Dan yang kedua soal, Bahasa Arab, penilaian Bahasa Arab walaupun tadi saya sebut menguasai Bahasa Arab sebagai contoh tahun 1, 26,057 pelajar yang terlibat dan yang menguasai 24,191 iaitu 92.8 peratus. Penilaian mengenai komponen JQAF ini saya ambil contoh Bahasa Arab, dia menilai dalam sudut di mana pada tahun 1, sebagai contoh untuk komponen Bahasa Arab, dia diberi 30 patah perkataan. 30 patah perkataan, berdasarkan 30 patah inilah yang peringkat permulaan saya difahamkan...

Y.B. Dato' Speaker : Contoh dia Yang Berhormat... contoh satu daripada 30 patah... itu apa dia... Arablah...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Saya dulu tidak Sekolah Arab... (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Yalah... Yang Berhormat kena ambil tahu jugalah... 2... 3 ... patah eh... kurang-kurang... ana ke ente ke... jadilah...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usaha dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Kalau ana... ente... tu bolehlah...

Y.B. Dato' Speaker : Ha... ok. Tambah yakull.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Shukran, shukran. Ok, jadi katalah tahun pertama dengan 30 patah perkataan. Berdasarkan 30 patah perkataan itulah dinilaikan. Tahun kedua ditambah menjadi 60 patah perkataan. Jadi berdasarkan 60 patah perkataan itulah dinilaikan penguasaannya. Dan pada tahun ketiga Program JQAF ini ada 90 patah perkataan sebagai asas dalam pembinaan ayat-ayat yang mudah. Jadi berdasarkan penilaian sebegitulah, apa tu, tadi yang kita sebut menguasai dan juga tidak menguasai.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Maharani.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan tahniahlah di atas kejayaan JQAF ini. Bagaimanapun saya difahamkan guru-guru yang mengajar JQAF ialah kelulusan berijazah di mana mereka ustaz dan ustazah. Dan, sayangnya mereka ini hanya mengajar di sekolah rendah. Jadi saya difahamkan mereka ini tidak dibenarkan mengajar atau memberi kuliah di surau dan masjid. Jadi, saya cadangkan mereka ini diberi tauliahlah supaya mereka boleh mengajar di surau dan masjid kerana di surau dan masjid ini kekurangan ustaz dan ustazah untuk memberi kuliah.

Y.B. Dato' Speaker : Cikgu tak ada tauliah ya, oh saya tak perasan.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Dia tak dibenarkan. Jadi itu saya ingin tahu sebabnyalah. Dan juga setakat ini oleh kekurangan ustaz dan ustazah di surau dan masjid kerana ramai kena gam dah, jadi minta jawapan, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, guru-guru JQAF ni sebenarnya dilatih sepertimana guru-guru biasa iaitu di Institut Pendidikan Guru dan apa tu, memang dia khusus mengajar JQAF, apa tu program JQAF ni. Jadi memanglah hasrat kerajaan sebenarnya, akhirnya di peringkat mana pun pendidikan kita sama ada di sekolah rendah ataupun sekolah menengah, guru-gurunya dinaikkan taraf daripada mungkin dulu guru lepasan Institut Perguruan yang tidak mempunyai ijazah sehingga akhirnya kita akan dapat, apa tu, pastikan bahawa semua guru baik dari segi sekolah rendah ataupun sekolah menengah mempunyai ijazah sebagai pendidik yang mendidik anak-anak kita. Mengenai dengan tauliah ini, apa tu, saya tak dapat nak jawab, yang ini sebenarnya tauliah terletak dalam bidang kuasa pejabat Agama, Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Ayub bin Rahmat, jemput.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Yang Berhormat Dato' Speaker soalan saya nombor 5. [(a) Apakah langkah-langkah dan usaha kerajaan untuk menangani krisis ini di Negeri Johor. (b) Adakah terdapat lokasi tertentu yang sesuai untuk penanaman padi dan apakah insentif tertentu yang diberi? (c) Adakah alternatif tanaman lain yang kosnya lebih efektif untuk dijadikan makanan pengganti atau selingan kepada beras? Contohnya ubi kayu, sagu, keledek.]

Y.B. Dato Speaker : Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 6. [(a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Pusat untuk meningkatkan pengeluaran padi di Negeri Johor. (b) Berapa ramaikah penanam padi di Negeri Johor mengikut daerah? (c) Berapa peratus pencapaian pengeluaran padi di Negeri Johor mengikut keluasan yang sedia ada? (d) Apakah jenis kelon yang disyorkan ditanam?]

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Vidyananthan a/l Ramanandhan.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanandhan (Kahang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 7. [Sektor pertanian merupakan satu sektor yang harus diberi tumpuan dan perhatian yang sewajarnya. Peningkatan sektor pertanian khususnya dalam program pengeluaran makanan akan menyumbang kepada pengeluaran makanan negara dan seterusnya akan mengurangkan pengimportan makanan dari luar. (a) Selaras dengan itu, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menjayakan sektor pertanian khususnya pertanian yang akan menghasilkan makanan seperti

penanaman padi? (b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menggunakan tanah-tanah lapang, tanah rizab, bendang dan sawah padi yang terbengkalai untuk mengaktifkan semula penanaman padi secara besar-besaran di Johor? (c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai golongan belia untuk berkecimpung dalam sektor pertanian khususnya sektor penanaman padi?]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya jawab bersekali. Negeri Johor adalah pengeluar utama bahan-bahan makanan dalam negara selain daripada padi, iaitu buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman kontan. Sehingga 2006 keluasan tanaman makanan di Johor ialah 80,760 hektar dengan pecahan buah-buahan 64,031 hektar, sayuran 11,415 hektar dan tanaman ladang kontan 3,855 hektar. Dan akhir sekali tanaman padi 1,459 hektar. Sebagaimana maklum, Kerajaan Negeri Johor telah mengambil langkah-langkah meningkatkan pengeluaran makanan semenjak lebih sedekad yang lalu. Namun demikian bagi menangani krisis kekurangan makanan yang baru ini, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah tertentu selaras dengan tindakan Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

i. Menggalakkan petani dan usahawan tani supaya meningkatkan pengeluaran bagi setiap hektar tanaman dengan menggunakan tanah sedia ada dan secara optimum melalui amalan tanaman selingan ataupun menambah kekerapan pusingan tanaman. Sebagai galakan, Kerajaan memberi insentif RM650.00 kepada pesawah yang berjaya meningkatkan pengeluaran sebanyak satu tan.

ii. Mengaktifkan Program Bumi Hijau yang telah dilancarkan semula pada tahun 2006 yang lalu. Program ini memberi fokus di kawasan bandar dan desa dengan menggalakkan penduduk bercucuk tanam, menternak ayam, itik dan juga ikan dalam kolam kanvas termasuk di kawasan perumahan yang sesuai untuk tujuan kegunaan keluarga sendiri. Di bawah pelan tindakan dasar jaminan bekalan makanan Negeri Johor dijangka akan menerima peruntukan berjumlah RM2.18 juta yang akan memberikan faedah kepada 67,360 keluarga dalam Program Bumi Hijau ini. Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan juga dijemput bersama-sama mengambil peluang untuk menjayakan Program Bumi Hijau ini.

iii. Pembangunan kawasan tanah terbiar dengan tanaman barang makanan, sayuran dan buah-buahan. Program ini akan memberi fokus kepada membangunkan tanah-tanah yang terbiar untuk diusahakan dengan tanaman makanan atau integrasi ternakan dan *agriculture*. Pendekatan ini akan mempertingkatkan penggunaan sumber sedia ada dengan lebih berkesan dan produktif. Di bawah pelan tindakan dasar jaminan bekalan makanan Negeri Johor akan mendapat peruntukkan berjumlah RM2 juta untuk tujuan ini. RM1.2 juta untuk tanaman dan RM800,000.00 untuk *eco-culture*.

iv. Menyalurkan insentif daripada peruntukan pembangunan yang sedia ada untuk projek-projek pengeluaran tanaman makanan dan ternakan serta perikanan. Di bawah pelan tindakan dasar jaminan bekalan makanan Negeri Johor dijangka akan mendapat lagi

peruntukan insentif berjumlah RM110.7 juta iaitu RM26.6 juta untuk tanaman, RM90.97 juta untuk ternakan dan RM4.13 juta untuk *eco-culture*.

v. Memantau dan mengkaji semula kemajuan projek-projek yang dilaksanakan di bawah kawasan-kawasan yang dikhaskan untuk pengeluaran makanan seperti pertanian moden, Zon Pengeluaran Makan (ZPM), dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM).

vi. Pembangunan pembaikan infrastruktur ladang di kawasan-kawasan pengeluaran yang sedia ada. Sebagai contoh, di bawah pelan tindakan dasar jaminan makanan ini, Negeri Johor akan mendapat RM3.8 juta, untuk tujuan peningkatan infrastruktur seperti pengairan dan juga program perataan tanah sawah dan serta meningkatkan kesuburan tanah sawah.

vii. Menggalakkan penyertaan sektor swasta dengan lebih aktif lagi dalam projek-projek pengeluaran dan aktiviti hiliran dalam pengeluaran tanaman makanan. Sehingga ini hanya syarikat yang berkaitan, Kerajaan GLC iaitu FELDA dan FELCRA yang aktif menjalankan tanaman selingan seperti pisang, ubi kayu dan integrasi ternakan lembu dan kambing. Penyertaan oleh syarikat-syarikat besar perladangan masih berkurangan dan amat dialu-alukan penyertaan mereka.

viii. Meningkatkan tahap mekanisasi ladang yang mana ini akan dapat membantu mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh. Di bawah pelan dasar ini juga, Negeri Johor akan mendapat peruntukkan beberapa jenis jentera seperti traktor, jentera penabur kapur dan jentuai yang akan disalurkan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang akan ditempatkan di Pusat Kejuruteraan Ladang PPK Pagoh dan Endau.

ix. Menguatkuasakan penggunaan tanah mengikut syarat tanaman yang telah ditetapkan oleh kerajaan seperti di tanah Taman Kouta Pengeluaran makanan (TKPM) yang dikhaskan untuk makanan tidak dibenarkan langsung untuk tanaman kelapa sawit.

x. Menggiatkan aktiviti perkembangan dan khidmat nasihat yang berterusan melalui program-program lawatan, latihan kursus, demonstrasi dan juga gotong-royong.

xi. Meningkatkan lagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Johor. Dan, program (R&D) ini adalah dilaksanakan oleh pihak MARDI dan juga Johor Biotech.

Seterusnya mengenai langkah kerajaan untuk meningkatkan pusat pengeluaran padi di Negeri Johor. Keluasan dan pengeluaran tanaman padi di Johor adalah kecil jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain yang mempunyai jelapang padi seperti Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Namun demikian, Negeri Johor sebagai kawasan pengeluar padi di luar jelapang adalah juga terlibat dengan langkah-langkah Kerajaan Pusat untuk meningkatkan pengeluaran padi di negeri ini. Di antara langkah-langkah Kerajaan Pusat untuk menggalakkan peningkatan pengeluaran beras ialah melalui insentif-insentif berikut:

i. Insentif baja, MPK dan URIA bernilai RM390.00 setiap hektar.

ii. Harga minimum terjamin padi daripada RM550.00 kepada RM650.00 setan metrik yang bermula pada 1 November 2006.
iii. Subsidi harga padi iaitu RM248.00 setiap metrik tan.
iv. Bonus pencapaian penghasilan padi 10 tan metrik sehektar bernilai RM650.00.
v. Bantuan upah membajak sawah bernilai maksimum RM100.00 sehektar semusim dan
vi. Bantuan input pertanian berupa baja tambahan bernilai RM140.00 hektar semusim.

Bantuan-bantuan tersebut adalah disalurkan melalui pihak BERNAS dan juga pihak Lembaga Pertubuhan Peladang. Selain daripada insentif-insentif tersebut yang sedang berjalan, pihak Kerajaan Persekutuan juga sedang merancang untuk melaksanakan insentif tambahan di bawah pelan dasar jaminan bekalan makanan seperti berikut:

i. Peralatan sawah pada kadar RM1,500.00 sehektar.
ii. Pengapuran sawah kapur dengan kadar RM850.00 sehektar setiap 3 tahun termasuk upah menabur baja kapur tersebut.
iii. Bantuan baja NPK tambahan pada kadar RM400.00 sehektar.
iv. Bantuan racun tambahan, pada kadar RM200.00 sehektar.
v. Dan seterusnya insentif mekanisasi ladang.
vi. Penyelenggaraan infrastruktur dan juga;
vii. Pembangunan infrastruktur.

Insentif-insentif tersebut dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian bersama-sama juga dengan Lembaga Pertubuhan Peladang, manakala pengairan dilaksanakan oleh pihak JPS.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya mengenai soalan mengenai penggunaan tanah lapang dan juga tanah rizab. Kawasan sawah sedia ada yang diwartakan di Negeri Johor adalah berjumlah 2,171 hektar. Bilangan skim kecil JPS di Johor adalah berjumlah 9 skim iaitu 6 skim di Muar, 1 skim di Batu Pahat dan 1 skim di Kluang dan 1 skim di Mersing. Selain daripada itu, terdapat juga satu sawah di luar skim di Air Papan Mersing. Daripada jumlah itu kawasan yang lazim diusahakan pada setiap tahun adalah 1,459 hektar. Sebagaimana pecahan mengikut daerah: Batu Pahat, 70 hektar; Mersing, 456 hektar; Kluang, 77 hektar dan Muar, 1379 hektar.

Mengenai menggunakan tanah-tanah lapang dan tanah-tanah rizab, kerajaan tidak berhasrat menggunakan tanah tersebut kerana ia bersaiz kecil dan berselerakan yang tidak ada skala ekonomi. Walau bagaimanapun, kerajaan bersedia membantu pesawah ataupun swasta yang mahu membangunkan penanaman secara besar-besaran di satu kawasan yang luas yang mempunyai skala ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya sehingga tahun 2007, bilangan pesawah di Negeri Johor ialah 775, 755 orang. Pecahan mengikut daerah ialah Muar, 386 orang; Mersing, 280 orang; Batu Pahat, 80 orang; dan Kluang 1 syarikat. Berdasarkan keluasan sedia ada di Johor yang diusahakan sebanyak 2 musim setahun, Johor dianggarkan mengeluarkan padi sejumlah 9,221 tan

metrik setahun. Dan ini hanyalah merupakan sebanyak 0.45 peratus daripada jumlah keseluruhan pengeluaran negara. Di Negeri Johor, *variety* padi yang paling di, dia tak gunakan penggunaan klon tetapi gunaan terma *variety* padi yang paling banyak digunakan ditanam di Johor ialah jenis MR 219 yang mana *variety* ini adalah merupakan antara *variety* terbaik pada masa ini yang mampu mengeluarkan hasil yang tinggi di samping sifatnya yang rintang penyakit serta mudah diurus. *Variety* lain yang ada juga ditanam ialah *variety* MR 220 dan MR 232.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di antara jenis tanaman kontan dan tanaman singkat masa ataupun tanaman barang makanan yang sesuai untuk diusahakan ialah seperti jagung, pisang, keladi, ubi kayu dan keledek. Kos pengeluaran padi sehektar semusim dianggarkan berjumlah RM3,316.00 berbanding dengan keladi RM4,959.00, ubi kayu RM3,220.00, jagung manis RM3,311.00, keledek RM7,173.00 dan pisang RM7,154.00. Manakala tanaman sagu agak kurang sesuai kerana mengambil tempoh masa yang panjang sebelum dapat dituai dan kurang menguntungkan. Tanaman-tanaman ini selain boleh terus dimakan, boleh juga diproses kepada beberapa jenis produk hiliran seperti kerepek, tepung, pisang salai dan kuih-muih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat, masa dah lebih. 15 minit dekat. Mana-mana soalan mulut yang disenaraikan dalam senarai ini hari yang tak dijawab akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan ini juga.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan itu disambung sekarang. Jemput Senggarang.

Y.B Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Bismillahirrahmaanirrahim. Yang Berhormat, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh kepada Yang Berhormat Dato' Speaker. Pertamanya izinkan saya mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana diberi peluang untuk membahaskan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, berapa lama dah berucap?

Y.B Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Baru berucap.

Y.B. Dato' Speaker : Semalam tak ada berucap?

Y.B Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Sikit je.

Y.B. Dato' Speaker : Itu bukan cerita sikit, semalam dah berucap?

Y.B Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Dah, sikit.

Y.B. Dato' Speaker : Jadi, ni dalam 10 atau 15 minit.

Y.B Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Ketika pembukaan rasmi bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-12 ini, ini juga merupakan sejarah dalam hidup saya kerana dapat bercakap secara rasmi di Dewan yang mulia ini.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, yang selalu tak rasmi ya.

Y.B Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Kurang.

Y.B. Dato' Speaker : Macam mana Yang Berhormat berucap tak rasmi?

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Kesyukuran yang seterusnya kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana begitu istiqamah dan akur dengan segala tugas yang diberikan sehingga kekal menjadi Speaker Kerajaan Negeri Johor pada penggal persidangan kali ini.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Maksud saya, apabila kita mensyukuri nikmat yang diberi oleh Allah SWT maka tambah lagilah nikmat itu. Kehebatan Yang Berhormat Dato' Speaker sejak dahulu saya perhatikan ibarat 'masalah kusut dapat dileraikan, orang marah dapat disejukkan, musuh ganas dapat ditundukkan, yang bengkok dapat diluruskan, yang patah dapat disambungkan, yang bercerai dapat disatukan, yang tenggelam pun dapat ditimbulkan, yang hanyut dapat dimudikkan, yang tercicir dapat dikutip, yang bocor dapat ditampal, yang koyak dapat dijahit'

Y.B. Dato' Speaker : Masa 10 minit tetap juga. (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, sekalung tahniah juga ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman kerana telah terpilih semula menerajui Negeri Johor ini bagi penggal ini. Dan, saya merasa amat bertuah kerana dapat berada di bawah pimpinan beliau di dalam mentadbir urus memajukan Negeri Johor Darul Takzim ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memang telah sekian lama saya mengikuti sifat kesederhanaan dan kehebatan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita ini, sejak Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani membentangkan sendiri Program Rakan Muda di Hotel Concord sewaktu menjawat jawatan sebagai Menteri Belia dan Sukan ketika itu. Kekaguman ini juga saya tujukan 'apa yang dijahit menjadi baju, apa yang ditanam cepat tumbuh, apa yang disiram menjadi basah, apa yang dijemur menjadi kering, apa yang diubat menjadi sembuh, apa yang dikerat terus putus. Tuan umpama geliga sakti, apa yang di hajat selalu menjadi'.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Duli Yang Maha Mulia Tuanku bertitah bahawa kerajaan di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman akan mentadbir dengan adil, menjaga kepentingan rakyat dan membawa kemajuan untuk semua. Rakyat akan dapat berasa, berada dalam keadaan selamat, aman dan damai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga tidak lupa ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini, bahawa rakyat di Dewan Undangan Negeri kawasan Senggarang kali ini akan terus mendapat pembelaan dari kerajaan yang benar-benar bertanggungjawab ini. Kepentingan rakyat sentiasa dijaga. Dulu rakyat hanya dapat menumpang kasih dari kerajaan yang ada ini melalui JPMM sahaja, mendapat simpati dan pembelaan dari yang sudi dan sentiasa prihatin. Kerajaan yang ada ini tidak meminggirkan mereka. Walaupun begitu adat orang menumpang kasih tidak dapat semua apa yang di mahu, tidak semua apa yang dia tahu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keadaan selamat, aman dan makmur tidak akan datang bergolek. Negara kita juga tidak terkecuali menerima kesan pemanasan global yang menyebabkan berlaku pelbagai perubahan yang luar biasa di atas muka bumi ini. Keadaan ini semacam tidak selamat lagi. Lapisan ozon yang mengalami kebocoran di Kutub Utara sebesar 27,000 kali ganda padang bola sepak telah menyebabkan permukaan ais mula mencair seterusnya menyebabkan paras air di laut meningkat antara 1 hingga 2 meter. Pelbagai bencana melanda dunia hari ini yang dianggap tidak selamat lagi. Yang terbaru, kelmarin, taufan feinstein melanda tengah Filipina meragut 229 nyawa yang dijumpai ketika air surut dan 30,000 lagi orang dipindahkan. Sebuah kapal seberat 23,824 tan yang membawa 845 orang juga dikhuatiri karam di Manila. Apabila badan kapal yang seberat itu pun boleh bocor kerana dilanda ombak besar akibat taufan feinstein semalam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang menyedihkan lagi ada kajian yang dibuat untuk tempoh tak sampai 30 tahun lagi akan datang, beberapa kawasan yang buminya berada di bawah paras laut akan lenyap kerana ditenggelami air laut. Lebih malang lagi Yang Berhormat Dato' Speaker, kawasan yang saya maksudkan ini ialah sebahagian dalam daerah Batu Pahat yang berada di persisiran pantai, kawasan daerah Mersing dan daerah Pekan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau ini terjadi maka lenyaplah DUN Senggarang Yang Berhormat Dato' Speaker. Mungkin juga DUN Rengit.

Y.B. Dato' Speaker : Habis Yang Berhormat nak jadi Wakil Rakyat mana?

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Yang lebih membimbangkan kita, apabila lenyap juga Parlimen Pekan tempat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Maka dengan itu Yang Berhormat Dato' Speaker, di dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin membawa permasalahan hakisan pantai yang bermula dari persisiran pantai Kuala Sungai Senggarang hingga ke Pantai Tanjung Labuh. Kawasan pantai telah mengalami hakisan tanah yang teruk akibat tanah pantai yang berlumpur dan tidak kukuh untuk menahan ombak laut dari Selat Melaka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di awal tahun 60-an, pihak kerajaan melalui JPS dulu dipanggil JPT, Jabatan Parit dan Tali Air telah membina benteng tapi hanya mampu bertahan 10 tahun sahaja. Ketika itu banyaklah tanah-tanah penduduk yang tertera di geran tetapi hakikatnya dah jadi laut, sehinggakan tanah tempat kelahiran saya sendiri juga telah hampir, telah berada hampir 500 meter

di tengah laut. Di awal tahun 70-an, sebahagian penduduk yang memiliki tanah bersempadan dengan pantai menyerahkan tanah mereka kepada kerajaan secara percuma bagi membolehkan pihak kerajaan ketika itu membina zon penampan kira-kira 100 hingga 120 meter dari pantai Selat Melaka. Pada tahun 1973, benteng siap dibina melalui kepakaran dari Negeri Jepun dengan meletakkan batu-batu pejal sebagai salah satu usaha menahan hakisan tanah di kawasan pantai dari Senggarang hingga ke Sungai Kuris yang sepanjang hampir 7.2 kilometer.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seramai hampir 67 keluarga yang terlibat ketika itu. Tetapi, pada 16 Disember 2006 mereka telah menerima hak milik tanah gantian tersebut akibat dari hakisan tanah mereka yang telah menjadi laut di Mukim Tanjung Semberong. Kawasan tanah gantian seluas 200 ekar, malangnya sehingga kini semua waris dan pemilik tanah gantian ini tidak dapat mengusahakan tanah mereka kerana telah pula ada penceroboh di tanah tersebut. Sudah jatuh ditimpa tangga. Saya mohon pemantauan dari pihak berwajib khususnya PTG misalnya, agar yang benar-benar menjadi hak milik sahaja berhak memasuki tanah tersebut. Yang menceroboh cukuplah selama hampir 20 tahun memakan hasilnya, haraplah dapat keluar. Sindrom yang menceroboh dapat tanah, yang memohon mengikut prosedur hanya dapat geran tanah sahaja harap tidak lagi menjadi perbualan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, hasil kajian JPS pada tahun 1974, satu kaedah penyerap ombak telah dibina sebagai langkah percubaan. Kawasan yang menjadikan percubaan ini ialah dari Sungai Bukit Batu Senggarang hingga ke Parit, Pantai Parit Terus. Pihak JPS telah membina benteng kecil daripada batu-batu pejal yang dimasukkan ke dalam sangkar dawai keluli yang disalut PVC yang mempunyai ketahanan dari serangan air masin. Benteng ini dibina lebih kurang 5 rantai daripada benteng batu yang berada di tepi pantai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, percubaan ini nampaknya tidak sia-sia. Bak kata pepatah, 'terbang pakai sayap, melompat pakai kaki, menyikat pakai sisir, meraup pakai pisau, membelah guna kapak, menebang guna beliung, menyalai guna asap, memanggang guna bara.' Ombak laut menjadi perlahan dek kerana terhalang benteng kecil penyerap ombak ini. Benteng pula bertindak sebagai perangkap kelodak atau *silt track* dengan izin, yang memerangkap kelodak, lumpur dan pasir remis daripada dihanyutkan ke tengah laut oleh ombak. Keadaan ini telah menyelamatkan zon penampan seterusnya menjadikan hutan bakau terus hidup subur.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berdasarkan kajian kejayaan menyelamatkan zon penampan ini, amatlah diharapkan agar kaedah penyerap ombak ini diteruskan pembinaannya khususnya di kawasan pantai yang sering menerima hakisan ombak laut bermula dari Sungai Senggarang hingga ke pantai Tanjung Labuh. Jika ini dapat dilaksanakan, saya percaya ancaman air pasang luar biasa yang melanda tidak lagi menjadi ketakutan kepada penduduk yang tinggal berhampiran di kawasan pantai. Seterusnya lama kelamaan kawasan hutan bakau akan wujud kembali, penduduk tidak kehilangan kampung halaman lagi dan tanah-tanah mereka tidak lenyap dek pukulan ombak laut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Tuanku juga bertitah kerajaan akan mentadbir dengan adil demi menjaga kepentingan rakyat. Di dalam pembentangan Bajet 2008 Negeri Johor, kerajaan telah meluluskan sejumlah RM4 juta bagi melaksanakan kerja-kerja awal program penempatan tersusun untuk masyarakat Orang Asli di Kampung Teluk Minyak Beku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kampung Teluk Minyak Beku didiami oleh suku Orang Kuala sejak hampir 35 tahun yang lalu. Kawasan penempatan mereka kini kurang selamat kerana tanah yang mereka diami adalah merupakan wakaf tanah perkuburan Islam, rizab pantai dan kepunyaan tanah hak milik. Seramai 435 orang penduduk terdiri daripada 65 keluarga saban hari diancam bencana ombak dan taufan. Cadangan penempatan baru di Sungai Banang merupakan penempatan yang dibangunkan secara tersusun dan selamat dari ombak dan hakisan. Kawasan terletak di Lot 1405 (PTD 2170) seluas 11.09 hektar dan di Lot 1405 (PTD 2171) seluas 3.469 hektar telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Johor mengikut Seksyen 62 Kanun Tanah Negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang diharapkan pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dapatlah mempercepatkan pelaksanaan program ini agar semua penduduk di situ benar-benar merasa selamat. Kemudahan kediaman yang kondusif, kemudahan infrastruktur dan prasarana yang teratur, meningkatkan kualiti hidup yang lebih baik dan memberi peluang pendidikan yang secukupnya kepada generasi pewaris mereka dan menjadikan mereka dapat hidup lebih aman dan harmoni.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kesan kenaikan harga barang juga, kesan kenaikan harga bahan bakar juga seperti petrol dan diesel menjadi perbualan hangat di merata tempat ketika ini. Kenaikan ini menyebabkan 1001 macam lagi perkara lain naik, harga barang makan naik, harga bahan binaan naik, caj tambang naik, kos pengangkutan naik, bil utiliti mula nak naik, gaji CEO GLC juga nak naik seratus peratus, kadar sewa hotel pun nak, dah nak mula naik dan apa sahaja yang kita guna nak naik. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Dato' Speaker, bekalan bahan petroleum kita hanya mampu bertahan 33 tahun sahaja lagi kalau ikut kadar permintaan yang ada sekarang ini saya ingin mencadangkan agar kerajaan memfokuskan agar bahan bakar alternatif dicari ataupun menggunakan sumber tenaga yang diperbaharui, dengan izin, *renewable energy*.

Kelmarin Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga ada menyuarakan agar sumber tenaga alternatif wajar dicari dan dipraktikkan sama ada menggunakan sumber solar, dengan izin *photovoltaic*, angin, air laut, dan biofuel mahupun bahan nuklear. Di Iskandar Malaysia misalnya sewajarnya bentuk pembangunan perumahan khususnya mestilah menggunakan teknologi tinggi dan mesra alam. Melalui sumber tenaga yang boleh diperbaharui (RE) di bawah program SREP *(Small Renewable Energy Power Programmed)* dengan izin, dalam Rancangan Malaysia Ke-9 melalui Dasar Minyak Ke-5nya bahan buangan pertanian seperti hampas kelapa, kulit-kulit buah-buahan, air dari rumah sembelihan, najis haiwan dan manusia, dan sebahagian rumput dan daun yang berwarna hijau masih boleh menghasilkan tenaga elektrik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bahan-bahan daripada MSW ataupun bahan buangan organik seperti air buangan industri makanan, kilang burger, lemak, air cucian haiwan juga mampu menghasilkan gas yang berfaedah dan boleh menghasilkan tenaga elektrik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pendidikan merupakan elemen penting untuk memastikan suatu bangsa itu terkeluar daripada kepompong kemiskinan. Saya melihat bahawa penyediaan prasarana ilmu yang lengkap serta mampu dibayar oleh masyarakat berpendapatan rendah adalah merupakan tanggungjawab yang perlu dipenuhi oleh kerajaan yang memerintah. Saya meneliti dan mengikuti perkembangan program pendidikan di negara kita ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, negara kebajikan yang sering dilaungkan jentera parti ketika berkempen dahulu memang telah pun dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Sebagai contoh, pelbagai bentuk kebajikan yang diberikan kepada rakyat dalam bidang pendidikan. Program Susu Sekolah Tahun 2008, sebanyak RM26.7 juta dibelanjakan; Kelas Percuma untuk ibu bapa Orang Asli, Bantuan Makanan Khas Prasekolah, RM50 juta diperuntukkan; Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, RM200 juta diperuntukkan; Skim Bantuan Tuisyen, RM246.9 juta diperuntukkan; pemberian buku teks percuma melibatkan 5.7 juta pelajar tidak kira anak orang kaya ke, anak orang miskin ke, anak orang BN ke, ataupun anak orang Pakatan Rakyat pun menerimanya. Penghapusan yuran sekolah, pemansuhan yuran peperiksaan, pakaian seragam percuma dan pelbagai-pelbagai lagi sumbangan dan kebajikan yang telah diberikan. Pendek kata Yang Berhormat Dato' Speaker, tidak ada yang tidak merasa kebajikan yang diberikan oleh kerajaan yang ada ini. Di Negeri Johor pula kita melihat bahawa pendidikan yang diberikan tidak hanya berfokus kepada aliran akademik biasa malah Kerajaan Negeri telah memperuntukkan jumlah yang besar bagi membangunkan sekolah pendidikan agama Kerajaan Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sudah barang tentulah peruntukan yang besar juga telah dan akan dibelanjakan bagi penyediaan prasarana sekolah agama melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor. Tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana memperuntukkan RM10 juta setiap tahun untuk bina sekolah agama baru dan RM7 juta setiap tahun bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan. Sehingga kini iaitu tahun 2008 terdapat 550 buah sekolah agama di seluruh Negeri Johor. Di kawasan DUN Senggarang terdapat 11 buah sekolah agama di mana 8 buah sekolah telah mempunyai bangunannya sendiri dan 3 buah menumpang di sekolah kebangsaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, 3 buah sekolah agama yang menumpang itu ialah Sekolah Agama Banang Jaya, Sekolah Agama Sri Banang dan Sekolah Agama Minyak Beku. Tapak untuk pembinaan baru ketiga-tiga sekolah agama yang tersebut telah pun tersedia. Namun menunggu giliran atau peruntukan yang diperlukan untuk pembinaan sekolah baru. Tetapi melalui Dewan yang mulia ini, saya suarakan Sekolah Agama Minyak Beku menjadi keperluan utama diberikan peruntukannya. Buat masa ini pelajar-pelajar bersekolah di bangunan sekolah kebangsaan yang lama dalam keadaan yang cukup usang dan uzur. Dan mengikut laporan dari segi keselamatan oleh JKR, bangunan ini memang

tidak selamat lagi digunakan. Maka besarlah harapan saya agar pembinaan Sekolah Agama Minyak Beku ini dapat diberi keutamaan selaras dengan titah Tuanku menjaga kepentingan rakyat dan membawa kemajuan untuk semua.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di perbahasan menyokong rundingan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, saya juga ingin membawa suara bekas guru-guru agama Sekolah Agama Rakyat yang kebanyakan daripada mereka merupakan pengasas dan menjadi tenaga pengajar yang awal di sekolah agama rakyat itu agar dapat diberikan bayaran pencen ataupun sagu hati kepada mereka yang telah berkhidmat antara 15 hingga 25 tahun. Mengikut rekod yang diperolehi di Unit Pengurusan Sekolah Agama Negeri Johor, bilangan mereka tidaklah ramai hanya 32 orang sahaja. Kebanyakan mereka kini telah uzur dan ada yang menghidapi penyakit kronik dan ada yang kesihatannya tidak mengizinkan lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku juga ada menyentuh agar kita mesti menolak unsur melampau sama ada dari segi kaum dan agama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sejak akhir-akhir ini, perkara yang berkaitan dengan bidaah semakin hangat diperkatakan. Boleh dikatakan sepanjang hampir 4 bulan Majlis Maulidur Rasul diadakan di Negeri Johor ini, penceramah kita yang datangnya dari Pejabat Agama Daerah atau Jabatan Agama Islam Negeri Johor akan mengupas serba sedikit berkaitan dengan isu bidaah ini. Inilah yang dikatakan cubaan untuk merobek kefahaman dan perpaduan antara kita umat Islam masa kini. Masyarakat Islam akan jadi keliru, bingung dan tak tentu hala tujuan dan berpecah belah hanya semata-mata melibatkan soal-soal yang remeh temeh sehingga sanggup menghukum orang lain sebagai sesat, masuk neraka dan sebagainya. Saya ingin mencadangkan setiap majlis agama yang melibatkan penceramah atau kelas-kelas pengajian Al-Quran dan Hadis agar tenaga pengajarnya dipantau dan diberikan maklumat secukupnya tentang tohmahan terhadap amalan bidaah yang mengelirukan masyarakat Islam khususnya di Negeri Johor ini. Dikatakan baca Yasin malam Jumaat bidaah, baca Talkin bidaah, potong jambul bidaah, Solat Tarawih 20 rakaat pun bidaah dan pelbagai lagi. Saya percaya tidak semua yang namanya bidaah ini tidak baik untuk kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sejarah merupakan khazanah yang amat bernilai sekali. Sejarah juga merupakan gedung pengalaman. Bangsa yang agung adalah bangsa yang menempa sejarah yang gemilang serta sentiasa mempelajari daripada sejarah. Sesuatu bangsa yang tidak bijak mempelajari daripada sejarah, maka bangsa itu akan melakukan kesalahan secara berkali-kali yang akhirnya akan runtuhlah bangsa itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Duli Yang Maha Mulia Sultan juga bertitah semua pemimpin dan rakyat hendaklah berpegang teguh kepada Rukun Negara dan Perlembagaan tetapi Rukun Negara manakah yang hendak dipatuhi? Perlembagaan manakah yang hendak dituruti? Jawapannya sudah tentu Rukun Negara amalan hidup rakyat Malaysia dan Perlembagaan yang dipakai adalah Perlembagaan Malaysia yang mana di dalamnya merangkumi Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-Negeri. Itu sebab Yang

Berhormat Dato' Speaker, sejarah ini penting untuk kita mengetahui bagaimana Rukun Negara dan Perlembagaan ini dicipta. Melalui sejarah kita dapat menerap dan menyemai semangat patriotisme yang berteraskan kepada kecintaan kepada negara dan kesetiaan kepada pemimpin. Tetapi apabila kita cuba ingkar dan tidak lagi mahu menuruti dalam erti kata setia pada pemimpin, saya berpendapat lebih baiklah manusia itu mencari negeri lain atau negara lain untuk mereka tinggal di situ. Bagi saya mereka tidak layak lagi menghuni di negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sungguhpun negeri ini telah merdeka, tidak semestinya bila kita sudah merdeka maka kita merdeka selama-lamanya. Yang paling membimbangkan kita apabila berlaku dalam masyarakat kita bentuk penjajahan baru. Apakah langkah-langkah yang paling mujarab agar penjajahan ini tidak berlaku semula. Ubat yang paling mujarab tidak lain tidak bukan adalah perpaduan antara kita. Semua kaum termasuklah Melayu, Cina, India dan yang lain-lain dapat berganding bahu, toleransi, muafakat serta saling memahami dan menghormati antara satu sama lain akan hak-hak mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dah sampai 15 minit, pendekkan.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Sikit lagi, 2 minit. Perlu diingat penjajah British tidak pernah merancang untuk memberi kemerdekaan ke atas negeri-negeri Melayu ketika penjajahan dahulu. Ini kerana negara kita ketika itu merupakan tanah jajahan yang paling kaya. Johor merupakan pengeluar gambir dan lada hitam yang terbesar. Penjajah British mencetuskan rusuhan kaum selepas tamat Perang Dunia Kedua yang dikenali "peristiwa berdarah 14 hari". Harapan British agar dengan peristiwa itu orang Melayu dan orang Cina bermusuhan dan tidak mungkin boleh bekerjasama untuk menuntut kemerdekaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, konsep pentadbiran *Divide and Rule* atau pecah perintah diguna pakai. Harapan mereka tidak ada bangsa yang dominan di Tanah Melayu ketika itu. Walau apa pun usaha mereka, kita mengetahui perpaduan antara kaum telah mengalahkan satu kuasa dunia yang menjajahnya. Kebijaksanaan dan perpaduan yang ditunjukkan pada ketika itu, Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Tan Cheng Lock dan Tun Sambanthan telah membawa kepada kemerdekaan ini. Penjajahan yang berlangsung 450 tahun berakhir dengan perpaduan antara kita.

Apakah perpaduan yang berjaya dibentuk pada ketika itu tidak lain, tidak bukan satu kontrak persetujuan perkongsian kuasa antara kaum yang terbesar di negara kita, Melayu, Cina dan India telah dibuat. Tahun 1953 detik bermula persetujuan perkongsian kuasa itu. Bangsa Melayu bersedia berkongsi kuasa dengan bangsa Cina dan India dengan memberikan kerakyatan kepada bukan Melayu dan pada waktu yang sama kaum Cina dan India menerima hak-hak Raja-Raja Melayu, Agama Islam sebagai Agama Rasmi Negara dan Bahasa Melayu iaitu bukan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dan Hak-Hak Keistimewaan Melayu dan bumiputera. Bagi yang bukan beragama Islam mereka bebas melakukan mengamalkan agama mereka dan juga

memelihara bahasa mereka. Inilah yang dikatakan politik Malaysia. Segala bentuk persetujuan itu termaktub secara bertulis dalam Perlembagaan Malaysia. Dan perlu diingat Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang utama dan dalam perkara 4 (1) mengatakan bahawa undang-undang lain yang bertentangan dengan perlembagaan itu terbatal setakat mana ia bertentangan dengan perlembagaan dan mana-mana bidang kuasa di bawah kuasa negeri itu Perlembagaan Negeri maka Perlembagaan Persekutuan mestilah memberi laluan. Maka saya percaya titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Johor ketika perasmian Dewan Negeri ini pada 19 Jun 2008 yang lalu mempunyai cukup maksud yang cukup mendalam khususnya kepada Ahli-Ahli Dewan sekalian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Johor Bahru misalnya adalah sebuah kota kebudayaan dan intelektual yang bersejarah harus diberi wajah yang lebih menonjol sebagai mercu tanda kesinambungan jati diri kebudayaan Johor. Bandar Batu Pahat juga harus diberi wajah baru sebagai bandar penyatuan umat Melayu negara kerana di bandar ini terbitnya ilham dari pemimpin agung kita Dato' Onn Jaafar. Bangunan Sultan Ibrahim ini haruslah menjadi replika hebat keutamaannya sebagai khazanah yang cukup berharga. Bangunan yang cukup berjasa ini, bangunan telah mencipta berbagai cerita, bangunan yang seolah-olah faham erti suka duka bangsa. Bangunan yang menjadi naungan para pendeta dan bangunan ini yang lebih penting, bangunan ini masih milik kita. Kalau di Batu Pahat pula Masjid Dato' Bentara Luar harus dijadikan mercu tanda ke arah perpaduan umat. Di situ sebahagian hidup Melayu tercetus di situ tempat yang awal ilham permuafakatan antara orang-orang Melayu mula tercetus. Di situ juga semangat negara bangsa mula diurus sehingga menjadikan negara ini terlepas dari tangan penjajah dan di situlah tempat segala-galanya bermula. Akhirnya, dengan izin Allah SWT Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong perbahasan rundingan menjunjung kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang dibawa oleh Yang Berhormat saudara terdekat saya saudara Yang Berhormat ADUN Rengit. Sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Yang Berhormat Benut. Ok.

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Saya bangun bagi turut serta membahaskan rundingan menjunjung kasih atas titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan Johor pada 19 Jun yang lepas. Rundingan Yang Berhormat Dato' Speaker wajar kita berikan kepada maksud di sebalik titah ke bawah Duli yang telah ditamatkan tetapi ditambah dengan satu lagi perkara. Ringkasnya, "Saya tak lupa pulau saya Batu Puteh bukan hak Singapura hak Johor. Sampai bila saya cari ikhtiar balikkan benda itu". Apa yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Johor pada waktu ini Yang Berhormat Dato' Speaker? Keputusan ICJ telah menetapkan Pulau Batu Puteh itu milik Singapura dengan undian 11:4. Sejauh manakah Kerajaan Negeri akan membangkitkan perkara ini di peringkat federal dengan izin?

Yang Berhormat Dato' Speaker Kerajaan Johor mengambil langkah-langkah proaktif, perlu mengambil langkah-langkah proaktif bila berhadapan dengan Singapura ini. Masih banyak sebenarnya isu-isu yang belum selesai antara kita dengan Singapura. CPF, Tanah KTM, malah perjanjian air, ruang udara, jambatan bengkok pun belum selesai Yang Berhormat Dato' Speaker. Kita tak lupa perkara-perkara itu semua jangan mereka buat lupa pula. Singapura ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, ada masanya dia tak nampak dan ada masanya dia tak ingat, dia lupa, kejap dia buta. Saya percaya Kerajaan Negeri akan mengusahakan sesuatu. Walaupun *Middle Rocks* milik kita tetapi S*outh Ledge* masih lagi dalam tindakan Kerajaan Negeri. Saya percaya pihak Kerajaan Negeri perlu mengambil pendekatan secara menyeluruh pandangan rakyat, pentadbiran termasuklah Istana Johor perlu dihimpunkan bagi mendapatkan rumusan dan penjelasan kedudukan yang kukuh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, titah Tuanku bahawa Pulau Batu Puteh bukan hak Singapura tetapi hak Johor menjadikan kehilangan hak milik ke atas Batu Puteh ini telah memberi kesan yang lebih besar kepada Negeri Johor. Maka wajarlah langkah-langkah lebih berhati-hati dan dapat mengelak daripada insiden yang serupa daripada berulang diambil segera oleh kerajaan. Malah sebagai anak Johor bukan hanya kita ingin pastikan pulau-pulau yang berada di persekitaran perairan Johor itu milik Malaysia tetapi ia juga milik Johor dan bukan milik negeri-negeri lain. Bukan milik Melaka atau milik Pahang, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato', saya difahamkan sebagai contoh Negeri Sembilan sedang mengumpul data dan maklumat untuk membuat tuntutan ke atas Pulau Besar, yang kita mungkin semua tahu bahawa ianya milik Melaka kerana telah banyak kemudahan-kemudahan yang dibangunkan oleh Negeri Melaka di atas pulau tersebut. Tetapi Negeri Sembilan berpendapat ada cukup bukti yang pulau berkenaan adalah milik Negeri Sembilan. Hati-hati Yang Berhormat Dato' Speaker, jangan pulau-pulau yang berhampiran dengan perairan kita dituntut oleh Melaka atau Pahang. Lebih-lebih lagi pulau yang telah kita bangunkan. Berdasarkan kepada asas-asas yang saya nyatakan di atas mungkin agaknya Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan agar pulau-pulau di sekitar perairan Negeri Johor ini digazetkan. Mungkin diberi hak milik kepada pihak-pihak tertentu dan mungkin juga boleh digazetkan sebagai *sultanate land* pilihan lain dengan menjadikan pulau-pulau tersebut berstatus *sultanate land* ini mungkin ianya memerlukan pendekatan yang berbeza setiap kali berbangkit tuntutan atau penggunaan ke atas pulau-pulau berkenaan. Itu yang pertama Dato' Speaker, saya hanya ada 2 perkara sahaja nak saya bangkitkan pada pagi ini.

Kedua, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mendapat maklum bahawa kerajaan sedang merangka pelan tindakan koridor termasuk bagi pembangunan Koridor Iskandar Malaysia. Ke bawah Duli Tuanku dengan jelas dalam titahnya merasa yakin bahawa Kerajaan Negeri Johor akan terus maju dalam bidang ekonomi yang dapat memberi faedah kepada rakyat. Walaupun daerah Pontian hanya dirancang untuk kegiatan yang berbentuk *eco friendly* dengan izin, dengan adanya Taman Negara kawasan hutan bakau yang luas tetapi ia tidak membawa erti bahawa pembangunan secara fizikal dan fiskal tidak boleh dibangunkan.

Saya percaya limpahan daripada pembangunan Iskandar Malaysia dalam bentuk hasil cukai, royalti dan dividen yang diperolehi daripada pembangunan Iskandar Malaysia ini dapat digunakan untuk membangunkan daerah Pontian khususnya Benut Yang Berhormat Dato' Speaker. Kawasan dan persekitaran di pekan Benut ini mungkin kekurangan kemudahan fizikal serta memerlukan peruntukan yang besar untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan untuk menarik pelaburan. Walau bagaimanapun, ianya berpotensi untuk menjadi pekan yang bersih dan indah. Dengan mendapatkan khidmat Jabatan Lanskap untuk menggubal pelan pembangunan yang komprehensif. Mudah-mudahan saya berdoa, mudah-mudahan Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan untuk membantu dalam menjadikan pekan Benut bersih dan indah pada peringkat awal. Bila kita dah bersih dan indah mungkin pelaburan boleh datang ke pekan Benut.

Melalui JPMM DUN Benut usaha ke arah tersebut sedang giat dirangka mudah-mudahan Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri akan dapat membantu menyediakan peruntukan untuk menjayakan rancangan tersebut. Di mana yang telah saya perkatakan awal mengenai Pelan Tindakan Koridor Yang Berhormat Dato' Speaker, saya difahamkan bahawa ianya turut menggariskan rancangan untuk membangunkan usahawan bumiputera.

Adalah diharapkan agar Pelan Tindakan Koridor berkenaan akan dapat menghilangkan tanggapan sesetengah pihak yang mengatakan bahawa pembangunan Iskandar Malaysia akan merugikan kepada orang Melayu dan bumiputera pada jangka panjang. Sebagai contoh Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila negara Barat, semalam Yang Berhormat Tanjung Putri ada menyebut mengenai soal Nepal, Tibet. Pada kaca mata Barat, Tibet adalah negara, negeri yang indah, dingin, ada terdapat pendakwah bernama Dalai Lama, maka perlu Tibet itu kekal dalam keadaan sedemikian. Itu pengaruh negara Barat tetapi Negara China sebagai negara yang mempunyai kuasa ke atas Tibet berpendapat bahawa Tibet perlu berubah wajah. Masyarakatnya perlu diberi pendidikan, kemudahan-kemudahan infrastruktur perlu dibangunkan supaya penguasaan satu bentuk kasta di negeri tersebut dapat diubah dan hari ini keadaan itu telah menimbulkan pelbagai ancaman keselamatan sehinggakan api Olimpik, obor Olimpik nak dibawa menjelajah ke seluruh dunia pun menghadapi pelbagai demonstrasi. Jadi ini bererti Yang Berhormat Dato' Speaker, kita perlu menjelaskan kepada rakyat kita, kepada masyarakat khususnya yang terlibat di kawasan pembangunan Iskandar ini supaya mereka faham akan tujuan dan hala tuju kerajaan supaya mereka tidak mudah terpengaruh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita menuju ke arah itu. Ini bererti bahawa kita perlu menyediakan masyarakat kita dengan perubahan-perubahan yang bakal berlaku apabila Iskandar Malaysia menjadi kenyataan. Khususnya golongan masyarakat pertengahan yang majoriti ini mendapat pendedahan dan latihan yang secukupnya melalui institusi pendidikan dan latihan yang mana di Negeri Johor. Institusi-institusi pendidikan yang belum mampu dan dapat melahirkan pakar-pakar dan juga pekerja mahir dalam pelbagai bidang. Kuantiti dan kualiti tenaga kerja ini boleh menjadi tarikan dan kekuatan dalam usaha kita menarik pelabur ke Iskandar Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita perlu membina asas rujukan, *reference base*, dengan izin, yang boleh menjadi bukti dan contoh yang meyakinkan kepada setiap pelabur yang ingin datang ke Negeri Johor. Program pertukaran pekerja dalam semua bidang dan perkhidmatan perlu dilakukan supaya ia dapat memberi pendedahan kepada sistem dan budaya kerja serta iklim yang sesuai terdorong daripada pembangunan tersebut. Sebagai contoh, Dato' Speaker, syarikat-syarikat di Pelabuhan Tanjung Pelepas, syarikat internasional, multinasional seperti Evergreen, Merz, haruslah melatih menjadi pelatih, memberi pendedahan dan bimbingan kepada pekerja-pekerja tempatan. Dan, mereka wajar menjadi duta dan jurucakap kepada negara-negara pelabur bahawa Malaysia, khususnya Johor adalah tempat pelaburan yang paling menarik. Pelan tindakan koridor tersebut mampu menjadikan Johor sebagai *out sourcing hub* dengan izin, bagi tenaga mahir dengan adanya institusi pendidikan dan latihan yang bertaraf antarabangsa. Kita ada *Open University*, kita ada pelbagai institusi pengajian tinggi di Negeri Johor yang sepatutnya dapat melatih dan melahirkan lebih ramai lagi tenaga-tenaga mahir dan tenaga-tenaga pakar.

Akhirnya Yang Berhormat Dato' Speaker, saya amat percaya dan yakin bahawa Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mampu mengharungi cabaran dalam segala perkara Yang Berhormat Dato' speaker, termasuklah dari segi menyediakan bekalan ataupun mengatasi ancaman kenaikan harga barang, kekurangan bekalan makanan yang boleh menimbulkan sedikit sebanyak ancaman kepada Kerajaan Negeri. Saya ingin mengingatkan bahawa apa juga usul dibuat oleh Kerajaan dalam mencukupkan bekalan makanan ini, kita tetap berhadapan dengan sikap dan budaya petani dan pekebun itu sendiri. Maka saya mengesyorkan supaya Kerajaan menyediakan dana bagi penstabilan komoditi-komoditi penting termasuk beras dan tepung. Dana bagi penstabilan komoditi-komoditi ini kalau tidak dipikul oleh Kerajaan melalui perwujudan dana ianya juga boleh ditampung oleh pihak-pihak swasta. Dana penstabilan komoditi ini boleh bertindak bagi mewujudkan stok penimbal kepada bekalan-bekalan komoditi penting supaya ianya tidak menggugat kenaikan ataupun tidak menimbulkan kenaikan harga barang yang terlalu mendadak, yang boleh membebankan pengguna dan sebaliknya pula tidak merugikan penanam atau petani mahupun pembekal dalam menyediakan kemudahan atau keperluan barangan makanan.

Yang Berhormat Dato', Yang Dipertua Speaker, Yang Berhormat Dato' Speaker, sekali lagi setinggi-tinggi terima kasih di atas ruang dan peluang yang telah diberikan untuk saya membahaskan rundingan pada pagi ini dan saya menyokong rundingan menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku yang telah dibawa oleh Yang Berhormat dari Rengit. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Perbahasan..ha, Bentayan.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Dato' Speaker, ribuan terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk membahaskan usul menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang

Maha Mulia Tuanku. Terlebih dahulu Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada pengundi-pengundi kawasan Bentayan yang terdiri daripada pelbagai kaum Melayu, Cina atau India kerana telah memberi sokongan yang amat menggalakkan dan memberikan mandat kepada saya untuk menjadi Wakil Rakyat mereka dalam Dewan yang mulia ini. Menurut laporan Ketua Audit Negara, melalui penyata kewangan Kerajaan Negeri Johor tahun 2006, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri masih belum stabil kerana jumlah defisit terkumpul, akaun hasil disatukan berjumlah RM339.53 juta pada tahun 2006. Kerajaan Negeri perlu mengamalkan perbelanjaan berhemah dan berusaha menambahkan sumber pendapatan serta menunjuk tindakan hasil berjumlah RM141.21 juta dan menutup pinjaman daripada Syarikat Air Johor Holdings Sdn. Bhd. yang berbaki RM636.64 juta. Maka satu rancangan aktiviti haruslah dirancang oleh Kerajaan Negeri supaya ia tidak akan berulang lagi di tahun-tahun akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sejak saya kecil-kecil lagi, bandar Muar memang terkenal dengan satenya, lontongnya dan mee bandungnya. Ia juga merupakan bandar yang kedua besarnya selepas Bandaraya Johor Bahru. Pegawai-pegawai Kerajaan seperti Pegawai Daerah, Ketua Polis Daerah yang dilantik di daerah Muar ini dan sekiranya ada kekosongan dalam jawatan yang lebih tinggi lagi seperti jawatan Datuk Bandar Johor Bahru maka calon yang paling layak sekali untuk jawatan tersebut adalah kebiasaan datang dari calon Pegawai Daerah Muar. Sesungguhpun Bandar Muar bangga menjadi bandar kedua besarnya di Negeri Johor dan telah dinaikkan taraf daripada Majlis Daerah Muar Selatan kepada Majlis Perbandaran Muar pada 14 April 2001, akan tetapi nampaknya fasiliti kemudahan awam yang disediakan oleh pihak MPM kepada orang awam adalah bertambah buruk dan langsung tidak boleh diguna pakai oleh orang awam. Fasiliti-fasiliti yang tidak boleh diguna pakai oleh orang awam adalah seperti berikut:

i. kolam renang Muar,
ii. rumah persinggahan Muar dan;
iii. trek larian stadium Muar.

Kerajaan Negeri haruslah memperuntukkan sejumlah wang untuk membaiki dan memulihkan kerosakan yang dialami oleh ketiga-tiga kemudahan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan BN mengamalkan polisi pilih kasih atau *double standard* terutama sekali dalam membenarkan penyata-penyata Pihak Berkuasa Tempatan yang tidak perlu diaudit setiap tahun berbanding dengan penyata tahunan syarikat swasta yang diaudit mandatori setiap tahun. Sekiranya syarikat swasta tidak berbuat demikian, sudah tentu mereka ini akan dikenakan penalti yang amat tinggi oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Muar tahun 2003 dan 2004 hanya dibentangkan pada tahun ini di Dewan yang mulia ini. Mengapakah Kerajaan Negeri membenarkan perkara sedemikian berlaku? Apakah kelebihan yang ada pada MPM sehingga dibenarkan membentangkan penyata kewangannya dan mengapakah pihak MPM terpaksa mengambil masa 5 tahun untuk berbuat demikian?

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam pilihan raya 8 Mac yang lalu, gelora tsunami politik telah berjaya perubahan di mana calon-calon dari Parti Pakatan Rakyat telah berjaya mendapat mandat yang cukup kuat dan membentuk Kerajaan Negeri baru seperti di Pulau Pinang, Perak, Selangor, Kedah. Peruntukan demi peruntukan telah dibelanjakan oleh kerajaan ke atas projek Tanjung Emas di Muar. Akan tetapi adalah amat sedih apabila melihat keadaan yang rosak teruk terutama di bahagian pejalan kaki, pancutan air, lampu-lampu taman. Lampu-lampu di kawasan tersebut tidak dibaiki sejak berbulan-bulan yang lalu dan ini telah menyebabkan gelap gelita di waktu malam. Ini sudah tentu akan membahayakan kepada orang awam yang ingin bersiar-siar di kawasan tersebut di waktu malam. Nak sampai, nak tunggu sampai bila pihak MPM akan memperbetulkan keadaan di sana.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam keadaan ekonomi sekarang, wajar Kerajaan Negeri mengamalkan perbelanjaan yang berjimat cermat dan akan tetapi kita melihat kepada Projek Laman Maharani dan Menara Jam di bandar Muar ini. Pihak Kerajaan telah membazirkan terlalu banyak wang rakyat untuk membina dan meroboh dan membina semula projek tersebut. Tempat asal Menara Jam itu adalah didirikan sebiji durian raksasa. Durian raksasa itu kemudiannya telah dipindahkan ke Tanjung Emas, Muar dan didirikan pula sebuah air terjun yang indah. Sekiranya kita melalui Jalan Abdullah, di hari minggu kita akan dapat melihat kelihatan banyak pekerja asing yang mengambil peluang untuk mengambil gambar air terjun yang indah di sana untuk mengirim pulang balik ke negara masing-masing. Alangkah terkejutnya pekerja-pekerja asing ini, tidak sampai 3 tahun dibina, air terjun itu telah dirobohkan dan dirikan pula sebuah menara jam di kawasan tersebut. Mengapakah Kerajaan Negeri perlu merobohkan air terjun yang baru dibina dan digantikan dengan menara jam ini? Ini sudah tentu satu pembaziran yang amat besar dan amat merugikan kepada warga Muar kerana wang yang dibelanjakan itu adalah wang rakyat. Peruntukan wang tersebut haruslah dibelanjakan ke atas projek-projek yang boleh mendatangkan manfaat kepada semua warga tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pusat pelupusan sampah di Bukit Bakri, Muar yang terletak berhampiran dengan kawasan yang diduduki oleh ramai penduduk. Maka kawasan tersebut memang tidak sesuai lagi untuk aktiviti pembuangan sampah. Lagipun, terdapat segolongan pencari rezeki yang tidak memikir tentang keselamatan dirinya dan akan pencemaran udara yang dihadapi oleh penduduk-penduduk tempatan lalu menjalankan kerja-kerja pembakaran di kawasan tersebut untuk mendapatkan dawai-dawai tembaga. Pembakaran itu menyebabkan keseluruhan kawasan Pekan Bukit Bakri dicemari oleh asap-asap dan sudah tentu akan menyebabkan pencemaran udara yang amat teruk sekali di pekan tersebut. Maka Kerajaan Negeri haruslah mencari satu kawasan yang lebih sesuai lagi untuk tapak pelupusan sampah yang baru.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memandangkan pusat Bandar Muar adalah sebuah bandar yang kecil sahaja, masalah kesesakan lalu lintas dan masalah kekurangan tempat letak kereta perlulah di atasi dengan kadar segera. Untuk mengatasi masalah tersebut, Kerajaan Negeri haruslah mengutamakan sistem pengangkutan awam yang lebih efisien di Bandar Muar ini.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ada satu cadangan iaitu menurut Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor, Bilangan 27 (2) mengenai jawapan, memandangkan pada mesyuarat hari Jumaat, 20 Jun 2008, sebanyak 18 soalan lisan dan satu soalan lisan ditolak yang ditanya, akan tetapi 7 soalan sahaja dijawab. Manakala pada hari Isnin, 23 Jun 2008 pula, sebanyak 23 soalan lisan ditanya hanya 8 soalan sahaja berjaya dijawab. Manakala hari ini, 25 soalan ditanya, 7 soalan sahaja berjaya dijawab. Banyak soalan lisan tidak dapat dijawab kerana kesuntukan masa. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Mesyuarat Dewan Negeri Johor haruslah disambung hingga ke sebelah petang supaya semua soalan lisan yang ditanya dapat dijawab sepenuhnya oleh pihak kerajaan. Dengan cara sebegini, ini sudah tentu akan dapat menjimatkan…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat. Soalan lisan, dahlah duduk, bila saya sebut eh. Soalan lisan dibenarkannya satu jam. Kalau Yang Berhormat sambung bila pun, ia tetap satu jam. Dia tak boleh lebih daripada satu jam. Makna kalau sambung petang makna boleh berucap jelah. Tapi bukan kerana jawab lisan tu bila sampai petang ke malam, semua nak dijawab. Tidak eh, di Parlimen pun begitu. Ya, teruskan Yang Berhormat.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Dengan cara sebegini, ini sudah tentu akan dapat menjimatkan lagi wang perbelanjaan kerajaan kerana setiap Wakil Rakyat termasuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-Ahli EXCO, telah dibayar elaun tetap untuk menghadiri Mesyuarat Dewan Negeri dan kita semua haruslah wajib bertanggungjawab kepada seluruh rakyat Negeri Johor. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ha yalah, betullah. Itu dah peraturan. Lagi, Parit Yaani. Mahu lawankah?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Salam bahagia (Dewan ketawa). Tak ada lawanlah, ini kita *peace*. Selamat sejahtera dan selamat pagi. Saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana saya diberi peluang untuk turut serta dalam perbahasan atas usul rundingan menjunjung kasih kepada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor pada hari pembukaan perasmian Dewan yang mulia ini. Sesungguhnya, titah Baginda Tuanku menitikberatkan permuafakatan. Maknanya rakyat hendaklah hidup muafakat kerana muafakat itu berkat.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, 'ber' tu boleh pendekkan tak? Dia salah. Berkat. Dia kalau tajwid salah ek. Berkat.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Selama ini kita telah menikmati keharmonian. Kita telah menikmati kesejahteraan. Kita juga menikmati ketenteraman. Ini adalah hasil permuafakatan antara rakyat yang berbilang kaum. Kita harus hormat menghormati, saling mengerti. Kita juga kena bersikap toleransi dengan persefahaman di antara satu sama lain. Kita juga harus kena hormat, patuhi kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan. Jangan sengaja nak mencabar. Jangan sengaja nak jadi jaguh, nak jadi hero, sengaja nak menarik perhatian media massa, hendak jadi popular, hendak jadi hero. Saya

rasa, ini mungkin tujuan sesetengah orang. Hendak menjadi sasaran kepada semua pihak nak untuk publisiti…

Y.B. Dato' Speaker : Ya, ya, Yang Berhormat, nak apa?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Parit Yaani…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, mana Yang Berhormat boleh menyampuk. Dia cakap umum je.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya cakap umum.

Y.B. Dato' Speaker : Saya tak rasa dia tak ada tuduh sesiapa. Dia tak cakap usul Yang Berhormat Skudai ke, Yang Berhormat Maharani. Tak ada, dia cakap dalam Dewan. Tidak menyentuh individu, tak sebut nama, tak apa. Itu dia cakap umum. Makna boleh jadi kepada komponen parti BN pun ada. Jadi, Yang Berhormat tak boleh sentuh. Itu dia tak menyalahi.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Saya kata sebutlah, kalau ada.

Y.B. Dato' Speaker : Melainkan Yang Berhormat. Yang Berhormat, duduk kejap. Saya dah ingatkan Ahli Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat sedang bercakap, dia menyalahi peraturan. Maknanya Yang Berhormat dengar, dia berucap, dia menyentuh peribadi Yang Berhormat ke atau menyentuh yang lain ke, langgar peraturan, Yang Berhormat akan bangun dah boleh tunjuk. Menyalahi peraturan. Tunjukkan bilangan berapa, apa yang disebut tu salah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ya, betul. Saya nakkan penjelasan yang spesifik. Silakan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, apa pulak awak ni. Ha yalah, gasaklah. Ok, Ok.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Dato' Speaker, saya bukan nak tuju kepada siapa. Siapa yang makan cili, dia kena pedas. Itu saya tak tahu. Jangan seingat saya cakap siapa ni. Satu dunia dengar, mungkin ada satu, dua orang kena, terkena. Saya juga rasa kalau untuk mendapat publisiti percuma dan nak jadi popular, ini populariti, popular ni ada yang negatif secara positif. Kalau nak popular secara negatif senang saja. Saya masuk Dewan tak pakai kasut, kaki ayam. Esok surat khabar akan jadi heboh, saya popular.

Y.B. Dato' Speaker : Bukan heboh. Nanti dianggap tak siuman (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Macam tahun yang… ini pada hari Angkat Sumpah. Saya pun popular sebab saya terkunci, tertutup dalam bilik air (Dewan ketawa). Itu bukan saya sengaja nak buat. Tidak sengaja.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat kenapa? Angkat Sumpah kenapa?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Pada hari Angkat Sumpah, saya masuk bilik air, bila saya tutup pintu, nak buka tak boleh, jem (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Itu Yang Berhormat…

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Dalam surat khabar dah keluar muka saya. Saya pergi mana-mana dia orang tanya, eh apasal ni kena tutup dalam bilik air? Tapi saya bagi tahu bilik air tu dah lama sebab…

Y.B. Dato' Speaker : Oh, bukan bilik air perempuan Yang Berhormat masuk? (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Bilik air, bilik air antarabangsa.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, oklah. Saya ingat bilik air perempuan. Patutlah dikunci.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa kalau nak jadi popular, kita nak cari populariti yang secara positif macam, macam ni, apa, Misbun dia main badminton. Dia popular. Mendaki Gunung Everest, Mount Everest, Gunung Everest, kita popular. Itu positif. Kalau saya rasa macam kita membela nasib rakyat dengan berhabis-habisan, lawan cukup-cukup. Itu pun popular tapi kita membela rakyat, nasib rakyat. Mengutamakan kepentingan rakyat. Bukannya…

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat. Sambung lagi.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Sikit, sikitlah. Sikit. Ada, ada…

Y.B. Dato' Speaker : Yalah. Dia dah panjang sangat cerita ni. Saya bagi dalam 10 minit, 15 minit.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ok, saya rasa…

Y.B. Dato' Speaker : Ramai yang belum bercakap.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : …kita terpaksa jangan masuk kandang kambing menguak, jadi isu masalah. Sebab itu saya hanya beri pandangan dan juga satu nasihat supaya kita kena hormat pada protokol terutama sekali protokol penghormatan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Sekian. Itu sahaja saya nak sampaikan.

Y.B. Dato' Speaker : Dah habis?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Belum, ada banyak lagi. Seterusnya saya nak sentuh berbagai-bagai permasalahan rakyat di Dewan yang mulia ini. Yang pertama, masalah inflasi. Kita diperakui memang kenaikan harga minyak. Harga minyak sudah menjadi fenomena semasa. Sebelum ini, harga barang dinaikkan secara senyap-senyap, *slow and steady*, perlahan-perlahan naik. Tetapi, baru-baru ini, oleh kerana kenaikan harga minyak, harga barang dinaikkan secara terang-terang, peniaga-peniaga cuba nak ketuk harga. Alasan senang saja. Harga minyak dah melambung tinggi. Sekarang semua dalam dunia, barang semua naik harga. Semua sudah lambung tinggi. Saya rasa darah pun sudah tinggi (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ada darah tinggi?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya macam mana pun kita *control*. Sebab, walaupun harga minyak naik, kita…dulu saya isi RM50.00 sudah boleh ke mana-mana, sekarang RM100.00. Sakit jiwalah sikit-sikit. Senyum dalam tangisan.

Y.B. Dato' Speaker : Ceh…

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kita kena terima hakikat. Kita kena terima hakikat bahawa harga minyak sudah naik, barang mesti automatik naik sebab minyak adalah ibu barangan. Dan saya rasa rakyat pun sekarang cuba nak mengikat perut. Oleh kerana gaji, pendapatan semakin bulan semakin mengecil kalau dibandingkan dengan harga barang. Tak boleh ikut rentak harga. Dia dah masuk *twist, rock and roll*. Itu maknanya *slow music*. Itu saya rasa tak boleh sampaikan rentak. Saya rasa kerajaan dah mengambil banyak langkah-langkah yang boleh dikatakan langkah pantas untuk menyelesaikan masalah ini. Yang terbaik sekali iaitu menasihatkan rakyat supaya jimat cermat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau pendapatan tu tak cukup, macam mana nak jimat cermat? Jimat sini, sana pun tak boleh. Nak tutup lubang kalau hanya ada beberapa penutup tu, 10 lubang, hanya 7, masih ada 3 lubang tak boleh tutup. Sebab tu saya rasa, saya ada beberapa cadangan dan pandangan untuk saya bawa pada pagi ini.

i. Kerajaan harus membuka peluang kepada peniaga-peniaga atau pengusaha-pengusaha kecil atau sederhana supaya mereka-mereka boleh juga mengusahakan atau menjalankan perniagaan untuk menambah pendapatan.
ii. Mempergiatkan bidang pertanian. Kalau ada tanah lapang, tanah kosong, bukalah untuk permohonan atas usaha pertanian. Ini adalah satu cadangan supaya kita tak terbiarkan tanah-tanah yang kosong untuk tanaman-tanaman tetapi kena buat kawalan yang betullah, kalau tidak ada nanti ada penyelewengan.
iii. Menggalakkan kerja sambilan, sambil berenang tangkap ikan. Minum air itu kalau kena sakit perut, susah. Supaya kakitangan kerajaan kalau lepas kerja, jual goreng pisang, tak juga pisang goreng, itu pun satu cara untuk menambahkan pendapatan bulanan.
iv. Seterusnya iaitu pemantauan kerajaan untuk memastikan dan mengesankan keadaan pasaran yang sebenar. Sebab, bila ada ura-ura sesuatu barang akan naik harga maka barang tersebut akan hilang dari pasaran. Macam gula, ada satu masa nak cari gula pun tak dapat, siapa yang menjalankan aktiviti menyorok itu kita tak tahu. Dan saya, saya juga faham bahawa kerajaan dan jabatan ada menjalankan penguatkuasaan tetapi ini penguatkuasaan kadangkala nak memeriksa secara mengejut, sudah terjadi tidak terkejut kepada mereka.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Beri laluan Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Saya nak tanya kalau semua barang kena ikut harga pasaran.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat. Yang Berhormat. Sekejap, duduk. Yang Berhormat Skudai, Yang Berhormat, seseorang tengah berucap, Yang Berhormat tak boleh menyampuk, kan saya dah kata tak boleh, apa pun melainkan Yang Berhormat kata dia salah, tak ikut peraturan. Yang Berhormat kalau tengah berucap pun, saya tak kasi orang menyampuk Yang Berhormat tengah berucap kerana Yang Berhormat hak Yang Berhormat untuk berucap apa-apa nak sebut selagi dia tidak melanggar peraturan. Dia tengah berucap, dia tidak ada apa, dia cakap hak dia. Biarlah dia sebagai Ahli Dewan dia nak cakap apa, melainkan dia menyentuh langgar peraturan barulah Yang Berhormat angkat buku menyatakan dia langgar peraturan. Beritahu bilangan fasal berapa, ceraian berapa, ini salah. Kalau dia salah mengikut teguran Yang Berhormat, saya akan suruh dia tarik balik atau berhenti. Tapi sekarang dia tidak ada apa benda. Dia cakap umum je, nak naik cakap harga ke, apa tu terpulang pada dia. Macam juga Yang Berhormat juga bercakap, menyentuh sana, menyentuh sini, tegur sana, tegur sini, gasak. Orang lain tak boleh menyentuh, tak boleh menyampuk Yang Berhormat tengah berucap, eh.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dah lama dah. Dah 15 minit.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Bukan, saya, saya, dia orang mencelah-celah itu.

Y.B. Dato' Speaker : Ha tidak apa, itu masa…

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Bukan masa saya betul-betul.

Y.B. Dato' Speaker : Itu masa kecederaan, 2 minit.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya kena *start mood* semula.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Saya bagi dalam 5 minit. 5 minit.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya harap kerajaan patut mengambil tindakan yang sepatutnya untuk memantau keadaan ini. Ha, seterusnya ni saya nak cadangkan di sini iaitu mewujudkan pentadbiran cekap. Sekarang kita masih mengamalkan sistem pentadbiran birokrasi. Pengurusan pentadbiran amat lambat. Amat melibatkan pelbagai peringkat dan peraturan-peraturan. Sini sekat,sana sumbat, sini tahan, sana *KIV*. Kadangkala kita menunggu macam menunggu buah tak gugur, tunggu, tunggu. Satu permohonan kena tunggu sampai bertahun-tahun oleh kerana birokrasi yang begitu banyak, yang begitu rumit.

Y.B. Dato' Speaker : Contoh?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Contohnya, saya kalau nak bagi contoh, satu ribu contoh pun saya boleh bagi tapi oleh kerana tak cukup masa, satu, dua (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Bukan saya seorang, kalau semua ADUN pun boleh beri contoh.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan tanya seribu. Cari satu contoh supaya kerajaan senang menyiasat. Ini umum tak tahu pejabat mana. Kadang kata pejabat dia semua bagus tapi Yang Berhormat umumkan. Jadi kalau Yang Berhormat kata ini, jadi dia boleh *check*lah, betul ke tak.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Jadi saya bagi contoh, senang sahaja contoh yang terkini iaitu, ok, saya tak salahkan sesiapa, saya ucapkan terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Eh, apa nak terima kasih pulak.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Sebab kelulusan PDK di DUN Parit Yaani sudah lulus pada tahun 2007, awal tahun.

Y.B. Dato' Speaker : Apa Yang Berhormat, ulang balik.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ini contoh.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, ulang balik apa yang nak.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : PDK, PDK Parit Yaani.

Y.B. Dato' Speaker : PDK?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Pusat Dalam Komuniti

Y.B. Dato' Speaker : Dalam Komuniti. Ha, kenapa?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Bangunan ini sudah lulus tetapi bila saya ni, YB, YB yang berkenaan dah bagi tahu saya, saya pun amat bangga sekali, saya pun telefon satu dunia, dia orang pun rasa.

Y.B. Dato' Speaker : Apa Yang Berhormat, telefon mana? (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Kepada saya punya kawasan, penduduk di kawasan saya.

Y.B. Dato' Speaker : Satu dunia.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Mereka merasa amat bangga, saya pun bangga.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat telefon satu dunia? (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Maksud saya satu dunia, maknanya orang yang berkenaan yang akan ambil tahu keadaan yang dan juga perkembangan berkenaan dengan…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat ada telefon Presiden Bush? Cakap je, tanya dia ke, mintak tolong ke? (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dah tunggu tetapi bila tunggu, tunggu, eh kedengaran tetapi tiada rupanya. Bila saya pergi tanya, oh sudah, fail sudah ke JKR, lepas itu pusing sini, pusing sana, saya pun pening kepala sampai makan panadol pun tak boleh menghilangkan sakit kepala sebab terlampau rumit keadaan. Sebab, itu contohnya. Kalau nak contoh, banyak. Tapi, saya rasa birokrasi sepatutnya kita nak, akan menjadi satu halangan dan juga rakyat akan marahlah kalau dia tunggu depan kita dia marah, belakang dia maki. Tapi saya rasa kalau kita, pada akhirnya Wakil Rakyat yang jadi mangsa.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat, masa.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya, seterusnya saya ada berapa dua, tiga perkara sahaja, sikit sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Sikit, sikit.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya mohon pihak kerajaan supaya membenarkan penukaran bahan bakar dari minyak kepada biomass bagi industri. Ini akan menjimatkan kos pengeluaran untuk setanding dengan pengeluaran daripada negara-negara seperti Negara China dan juga Thailand. Dapat kita menjadi persaingan yang lebih hebat dan saya rasa ini akan mengurangkan pencemaran dan akan juga mengurangkan kos operasi dan juga akan memberi daya tahan kepada kilang-kilang terutama sekali kilang di Sri Gading kawasan saya. Yalah, saya punya kawasan. Dan saya rasa penggunaan biomass ini adalah satu langkah perubahan untuk industri. Pada masa dulu dia orang memang pakai minyak, sekarang kos minyak tinggi kena gunakan biomass. Saya harap pihak alam sekitar timbang rasa, bagilah kelulusan, tengok keadaan sebab permohonan mereka tidak dilayani dan tidak diberi kelulusan oleh pihak yang berkenaan. Dan, ini adalah satu cara yang selaras dengan konsep *Cleaner Production* daripada pihak yang berkenaan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang kedua, yang ke…

Y.B. Dato' Speaker : Akhir, akhir.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya, ini masuk akhir, masuk ke pintu akhir. (Dewan ketawa). Keperluan pembinaan sekolah menengah di Pekan Parit Yaani. Di Pekan Parit Yaani ada 28 kampung. Lebih kurang murid di sekolah rendah, 2,000 lebih kurang. Ada 8 sekolah, sekolah rendah, 6 sekolah kebangsaan dan 2 sekolah jenis kebangsaan. Hanya ada 3 bas yang mengangkut murid berulang alik. Dan saya rasa kalau boleh pembinaan satu sekolah menengah di Pekan Parit Yaani, senangkan kerja orang. Murid-murid ini kalau nak pergi sekolah mungkin kadangkala mereka terpaksa gunakan motosikal ayah mereka tanpa berlesen dan juga ada bawa, ada juga membonceng motosikal tanpa lesen dan ini merbahaya dan juga kos tambang bas sekolah sudah meningkat. Dan ini saya harap, harap dapat persetujuan daripada pihak berkenaan oleh kerana pada tahun 90-an sudah ada ura-ura nak membina sekolah menengah tetapi tidak ada apa-apa kesan lagi atau apa tanda perlaksanaan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok Yang Berhormat dah habis ini.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya ada sedikit lagi. Sedikit.

Y.B. Dato' Speaker : Tidak boleh dah lebih yang Berhormat.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya, sedikit sahaja. Itu sedikit.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, saya padam lampu.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Pembinaan, pembinaan jalan daripada jambatan…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, bila saya minta berhenti, Yang Berhormat dah terlebih, lama saya, saya dah agak memang lebih. Yang Berhormat boleh cakap hari lainlah. Tak payah, ini hari dah cukup masa ni.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya ada dua, saya mintak.

Y.B. Dato' Speaker : Tak boleh, Yang Berhormat punya 2, macam 20 minit. Satu, 20 minit (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Satu, satu minit, 2, 2 minit. Yang seterusnya iaitu meningkatkan jalan daripada Parit Buluh ke Persimpangan Jalan Besar Tongkang Pechah untuk menampung lalu lintas yang hebat sebab jambatan Parit Buluh dah siap, akan siap dibina. Saya rasa semua orang kena gunakan jalan itu sekarang kalau kancil, dua kancil kena berselisih sebab itu saya harap mempertingkatkan.

Yang seterusnya tiga jejantas di kawasan saya, satu di, di Panchor berhadapan Sharp Proxy sebab ini saya dah bawa pada dua tahun yang lepas tapi tidak ada kesan perlaksanaan. Satu lagi saya minta ialah di persimpangan Taman Sri Jaya, Jalan Kluang, itu tempat sebab orang naik bas, nak turun nak melintas susah. Yang ketiga tempat iaitu jalan Besar Tongkang Pechah di hadapan Kilang Biskut Hup Seng. *Last,* ini *last* setengah saat. Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk meningkatkan industri pelancongan di Mersing, sebab jalan

Kilometer 46, jalan di sebelah kiri terlampau sempit dan terlampau rosak teruk sehingga semua pengguna jalan itu merbahaya, akan jadi tempat hitam, itu *accident.*

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dah.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya harap bukan membaikilah, nak mempertingkatkan jalan tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ok.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Sekian, saya seterusnya menyokong.

Y.B. Dato' Speaker : Perbahasan diteruskan lagi.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Ya, nak apa? Nak minum air, ok, jemput duduk. Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:00 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 12:20 tengah hari.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Perbahasan disambung semula, jemput Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Terima kasih kerana memberi peluang saya menyambung perbahasan rundingan. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, alhamdulillah segala puji bagi Allah, Tuhan yang maha kaya lagi maha terpuji, syukur saya juga ke hadrat Ilahi kepada memberikan saya peluang untuk menyertai perbahasan atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sewaktu Baginda merasmikan pembukaan Persidangan Penggal Pertama bagi Dewan Negeri yang Ke-12. Sebagai rakyat yang bernaung di bawah payung Baginda, kita semua haruslah membulatkan iltizam untuk membina bangsa Johor.

Terlebih dahulu, izinkan saya mengucapkan kepada kepimpinan Kerajaan Negeri Johor ini di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta barisan kepimpinan Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri yang terus komited bagi meneruskan agenda holistik di negeri yang bertuah ini, juga kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana telah dipilih dalam pilihan raya yang ke-12. Dalam keputusan tersebut, Kerajaan Barisan Nasional masih lagi diberi mandat dan kepercayaan oleh rakyat untuk memimpin dan memerintah negara ini.

Itulah wajah sistem demokrasi yang diamalkan secara telus yang membenarkan mana-mana parti yang bertanding juga mendapat tempat dan kemenangan. Inilah dasar adil dan saksama yang berlandaskan prinsip-prinsip rukun Negara. Saya sangkal dakwaan pihak-pihak pembangkang yang sering mempersoalkan ketelusan sistem demokrasi di negara kita ini. Jika tidak ada amalan tersebut, saya pasti tidak ada rakan-rakan kita yang lain jugak dipilih oleh rakyat menjadi anggota Dewan yang mulia ini. Malah pada penggal yang lalu ada wakil dari parti yang berkenaan juga menang secara teknikal.

Kita juga akui memang Negeri Selangor, Perak, Kedah, Pulau Pinang telah terlepas daripada pemerintahan kita. Dan buat rakan-rakan di negeri berkenaan yakinlah bahawa kami di Negeri Johor ini tidak akan leka dan sedia membantu dan seterusnya merampas kembali negeri-negeri berkenaan. (Dewan ketawa) Adapun pemilihan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, menandakan satu titik kepercayaan dalam sanubari setiap masyarakat dan rakyat, agar kita semua dapat membawa perubahan yang dikehendaki oleh mereka. Sungguhpun tugas yang diakui dipikul amat berat namun saya yakin kerana kesanggupan itulah kita semua berada dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, bercakap tentang pembangunan dan perubahan kita semua sedia maklum bahawa dunia hari ini telah berubah dari sudut geopolitik dan iklim ekonominya. Kenaikan harga minyak di peringkat global memberikan isyarat jelas kepada kita, cabaran kehidupan semakin terasa, sama ada kita sedar atau tidak fenomena ini mengheret kita ke tahun-tahun 70-an, yang memperlihatkan perjalanan ekonomi yang sangat perlahan. Hari ini kita bukan sahaja menghadapi krisis harga minyak, malah menghadapi krisis bekalan makanan.

Kerajaan sedaya upaya mencari pendekatan untuk membantu rakyat dan menjamin kesejahteraan hidup. Oleh yang demikian, sejajar dengan hasrat kerajaan yang inginkan pembangunan minda, material yang seimbang, aspek kebijaksanaan dalam membuat keputusan harus diutamakan. Saya merasakan amat perlu kerajaan meneliti semua program-program yang dijana untuk menangani masalah kemiskinan luar bandar dan kemiskinan tegar. Apa yang saya khuatiri dari kenaikan harga minyak ini ialah bertambahnya jumlah penduduk miskin biasa kepada miskin tegar, bukan sebaliknya seperti yang kita semua harapkan.

Setelah melihat usaha kerajaan untuk menghapuskan penduduk miskin tegar menjelang tahun 2010 harus diteliti semula. Kerajaan harus menyediakan satu pelan yang komprehensif, mesra rakyat, mesra segalanya serta efektif agar pendekatan yang diambil nanti benar-benar berkesan dan menjadi tanda aras yang cemerlang. Berdasarkan kepada senario sekarang apakah tindakan yang boleh dibuat bagi mengurangkan kesan yang secara langsung menerjah dalam kehidupan masyarakat kelas bawahan. Kajian secara 360 darjah harus dilakukan bagi menghadapi kemungkinan bertambahnya jumlah dan bilangan kumpulan miskin tegar yang sebelum ini berada dalam kelas miskin biasa. Barangkali juga jumlah mereka yang baru melepasi garis kemiskinan dan keluar dari senarai miskin biasa sebelum ini akan melangkah semula kepada kategori miskin. Hal seumpama ini tidak boleh kita biarkan kerana kesannya akan mempengaruhi lain-lain aspek kehidupan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Semerah juga ingin memohon Kerajaan Negeri mengkaji semula syor saya pada penggal yang lalu agar pakar-pakar kaji bumi untuk mengkaji kemungkinan kewujudan telaga-telaga minyak ataupun gas asli, sama ada di pantai ataupun di darat di sebelah timur ataupun barat Negeri Johor yang bertuah ini. Memandangkan harga komoditi bahan ini yang semakin melonjak naik, usaha ini perlu dilakukan. Jika ini merupakan satu lagi kejayaan merupakan bonus untuk rakyat Negeri Johor.

Usaha-usaha mencari gali minyak ini perlulah diperhebatkan. Program pembangunan bagi kesejahteraan rakyat harus diberikan penerapan bagi dari segi agensi pelaksanaannya. Dana yang diterima, kesan jangka pendek dan jangka panjang. Perkara ini setidak-tidaknya alat pengukur yang jelas, dalam pengagihan yang adil dan saksama. Pendekatan-pendekatan secara tradisional boleh juga diberikan nafas baru seperti memperkasakan buku hijau dan buku merah. Kempen menggalakkan penanaman "satu rumah satu produk tanaman" sedikit sebanyak boleh mendatangkan kebaikan, yang lebih tersusun dan menyeluruh.

Jelasnya pendekatan melalui teori bererti kuasa beli yang menggunakan kadar pertukaran keseimbangan 2 mata wang jangka masa panjang untuk menyamakan kuasa belinya. Teori yang dibangunkan oleh Gustav Cassel pada tahun 1920 ini berasaskan hukum satu harga satu teori yang merupakan teori dalam pasaran yang cekap dan ideal. Barang-barang yang serupa wajar ada satu harga sahaja.

Sehubungan dengan itu saya mencadangkan supaya perbezaan pendapatan isi rumah di kalangan rakyat dalam Negeri Johor ini dikaji semula untuk mendapatkan gambaran yang lebih sempurna dan seimbang terhadap pengagihan kekayaan dalam negara. Selepas lapan Rancangan Malaysia 5 tahun, ini adalah kali pertama pendapatan isi rumah digunakan untuk mengukur kuantiti atau persamaan pendapatan di kalangan berbilang kaum. Sementara sebelum ini tumpuannya adalah 30 peratus ekuiti bumiputera.

Walau bagaimanapun, Kerajaan tetap dengan pendiriannya atas keputusan yang tidak popular ini. Ini bagi menjamin kelangsungan dalam pentadbiran negara untuk jangka panjang. Semerah percaya setiap langkah dan usaha kerajaan ini adalah untuk kebaikan rakyat. Langkah yang kita lihat ialah dengan pemberian ringgit tunai kepada pemilik-pemilik kenderaan. Ahli-Ahli Yang Berhormat dah ambil atau belum rebet ini? Ini baru langkah pertama dan insya-Allah langkah-langkah jaminan seterusnya akan menyusul.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, antara kesan jangka pendek akibat peningkatan harga minyak ini peningkatan kadar jenayah ironisnya dengan penurunan prestasi sebuah negara, ia akan berkait rapat dengan kekurangan pekerjaan. Juga, situasi pembuangan pekerja sekali gus membawa kepada peningkatan kadar jenayah. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi mengakui indeks jenayah adalah tinggi dan membimbangkan dan sekali gus mengarahkan pasukan Polis Di Raja Malaysia mengambil langkah segera untuk menanganinya.

Perdana Menteri sendiri selaku Menteri Dalam Negeri menegaskan beliau tidak senang hati dengan jenayah yang semakin tinggi terutama di beberapa tempat tertentu di Negeri Johor, Selangor, Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur yang telah mengalami peningkatan jenayah pada tahap yang membimbangkan. Malah ada orang yang takut dan bimbang untuk keluar membeli barangan keperluan pada waktu malam. Perdana Menteri juga melahirkan kebimbangan kerana peningkatan mendadak kadar jenayah di Malaysia boleh menakutkan para pelabur untuk datang melabur di negara ini.

Justeru itu sukalah saya menarik perhatian anggota-anggota Dewan agar meminta pihak keselamatan di negeri ini berkhidmat bersungguh-sungguh membanteras sebarang usaha jenayah yang bakal merosakkan usaha, memulihkan keamanan negara dan kestabilan ekonomi seperti yang kita semua maklum pelabur asing cukup prihatin tentang keselamatan sesebuah negara, sebelum mereka membuat sebarang bentuk pelaburan.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak polis yang telah melancarkan *Bit Base* dengan izin, di daerah Batu Pahat bagi menangani masalah jenayah, cuma Semerah turut terpanggil untuk menyatakan adakah kegiatan jenayah ini hanya berlaku di bandar sahajakah, sedangkan jenayah seperti ragut, rompakan, kehilangan kabel Telekom, pembunuhan dan lain-lain turut berlaku di kampung-kampung.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Cukup Yang Berhormat, masa cukup, pendekkan.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Ha, pendek sikit lagi. Selain daripada kenaikan indeks jenayah, kenaikan harga minyak ini juga menyebabkan beban tanggungan rakyat semakin bertambah. Bagi setengah mereka yang berfikiran bijaksana, mereka mengambil pendekatan berjimat cermat dalam usaha, dalam urusan ringgit dan sen. Ada juga yang mula menggiatkan usaha menambah ekonomi dengan berniaga kecil-kecilan. Tetapi ada juga yang mengambil jalan mudah seperti penyelewengan dan sebagainya kerana kesempitan wang. Kerajaan harus mengkaji semula perkara ini, bagi mengelakkan negara kita mengalami kerugian, tolok angkara perbuatan tersebut dari segi moral dan integriti. Saya difahamkan sekarang, Kerajaan Pusat telah mengambil beberapa langkah segera untuk membantu golongan ini seperti pengeluaran lesen-lesen perniagaan dan menyediakan pelbagai dana untuk memulakan perniagaan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya juga tertarik dengan beberapa laporan awal sejak kenaikan harga minyak ini, di mana syarikat-syarikat yang tidak dapat menyerap kesan kenaikan harga minyak, akan menyusun semula pekerja masing-masing dengan melakukan pembuangan pekerja. Saya memohon Jabatan Tenaga Kerja Negeri memandang serius hal ini dan sentiasa memberikan laporan bulanan mereka kepada kerajaan. Begitu juga dengan jumlah kehadiran pendatang asing di negara ini, langkah kerajaan untuk mengurangkan pekerja secara berperingkat-peringkat menarik untuk dibincangkan. Pelbagai pendekatan di cadang dan diketengahkan namun ia tidak menampakkan satu perancangan yang menyeluruh dalam jangka panjang, sesuatu harus difikirkan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, hakikatnya kehadiran pekerja asing ini dilihat mengganggu gugat peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan. Seperti yang telah dilaporkan oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia baru-baru ini, ekoran daripada ini timbul cadangan-cadangan yang menggesa kerajaan melakukan sesuatu bagi memastikan rakyat tempatan diberikan keutamaan. Perlu diingat, kekurangan pekerja tempatan merupakan suatu yang tidak boleh dipandang mudah, bukan sahaja peluang pekerjaan akan dimonopoli sepenuhnya oleh pekerja asing ini, bahkan dengan jumlah 2.2. juta pekerja asing yang wujud sekarang, setiap bulan negara telah kerugian sejumlah RM440 juta, andaian pekerja menghantar RM200.00 sahaja setiap bulan ke negara asal dan dalam tempoh satu tahun sahaja, Negara kerugian RM5.28 bilion akibat daripada pengeluaran wang ke luar negara. Itu belum mengambil kira bilangan pekerja yang tidak sah.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Akhirnya Yang Berhormat. Yang akhirnya.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Ya, sikit lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Speaker, Semerah ingin menyatakan di sini tentang usaha-usaha Kerajaan dalam mempelbagaikan hasil pendapatan melalui sektor pelancongan negeri. Perlu diperhebatkan dari masa ke semasa. Saya melihat bahawa Negeri Johor ini tidak kurang tempat-tempat menarik untuk dilawati. Cuma agak terkilan dengan cara dan pendekatan yang dijalankan selama ini kerana hasilnya tidaklah begitu memuaskan. Program Citrawarna dan Citrarasa yang berlangsung di Johor Bahru awal bulan ini menunjukkan kepada masyarakat bahawa produk makanan melebihi daripada produk-produk pelancongan yang lain. Seperti destinasi sejarah dan pusat-pusat peranginan, pusat kraf tangan, ini semua boleh merancakkan ekonomi Negeri dan mampu menjamin peluang pekerjaan khusus dalam sektor pelancongan ini. Mengapa tidak Kerajaan Negeri menganjurkan satu kempen yang benar-benar menampakkan lokasi pelancongan negeri ini termasuk tempat-tempat yang bersejarah yang boleh dilawati. Tempat-tempat bersejarah di Batu Pahat seperti perigi Batu Pahat, Jambatan Parit Sulong masih lagi belum disingkap dari segi lipatan sejarah untuk tatapan pengunjung. Air Hitam dengan industri tembikar, Parit Raja dengan kerepeknya, begitu juga dengan kediaman Dato' Onn yang sepatutnya menjadi mercu tanda kebanggaan negara hampir sahaja luput dalam ingatan sejarah. Buatlah sesuatu agar nilai sejarah ini akan menjadi modal untuk kita berbicara kepada generasi kita akan datang, agar mereka kenal mana mereka bermula. Panorama gunung-ganang menjadi bahan hiburan dalam lagu Joget Batu Pahat dan alunan lagu Gunung Banang dari irama ghazal yang menusuk kalbu. Selain daripada itu, Batu Pahat juga terkenal dengan budaya rakyatnya, seperti kuda kepang yang juga menjadi identiti negeri ini, ini barongan, kemplingan menyusur budaya bangsa untuk dipertontonkan dan menjadi halwa telinga. Dan akhirnya, jadikan hidangan nasi beriani Batu Pahat sebagai santapan pengunjung setelah mereka penat mengunjungi tempat bersejarah.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa dah cukup Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Sikit lagi. Ringkas aje. Belum cukup itu sahaja, muncul juga daya tarikan baru seperti medan ikan bakar Parit Simen di kawasan saya yang menjual ikan segar dari Selat Melaka, selain

terdapat monyet-monyet jinak dan mesra (Dewan ketawa) persekitarannya. Semua ini adalah cerita yang boleh dimuatkan dalam koleksi-koleksi pelancongan daerah Batu Pahat. Malangnya daerah ini seakan-akan terpinggir dalam peta pelancongan negeri dan Semerah ingin bertanya apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mempromosikan daerah ini untuk menjana pendapatan. Terminal Feri Batu Pahat, Minyak Beku juga merupakan pintu masuk baru di negara kita yang dapat memainkan peranan penting untuk menarik lebih ramai pelancong, khususnya daripada Indonesia.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Cukuplah Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Sikit lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Eh janganlah sikit, sikit.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Semerah juga membangkitkan peranan-peranan media dalam suasana sekarang agar dapat menjadi jambatan penghubung yang berkesan untuk menyampaikan maklumat yang tepat kepada masyarakat. Para pengamal media harus berani menyatakan suatu yang benar agar rakyat tidak terpengaruh dengan unsur-unsur yang negatif. Selain daripada itu, media juga perlu bertanggungjawab atas apa yang dituliskannya. Tahap penulisan juga mestilah berada dalam kelas tersendiri. Hari ini masyarakat sememangnya dahagakan maklumat dan sumber maklumat pula semakin banyak pilihannya. Pengamal media harus bergerak sepantas teknologi yang ada…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok cukuplah Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Sikit lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Janganlah sikit-sikit, cukuplah. Nak bagi peluang rakan-rakan yang lain.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Bagi mendapatkan bahan-bahan berita yang benar-benar bernas, tepat dan berkesan. Akhirnya, Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, sebelum saya menamatkan perbahasan ini suka saya membacakan nukilan sajak khas buat renungan bersama mengenai kisah Pulau Batu Puteh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Silakan.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Timbalan Speaker nak dengar?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Jemputlah.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Terima kasih. Seorang datuk melayan cucunya di tepi tangga, bercerita dan bertanya tentang sejarah lama, mengapa kita tak bersama, mengapa tak lagi dalam satu nama, mana datang negeri itu, kenapa dia jadi begitu, datuk tertunduk bukannya tak tahu, segala apa terjadi masih terbuku. Lantaran sejarah hendaknya dah tentu, derai air

mata tidak berharga, mengimbau kisah tak dapat ditangisi, bukan kerana bumi emas terisi, kerana terbinanya perihal si rumah api.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Panjang sangat Yang Berhormat. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Puisi panjang sikit. Surat itu entah mengapa, ditulis mungkin barangkali perintah Inggeris, walau apa pun gambaran yang dilukis, hati si datuk memang terguris. Si datuk cuba bertukar cerita, kisah selepas negara merdeka, betapa sukar mencipta maruah untuk dihias sandaran sejarah. Tapi cucunya enggan mengalah, kenapa kita tewas di kamar mahkamah, mana ertinya merdeka, mana ertinya maruah, sedang semua mencemar sejarah. Kasihan cucu pada nelayan, halaman rezeki menjangka ikan, kalau hampir dipandukan laluan kerana Pedra Branca kini sudah bertuan. Kata datuk pada cucu kesayangan, memang itulah menjadi igauan, kini bertitah seorang Sultan, kembalikan semula pulau ke pangkuan. Doa datuk diaminkan si cucu, mudah-mudahan hajat Sultan mendapat restu, usaha itu ditunggu bukan menunggu, cepat dan lambat hanya tuhan yang tahu. Daulat Tuanku. (Dewan ketawa) Sambung lagi. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Cukuplah.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, akhir kata marilah kita seluruh rakyat menghadapi cabaran yang ada dalam negara kita yang penuh rasa kesabaran. Mudah-mudahan dugaan ini akan memberikan sinar baru kepada sebuah negara yang berdaulat dan merdeka. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan, dan saya…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Menyokong…

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : …cukup berterima kasih kerana diberikan masa yang agak lebih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Kenapa nak tengok jam?

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya dengan kata-kata tersebut turut menyokong usul yang dibawa oleh sahabat saya ADUN Rengit. Sekian, wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih. Jemput yang lain. Jorak.

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumsalam warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Yang Berhormat Ahli-Ahli Mesyuarat

Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-Ahli Ex-Officio, rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan. Yang berusaha Ketua-Ketua Jabatan…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, tuju kepada Speaker cukup.

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Tuan-tuan, puan-puan…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Itu macam nak berucap dalam balai raya aje. (Dewan ketawa).

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Alhamdulillahlah. Pertamanya saya memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT, kerana dapat kita sama-sama bersidang dan mengambil bahagian dalam Mesyuarat Kedua Penggal Persidangan ini. Terima kasih juga kepada Datuk Timbalan Speaker, yang telah memberi peluang kepada saya membahaskan atas rundingan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya mulakan dengan ucapan ini pantun dua kerat. Dari Jorak saya datang, insya-Allah ucapan saya tak panjang, tak lantang.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Alhamdulillah.

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Awal bicara, marilah kita sama-sama mengambil ingatan sebagai Wakil Rakyat, kerana kita adalah dalam golongan orang-orang yang perlu melaksanakan amanah, menunaikan janji, mengisi wawasan negara, berpegang kepada prinsip keadilan. Menepati firman Allah SWT dalam surah An-nisa' ayat ke 58, (membaca surah) ertinya, sesungguhnya Allah memerintahkan kamu supaya menyempurnakan amanah kepada ahlinya. Saya membawa perkara ini dalam sidang Dewan yang mulia ini, sambil merujuk kepada tulisan buku, Pembangunan Holistik Dimensi Kebudayaan yang merupakan koleksi ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar terbitan Yayasan Warisan Johor.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, bukunya ini, ini bukanlah iklan dari RTM1 tapi sahabat-sahabat kita Ahli Yang Berhormat boleh beli buku ini daripada kedai buku MPH harganya RM69.00 sahaja. Salah satu amanah yang harus kita lakukan adalah memastikan Negeri Johor terus aman dan damai. Suasana yang harmonis, masyarakat yang bersatu padu walaupun kita semua ada kita tahu bahawa kita dalam kepelbagaian kaum dan agama. Kita sedar bahawa keamanan tidak akan dapat kita kecapi, tidak dapat kita kecapi dengan automatik. Perpaduan perlu kita rencanakan dan kita usahakan. Asasnya sudah pastilah saling hormat menghormati, mengenal batas-batas, mengenal budaya dan agama masing-masing yang boleh dan yang ditegah. *The do's and The don't* dengan izin, yang mana satu budaya dan yang mana satu soal agama, yang mana kita boleh kompromi dan apa yang tidak boleh langsung kita kompromi.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, jika setakat ini kita lihat telah timbul suasana yang tidak harmonis, dan apa tidak timbul ada di kalangan yang tidak mematuhi etika berpakaian dalam Dewan. Tidak menghormati majlis DiRaja.

Jika yang diminta ialah untuk tidak berpakaian, tidak memakai apa-apa, tentulah itu amat menyalahi adat tatasusila. Mana-mana bangsa dan agama pun. Pergi ke sekolah pun ada uniform dan adab-adabnya. Dalam membangunkan Negeri Johor, kita mesti pastikan bahawa jati diri rakyat Johor tetap utuh dan kukuh. Apa yang menjadi masalah bagi banyak kerajaan terutama negara-negara merdeka, ialah bagaimana hendak mewujudkan semangat *patriotisme* di kalangan rakyatnya. Lebih-lebih lagi setelah kita dijajah, beratus-ratus tahun kita hidup dijajah oleh penjajahan barat contohnya daripada tahun 1511 hingga kita merdeka tahun 1957 iaitu mengambil masa dijajahan 450 tahun.

Kita mengambil contoh umpamanya negara Indonesia, mereka menghadapi cabaran bagaimana hendak menanamkan semangat kebangsaan di kalangan rakyatnya. Maka selain daripada lambang-lambang negara yang biasa seperti bendera dan lagu kebangsaan, pemerintah telah meneguhkan konsep bahasa kebangsaan dengan menamakan bahasa Melayu kegunaan mereka sebagai bahasa Indonesia. Ramai antara kita berulang-alik daripada Jakarta kadang-kadang ke Bandung, Surabaya, tak tahulah apa dia buat. Kita dapati penggunaan bahasa Indonesia boleh dikatakan dipakai seratus peratus untuk tujuan berkomunikasi baik *inter* bangsa atau intra bangsa. Dalam majlis-majlis rasmi atau tidak rasmi. Bahasa Indonesia dipakai seluas-luasnya, terasa, memang kita terasa kita memang berada betul-betul di tengah Negara Indonesia. Kalau kita di Bandaraya Johor Bahru ini, Y.B Datuk Timbalan Speaker jawablah sendiri.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, berbalik kepada negara ini, khususnya di Negeri Johor, rakyat Johor, ramai di kalangan kita yang tidak boleh lagi menguasai Bahasa Malaysia dengan baik. Tetapi setakat ini saya rasa, Wakil Rakyat dalam Dewan yang mulia ini , semua kena pergi kursus balik semula termasuklah diri saya sendiri. Tatabahasa yang kelam kabut dan sebagainya. Salah satu sebabnya ialah kerana sistem pendidikan kita. Sistem pendidikan dan persekolahan *The Dichotomy* dengan izin, pengisian antara kaum bermula sejak di alam tadika sekolah. Di sekolah rendah kebangsaan, jenis kebangsaan Cina dan Tamil, masing-masing bangsa buat hal masing-masing. Isu pendidikan yang telah tidak boleh selesai, dan saya ingin menyarankan di sini, bagi mengorak langkah Negeri Johor pastikan semua majlis-majlis rasmi hendaklah menggunakan Bahasa Malaysia.

Pertamanya pemimpin-pemimpin, Wakil-Wakil Rakyat dan kakitangan kerajaan yang berkhidmat dalam Negeri Johor. Apabila berucap dalam mana-mana majlis atau mesyuarat tidak kiralah sama ada majoritinya yang hadir dalam majlis itu, Melayu atau Cina atau India negeri Johor hendaklah berucap, hanya berucap dalam Bahasa Malaysia. Dan jangan ada lagi terjemahan atau *translation* dengan izin, dalam bahasa Jawa atau bahasa Banjar, atau Mandarin atau Tamil. Kita lihat di sini bahawa tadi Y.B. Ng, En. Ng See Tiong, Ahli Yang Berhormat dari Parit Yaani, saya sebutkan di sini nama seorang pemidato yang hebat, bagus penguasaan Bahasa Melayunya, bahasa kebangsaannya, dan saya ucapkan, syabas. (Dewan bertepuk). Saya berkata demikian kerana saya mempunyai pengalaman. Anak saya bersekolah di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Majlis PIBG yang saya hadiri, hari sukan sekolah yang saya hadiri, para hadirin, para ibu bapa yang datang berbilang kaum, tetapi

sayangnya, majlis itu tidak peduli langsung hampir telah menggunakan seratus peratus bahasa Mandarin, tidak menghormati tetamu. Kita umpama melukut di tepi gantang. Hak perlembagaan dan hak bahasa kebangsaan telah dinafikan oleh rakyat bangsa Malaysia sendiri. Saya katakan pada isteri saya, "kita ni macam kat Hong Kong ek?"

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, ini adalah cabaran besar, tapi kita, tapi kita kena mulakan dan kita boleh melakukannya, memetik ucapan dan kata-kata Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, "kita mesti ada iltizam politik dan ketegasan golongan pemerintah meletakkan kedudukan bahasa Malaysia pada tahap yang tinggi". Mengambil petikan ucapan kedua, dalam buku ini oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam tajuknya Politik Bahasa dan Bahasa Politik. Oleh itu kita di Negeri Johor ini, untuk Kerajaan Negeri, marilah kita mulakan. Semarakkan semula kempen Gunakanlah Bahasa Kebangsaan Kita. Kalau nak nyanyikan lagu gunakanlah bahasa kebangsaan kita ni pun, kita dah, mungkin sudah lupa.

Y.B. Timbalan Datuk Speaker : Yang Berhormat ingat lagi lagu tu?

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Gunakanlah bahasa kebangsaan kita. Jadi oleh itu, pastikan papan-papan tanda, utamakanlah Bahasa Malaysia. Banyak premis-premis kerajaan yang langsung tidak peduli, ikut suka mereka sahaja. Contohnya di Pekan Bukit Pasir di Pagoh, sebelah pusat khidmat saya, *Elizabeth Clinic and Surgery* bawahnya tulisan Mandarin. Pengunjung utama, pembeli, pengguna yang datang ke klinik majoritinya orang Melayu dan bangsa lain. Tapi, oleh kerana mungkin mereka tidak tahu guna hak mereka atau jenis tak kisah, tak sensitif, tak tahu istilah boikot, maka perkara itu terus berlanjutan. Pihak Majlis atau Majlis Kerajaan Tempatan haruslah membuat pemantauan, memberi teguran, begitu juga dengan surat menyurat dan urusan Kerajaan Negeri Johor, laporan-laporan, cadangan-cadangan perniagaan dan cadangan-cadangan projek yang ditujukan kepada Kerajaan Negeri hendaklah menggunakan Bahasa Malaysia atau diwajibkan ada satu salinan terjemahannya.

Yang Amat Berhormat Datuk Timbalan Speaker, perkara yang lain yang ingin saya utarakan dalam Dewan yang mulia ini, juga ialah tentang perlunya dipertahankan dan dipertingkatkan perpaduan antara kaum. Kita sedar bahawa sekolah adalah salah satu ejen. Ejen memainkan peranan yang begitu penting untuk anak-anak kita. Kita di sekolah kita kenal mengenal antara satu dengan lain. Faham berfaham, kita tahu bahawa majoriti anak Melayu ke sekolah kebangsaan. Anak-anak Cina dan India ke sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Saya ingin menyarankan di sini, anak-anak Melayu diberikan galakan untuk belajar di sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Wujudkanlah pra-pra sekolah untuk anak-anak Melayu yang akan memasuki sekolah-sekolah, sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Ini adalah pilihan ibu bapa. Tapi, bagi kita di Negeri Johor, Kerajaan Negeri Johor, satu inisiatif yang berencana. Mungkin kita *target*kan 30 peratus anak-anak Melayu akan mengorak langkah dari jumlah seluruhan pelajar belajar si sekolah-sekolah yang saya sebutkan tadi. Insya-Allah, seratus tahun akan datang, orang Melayu akan dapat juga berinteraksi dengan kaum lain, dapat memahami bahasa sahabat-sahabat kita dari kaum yang lain. Tidak seperti hari ini, saya juga

kecewa pada diri saya sendiri contohnya, saya langsung *zero* dengan izin, tidak tahu langsung berbahasa Mandarin dan Tamil. Perkataan yang saya hanya tahu ialah *ni hao ma* ataupun dengan izin, yang satu lagi ialah dalam bahasa Tamil *Nandre Vanekem*, dengan izin.

Y.B. Timbalan Datuk Speaker : Tamil.

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Yang Amat Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya juga ingin membacakan sedikit sahaja isu tempatan. Yang pertama ialah keadaan pencemaran alam angkara daripada kilang getah dan angkara daripada ladang penternakan ayam. Dan satu lagi ialah pencemaran alam angkara manusia. Pencemaran manusia. Pencemaran manusia yang saya maksudkan ialah dalam DUN Jorak adalah merupakan kawasan industri perabot. Kita boleh kenal Jorak sebagai lembah perabot atau *furniture valley* dengan izin, sesungguhnya tujuan kilang ini amat baik kerana banyak memberikan peluang pekerjaan. Tetapi sayangnya, Jorak juga telah menjadi, Jorak jugak telah menjadi lembah pekerja asing. Mereka tinggal di bangsal-bangsal, rumah-rumah kongsi yang amat tidak selesa, yang didirikan di atas kawasan tanah-tanah kampung, pembuangan sampah dengan tidak tentu arah limpahan najis dan air kumbahan, membasuh dan mengeringkan pakaian dan lain-lain basuhan dan ditambah dengan keadaan sosial mereka, kes jenayah membabitkan sesama mereka dan juga telah mengundang rasa kurang selesa penduduk setempat.

Pihak berkuasa yang bertanggungjawab membawa mereka masuk ke negara ini, haruslah membuat pemantauan, menentukan *standard* tertentu selain daripada gaji adalah menentukan tempat tinggal mereka, penempatan yang lebih selesa dan kemudahan asas yang sesuai. Jangan pekerja ini dilayan seperti haiwan dan hamba dan pihak syarikat hanya memikirkan soal keuntungan yang semata-mata dan tidak menghiraukan langsung kewajipan dan tanggungjawab sosial mereka terhadap pekerja asing ini. Tidak ada satu orang manusia pun yang sanggup hidup dan dilayan sedemikian rupa. Adalah lebih baik saya rasa, pekerja asing ini dihantar pulang ke negara mereka.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa cukup Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Shahruddin Bin Md. Salleh (Jorak) : Ada lagi setengah jam lagi. Dan syarikat berkenaan mengambil pekerja tempatan, sudah pastilah reaksi yang kita akan terima ialah orang tempatan tidak berminat, yang disebutkan oleh Yang Berhormat istilah 3D dan tidak ada cukup pekerja, mahu gaji yang lebih, tak boleh berbahasa Inggeris, banyak karenah dan macam-macam lagi.

Perkara kedua ialah soal pencemaran alam yang melibatkan soal kilang Lee Rubber di kawasan Temiang, yang mana telah menyebabkan isu kesihatan telah timbul di situ kerana kawasan tersebut adalah kawasan yang padat perumahan dan kawasan sekolah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mengakhirkan ucapan saya ini, kita memang sama-sama merasai tekanan hasil daripada kenaikan harga minyak, kos sara hidup yang meningkat, harga barang naik tapi ingat, peniaga tetap akan untung. Mereka menjual dengan harga yang lebih tinggi daripada yang

mereka terima. Kenaikan tepung satu kilo RM0.20, sekeping roti canai boleh naik RM0.10. Di mana-mana peniaga kata harga barang naik, salahkan kerajaan, ini kerajaan tak betul, tak prihatin, jangan sokong kerajaan. Saya katakan tadi bahawa peniaga tetap untung. Kita orang awam dahlah bayar mahal, kuasa politik pulak hilang. Jangan jadi macam Pak Kaduk. Akhir kalam Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, banyakkan takwa teguhkan iman, berbuat amal janganlah segan, hasutan pembangkang jangan turutkan, fitnah orang jangan dengarkan. Hemat cermat minum dan makan, kerana barang-barang mahal. Beringat-ingat bila berkenderaan, minyak dah mahal. Cermat, cermat dalam menyimpan, selagi kuat pikullah beban. Ini semua kita semua Wakil-Wakil Rakyat, selagi berdaya cari pengetahuan, selagi sihat selesaikan pekerjaan, selagi bernyawa ingatkan tuhan. Sekian sahaja Datuk Timbalan Speaker, saya amat menyokong rundingan menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan yang telah dibawa oleh Ahli Yang Berhormat DUN Kawasan Rengit. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Jemput Ahli yang lain. Kempas.

Y.B. Dato' Haji Osman Bin Haji Sapian (Kempas) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Dato' Haji Osman Bin Haji Sapian (Kempas) : Salam sejahtera dan selamat tengah hari. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas perkenannya Datuk Timbalan Speaker memberikan saya laluan untuk memberikan ucapan bagi menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda AlMutawakkil 'AlAllah Sultan Iskandar pada Majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-12 pada hari Khamis, 19 Jun 2008 ini.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, agak-agak nak berucap berapa lama?

Y.B. Dato' Haji Osman Bin Haji Sapian (Kempas) : Saya serahkanlah di atas budi bicara Yang Berhormat Datuk.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Kalau dua minit saya izinkan. (Dewan ketawa) Kalau lebih daripada dua minit, jemput duduk.

Y.B. Dato' Haji Osman Bin Sapian (Kempas) : Saya rasa kalau mengikutkan apa persediaan yang saya dah buat ini dua hari. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 25 Jun 2008, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KELIMA	RABU, 25 JUN 2008	BIL. 2 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia bte Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
Dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah bte Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
Dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M.Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman, KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusa Jaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah Binti Mansor,
(Penawar)

Y.B.Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof,
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Encik Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim,
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Goh Tee Tee, jemput.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1. [(a) Adakah Kerajaan Negeri telah bersedia menutup tapak pelupusan sampah Majlis Daerah Tangkak memindahkan ke lokasi baru? (b) Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan tapak pelupusan sampah sedia ada dalam negeri tidak mencemarkan sumber air? (c) Berapakah bilangan tapak pelupusan sampah yang telah dan akan ditutup dalam negeri sehingga tahun 2008?]

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Tang Nai Soon, jemput.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 2. [Masalah Tapak Pelupusan Sampah Pekan Nenas. Masalah bau busuk yang mengganggu dan mengancam kesihatan penduduk Taman Damai, Taman Sri Sentosa, Taman Seri Kiambang dan Kampung Baru Pekan Nenas adalah berpunca dari Tapak Pelupusan Sampah yang berdekatan. Bilakah rancangan untuk menutup tapak pelupusan sampah tersebut yang sudah penuh dan tidak sesuai beroperasi lagi itu dapat dilaksanakan?]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker**,** tapak pelupusan di Bekoh, Tangkak yang digunakan untuk melupuskan sisa pepejal daripada kawasan Majlis Daerah Tangkak akan mula ditutup, akan ditutup apabila tapak pelupusan sanitari yang kita cadangkan di Jorak dapat dibina sebagaimana cadangan Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat di dalam Pelan Induk Tapak Pelupusan Negeri Johor.

Tapak Pelupusan Bekoh Yang Berhormat Dato' Speaker, masih boleh digunakan untuk tempoh hanya satu tahun lagi. Walau bagaimana, kerja-kerja membaik pulih tapak itu perlu dilaksanakan dan permohonan peruntukan telah pun kita majukan kepada KPKT ataupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk perkara ini yang dianggar sejumlah RM436,000.00. Adalah menjadi harapan kita apabila terlaksananya tapak pelupusan baru yang dicadangkan di Jorak yang dalam bentuk sanitari itu, akan dapat mengatasi isu tapak pelupusan di daerah baru Ledang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri juga sedang berusaha untuk mendapatkan peruntukan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam usaha menaik taraf beberapa lagi tapak pelupusan terbuka yang masih kita gunakan di Negeri Johor. Di dalam Pelan Induk Tapak Pelupusan Bersepadu Negeri, kita merancang untuk membina hanya empat tapak pelupusan sanitari yang meliputi wilayah utara, tengah dan timur. Manakala bagi wilayah selatan negeri ini, tapak pelupusan sanitari telah pun beroperasi iaitu Tapak Pelupusan Sanitari Selong sejak tahun 2004 lagi. Bagi mengelakkan pencemaran sumber air dalam urusan pelupusan, pelupusan sampah ini ataupun sisa pepejal ini Yang Berhormat Dato' Speaker, kita menggunakan bahan EM ataupun *Effective Micro Organism* untuk kawalan bau dan mempercepatkan proses pengurusan penguraian, dilihat sebagai satu langkah jangka pendek dan segera bagi mengawal pencemaran yang berlaku. Agen-agen organik di dalam EM akan dapat membantu mengurangkan masalah bau sebagaimana yang telah dilaksanakannya dengan berjaya di negara-negara seperti Indonesia, Thailand dan Jepun. Walau bagaimana peruntukan khas daripada KPKT berkaitan kerja-kerja penyelenggaraan dan penutupan sebuah tapak pelupusan terbuka ini, dapat membantu kita untuk tempoh jangka masa yang panjang. Pembinaan stesen pemindahan ataupun *transfer station* dengan izin, di kawasan berhampiran tapak pelupusan yang sedia ada beroperasi juga dapat membantu kerja-kerja pemantauan dan penyelenggaraan selepas penutupan tapak pelupusan tersebut dibuat. Beberapa proses rawatan juga boleh diaplikasikan bagi mengurangkan kesan pencemaran sekiranya berlaku.

Pada masa ini di Negeri Johor mempunyai, kita mempunyai 14 tapak pelupusan yang digunakan untuk melupuskan sisa pepejal yang melibatkan keseluruhan PBT, di mana kesemua tapak pelupusan tersebut adalah tidak sanitari melainkan yang di Selong. Hampir semua tapak-tapak pelupusan tersebut dijangka akan mencapai tempoh jangka hayatnya dalam masa satu tahun hingga tiga tahun ini. Ini adalah kerana akibat peningkatan janaan sisa pepejal yang makin bertambah dari semasa ke semasa.

Kerajaan Negeri untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, telah pun mengemukakan cadangan di bawah pelan induk tadi berkenaan dengan pelupusan sisa pepejal ini kepada Kerajaan Pusat, di mana semua tapak pelupusan yang tidak sanitari di Negeri Johor akan ditutup secara berperingkat dan digantikan dengan hanya sepertimana yang saya sebut tadi, empat tapak pelupusan sanitari berpusat iaitu:

i. Di Jorak bagi wilayah utara negeri ini;
ii. Di Mersing bagi kawasan timur;
iii. Selong bagi kawasan selatan dan;
iv. Sebuah lagi di wilayah tengah.

Bagi wilayah tengah, kerajaan telah memutuskan, Kerajaan Negeri telah memutuskan agar sebuah tapak alternatif baru, wilayah tengah ni ialah di Bukit Bindu, dikenal pasti bagi menggantikan tapak pelupusan di Bukit Bindu yang telah pun dikenal pasti terlebih awal sebagai cadangan untuk tapak pelupusan sanitari tetapi tidak dapat dilaksanakan oleh kerana penolakan daripada penduduk tempatan.

Mulai tahun 1997 hingga Mei 2008, sebanyak 10 buah tapak pelupusan yang tidak sanitari yang telah kita tutup, iaitu dua di Pontian, dua lagi di Majlis Daerah Segamat, masing-masing satu di Majlis Perbandaran Batu Pahat dan juga Majlis Daerah Tangkak, Majlis Perbandaran Kulai, Majlis Perbandaran Muar, Majlis Daerah Yong Peng dan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan soalan yang dibangkit oleh ADUN Pekan Nenas, Yang Berhormat Pekan Nenas, lokasi tapak pelupusan sampah yang dimaksudkan terletak di Kampung Air Putih, jauhnya lebih kurang tiga kilometer daripada kawasan kediaman Taman Desa Seri Permai Pekan Nenas dan juga ada juga taman-taman perumahan yang lain yang berhampiran dengannya. Tapak pelupusan sampah seluas 12.86 ekar ini adalah merupakan satu-satunya tapak yang digunakan di Daerah Pontian sekarang. Dan juga bagi mengatasi masalah pencemaran bau yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, kita menggunakan kaedah EM itu tadi baru-baru ini.

Dan, selain daripada itu, satu juga mesyuarat telah diadakan di peringkat Majlis Daerah Pontian, bersama-sama dengan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara ataupun JPSN ringkasnya pada 14 Februari yang lalu dan telah membuat satu keputusan bahawa tapak pelupusan ini akan ditutup sebaik sahaja tapak baru kita dapat iaitu bersebelahan dengan tapak pelupusan sedia ada, tapak baru ini luasnya lebih kurang enam ekar yang akan dijadikan sebagai *transfer station* dengan izin, ataupun stesen pemindahan sisa pepejal bagi menempatkan sisa-sisa pepejal bagi kawasan Majlis Daerah Pontian, sebelum kita pindahkan ke tapak sanitari Selong yang sedia ada. Kos pembelian tanah dianggarkan RM554,000.00, manakala kos pembinaan *transfer station* itu tadi berjumlah RM7 juta. Segala perbelanjaan untuk mendapatkan tapak tersebut, kita telah mengemukakan permohonan peruntukan ini kepada Kerajaan Pusat melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat, 10 buah tapak pelupusan telah tutup. Apakah tindakan-tindakan yang akan diambil untuk mengadakan tapak pelupusan jangka pendek, sebab jangka panjang sudah rancang tetapi duit belum sampai. Dan ini telah menimbulkan masalah kepada penduduk-penduduk yang mana sampah sarap itu terpaksa dihantar ke tempat jauh, yang ini akan melibatkan kos perbelanjaan yang lebih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Saya kira ini tapak pelupusan yang di daerah Batu Pahat. Adakah itu maksud Yang Berhormat?

Y.B. Dato' Speaker : Tempat kat mana?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng): Khususnya di Yong Peng.

Y.B. Dato' Speaker : Yong Peng. Batu Pahatlah, Yong Peng.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Batu Pahat, daerah Batu Pahat. Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah pungutan sisa pepejal di daerah Batu Pahat adalah merupakan satu masalah yang sudah agak kritikal pada masa ini yang sedang kita hadapi. Kita telah mencadangkan Bukit Bindu sebagai tapak pelupusan sanitari, yang memang telah dikenal pasti terlebih awal, memang sesuai, salah satu daripada empat yang saya sebut tadi.

Satu kawasan di Bukit Bindu untuk dibangunkan sebagai tapak pelupusan sanitari mencontohi yang sedia ada di Seelong, yang keadaannya memang cukup, cukup eloklah setakat ini, setakat teknologi yang kita pakai. Tetapi oleh kerana bantahan daripada penduduk, kita sedang mencari satu tapak lain di, alternatif yang dicadangkan di, di Machap. Tetapi setelah kajian awal dibuat oleh pihak SWM dan jabatan agensi kerajaan yang berkenaan khususnya Jabatan Pelupusan Sisa Pepejal, maka telah didapati bahawa paras air tanah sedia ada di tempat itu terlalu tinggi dan tidak sesuai untuk dijadikan, tidak boleh dijadikan sebagai tapak pelupusan sampah. Pelupusan sisa pepejallah sanitari, yang sanitari. Jadi, kita masih lagi mencari tempat yang lain. Dan pada waktu sekarang, semua yang ada ini kita, kita, sisa pepejal daripada daerah Batu Pahat, terpaksa diangkat melalui satu perjalanan cukup jauh, selalu 70 kilometer di Machap untuk dibuang sampah daerah Batu Pahat ini, kita buang dekat situ dan mengambil masa tiga jam untuk setiap lori ulang alik termasuklah lori SWM atau lori kontraktor yang dibuat oleh SWM, ulang alik. Dan ini telah menjejaskan prestasi pemungutan sisa pepejal di daerah Batu Pahat.

Kita sedang, untuk makluman Dewan yang mulia ini, perkara ini pun telah kita angkat ke Kerajaan Persekutuan kerana sejak Akta Pelupusan Pengurusan Sisa Pepejal diluluskan di peringkat pusat. Ini telah, telah menjadi urusan, akan menjadi. Kita sekarang ini di peringkat interim. Peringkat interim pun yang dulunya dijangkakan dua tahun Yang Berhormat Dato' Speaker, sekarang sudah menjangkau lebih 10 tahun. Jadi itu, itu juga memberikan satu bebanan, bebanan kepada syarikat yang menjalankan pada konsortium yang telah diputuskan oleh Kerajaan Pusat untuk menjalankan urusan ini. Urusan masyarakat ini telah menjejaskan syarikat dan, dan lebih teruk lagi telah menjejaskan juga kaedah ataupun kerja-kerja pelupusan sisa pepejal di daerah Batu Pahat. Jadi, inilah permasalahan sedang kita hadapi dan kita telah angkat perkara ini kepada Kerajaan Pusat dan kita juga sekarang sedang berusaha untuk mencari tapak alternatif yang terbaru. Kita harap-haraplah Yang Berhormat yang berkenaan boleh bantu kita…

Y.B. Dato' Speaker : Ha… cari tapak.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Dicadangkan itu dapat diterima baik. Kita, kita cubalah atasi permasalahan ini supaya dapat masalah ini dapat kita. Kerana ini urusan kerajaan yang kita hadapi sekarang, urusan mentadbir masyarakat.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Parit Yaani.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Masalah berkenaan dengan bau busuk yang akan mengancam kesihatan. Adakah kita tersedar bahawa, bahawa punca utama bau busuk ini adalah daripada lori yang mengangkut sampah. Oleh kerana lori yang mengangkut sampah ini terlalu lama dan ketinggalan zaman, bila lori mengangkut sampah itu lalu sahaja, air kotor itu menitik dan juga beg plastik akan tercicir di sini sana sehingga semua orang marah. Dan bau itu kalau kita duduk dalam restoran, kita makan pun rasa bau itu, sehingga kita makan tak lalu, kurang selera dan tak senang hati nak makan juga. Saya rasa ini, adakah kerajaan ambil tindakan untuk merubahkan supaya tidak menimbulkan ketidakpuashatian di antara, di kalangan rakyat-rakyat ataupun penduduk-penduduk persekitaran. Sekian, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, permasalahan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Yaani itu adalah satu perkara yang memang, memang, memang saya tidak nafikan, ok. Kerana apabila kalau kita, kita, kita lihat, kalau boleh saya bagikan sedikit maklumatlah berkenaan dengan perkara ini. Yang dibangkitkan hanya satu perkara kecil iaitu masalah lelehan l*eachate* yang ada dalam lori-lori sampah ini, oleh kerana kompaktor yang digunakan lori, lori kompaktor yang digunakan itu sudah agak berumur terlalu panjang. Rata-rata apabila secara umumnya SWM mengambil alih jentera yang sedia ada daripada semua PBT, kita dapati bahawa kebanyakan umur-umur kenderaan itu pun ada yang sudah lebih 15 tahun.

Dan untuk makluman Majlis, pada ketika ini pukul ratalah lebih 70 peratus lori angkat sampahlah, senang pakai bahasa biasa, lori angkat sampah yang ada dengan SWM ini lebih 70 peratus sudah melebihi 15 tahun, perlu di, diperbaharui. Jadi memang itu merupakan satu, satu masalah, tetapi saya tidak menidakkan bahawa usaha telah juga dilakukan oleh SWM untuk memperbaiki pilihan ini kepada apa ini, apa ini lori-lori yang berkenaan. Tetapi memang belum ada kemampuan untuk membuat kebaikan secara menyeluruh ataupun membeli apa ni, kenderaan-kenderaan baru menggantikan, yang saya sebut tadi 70 *percent,* lebih 70 *percent*, 70 peratus kenderaan lori-lori sampah yang ada di dalam, dengan SWM syarikat ini yang sekarang dah tukar nama SWM Environment Sdn. Bhd. *Environment* patut diganti dengan kenderaan yang, yang terkinilah seelok-eloknya.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Y.B. Tangkak, *last* eh.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Memandangkan kita dah mengambil maju ke hadapan untuk mengatasi masalah sampah ini dengan menggunakan pusat sanitari seperti di Jorak ini. Soalan saya, kalau kita, kalau pusat sanitari di Jorak sudah beroperasi dan kenalah memerlukan satu pusat pemindahan dengan izinnya, *transfer centre* untuk mengumpulkan sampah dan hantar ke pusat sanitari Jorak. Soalan saya, di Tangkak dijangkakan dalam satu tahun dah penuh, adakah cadangan untuk membuat satu *transfer centre* atau dengan izinnya, atau tak payah. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Saya dah jelaskan tadi bahawa ikut cadangan yang dikemukakan kepada Kerajaan Pusat, hasil daripada laporan yang dibuat secara keseluruhan atas urusan pengurusan sisa pepejal ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, seelok-eloknya ialah, di mana sekarang ada tapak pelupusan secara terbuka ini atau *open land fill* yang sedia ada ini akan kita tutup. Dan bila hendak ditutup, dalam proses untuk tutup itu kita akan bina satu *transfer station,* seelok-eloknya di sebelah macam yang dijalankan sekarang di, di, di Jalan Taruka, Larkin, Jalan Taruka, Majlis Bandaraya, tempat Majlis Bandaraya melupuskan sisa pepejalnya telah pun ditutup secara keseluruhan dan sebuah *transfer station* dibina di kawasan yang sama. Jadi kerja pengurusan sisa pepejal dan kitar semula dalam *transfer station* dapat dijalankan dan di masa yang sama, pemantauan dan penyelenggaraan untuk menentukan cara penutupan *open land fill* yang ada itu dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya, dapat diawasi.

Dalam *transfer station,* sisa pepejal hanya disimpan paling lama sebanyak 24 jam, selepas itu akan dipindahkan Yang Berhormat Dato' Speaker, ke, sanitari *land fill* yang kita sebutkan itu tadi. Tetapi pembukaan *sanitari land fill* ini semua adalah bergantung sekarang kita sedang dalam proses menunggu keputusan muktamad daripada Kerajaan Pusat kerana urusan sisa pepejal secara keseluruhan di semua PBT akan diambil alih oleh jabatan tadi, pengurusan sisa pepejal iaitu Kerajaan Pusat dan apabila kita sedang menunggu urusan perbincangan peringkat akhir dan juga urusan-urusan perjanjian apa ini, perjanjian menanda untuk menentukan pengisian perjanjian yang akan ditentukan syarat-syaratnya, dan semua maklum balas mengenai kelemahan-kelemahan yang ada, yang sekarang dilakukan oleh pihak syarikat yang berkenaan. Semuanya telah kita maklumkan kepada Kerajaan Pusat dan kita sedang menunggu apakah keputusan yang terakhir ke arah untuk penswastaan penuh urusan sisa pepejal seluruh negara sebenarnya.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat. Ok, saya beri Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya nak mintak penjelasan spesifik iaitu tadi Yang Berhormat kata, dekat kawasan Johor Tengah iaitu Batu Pahat dan Yong Peng**,** tapak pelupusan baru itu mula-mula diletakkan dekat Bukit Bindu, itu merupakan satu tapak yang sesuai tapi dibantah oleh penduduk sana. Dan, tetapi tapak baru dekat Machap itu tak berapa sesuai sebab Yang Berhormat Pengerusi Kerajaan Perumahan yang lepas telah mengatakan pada tahun 2005, bahawa tapak baru akan di, di, disiapkan lepas tiga tahun. Tapi sekarang sudah lepas tiga tahun, adakah tapak baru boleh disiapkan dengan secepat mungkin.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, itulah menjadi harapan kita. Kita nak menyelesaikan perkara ini dengan sebaik yang mungkin. Kita dah cadangkan Bukit Bindu yang paling sesuai tapi ada *rejection,* dengan izin. Kita cari tapak baru di Machap. Keputusan kajian tak sesuai. Dahulu kerajaan dah berjanji tiga tahun. Jadi kita kesingkatan masa ini oleh kerana inilah, inilah

permasalahan apabila kita menghadapi kenyataan untuk menggerakkan urusan-urusan kerajaan. Saya sangat-sangat berharaplah, sekarang kita pun sedang berusaha untuk kalau boleh, kalau boleh dapat kerjasama daripada ADUN, daripada pihak yang berkenaan untuk kita melihat balik Bukit Bindu. Kerana ini urusan-urusan satu daerah, pelupusan sampah untuk satu daerah. Mungkin kita boleh cari jalan-jalan masuk pulak. Saya faham, bila sebut sampah saja semua orang akan rasa fobia. Saya pun nak tengok lori sampah. Sebab itu saya cakap dengan SWM, lori pun mesti cantik supaya *psychologically* dengan izin, masyarakat boleh menerima, mesti tidak ada lelehan. Masalah lelehan mesti hendak diselesaikan kerana bau *leachate* memang cukup teruk, hendak, hendak kalau dia meleleh sepanjang jalan. Jadi ini kita perlu, saya mintaklah kerjasama semua pihak. Kita menghadapi satu keadaan yang agak mencabar ketika ini. Kita, Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker dan Dewan yang mulia ini, kita pun sekarang ini sedang berusaha-usaha mencari. Di peringkat sekarang ini tengah cari lagi tapak ni, nak ganti. Bukan senang untuk mencari kawasan sekarang. Yalah, kita bolehlah cari dekat estet mana ke, kita akan cuba untuk membuat pengambilan balik tanah untuk urusan ini. Tapi, kalau nak cepat, memanglah kita mungkin terpaksa melihat balik Bukit Bindu, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, jemput.

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Assalamualaikum dan salam sejahtera, Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan 3. [Minta dinyatakan apakah program-program yang sedang dilaksanakan untuk memperkukuhkan pemasaran produk-produk pertanian yang diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil.]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, sepertimana kita bersama maklum, pada masa ini, sektor pertanian telah diletakkan sebagai enjin ketiga menjana pertumbuhan ekonomi negara. Manakala Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menjadikan pendekatan pertanian adalah perniagaan sebagai faktor penting bagi kumpulan petani, penternak, nelayan dan juga usahawan perusahaan kecil dan sederhana dalam mengeluarkan dan memasarkan produk-produk mereka secara lebih terancang dengan memenuhi tuntutan komersil sama ada dari aspek kuantiti mahupun kualiti.

Sebagai usaha membantu memperkukuhkan sektor pemasaran produk-produk pertanian yang diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil di negeri ini, pihak agensi yang diberi tanggungjawab adalah seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan ataupun FAMA. Dan telah pun mengambil usaha dan pendekatan secara langsung dan tidak langsung bagi memastikan jaminan pasaran dan harga yang lebih baik diperolehi, yang mana akhirnya akan dapat meningkatkan lagi taraf hidup para pekebun kecil atau petani. Antara langkah berkenaan termasuklah menjalin persefahaman dan perjanjian pemasaran bagi pengeluaran hasil pertanian dengan petani melalui Program Kontrak Ladang. Pada masa ini, terdapat 456 orang petani dengan keluasan kawasan pertanian berjumlah 1,750.05 hektar telah terlibat dengan program berkenaan. Program Kontrak Ladang yang dilaksanakan di Negeri Johor ini telah menumpukan kepada 29 jenis sayuran dan buah-buahan, di samping komoditi tambahan

seperti tebu, serai, keladi, sengkuang dan pulasan, yang telah dikenal pasti sebagai berpotensi untuk diusahakan dan dipasarkan.

Selain itu juga, bagi membangunkan Sistem Rantaian Pasaran yang lebih berkesan, pihak FAMA telah pun menubuhkan Pusat-Pusat Edaran Hasil Pertanian ataupun dikenali sebagai *Distribution Centre*, dengan izin. Bagi komoditi segar, sebanyak lima buah pusat edaran ini iaitu di Tampoi, Johor Bahru, Batu Pahat, Simpang Renggam, Tangkak dan Mersing. Dan, sebuah pusat yang sama juga bagi produk perusahaan kecil sederhana diwujudkan di Larkin, Johor Bahru. Sebagai langkah menangani lambakan buah-buahan bermusim pada tahun ini, pusat edaran bagi komoditi segar ini telah pun mengadakan perundingan bekalan dan pasaran dengan seramai 250 orang petani buah-buahan bermusim yang merupakan pendusun buah-buahan di negeri ini. Justeru itu, sebanyak 18 buah Gerai Buah-Buahan Segar atau GBBS telah diwujudkan di seluruh Negeri Johor sebagai pusat alternatif memasarkan buah-buahan bermusim dan tidak bermusim. Ianya akan ditampung oleh 48 buah lagi gerai sementara karnival buah-buahan di bandar dan pekan utama bagi menempatkan petani dan pendusun buah-buahan memasarkan terus hasil pengeluaran mereka kepada orang ramai.

Bagi memastikan bekalan durian secara *frozen* dapat dinikmati pada luar musim juga sebagai satu langkah membantu kestabilan harganya di pasaran, maka, pusat edaran di Tangkak telah dipilih sebagai pusat operasi pemprosesan durian sejuk beku untuk pasaran tempatan dan juga eksport. Sementara itu, bagi memastikan industri pengeluaran dan pemasaran tebu bagi tujuan eksport dapat dilestarikan sepenuhnya, sebuah pemprosesan dan pengeksportan tebu bernilai RM4.4 juta sedang dibangunkan di Semerah, Batu Pahat dan bakal beroperasi sepenuhnya menjelang hujung Julai 2008 ini. Pusat tersebut dijangka akan memberi faedah kepada 140 orang petani tebu dari kawasan sekitar Muar, Ledang dan Batu Pahat. Usaha juga telah dibuat sejak dua tahun lalu bagi menjadikan daerah Mersing sebagai kawasan pengeluaran utama rozel di Negeri Johor ini. Setakat ini seramai 42 orang petani rozel telah dibimbing sepenuhnya bagi mengeluarkan rozel yang bermutu tinggi. Adalah dijangkakan pada tahun ini, kumpulan petani berkenaan akan dapat memenuhi permintaan bekalan yang telah dirancang oleh FAMA sebanyak 300 metrik tan kaliks segar bagi tujuan eksport dan tempatan berbanding dengan 220 metrik tan pada tahun 2007 yang lalu.

Para petani dan pekebun kecil juga akan digalakkan untuk mewujudkan nilai tambah di dalam mempelbagaikan produk pengeluaran mereka. Penubuhan Pusat Pembangunan Produk ataupun lebih dikenali sebagai PUSPRO di Pusat Mengeluar Dan Memproses Makanan Rengit di Batu Pahat adalah merupakan satu mekanisme bagi membolehkan para petani yang ingin bergiat dalam pengeluaran produk IKS mendapat bimbingan dan tunjuk ajar dalam aspek pembungkusan dan penjenamaan produk. Para petani juga akan terus dipelawa menyertai pasar-pasar tani di negeri ini bersesuaian dengan kualiti dan hasil pertanian yang dikeluarkan. Dengan mensasar, memasarkan terus hasil keluaran mereka kepada pengguna, ianya sudah tentu akan dapat menjamin pulangan harga yang lebih baik di samping beroleh faedah dari transaksi perniagaan secara tunai. Pada masa ini terdapat 40 buah, 44 buah pasar tani dengan peserta seramai 15,490 orang di seluruh Negeri Johor.

Adalah dijangkakan pada tahun ini, ada penambahan sebanyak enam buah lagi pasar tani baru dengan penyertaan tambahan 360 orang petani, penternak dan nelayan serta usahawan PKS, akan terus dibuka untuk menjadikannya 50 buah, yang mana kelak merupakan jumlah yang terbanyak di dalam negara Malaysia ini.

Sehingga kini pewujudan operasi pasar tani kekal berada sebuah di Bukit Gambir iaitu Kompleks Pasar Tani Bukit Gambir, Muar yang melibatkan 34 orang peserta telah menerima sambutan yang baik dari kalangan pengguna serta para petani bagi memasarkan terus hasil keluaran mereka yang diusahakan di sekitar daerah Muar, Batu Pahat dan Segamat. Adalah diharapkan melalui perancangan dan penyediaan program-program serta projek yang akan dan sedang dilaksanakan ini akan dapat memberi faedah yang maksima kepada para petani dan pekebun di samping mendapat mengurangkan beban inflasi yang dialami bukan sahaja oleh mereka tetapi para pengguna di Negeri Johor ini. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Benut.

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Pertanian dan Industri Asas Tani. Bila kita bercakap soal pekebun-pekebun kecil, suka tak suka kita menghadapi satu persepsi di mana kesukaran timbul untuk mereka memasarkan produk-produk mereka kerana tidak memenuhi syarat-syarat pengeksportan ataupun memenuhi prosedur. Akhirnya, pekebun-pekebun kecil, Yang Berhormat Dato' Speaker, menghantar produk-produk mereka ke pasar tani, agro bazar, yang dianggap sebagai usaha, yang hanya sekadar dapat membantu dan menampung mereka. Jadi, untuk sepertimana yang telah diperkatakan oleh Pengerusi Pertanian tadi, untuk meningkatkan sama ada melalui FAMA atau FAMA Co. untuk meningkatkan tahap kualiti produk pekebun-pekebun kecil ini, untuk menembusi pasaran, apa program Yang Berhormat, atau tumpuan supaya mereka dapat beralih daripada 4,000 ni peserta, dapat beralih daripada pasar tani ataupun gerai-gerai FAMA dan agro bazar ni ke satu tahap yang dapat menambah lagi pendapatan-pendapatan mereka. Lebih-lebih lagi di Johor, kita semua dimaklumkan sebagai pengeluar terbesar buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman-tanaman kontan? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Terima kasih Yang Berhormat daripada Benut. Mengenai kesukaran pekebun kecil untuk menembusi pasaran antarabangsa, pihak FAMA telah mewujudkan apa yang dipanggil PUSPRO tadi, di mana produk-produk pekebun kecil boleh dihantar di PUSPRO ini dan diolah produk ini sehingga mencapai satu gred yang boleh diterima di peringkat antarabangsa. Di PUSPRO ini adalah satu pusat penyelidikan dan juga pembangunan untuk membangunkan produk-produk, untuk dipasarkan di peringkat antarabangsa. Sebagai contoh, di PUSPRO, produk-produk rozel daripada Mersing telah dihantar ke PUSPRO di Rengit dan diolah kerana PUSPRO di Rengit ini ada ISO 2002 dan juga amal GMP yang diiktiraf di peringkat dunia. Dan, produk rozel di Mersing ini telah diproses di Rengit dan telah dapat dieksport ke Australia, yang mana saya sebutkan tadi Australia memerlukan 300 metrik tan pada tahun ini. Sehingga hari ini, pihak PUSPRO pun belum mampu mendapat jumlah yang penuh. Ertinya, produk

daripada Mersing ini telah dapat dieksport ke Australia melalui program PUSPRO ini. Selain daripada itu juga, FAMA ada membuat pendekatan daripada Pasar Tani. Kita juga ada wujudkan Desa Raya. Desa Raya adalah satu tahap yang lebih tinggi daripada Pasar Tani yang mana ianya merupakan satu *mini market* secara tetap, kekal dan berada di lima buah tempat di Negeri Johor dan insya-Allah akan dikembangkan. Dan ini juga akan meningkatkan lagi produk-produk pasar, pekebun kecil untuk ditingkatkan mutu mereka. Terima kasih.

Y. B. Dato' Speaker : Tangkak.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Adakah buah durian dibenarkan eksport ke Negeri China kerana di Bandar Tangkak ada pengusaha yang hendak tanam secara besar-besaran dan kena mencari pasaran di Negeri China.

Y.B. Dato' Speaker : Ada?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai durian sejuk ini memang di Tangkak telah diwujudkan satu pusat edaran yang memproses durian sejuk untuk pasaran ke luar negara. Cuma saya tidak mendapat maklumat sama ada ia sampai ke Negeri China ataupun tidak tetapi yang jelas ianya memang untuk pasaran negara.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah. Yang Berhormat Encik Ayub bin Rahmat, jemput.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4. [Kerajaan memberi tumpuan ke arah mencapai kemiskinan tegar sifar dengan menetapkan tahun tertentu untuk mencapainya. Banyak program seperti SPKR serta Rumah Mesra Rakyat diwar-warkan. Berapa jumlah bilangan miskin dan miskin tegar untuk tempoh 6 bulan 2008 mengikut daerah dan jumlah yang terdapat dalam DUN Kemelah. (a) Beberapa jumlah bilangan miskin dan miskin tegar untuk tempoh 6 bulan 2008 mengikut daerah dan jumlah yang terdapat dalam DUN Kemelah. (b) Apakah bentuk penyelesaian untuk mengatasi permasalahan ini, kekangan dan prospek? (c) Berapakah jumlah daripada data di atas yang telah dibantu dan terkeluar dalam kelompok miskin, adakah kerajaan berpuas hati dengan pencapaian yang ada dan jika tidak, apakah ia berpunca akibat birokrasi?]

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Ja'affar bin Hashim, jemput.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 5.[Membela rakyat tetap menjadi keutamaan kerajaan Barisan Nasional dari dulu hingga kini. Di Johor misalnya telah menyelaraskan agensi-agensi kerajaan tertentu melalui *Focus Groups* agar bantuan dapat disalurkan kepada kumpulan sasar ini dengan lebih tersusun. (a) Apakah wajar dilibatkan bersama media dalam *Focus Groups* ini seperti TV3, RTM atau Best 104 dan sebagainya? (b) Berapa ramaikah kumpulan sasar yang terlibat dalam *Focous Groups* seluruh Negeri Johor?]

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, jemput.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat (Bukit Serampang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 6. [Sebagaimana yang kita maklum, kerajaan begitu komited dalam melaksanakan program pembasmian kemiskinan menjelang 2010. (a) Nyatakan keberkesanan perancangan strategi yang telah dibuat oleh Pasukan *Focus Groups* terdapat program pembasmian kemiskinan : i. Luar Bandar; ii. Kawasan PBT; iii. Masyarakat Orang Asli. (b) Berapakah perbelanjaan yang telah dibelanjakan untuk golongan sasar yang telah dikenal pasti.]

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Ng See Tiong, jemput.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 7. [Sejauh manakan langkah dan pemantauan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Johor supaya dapat mempercepatkan usaha memastikan penyertaan lebih seimbang dan saksama di kalangan semua lapisan masyarakat tidak kira kaum untuk meneruskan pelaksanaan strategi pertumbuhan bagi menghapuskan ketidakseimbangan sosioekonomi dan dipastikan tiada yang tercicir daripada arus pembangunan?]

Y.B. Dato' Speaker : Dan Yang Berhormat Tuan Haji Ayub bin Jamil, jemput.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 8. [Kemiskinan di Johor – Kerajaan merancang untuk membasmi kemiskinan tegar tanpa mengira kaum menjelang 2010. Bagaimana status kemiskinan tegar dan biasa di Johor? Sila nyatakan mengikut daerah. Apakah pelan tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi kemiskinan tegar dan kemiskinan biasa?]

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya untuk menjawab bersekali bagi soalan nombor 4, 5, 6 , 7 dan 8. Yang Berhormat Dato' Speaker, bila kita bicarakan tentang kemiskinan di negara kita ini, wajar di Dewan yang mulia ini untuk saya tegaskan bahawa kita merupakan sebuah negara di bawah pentadbiran kerajaan sepanjang 50 tahun ini yang telah berjaya mengatasi masalah kemiskinan di kalangan rakyat jelata.

Yang Berhormat Dato' Speaker, 50 tahun yang lalu kita merupakan sebuah negara di mana 50 peratus daripada rakyat jelata adalah ditakrifkan sebagai rakyat miskin lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar. Walhal, negara dalam keadaan yang menempa kekayaan, lebih-lebih lagi dalam bentuk hasil mahsul yang ada pada negara kita pada ketika itu. Dan kekayaan tersebut dikuasai oleh bukan sahaja penjajah sepanjang 100 tahun tetapi juga oleh pengusaha-pengusaha, peniaga-peniaga bersama-sama dengan penjajah Inggeris pada masa tersebut. Oleh itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita merupakan sebuah negara lebih kurang 40, 50 tahun yang lalu dalam keadaan di mana rakyat adalah miskin, maka wujud ketidakadilan dari segi pengagihan kekayaan yang ada dalam negara kita.

Jadi, alhamdulillah Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau saya katakan tadi bahawa dari segi faktanya lebih daripada 50 peratus rakyat negara kita miskin tetapi alhamdulillah pada hari ini kita pada paras 2007 di mana kemiskinan di Malaysia ialah pada paras 3.6 peratus di kalangan rakyat jelata. Dan di Johor

ialah pada paras 0.2 peratus. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, pada 10 tahun yang pertama di antara 57 hingga 70, Dato' Speaker, di mana keadaan pada masa tersebut tertakluk kepada semata-mata suasana pengaruh yang ada dalam sistem pasaran. Maka, ketidakadilan terus wujud, kemiskinan terus berlarutan. Itu 10 tahun pertama selepas kita merdeka 1957 - 1970. Dan sempena dengan Dasar Ekonomi Baru, Yang Berhormat Dato' Speaker, yang bermula pada tahun1970 yang menekankan kepada satu, Untuk membasmi kemiskinan. Kedua, untuk menegakkan keadilan di kalangan rakyat lebih-lebih lagi dari segi pengagihan yang ada dalam negara kita. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita bandingkan 100 tahun dalam kemiskinan lebih daripada 50 peratus rakyat di tanah air kita ini, tetapi dalam tempoh tak sampai 40 tahun, saya menjadi lebih terperinci 38 tahun, alhamdulillah kita berjaya mengatasi kemiskinan daripada 50 peratus kepada 3.6 peratus di kalangan rakyat Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada, itu latar belakangnya Dato' Speaker, kepada jawapan yang akan diberikan kepada soalan-soalan Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, bermakna Yang Berhormat Dato' Speaker, kita dah sampai kepada paras untuk kita membasmi kesemuanya kemiskinan ini lebih-lebih lagi kemiskinan tegar. Jadi, itu adalah soalan-soalan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dan, saya percaya Ahli Yang Berhormat berasa gembira kerana soalan yang dibangkitkan itu adalah untuk kita mengatasi saki baki kemiskinan, lebih-lebih lagi kemiskinan tegar yang ada dalam negara kita ini dan juga di Negeri Johor ini. Lebih-lebih lagi penekanan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengenai perkara ini dalam tempoh dua tahun yang terdekat ini. Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin saya maklumkan di sini bahawa matlamat Kerajaan ialah ke arah miskin tegar yang sifar, kosong peratus dan miskin am pada paras tidak lebih dua peratus. Dan memangnya tidak mengira kaum; insya-Allah sampai pada tahun 2010.

Oleh itu, Dato' Speaker, untuk mencapai matlamat ini maka *Focus Group* dengan izin, *Focus Group,* Kumpulan Tumpuan membasmi kemiskinan telah ditubuhkan di peringkat negara, negeri dan daerah. Dan, ada 5 strategi dirangka untuk oleh pihak Kumpulan Tumpuan ini di peringkat negeri untuk mengatasi masalah kemiskinan. Yang Pertamanya, Dato' Speaker, kita perlu mendapatkan maklumat yang lengkap mengenai kemiskinan. Dan kerajaan telah pun mengeluarkan arahan kepada Pejabat Daerah, Penguasa Tempatan supaya bancian terperinci dibuat terhadap keluarga miskin ini sama ada mereka yang berada di bandar ataupun di luar bandar ataupun di ladang ataupun di kalangan kampung Orang Asli. Dan kita telah dapatkan maklumat itu pada awal tahun ini dan diperincikan, alhamdulillah Yang Berhormat Dato' Speaker kita telah dapat satu data yang dikatakan kemas dan bersih tentang kumpulan sasaran tersebut.

Selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Speaker, Jemaah Menteri juga telah bersetuju bahawa pihak Jabatan Perangkaan melaksanakan satu bancian tentang miskin am dan miskin tegar supaya dapat dimasukkan dalam satu sistem di peringkat negara yang dipanggil E-Kasih, Elektronik Kasih dan sekarang ini sedang giat dilaksanakan. Insya-Allah di seluruh negara akan ada satu pangkalan data mengenai kemiskinan termasuklah data di Negeri Johor ini.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menyebut tentang beberapa strategi di antaranya ialah untuk menyediakan keperluan asas keluarga miskin. Sebelum saya menyebut tentang strategi tersebut Dato' Speaker, saya akan tegaskan di sini bahawa kita sudah tiba pada peringkat memperincikan kumpulan sasaran jadi kalau pihak Jabatan Perangkaan membuat bancian kita mengalu-alukan tetapi kita membuatnya secara tertumpu di mana Pegawai Daerah perlu, Ketua Kampung, Yang Dipertua Majlis Daerah dan Ahli Majlis betul-betul pergi sama ada di kampung, di ladang, di kampung Orang Asli, di bandar untuk kita mengesan keluarga miskin ini. Maka di antara strategi yang diambil adalah seperti berikut selain daripada keluarga miskin yang kita kenal pasti tadi. Ia berkaitan dengan, untuk kita pastikan bahawa keselesaan hidup keluarga miskin am dan miskin tegar diberi bantuan.

Di antaranya bantuan rumah dan ini akan diberi secara percuma kepada mereka yang telah dikenal pasti. Ada dua jenis bantuan rumah iaitu bina yang baru dengan kadar RM26,300.00 tiga bilik, RM22,300.00 dua bilik dan jikalau tidak perlu dibina baru sekadar untuk diberikan maksimum bantuan RM8,000.00. Dan dua tiga hari yang lalu, Yang Berhormat Menteri Luar Bandar, Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah mengatakan bahawa oleh sebab kos meningkat dia mencadangkan peruntukan itu dinaikkan kepada RM28,000.00.

Selain daripada itu, bagi keluarga yang tidak mempunyai tapak ataupun tanah, mereka akan di tempatkan secara berkelompok dalam satu program pembangunan masyarakat setempat. Dan kepada mereka yang duduk di bandar, maka bantuan sewaan bulan maksimum akan diberikan kepada mereka pada nilai RM124.00 sebulan kepada mereka yang layak. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam hal ini, kita mempunyai kes yang mana ada keluarga yang mungkin juga cukup pendapatannya mungkin pada paras kemiskinan tetapi memerlukan, dalam keadaan rumah yang daif maka ini adalah satu peruntukan yang sengaja disalurkan untuk tujuan mereka dapat hidup dalam keadaan yang selesa di rumah yang agak pada mutu yang lebih baik lagi untuk mereka nikmati.

Keduanya Dato' Speaker, untuk kita mempertingkatkan dan, mempertingkatkan dan mempelbagaikan sumber pendapatan keluarga miskin sama ada am ataupun yang tegar. Dan di bawah program peningkatan pendapatan bantuan berbentuk peralatan mesin, ruang niaga, bahan mentah, bengkel, latihan akan diberikan kepada mereka yang mempunyai bakat dan berminat untuk menguasai kemahirannya, kemahiran lebih lagi di kalangan ketua isi rumah, miskin dan yang tegar yang produktif dan jugak ahli isi rumah itu sendiri. Dan di antara bidang yang mungkin boleh diceburi ialah dalam projek ekonomi, sama ada yang berasaskan kepada sumber asas tani, perniagaan ataupun secara kecil-kecilan. Dan juga dalam bidang perkhidmatan. Sementara itu pula bagi keluarga isi rumah yang tidak produktif, yang dah berumur, yang tak mampu untuk membangunkan kerjaya, maka bantuan bulanan secara berterusan akan terus disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama dan juga daripada FELCRA. Dan sementara itu pula, jika sekiranya ada ahli keluarga dalam kalangan isi keluarga yang berkenaan, maka mereka boleh menyertai program peningkatan pendapatan seperti yang saya sebutkan sebentar tadi.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi pendekatan ialah membangunkan Modal Insan melalui latihan dan kemahiran dan juga motivasi. Sementara itu Dato' Speaker, kita perlu pastikan bahawa berlakunya pemantauan secara berkesan dan berterusan untuk memastikan projek membasmi kemiskinan dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Oleh itu *The Focus Group,* dengan izin, di peringkat pusat, di peringkat negeri dan daerah akan sentiasa membuat pemantauan tentang keluarga-keluarga yang berkenaan secara berterusan. Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, kita juga akan terus membuat pemetaan kemiskinan ataupun *property mapping,* dengan izin, untuk kita bangunkan kerana Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tidak menidakkan kemungkinan dalam tempoh-tempoh tertentu ada yang mungkin terlepas daripada garis paras kemiskinan, ada juga mungkin kerana sebab-sebab tertentu yang berlaku dalam keluarga itu sendiri maka jatuh pula di bawah garis paras kemiskinan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, statistik perangkaan yang terkini Mei 2008 ini di Negeri Johor, seramai 9,492 ketua isi rumah yang dikatakan dalam, pada paras Miskin Am, dan seramai 4,847 keluarga terjatuh dalam kategori Miskin Tegar. Ini adalah hasil daripada mencari mereka di kampung, mencari mereka di bandar dan seterusnya di ladang-ladang dan juga di kampung-kampung Orang Asli. Untuk Dewan yang Mulia ini, saya ingin memaklumkan bahawa ada pecahannya mengikut daerah, ada pecahannya mengikut mukim, dan kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat berminat ada pecahannya mengikut kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri, jadi saya mohon tidak membacanya satu demi satu Yang Berhormat Dato' Speaker, ia akan mengambil masa kerana pada hari ini kita ada 10 daerah.

Y.B. Dato' Speaker : Tambah dua ya, lupa pulak.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Mengenai peruntukan Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang Mulia ini, insya-Allah Yang Berhormat Dato' Speaker, dari segi peruntukan untuk mengatasi sepenuhnya kemiskinan tegar ini, dan juga kemiskinan am ini dari segi peruntukkannya, dia sewajarnya tidak menjadi satu masalah kerana kita bertekad dan kita mempunyai komitmen untuk betul-betul membasminya. Sama ada peruntukan itu datang daripada pihak Kerajaan Negeri, datangnya daripada pihak jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan dan khususnya datang secara khas, datang daripada pihak Jabatan Perdana Menteri itu sendiri. Jadi itu jaminan yang dapat saya berikan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi itulah di antaranya latar belakang kepada tindakan, pelan tindakan yang ada pada pihak kerajaan bukan sahaja di Negeri Johor bahkan di seluruh negara. Jadi, alhamdulillahlah di Negeri Johor ini kita mempunyai paras kemiskinan tegar miskin yang sudah pun boleh dikatakan begitu kecil sekali bilangannya sehinggakan kita tahu siapa nama dia, di mana alamat dia, di mana rumah dia, jadi kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya percaya Ahli Yang Berhormat dengan rasa penuh prihatin akan dapat mengesan keluarga-keluarga ini dan menyampaikan bantuan secara langsung ataupun melalui kerjasama dengan pihak jabatan yang akan membangunkan kegiatan ekonomi di kalangan keluarga-keluarga yang berkenaan. Jadi, Yang

Berhormat Dato' Speaker, ini adalah satu rekod yang ada pada pihak kerajaan sejak 50 tahun, lebih lagi 40 tahun, 38 tahun sejak dasar itu baru dilaksanakan di negara kita ini. Bahawa kita negara yang telah berjaya membela kepentingan rakyat, lebih-lebih lagi rakyat yang miskin dan membawa jugak satu suasana masyarakat yang lebih adil menikmati kekayaan ini, oleh semua lapisan rakyat di negara kita ini.

Y.B. Dato' Speaker : Kempas, Kempas.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Terima kasih Dato' Speaker, keikhlasan dan juga keseriusan kerajaan dalam, untuk melaksanakan pembasmian kemiskinan ini adalah amat disanjung dan juga dipuji. Dan insya-Allah kita berdoa, supaya pendekatan yang dibuat ini akan dapat direalisasikan selewat-lewatnya tahun 2010 nanti sebagaimana *target* yang diberikan oleh kerajaan. Tapi untuk melaksanakan segala tanggungjawab yang sebegini baik dan sebegini rupa ialah memerlukan juga keseriusan dalam soal pelaksana. Saya kadang-kadang, sehingga sampai ke tahap mempertikaikan juga tentang pelaksanaan, saya mengambil contoh umpamanya kemiskinan di bandar di dalam kawasan saya seumpamanya, walaupun rata-rata kadar mereka yang tinggal di kawasan bandar ini adalah tahap sederhana tetapi masih juga ada yang miskin dalam soal ini. Jadi untuk menyahut akan seruan yang dibuat oleh kerajaan ini, saya berusaha juga dalam mengenal pasti mereka-mereka yang di kategori sebagai miskin dan miskin tegar. Pada tahun lepas saya pun bermula pendekatan untuk mengenal pasti serta mengumpul…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat nak soal apa ni? Dia tak boleh Yang Berhormat hurai, ini Yang Berhormat macam berhujah tetapi dalam ucapan bolehlah. Yang ini Yang Berhormat bertanya pelaksana yang nak segera apa *direct* terus, tak boleh panjang, dia *limitkan* masa.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya faham.

Y.B. Dato' Speaker : Ada faham berhentilah.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Sebab kalau saya nak bangun saya tak dapat, jadi saya mengambil masa sedikitlah…

Y.B. Dato' Speaker : Tak boleh, dia dalam soalan tambahan Yang Berhormat, dia tak boleh bercakap macam ucapan dasar apa ke atau bahas, ucapan belanjawan itu boleh, tetapi khusus soalan bertulis, jawab lisan, Yang Berhormat khusus, cakap sikit *point* dia lepas tu tuju soalan. Bolehkah Kerajaan gini-gini tu je. Dia bukan Yang Berhormat oh… untuk 10 minit, 15 minit tak habis Yang Berhormat bercakap. Saya kena *limitkan*, kalau tak saya tak benarkan.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Terima kasih, saya akan ingat pada diri saya itu semua. Apa yang saya maksudkan tadi ialah ada lebih kurang 100 lebih permohonan yang telah saya bawa dan kemukakan kepada pihak yang sepatutnya menguruskan tetapi sehingga hari ini masih belum lagi ada lagi jawapan yang positif dalam untuk melaksanakan perkara ini. Setelah saya amat-amati kerana pelaksana ini tidak ada satu mekanisme yang tepat dan tegas untuk melaksanakan. Apa yang saya lihat pada hari ini hanya

bergantung semata-mata kepada kakitangan sambilan sama ada di Pejabat Daerah ataupun Pihak Berkuasa Tempatan. Apakah pendekatan kerajaan untuk merealisasikan perkara ini, sama ada untuk menubuhkan satu jabatan khusus bagi menangani perkara ini atau tidak? Terima kasih.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, yang pertamanya, saya hendak merujuk kepada 100 yang telah pun dikenal pasti oleh Yang Berhormat daripada Kempas, yang pertamanya kalau 100 itu di bandar ditakrifkan miskin kepada paras Miskin Am jika sekiranya pendapatan keluarga kurang daripada RM663.00. Dan sekarang ini, diberikan satu garis kemiskinan pada paras garis kemiskinan di bandar, kemiskinan Am RM740.00. Dan per kapita, maknanya kalau ada berapa keluarga di situ, maka per kapitanya kurang daripada RM185.00 per kapita. Dan ini ditakrifkan sebegitu rupa di dalamnya terkandung kepada dua perkara penting, satu ialah dari segi keperluan makanan yang berdasarkan kepada keperluan untuk keluarga dan bukan makanan. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau yang tegar di bandar ialah dia punya pendapatan sekeluarga tak lebih RM420.00 dan per kapitanya RM100.00 sebulan. Jadi, saya serahkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk melihat 100 keluarga yang telah disebutkan tadi sama ada padankah dengan garis paras kemiskinan, itu satu.

Kedua, Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah kita ni di peringkat daerah kelebihan yang ada dalam sistem pentadbiran di negara kita ini Yang Berhormat Speaker, ada di peringkat negeri dan ada juga di peringkat daerah dan ada di mukim, ada di kampung. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya, saya mempunyai keyakinan bahawa melalui Pejabat Daerah melalui Penghulunya, melalui Ketua Kampungnya. Dan kalau Ahli–Ahli Yang Berhormat hendak bersama-sama, apa salahnya untuk sama-sama menyediakan. Saya melihat kalaulah di kampung saya tu, saya sebagai Wakil Rakyat memang ada orang jumpa saya kerana minta bantuan, jadi di kampung saya sendiri pun sewajarnyalah Ketua Kampung saya tahu, sama ada jiran dia di sebelah ataupun dua, tiga rumah dia. Sepatutnya dia tahulah untuk mengesan keluarga yang miskin yang ada di kampung dia.

Jadi, yang Berhormat Dato' Speaker, saya, saya mempunyai keyakinan bahawa melalui Pejabat Daerah, melalui Penghulunya, melalui Ketua Kampungnya dan kalau Ahli Yang Berhormat nak bersama-sama apa salahnya untuk bersama-sama menyediakan. Saya melihat kalaulah di kampung saya tu, saya sebagai Wakil Rakyat, memang ada orang jumpa saya kerana minta bantuan. Jadi, di kampung saya sendiri pun sewajarnyalah Ketua Kampung saya tahu sama ada jiran di sebelah ke ataupun 2, 3 rumah dia. Sepatutnya dia tahulah untuk mengesan keluarga yang miskin yang ada di kampung dia.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, itu sebabnya kita mengharapkan jentera yang ada pada kerajaan ini di peringkat akar umbi untuk betul-betul memperincikan tentang keluarga miskin itu termasuklah yang di bandar ini. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi, kalau saya nak ambillah apa tu cadangan daripada Yang Berhormat dari Kempas wujudkan satu jabatan, saya ingat nak membiayai jabatan itu sendiri pun saya rasa akan menelan belanja yang boleh disalurkan secara langsung untuk membantu orang miskin. Jadi, saya percaya, tapi kalau ada katakan bukan, mungkin terlepas pandang,

mungkin agaknya tapi saya harap itu tidak berlaku, *you know* , tidak ada terlepas pandang sengaja ke, jadi, kalau ada yang tak sengaja terlepas pandang maka sepatutnya boleh dimuatkan semula. Itu sebab saya katakan tadi, tidak nyatakan bahawa had perangkaan yang saya sebutkan tadi adalah sebenarnya muktamad. Ada turun naiknya berdasarkan kepada mungkin apa yang berlaku.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya sebut perangkaan tadi, sebelum kenaikan harga minyak ini, paras garis kemiskinan ialah 663 di bandar, sekarang ni dinaikkan kepada 740. Itu yang berlaku di peringkat ekonomi keseluruhannya, tetapi mungkin juga berlaku dalam sesuatu keluarga, ada kematian ke, ada yang dalam keadaan yang uzur ke yang berlaku dalam sesuatu keluarga yang menyebabkan dia pada satu ketika terlepas daripada garis, garis kemiskinan mungkin jatuh kerana sesuatu berlaku dalam keluarga itu sendiri.

Y.B. Dato' Speaker : Beri sana. Maharani.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya tertarik dengan Program Rumah Mesra Rakyat yang disebut tadi:

i. Saya ingin tahulah sasaran mereka yang layak, sasaran dan syarat-syarat untuk mereka layak untuk memohon rumah mesra rakyat.
ii. Di manakah borang-borang ini boleh didapati? Buat makluman, kenyataan akhbar daripada Syarikat Perumahan Negara menyebut bahawa borang-borang ini boleh didapati daripada Wakil-Wakil Rakyat. Tapi, saya setakat ini belum ada borang tu.
iii. Saya dimaklumkan ada pemohon yang mengatakan borang ini terpaksa beli. Sekian, terima kasih.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, yang akhir tu saya, ini dakyah, jadi kalau kita panjang-panjangkan perkara yang tak betul, rasanya tak elok juga Dato' Speaker. Tidak ada borang yang perlu dibeli.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tegaskan di sini, saya beralih sedikit daripada kemiskinan kepada mesra rakyat. Mesra rakyat ni bukanlah orang miskin, Dato' Speaker. Mesra rakyat ini orang yang ada tanah, orang yang mampu untuk membayar bulanan untuk membina rumah-rumah mesra rakyat. Jadi, ini satu program Yang Berhormat Dato' Speaker, bukan sahaja untuk orang miskin tetapi orang-orang yang mampu rumah. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat daripada Maharani, Syarikat Perumahan Kerajaan menyediakan peruntukan di mana masyarakat tempatan boleh mohon untuk, untuk memiliki rumah sempena dengan Projek Mesra Rakyat di mana bayaran bulanan pada paras yang begitu rendah sekali. Kalau tak salah saya tak sampai pun RM50.00 ke RM100.00 terpulang kepada nilai rumah yang dipilih oleh pihak yang berkenaan. Tetapi memerlukan satu tapak yang, yang, yang sahih miliknya untuk dirikan rumah. Jadi, ini satu program yang agak popular di Negeri Johor.

Sekarangkan Yang Berhormat Dato' Speaker kita di Negeri Johor ini kita ada sedikit kelainan. Kita menganjurkan masyarakat kampung untuk pilih buat rumah reka bentuknya Rumah Limas, kalau bolehlah. Jadi, kerana Rumah

Limas ini di atas kalaulah berlaku banjir biasa ke, banjir luar biasa ke, mungkin rumah kita sekurang-kurangnya 6 kaki di atas, di atas bumi. Jadi, dan mungkin harga, kita dah buat satu cadangan untuk reka bentuk bahawa Rumah Limas tak semestinya menggunakan kayu. Rumah Limas menggunakan konkrit, sama ada tiangnya, lantainya, dindingnya, tapi rupalah rumah, rumah orang Johor. Berbeza dengan rumah di letak atas tanah yang rupa bentuknya tak tentu arah, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Jadi, ini mungkin penambahbaikan kalau ada persetujuan daripada pihak keluarga hendak membina rumah menggunakan kemudahan rumah Mesra Rakyat ini dengan persetujuan daripada pihak Syarikat Perumahan Negara untuk membina rumah untuk keluarga di peringkat tempatan.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah, Bukit Serampang.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, di antara golongan sasar dalam membasmi program kemiskinan ini ialah masyarakat Orang Asli. Kalau kita, contoh baru-baru ini kita dalam tv pun ada keluar Danga, bagaimana masyarakat Orang Asli yang susah ini dan termasuklah di kawasan saya sebagai contoh terdapat perkampungan Orang Asli dan dalam ini hal yang mengaitkan dengan Orang Asli adalah masalah rumah. Rata-rata 80 *percent* saya rasa masyarakat Orang Asli ini ialah masalah yang melanda mereka ialah dari segi rumah. Sampai, maaf saya kalau digunakan perkataan Penan Dato', dai cakap dengan saya, Dato'...

Y.B. Dato' Speaker : Apa?

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Orang Asli cakap dengan saya Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Dia teriak, Yang Berhormat apa?

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Dia cakap, 'rumah saya siang dan malam hujan pun sama basah,' kata dia, Jadi, dia bermaksudnya menunjukkan susah dia tu.

Y.B. Dato' Speaker : Bocorlah tu.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Di dalam konteks ini, apabila kita bawa dalam Mesyuarat Jawatankuasa di peringkat *Focus Group* dengan izin tadi, di antara kekangan yang berlaku ialah dari segi kewangan, Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Jadi, soalan Yang Berhormat apa?

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Jadi, sejauh mana kerajaan memperuntukkan kewangan dalam proses membantu masyarakat Orang Asli ini? Adakah dia menjadi *target* ini maknanya satu tahun 2 ke, 3 ke, ataupun sebagaimana untuk membantu masyarakat orang asli yang saya katakan 80 peratus daripada mereka ini memang berlaku masalah kesusahan terutama dalam hal rumah ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Orang-Orang asli.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dah sebutkan empat kumpulan tadi, di luar bandar, di bandar dan di ladang dan juga di perkampungan Orang Asli. Saya sedia maklum bahawa peruntukan secara langsung untuk tujuan tersebut daripada kementerian ke Jabatan Orang Asli memanglah terlalu terhad sangat. Jadi oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin saya memberi jaminan di sini, dalam Dewan yang Mulia ini, bahawa dalam hal untuk membasmi kemiskinan kita akan memberikan, mengambil pendekatan untuk melampaui sama ada kemampuan ataupun pendekatan yang biasa digunakan oleh pihak jabatan masyarakat Orang Asli. Jadi, ini satu , satu *action plan,* dengan izin, ke arah untuk betul-betul kita mengatasi masalah kemiskinan di peringkat negeri dan kita menerima hakikat bahawa di antara masyarakat di mana paras kemiskinan itu di antara yang tinggi ialah di kalangan masyarakat Orang Asli.

Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, dua tahun adalah tertumpu ke arah mengatasi masalah, termasuk masyarakat Orang Asli lebih daripada apa yang pernah dibuat pada masa-masa yang lalu.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Koh Chee Chai, dijemput.

Y.B. Encik Koh Chee Chai (Penggaram) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 9. [Kampung-kampung tradisional dan pinggir bandar masih memerlukan bantuan untuk projek-projek kecil pembangunan infrastruktur dari Kerajaan. Berapa banyak peruntukan yang diberikan kepada Pejabat Daerah bagi tujuan yang tersebut dari Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri?]

Y.B. Dato' Speaker : Jemput Yang Berhormat, nak jawab.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi tahun ini Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan di kawasan Dewan Undangan Negeri Penggaram sebanyak RM412,000.00 bagi 9 projek iaitu 4 projek berjumlah RM120,000.00 di bawah Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam dan 5 projek berjumlah RM292,000.00 di bawah Infrastruktur Asas. Projek Infrastruktur Awam meliputi skop penyelenggaraan dan baik pulih infrastruktur dan kemudahan awam Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, dan Pihak Berkuasa Tempatan. Ini merangkumi projek-projek penyelenggaraan surau, balai raya, taman permainan dan dewan orang ramai.

Bagi Projek Infrastruktur Asas, projek yang diluluskan meliputi kerja-kerja bina baru dan baik pulih kemudahan seperti jalan kampung, jalan pertanian, jambatan, parit serta longkang di kawasan luar bandar. Dan projek-projek yang sedang dilaksanakan oleh Pejabat Daerah Batu Pahat dalam DUN Penggaram seperti

kerja-kerja naik taraf Asrama Yayasan Pendidikan Negeri, bagi daerah Batu Pahat, kerja-kerja naik taraf di Masjid Jamek Bukit Pasir, kerja-kerja menaik taraf ruang solat Masjid Kampung Parit Ismail, Mukim 4 Tongkang Pecah dan juga kerja-kerja membaik pulih Surau Kampung Parit Tebing Tinggi, Tongkang Pechah Batu Pahat. Itu bagi projek-projek Infrastruktur Awam. Dan bagi Projek-Projek Infrastruktur Asas di DUN Penggaram, membina jambatan Parit 11 Kampung Sungai Buloh, Mukim 9, membina jambatan Lorong Arifin, Linau Besar Mukim 5 dan kerja-kerja membina jambatan MTB di Parit Balak Mukim 9 serta kerja-kerja membina pembetung kotak Jalan Parit Syaaban ke Taman Bilal Mukim 5 dan naik taraf longkang bagi Sekolah Kebangsaan Seri Banang Mukim 9.

Di bawah Program Ameniti Sosial , seperti membina baru balai raya, pondok bas dan juga kemudahan awam lain, sehingga kini sebanyak 12 projek bernilai RM144,000.00 telah diluluskan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dalam kawasan Parlimen Batu Pahat. Dan, kesemua projek-projek tersebut sedang dalam pelaksanaan Pejabat Daerah Batu Pahat. Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada DUN Penggaram, bagi daerah Batu Pahat, peruntukan, keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan adalah berjumlah RM6,286,000.00.

Y.B. Dato' Speaker : Dah habis masa ya. Mana-mana soalan lisan yang disenaraikan belum dijawab akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama ini. Perbahasan diteruskan.

JURUTULIS : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli Yang Berhormat, saya nak ingatkan, oleh sebab perbahasan untuk Ahli Yang Berhormat ada lagi cuma 4 hari je, dan ramai lagi yang belum berucap, jadi saya harap Ahli Yang Berhormat yang nak berucap dapatlah memendekkan dan juga apabila saya arahkan sampai masanya diharap dapat ditamatkan ucapannya kerana nak beri peluang Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain yang masih belum lagi dapat berucap. Jadi, saya beri masa dalam lebih kurang antara 15 minit ya seorang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula, jemput.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Salam sejahtera dan selamat pagi. Terdahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Dato' Speaker kerana mengizinkan saya untuk saya menyambung ucapan yang saya baru cakap 20 perkataan semalam dan saya harap..

Y.B. Dato' Speaker : Mmm… 20 ke? Siapa kira?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya kira sendiri.

Y.B. Dato' Speaker : Yang nak bercakap kalau kira boleh jadi sepuluh. Ok teruskan. Masa tetap 15 minit.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Kita amat bersyukur selepas kita mencapai kemerdekaan lebih daripada 50 tahun, kita dapat tinggal di sebuah negara Malaysia yang amat kita cintai ini dengan aman makmur, sejahtera dan bahagia. Ini adalah asas perjuangan daripada generasi-generasi yang terdahulu daripada kita. Berkemungkinan besar kebanyakan mereka ini walaupun sudah berhempas pulas telah merealisasikan akan kehendak masyarakat berbilang kaum pada satu ketika sebelum kita merdeka, mereka tidak merasai akan segala kebahagiaan dan kenikmatan yang kita rasai seperti hari ini. Negara kita yang dijajah lebih daripada 480 tahun oleh berbagai-bagai penjajah pada ketika dahulu meninggalkan negara kita ini dalam keadaan yang begitu daif bukan sahaja hasil masyhur yang ada di perut bumi di negara kita ini dirampas dan dibawa balik ke dalam, kepada negeri mereka, jauh sekali ilmu, apa yang ditinggalkan kepada rakyat negara Malaysia, negara Malaya pada ketika itu ialah kemiskinan semata-mata. Tetapi, dengan tekad, kerjasama dan juga kesefahaman yang jitu di kalangan masyarakat majmuk di Malaya pada ketika itu, walaupun kita tidak mempunyai hasil masyhur dan juga kepakaran serta kepandaian yang amat baik, kita telah mampu, mampu untuk membangunkan negara Malaysia yang kita cintai ini sebagaimana yang kita rasai dan kita lihat pada hari ini. Ini bukan sahaja hasil daripada perjuangan mereka-mereka yang terdahulu daripada kita tetapi ini juga adalah hasil perjuangan kerajaan, Kerajaan Barisan Nasional, UMNO dan juga di kalangan parti-parti komponen yang ada di dalam negara kita ini.

Di samping itu juga, adalah semangat setia kawan dan kerjasama di kalangan masyarakat majmuk yang cintakan keamanan. Kita tanya apakah tanggungjawab kita. Kalaulah tanggungjawab orang-orang yang terdahulu daripada kita telah pun direalisasikan dan kita menikmati pada hari ini, kita tanya diri kita apakah tanggungjawab kita. Tanggungjawab kita pada hari ini ialah untuk membuat satu kesinambungan, kesinambungan supaya dapat kita lihat dan generasi-generasi yang akan datang nanti merasai bukan sahaja sekarang apa yang ada pada hari ini bahkan lebih daripada apa yang kita nikmati pada hari ini. Oleh itu, selain daripada kita perlu bekerja kuat, perlu mencetuskan idea-idea yang baik, membantu pihak kerajaan untuk melaksanakan perancangan-perancangan yang telah pun disusun atur kita juga perlu bekerjasama dan menyatupadukan di antara kaum di dalam negara kita ini.

Saya rasa di kalangan mereka-mereka yang pandai dan bijak serta menjadi kaya-raya dan menjadi cerdik pandai hari ini tidak lari daripada menerima akan tempias dan juga segala perkara-perkara yang telah diberikan oleh kerajaan yang diberikan mandat oleh rakyat lebih daripada 49 tahun dahulu iaitu Kerajaan Barisan Nasional. Tetapi hari ini malang sekali. Di kalangan mereka-mereka yang menerima segala kemanfaatan dalam soal kebaikan ini, segelintir daripada mereka cuba menidakkan bahkan mereka cuba memecahbelahkan perpaduan yang sedia wujud di kalangan masyarakat dan kaum di dalam negara kita ini, kerana semata-mata ada kepentingan peribadi, kerana mencari *political mileage*, kerana ingin menjadikan jaguhan, jaguhan saya rasa bukanlah boleh diiktiraf sebagai satu jaguhan yang baik tetapi jaguhan tengik

semata-mata. Saya mengambil contoh, sebenarnya saya tidak berhak untuk menjawab ataupun mengupas akan segala perkara yang berlaku kerana saya sebagai Wakil Rakyat biasa sahaja. Saya mengambil contoh baru-baru ini, sebuah parti pembangkang telah pun memutar belitkan fakta tentang status kedudukan setinggan atau dalam erti kata mereka-mereka yang membuat rumah bukan di atas tanah kepunyaan mereka di kawasan saya di Kempas. Juga telah dikeluarkan di dada akhbar pada hari semalam, saya tunjukkan di sini Yang Berhormat Dato' Speaker, "Kami Setinggan Kempas Mahu Tanah".

Y.B. Dato' Speaker : Surat khabar apa tu?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Surat khabar Utusan edisi Johor. Sebenarnya mereka-mereka yang mengadakan piket ataupun tunjuk perasaan ini adalah mereka-mereka bukan sahaja yang tidak tahu usul periksa latar belakang dan mereka-mereka juga bukan sahaja buta mata tetapi juga buta hati. Kenapa saya katakan begitu? Saya, selama saya menjadi Wakil Rakyat di kawasan Kempas ini dah masuk tiga penggal dan insya-Allah akan masuk empat penggal. (Ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Perdana Menteri ke, dah tentu ya?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya tadi kata insya-Allah. Saya tak kata mesti.

Y.B. Dato' Speaker : Ha... yalah. Tapi cara cakap macam ya..

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Telah banyak, bukan sahaja membuat pendekatan-pendekatan yang baik tetapi juga mengatasi perkara-perkara yang dirasai, yang tidak dinikmati oleh masyarakat sebegini rupa. Pada tahun 1997, Kabinet telah mengeluarkan arahan supaya SAJ dan juga TNB tidak membekalkan bekalan air dan api untuk semua setinggan-setinggan yang berada di Kempas, tetapi saya membawanya dalam Mesyuarat Tindakan Daerah atas dasar peri kemanusiaan Pegawai Daerah dan juga Ahli Jawatankuasa Tindakan Daerah meluluskan untuk memberikan bekalan api dan air tetapi bersyarat:

i. Mereka tidak akan menuntut apa-apa pampasan.
ii. Kalau kita membuat ataupun memberi rumah-rumah murah, mereka bersedialah untuk pergi ke sana.

Tetapi malang, hari ini oleh kerana ada segelintir masyarakat ataupun segelintir mereka yang tidak tahu, yang buta hati dan juga buta mata serupa mengapi-apikan masyarakat yang sudah pun berada di dalam keadaan bukan sahaja menyokong kita tetapi juga sentiasa bekerjasama, untuk mencari kepentingan dan juga *political mileage*.

Selain daripada itu, saya dan juga rakan-rakan lain berusaha bagaimanakah untuk kita menempatkan mereka ini supaya dapat menikmati pembangunan setelah kita mencapai kemerdekaan 50 tahun dengan bekalan api dan juga keseluruhan prasarana yang cukup. Pada tahun 2001, saya cuba mencari jalan untuk menyelesaikannya supaya mereka ini kalau dapat rumah dan sebagainya

tidaklah berpindah keluar daripada kawasan saya. Alhamdulillah, pendekatan dan juga yang dibuat oleh saya dan juga Kerajaan Negeri Johor, kita telah berjaya mendapatkan peruntukan sebanyak RM129.4 juta untuk membina 2,242 unit, 3 bilik 2 bilik air, surau, tadika, taman permainan dan sebagainya dapat diwujudkan pada hari ini, semata-mata untuk membela nasib setinggan yang berada di Kempas ini. Selain daripada berbagai-bagai projek, ekonomi yang dibuat untuk membantu mereka ini supaya mereka bukan sahaja dapat tinggal di rumah yang selesa tetapi juga dalam soal mencari nafkah mereka dapat bersama-sama untuk merasai kenikmatannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada itu, bagaimana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi, kita juga memberikan segala bantuan kalau mereka berada di paras kemiskinan dengan bantuan sara hidup dan sebagainya. Jadi inilah perkara-perkara yang telah pun kita buat. Dan mereka-mereka yang mengadakan tunjuk perasaan ini bukanlah orang tempatan Kempas tetapi adalah orang-orang yang diimport termasuklah bekas calon yang bertanding melawan saya yang kalah pada dua hari lepas. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya banyak lagi yang saya nak nyatakan tetapi sekadar itu sebab masa tidak mengizinkan saya. Yang keduanya, tentang, tentang kedudukan 12 rumah kedai di bandar Tampoi, yang ada juga di kalangan mereka yang cuba mencari *political mileage,* sebenarnya perkara ini sebelum ada mereka yang cuba untuk menjadi jaguhan, saya sudah lama memperjuangkan hak mereka, termasuklah kedudukan bandar yang terbiar 23 tahun yang sentiasa saya membawa perkara itu untuk disegerakan pembangunannya oleh pihak Johor Corporation umpamanya. Alhamdulillah, hari ini walaupun kata-kata saya itu telah pun saya laungkan beberapa kali dapat juga direalisasikan pada hari ini. Dan dalam tempoh yang terdekat bandar Tampoi juga akan menjadi satu bandar tarikan pelancong pada satu ketika nanti. Itu sebab ada di kalangan kedai-kedai yang buruk yang telah pun uzur, kalau terletak di tengah-tengah bandar pembangunan yang pesat bukan sahaja tidak cantik tetapi juga mencacatkan pandangan.

Oleh itu, saya juga telah memberikan nasihat kepada mereka supaya mereka dapat membangunkan semula kedai-kedai yang sebegitu rupa. Cuma satu sahaja permasalahannya, ialah status tanah. Memang benar mereka telah pun tinggal di situ selama lebih daripada 40 tahun dan ada lesen-lesen TOL yang telah pun dikeluarkan pada satu ketika dahulu, tetapi mereka tidak membuat satu susulan untuk memohon supaya tanah-tanah yang diduduki itu lama, yang begitu lama dapat diberikan hak milik. Jadi perkara itu sudah terlepas tetapi saya masih lagi tidak puas hati dan pada bulan dua belas, saya telah pun menulis surat kepada Johor Corporation dan juga kepada Kerajaan Negeri Johor supaya dapat dipertimbangkan balik akan permohonan yang tergantung begitu lama atau cara yang keduanya memberikan pajakan selama 10 tahun ataupun 15 tahun, sekurang-kurangnya mereka dapat mendirikan dan daripada kos yang mereka memperbaharui kedai itu dapat diambil balik kalau mereka membuat perniagaan dalam tempoh sebegitu rupa. Jadi sehingga hari ini, belum ada jawapan lagi yang saya terima daripada pihak Johor Corporation tentang segala perancangan dan juga permohonan yang saya

buat itu. Jadi tidak payahlah ada di kalangan mereka yang cuba hendak memutarbelitkan di dalam kawasan saya ini, konon-kononnya nak menjadi jaguan. Itu sahaja Yang Berhormat Dato' Speaker. Seterusnya saya ingin...

Y.B. Dato' Speaker : Ingat dah habis. Itu sahaja makna nak berhenti. Ok ada lagi sikit masa.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya juga selaku Wakil Rakyat ingin untuk menyatakan sesuatu pandangan dan juga idea bagi pihak kerajaan dan juga mereka-mereka yang bersangkut-paut dalam soal ini. Pertamanya, kalau kita lihat pada hari ini banyak perkara-perkara ataupun projek-projek yang dilaksanakan oleh kerajaan, iaitu di dalam keadaan sebegini rupa projek-projek yang telah pun didirikan begitu lama masih lagi belum dapat di guna pakai oleh orang ramai. Seperti saya lihat contoh Taman Merdeka umpamanya, Gerbang Perdana umpamanya dan beberapa lagi projek yang memakan belanja begitu banyak tetapi belum dapat disempurnakan dan juga digunakan oleh orang ramai. Jadi, saya nak tahu bilakah projek-projek ini boleh digunakan, faedahnya kepada orang ramai.

Y.B. Dato' Speaker : Kat mana Yang Berhormat. Tempat mana tadi.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Taman Merdeka.

Y.B. Dato' Speaker : Kat mana Taman Merdeka tu?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas): Kalau tak silap saya, dekat dengan rumah sahabat saya Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh mata saya pun keliru sikit.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas): Jadi saya harap kerana itu telah menjadi tanda tanya daripada rakyat kerana kos untuk membangunkan projek itu sebanyak RM17 juta. Yang keduanya, saya ingin nyatakan di sini, tentang pada hari semalam, kita nampaknya begitu hebat untuk memberikan soalan tambahan kepada Exco Pelancongan kerana sebab saya pun tak dapat, jadi saya ingin nyatakan di sini. Kalau kita lihat di Melaka adalah sebuah negeri yang kecil, tetapi dalam soal untuk mendapatkan pelancong luar terutamanya daripada Indonesia, Melaka memang kita katakan berjaya. Salah satu daripada sebabnya berjaya kerana kalau ada di kalangan pelancong yang datang daripada Indonesia untuk sama ada pelancong perubatan atau pelancong pendidikan, mereka tidak dikenakan wang fiskal sebanyak RM500.00. Tetapi kalau ada pelancong yang datang daripada Indonesia umpamanya untuk datang terus ke Johor Bahru bagi pihak Kerajaan Indonesia akan mengenakan wang fiskal sebanyak RM500.00. Ini juga boleh membantutkan kedatangan pelancong Indonesia akan terus datang ke mari. Saya cadangkan supaya kerajaan membuat satu pendekatan sebagaimana yang digunakan oleh Kerajaan Melaka bagi menarik pelancong-pelancong daripada Indonesia terus datang.

Y.B. Dato' Speaker : Dari Melaka, Indonesia yang kenakan ke, Negeri Melaka kecualikan.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Indonesia yang kenakan tetapi mereka ada perundingan sehingga Kerajaan Indonesia tidak mengenakan bayaran kepada rakyat mereka untuk datang. Itu sebab kita tengok pelancong-pelancong sama ada perubatan, pendidikan dan sebagainya suka datang ke Indonesia. Jadi, mengapa kita tidak mengenakan pendekatan untuk menarik pelancong Indonesia datang ke Negeri Johor ini dan insya-Allah kalau pihak Kerajaan Indonesia kita berunding dengan dia, tidak dikenakan bayaran kita juga akan menerima manfaat yang tinggi suatu hari nanti.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada itu, saya lihat pada setiap hari begitu ramai di kalangan pelajar-pelajar kita daripada sekolah-sekolah rendah yang rakyat Negeri Johor tinggal di Johor, ibu bapanya di Johor tetapi bersekolah di sebelah jiran kita ini iaitu Singapura. Saya membuat statistik lebih kurang 15,000 anak-anak daripada darjah satu dan sehinggalah setinggi-tinggi tingkatan belajar di Singapura. Apa yang saya bimbangkan ialah tentang kesetiaan kepada negeri kita. Kalaulah didikan awal mereka tidak kita didik dengan Rukun Negara kita, dengan menghayati lagu negara kita, dengan budaya kita, melainkan semasa kecil mereka ini semata-mata disuapkan dengan budaya negara yang lain daripada kita, maka sudah tentulah apa akan terjadi dengan anak-anak kecil yang begitu ramai pada hari ini belajar di Singapura. Saya cadangkan supaya Kerajaan mengambil satu pendekatan kerana kita memandang masa yang panjang, pendekatan yang sebaik mungkin dengan syarat-syarat yang kita rasa tidak menyusahkan kedua belah pihak. Apa yang kita mahu lihat supaya mereka-mereka ini satu hari nanti mereka sudah dewasa dan berkemungkinan mereka ini menjadi pemimpin, menjadi Ahli Politik dan sebagainya supaya mereka mengkiblatkan pandangan mereka ke negara kita. Ketaatsetiaan mereka juga kepada negara kita tanpa berbelah bagi. Jadi, saya harap satu pendekatan yang baik perlu dilakukan oleh kerajaan dalam untuk kita menangani fenomena seperti ini yang berlaku pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada itu, saya juga ingin untuk menyatakan sesuatu tentang begitu banyak tanah-tanah yang dipunyai oleh Kerajaan Singapura. Saya mengambil contoh seperti tanah PUB, *Public Authorities Board* di dalam kawasan saya ribuan ekar. Di mana kita lihat takungan-takungan air yang dipunyai oleh Kerajaan Singapura di tiga tempat iaitu di Ulu Choh, Batu 9 dan juga di Kangkar begitu besar. Tetapi cukai yang kita kenakan kepada Kerajaan Singapura ke atas tanah ini adalah berstatus cukai pertanian. Sedangkan air yang diambil, yang disedut daripada tempat kita ini bukan sahaja kita mendapat royalti yang begitu kecil tetapi cukai yang kita kenakan adalah hanya semata-mata berlandaskan cukai pertanian. Sedangkan air yang diambil daripada kita ini bukan sahaja digunakan untuk kemudahan rakyat mereka, bahkan dijual dengan kapal-kapal dan juga mereka-mereka yang memerlukan dengan harga komersil. Mengapa kita tidak menaikkan cukai-cukai yang bertaraf pertanian ini kepada cukai-cukai yang bertaraf komersil seperti…

Y.B. Dato' Speaker : Belum habis perjanjian dia tu agaknya. Nak dekat habis tak?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Tak, ini soal cukai.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Cukai tanah mungkin. Yang kita katakan itu tentang perjanjian royalti air. Jadi, saya harap mestilah ada pendekatan untuk kita bukan sahaja menambahkan lagi pendapatan negeri kita, tetapi juga pendapatan negara kerana kalau kita lihat mengambil contoh tanah yang dahulunya kepunyaan kita sebagai pangkalan *Navy* sehingga kita tidak mampu untuk kita membiayainya kerana Kerajaan Singapura telah menaikkan cukai berlipat-lipat kali ganda, mengapa kita tidak sedar akan perbuatan yang menindas kita terhadap negara jiran yang tidak berhati perut itu. Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat masa dah lebih 15 minit. Betul ni dekat 20.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Terima kasih banyak Dato' Speaker, sebenarnya banyak lagi perkara-perkara yang saya ingin nyatakan di sini.

Y.B. Dato' Speaker : Tapi Yang Berhormat,

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya akur dan taat setia. Mudah-mudahan di kali yang lain saya akan peluang yang lebih luas lagi. Jadi dengan itu saya menyokong perbahasan titah ucapan Baginda AlMutawakkil yang telah dibawa oleh sahabat saya Yang Berhormat daripada Rengit. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dah 10 tahun paling panjang Yang Berhormat bercakap daripada yang lain-lain. Sebab Itu saya ambil kira itu ha'ah. Ya nak apa Moi. Oh mahu berucap ya. Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri. Oklah.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Terima kasih. Selamat pagi dan salam sejahtera. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang untuk saya menyertai perbahasan pada pagi yang mulia ini. Ke Bukit Timbalan membawa ubi, untuk diberi kepada Ahli Dewan Undangan Negeri, rakyat mengeluh kerana inflasi, bagaimana Dewan Negeri dapat mengatasi.

Y.B. Dato' Speaker : Ehm, bila Yang berhormat buat pantun ni?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Semalam.

Y.B. Dato' Speaker : Oh semalam. Takda tidur semalam?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Tak.

Y.B. Dato' Speaker : Ah. Habis, suami takda marah?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Takda, saya tidur di hotel.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah, sambil pantun.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kenaikan harga bahan api. Semenjak 5 Jun tahun ini, harga petrol telah naik 78 sen seliter iaitu harga lama RM1.92 telah melonjak ke RM2.70 bersamaan dengan 40 peratus kenaikan harga. Harga diesel telah naik RM1.00 seliter iaitu harga lama RM1.58 telah melonjak ke RM2.58 seliter bersamaan 63 peratus kenaikan harga. Kenaikan harga kedua-dua bahan api sangat memeranjatkan kerana rakyat tidak bersedia dengan kenaikan harga yang mendadak-dadak dan begitu banyaknya. Impak kenaikan bahan api tersebut, maka berlakunya inflasi. Baru-baru ini ada seorang pengilang seramik telah mengeluh bahawa kos pengeluaran kilang seramik telah naik berlipat ganda dan beliau akan kerugian besar sebanyak tiga buah kereta Mercedes sebulan. Anggaran kerugiannya.

Y.B. Dato' Speaker : Apa pula Yang Berhormat kira dengan kereta pula?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ha yalah.

Y.B. Dato' Speaker : Saya pun hairan tiga buah kereta, ada Mercedes yang 4000 pun ada.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Mercedes barulah

Y.B. Dato' Speaker : Yalah tu. Macam-macam Mercedes jaga. Ha yalah.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Oleh sebab kilang tersebut adalah hasil titik peluhnya, beliau enggan nak tutup kilang tersebut. Yang Berhormat Dato' Speaker, cuba bayangkan, bagaimana si pengilang meneruskan perniagaannya, mengurangkan perbelanjaan dengan mengurangkan pekerja iaitu *retrenchment* dengan izinnya. Apakah terjadi kepada mereka-mereka yang kehilangan kerja mendadak-dadak. Adakah ini akan mewujudkan pusingan buruk ataupun *vicious* cycle yang mana penganggur-penganggur terpaksa curi, rompak untuk mengisi perut. *A hungry man is a dangerous man,* dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : Apa Yang Berhormat tak dengar tu. Bahasa Inggeris.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Hungry *man is a dangerous man.*

Y.B. Dato' Speaker : Ya ke?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : *Hungry man danger,* oh bahayalah. Bulan puasa saya *hungry* takda *danger.* (Dewan ketawa).

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng): Itu bulan puasa berapa jam.

Y.B. Dato' Speaker : Tak *danger*, baik sahaja. Ha yalah.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Sebab lepas puasakan buka puasa, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah, lama. Oh dari pukul 6.00 pagi, 6.00 petang tak makan.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Tapi ada orang yang lapar berturut-turut berapa hari dah tak boleh tahan Dato' .

Y.B. Dato' Speaker : Tengok Yang Berhormat lagi *danger kan*. (Dewan ketawa). Yalah. Oklah.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Orang yang kebuluran adalah orang yang bahaya. Keselamatan penduduk-penduduk adalah terancam. Negeri kita akan aman sentosa apabila rakyat cukup makan dan hidup selesa. Bagi ibu-ibu masalah besar ialah harga susu, beras, minyak, gula, tepung naik harga. Apabila saya masuk ke kampung, saya dapat rintihan dari orang kampung iaitu harga barang sudah naik. Dan, ini adalah satu sebab yang mana Barisan Nasional kehilangan undi atas isu tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, negara kita adalah pengeluar petrol. Saya tidak faham kenapakah harga bahan api dinaikkan begitu banyak dan mendadak sekali. Apakah langkah-langkah boleh diambil oleh Kerajaan bagi mencari bahan api alternatif seperti *biofuel*, NGV dan sekarang ini *hidrofuel* supaya mengurangkan beban rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, juga dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa pemasangan pam minyak berasingan untuk jualan minyak kepada kereta asing. Saya cadangkan supaya menggunakan kad *prepaid* minyak sebagai ganti kepada pam minyak untuk menjimatkan perbelanjaan pemasangan tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Lagi murah ya, pakai kad *prepaid*.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ya, ya. Kalau nak pasang itu mesinkan mahal, Yang Berhormat Dato'. Makanan ayam, baja dan racun. Harga bahan makanan ayam telah melonjak dari RM26.00 sebeg sehingga RM90.00 sebeg. Harga naik tiga kali ganda.

Y.B. Dato' Speaker : Hm.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Harga ayam pula harga kawalan dijual dengan harga RM5.00 hingga RM6.00, ayam bersih. Ayam hidup RM4.70 sekilo tidak termasuk kos pengangkutan.

Y.B. Dato' Speaker : Hm.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Boleh dicadangkan supaya makanan ayam dijadikan barang kawalan untuk menjaga kebajikan penternak. Sebab, ayam, harga ayam nak jadi harga kawalan tetapi makan, makanan ayam tak jadi bahan kawalan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ayam barang kawalan.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ha, tapi bahan makanan tak jadi bahan makanan, bahan kawalan.

Y.B. Dato' Speaker : Telur? Telur dikawal tak?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Telur kawal tak?

Y.B. Dato' Speaker : Eh, Yang Berhormat tanya dia pula. Saya tanya Yang Berhormat. Yalah, takut dikawal kalau telur besar macam mana, telur kecil macam mana. (Dewan ketawa). Ha, yalah, ok.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Walaupun diberi jawapan oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani bahawa insentif akan diberi sebanyak RM0.28 seekor bagi penternak komersil melebihi 20,000 ekor, ini tidak akan berbaloi dengan kenaikan harga bahan makanan ayam. Adalah dikhuatiri bahawa ramai penternak akan gulung tikar sekiranya masalah tersebut tidak diatasi. Harga baja import tahun 2007, RM71.00 satu beg bagi berat tan 50 kilo. Tahun ini RM175.00 sebeg. Bermakna kenaikan harga ataupun peratus kenaikan 146 peratus. Harga baja tempatan tahun lepas RM45.00 sebeg tahun ini telah melonjak ke RM120.00 sebeg.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, memang *check*, betul punya.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Betul, betul.

Y.B. Dato' Speaker : Naik dia.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Saya sudah *check* dengan kedai. Semua dah *check*. Bermakna naik 167 peratus. Harga racun rumput tempatan 41 peratus, slysophate, tahun lepas harga RM180.00 bagi 20 liter, tapi tahun ini sudah naik RM420.00, naik 133 peratus. Saya merayu agar kerajaan dapat mempertimbangkan membenarkan Persatuan Peniaga Baja dan Racun Negeri Johor boleh menyimpan stok baja sebanyak 4,000 beg bagi setiap kedai bagi menyenangkan mereka membekalkan baja kepada pekebun-pekebun kecil. Cukai Winfall bagi kelapa sawit. Telah difahamkan cukai winfall akan dikenakan pada CPO yang melebih harga RM2,000.00 setan dengan kadar 15 peratus. Cukai tersebut akan membebankan pekebun-pekebun kecil memandangkan baja sudah naik harga, racun sudah naik harga berlipat ganda. *Women Empowerment and Gender Sensitization*, dengan izinnya, dari, umur dari 15 tahun hingga 65 tahun, 49.85 peratus adalah wanita dan bakinya 50.13 peratus adalah lelaki.

Y.B. Dato' Speaker : Macam mana Yang Berhormat kira?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Saya sudah *check* dengan internet.

Y.B. Dato' Speaker : Internet ya? Perempuan lebih ya?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ha, kalau umur 15 hingga 65 tahun, perempuan 49.85. lelaki lebih sikit, 50.13 peratus.

Y.B. Dato' Speaker : Yang perempuan umur berapa lebih?

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ha, perempuan kurang sikit. Satu *percent* ini macam. Kurang satu *percent* dari lelaki.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ok.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Pada tahun 2005, Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa 30 peratus kuota bagi pangkat tinggi atau *decision making position*, dengan izinnya perlu diisikan oleh wanita. Saya ingin mengetahui adakah kuota ini telah tercapai. Ini juga menjadi contoh yang baik bagi sektor swasta mengikuti.

Masalah air di Negeri Johor. Saya ingin, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin merujuk tentang perbahasan oleh Yang Berhormat Skudai, sepertimana dalam verbatim pada 23 Jun, muka surat 34 baris ke 10 bahawa kegagalan Kerajaan Negeri memelihara alam sekitar di dalam negeri ini. Kemusnahan alam sekitar bukan sahaja menjejaskan pelancongan ekologi tetapi juga mengakibatkan banjir-banjir serta kekurangan sumber-sumber air. Misalnya, kekurangan sumber bekalan air telah berlaku di Yong Peng, Batu Pahat dan Kluang pada pertengahan tahun 2005.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin membetulkan Y.B. Skudai bahawa saya adalah Adun Yong Peng dan saya arif dengan apa yang saya buat di kawasan saya. (Dewan bertepuk). Saya tak perlu dia suarakan bagi pihak saya.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ini sudah baiklah. Lelaki sama perempuan lawanlah.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Saya nak betulkan beliau iaitu kekurangan sumber bekalan air pada masa tersebut bukanlah disebabkan oleh kekurangan air. Ini adalah berpunca dari air mentah, *raw water*, dengan izinnya mengalir melalui kawasan-kawasan tanah gambut sebelum sampai ke loji air menyebabkan air menjadi masam ataupun *acidic*, *pH* dia jatuh dan *pH* antara 2 hingga 3 peratus dan susah dirawat di loji air. Dan, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang mengadakan projek bernilai RM150 juta bagi bekalan air secara terus dari Empangan Bekok ke Loji Air Yong Peng 1 dan 2, Parit Raja dan Sri Gading melalui 2 paip besar tersebut. Oleh sebab itu, saya minta tolong projek yang hampir siap 97 peratus itu minta disempurnakan. Dan, saya minta tolong Yang Berhormat yang berkenaan tolong buat *homework* sebelum buat kenyataan dalam Dewan yang mulia ini. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Minta maaf Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Nak betulkan apa?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Boleh? Nak jawab dia.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, Yang Berhormat nak betulkan apa? Dia tak boleh hujah ya. Dia berucap, tak boleh Yang Berhormat nak jawab, habis dia pun jawab, tak ada. Dia tak ada perbahasan ya. Dia cuma kalau dia ada salah, Yang Berhormat cakap A, dia pergi B, itu bolehlah dibetulkan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Saya buat sedikit penjelasan boleh tak?

Y.B. Dato' Speaker : Tak boleh Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tak boleh, tak apa.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat bagus, ikut perintah.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Perkara-perkara yang perlu diatasi di DUN Yong Peng, saya minta tolong iaitu banjir kilat di Taman Jelita, Taman Cenderawasih, Jalan Hokkien, Yong Peng, walaupun permohonan telah dipohon oleh Majlis Daerah Yong Peng kepada KPKT, tetapi peruntukan masih belum sampai, saya minta tolonglah untuk membantu saya.

Keduanya, pembinaan tangki besar di Taman Kota Yong Peng minta dipercepatkan untuk menampung keperluan harian. Permohonan tapak rumah di Kg. Baru, Kangkar Baru, Lam Lee dan Yong Peng diminta dipercepatkan. Permohonan tapak rumah di Kg. Melayu, Kangkar Baru minta dipercepatkan. Tapak pelupusan jangka pendek dan jangka panjang untuk PBT Yong Peng perlu dipercepatkan memandangkan sampah sarap dihantar ke Labis memerlukan perbelanjaan yang lebih tinggi. Mempercepatkan pembinaan SRJKC Yong Peng 2 di tapak baru. Mempercepatkan pembinaan Klinik Kesihatan KK3 di tapak baru. Meminta peruntukan tambahan bagi Majlis Daerah Yong Peng bagi menyempurnakan menaik taraf jalan di kawasan industri Yong Peng dan jalan ke Taman Kota Mas. Diminta mempercepatkan pembinaan sekolah agama di Kg. Parit Awang. Sebab saya adalah ADUN Barisan Nasional juga prihatin dengan kehendak kaum Melayu.

Y.B. Dato' Speaker : Semua Yang Berhormat, bukan Yang Berhormat seorang.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Ya. Diminta mempercepatkan pembinaan SRJK Tamil di tapak baru. Diminta mempercepatkan pembinaan bangunan PDK sebab tapak sudah ada. Dengan itu, ADUN Yong Peng menyokong. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, Yang Berhormat, lepas ini Yang Berhormat dengan ADUN Skudai minum kopi, bincanglah ya. Selesaikanlah. (Dewan ketawa).

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Terima kasih.

Y.B. Dato'Speaker : Ok, perbahasan diterus lagi. Siapa nak berucap?

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Salam sejahtera dan selamat pagi.

Y.B. Dato' Speaker : Jemput, Jementah.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu izinkan saya untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan menjunjung kasih atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan Johor di Dewan yang mulia ini. Sesungguhnya hasrat Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku yang mahukan Ahli-Ahli Dewan Negeri menjalankan tugas dengan jujur, ikhlas, memahami hasrat serta harapan rakyat haruslah menjadikan satu iktibar kepada semua Ahli-Ahli Dewan Negeri untuk berkhidmat dengan Bersih, Cekap dan Amanah demi kepentingan dan rakyat dan negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang terus diberi amanah oleh rakyat Johor dalam Pilihan Raya Umum ke-12 pada 8 Mac 2008.

Saya yakin Kerajaan Negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang menekankan pembangunan holistik mengamalkan dasar kesederhanaan serta menjaga kepentingan semua rakyat tanpa mengira kaum, agama, budaya akan menempa kemajuan, kemakmuran yang mantap, malahan dengan pembangunan sosial, ekonomi yang kukuh, kecekapan sistem pentadbiran Jabatan Kerajaan Negeri akan terus meletakkan Negeri Johor ke suatu tahap pembangunan yang lebih tinggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pilihan Raya Umum yang ke-12 telah membawa suatu lembaran baru dalam landskap politik negara. Di mana Kerajaan Barisan Nasional telah kehilangan kuasa memerintah di 5 buah negeri dan kehilangan majoriti dua pertiga di Parlimen. Kita cuba mengambil balik Kelantan. Tak dapat, tetapi hilang lagi 4. Seperti pepatah Melayu, yang dikejar tak dapat, yang digendong berciciran. Ini merupakan satu cabaran yang kita sedang hadapi dan memerlukan jalan penyelesaiannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mungkin kerajaan perlu berubah daripada segi pentadbirannya dan mengamalkan pendekatan yang lebih bersifat telus, ikhlas, mesra, bersih, cekap dan bersifat mentaliti pelbagai kaum dalam penentuan dasar, agar kehendak dan permintaan semua golongan rakyat dapat terjaga dan berjaya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya amat mengalu-alukan dan menyokong Kerajaan Pusat telah mengambil beberapa langkah selepas Pilihan Raya Umum seperti penstrukturan semula BPR, Badan Pencegah Rasuah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, proses penstrukturan semula BPR haruslah disegerakan, memandangkan keyakinan dan tanggapan dan persepsi orang ramai kepada BPR adalah sangat negatif. Di antaranya ianya sentiasa persepsi orang ramai bahawa ianya dikawal, tak cukup bebas. Hanya seluang atau ikan bilis sahaja yang sering dihadapkan ke muka pengadilan apabila terlibat dalam rasuah. Golongan jerung pula akan terlepas kerana mempunyai rangkaian jaringan yang boleh meloloskan diri. Pencegahan rasuah dilakukan secara berpilih-pilih. Ini antara persepsi orang ramai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berharap selepas proses penstrukturan semula BPR menjadi Suruhanjaya Anti Rasuah Malaysia (SARM) di mana telah dimasukkan 2 elemen baru dalam SARM iaitu Lembaga Penasihat, Jawatankuasa Parlimen Mencegah Rasuah hendaklah memastikan dia benar-benar dapat meningkatkan keberkesanannya, ketelusan dan akauntabiliti awam dan keyakinan rakyat terhadap SARM, seterusnya mengubah persepsi negatif rakyat terhadap badan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga amat mengharapkan proses penstrukturan semula BPR bukan sekadar memberi kebebasan daripada segi merekrut atau menawarkan tangga gaji yang lebih menarik kepada pegawai sahaja tetapi lebih kepada hal berkaitan dengan perundangan dan pendakwaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya dunia sedang menghadapi krisis kenaikan harga minyak, bahan bakar dan bahan makanan serta kekurangan bekalan makanan. Sudah tentunya kenaikan harga minyak dan bahan makanan akan menambah kos perbelanjaan sara hidup setiap warga rakyat Malaysia. Begitu juga kos pengangkutan dan juga kos binaan melambung tinggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengalu-alukan dan menyokong penuh Kerajaan Pusat untuk menyalurkan peruntukan sebanyak RM4 bilion untuk memastikan bekalan bahan makanan sentiasa mencukupi khususnya beras. Saya juga mengalu-alukan pengumuman kerajaan merancang 4 langkah untuk mengurangkan bebanan tanggungan rakyat khususnya golongan yang miskin, kurang upaya dengan memperluaskan jaringan keselamatan sosial, penjimatan perbelanjaan jabatan kerajaan, memperluaskan jenis barangan kawalan dan menambah baik sistem pengangkutan awam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam bab ini, saya berpendapat kerajaan perlu serius dan komited untuk memaju dan membangunkan rangkaian sistem pengangkutan awam di negara kita supaya sistem pengangkutan awam menjadi lebih baik, cepat, jimat masa dan selesa. Itu penting kerana ini akan menggalakkan orang ramai menggunakan kenderaan awam dan seterusnya ini boleh mengurangkan penggunaan kenderaan swasta, minyak dan kesesakan lalu lintas. Pada masa sekarang, saya rasa sistem rangkaian perkhidmatan pengangkutan awam tidak cukup sempurna, menyebabkan ramai orang sentiasa hendak memiliki kenderaan sendiri untuk menjadi alat pengangkutan.

Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berpendapat pelaburan dalam sistem rangkaian kenderaan awam seperti landasan kereta api berkembar adalah satu langkah yang bijak dan kos efektif jangka panjang. Oleh itu, projek landasan kereta api berkembar seharusnya dilanjutkan ke Johor, bukan berhenti di Gemas sahaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam kepincangan ekonomi serta berdepan dengan krisis minyak, kenaikan harga bahan makanan, peningkatan kadar inflasi, golongan yang paling terasa bahang impaknya, tertekan adalah mereka-mereka yang miskin, kurang upaya, berpendapatan rendah. Saya

difahamkan bahawa Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah Jawatankuasa Focus Group pembasmian kemiskinan sedang mengumpul dan mengenal pasti golongan miskin. Saya berharap bantuan sedemikian seharusnya disegerakan kerana saya telah banyak menghantar borang-borang permintaan orang miskin dalam kawasan saya ke Pejabat Daerah ataupun Majlis Daerah. Sekarang mereka tertanya-tanya bila bantuan itu boleh dapat memandangkan keadaan sekarang lagi. Jadi, saya harap proses ini dapat disegerakan. Selain daripada itu, di antara langkah-langkah yang mungkin boleh menolong orang miskin dalam situasi sedemikian adalah melonggarkan permohonan lesen penjaja dan pasar malam bagi mereka yang berkeupayaan dan yang berminat. Dan juga mungkin pengurangan cukai pendapatan boleh difikirkan oleh kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga difahamkan bahawa kerajaan akan mengkaji semula Rancangan Malaysia Ke-9, *mid term review*, dengan izin. Ekoran daripada kepincangan ekonomi negara berikutan dengan krisis minyak dan makanan, kerajaan akan menyusun semula projek-projek pembangunan Rancangan Malaysia Ke-9 mengikut keutamaan di mana projek yang melibatkan kepentingan dan kesejahteraan rakyat akan diteruskan, sementara projek pembangunan yang melibatkan ubahsuaian dan naik taraf akan atau mungkin ditangguhkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bagi pihak rakyat Segamat, Jementah, merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor kerana mengatur lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Datuk Seri Perdana Menteri Malaysia untuk melancarkan satu projek naik taraf jalan Segamat ke Tangkak pada 7 Disember 2007 sebelum pilihan raya. Penduduk di Jementah amat mengharapkan projek ini dapat dilaksanakan dan ditunaikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga menyampaikan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Yang Amat Berhormat EXCO Pengerusi Air atas pertolongan mereka, masalah tekanan air di Batu Anam-Gemas Baru dapat diperuntukkan projek pembinaan saluran paip dan tangki. Dan, kita yakin selepas projek ini sempurna, maka masalah bekalan air di Segamat Utara ini dapat diselesaikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin menarik perhatian Dewan mengenai beberapa isu yang wujud di bawah DUN jagaan saya. Penduduk-penduduk di Kampung Kenangan, Batu Anam, Segamat merungut mengenai masalah banjir kilat yang kerap berlaku di kawasan mereka akibat daripada naik taraf Jalan Gemas ke Air Hitam. Besarlah harapan saya moga pihak berwajib menjalankan siasatan bagi mengatasi masalah tersebut. Saya difahamkan mungkin jalan air mengalir keluar dari kampung itu, mungkin telah disumbatkan ataupun kerana jalan raya semasa naik taraf ditinggikan. Jadi, air keluar itu tidak ada. Ha, itu mungkin berlaku.

Y.B. Dato' Speaker : Dah tak terkeluar, air itu masuk balik ke dalam.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Air tak keluar disebabkan jalan itu dah ditinggikan jadi air yang sepatut yang biasa tempat keluar itu dah mungkin dah, dah ditutup.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Ha, itu mungkinlah, jadi harap JKR buat..

Y.B. Dato' Speaker : Dalam Pembangunan Daerah tak tanya?

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Ada tanya tapi...

Y.B. Dato' Speaker : Apa kata dia?

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Belum dapat jawapan. Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi masalah yang dihadapi oleh penduduk di Pekan Batu Anam, ha, itu saya sudah bangkitkan pada tahun yang lepas. Dan EXCO, Yang Berhormat EXCO Kerja Raya pun sudah melawat tempat itu. Jejambat yang melintasi landasan kereta api di Batu Anam ini dan telah memisahkan, memisahkan Kampung Baru, Kampung Melayu Perumahan dengan pekan bandar itu menyebabkan apabila penduduk berulang alik daripada perumahan ke pekan amat bahaya sekali kerana tidak ada *u-turn*. Saya pun tidak tahu kenapa jejambat yang dibuat itu tidak ada *u-turn*. Oleh sebab itu, kita meminta supaya ada satu jalan alternatif yang boleh *u-turn* untuk penduduk-penduduk di sana tetapi sampai hari ini tidak ada satu jawapan yang tepat. EXCO Kerja Raya sudah melawat ke tempat itu.

Y.B. Dato' Speaker : Mungkin tahun ini dia siapkanlah.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dah 15 minit.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Lagi, lagi 2 minitlah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, oklah.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Di Pekan Batu Anam juga, di persimpangan empat. Kalau bagi mereka yang pernah pergi ke Pekan Batu Anam, ada satu persimpangan empat, satu yang nak pergi ke Muar, yang di sebelah ada masjid. Saya rasa struktur *divider* itu yang memisahkan jalan amat bahaya. Saya dah cakap dengan JKR. Dia cakap itu memang spesifikasi. Tetapi bagi pengguna-pengguna jalan raya termasuk saya memang menganggap *divider* itu sangat bahaya. Jadi, saya harap dapat buat ubahsuaian supaya dia menjadi lebih mesra kepada pengguna jalan raya. Kalau tak mesra, nanti rakyat pun marah. Sekarang bukan Wakil Rakyat sahaja kena mesra, projek yang dilaksanakan kena mesra juga. Kalau tak mesra rakyat pun tak suka. Itu..

Y.B. Dato' Speaker : Ada projek yang tak mesra eh? (Dewan ketawa).

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Ada, mesti ada. Yang buat *divider* itu bahaya sangat, tak mesralah.

Y.B. Dato' Speaker : Macam mana pulak tu eh? (Dewan ketawa).

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga amat berbesar hati dapat kiranya pihak berwajib menyegerakan perlaksanaan jalan pintas dari Jalan Tasik Alai ke Pogoh untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas di bandar sekarang. Yang Berhormat Dato' Speaker, jambatan berkembar di sepanjang jalan raya Gemas ke Ayer Hitam, walaupun telah ditambah ciri-ciri keselamatannya tetapi masih amat bahaya sebab saya pengguna jalan raya itu setiap hari. Kenapa JKR tidak bercadang untuk mengubahsuai strukturnya supaya dia lebih mesra dan selamat kepada pengguna jalan raya, itu soalan saya.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat...

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Seterusnya, berapakah jumlah kemalangan yang telah berlaku di kawasan tersebut sejak jambatan berkembar ini wujud? Saya pernah tanya dalam Dewan, lebih kurang 13 jambatan sedemikian sepanjang jalan dari Gemas ke Ayer Hitam. Dan saya tahu rata-rata semua orang kata ini memang bahaya. Jadi saya nak dapatkan jawapanlah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat semua masalah jalan eh?

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Ha, jalan sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : *Divider*, jalan. Jalan ini, jalan itu...

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Sebab saya ADUN yang paling jauh nak datang ke sini. Hari-hari dekat jalan raya. Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya, fenomena menambak tanah di kawasan perumahan terutamanya kawasan-kawasan yang kerap banjir seperti di Kampung Abdullah telah berleluasa. Sekarang orang bina rumah, dia tambak tanah tinggi-tinggi. Dia tak menghiraukan jiran dia. Begitu juga projek perumahan. Jadi, saya pun tak tahulah, seolah-olah ada satu pertandingan menambak tinggi tanah kerana sindrom ketakutan banjir. Jadi, saya nak pihak yang berwajib memantau perkara ini, sama ada ini betul ke tidak. Kalau awak tambak, tambak 3 kaki, dia 2 kaki, dia 5 kaki, nanti tak cantik satu. Yang keduanya dia menyelesaikan masalah banjir dia sendiri sahaja, lain, lain orang susah. Itu saya nak pihak yang berwajib memantaulah sama ada perkara ini baik ke tidak baik ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat punya pandangan?

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Itu satu fenomena barulah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat punya pandangan macam mana?

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Pandangan saya, patut tidak boleh macam ini, kena selaras. Misal kata dalam satu jalan, rumah ini tambak 3 kaki, dia 2 kaki, dia 5 kaki, tak cantiklah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, teruk kawasan Yang Berhormat ni eh.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Ha, ada saya nampak…

Y.B. Dato' Speaker : Tanah tak rata, jalan tak betul.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Sebab saya kata itu satu fenomena yang baru kerana sindrom ketakutan banjir. Itu sahaja ucapan saya.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, bagus.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Dan saya juga terus menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat daripada Rengit. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Jemput lagi Ahli Yang Berhormat nak berucap. Op, Pulai Sebatang.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Selamat tengah hari dan salam sejahtera Yang Berhormat Dato' Speaker serta sidang Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu izinkan saya manfaatkan rasa kesyukuran kerana dapat kita bersidang dan berbahas titah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ketika mencemar Duli Merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Dewan Negeri Ke-12 pada hari Jumaat, 19 Jun 2008 yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sememangnya kedudukan harga minyak mentah yang kini melambung tinggi membawa tekanan inflasi yang sungguh besar kepada keseluruhan dunia. Oleh yang demikian, kerajaan telah terpaksa mengambil keputusan mengurangkan subsidi dan seterusnya menaikkan harga minyak sebanyak RM 0.78 baru-baru ini. Dengan cara ini kerajaan berharap agar peruntukan subsidi tersebut boleh digunakan untuk penggunaan lain terutamanya dalam usaha meningkatkan hasil bahan makanan supaya negara kita boleh mengurangkan pergantungan terhadap bahan makanan import terutamanya beras. Oleh yang demikian, saya berharap agar rakyat kita boleh bersabar dan sama-sama menghadapi cabaran, tekanan inflasi sedunia yang pasti akan turut menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa selain daripada kita berhati-hati berbelanja, keupayaannya menambahkan pendapatan isi rumah lebih penting dalam usaha menangani tekanan inflasi seperti mana yang telah saya bangkitkan dalam mesyuarat Dewan pada bulan November tahun 2007 yang lalu.

Penternakan burung walet secara berkelompok merupakan satu daripadanya aktiviti pertanian moden yang boleh meningkatkan pendapatan rakyat. Justeru itu, saya ingin mengetahui sama ada Kerajaan Negeri telah merumus polisi dan garis panduan seragam untuk menangani isu perlesenan rumah burung walet seperti mana yang saya bangkitkan itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semenjak awal tahun ini saya telah banyak membuat kajian dan mendapati bahawa kegiatan pertanian merupakan salah satu cara turut dapat menambahkan pendapatan isi rumah. Selama ini kegiatan pertanian dianggap satu kerjaya yang melibatkan kerja keras dengan hasil pulangan yang tidak setimpal. Oleh yang demikian ramai pemuda pemudi kini lebih senang dan hanya ingin bekerja di kilang-kilang. Maka terdapatlah

banyak tanah-tanah pertanian di pinggir pekan dan kawasan kampung yang terbiar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin bertanya sama ada Kerajaan Negeri Johor mempunyai cadangan memilikkan tanah terbiar atau peruntukan untuk membolehkan rizab Jabatan Pengairan dan Saliran, JPS dimohon dan disewa secara jangka masa pendek oleh petani-petani yang ingin mengambil bahagian dalam aktiviti penanaman. Adakah kerajaan negeri menyediakan bantuan atau kemudahan kewangan dan sama ada Agro Bank telah memainkan peranan dalam usaha pemulihan tanah pertanian terbiar ini dalam membantu para petani yang ingin mengambil bahagian dalam kerjaya ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, hasil kajian saya telah meyakinkan saya bahawa kegiatan pertanian dengan menggunakan teknologi dan sistem pengairan yang canggih telah lama wujud di negara-negara maju. Dengan sistem pengairan tersebut, kawasan penanaman dengan bidang tanah yang kecil telah dapat memberikan hasil tanaman yang begitu banyak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini saya telah melawat ke sebuah kebun sayur milik seorang pengusaha muda di Parit Yaani, Yong Peng. Petani muda tersebut telah mengubahsuai sistem pengairan sedia ada dengan sistem pengairan titisan, di mana air dan baja kepada pokok mentimun telah dibuat secara sistematik dan seragam melalui titisan terus kepada bahagian akar tumbuhan. Apa yang mengkagumkan ialah hasil kutipan mentimun seekar telah meningkat sebanyak 3 kali ganda iaitu daripada 18 matrik tan kepada 58 matrik tan. Beliau sendiri juga terkejut kerana cara pengairan moden tersebut telah menjimatkan penggunaan baja sebatian sebanyak 25 peratus. Dengan cara ini pendapatan hasil tanaman beliau telah bertambah dengan begitu banyak tanpa pembaziran baja, lebih-lebih lagi dalam masa harga baja yang kian melambung tinggi. Sebarang penjimatan baja bermakna keuntungan serta merta tanpa risiko harga jualan hasil tanaman.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Mukim-Mukim (JPMM) yang dipengerusikan oleh saya di kawasan DUN Pulai Sebatang yang baru diadakan pada 23 Jun yang lalu, saya telah menjemput wakil daripada Jabatan Pertanian datang bersama memberikan taklimat berkenaan kemudahan dan bantuan kerajaan dalam bidang pertanian. Saya amat terkejut kerana kebanyakan Ketua Kampung, Penghulu dan Ketua Masyarakat yang hadir tidak mengetahui yang Kerajaan Negeri menyediakan begitu banyak kemudahan untuk bidang pertanian.

Oleh yang demikian, saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri sama ada telah diwujudkan satu mekanisme untuk memaklumkan kepada rakyat tentang kemudahan dan bantuan yang telah disediakan dan sama ada Jabatan Pertanian ada memperkenalkan sistem pertanian berasaskan teknologi kepada para petani.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam mesyuarat tersebut saya telah meminta kerjasama Ketua Kampung, Penghulu dan Ketua Masyarakat agar membuat bancian ke atas tanah pertanian yang terbiar di ketiga-tiga mukim dalam DUN Pulai Sebatang. Saya telah mengesyorkan JPMM bahawa saya akan

mempelopor usaha membolehkan tanah pertanian terbiar di kawasan berkenaan dengan kerjasama Jawatankuasa Pertanian Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, inilah antara satu-satunya langkah dan usaha yang saya maksudkan, boleh meningkatkan pendapatan isi rumah warga kampung, memandangkan kebanyakan tanah pertanian di kawasan tersebut merupakan tanah gambut dengan kandungan bahan organik yang tinggi. lanya amat sesuai untuk tanaman sayur, jagung, nenas dan sebagainya yang cepat mendatangkan hasil pulangan. Saya yakin dengan kerjasama dan sokongan EXCO Pertanian Negeri, usaha pemulihan tersebut akan, boleh kami jadi saksikan dalam masa tersingkat.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, panjang lagi?

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Tak.

Y.B. Dato' Speaker : Ha?

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Tak.

Y.B. Dato' Speaker : Sikit ya?

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Sikit.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, baguslah, ok, ok.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Daerah Pontian adalah di antara satu-satunya daerah yang tidak mempunyai pintu masuk terus dari Lebuhraya Utara – Selatan dan hubungan jalan raya, pasangan dua hala dari Bandaraya Johor Bahru, maka kawasan Bandar Pontian agak terpencil sekiranya di bandingkan dengan daerah lain seperti Kulaijaya, Batu Pahat, Kluang dan sebagainya. Tidak ramai yang tahu bahawa pintu masuk ke Bandar Pontian yang terdekat dari Lebuhraya Utara – Selatan adalah melalui Plaza Tol Sedenak dan seterusnya melalui Felda Bukit Batu ke Jalan Parit Panjang Air Baloi dan seterusnya Bandar Pontian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan menggunakan pintu masuk tersebut jarak antara Bandar Pontian ke Lebuhraya Utara – Selatan hanya dalam lingkungan tidak melebihi 30 minit sahaja. Tetapi, sejak Felda Bukit Batu, Jalan Parit Panjang dibuka untuk trafik pada tahun 1997 sebahagian permukaan jalan yang terletak di antara sempadan Daerah Kulaijaya dan Pontian sentiasa mengalami kerosakan teruk kerana tanah gambut yang tidak stabil.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun ada usaha yang diambil oleh Jabatan Kerja Raya untuk membaik pulihkan bahagian tersebut saya rasa melibatkan dua daerah telah mengakibatkan masalah koordinasi yang tidak sempurna, maka keadaan tersebut masih tidak dapat diatasi dengan sepenuhnya. Oleh yang demikian, saya ingin bertanya sama ada Kerajaan Negeri boleh menubuhkan satu jawatankuasa khas yang melibatkan wakil

daripada JKR dan Pejabat Daerah, kedua-dua daerah Kulaijaya dan Pontian bersama-sama mencari jalan menyelesaikan yang lebih efektif.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kini anak syarikat Johor Corporation, TPM Management Sendirian Berhad telah memulakan usahanya membangunkan sebuah kawasan industri berteknologi tinggi di kawasan Felda Bukit Batu dekat dengan Plaza Tol Sedenak. Saya berharap dengan usaha ini lebih ramai pemuda pemudi di kawasan DUN Pulai Sebatang boleh dapat manfaat secara langsung hasil peluang pekerjaan yang bakal diwujudkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sementara TPM Management Sendirian Berhad giat berusaha untuk mewujudkan kawasan perindustrian tersebut, saya juga ingin meminta jasa baik Lembaga Lebuhraya Malaysia dan JKR Negeri Johor agar boleh mempromosikan Plaza Tol Sedenak sebagai pintu masuk ke Bandar Pontian selain daripada hubungan sedia ada iaitu Plaza Tol Simpang Renggam melalui Pekan Benut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengakhiri ucapan saya dengan harapan agar Yang Berhormat permohonan dari DUN Pulai Sebatang akan diberi perhatian sewajarnya. Dan, dengan kata-kata ini saya menyokong rundingan yang dibawa oleh Yang Berhormat kawasan DUN Rengit. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok, ok. Lagi, perbahasan diteruskan lagi.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Yang Berhormat nak apa, nak berhenti rehat? Yang Berhormat nak rehat eh?

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Boleh juga.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, ha… teruskanlah (Dewan ketawa)

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Mengkibol ingin merakamkan...

Y.B. Dato' Speaker : Ahli Yang Berhormat jemput duduk. Dewan ditangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:00 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 12:20 tengah hari.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula, jemput. Mengkibol.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Speaker, Mengkibol ingin merakamkan terima kasih kerana diberi peluang untuk

membahaskan usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, sempena pembukaan rasmi Dewan yang mulia ini yang ke-12 pada 19 Jun 2008. Terutama sekali, saya ingin mengutarakan isu kenaikan harga minyak. Rakyat Malaysia kini harus membayar petrol sebanyak RM2.70 seliter. Kenaikan RM0.78 itu merupakan suatu kenaikan yang begitu tinggi dan memeranjatkan rakyat Malaysia. Kenaikan minyak ini sudah tentu akan membawa kesan buruk kepada ekonomi kita kerana kenaikan harga minyak, maka akan membawa kenaikan harga di semua bidang umpamanya, lori pengangkutan yang mana pasti meningkatkan caj pengangkutan dan ini akan menyebabkan kenaikan harga pada semua barangan, seperti barangan makanan, minuman, pakaian dan sebagainya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pendapatan per kapita Malaysia mengikut sumber ialah USD5,000.00 setahun berbanding dengan pendapatan per kapita Singapura ialah USD25,000.00. Maka jelaslah walaupun rakyat Singapura dikehendaki membayar RM5.20 seliter tetapi pendapatan mereka lebih tinggi, maka mereka mungkin tidak akan mengalami masalah kenaikan harga minyak. Di negara kita, kenaikan harga minyak sudah tentu akan memberi tekanan kepada rakyat yang berpendapatan rendah, terutama mereka yang mempunyai anak-anak yang ramai dari segi makanan, pakaian, yuran persekolahan dan sebagainya.

Memang benar orang yang berpendapatan tinggi tidak akan terasa kenaikan ini, tetapi bagaimana pula golongan besar rakyat Malaysia yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah. Adalah dicadangkan di sini, bahawa kerajaan harus memberi subsidi tetap kepada golongan yang berpendapatan rendah seperti subsidi yang kini diberikan kepada orang kurang upaya (OKU) dan ibu tunggal dan sebagainya. Cara-cara terperinci hendaklah dikaji oleh pihak kerajaan. Sekarang rebet yang diberikan oleh kerajaan RM625.00 setahun adalah untuk mereka yang memakai kereta di bawah 2000 cc, tetapi adakah ia adil dari segi implementasinya, kerana kalau seorang kerani biasa yang memiliki kereta, kereta kancil yang bernilai RM10,000.00, dia akan mendapat rebet RM625.00 setahun. Berbanding dengan seorang ahli perniagaan yang mempunyai lima buah kereta untuk ahli keluarga mereka, di bawah 2000 cc beliau juga dapat rebet RM625.00 setahun untuk setiap kereta, setiap buah kereta. Maka ahli perniagaan ini akan dapat sebanyak RM3,125.00 untuk keluarganya.

Apakah ini adil di bawah sistem subsidi ini? Berikut sumber surat khabar Petronas telah mengumumkan bahawa mereka mendapat keuntungan tahunan lebih RM800 bilion dan sebanyak lebih RM500 bilion telah dijadikan hasil kerajaan. Jika ini benar, kenapa kerajaan tidak boleh memberi subsidi minyak untuk faedah serta kebaikan rakyat? Mengikut sumber, di negara-negara pengeluar minyak, harga minyak mereka adalah begitu rendah. Contoh di *Egypt,* RM1.03 seliter, di Kuwait, RM0.67 seliter, di Arab Saudi, RM0.38 sen seliter, di Brunei Darussalam, juga difahami bahawa kerajaan memberi subsidi kepada rakyat. Jika tidak silap, harga minyak di Brunei ialah RM1.30. Kerajaan harus bertindak memberi subsidi kepada harga minyak kerana kita adalah negara pengeluar minyak. Kerajaan harus berjimat cermat supaya tidak melakukan pembaziran.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas kepada Kerajaan Pusat yang telah mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah inflasi seperti memotong perbelanjaan Menteri-Menteri, Pengarah, Ketua-Ketua Jabatan, mengurangkan program-program yang tidak perlu. Menghadkan cuti Menteri-Menteri dan Timbalan Menteri di luar negeri dan di negara asing, *Asean* sahaja. Mengurangkan pembaziran penggunaan elektrik di Jabatan Kerajaan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, adalah dicadangkan bahawa kerajaan harus mengawal harga supaya ia tidak naik sebegitu tinggi, agar ia tidak melibatkan inflasi yang teruk.

Yang Berhormat Speaker, Datuk Speaker, saya juga ingin membangkit isu-isu di kawasan saya:

i. Isu banjir di kawasan Kluang. Kawasan-kawasan yang rendah seperti di Sawi, Jalan Sawi, Jalan Yap Taw Soh, Taman Waja, Taman Lian Seng, Taman Sri Paya, Taman Muhibah, sering dilanda banjir kilat apabila hujan lebat sejam atau dua saja. Sungai Mengkibol Kluang, masih begitu cetek dan tebing sungai telah ditumbuhi lalang-lalang. Adalah difahami bahawa, kerajaan telah memperuntukkan RM14 juta untuk membersihkan serta memperluaskan sungai tersebut. Panjang sungai ini adalah lebih kurang 4 kilometer dan penghujung sungai di Kampung Palembang yang mana pasir dan rumput memenuhi sungai tersebut. Kini kerja-kerja membersih Sungai Mengkibol telah berhenti. Apakah dianggap projek ini telah disempurnakan? Di kawasan-kawasan yang dilanda banjir, kebanyakan longkang dan parit tersumbat kerana sampah sarap. Adalah dicadangkan bahawa papan amaran diletakkan di tepi parit dan sungai untuk melarang pembuangan sampah dan jika perlu denda dikenakan pada sesiapa yang melanggar undang-undang.

ii. Isu sampah sarap di merata-rata tempat di Kluang. Terdapat banyak aduan diterima daripada peniaga-peniaga dan penduduk tempatan mengenai sampah sarap yang dibuang merata-rata seperti di kawasan-kawasan yang terbabit, iaitu di Taman Intan, Taman Muhibbah, Jalan Baru, Jalan Wayang. Nampaknya pihak Majlis Perbandaran Kluang (MPK) atau pihak swasta telah gagal menjalankan tugas untuk mengutip sampah-sampah sarap, sampah sarap setiap hari, dan ada kalanya sampah sarap telah dibiarkan begitu sahaja selama empat, lima hari dan sehingga mengeluarkan bau busuk.

Adalah dicadangkan, setiap taman dibekalkan dengan peti sampah yang besar, peti sampah yang besar dengan penutup dan papan tanda diletakkan di sebelahnya, meminta orang ramai membuang sampah ke dalamnya. Juga dicadangkan supaya Pegawai MPK membuat rondaan mengejut iaitu seperti *spot check,* dengan izin, untuk memastikan pekerja-pekerja memang bekerja betul. Saya menerima aduan mengatakan ada pekerja-pekerja yang membuat kerja sambil lewa, seperti mengangkat, mengangkut sampah separuh dan biar, biarkan selebihannya. Saya juga menerima aduan bahawa

pihak swasta yang diberi kontrak untuk mengutip sampah sarap juga tidak menjalankan tugas dengan memuaskan umpamanya, dengan menggunakan lori kecil sahaja juga air kotor mengalir keluar dari lori dan membawa bau merata-rata. Ada aduan yang mengatakan tempat mereka 3, 4 hari tiada kutipan langsung. Adalah dicadangkan bahawa, kontrak mereka patut dikaji semula sama ada mereka patut diberhentikan kontrak ataupun diberi amaran.

iii. Isu projek hospital baru di Jalan Kota Tinggi. Bekas Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dr. Chua Soi Lek, telah melancarkan projek di atas yang kini telah terbengkalai. Ini merupakan projek Rancangan Malaysia Ke-8. Adakah projek ini masih diteruskan dalam Rancangan Ke-9?

iv. Isu pendatang asing yang ramai di Kluang. Pendatang asing telah menceburi berbagai-bagai bidang, seperti pekerja binaan, pekerja kilang, restoran makan dan ada juga di *supermarket*. Ada pula yang menjadi peniaga roti canai, penjual aiskrim. Masalah telah timbul kerana anak-anak tempatan telah menjadi penganggur dan ada yang menjadi peragut dan pencuri. Adalah dicadangkan bahawa, garis panduan, garis panduan harus dikeluarkan kepada majikan-majikan supaya mereka mengambil sebilangan kuota, sebilangan kuota anak-anak tempatan untuk bekerja. Soal gaji murah pekerja orang asing tidak boleh dijadikan satu alasan bagi majikan menafikan peluang anak tempatan untuk bekerja.

v. Isu pencemaran air, pencemaran Sungai Mengkibol, minta maaf, pencemaran Sungai Mengkibol. Di tebing sungai, Sungai Mengkibol kawasan Bandar Kluang, telah didirikan taman rekreasi yang menelan, menelan perbelanjaan RM2 juta mengikut sumber. Jika benar, ini merupakan satu projek pembaziran kerana kawasan itu turut dilanda banjir semasa hujan lebat. Mungkin itu suatu pandangan yang cantik untuk melihat suasana banjir, agaknya. Saya juga telah menerima aduan daripada penduduk tempatan bahawa pengusaha-pengusaha kilang telah melepaskan air kotor ke dalam sungai itu sehingga ia bertukar warna. Adalah dicadangkan bahawa, pihak berkenaan hendaklah sentiasa memantau kawasan sungai yang berdekatan dengan kilang, berdekatan dengan kilang itu untuk mencegah perbuatan yang tidak bertanggungjawab itu.

vi. Isu jenayah. Saya telah menerima aduan daripada penduduk kawasan Taman Muhibah yang mengatakan sejak kebelakangan ini, sering berlaku kes-kes jenayah seperti, mencuri barang-barang dalam kereta, memecahkan cermin kereta, juga mencuri kasut-kasut di kaki lima, basikal dan sebagainya. Adalah dicadangkan supaya pihak Polis meningkatkan rondaan di kawasan perumahan bukan sahaja di Taman Muhibah, tetapi di kawasan-kawasan yang lain juga. Selain daripada itu, saya berharap pihak polis dapat mengambil tindakan terhadap remaja-remaja yang gemar berlumba motosikal. *Motor Racing*, dengan izin, pada larut malam kerana perbuatan mereka bukan sahaja membahayakan diri mereka bahkan, membahayakan

pengguna lain. Ada suatu ketika, di Jalan Mersing, saya sendiri telah dikejar oleh remaja-remaja dari belakang kiri kanan memotong saya. Sungguh memeranjatkan saya.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang berhormat buat salah tak?

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Ya?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang berhormat buat salah sebab tu dia kejar.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Tidak. Mereka berlumba.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Oh, berlumba.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Ya, mereka main-main sahaja. Bahaya, dekat Balai Polis sana. Depan Balai Polis, Jalan Mersing.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Dah habis Yang Berhormat?

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Saya ada sedikit sahaja.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, masa cukup.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol)) : Masa cukup?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Saya cuma nak…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, tak apalah, yang akhir.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Sebelum itu saya ingin menjawab Y.B. Yong Peng yang berkata, kawasan Yong Peng tidak, kekurangan air pada tahun 2005 seperti yang dinyatakan oleh Y.B. Skudai di dalam Dewan yang mulia pagi ini. Mengkibol, difahamkan oleh Skudai bahawa DAP Negeri Johor telah menghantar *sample* air sungai Bekok, Yong Peng untuk kajian *laboratory* pada tahun 2005 serta mengenal pasti kandungan aluminium *manganese* besi terlalu tinggi dalam *sample* air. Kawasan Kluang juga iaitu kawasan saya, Mengkibol, juga mengalami masalah kekurangan bekalan air pada waktu itu, ketika itu. Kesimpulan yang dibuat oleh Mengkibol dan Skudai adalah kekurangan air bersih akibat pencemaran baja dan produk sampingan tani.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mengakhiri dengan kata-kata seperti berikut, apakah gunanya kita orang politik yang menjadi pemimpin yang hidup selesa tetapi rakyat jelata yang berpendapatan rendah hidup menderita. Apa gunanya kita duduk di Dewan, berbincang dan berbahas tetapi tidak dapat membantu rakyat yang menghadapi pelbagai masalah. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Jemput yang lain. Bukit Batu.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan terima kasih pada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam ucapan membahaskan rundingan menjunjung kasih atas titah perasmian oleh Duli Yang Maha Mulia, Baginda Tuanku pada 19 Jun 2008 di Dewan yang mulia ini. Saya ingin memulakan dengan serangkap pantun. Dari Bukit Batu ke sidang Dewan, membawa pesanan dari rakyat sekalian, mohon jasa baik semua jabatan, perkara berbangkit diberi perhatian dan kelulusan.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor kerana terus diberi amanah oleh rakyat Johor dalam Pilihan Raya Umum ke-12. Dalam titah Duli Yang Maha Mulia, Baginda Tuanku, Tuanku telah menyeru semua pemimpin dan rakyat hendaklah berpegang teguh kepada Rukun Negara dan Perlembagaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita sedia maklum, perlembagaan persekutuan merupakan sebuah Parlimen yang digubal melalui konsesi yang dicapai setelah rundingan menyeluruh antara pengasas-pengasas negara yang mewakili pelbagai kaum di negara kita. Ini menjadi kompas atau pedoman dalam perjalanan sukar untuk membina kenegaraan yang mencatatkan ringkasan perkara-perkara berkenaan prinsip asas yang berkaitan dengan struktur dan cabang kerajaan. Hak asasi rakyat Malaysia, kewarganegaraan, bahasa dan agama. Rukun Negara pula digubalkan oleh Majlis Perundingan Nasional selepas rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Ianya menggambarkan keprihatinan mendalam dan keyakinan kuat betapa perlunya kita memelihara keharmonian dan perpaduan. 5 prinsip Rukun Negara bermatlamat untuk mencapai masyarakat yang bersatu, demokratik, adil, *liberal* dan progresif yang memberi gambaran semangat dan juga prinsip-prinsip perlembagaan dan maksud sebenarnya bagi kenegaraan Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam Dewan yang mulia ini , saya juga bagi pihak rakyat jelata dalam daerah Kulaijaya ingin menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Johor berkenaan mengisytiharkan daerah Kulaijaya sebagai daerah yang ke-10 bagi Negeri Johor. Saya penuh yakin dengan kenaikan taraf daerah Kulaijaya yang dinanti-nantikan ini akan memberi perubahan besar kepada daerah Kulaijaya berpandukan daerah baru Kulaijaya akan dibangunkan sebagai bandar *cyber* atau *Cyber City*, dengan izin, Taman Teknologi Tinggi, Hub pengangkutan serantau dan industri sokongan yang sedia ada serta pembangunan projek-projek perumahan sama ada oleh Isotik *Land Development* dan *IOI Property* dan lain-lain juga akan mempercepatkan *transform* dengan izin, bagi kawasan kampung rangkaian tradisi dan bagi kampung-kampung baru dalam daerah baru ini yang berada di dalam kawasan Pembangunan Iskandar Malaysia untuk maju bersama. Selaras dengan kenaikan taraf daerah penuh, saya menyeru agar agensi-agensi kerajaan sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri yang masih belum menubuhkan pejabatnya di daerah baru dapat mempercepatkan penubuhan pejabat daerahnya demi kemudahan para penduduk untuk berurus dengan kerajaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri khususnya melalui Pejabat Tanah Daerah Kulaijaya kerana memberi kerjasama yang begitu baik di dalam proses mempercepatkan permohonan tapak rumah di kawasan Kampung Baru Kelapa Sawit, Kulai. Akan tetapi, permohonan masih menunggu ulasan daripada jabatan yang berkaitan sebelum dapat diperakui untuk pertimbangan Kerajaan Negeri. Oleh itu, saya memohon jabatan yang berkaitan supaya memberi ulasan dalam masa yang dijanjikan sepertimana yang dicapai dalam mesyuarat penyelarasan permasalahan permohonan tanah di kampung-kampung baru yang telah diadakan pada 16 April 2008 di Pejabat Tanah Daerah Kulaijaya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan dan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri kerana telah melaksanakan projek Pembinaan *Detention Pond* dengan izin, seluas 5.19 ekar di Taman Putri, Kulai dan *Concealed Drain* dengan izin, di Taman Nam Tak, Kulai dengan kos RM2.64 juta untuk mengatasi masalah banjir kilat di kawasan Batu 21, Kulai yang sering ditimbulkan oleh saya di dalam Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin menarik perhatian kepada kerajaan kerana penduduk-penduduk di kawasan Kampung Rahmat, Batu 27, Kulai dan pengguna-pengguna jalan telah mengadu dan membangkitkan masalah banjir kilat berlumpur yang kerap kali berlaku di kawasan mereka dan juga di jalan raya persekutuan setelah pembinaan projek Taman Scientex Kelapa Sawit, Kulai dimulakan. Oleh itu saya mencadangkan agar langkah-langkah mengatasi masalah banjir kilat di kawasan yang terbabit dapat dijalankan dengan kadar yang segera oleh pihak-pihak yang terlibat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin memohon Jabatan Kerja Raya supaya mengatasi masalah banjir kilat yang melimpah kawasan laluan persekutuan, iaitu di hadapan kawasan Sekolah Kebangsaan Polis Kem, Kelapa Sawit, Kulai, dengan kadar yang segeranya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, semasa membentangkan Bajet 2008, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia telah menyatakan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk penambah baikkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam demi memastikan peningkatan kecekapan perkhidmatan awam serta menambah baik daya saing negara termasuklah menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Perniagaan atau ringkasnya PEMUDAH. Oleh itu saya ingin tahu, adakah Kerajaan Negeri Johor juga bercadang menubuhkan pasukan petugas khas dalam urusan menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam yang sering dikutuk oleh rakyat jelata berdasarkan kepada kelemahannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin mencadangkan, supaya Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Johor juga perlu menubuhkan Pasukan Petugas Khas atau ringkasnya *Taskforce* dengan izin, untuk memantau dan juga menyelesaikan masalah rakyat seperti jalan rosak, parit dan longkang tersumbat, lampu jalan tak nyala, pokok tidak dicantas, sampah tidak diangkut dan lain-lain lagi di dalam kawasan pentadbiran masing-masing. Untuk mengurangkan rintihan rakyat terhadap perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan yang kurang memuaskan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam Dewan yang mulia ini, saya juga ingin mencadangkan supaya Jabatan Pelajaran Negeri Johor dapat memberi pertimbangan untuk pembinaan sebuah sekolah menengah yang baru di kawasan Bukit Batu yang telah dibangkitkan oleh para ibu bapa di kawasan FELDA Bukit Batu, Kampung Rangkaian dan juga Kampung Baru Bukit Batu selaras dengan pembangunan Modal Insan melalui pendidikan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan berlakunya krisis 3F, atau *Food, Fuel* dan *Finance* dengan izin, kerajaan juga perlu mengkaji semula garis kemiskinan sama ada di Semenanjung Malaysia iaitu pada mulanya, pada RM661.00, Sabah RM888.00 dan Sarawak RM765.00 adakah masih relevan dengan izin, berdasarkan kepada impak kenaikan harga minyak, makanan dan juga kegawatan kewangan yang sedang mencengkam golongan berpendapatan rendah dan juga miskin. Selain daripada itu, kerajaan juga perlu mengkaji semula pelaksanaan rancangan ekonomi bagi memastikan faedahnya dirasai oleh golongan yang benar-benar memerlukan dan kerajaan terus bertindak ke arah mengurangkan jurang pendapatan antara kumpulan etnik di negeri ini. Program menyeluruh yang merangkumi usaha yang akan memanfaatkan semua rakyat tanpa mengira etnik dan juga wilayah perlu disegerakan agar semua anggota masyarakat merasai pertumbuhan dan juga pembangunan negara di dalam jangka panjang demi memenuhi harapan rakyat dikurangkan beban dan kos sara hidup yang sebenarnya antara aspek utama yang mempengaruhi pemikiran rakyat menjelang Pilihan Raya Umum ke-12.

Yang Berhormat Datuk Speaker, negara kita dijangka akan menghadapi kegawatan kewangan yang baru dan kerajaan sama ada Persekutuan ataupun Negeri perlu juga mengatur strategi bagi mengatasi beban kewangan rakyat dan juga pihak swasta. Oleh itu dalam Dewan yang mulia ini, saya mencadangkan supaya sistem pengangkutan awam yang lebih selesa dan juga efisien, dengan izin, adalah amat diperlukan khususnya untuk golongan berpendapatan rendah di samping juga dapat mengatasi masalah kesesakan jalan dan meningkatkan produktiviti. Oleh itu, saya juga ingin tahu apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan Negeri Johor untuk mewujudkan sistem pengangkutan awam yang komprehensif termasuk bas, rel dan juga monorel.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa cukup Yang Berhormat.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Ini akhir sekali. Akhir sekali saya turut menyokong rundingan yang dibawa oleh Yang Berhormat Rengit. Sekian sahaja, terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Jemput yang lain, Kahang.

Y.B Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Salam sejahtera dan selamat tengah hari Yang Berhormat Datuk Speaker serta Sidang Dewan yang saya muliakan sekalian. Terlebih dahulu ingin saya merakamkan jutaan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta berucap sempena rundingan menjunjung kasih ke bawah titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, agenda pembangunan belia adalah satu isu yang penting dalam konteks pembangunan negara kerana mereka ini adalah pewaris yang bakal meneruskan segala agenda pembangunan yang telah direncanakan. Belia merupakan aset dan sumber berharga negara, bakat kepimpinan mereka perlu diasuh dan diasah. Untuk menjadi generasi pelapis yang terbaik, golongan belia ini perlu didedahkan dengan pelbagai pengetahuan dan pengalaman melalui pelbagai program sama ada oleh kerajaan atau pihak NGO.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan adanya persatuan belia yang menganjurkan pelbagai program, ia mampu menyumbang ke arah kehidupan belia yang lebih dinamik dan proaktif. Sebenarnya fungsi persatuan belia ini adalah untuk menyediakan para belia untuk masa depan agar mereka lebih berketerampilan dan seimbang. Mereka harus dibawa bersama dalam usaha pembangunan negara di peringkat perancangan, kepimpinan dan pelaksanaan. Kepimpinan belia dan pertubuhan belia haruslah memenuhi cita rasa belia. Badan-badan belia hendaklah menjadi forum bagi para belia menyuarakan aspirasi generasi mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, keseluruhannya di Malaysia terdapat sebanyak 2,445 Persatuan Belia yang aktif dan di Johor sahaja terdapat sebanyak 380 persatuan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, usaha yang lebih agresif harus diambil untuk menggalakkan lebih ramai belia dari berbagai lapisan masyarakat dan kaum untuk menyertai persatuan belia. Oleh yang demikian, pelbagai aktiviti dan program harus dirancang dan dilaksanakan untuk menarik golongan ini untuk menyertai persatuan belia. Kursus-kursus pembangunan kepimpinan juga mestilah dianjurkan untuk mempertingkatkan keupayaan pemimpin belia dan melatih golongan pemimpin pelapis agar kewujudan pertubuhan belia terus relevan serta memenuhi kehendak belia di peringkat akar umbi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, program seperti ini akan memberi pengetahuan dan kefahaman tentang persatuan dan pendedahan serta bimbingan yang sewajarnya di dalam aspek-aspek kepimpinan dan pengurusan. Selain dari tu pendedahan kepada pengurusan persatuan belia juga harus diberi keutamaan. Para pemimpin belia haruslah didedahkan kepada konsep dan ciri-ciri pengurusan yang efektif, *professional*, dengan izin, dan perancangan yang berkesan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Jabatan Belia dan Sukan haruslah selain dari menjalankan program-program mestilah juga menilai semula keberkesanan program-program yang dijalankan dan dianjurkan selama ini. Mereka harus menilai semula sama ada program yang dianjurkan adalah relevan dan menarik minat golongan belia pada hari ini. Dengan membuat penilaian terhadap keberkesanan program-program yang dianjurkan, Jabatan Belia dan Sukan dapat secara langsung, dapat mengenal pasti permasalahan serta isu-isu belia yang dihadapi oleh belia pada hari ini. Pada masa yang sama golongan belia juga haruslah diberikan pengiktirafan kepada pengorbanan mereka untuk memartabatkan dan memperkasakan perjuangan belia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seperti dalam Kerajaan Barisan Nasional di mana kita mengamalkan konsep kongsi kuasa tetapi malangnya di setengah-setengah pertubuhan belia terutamanya di Majlis-Majlis Belia Daerah, amalan kongsi kuasa ini tidak diamalkan, di mana terdapat barisan AJK tidak terdiri dari semua kaum. Saya amat berharap di peringkat Majlis Belia Daerah, semua kaum akan diberi keutamaan dan juga peluang untuk menjadi Ahli-Ahli Jawatankuasa di peringkat daerah ini.

Y.B Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, persatuan tu bergabung tak dengan Majlis Belia Daerah?

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Ya, Yang Berhormat Datuk Speaker?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Persatuan-persatuan yang terdiri daripada kaum-kaum yang lain tu bergabung tak dengan…

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Di setiap daerah ada Majlis Belia Daerah.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yalah kita tahu. Badan gabungan Majlis Daerah terdiri daripada badan-badan belia. Yang lain-lain tu ada tak yang bergabung?

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Di peringkat daerah ni badan-badan belia akan bergabung dan menubuhkan jawatankuasa.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Kalau ada bergabung tak ada masalahlah.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Di kebanyakan, setakat hari ini mengikut kajian saya hanya ada 3 Majlis Belia Daerah iaitu Johor Bahru, Kluang dan Muar mempunyai Ahli-Ahli Jawatankuasa daripada semua kaum. Ini jelas menunjukkan konsep-konsep kongsi kuasa dipraktikkan di hanya tiga Majlis Belia Daerah ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, aset yang paling berharga bagi sebuah negara adalah warganya. Modal Insan merupakan aset yang boleh disunting nilai tambahnya, ditingkatkan nilai inteleknya serta diperkaya modal budayanya. Pembangunan Modal Insan adalah penentu bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti negara, bersesuaian dengan kehendak industri serta pasaran semasa dan masa hadapan. Pembangunan Modal Insan perlu dirancang dengan rapi agar dapat meningkatkan bina upaya generasi muda Malaysia ke arah melahirkan guna tenaga yang terlatih dan berdaya saing sepadan dan mencukupi dengan keperluan negara pada tahun 2020.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Modal Insan yang ingin dihasilkan perlu mampu untuk berfikir secara kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang-peluang baru, mempunyai ketahanan serta kebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran dunia global yang sering berubah-ubah. Dunia kini sedang mengalami perubahan pesat akibat daripada globalisasi serta kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi. Setiap

pencapaian atau kemajuan memerlukan tahap pengetahuan inovatif, dinamik dan kreativiti yang lebih tinggi. Apa yang perlu ialah persiapan untuk menerima dan melibatkan diri sepenuhnya dengan peraturan baru ini. Kita perlu melengkapkan diri dengan ilmu dan pengetahuan yang sesuai untuk menghadapi persaingan ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam era K-Ekonomi, ilmu adalah penjana utama pertumbuhan ekonomi. Penggunaan ilmu diri yang cekap dan berkesan akan menjurus kepada pertambahan pengeluaran dengan kualiti yang lebih baik dan kos yang lebih rendah dan dengan itu memperolehi untung yang lebih tinggi. Dunia mesti berubah dan kita juga mesti berubah sekiranya inginkan kemajuan diri setimpal dengan perubahan yang berlaku di sekitar kita. Inilah cabaran yang kita hadapi sekarang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, masyarakat perlu berhadapan dengan cabaran ini dan mengatasinya bersama-sama. Kita akui umur remaja ialah tahap yang paling sensitif dengan izin, sukar ditempuhi tetapi pada tahap itulah remaja boleh dibimbing dengan baik ke arah hidup yang sihat, berkualiti dan bermakna. Memandangkan betapa pentingnya generasi muda sebagai pelatih lapisan dewasa yang memimpin dan menerajui kerajaan, swasta dan lain-lainnya, usaha-usaha semua pihak perlu dirancang supaya mereka terhindar daripada gejala-gejala sosial. Negara perlu mempunyai generasi yang bersih dan cekap, mengambil alih dan meneruskan pencapaian dan perkembangan negara ke tahap yang lebih cemerlang lagi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kesemua agama mengajar amalan yang baik dan mulia dan nilai-nilai murni inilah yang sentiasa perlu ditekankan kepada anak-anak kita supaya mereka menghormati agama, ibu bapa dan orang tua. Berinsaf dan bersyukur dan berusaha menjadi insan yang bertakwa kepada tuhan serta bersifat kebajikan, penyayang terhadap masyarakat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pelajar-pelajar kita pada hari ini tidak berbeza dengan kita ketika di alam persekolahan. Perasaan dan aspirasi mereka adalah sama, tetapi yang ketara perbezaan di antara pelajar kita pada hari ini dengan masa kita dahulu ialah keadaan sekeliling yang pesat berubah dan berkembang maju.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dari sinilah cabaran-cabaran ini datang dan pelajar-pelajar haruslah bijak mengenal pasti yang mana baik untuk diserapkan dan mengetepikan yang buruk.

Yang Berhormat Datuk Speaker, masalah sosial di kalangan remaja adalah isu yang tidak henti diperdebatkan sehingga kini kerana ia melibatkan anak-anak muda yang merupakan pewaris bangsa kita. Berpegang kepada konsep ingin bebas melakukan apa saja tanpa mengira batasan, budaya dan ada yang hingga sanggup melupakan kepada pegangan agama yang mereka anuti. Dalam erti kata mudah, masalah sosial di kalangan remaja kita adalah disebabkan mereka mudah menerima pengaruh barat tanpa mengambil kira impak daripada perbuatan mereka itu.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat, banyak lagi perkara yang nak dibangkit? Kalau panjang, duduklah. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sidang ini saya tangguhkan sehingga esok, 26 Jun 2008, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KEENAM	KHAMIS, 26 JUN 2008	BIL. 2 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia bte Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
Dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah bte Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
Dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman, KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah Binti Mansor,
(Penawar)

Y.B.Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof,
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Encik Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M.Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Tak ada apa Yang Berhormat, semalam pasukan *favourite* saya Turki kalah 3-2 dengan Hitler. Yang Berhormat, Persidangan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, jemput.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan 1. [Apakah perancangan dan tindakan Kerajaan ke atas masalah hakisan pantai di sepanjang pantai dari Pontian hingga ke Tanjung Piai yang amat memerlukan tindakan segera?]

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Ariss bin Samsudin, jemput.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin (Semerah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 2. [Negeri Johor ini memiliki kawasan perairannya yang luas. Dari segi geografinya, Negeri Johor mempunyai perairan Selat Melaka, Selat Tebrau hinggalah Laut China Selatan. Adakah Kerajaan melalui agensi yang bertanggungjawab telah menyediakan laporan berkaitan dengan kesan hakisan pantai yang berlaku di setiap kawasan pantai di negeri ini. Apakah langkah, perancangan dan tindakan yang telah dilaksanakan setakat ini bagi menjamin penduduk-penduduk di pinggir pantai yang sering dihantui perasaan bimbang dan takut. Jadikan negeri sebelah pantai timur, Kelantan dan Terengganu sebagai ingatan sebelum terlewat. Di DUN Semerah dari Pekan Semerah ke Muhibah.]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya menjawab kedua-dua soalan itu sekali gus. Sejak tahun 1987 lagi, Kerajaan telah melaksanakan strategi yang berbentuk tindakan 2 peringkat bagi mengawal masalah hakisan pantai di seluruh negara iaitu tindakan jangka pendek adalah dalam bentuk kerja-kerja kejuruteraan termasuk pembinaan struktur-struktur kawalan hakisan di kawasan-kawasan pantai yang menghadapi hakisan yang kritikal untuk melindungi kemudahan dan harta benda dari ancaman hakisan laut. Bagi kawasan lain yang belum sampai ke tahap kritikal, pemantauan ke atas status hakisan dijalankan dari masa ke semasa dan tindakan sewajarnya akan diambil sekiranya didapati telah menjadi serius. JPS bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja reka bentuk dan pembinaan yang diperlukan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi tindakan jangka panjang pula adalah dengan merancang guna tanah dan mengurus pembangunan di zon pantai

dengan memberi pertimbangan sewajarnya kepada proses-proses semula jadi pantai sebelum sesuatu pembangunan dilaksanakan. Tindakan ini diambil bertujuan untuk mengelak daripada risiko hakisan dan keperluan kerja-kerja perlindungan pantai yang mahal di masa-masa hadapan. Instrumen di bawah strategi jangka panjang ini adalah:

i. Surat Pekeliling Am 5/1987 dari Jabatan Perdana Menteri yang mengarahkan semua agensi atau pihak yang ingin melaksanakan pembangunan di zon pantai agar merujuk kepada JPS.
ii. Penyediaan pelan pengurusan pesisiran pantai bersepadu*, Integrated Shoreline Management Plan,* dengan izin yang mengenal pasti keadaan fizikal pantai semasa termasuk hakisan, pemendapan, saluran pelayaran, masalah saliran dan banjir, pencemaran kualiti air, impak kepada habitat yang sensitif seperti terumbu karang. Pelan ini juga merancang kawalan hakisan pantai dan mengesyorkan guna tanah yang paling optima.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi Negeri Johor pula projek-projek mencegah hakisan pantai yang telah dilaksanakan dari tahun 2005 adalah seperti berikut:

i. Membina tembok penahan hakisan di Kampung Panchor, Kota Tinggi dalam tahun 2006, kos pembinaan RM160,000.00.
ii. Membina tembok penahan hakisan di Kampung Changi, Teluk Sengat dan Kampung Simon di Kota Tinggi tahun 2007 sebanyak RM497,549.00.
iii. Membina *rock revetment* di Tanjung Langsat di Johor Bahru pada tahun 2006, bernilai sebanyak RM171,000.00.
iv. Membina *concrete wall revetment* di Tanjung Langsat, Johor Bahru pada tahun 2007 bernilai RM299,300.00.
v. Membina *concrete wall revetment* di Kampung Tanjung Langsat, Johor Bahru juga pada tahun 2008 bernilai RM150,000.00.
vi. Membina Geo *Tube*, dengan izin di Tanjung Piai di Daerah Pontian pada tahun 2005 bernilai RM1,696,640.00.
vii. Membina tembok penahan hakisan di Tanjung Piai, Pontian pada tahun 2006 bernilai RM388,234.00.
viii. Membina *rock revetment* di Tanjung Piai di Daerah Pontian pada tahun 2007 bernilai RM392,966.00.
ix. Membina *rock revetment* di Kuala Sungai Pontian Besar di Daerah Pontian pada tahun 2007 bernilai RM3,969,560.00.
x. Meninggikan benteng di Kuala Sungai Rambah dan Parit Serong, Pontian tahun 2007 bernilai RM285,987.00.
xi. Membina *rock revetment* di Sungai Bongkang di Perpat Pasir, Pontian pada tahun 2007 bernilai RM198,330.00.
xii. Membina *rock revetment* di Pantai Punggur di Daerah Batu Pahat pada tahun 2006 bernilai RM193,930.00.
xiii. Meninggikan benteng batu di Pantai Sungai Lurus di Daerah Batu Pahat pada tahun 2006 bernilai RM170,000.
xiv. Membuat *concrete rock revetment*...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat... ini sampai 100 ke? Lama ni karang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Takde, takde. Lagi 3, 4 sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Oh..., saya ingat macam 15.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : ... *concrete rock revetment* di Pantai Punggur di Batu Pahat 2007, RM125,450.00.

xv. Membina benteng batu di Kampung Sri Pantai, Senggarang, Batu Pahat pada tahun 2007 bernilai RM78,500.00.
xvi. Meninggikan benteng batu di Sungai Lurus, Batu Pahat pada tahun 2008 bernilai RM159,300.00.
xvii. Membina *concrete rock revetment* di Sungai Punggur, Batu Pahat juga pada tahun ini bernilai RM1,329,730.00 dan akhirnya,
xviii. Membina *rock revetment* di Seri Menanti di daerah Muar pada tahun 2005 bernilai RM3,686,541.00.

Manakala bagi kawasan pantai di DUN Semerah iaitu dari Pekan Semerah ke Muhibah, didapati ianya masih belum mengalami kesan hakisan dan dipenuhi dengan hutan bakau pada masa kini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, JPS menjalankan kerja-kerja pemantauan hakisan di kawasan pantai secara berkala agar tindakan pencegahan dapat diambil sekiranya terdapat kesan hakisan telah berlaku di sesuatu kawasan. Projek kawasan hakisan pantai yang akan dilaksanakan di kawasan Pontian hingga Tanjung Piai pada tahun ini adalah seperti berikut:

i. Meninggikan benteng di Kuala Sungai Rambah. RM147,200.00.
ii. Pembinaan *rock revetment* di Taman Awam, Bandar Pontian, RM200,000.00.
iii. Pembinaan *rock revetment* di Tanjung Piai berhadapan *Sea Wall,* RM200,000.00 juga.

Di samping itu juga, bagi mengatasi hakisan pantai secara keseluruhan di Taman Awam Bandar Pontian, permohonan peruntukan berjumlah RM2 juta telah dibuat Kerajaan Pusat tetapi masalah belum jawab, ada jawapan lagi. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ada lagi *oh*... dah habis? Hah... Parit Yaani.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Pantai oleh kerana alam semula jadi dia ada dua jenis, satu jenis hadapi hakisan, sejenis hadapi penambakan. Dan, saya ingin nak tahu bahawa sepanjang pantai Negeri Johor, mana yang hadapi hakisan, mana yang hadapi penambakan? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita tengok peta kedudukan Johor ini, Johor, Negeri Johor memang mempunyai

pantai yang terpanjang di Semenanjung Malaysia ini. Kita mempunyai pantai sepanjang 2, 492 kilometer di Johor. Dan boleh dikata 47.7peratus pantai kita mengalami hakisan iaitu sepanjang 234.8 kilometer mengalami masalah hakisan. Tetapi kita bahagikan keadaan hakisan itu dalam 3 kategori. Yang nombor satu, boleh di kategori, satu boleh dianggap sebagai kritikal. Kita mempunyai 28.9 kilometer sebagai kritikal. Yang dalam keadaan ketara adalah sepanjang 50.3 kilometer dalam kategori 2, baik ketara. Yang belum serius itu adalah 155.6 kilometer sebagai kategori 3. Jadi, itu kategori kita untuk memantau dan juga mengawalkan segala hakisan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat jemput.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Yang Berhormat Speaker, terima kasih soalan tambahan. Memandangkan di Tanjung Piai adalah satu kawasan yang telah terkenal di dunia sebagai S*outhern Tip of Asia*...

Y.B. Dato' Speaker : On, seluruh dunia eh…

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Sedunia, satu dunia Yang Berhormat. Jadi saya lihat hari ini di sebelah *Tip of Asia* tu dengan izin, masih belum lagi ada perancangan yang khusus supaya benda itu dapat dikekalkan. Kalau *tip* itu besok Yang Berhormat, kalau benda ini dah hilang, mungkin S*outhern Tip of Asia* dengan izin, akan beralih ke tempat lain. Dan juga saya difahamkan, di sepanjang pantai di Tanjung Piai ini telah pun, katanya hakisan telah, telah masuk 2 kilometer ke dalam tanah, ke dalam sebelah daratnya. Jadi, sebagaimana Yang Berhormat katakan apabila jika perlu, saya rasa di Tanjung Piai itu bukan jika perlu lagi, satu tindakan perangkaan yang betul-betul berkesan perlu diambil. Jadi, di sini soalan saya, bilakah perkara ini akan dapat dilaksanakan. Jadi itu saja, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, saya memang setuju apa yang nak dicadangkan oleh Yang Berhormat daripada kawasan Kukup. Kerajaan Negeri memang peka tentang kedudukan hakisan tanah pantai di Tanjung Piai, oleh kerana kelaluan kapal-kapal yang sering berada berdekatan dengan Tanjung Piai. Dan juga buat masa ini Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita tengok kapal ini berapa besar kalau banding dengan kapal dulu. Sekarang kapal memang rasa sangat laju, jadi ombak dia memang pukulan kuat ke atas kawasan Tanjung Piai dan masa ini kita bersama dengan JPS, Kerajaan Negeri untuk melantik seorang pakar yang memang pandai dalam *coastal management* dengan izin. *Integrated Coastal Management* khasnya kawasan Tanjung Piai. Memandangkan keadaan Tanjung Piai, Tanjung Piai itu kedudukan dia di selatan, dekat selatan, dekat dalam laluan kapal-kapal yang selalu melalui kawasan kita. Dan memang perkara ini dalam perhatian Kerajaan Negeri dan kita sedang berusaha untuk mengatasi masalah itu.

Y.B. Dato' Speaker : Bentayan.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan tambahan. Saya nak tanya, apakah tindakan Kerajaan ke atas masalah

hakisan di Tanjung Emas, Muar, memandangkan pejalan kaki di sana sedang mendap lebih kurang satu kaki.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dia mendap.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Ya.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ha, yang ini mendap Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Kita akan tengok apakah keadaan di Tanjung Emas.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, dia akan tengok kata dia, jangan lupa. Yang Berhormat Encik Ayub bin Rahmat.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 3. [Belia hari ini adalah pewaris kepimpinan masa depan; (a) Apakah sebenarnya peranan dan tanggungjawab Jabatan Belia dalam usaha membangun generasi muda hari ini. (b) Adakah program-program yang dianjurkan setakat ini memberikan kesan positif kepada pembentukan akhlak belia? Berapakah program yang telah dianjurkan dalam tempoh 2005 – 2007 berbanding kemerosotan akhlak dan moral remaja. (c) Apakah peranan dan tanggungjawab Majlis Belia Negeri dalam menyemarakkan semangat belia? Adakah matlamat dan objektif pertubuhan ini berjaya dan berkesan? Apakah status Majlis ini? Bagaimana sumber dana dan cara perbelanjaannya? Adakah terdapat salah urus dana dan perbelanjaan yang menyebabkan belia dan remaja Johor tidak merasai wujudnya majlis ini?]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, peranan dan tanggungjawab Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor adalah ke arah:

i. Mewujudkan masyarakat belia yang memiliki keperibadian yang bersepadu dari segi rohani, akidah dan jasmaniah, bertanggungjawab, bersemangat sukarela dan patriotik untuk menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran negara.
ii. Melahirkan masyarakat yang aktif, sihat dan cergas serta membangunkan atlet sukan berprestasi tinggi hingga ke taraf antarabangsa.
iii. Menyediakan program-program pembangunan belia dan sukan supaya dapat memberi sumbangan terbaik ke arah pembinaan bangsa dan Negara Malaysia yang cemerlang dalam pelbagai bidang, khususnya bagi meningkatkan pembangunan generasi muda ke arah mewarisi dan mengangkat peradaban bangsa dan negara dan pembangunan sukan untuk individu dan masyarakat.

Program-program yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan sememangnya memberi kesan yang positif dalam pembentukan belia. Ini dapat dibuktikan dengan kajian yang pernah dibuat oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Sebagai contoh, Program *Y2Y* yang

dilaksanakan oleh Jabatan Belia dan Sukan di Kawasan Parlimen Labis dalam Indeks Persukarelaan dan Patriotisme telah mencapai skor yang tinggi antara 49 hingga 76. Di samping itu, kajian ATPBM juga mendapati Indeks Skor Pembangunan Kendiri yang meliputi 5 *indicator* iaitu, penghargaan diri, infeksi diri, motivasi pencapaian emosi, inisiatif juga menunjukkan skor yang tinggi, di mana skor bagi Pembangunan Kendiri ini ialah 71.9, Infeksi Diri 71.1, Motivasi 72.9, Emosi 58.3 dan Inisiatif 56.5.

Skor yang tinggi dalam 5 *indicator* yang disebutkan di atas itu tadi, iaitu melebihi 50, menggambarkan seseorang belia yang mempunyai nilai diri yang tinggi. Ianya juga menggambarkan seseorang belia yang mempunyai akhlak yang baik dan dapat membezakan perlakuan yang buruk dan perlakuan yang baik. Dengan itu, dapatlah disimpulkan bahawa program yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan khususnya memberi kesan positif dalam pembentukan akhlak para belia.

Program-program yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor dalam tempoh 2005 hingga 2007, Jabatan telah mengadakan sebanyak 1,513 program meliputi 3 bahagian iaitu Belia, Sukan dan Rakan Muda. Butiran terperinci adalah seperti berikut: iaitu pada tahun 2005 ada 443 program; 2006, 393 program dan tahun 2007, 677 program. Dalam hal ini, jika dilihat daripada statistik yang berhubung dengan kes salah laku juvana yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Negeri Johor mencatatkan bilangan kes sebanyak 607 pada tahun 2007, 851 kes dalam tahun 2006, berbanding dengan 1,019 kes pada tahun 2005. Penurunan yang ditunjukkan oleh statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia menunjukkan bahawa program yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan dapat menyumbang ke arah penurunan tersebut melalui penganjuran-penganjuran program seperti berikut:

i. Program Jati Diri Kesukarelaan Nasional.

   a) Ia diperkenalkan bagi memberi peluang kepada remaja lepasan SPM yang tidak terpilih mengikuti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), yang berumur antara 16 hingga 18 tahun. Dalam program ini, lima elemen pembelajaran diterapkan dan didedahkan kepada peserta seperti kecemerlangan kendiri, kesukarelaan, kemahiran-kemahiran asas sosial, kemahiran merancang dan kenegaraan.
   b) Objektif umum program ini ialah untuk membina identiti diri peserta agar mengamalkan nilai budaya dan gaya hidup yang positif, membina daya kepimpinan peserta agar dapat menjadi pemimpin dan juga pengikut yang berkesan.
   c) Memupuk sikap prihatin serta membina masyarakat semangat kesukarelaan.
   d) Memberi pendedahan peluang melanjutkan pelajaran dan membina kemahiran vokasional.
   e) Membantu peserta mengenal potensi kerjaya yang bersesuaian dengan minat, kebolehan dan pengetahuan yang dimiliki, dan
   f) Mendedahkan peserta dengan maklumat keusahawanan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, apa dia?

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : *I* nak betulkan sebab dia melanggar syarat 45 (v) itu.

Y.B. Dato' Speaker : Apa benda eh?

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Baca, baca atas (isyarat tangan atas mikrofon). (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Ok, ok, oklah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, program yang kedua adalah:

ii. Program Kem Tunas Jiran Rakan Muda. Program ini dilaksanakan secara usaha sama di antara Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Tumpuan penyertaan adalah kepada remaja berumur 10 hingga 12 tahun dan pemilihan peserta berdasarkan kepada lokasi Kelab Rukun Tetangga, iaitu KRT. Jumlah penyertaan peserta dalam setiap program adalah seramai 200 orang pada musim cuti persekolahan yang diadakan selama 3 hingga 4, 4 hari 3 malam.

Objektif Kem Tunas Jiran Rakan Muda ini:

a) Menjadi platform aktiviti pilihan pada musim cuti sekolah.
b) Pendekatan untuk menyampaikan asas kemahiran hidup atau realiti kepada remaja.
c) Menanam nilai-nilai individu, keluarga, masyarakat dan negara dalam diri remaja.
d) Satu usaha untuk membentuk remaja ke arah personaliti yang unggul.

iii. Program Kem Rakan Muda Jiran Muda. Program ini dilaksanakan secara usaha sama juga di antara Kementerian Belia dan Sukan dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Tumpuan penyertaan adalah kepada remaja berumur 13 hingga 18 tahun, di mana pemilihan peserta adalah berdasarkan lokasi Kelab Rukun Tetangga iaitu KRT dan jumlah penyertaan peserta adalah seramai 200 orang pada musim cuti persekolahan selama 6 hari 5 malam.

Objektif program ini adalah :

a) Menjadi platform aktiviti pilihan pada musim cuti sekolah.
b) Pendekatan untuk menyampaikan asas kemahiran hidup atau realiti kepada remaja.
c) Menanamkan nilai-nilai individu, keluarga, masyarakat dan negara dalam diri remaja.
d) Usaha untuk membentuk remaja ke arah personaliti yang unggul.

Yang Berhormat Dato' Speaker, soal kemerosotan akhlak yang berlaku di kalangan remaja adalah suatu perkara yang subjektif. Rawatan yang sesuai boleh menyediakan pelbagai program untuk remaja tetapi hanya menjangkau yang terhad. Sebenarnya faktor-faktor lain seperti latar belakang keluarga, peranan ibu bapa, faktor persekitaran tempat tinggal dan perkembangan teknologi-teknologi maklumat yang terkini merupakan faktor yang menyumbang juga ke arah gejala sosial di kalangan remaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Majlis Belia Negeri Johor berperanan sebagai badan induk yang menyelaraskan pertubuhan belia di Negeri Johor. Ia bertanggungjawab dalam memelihara dan mengukuhkan prinsip kesukarelaan dan demokrasi dalam pergerakan belia, di samping menggalakkan persefahaman dan saling menghormati antara kaum. Majlis Belia Negeri Johor menganjurkan dan menggalakkan golongan belia menyertai pertubuhan belia dengan mengadakan pelbagai aktiviti sesuai dengan minat golongan belia seperti program kesukarelaan, patriotisme dan ekonomi.

Status Majlis Belia Negeri Johor, ianya masih aktif dan berdaftar dengan Pejabat Pendaftar Pertubuhan dan dalam proses pendaftaran di bawah Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Belia. Di mana Kementerian Belia dan Sukan, berkuat kuasa pada 1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2008, semua persatuan dan pertubuhan belia akan didaftarkan dengan pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia, Kementerian Belia dan Sukan di bawah Undang-Undang Malaysia, Akta 668 iaitu Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007, yang mana umur keahlian persatuan dan pertubuhan belia adalah 15 tahun hingga 40 tahun.

Bagi sumber dana Majlis Belia Negeri Johor, ianya diperolehi daripada Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dan Kerajaan Negeri Johor melalui peruntukan yang dikemukakan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor. Kaedah perbelanjaan di bawah Majlis Belia Negeri Johor adalah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Manakala peruntukan di bawah Kerajaan Negeri Johor diberikan dalam bentuk geran yang disalurkan kepada akaun Majlis Belia Negeri Johor. Dalam pengurusan dana perbelanjaan, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Kewangan dan Akaun yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor. Manakala ahli-ahlinya terdiri daripada Bendahari Majlis Belia Negeri Johor, wakil Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dari Cawangan Pentadbiran, wakil Pegawai Kewangan Negeri Johor dan Bendahari Negeri Johor atau wakilnya. Dan, Jawatankuasa ini bersidang sebanyak 3 kali setahun dan bertanggungjawab membuat pemantauan terhadap perbelanjaan yang dibuat oleh Majlis Belia Negeri Johor. Oleh itu, persoalan berhubung salah laku pengurusan tidak wujud sama sekali.

Y.B. Dato' Speaker : Kita pergi, Kemelah.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Terima kasihlah di atas jawapan yang telah diberikan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat Jawatankuasa Majlis Belia Negeri, ya?

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Ya, ya.

Y.B. Dato' Speaker : Apasal soal sini? (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Bukan, Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Saya pun baru perasan.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Sekarang saya nak soal yang lain, tetapi oleh kerana Dato' Speaker, merujuk kepada saya sebagai salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa Majlis Negeri Johor, yang pertama, soalan pertama tu saya abaikan, saya tumpukan pada soal Majlis Belia Negeri. Sebenarnya Dato' Speaker, yang berkaitan tentang Majlis Belia Negeri, kadang-kadang kita terlupa bahawa sebenarnya seperti yang dikatakan oleh EXCO yang berkaitan, bahawa umur di antara, umur yang sepatutnya menjadi belia di dalam Majlis Belia Negeri Johor adalah di antara 15 hingga 40 tahun. Tetapi, oleh kerana, terdapat di antara pemimpin-pemimpin belia ini walaupun dah tua tetapi merasakan bahawa mereka ini masih lagi muda, 60 tahun pun masih lagi mengatakan bahawa mereka ini adalah merupakan pemimpin belia sebelum akta ini dikuatkuasakan, maka berlaku kepincangan dari segi pengurusan dan juga pentadbiran Majlis Belia Negeri Johor. Saya, Tuan Pengerusi, saya nak bertanya, adakah betul, Dato' Speaker, adakah betul bahawa tidak ada salah urus yang berkaitan tentang pentadbiran dan juga yang berkaitan tentang urusan dana di dalam Majlis Belia Negeri Johor? Kalau ia berkatakan bahawa tidak, tetapi saya mencadangkan agar pihak EXCO berilah tumpuan yang sedalam, yang teliti tentang pengurusan dana kerana terdapat rungutan di kalangan belia-belia di Negeri Johor yang mengatakan bahawa Majlis Belia Negeri dalam tempoh yang ada ini tidak menumpukan tentang soal aktiviti.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Dilihat bahawa terdapat kepincangan di dalam salah urus dana.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, mesyuarat datang?

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Majlis Belia Negeri Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Tak ada eh?

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Dia buat mesyuarat kalau dalam tahun ni mungkin sekali ataupun dua kali, dan apabila dia buat mesyuarat kadang-kadang, masa yang ada pada ahli jawatankuasa tidak menepati.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, oklah Yang Berhormat. Patut Yang Berhormat soal dalam Majlis, ha'ah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Kemelah, di atas pandangan dan saya sebenarnya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kemelah, yang mana sebenarnya Majlis Belia Negeri Johor pada hari ini memang dalam

keadaan, yang kalau ikut saya punya penilaian memang sangat tidak memuaskan dari segi prestasi. Dan, saya bersetuju ini pun disebabkan oleh kepimpinan belia yang telah melebihi had umur sebagaimana yang disebutkan. Sebab itulah dalam proses peralihan kuasa yang sedang berlangsung sehingga hujung tahun ni, saya sendiri akan sentiasa memantau supaya:

i. Majlis-Majlis Belia Daerah terutama sekali tidak dijadikan sebagai medan untuk pertama, berebut jawatan.
ii. Dari segi komposisi kaum yang mewakili belia-belia terutama sekali kaum-kaum Cina dan India ni juga akan diberi perhatian supaya Majlis Belia Daerah dan Majlis Belia Negeri akan dapat menyumbang ke arah pembangunan belia sendiri di Negeri Johor ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Pasir Raja.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Bolehkah pihak Yang Berhormat menjelaskan kepada Dewan ini, apakah yang dibentuk sekarang hanya jadi pemimpin, dilatih jadi pemimpin sedangkan kelompok yang besar dalam belia itu ialah mereka yang digelar sebagai *follower* ataupun pengikut? Adakah modul khusus ataupun kaedah yang dijalankan supaya mereka juga menjadi *efficient follower*, dengan izin, Yang Berhormat. Alasannya kalau mereka masuk belia, mereka nak jadi pemimpin, tak dapat jadi pemimpin, mereka tinggalkan belia. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Emm.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, cabaran gerakan belia hari ini ialah soal nak menerapkan nilai-nilai kesukarelawan di kalangan generasi muda. Sebab itu saya katakan tadi, dalam nak membentuk semula Majlis-Majlis Belia Daerah dan Negeri ini, perkara pertama yang saya beri perhatian ialah saya tidak mahu jadikan Majlis-Majlis Belia Daerah ini dijadikan medan untuk berebut jawatan dan sebagainya. Kerana saya nakkan mereka-mereka yang betul-betul aktif, betul-betul ada *vision* dalam belia, kita letakkan dalam Majlis Belia Daerah dan seterusnya pemimpin Majlis Belia Negeri. Soal program untuk melahirkan *followers* ataupun pengikut yang baik ini, sebenarnya bergantung kepada pertama sekali program-program ini kita tertakluk dengan program-program yang dirancang ataupun dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan terutama sekali dalam program-program Rakan Muda. Dan, di peringkat negeri kita hanya menyelaraskan, cuma yang penting kat sini ialah peranan pemimpin belia itu sendiri, dalam kadang-kadang, kita minta mereka hantar peserta-peserta dalam program tetapi kebanyakan yang saya lihat ialah pemimpin-pemimpin belia menghantar orang yang sama. Kursus Jati Diri, orang yang sama, nanti Kursus Keusahawan, orang yang sama. Dia tidak berkembang, patut kita perlukan pemimpin-pemimpin belia yang betul-betul ada wawasan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, Yong Peng.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Parit Yaani.

Y.B. Dato' Speaker : Parit Yaani, ok.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Saya nampak amoi ajelah. (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Tak apa.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, oklah.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya haraplah Pengerusi Portfolio yang berkenaan beri jawapan jangan panjang sangat sehingga tak ditanya pun dijawab.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat, dia nak jawab hal dialah, Yang Berhormat. Bila dia jawab pendek, Yang Berhormat dulu bangun, apa jawab pendek? Bila dia panjang, apasal panjang? Lebih baik jangan jawab langsung. (Dewan ketawa). Mana...

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Panjang sangat pun jadi...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, tak kisahlah.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ok.

Y.B. Dato' Speaker : Apa dia soalan?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Soalan tambahan, saya memang puji program-program yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan, begitu banyak, begitu baik, ini memang bagus. Tetapinya, kesan bagaimana Jabatan Belia dan Sukan banyak program, masalah mat rempit semakin tambah dan serius? Saya nak tahu, adakah ini kena mengena dengan program yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan? Atau mat rempit ini lain bahagian, supaya mereka tidak diambil campur, masuk dalam program yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Hari Belia kat Mersing, Yang Berhormat tak ada eh?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ada, tapi mat rempit...

Y.B. Dato' Speaker : Mana pulak ada, saya yang ada. (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Saya, kita biasa tak ke depan.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, makna, Yang Berhormat cakap tak ada, ada kerja lain.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Ada, saya tunjuk muka, saya biasa tak suka tunjuk muka.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ha'ah.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Kita *low profile*.

Y.B. Dato' Speaker : Ye ke?

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Dah, tak datang tu, tak mengaku juga. (Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan golongan mat rempit ni, pertama, kita jangan anggap golongan mat rempit ni sebagai golongan yang nakal ataupun golongan yang tak baik. Sebenarnya kita kena anggap mereka ini secara positif. Kerana di kalangan mereka ni sebenarnya cuma segelintir aje mungkin yang menunjukkan sikap-sikap tidak baik, naik motor laju dan sebagainya. Tapi, ramai juga di kalangan mereka ini yang baik dan cuma kegemaran mereka ini adalah dia naik motor, suka naik motor ke sana ke mari, eh. *So*, untuk program mat rempit ni sebenarnya sebelum ini di peringkat Kementerian Belia dan Sukan, ada program sukan malam. Tapi kita di peringkat...

Y.B. Dato' Speaker : Sukan malam, yalah. Tak apa, tak apa, jemput, ada orang tak minat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang naik motor *wheelly* tu ya. *So*, kita, di peringkat Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor sedang mengkaji sama ada program ini sesuai atau tidak. Kerana, bila dia nak adakan program pertandingan motor *wheelly* itu, program itu satu malam aje. Tetapi, dia akan berlatih hari-hari, tiap-tiap malam. Jadi, kita menggalakkan mat rempit ni buat, naik motor macam tu. Sebab itulah kita sedang memikirkan untuk mengadakan kembara mat rempit ni. Daripada kita kumpulkan sebab kumpulan mat rempit ni satu lagi saya nak beritahu, Dewan yang mulia ini ialah mereka ini mempunyai satu kumpulan yang amat sistematik. Maknanya, kalau kita panggil dalam masa dua, tiga hari, dia boleh kumpul beratus-ratus orang. Dan, di semua daerah dia ada kepala-kepala ni. Sebab itulah kita cadang, kita nak adakan program Kembara Mat Rempit ni, ni namalah, nama tu kita akan, *branding* itu akan bagi kemudianlah. Yang mana program ini ialah kita nak bawa mat rempit ni, naik motor dari satu daerah ke satu daerah, kemudian sampai satu daerah lain, dia akan buat program kemasyarakatan, gotong-royong dan sebagainya. Kemudian dia akan balik semula, disambung dengan kumpulan daripada daerah ni, berkembara ke daerah lain dan seluruhlah Negeri Johor. Selain daripada itu juga, kita nak adakan dalam program kemasyarakatan juga, program-program yang berkaitan dengan keselamatan, kesedaran menunggang motosikal dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Abd. Halim bin Suleiman, jemput.

Y.B. Tuan Haji Abd. Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 4. [Guru KAFA/Agama. (a) Mengapakah pembayaran elaun guru KAFA/Agama sering tertangguh? (b) Berapakah

gaji/elaun guru KAFA/Agama. (c) Apakah langkah kerajaan bagi menaikkan elaun/gaji guru KAFA/Agama?]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmaanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, pembayaran elaun guru-guru KAFA dibuat pada setiap bulan melalui Bank Simpanan Nasional. Setakat ini tidak pernah berlaku pembayaran elaun tertangguh untuk guru-guru KAFA ini. Bagi menjawab bahagian b, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, elaun guru KAFA terbahagi 2 bahagian, satu bagi mereka yang mengajar 3 jam, menerima RM612.00, Akademik RM500.00 daripada JAKIM dan RM112.00 dari Kerajaan Negeri. Sementara itu, bagi mereka yang mengajar 4 jam setengah, menerima sebanyak RM812.00, RM500.00 daripada JAKIM dan selebihnya sebanyak RM312.00 sumbangan dari Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, setiap tahun, JAKIM memberi peruntukan kepada Kerajaan Negeri Johor untuk elaun guru KAFA sebanyak RM14.1 juta. Di samping itu, Kerajaan Negeri Johor juga telah menambah peruntukan tersebut sebanyak RM5.6 juta setahun. Dan dengan peruntukan tambahan ini, seramai 1,850 orang guru KAFA menerima elaun. 1,000 orang sebanyak RM812.00 manakala yang lebihnya seramai 850 orang menerima RM612.00.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Johor menyedari dan prihatin tentang kadar elaun yang dibayar kepada guru-guru KAFA ini. Memandangkan perkhidmatan dan pembayaran elaun guru KAFA ini di bawah kawalan dan pentadbiran JAKIM, maka wakil-wakil Kerajaan Negeri telah membangkitkan isu ini kepada Kerajaan Persekutuan dalam Mesyuarat JAKIM supaya dinilai semula elaun guru-guru KAFA ini. Dan untuk makluman Dewan yang Mulia ini, perkara ini sedang dalam pertimbangan Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

Y. B. Dato' Speaker : Ya, Puteri Wangsa.

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, tadi telah diterangkan bahawa elaun untuk guru KAFA Sandaran 3 jam setengah RM612.00 manakala kita tahu bahawa 4 jam setengah RM812.00. Baru-baru ini, saya ke sekolah agama di dalam kawasan saya, tidak payah dinyatakanlah. Mereka menyatakan bahawa elaun untuk guru sandaran bekerja selama 4 jam setengah sebanyak RM712.00. Itu soalan pertama, bukan menuju soalan pertama, saya menerangkan tentang jawapan soalan pertama. Yang keduanya, bahawa tidak pernah lambat bayaran elaun. Saya diberitahu oleh guru-guru, kadang-kadang elaun ini lambat selama 2 bulan untuk dibayar dan didahulukan oleh Badan Kebajikan Sekolah. Jadi, kenapa ini boleh berlaku? Dan kenapa tidak ada *standard* yang sama, dengan izin di antara Sekolah-Sekolah Agama dalam negara kita? Sebagai contoh, Johor yang memulakan permulaan pembelajaran Sekolah Agama manakala negeri lain mengikut. Di Selangor, sebagai contoh RM800.00 lebih, di Penang RM900.00 lebih gaji dan kalau lihat statistik sekolah mengajar di Taman Daya, 2,300 orang

murid, 21 orang guru. Jadi ini menunjukkan bahawa bukan mereka tidak hendak kerja kerana elaun yang diberikan kepada mereka. Mungkin, selalunya kita ini, ingatkan fisabillillah, sedekah, tapi mereka hendak makan, apa ini duit Kancil pun dah RM300.00 lebih. Sepatutnya Jabatan Agama memikirkan telah lama untuk menyelesaikan masalah guru KAFA supaya mereka boleh memberi tumpuan pengajaran agama kepada anak-anak kita.

Y.B. Dato' Speaker : Soalannya Yang Berhormat?

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Jadi, soalannya saya dah cakap, kenapa? Yang keduanya...

Y.B. Dato' Speaker : Satu sahaja...

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yalah dan bayaran, bayaran kepada guru KAFA ini melalui Badan Kebajikan menggunakan duit. Jadi, saya mengharapkan perkara ini perlu diambil tindakan segera untuk menyelesaikan masalah bayaran guru KAFA. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Hah...ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Puteri Wangsa. Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagaimana yang saya nyatakan sebentar tadi, perkhidmatan sebagai guru KAFA ini adalah di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan iaitu melalui JAKIM. Segala dasar diputuskan oleh mereka. Sebagai contoh, katakan dia hendak naikkan elaun daripada RM500.00 kepada satu jumlah yang lebih tinggi, maka Kerajaan Persekutuanlah yang akan menentukan. Kita sebenarnya, Kerajaan Johor telah pun membuatkan penambahan. Yang saya cakap tadi, kalaulah guru KAFA yang mengajar bagi 4 jam setengah, RM800.00 menerima RM812.00, RM500.00 itu daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Johor menokok sebanyak RM312.00. Itu yang setakat ini Kerajaan Johor mampulahkan. Jadi, sebab itu...

Y.B. Dato' Speaker : Majlis tidak boleh beri, Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Ya....

Y.B. Dato' Speaker : Majlis Agama Islam tidak boleh bantu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Ini kerajaan, kerajaan Negeri punya. Elaun ini daripada Kerajaan Negeri. Sebab itulah, sebagaimana yang saya nyatakan tadi, kita menyedari tentang kekurangan ini Yang Berhormat, dan Kerajaan Negeri yang hadir dalam Mesyuarat JAKIM telah pun membangkitkan perkara ini supaya dilihat semula, dikaji semula kadar bayaran yang diterima oleh guru-guru KAFA ini. Dan perkara ini sedang dalam perhatian, yang terakhir sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu perkara ini akan dibawa ke Mesyuarat Kabinet.

Y.B. Dato' Speaker : Hah... ada harapanlah...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Setakat itulah. Berkenaan dengan kelewatan tadi, saya ingin maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa sebagaimana yang saya nyatakan tadi, bayaran elaun guru-guru KAFA ini di kredit terus kepada akaun masing-masing. Mungkin Yang Berhormat agak keliru dengan yang, saya tidak nafikan ada mereka yang lain, pembayaran elaun mereka lewat dan kelewatan itu disebabkan antaranya ialah dia tidak macam yang ini Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang ini kita kredit terus dalam akaun dia, itu dia kena buat tuntutan dulu dan sudah tentulah apabila mereka buat tuntutan pihak Jabatan akan meneliti segala tuntutan itu dan mungkin pertanyaan-pertanyaan tertentu akan dibuat. Sebab itulah masa kita isikan borang tuntutan itu, borang tuntutan itu hendaklah selain daripada lengkap, mesti tepat dengan maklumat-maklumat yang dikehendaki supaya tidak berlaku kelewatan. Jadi, saya hendak balik kepada yang ini, sebenarnya yang ini tidak ada kelewatan, sebab kita kredit terus ke dalam akaun masing-masing di Bank Simpanan Nasional.

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya minta benda ini diperiksa.

Y.B. Dato' Speaker : Hah.. ok.

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Jawapan Pengerusi mengatakan tidak ada kelewatan, laporan dan aduan daripada guru ada. Ini saya ada... Peraturan Tetap saya... Perkara 5.

Y.B. Dato' Speaker : Hah.. ok.

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Jadi maknanya, kalau nak menyampuk itu, biar ada fasal. Ini ada fasal, sebab itu saya hendak tanya. Sebab benda ini, kena selidik betul-betul.

Y.B. Dato' Speaker : Hah.. ok.

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Jangan menjawab untuk melepaskan batuk di tangga. Ini masalah yang menimpa rakyat. Ini masalah agama, kita kena betulkan sikit Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Hah.. ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih pandangan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Apa yang saya tekankan saya merujuk kepada guru KAFA. Saya tidak nafikan sebagaimana yang saya nyatakan tadi, mungkin ada kelewatan tapi bukan bagi jawatan guru-guru KAFA. Jawatan guru di mana bayaran elaun itu akan dibayar berasaskan kepada tuntutan yang dibuat. Kalau borang tuntutan yang dikemukakan itu lengkap dan tepat dan tidak ada kuiri dibuat oleh pihak-pihak tertentu, maka biasanya pembayaran akan dibuat secepat yang mungkin...

Y.B. Dato' Speaker : Hah.. oklah....

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Walau bagaimanapun, saya ingin memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat, yang begitu prihatin tentang hal ini, kita akan semak dan kita akan perbaiki lagi...

Y.B. Dato' Speaker : Insya-Allah...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Kalau terdapat kekurangan pada sistem yang ada....

Y.B. Dato' Speaker : Ok Pengerusi akan lihatkanlah. Ok, Ahli Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Aziz bin Sapian, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 5. [Hospital dan klinik kerajaan pada masa ini sering dikunjungi oleh pekerja-pekerja asing bagi tujuan rawatan dan mendapatkan pemeriksaan kesihatan. Soalannya : (a) Berapakah caj yang dikenakan ke atas warganegara asing? (b) Bagaimanakah subsidi ubat, adakah ubat yang diberikan kepada mereka termasuk subsidi yang diperuntukkan kepada masyarakat tempatan? (c) Klinik Kesihatan Kerajaan yang telah sedia ada dan ditambah dengan warga asing menyebabkan keadaan tidak selesa kepada penduduk tempatan. Apakah pelan tindakan kerajaan dalam hal ini? (d) Tiadakah peraturan yang dikenakan terhadap majikan untuk melantik panel di kalangan doktor swasta dan rawatan pesakit warga asing ini?]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.....

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, caj-caj rawatan ke atas warganegara asing adalah tertakluk di bawah perintah Fl Pindaan 2003, caj baru bagi pesakit orang asing. Jadi, kalau kita lihat pesakit luar untuk *out patient department* , caj yang dikenakan kepada warganegara asing adalah RM15.00 kalau dibandingkan dengan warganegara Malaysia RM1.00 sahaja. Pesakit luar pakar, maknanya SOPD, *Surgical Out Patient Department* yang ada pakar-pakar, *out patient,* apa klinik kepakaran untuk warganegara asing adalah RM60.00, pertama kali ke, dua kali ke, tiga kali RM60.00. Kalau warga Malaysia, pertama kali kita kasi, kalau dia *refer* oleh doktor swasta RM30.00, kali kedua RM5.00 seterusnya RM5.00 sahajalah. Itu dengan ubat. Dan kecemasan, warganegara asing kalau datang ke klinik kita ataupun ke hospital-hospital Kerajaan adalah RM50.00 sekali datanglah. Jadi, bila kes-kes kecemasan mereka ini di caj RM50.00 dan untuk kecemasan warganegara kita adalah RM1.00 sahaja. Caj-caj lain seperti deposit untuk kemasukan hospital. Kalau warganegara asing untuk perubatan kelas satu RM1,400.00, kelas dua RM600.00, kelas tiga RM400.00. Kalau dibandingkan dengan warganegara Malaysia, perubatan kelas pertama adalah RM700.00, kelas dua RM200.00, kelas tiga RM20.00 sahaja. Kes pembedahan pulak, warganegara asing kelas pertama RM2,200.00, kelas kedua RM1000.00, kelas ketiga RM800.00 kalau dibandingkan dengan warganegara Malaysia,

pembedahan RM1,100.00 untuk kelas pertama, kelas kedua adalah RM400.00 dan kelas ketiga RM30.00 sahaja. Untuk sakit puan, ini penting ini, sakit puan ni ya.

Y.B. Dato' Speaker : Sakit apa...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Sakit puan, bukan sakit tuan....

Y.B. Dato' Speaker : Ha'ah... bukan sakit sayalah... sakit puan....

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ha'ah... sakit sayalah.. Jadi untuk sakit puan ini, untuk warganegara asing, kelas pertama RM1,400.00, kelas kedua RM1000.00 dan kelas ketiga RM800.00 kalau dibandingkan untuk *Malaysian,* kelas pertama RM800.00, kelas kedua RM350.00, kelas ketiga RM15.00 sahaja. Jadi, itu caj kemasukan wad. Caj deposit. Caj-caj wad pula, untuk warganegara asing adalah caj sehari kalau dia, kita ambil kalau satu katil tu RM60.00, kalau kita ambil yang 4 katil dalam satu wad itu untuk warganegara asing adalah RM40.00 tapi kita adalah percuma. Dan kalau dimasukkan ke ICU, CCU untuk dewasa warganegara asing RM200.00, eh RM300.00 sehari, untuk kanak-kanak RM250.00 sehari, nurseri RM45.00 sehari, tetapi warganegara kita *free,* percuma. Caj-caj rawatan yang lain untuk warganegara asing adalah RM10.00 sehari bagi seorang pesakit, dan yang penting untuk kita lihat adalah caj-caj bersalin. Kalau normal, bersalin normal untuk kelas pertama, untuk warganegara asing adalah RM500.00. Kalau kita kelas ketiga adalah RM10.00 sahaja, kelas kedua RM150.00. Kalau pembedahan *scissors, saesarean* untuk warganegara asing adalah RM1000.00, kalau kita hanya *saesarean* adalah RM100.00 sahaja. Dan kembar, kalau melahirkan kembar untuk warganegara asing adalah RM800.00, *forceps,* vakum ataupun songsang RM600.00. Jadi ada, apa kesulitan melahirkan tu pun kita cajlah.

Jadi, untuk jawapan kedua (b) kesemua caj rawatan yang dikenakan kepada warganegara asing adalah termasuk caj ubat sepertimana yang diperuntukkan kepada masyarakat tempatan. Jadi kita tak pisahkan caj ubat dengan rawatan. Caj ubat sama sahaja tetapi rawatan ataupun kemasukan hospital tu kita caj berasinganlah. Dan untuk (c) Kemasukan pesakit warganegara asing tetap diterima kerana adalah menjadi matlamat Kementerian Kesihatan untuk memberikan rawatan perubatan dan kesihatan kepada semua pesakit yang datang ke hospital atau klinik kerajaan tanpa mengira sama ada seorang itu warganegara atau tidak dan sekali-kali tidak menafikan hak seseorang itu mendapatkan rawatan. Walau bagaimanapun, bagi pesakit warga asing mereka dikenakan caj rawatan dan perubatan secara relatifnya lebih tinggi jika dibandingkan dengan warganegara Malaysia. Jadi kita tidak ada *specification* dalam *medical,* kita tak pilih bululah, warna ke, kulit ke, tak de. Walaupun pesakit tu hendakkan rawatan walaupun dia musuh, kita pun kena juga beri rawatan. Itulah adalah sumpah hypocritias seorang doktor, bayangkan eh.

Y.B. Dato' Speaker : Perompak pun diberikan ubat juga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Kalau perompak dia tunjuk pistol pun, dia sakit kita akan rawatkanlah.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, bila dia baik dia rompak lagi. Ha bagus juga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Jadi, pelantikan panel di klinik-klinik swasta adalah terletak di bawah majikan masing-masing dan setakat ini tiada cadangan daripada Kementerian Kesihatan. Jadi, kalau panel swasta tu bergantung kepada majikan dia kalau dia hendakkan panel kesihatan dia, dia akan merujuk ke situlah. Kita di klinik ataupun hospital kerajaan tak ada panel macam tu, terima kasih.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Nusajaya.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Adakah rancangan Kerajaan untuk tidak membenarkan pesakit pekerja-pekerja asing ini ke klinik Kerajaan. Sebab kalau kita dengar tadi perompak pun dibagi ubat jugak. Tetapi sekarang ni keadaan kesesakan klinik kita tidak mengizinkan pekerja-pekerja asing ini untuk diberi rawatan di klinik-klinik Kerajaan. Dan kalau kerajaan nak meneruskan jugak saya mintalah supaya Kerajaan membuat klinik-klinik persendirian untuk pekerja-pekerja asing khas, terima kasih.

Y.B. Dato Speaker : Doktornya siapa.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Doktor Robiah ni. (Dewan ketawa)

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat. Awak ni tak baik tau, ha...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Insya-Allah, insya-Allah, jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun kesesakan terdapat di hospital atau klinik kerajaan, kita banyak perancangan yang kita lakukan. Kita terima sahaja, seperti saya ambil contoh klinik Kesihatan di Jalan Mahmoodiah tu. Kita terima pesakit ...

Y.B. Dato' Speaker : Apa Yang Berhormat? Jalan Mahmoodiah tu dia buat kubur, mati tau tu. (Dewan Ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Depan tu.

Y.B. Dato' Speaker : Ha... depan dia tu, yang baru tu...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Jadi, untuk makluman klinik itu kita *extend*kan masa

rawatan daripada 8:00 sampai 5:00, 5:00 sampai 9:00 malam. Kita buka untuk pesakit luar, kecemasan ke hospital, pesakit luar tu yang *cold cases*, demam, batuk, selesema dan sebagainya sampai 9:00 malam. Dan begitu juga di hospital-hospital seperti Kluang, Bandar Maharani, kita *extend* kan waktu rawatan tu hingga 12:00 malam. Itulah kemudahan-kemudahan kerajaan sediakan untuk semua pesakit. Jadi, kita Yang Berhormat Dato' Speaker, kita buka kepada siapa sahaja, tidak ada soal kesesakan. Jadi, tak adalah dalam Kementerian kita tak adalah untuk mewujudkan klinik swasta untuk khas untuk swasta tak ada. Sebab itulah saya tekankan di sini bahawa dalam perubatan *no specification* dengan izin. Tak ada perbezaan, dan tak ada khusus untuk pesakit luarlah, pesakit asinglah, orang apa ke, kita terima semuanya.

Y.B. Dato' Speaker : Ni.. WHO punya aturan *World Health Organisation.*

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih.

Y.B. Encik Munusamy a/l Maresmuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Dato' Speaker. Tolong pandang sebelah sini Dato' Speaker, 3 hari saya dah bangun tak nampak, tak nampak. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Saya memang pandang tetapi saya tak nampak. (Dewan ketawa) Yang Berhormat cuba cat sikit ke muka ke.

Y.B. Encik Munusamy a/l Maresmuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker benarkan saya boleh pakai kot yang lebih cerah lagi. (Dewan ketawa)

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat calit putih je depan tu saya nampak. Ok saya berilah, tak apalah kesian dia dah gelap sangat.

Y.B. Encik Munusamy a/l Maresmuthu (Permas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya, adakah pihak majikan diwajibkan melantik panel doktor untuk pekerja-pekerja asing. Dan adakah pesakit-pesakit yang pergi ke hospital-hospital Kerajaan perlu dirujuk daripada panel doktor ini. Dan satu lagi berhubung dengan jumlah setahun berapa ramai pekerja-pekerja asing di dalam wad dan berapa banyak dibelanjakan.

Y.B. Dato' Speaker : Itu dah lain dah, Yang Berhormat jawab satu je.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Saya jawab satu je.

Y.B. Dato' Speaker : Yang itu tak ada *figure*.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Adakah majikan melantik panel, itu tergantung kepada majikannya sendiri. Kalau *company*nya besar dan dia ada kemampuan, kebajikan dia, duit dia dan sebagainya. Dia akan melantik bukan satu je panel doktor, dia boleh banyak panel doktor yang dilantik untuk pekerja-pekerja dia. Jadi, kerajaan memang takdelah untuk membuatkan panel doktor untuk dia orang ni semua. Jadi atas tanggungjawab majikan.

Y.B. Dato' Speaker : Terpulanglah. Yalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terpulanglah kepada majikan untuk mengadakan melantik panel-panel doktor untuk *company* dia.

Y.B. Dato' Speaker : Sungai Abong.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Doktor eh...

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Ya, saya.

Y.B. Dato' Speaker : Buat apa tanya, dah doktor. Oklah.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Saya ingin bertanya, memandangkan semua pekerja-pekerja asing diizinkan ke hospital walaupun dalam keadaan tak mampu untuk membayar caj rawatan. Sekiranya ini berlaku, apakah tindakan kerajaan terhadap majikan ataupun pekerja asing yang tak mampu dimasukkan ke hospital tetapi tidak mampu untuk membayar caj-caj perubatan dan rawatan, sekian.

Y.B. Dato' Speaker : Ha... jawab doktor.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, ha... tentang tak mampu ni, kalau warganegara kita, memang kita ada, tiap-tiap hospital atau klinik kerajaan kita ada Badan Kebajikan di mana mereka ini kalau tak mampu, dia boleh bertemu dengan Pegawai Kebajikan di situ untuk minta turunkan harga ke dan sebagainya. Ataupun daripada Wakil Rakyat pun boleh jugalah merujukkan perkara ini supaya mereka ini dikurangkan bayaran ataupun hapus kira pun bolehlah. Kita tengok keadaan, kalau pesakit tu kuat ataupun dia kena *emergency operation,* menelan belanja yang besar, jadi pegawai kerajaan ini akan merujuk kepada Kebajikan di mana kita ada Yayasan Badan Kebajikan Nasional. Jadi untuk *operation* yang besar dan memerlukan apa dia akan bagilah untuk ini. Ini pun termasuk juga warganegara asing, kalau pekerja warganegara asing tak mampu, rujukkan kepada Badan Kebajikan ni, kita akan rujuk kepada majikan dia untuk membayarlah. Insya-Allah setakat ini terlaksanalah.

Y.B. Dato' Speaker : Klinik swasta pun sama jugalah eh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Klinik swasta dia kira...

Y.B. Dato' Speaker : Terpulang pada dialah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terpulang pada dialah, caj dia pun lain.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah Sungai Abong dia bagus. Orang dalam negeri *free,* yang lain kena bayarlah. Yang Berhormat Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, jemput. Eh.. tadi Haji Sapian ni.. betul ke. Ha...betul-betul ok.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 6. [Berapa banyak penswastaan yang telah diluluskan oleh MBJB bagi tempoh satu tahun (Mei 2007-Mei 2008). (a) Jenis projek penswastaan yang diluluskan. (b) Keuntungan yang diperoleh oleh MBJB. (c) Jenis penswastaan – *built operate transfer – joint venture* atau sebagainya.]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, Majlis Bandaraya Johor Bahru telah mengambil pendekatan membangunkan tanah-tanah milik Majlis secara penswastaan bertujuan meningkatkan lagi kecekapan pengurusan dan melaksanakan perkongsian bijak bagi membantu meningkatkan program pembangunan, menyediakan kemudahan awam dan sosial serta kemudahan infrastruktur di dalam kawasan PBT. Projek penswastaan Yang Berhormat Dato' Speaker yang dilaksanakan di Majlis Bandaraya Johor Bahru daripada Mei 2007 hingga Mei tahun ini iaitu dalam masa jangka masa setahun, merangkumi dua pendekatan:

i. Membangunkan tanah-tanah kepunyaan Majlis Bandaraya
ii. Menyerahkan pengurusan sesuatu kemudahan yang secara tradisinya diuruskan oleh Majlis kepada syarikat yang dilantik oleh Majlis.

Dan bagi tempoh setahun itu sebanyak 5 buah projek penswastaan, pengurusan telah diluluskan oleh Bandaraya:

i. Kompleks Pasar Taman Setia Indah.
ii. Medan Selera Taman Cempaka.
iii. Medan Selera Taman Johor Jaya, dan
iv. Gerai Atap Berlian Hutan Bandar dan akhirnya,
v. Pembinaan papan iklan elektronik yang berukuran 20 x 15 di Legaran Segget, Jalan Wong Ah Fook yang akan diserahkan kepada Majlis selepas 10 tahun siap dibina.

Kelima-lima projek ini telah pun diserahkan kepada syarikat yang dilantik Yang Berhormat Dato' Speaker, dan telah pun memulakan operasi. Pulangan yang akan diterima oleh Majlis melalui penswastaan anggarannya ialah RM446,880.00 lebih kurang gitulah setahun.

Melalui penswastaan pengurusan ini juga pihak Bandaraya telah berjaya sedikit sebanyak menjimatkan kos pengurusan yang dianggarkan berjumlah lebih kurang RM200,000.00 setahun. Ini termasuklah penjimatan tenaga pekerja dan juga kos-kos penyelenggaraan. Bagi projek pembangunan tanah milik Majlis Bandaraya pula, ianya adalah satu projek yang melibatkan dalam tempoh setahun ini 2 bidang tanah di Jalan Wong Ah Fook, di antara Jalan Wong Ah

Fook dan Jalan Trus iaitu Lot 1219 dan Lot 1215. Tanah-tanah ini adalah hasil daripada dahulunya, proses pengambilan balik tanah yang dibuat oleh kerajaan dan projek ini dilaksanakan melalui pendekatan B.O.T ataupun Built *Operate and Transfer,* dengan izin, dengan melibatkan anggaran kos sebanyak lebih kurang RM10 juta ataupun RM10.9 juta. Projek ini akan diserahkan kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru, ikut perjanjiannya selepas tempoh 24 tahun. Dan, sepanjang tempoh operasi 24 tahun ini, pihak Majlis akan mempunyai ekuiti dengan ekuitinya sebanyak 30 *percent* ataupun 30 peratus daripada keuntungan yang diperolehi.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat Dato' Speaker, Majlis Bandaraya pada masa ini sedang nak kaji semula kesesuaian pendekatan ini yang telah dapat pandangan daripada Kerajaan Negeri supaya kawasan Wong Ah Fook ini dibangunkan semula secara komprehensif di bawah mungkinnya pengembalian sebuah perbadanan mengikut Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 ataupun Akta 172 iaitu dengan menubuhkan Perbadanan Bandaraya.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum ini banyak juga penswastaan-penswastaan yang telah pun dibuat oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru sama ada dalam pendekatan *deferred payment* ataupun *joint venture*. Apa yang saya lihat melalui pengalaman yang lalu iaitu, bukan keuntungan yang diperolehi akhirnya, bahkan juga kerugian yang besar. Saya mengambil contoh umpamanya penswastaan tentang Kompleks Perdagangan Bebas Cukai, *The Zone* umpamanya, *City Square*, Menara Blumasi, ini adalah penswastaan yang telah pun berjalan begitu lama dan akhirnya, tidak ada satu pulangan yang kalau difikirkan harganya menyerupai dengan tanah yang dipunyai oleh Bandaraya itu sendiri. Saya ingin tanya, apakah pendekatan yang dibuat oleh pihak Majlis Bandaraya dalam segi pemantauan kerana kalau kita mempunyai syer, kita mesti mengambil berat, mengambil tahu. Tetapi, apa yang saya tengok kadang-kadang tidak ada wakil yang mengurus tadbir di dalam Lembaga Pengarah Syarikat itu sendiri? Jadi, sudah tentulah sesuka hati dan senang lenang mereka yang menguruskan itu sama ada menggunakan berbagai-bagai helah untuk menyatakan kepada kita yang dia mengalami kerugian pada setiap tahun dan kita hanya menerimanya bulat-bulat. Dan, sebaliknya saya nak tanya juga kenapa, adakah penswastaan ini biasanya diluluskan hanya setakat Pihak Berkuasa Tempatan, Bandaraya ataupun di pihak Kerajaan Negeri kerana kadang-kadang ada percanggahan berlaku di pihak PBT meluluskan tetapi ada cadangan yang tidak relevan pihak Kerajaan Negeri mencadangkan balik supaya dibatalkan, sedangkan kadang-kadang perjanjian-perjanjian seperti ini sudah pun dimeterai.

Y.B. Dato' Speaker : Soalannya?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Itulah soalannya. Jadi, saya nak mendapatkan keterangan dan kesahihan perkara-perkara yang berlaku ketika ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, beberapa teguran yang dibuat oleh ADUN Kempas itu saya akuilah ada kebenarannya, ada kelemahannya dalam proses kita menswastakan projek-projek oleh Bandaraya ini yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat Kempas berkenaan dengan *The Zone* misalnya, *City Square*, itu semua adalah di luar apa ni, soalan yang ditanyakan iaitu dalam beberapa setahun ini. Tetapi, walau bagaimanapun sebab itulah penswastaan yang dibuat berkenaan dengan 2 lot yang saya sebutkan itu tadi di Jalan Wong Ah Fook, Lot 1219 dan 1215. Yang ini pun Bandaraya sekarang pun tengah melihatnya semula program ini dan kerana kita tahu, misalannya di *Zone* ada kerja-kerja yang telah dibuat oleh syarikat tanpa pengawasan, bukan sahaja pengawasan, tapi pengetahuan Majlis sendiri terlepas pandang kes-kes macam itu.

Jadi, untuk mengatasi kelemahan-kelemahan seumpama ini, dari segi pemantauan, nak menentukan keuntungan tadi, pengurangan kos yang kita cakap-cakap, tujuannya baik. Tapi, bila di implementasikan ada terdapat kelemahan-kelemahan ini. Kita sekarang sedang, permohonan pun telah diangkatkan kepada kerajaan untuk membolehkan Bandaraya menubuhkan perbadanan mengikut Akta Perancangan Bandar Dan Desa, Seksyen 41 yang membolehkannya menubuhkan perbadanan dalam sektor-sektor tertentu, mengawasi sektor-sektor tertentu termasuklah penswastaan ini supaya kerja-kerja dapat dijalankan dengan lebih cekap lagilah.

Dan berkenaan dengan pertanyaan tadi, ada pula macam mana nak swasta ini. Separuh kerajaan buat, separuh diputuskan di peringkat Majlis. Kebanyakan penswastaan diputuskan oleh peringkat Majlis. Tetapi, itu yang dimajukan terus kepada Majlis tetapi ada juga penswastaan yang dimajukan kepada misalannya, Setiausaha Kerajaan melalui UPEN, yang itu akan dibawa kepada kerajaan. Tetapi, Kerajaan Negeri telah pun sejak tahun lepas mengeluarkan arahan kepada semua PBT supaya mengangkat, program apa ni, urusan-urusan penswastaan ataupun permohonan-permohonan penswastaan ataupun cadangan-cadangan penswastaan di peringkat PBT untuk pengetahuan kerajaan sebelum dilaksanakan. Itu tahun lepas, apabila ada beberapa PBT membuat penswastaan yang banyak menyusahkan, mendatangkan kemudaratan kepada... apa ni masyarakat. Sebab itulah perkara macam yang disebutkan ADUN Kempas itu tadi berlaku.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, masa jawapan lisan dah habis. Mana-mana soalan yang disenaraikan secara lisan tidak dapat dijawab akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama juga.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat perbahasan disambung semula. Jemput.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Selamat sejahtera dan selamat pagi Yang Berhormat Dato' Speaker serta sidang Dewan yang saya muliakan sekalian. Terlebih dahulu di kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana membenarkan saya untuk menyambung semula ucapan sempena rundingan menjunjung kasih kepada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat jangan panjang. Semalam Yang Berhormat dah berapa minit? 10 minit semalam.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Bukan, 3 minit je semalam?

Y.B. Dato' Speaker : Ya?

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : 3 minit.

Y.B. Dato' Speaker : 3? 10. Lebih, lebih 3 minit mukadimah je. Lepas tu dia cakap lagi.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila kita membincang mengenai masalah sosial ini, antara faktor lain yang menyebabkan remaja terlibat dalam gejala sosial adalah mereka ada kekurangan tempat untuk berekreasi menghabiskan waktu-waktu lapang. Dan dikesempatan ini saya ingin menyeru kepada Kerajaan Negeri agar membina lebih banyak kawasan-kawasan aktiviti beriadah dan juga gelanggang-gelanggang. Dan tumpuan ini bukan hanya di kawasan-kawasan bandar tetapi juga di kawasan-kawasan luar bandar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terdapat juga golongan belia yang begitu ramai di kawasan-kawasan luar bandar terutama di kawasan perkampungan, ladang-ladang dan kampung-kampung baru. Dan, kita risau jikalau tumpuan tidak diberi di kawasan luar bandar, gejala sosial ini akan mula menular dan berleluasa di kawasan luar bandar ini dan maka lahirlah lebih ramai, lebih ramai Mat-Mat rempit, Mutu-Mutu rempit dan Chong-Chong rempit di kawasan-kawasan luar bandar ini, Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Mutu rempit apa?

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Mutu rempit ini, mat rempit juga tapi dia *Indian version.*

Y.B. Dato' Speaker : Oh.. Mutu rempit ya... Chong rempit, yalah.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, menjadikan itu sebagai alasan maka remaja memilih untuk melepak dan berpunca daripada itulah mereka mula berkecimpung dalam masalah-masalah seperti merokok, kenal kelab-kelab hiburan dan berpuncanya apabila terlibat dalam gejala-gejala seksual seperti merogol, sumbang mahram dan juga penagihan dadah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah penagihan dadah di negara ini masih ditahap yang serius dan ini melibatkan semua lapisan masyarakat seperti pelajar sekolah, pekerja-pekerja di tempat kerja, belia dan juga para ibu bapa. Tiada golongan yang terkecuali. Penagihan dadah tidak hanya setakat merosakkan diri penagih itu sendiri tetapi banyak pihak lain iaitu hidup dalam kekecewaan. Kekecewaan mengenangkan nasib orang yang tersayang menjadi penagih. Mereka yang hidup dalam kekecewaan ini biasanya terdiri daripada ibu bapa, adik-beradik, keluarga, sahabat handai kepada penagih tersebut malah pemimpin-pemimpin seperti Wakil Rakyat juga hidup dalam kekecewaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, yang lebih menyedihkan ialah ramai orang yang terlibat dalam dadah ini adalah terdiri daripada kaum-kaum belia. Menyedari serta menerima hakikat bahawa penagihan dadah bukan hanya akan memusnahkan kehidupan individu, ketenteraman keluarga serta keharmonian masyarakat, malah penagihan dadah yang berleluasa akan melumpuhkan ekonomi negara, sistem politik dan kerajaan serta juga budaya dan bangsa kita. Maka, masalah yang kompleks ini haruslah kita semua melihat dan menanganinya secara serius. Kerajaan haruslah peka akan masalah ini dan mengambil pelbagai langkah dan pendekatan bagi mengatasinya. Kerajaan juga mestilah memikir dan mencari kaedah baru supaya usaha ini terus diperbaiki dan ditambah dari masa ke masa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, usaha dalam pencegahan dadah haruslah bermula sejak awal lagi dan dia perlu diteruskan di semua peringkat sama ada di sekolah, tempat kerja atau masyarakat. Agensi Dadah, Agensi Anti Dadah Kebangsaan telah diberi tanggungjawab untuk merancang, menggerak dan memantau segala program pencegahan dadah yang melibatkan beberapa kumpulan sasar yang pentingnya pelajar, belia, pekerja-pekerja dan ibu bapa. Pelajar-pelajar dan pekerja merupakan kumpulan sasar yang terkawal, *organize* dengan izin, oleh itu kerajaan harus menggariskan program yang lebih tersusun bagi kedua-dua kumpulan sasar ini iaitu program pendidikan pencegahan dadah melalui kurikulum sekolah yang melibatkan semua pelajar manakala tempat kerja pula, majikan-majikan diminta melaksanakan program pencegahan dadah untuk semua pekerja-pekerja dan keluarga mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada itu, pertubuhan-pertubuhan NGO diminta mengerahkan ahli-ahli mereka terutamanya belia dan ibu bapa dalam usaha pencegahan dadah. Tanpa penglibatan semua pihak secara *integrated* dengan izin, masalah dadah di negara kita akan menjadi lebih serius dan visi kerajaan untuk melahirkan generasi bebas dari dadah tidak akan tercapai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah sosial ini haruslah dilihat sebagai satu masalah nasional dan bukan dipinggirkan sebagai masalah sesuatu kaum atau minoriti sahaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam keadaan pembangunan negara kini, program berunsurkan perpaduan amat diperlukan untuk menyemai nilai dan sikap serta menghormati, bertoleransi dan bantu-membantu di antara kaum yang tinggal di negara ini. Ia bertujuan untuk memupuk semangat kekitaan dan

perkongsian di antara kaum di samping membina generasi yang mampu mengekalkan perpaduan dan pembangunan ekonomi dan politik dan sosial.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perpaduan erat yang dibina sejak sekian lama di antara rakyat Malaysia di mana kita mengamalkan sikap saling memahami, menghormati adat resam dan budaya serta agama pelbagai kaum di negara ini telah membantu kita dalam memelihara keamanan negara seterusnya merealisasikan wawasan negara dalam mencapai kestabilan dan kemajuan ekonomi dan politik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan mempunyai falsafah yang jelas dari segi corak dan arah haluan pentadbirannya iaitu membangunkan sebuah bangsa yang mempunyai maruah dan identitinya sendiri, malah berkeupayaan serta berkebolehan dalam segala segi kemahiran yang diperlukan secara menyeluruh termasuk fizikal, mental, dan kerohanian. Ini bermakna bahawa seluruh masyarakat di negara ini, baik dari keturunan Melayu, Cina, India, Kadazan dan lain-lainnya, semuanya mempunyai perasaan untuk menyumbang kepada proses pembangunan negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, namun begitu, sebagai peninggalan sejarah daripada penjajah, masyarakat kita telah dibahagi-bahagikan berasaskan kepada pekerjaan dan tempat tinggal. Ini menyebabkan ada sebahagian besar daripada golongan masyarakat kita yang telah tertinggal jauh di belakang dari segi ekonomi dan pendidikan dan amat terikat dengan budaya aktiviti ekonomi bercorak tradisional di kawasan luar bandar. Di samping itu pula, ada sebahagian lain daripada masyarakat kita begitu teguh dalam bidang-bidang ini dan dengan kedudukan ekonomi dan kebolehan dalam penggunaan teknologi moden, sebahagian besar daripada golongan ini pula bermastautin di kawasan-kawasan bandar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sinilah terletaknya mengapa perpaduan sukar dicapai dan satu bangsa Malaysia sukar dibentuk. Kaum-kaum di Malaysia bukan sahaja dipisahkan di antara satu dengan yang lain kerana kaum yang berlainan, atas dasar kaum yang berlainan tetapi juga dipisahkan pula kerana pencapaian ekonomi dan tempat tinggal. Walaupun perkembangan, penggunaan Bahasa Malaysia telah dapat mengurangkan sedikit jarak di antara kaum tetapi faktor ekonomi dan persekitaran masih mengganggu perhubungan. Oleh yang demikian, kerajaan harus memastikan bahawa dengan pembangunan ekonomi negara, kekayaan negara dinikmati secara saksama untuk semua golongan masyarakat. Untuk ini, pertolongan yang lebih besar harus diberi kepada kaum-kaum yang ketinggalan. Semua kaum perlu ditolong untuk mengatasi kemiskinan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan tindakan ini, pengenalan kaum dengan jenis kerja dan kawasan harap dapat dihapuskan. Cara yang dicadangkan ialah agar pembangunan, agar pembesaran dalam Kek Ekonomi dan daripada bahagian yang besar ini pembahagian patut dibuat supaya perbezaan ekonomi antara kaum tidak akan begitu ketara. Penyusunan semula masyarakat perlu dilakukan kerana kemahiran yang khusus dalam bidang perlu dimiliki oleh semua golongan masyarakat dan bukanlah oleh golongan-golongan yang tertentu sahaja. Sekiranya semua proses penyusunan semula ini

dapat dijayakan, kaum-kaum di negara ini tidak akan begitu terpisah sama ada di kediaman atau di tempat kerja dan dengan ini juga mereka lebih mudah berkenalan dan berkepentingan yang sama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di negara kita pergaulan di antara kaum perlu dipertingkatkan. Perpaduan yang kita maksudkan ialah menunjukkan perpaduan ini dalam kegiatan-kegiatan masyarakat. Sekarang ia terlalu banyak kegiatan masyarakat yang terhad kepada kaum masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, demikian juga dengan lain-lain kegiatan masyarakat. Dalam bidang sukan, majlis-majlis awam, rombongan-rombongan dan lain-lain penyertaan semua kaum perlu digalakkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, matlamat kita ialah satu bangsa Malaysia yang mudah dikenali sebagai unit bagi warganegara Malaysia tanpa menghapuskan unsur-unsur dan budaya kaum yang berlainan keturunan yang menjadikan Malaysia tanah air mereka. Mudah-mudahan akan lahirlah satu bangsa Malaysia yang lebih bersatu-padu, stabil dan berjaya serta dihormati oleh seluruh dunia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di kesempatan ini juga saya ingin membawa isu-isu berkaitan dengan kawasan saya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, usaha juga harus diambil oleh kerajaan bagi mengurangkan jurang pembangunan di antara kawasan luar bandar dengan yang bandar. Selain dari penambahan peruntukan untuk projek-projek pembangunan, formula pembangunan yang lebih bersepadu, menyeluruh lagi dinamik harus dirangka. Sudah sampai masa bahawa pembangunan mestilah seimbang di antara kawasan bandar dan luar bandar. Kahang, iaitu kawasan saya terletak lebih kurang 40 kilometer daripada bandar Kluang, tetapi Yang Berhormat Dato' Speaker, jika dibandingkan dengan kadar pembangunan Kahang dengan bandar yang terdekat iaitu bandar Kluang, jelas dapat dilihat bahawa pembangunan di Kahang tidak seimbang. Keluhan penduduk di situ ialah seakan Kahang telah dianaktirikan. Penduduk di Kahang bukanlah meminta projek-projek yang mega yang menelan belanja yang berjuta-juta ringgit, tetapi kemudahan infrastruktur asas seperti contohnya longkang dan parit yang telah pecah minta diganti dengan yang baru, jalan yang berlubang minta ditampal dan diturap semula, kawasan-kawasan permainan pula mintalah diperbaiki…

Y.B. Dato' Speaker : Itu kawasan Majlis Tempatan ke atau luar bandar?

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kawasan saya terbahagi kepada, DUN Kahang ini terbahagi kepada Majlis Perbandaran Kluang, kawasan KEJORA dan juga FELDA.

Y.B. Dato' Speaker : Habis tak minta dalam pembangunan daerah? Sebutlah parit, longkang…

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Sudah diminta Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha.. yalah baru minta?

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Adalah.. sejak saya menang lagi saya dah mintalah, sebelum ini saya tak tahu...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat punya kawasan Menteri tu.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Ya... betul.

Y.B. Dato' Speaker : Ha... saya rasa boleh dapat tu, pandai-pandailah.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Kemudahan prasarana harus diperbaiki supaya dapat menggalakkan peluang baru ekonomi untuk menjana pendapatan dan pekerjaan terutamanya berkaitan industri asas tani, perkhidmatan dan pelancongan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga meminta agar masalah bekalan elektrik yang sering kali terputus di Pekan Kahang diperbaiki dengan segera. Saya juga meminta agar satu dataran dibina di pekan Kahang serta bandar tersebut diterangkan dengan cahaya secukupnya pada waktu malam.

Y.B. Dato' Speaker : Sekarang gelap ke tak berapa terang?

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Selalunya terdapat putuslah bekalan elektrik, saya pun tak tahu kenapa.

Y.B. Dato' Speaker : Ya ke?

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Dah banyak kali dihubungkan kepada pihak TNB, risau saya. Setiap kali bekalan elektrik terputus saya pula kena *shock,* terima panggilan dari pengundi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada masa yang sama juga saya meminta agar jalan raya yang menjadi jalan penghubung dari bandar Kluang ke Kahang dan seterusnya ke Mersing di naik taraf sepertimana jalan yang tersergam indah dari Batu Pahat ke Kluang tu. Buat masa ini jalan tersebut tidak selamat kerana bukan sahaja jalan tersebut berliku-liku, jalannya tidak rata dan berlubang di sana-sini. Pada waktu malam pula keadaannya sungguh gelap tanpa lampu dan telah menyebabkan banyak kemalangan terutamanya kemalangan yang meragut nyawa. Pada masa yang sama juga ciri-ciri keselamatan juga tidak banyak terdapat di sepanjang jalan tersebut. Oleh yang demikian, saya merayu agar tindakan segera diambil untuk menaik taraf jalan tersebut.

Akhir sekali Yang Berhormat Dato' Speaker, di Kampung Sri Lukut, Batu 28, Kahang, penduduk tempatan telah mengalami kerugian yang besar baru-baru ini kerana tanah dan penanaman mereka telah musnah akibat gajah-gajah liar. Dua hari yang lepas juga kawasan-kawasan yang ditanam dengan pokok pisang pun telah dimusnahkan oleh gajah-gajah ini. Oleh yang demikian, saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya tindakan segera diambil, supaya mengambil langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Saya percaya menakutkan gajah-gajah tersebut sahaja tidak akan menyelesaikan masalah ini…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat pernah nampak gajah?

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Saya tak pernah nampak sehingga hari ini tapi …

Y.B. Dato' Speaker : Oh.. tak pernah jumpa eh? (ketawa).

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Ada menerima rungutan, bukan sahaja gajah, harimau pun ada kat sana…

Y.B. Dato' Speaker : Tak jumpa jugalah?

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Tak jumpa jugalah, *so far,* dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : Lebih baik jangan jumpalah.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Saya percaya menakutkan gajah-gajah tersebut sahaja tidak akan menyelesaikan masalah tersebut tetapi gajah-gajah tersebut juga harus ditangkap dan dipindahkan ke kawasan yang lain. Kerugian yang ditanggung oleh penduduk tempatan adalah amat besar dan demikian, perkara ini tidak harus dianggap sebagai perkara yang remeh. Akhir kata, sekali lagi saya mengakhiri ucapan ini bukan sahaja mengucapkan ribuan terima kasih, tetapi juga menyokong rundingan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku yang telah dibawa oleh Ahli Yang Berhormat ADUN Rengit. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, perbahasan Nusajaya.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya): Bismillahirrahmaanirrahim, terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, 15 minit.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya): Belum apa-apa Yang Berhormat Dato'…

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, itu ingatkan aje…

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Awal Bismillah pembuka kata, Dato' Speaker yang bijaksana, izinkan saya memula bicara, membahaskan usul titah Baginda. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker. Alhamdulillah, saya rasa syukur ke hadrat Allah SWT dengan limpah dan izinnya pada pagi yang berbahagia ini saya juga dapat bersama-sama dengan rakan-rakan sekali lagi untuk membahaskan usul menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan Johor yang telah merasmikan pembukaan Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-12 pada 19

yang lalu. Di kesempatan ini juga saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana telah dapat mengekalkan kedudukannya sebagai Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Terima kasih, satu minit aje saya beri masa tambahan.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya): Alamak, Ok. (Dewan ketawa). Ingat saya lambung-lambung..

Y.B. Dato' Speaker : Ha.. yalah, tak apalah. Itu kita biasa…

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya): Di kesempatan ini juga saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah diberi mandat sekali lagi untuk menerajui Kerajaan Negeri Johor di bawah kepimpinan Barisan Nasional penggal yang ke-12 ini. Mandat yang diberikan oleh rakyat Johor ini menunjukkan mereka yakin dengan manifesto Barisan Nasional, "Selamat Aman Makmur". Semoga kita dapat menjayakan segala apa yang kita rancangkan. Insya-Allah mudah-mudahan kita semua Wakil-Wakil Rakyat akan sentiasa memberi kerjasama kepada Yang Amat Berhormat untuk menentukan masa depan Negeri Johor ini dengan pembangunan yang begitu pesat. Banyak pembangunan-pembangunan dan perubahan-perubahan untuk keamanan rakyat telah dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta Wakil-Wakil Rakyat di bawah kepimpinan Barisan Nasional. Baru-baru ini juga kita telah bersama-sama untuk meraikan perasmian serta pengisytiharan 2 daerah yang baru diwujudkan iaitu daerah Tangkak dan daerah Kulaijaya. Kulai Jaya ini Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga, kawasan saya terkena di kawasan Kulaijaya ini. Jadi salah satu Wakil Rakyat yang mempunyai 3 daerah. Jadi, saya harap Dato' Speaker kena fahamlah.

Y.B. Dato' Speaker : 3 eh.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya): Ya. Yang Berhormat Dato' Speaker, Nusajaya juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang mana telah membawa pembangunan serta Pusat Pentadbiran di Nusajaya. Kalau kita lihat hari ini di kawasan Nusajaya sudah pun berubah, pada mulanya kawasan-kawasan tersebut adalah kawasan-kawasan estet, kawasan-kawasan FELCRA serta perkampungan-perkampungan nelayan. Tetapi pada hari ini wajah telah berubah menjadi satu Pusat Pentadbiran dan Pusat Pelaburan bertaraf dunia. Jadi, saya ingin mengucapkan banyak terima kasih kalau kita dengar daripada Wakil-Wakil Rakyat lain, Ahli-Ahli Yang Berhormat minta pembangunan tetapi di tempat saya, alhamdulillah, tak payah minta dah datang bergolek. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional yang telah membawa pembangunan begitu pesat.

Y.B. Dato' Speaker : Dulu bising juga sekejap. Pasal kena pindah banyak.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya): Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan kepesatan pembangunan ini kalau kita lihat kita kena imbangkan pembangunan yang ada dengan persekitaran kawasan-kawasan

yang ada di kawasan Gelang Patah. Saya juga mengucapkan terima kasih kerana di atas pembangunan yang ada kita sudah dapat melihat begitu pesatnya ekonomi-ekonomi yang ada di kawasan persekitaran pembangunan Nusajaya ini. Jadi kita kena imbangkan pembangunan-pembangunan yang ada selaras dengan pembangunan-pembangunan yang lama untuk kita bangunkan supaya nikmat yang akan diterima oleh kawasan-kawasan yang persekitarannya di dalam kawasan pembangunan Nusajaya. Ini boleh dijadikan satu sejarah untuk masa depan generasi-generasi akan datang. Baru-baru ini, kita Ahli-Ahli Yang Berhormat telah pun dibawa untuk melawat ke kawasan tersebut dan kita lihat hampir 80 peratus rata-rata telah pun siap dan untuk maklumat Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tengok Dewan yang baru ini dah siap 95 peratus dan kalau kita lihat Dewan yang mulia pada hari ini, kita tengok sudah tidak dapat menampung kepadatan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan tadi, sebentar tadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, pun tak nampak rakan-rakan kita yang duduk dekat belakang tiang. Jadi…

Y.B. Dato' Speaker : Bukan tak nampak. Dia gelap. Itu tak nampak. (Dewan ketawa)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya): Yalah bila dia dah gelap, dalam keadaan yang padat, makin tak nampak. Jadi kalau dulu saya rasa boleh nampak tetapi sekarang dah tak boleh nampak. Jadi, saya juga berharap kepada Yang Amat Berhormat supaya dapat memberi perkenan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan supaya Dewan yang telah siap dapat digunakan secepat mungkin untuk memberi keselesaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dan jabatan-jabatan kerajaan yang ada di dalam Dewan ini. Insya-Allah.

Y.B. Dato' Speaker : Tu dekat dengan rumah Yang Berhormat, eh? Dekat?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Dekat juga.

Y.B. Dato' Speaker : Itu yang suruh deras. Ok.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini kita dikejutkan dengan kenaikan harga minyak. Tetapi sebenarnya kalau kita lihat pada hari ini harga minyak bukanlah di Malaysia sahaja bahkan di merata dunia.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat tak boleh cakap hal minyak. Yang Berhormat berniaga minyak, kan? Yang Berhormat ada stesen minyak saya rasa. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Ini nak cerita fasal harga minyak ini…

Y.B. Dato' Speaker : Tak kisahlah bila harga minyak tu makna Yang Berhormat terlibatlah.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Ini negara Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Yalah negara tu, negaralah, minyak Petronas, Petronaslah.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, sepatutnya hari ini kita sebagai pemimpin, kita, untuk memberi maklumat kepada rakyat-rakyat kita yang mana harga minyak pada hari ini bukanlah sesuka hati sahaja kerajaan untuk menaikkan. Kalau dibandingkan negara-negara jiran kita sudah lebih bertahun-tahun lamanya kenaikan-kenaikan harga minyak dan saya anggap kenaikan harga minyak ini adalah satu ujian tuhan terhadap umatnya.

Y.B. Dato' Speaker : Betullah tu sebab Yang Berhormat tawkeh minyak. Tu yang suka naik. Ha, ok.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya saya nak terangkan, saya pun tak suka naik harga minyak ini.

Y.B. Dato' Speaker : Oh tapi cakap tu. (Ketawa).

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, dah bercakap, jadi kita pun rugi juga. Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya kita kena bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana negara kita ini bukanlah negara pengeluaran minyak seperti yang telah diwarwarkan oleh Bentayan. Di ucapan beliau tempoh hari mengatakan Kuwait, negara-negara Arab dan Brunei sendiri. Kalau kita nak bandingkan Brunei itu harga yang dibagi tahu oleh Bentayan RM1.30 adalah harga Brunei. Kalau nak dibandingkan dengan wang Malaysia saya rasa lebih daripada RM3.00. Jadi, ini adalah negara yang mengeluarkan minyak tetapi negara kita bukan negara yang mengeluarkan minyak tetapi mencari minyak.

Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Ok, cerita lainlah. Takda minyak Yang Berhormat untuk hari ini.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Sebenarnya kita kena ingatkan kepada rakyat semua kewujudan pencari-pencari minyak di negara kita ini adalah hasil daripada usaha, hasil daripada bijak pandainya kepimpinan Barisan Nasional pada tahun 70-an dahulu yang mana antara matlamat penubuhannya adalah untuk melaksanakan…

Y.B. Dato' Speaker : Nanti kejap Yang Berhormat nak apa?

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Tadi dia cakap Bentayan, sebenarnya bukan, Mengkibol.

Y.B. Dato' Speaker : Ok membetulkan kesilapan. Bukan Bentayan, Mengkibol Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Minta maaf yang Berhormat Dato' Speaker, membetulkan kesilapan, bukan Bentayan tetapi Mengkibol.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : 5x2, 2x5 sama juga. Dalam satu Parti yang sama.

Y.B. Dato' Speaker : Itu Parti betullah tapi yang bercakap lain.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Petronas telah ditubuhkan pada tahun 70-an yang mana antara matlamat utama penubuhannya adalah untuk melaksanakan, merancang sempurna bagi mengusahakan hasil dan mengguna sumber petroleum dengan cara teratur. Ini adalah petroleum nasional yang mana diberi nama adalah Petronas. Ini adalah usaha-usaha yang ditunjukkan oleh kepimpinan Barisan Nasional yang sebelum ini. Kita sepatutnya kena mengucapkan terima kasih dan mengingatkan sejarah-sejarah penubuhan Petronas ini. Kalau kita tak ingatkan seperti juga waktu dulu-dulu kita ada bijih, kita ada getah semuanya kita salurkan kepada negara jiran tanpa kita…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tajuk minyak ini boleh lari kelain tak? Yang Berhormat terlibat betul. Fasal Yang Berhormat bila sebut cerita minyak, Yang Berhormat puji Petronas boleh jadi Petronas sambung lagi.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Sebab kita tengok rakyat semua…

Y.B. Dato' Speaker : Ha yalah, Yang Berhormat tajuk lainlah. Khusus banyak kepada yang melibatkan Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Cerita lain pula ok.

Y.B. Dato' Speaker : Yang lain sebut aje. (Dewan ketawa)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Boleh tambah lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Boleh, saya belum sebut, jalan aje terus.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, di akhir titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan, belum habis lagi…

Y.B. Dato' Speaker : Ha ingat…

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Ini titah yang akhir Sultan mengingatkan kita tentang Pulau Batu Puteh milik Johor perlu diambil semula. Ini semua mengingatkan kita dan semua jabatan-jabatan yang terlibat jangan ambil mudah. Kerajaan Negeri mesti membuat langkah proaktif untuk memastikan kedaulatan pulau-pulau di perairan kita terpelihara dari dicerobohi

oleh anasir-anasir asing. Yang penting pada hari ini, apa yang nak saya bagi tahu, agensi-agensi kerajaan yang menjaga keselamatan perairan kita seperti APMM, Marin Polis, Kastam mestilah pertingkatkan untuk menjaga pulau-pulau yang ada dalam perairan kita, demi untuk menjaga khasnya keselamatan-keselamatan perairan kita dan Negeri Johor amnya. Ini penting, saya lihat tidak ada pun rondaan-rondaan yang dilaksanakan oleh pihak-pihak tersebut, kalau kita bandingkan dengan negara Singapura, bila kita tengok 2 jam sekali mesti ada ronda, ah inilah akibat kita kurang pemantauan maka hari ini Pulau Batu Puteh sudah terlepas. Sedangkan Pulau Batu Puteh itu adalah pulau hanya batu sahaja tetapi didirikan rumah api. Kita semua cakap rumah api, rumah api, tetapi bila tak tahu dalam rumah api itu ada satu *group* keselamatan untuk meninjau perairan-perairan kita dan lalu lalang di dalam perairan persempadanan Singapura. Ini kita kena mengambil curiga tentang perkara-perkara ini. Begitu juga, contohnya, saya pada 2 minggu yang lepas ada meninjau dan melihat sendiri di kawasan saya iaitu sebuah Pulau Merambung yang dulunya saya rasa jaraknya begitu jauh daripada Singapura tetapi hari ini akibat penambakan-penambakan di Pulau Singapura jaraknya hampir tinggal 1½ kilometer.

Y.B. Dato' Speaker : Pulau apa Yang Berhormat?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Pulau Merambung.

Y.B. Dato' Speaker : Pulau Merabung?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Merambung.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Ha, dia, ini kalau nak jadi Ketua Bahagian sana boleh ini.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, tak. Apa kena pulau dengan Ketua Bahagian?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Kalau kita jadikan tempat ini perkampungan. Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita bandingkan jarak daripada Pulau Merambung ke Jeti Tanjung Kupang, lebih kurang 3 kilometer. Jadi jarak ini mungkin kalau kita tidak kawal, kalau kita tidak selalu melaksanakan tanggungjawab kita untuk meronda di perairan, saya rasa makin lama makin dekat, Singapura kata nanti dia punya. Jadi, di sini juga saya mencadangkan supaya pulau tersebut dibina untuk mendirikan satu kem tentera untuk mengawal di kawasan-kawasan perairan kita khasnya pulau ini adalah pulau yang berhampiran dengan Pelabuhan Tanjung Pelepas.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dah pergi pulau ini?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Dah pergi.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dah naik ya tempat ini. Besar?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Pulau ini besar lebih kurang 2 atau 3 ekar dan dalam dia ada kubur-kubur, saya rasa lebih daripada 20 kubur yang mana ada kubur itu dia letak kain kuning. Kain kuning kalau untuk orang kita tak apa, tapi untuk dia goyang untuk mendapatkan nombor bertuah. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat pergi itu tengoklah. (Dewan ketawa). Yang Berhormat ada pergi tengok?

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Pergi. Cantik tempat ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat *test* juga nombor itu? Tak ada? (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Tak ada.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, siapalah tahu kadang, takkan nak mengakukan. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Jadi, saya berharap kepada agensi-agensi kerajaan khasnya jabatan-jabatan yang terlibat, kita mintalah hasil daripada apa yang telah titah Baginda Sultan tadi kita kena lebih perketatkan lagi dan berjaga-jaga. Begitu juga di perairan-perairan kita masih banyak lagi pulau-pulau serta khazanah-khazanah yang dulunya untuk kita tetapi kita takut kekurangan pemantauan serta kekurangan untuk kita menjaga maka kita takut pulau-pulau tersebut akan dimiliki oleh negara jiran kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Dah 15 minit ya.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Alamak.

Y.B. Dato' Speaker : Saya beri sedikit lagi masa.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Oklah. Yang Berhormat Dato' Speaker, di dalam keadaan pembangunan yang begitu pesat terdapat banyak taman-taman perumahan di kawasan saya ini yang sedang pesat naik. Dan, akibatnya kawasan-kawasan tersebut begitu sesak khasnya jalan-jalan raya di kawasan-kawasan perumahan yang sedang dibina ini. Kalau kita lihat jalan daripada Pontian ke Johor Bahru amatlah sesak dan saya juga mencadangkan kepada pihak-pihak berkenaan supaya dapat diperbesarkan, selaras dengan pembangunan yang ada di kawasan Nusajaya. Ini juga akan memberi satu gaya penarik untuk pelabur-pelabur kita di luar dan dalam untuk melabur di kawasan Nusajaya.

Begitu juga saya mencadangkan untuk mengatasi segala kesesakan-kesesakan di kawasan tersebut juga untuk mengatasi satu jalan alternatif perlulah dibina satu *interchange* iaitu daripada laluan kedua ke Jalan Pontian, Johor. Kerana kalau kita lihat apabila semua masyarakat yang akan pergi ke Senai *Airport* hanya menggunakan satu jalan sahaja iaitu Jalan Skudai ke Senai. Tetapi kalau

ada jalan alternatif iaitu satu *interchange* yang diadakan, yang diwujudkan di kawasan yang saya nyatakan tadi, saya rasa ini adalah satu jalan lagi untuk alternatif kita pergi ke *airport* untuk memudahkan urusan-urusan pelabur-pelabur kita berurusan dengan lapangan terbang. Lebih-lebih lagi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga difahamkan jambatan untuk daripada Senai-Skudai untuk ke lapangan terbang akan dibina. Jika terbinanya jambatan tersebut, saya rasa kesesakan-kesesakan serta keadaan yang lambat untuk kita ke Senai *Airport* ke Lapangan Terbang Senai akan menjejaskan segala urusan-urusan. Jadi, saya telah bercakap banyak kalilah, untuk diadakan, diwujudkan satu *interchange* iaitu di laluan kedua turun ke Jalan Pontian, Johor. Ini juga akan menyelesaikan sedikit, bukan sedikit, banyak masalah-masalah kesesakan. Begitu juga dengan laluan lebuh raya daripada Link Kedua terus ke Pontian Link, ini juga turun terus menghala ke Pontian dan melalui jalan-jalan kampung. Kampung-kampung ini juga perlulah diperbesarkan jalannya. Kita tak mahu dulu jalan kampung, sekarang masih lagi jalan yang serupa juga mengakibatkan kesesakan-kesesakan sering berlaku dan keselamatan-keselamatan di pihak-pihak tertentu juga akan menjadi satu keselamatan yang tidak tenteram.

Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Oklah, kalau Yang Berhormat Dato' Speaker ok, kita pun oklah.

Y.B. Dato' Speaker : 20 minit dah ya.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Dah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, tamat.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Akhir sekali saya mengingatkan diri saya dan menyeru rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat bekerjalah lebih gigih, jujur dan ikhlas. Mempertingkatkan usaha untuk membantu Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam menerajui Negeri Johor supaya terus maju di dalam semua bidang khususnya di bidang ekonomi dan pembangunan yang sekarang telah dilaksanakan. Marilah kita sama-sama berdoa kepada Allah SWT supaya hasrat dan cita-cita Kerajaan Barisan Nasional untuk memberikan kemakmuran dan kesejahteraan kepada rakyat dapat kita laksanakan. Dengan ini Nusajaya menyokong rundingan junjungan kasih titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan Johor yang dibawa oleh Yang Berhormat Rengit. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Amin. Ok, perbahasan, ha, Yang Berhormat Pekan Nenas.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Selamat pagi dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama dalam perbahasan dan menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan

Johor ketika merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Dewan Negeri Johor Yang Ke-12 pada 19 Jun yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kenaikan harga petrol dan keperluan asas secara langsung telah mencetuskan masalah inflasi di seluruh dunia termasuklah negara kita Malaysia. Selain daripada membelanjakan berbilion-bilion ringgit sebagai subsidi-subsidi petrol dan makanan bagi meringankan beban hidup rakyat jelata, Kerajaan Persekutuan juga telah atau sedang mengambil pelbagai langkah untuk mengurangkan impak-impak inflasi yang menderitakan rakyat jelata.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai kubu kuat Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Negeri Johor selama ini sentiasa mengamalkan dasar yang bercirikan mesra rakyat dan prihatin terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat. Oleh yang demikian, dalam isu inflasi ini Kerajaan Negeri Johor dan juga Pihak Berkuasa Tempatan yang paling mendekati rakyat perlulah mengambil langkah-langkah positif atau tindakan-tindakan yang bersifat mesra rakyat dalam usaha membantu meringankan beban rakyat di samping menunjukkan keikhlasan dan hasrat Kerajaan Negeri Johor bersedia bersama rakyat menangani masalah inflasi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini ingin saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Johor dan juga Pihak Berkuasa Tempatan dapat mengambil inisiatif untuk mengurangkan atau menurunkan tarif air, premium tanah, kadar cukai tanah ataupun cukai harta serta mewujudkan insentif-insentif lain yang dapat membantu meringankan beban hidup rakyat jelata pada waktu yang amat kritikal ini. Dengan adanya usaha-usaha dan bantuan ketiga-tiga pihak Kerajaan iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Johor dan juga Pihak Berkuasa Tempatan, saya yakin dan percaya, sebagai rakyat Jelata yang bertanggungjawab dan cinta kepada tanah air, anak Johor akan terus menyokong Kerajaan BN dan sanggup mengharungi sebarang cabaran hidup dengan penuh keyakinan pada zaman kegawatan ekonomi dan kenaikan harga barangan akibat inflasi ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pelupusan sisa pepejal secara *landfill*, dengan izin, merupakan kaedah yang digunakan oleh PBT di Negeri Johor. Kaedah ini adalah satu teknik pelupusan sampah yang mudah tetapi ianya memerlukan kawasan yang luas dan jika tidak dikendalikan dengan sempurnanya ianya juga membawa masalah pencemaran yang serius sehingga mengganggu kehidupan harian penduduk tempatan, contohnya tapak pelupusan sampah di Pekan Nenas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sudah sampai masanya untuk kerajaan mengkaji kesesuaian pelupusan sampah secara *landfill*, dengan izin diteruskan pada zaman yang moden ini, di mana tapak baru yang sesuai juga sukar diperolehi. Saya percaya bahawa pegawai-pegawai jabatan berkaitan telah pun membuat lawatan sambil belajar ke negara maju untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan teknologi pelupusan sampah yang lebih canggih seperti pembinaan *incinerator* dengan izin, di negara-negara maju.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun pembinaan *incinerator*, dengan izin, menelan kos yang sangat tinggi, tetapi ianya amat berbaloi jika dilihat dari segi jangka masa yang panjang. Kaedah ini bukan sahaja menjimatkan tapak tanah, tidak menimbulkan masalah pencemaran, yang penting juga ianya dapat menjana kuasa dengan menggunakan sisa pepejal ataupun sampah sarap sebagai sumber penjana tenaganya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan dan rakyat jelata perlulah berganding bahu menangani masalah pelupusan sampah ini untuk menyelamatkan bumi hijau tanah air dan memastikan generasi-generasi akan datang dapat juga terus hidup dalam alam sekitar yang bersih dan sihat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sistem infrastruktur yang baik dan sempurna merupakan asas kepada pembangunan ekonomi sesuatu kawasan. Oleh itu, saya mewakili rakyat jelata di kawasan DUN Pekan Nenas amat mengharapkan agar projek Lebuhraya Johor Bahru ke Pekan Nenas, Pontian yang mempunyai *access*, dengan izin ke Pekan Nenas di mana projek ini telah lama dirancangkan dalam rancangan pelan struktur negeri dapatlah direalisasikan bagi membantu membangunkan kawasan yang berpotensi ini. Selain itu Yang Berhormat Dato' Speaker, laluan Pekan Nenas ke Kulai sejauh lebih kurang 20 kilometer telah menjadi laluan yang sibuk dengan kenderaan sejak Tol Kulai digunakan.

Di sepanjang laluan ini terdapat dua buah sekolah menengah, sekolah rendah dan juga sekolah agama serta beberapa kampung tradisional seperti Kg. Sawah, Kg. Melayu Raya, Kg. Sepakat Jaya, Kg. Maju Jaya dan juga Kg. Sri Gunung Pulai. Secara puratanya antara 5,000 ke 6,000 orang pengguna jalan mengguna jalan tersebut pada setiap hari. Laluan ini lebih membahayakan kepada kanak-kanak sekolah yang berbasikal disebabkan jalan ini sempit dan sering rosak akibat laluan kenderaan berat iaitu lori-lori yang membawa batu-bata atau batu *crusher-run* daripada beberapa buah kuari sepanjang jalan tersebut. Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, saya memohon kepada pihak kerajaan agar projek kerja naik taraf dan pelebaran laluan Jalan Pekan Nenas ke Kulai dapat dilaksanakan dengan kadar segera demi keselamatan pengguna jalan khasnya penunggang motosikal dan juga kanak-kanak yang bersekolah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu banjir adalah masalah lama di setengah-setengah kawasan DUN Pekan Nenas. Kampung-kampung seperti Kampung Paya Embun, Kampung Melayu Raya, Kampung Jasa Sepakat, Kampung Seri Bukit Panjang dan juga Pasir Baru di Pekan Nenas menghadapi masalah banjir bertahun-tahun yang masih belum dapat diatasi. Bagi Kampung Jasa Sepakat ini misalnya, mengalami banjir melebihi 2 kali dalam setahun. Sudah menjadi fenomena biasa dan penduduk kampung dah menjadi fobia, dengan izin, apabila berlaku hujan lebat melebihi 2 jam. Kerosakan harta benda pasti berlaku pada setiap kali rumahnya dilanda air. Sehubungan itu Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak berwajib khasnya Jabatan Pengairan dan Saliran diharap dapat mencari penyelesaian yang muktamad bagi mengatasi masalah ini. Peruntukan yang lebih banyak perlu disalurkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran supaya segala perancangan ataupun kertas kerja penyelesaian banjir dapatlah direalisasikan demi kepentingan rakyat jelata dan ianya juga dapat

meringankan beban kerajaan yang terpaksa berusaha gigih untuk memindahkan mangsa ke pusat pemindahan dan memberi bantuan ihsan apabila berlakunya banjir.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Dasar Pembangunan Nasional meletakkan sasaran pembasmian kemiskinan sebagai satu matlamat utamanya sebagaimana yang telah diputuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Skim Pembangunan Rakyat Termiskin iaitu SPKR telah diwujudkan untuk merangka program-program menghapuskan kemiskinan tegar menjelang tahun 2010. Sehubungan itu, usaha yang dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di Negeri Johor, di bawah peruntukan Menteri Besar untuk membasmi kemiskinan tegar amatlah dihargai dan disanjung tinggi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi kawasan DUN Pekan Nenas, sehingga bulan Jun 2008 terdapat sebanyak 46 keluarga miskin tegar dan 23 keluarga miskin am di kawasan luar bandar dan juga 8 keluarga miskin am serta 19 keluarga miskin tegar di kawasan PBT. Bagi mereka yang berada dalam kategori bukan *productive*, dengan izin, bantuan langsung akan dapat meringankan beban hidup tetapi bagi ketua isi rumah yang berada dalam kategori produktif, disarankan agar mereka melibatkan diri dalam projek-projek menjana peningkatan pendapatan supaya mereka dapat menggunakan kudrat dan usaha untuk berdikari. Adalah diharapkan pihak kerajaan dapat menyalurkan lebih peruntukan bagi membantu keluarga yang berada dalam kategori miskin tegar ini khasnya dalam skim membaiki atau membina rumah yang merupakan tuntutan utama dalam menangani isu kemiskinan tegar. Walaupun kerja pembinaan rumah ataupun membaiki rumah tidak dapat mengeluarkan mereka daripada kemiskinan tegar, namun ianya dapat menjadikan golongan tersebut lebih bermotivasi dan menjadi lebih mudah di peringkat pengurusan kerajaan untuk membawa mereka melibatkan diri dalam program-program pembasmian kemiskinan yang dirangka.

Justeru itu Yang Berhormat Dato' Speaker, program membina dan membaiki rumah kediaman hendaklah diberi keutamaan supaya isi rumah mudah untuk dibawa pendedahan tentang kerjaya dan maju diri. Akan tetapi, syarat yang menghendaki peserta perlu mempunyai tapak sendiri menyebabkan ramai yang tidak dapat menikmati peruntukan tersebut disebabkan mereka tidak mempunyai tanah ataupun tapak rumah sendiri.

Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mencadangkan supaya dibina rumah berkelompok di tapak-tapak rizab kerajaan bagi memberi peluang peserta-peserta SPKR yang tidak mempunyai tanah untuk tinggal di kawasan penempatan baru yang lebih tersusun. Penempatan secara berkelompok ini juga memudahkan pihak kerajaan untuk membuat pemantauan kemajuan dalam usaha mengeluarkan mereka dari golongan miskin tegar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kepesatan pembangunan ekonomi menyebabkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing menjadi begitu ketara dalam negara di semua sektor, sama ada perladangan, perindustrian mahupun perniagaan. Kawasan DUN Pekan Nenas juga tidak terkecuali dari menerima impak kehadiran pekerja asing dari negara-negara seperti Myanmar,

Vietnam, Bangladesh, Cambodia dan juga Nepal. Secara umumnya terdapat hampir 6,000 orang pekerja asing yang bekerja di sektor-sektor industri di kawasan Pekan Nenas. Jumlah ini tidak termasuk yang bertugas sebagai pekerja ladang, pembantu rumah dan juga pembantu-pembantu kedai. Bagaimana pula dengan pendatang asing yang tanpa izin yang sudah pasti mencecah ratusan ataupun ribuan juga. Jika bilangan ini diambil kira juga, angka penduduk asing di kawasan Pekan Nenas mungkin berada dalam anggaran 10,000 orang atau lebih.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tidak dinafikan bahawa pekerja asing ini telah memberi sumbangan besar dalam pembangunan ekonomi negara kita. Akan tetapi, mereka juga membawa impak-impak yang negatif kepada masyarakat tempatan. Kebanyakan majikan meletakkan pekerja asing mereka di rumah-rumah sewa dalam kawasan perumahan dan juga kawasan kampung, dan di sinilah masalah yang menimbulkan banyak rungutan masyarakat tempatan. Para pekerja yang diletakkan dalam jumlah yang ramai ini di sesebuah rumah menyebabkan berlakunya kebisingan, kebersihan yang tidak diurus dan juga budaya asal mereka yang bercanggah dengan budaya tempatan. Budaya melepak misalnya telah menimbulkan banyak rungutan penduduk tempatan. Justeru itu, kerajaan hendaklah melihat permasalahan ini yang saya percaya bukan sahaja berlaku di kawasan saya tetapi ianya telah menjadi satu isu nasional yang perlu ditangani secara tegas dan berkesan. Beberapa syarat harus dikenakan kepada pihak-pihak yang ingin membawa masuk pekerja asing khasnya berhubung dengan penempatan pekerja mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya difahamkan bahawa pihak kerajaan mempunyai cadangan supaya semua pekerja asing di sesuatu kawasan pembangunan ekonomi akan diletakkan di sebuah kawasan khas dan saya berharaplah pelaksanaannya dapat disegerakan supaya masalah-masalah yang timbul akibat kebanjiran pekerja asing di kawasan kampung atau di kawasan perumahan ini dapat diatasi dengan sebaiknya yang bukan sahaja untuk kebaikan pekerja asing tetapi memberi juga keselesaan dan ketenteraman kepada masyarakat penduduk di negara ini.

Y.B. Dato' Speaker : Kawasan Yang Berhormat ni bukan orang pekerja asing? Tahanan pun Pekan Nenaskan?

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nanas) : Ya?

Y.B. Dato' Speaker : Tahanan, pekerja asing.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nanas) : Tahanan?

Y.B. Dato' Speaker : Kem, kem.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nanas) : Kem? Kem lain.

Y.B. Dato' Speaker : Bukan, yalah. Dekat kawasan Yang Berhormat eh? Ada? Tak ada?

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nanas) : Ada satu saja.

Y.B. Dato' Speaker : Saja saya tanya tu ada tak kem pertahanan?

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nanas) : Ada satu tapi…

Y.B. Dato' Speaker : Ah, ada. Itu saya kata, untung kawasan Yang Berhormat. Dua-dua ada (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, ok. Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekalilah…

Y.B. Dato' Speaker : Ah?

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : 15 minitkan kita…

Y.B. Dato' Speaker : Eh, tak, 15.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Ha, 15lah. Akhir sekali, saya ingin memohon bantuan segera Kerajaan Negeri agar dapat meluluskan satu peruntukan khas bagi kerja-kerja membaik pulih Pejabat Daerah Pontian yang telah dijilat api pada 23 Jun yang lalu, yang mana ianya telah mengakibatkan kemusnahan peralatan dan kelengkapan pejabat seperti sistem komputer dan perabot. Bantuan pihak Kerajaan Negeri untuk membaik pulih bangunan Pejabat Daerah Pontian…

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Pejabat Daerah? Terbakar eh…rosak banyak Yang Berhormat?

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Ha, tingkat atas, tingkat atas pentadbiran tu semua kena bakar.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, tak apa, tak apa. Bahagian Kewangan ada. Dia dengar aje Yang Berhormat.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Minta tolonglah. Bantuan pihak Kerajaan Negeri untuk membaik pulih bangunan Pejabat Daerah Pontian supaya perkhidmatan-perkhidmatan kepada rakyat daerah Pontian dapat dipulihkan dalam masa yang singkat ini amatlah dihargai. Dan dengan kata-kata ini Yang Berhormat Dato' Speaker, saya turut menyokong rundingan usul menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan Johor yang dibawa oleh Yang Berhormat ADUN Kawasan Rengit. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, perbahasan diteruskan lagi. Siapa nak berucap? Jemput. Lawa Yang Berhormat baju. Lawa sikit. *Pink*.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S.Thanarajan (Tenggaroh) : Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : *Pink*. Ok.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S.Thanarajan (Tenggaroh) : Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat sejahtera dan salam hormat. Terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas pada pagi ini dan saya berjanji tidak akan mengambil masa panjang untuk …

Y.B. Dato' Speaker : Tak apa. Yang Berhormat, Yang Berhormat Puan saya kasi panjang sikit (Dewan ketawa).

Y.B. Puan Murukasvary a/p S.Thanarajan (Tenggaroh) : Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Speaker, sepertimana rakan-rakan saya yang telah berbahas sebelum ini, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan ucapan sokongan kepada rundingan menjunjung kasih di atas titah perasmian oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku. Saya ingin menarik perhatian ahli-ahli sidang Dewan kepada titah Baginda Sultan yang meminta Kerajaan Johor terus maju dalam bidang ekonomi yang dapat memberi faedah kepada rakyat, menambah kemudahan awam dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Saya memulakan perbahasan saya dengan menumpukan kepada isu ibu-ibu tunggal.

Y.B. Dato' Speaker : Betul ke ni?

Y.B. Puan Murukasvary a/p S.Thanarajan (Tenggaroh) : Sebelum ini Yang Berhormat Dato' Speaker, tidak siapa ataupun Yang Berhormat-Yang Berhormat lain yang menyebut tentang isu-isu ibu tunggal. Ibu-ibu tunggal merupakan sebahagian daripada masyarakat umum kita. Jumlah mereka semakin hari semakin menambah. Ini adalah kenyataan yang tidak kita boleh ketepikan. Golongan ibu tunggal dalam lingkungan usia 20 hingga 50 tahun ini boleh dianggap sebagai produktif. Produktif kerana mereka boleh berdikari dan mempunyai azam untuk menjalankan tanggungjawab sebagai seorang ibu tunggal.

Y.B. Dato' Speaker : Ramai Yang Berhormat ibu tunggal 20 sampai 50?

Y.B. Puan Murukasvary a/p S.Thanarajan (Tenggaroh) : Ramai. Ini menjadi satu masalah bagi kita sebagai wanita.

Y.B. Dato' Speaker : Kalau dapat Yang Berhormat senaraikan tu beri saya. Biar saya tengok (Dewan ketawa).

Y.B. Puan Murukasvary a/p S.Thanarajan (Tenggaroh) : Senarai… (ketawa) (Dewan ketawa). Minta maaf Yang Berhormat Dato' Speaker, senarai saya tak dapat berilah (ketawa). Bererti kerana mereka boleh berdikari dan mempunyai azam untuk menjalankan tanggung jawab sebagai seorang ibu tunggal. Sebahagian besar golongan ibu tunggal tersebut terpaksa bekerja dengan lebih keras dan gigih. Apatah lagi dengan kenaikan barang-barang keperluan harian eh. Mereka mengharapkan bantuan dan sokongan yang secukupnya daripada pelbagai pihak bagi menanggung anak-anak mereka yang masih memerlukan jagaan rapi. Apakah pendekatan yang perlu diambil oleh kerajaan untuk membantu mereka, khasnya mereka ini yang serba kekurangan dari segi wang ringgit, ilmu pengetahuan dan pendidikan.

Disini, ingin saya menyarankan beberapa cadangan untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, projek-projek keusahawanan yang diperkenalkan oleh kerajaan perlu mengambil kira ibu-ibu tunggal. Mereka sebenarnya mesti diberi keutamaan untuk turut serta dalam apa jua peluang-peluang yang sedia ada dan yang bakal diperkenalkan. Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor baru-baru ini telah mengedarkan borang pencalonan usahawan SMI mengikut Dewan Undangan Negeri. Usaha murni ini perlu dipuji dan disanjung tinggi. Pendekatan ini perlu diteruskan serta dipantau sentiasa agar objektif Kerajaan Negeri tercapai dan semua yang terlibat mendapat manfaat daripadanya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk pengetahuan Ahli-Ahli Dewan sidang, di kawasan saya, DUN Tenggaroh terdapat 10 rancangan FELDA. Setiap rancangan mempunyai usahawan-usahawan yang menjalankan aktiviti perusahaan secara kecil-kecilan. Kebanyakan daripada mereka merupakan wanita. Kumpulan inilah yang patut kerajaan bantu serta bimbing untuk maju dan meningkatkan taraf hidup mereka. Dalam senario seumpama ini, saya berharap UPEN dapat menambahkan bilangan calon usahawan mengikut keperluan kawasan dan bukannya disamaratakan peruntukannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Badan Amal Tenaga Isteri Wakil-wakil Rakyat Negeri Johor ataupun lebih dikenali sebagai JUWITA telah menjalankan 12 projek sehingga kini. Projek yang ke-12 merupakan projek menjana pendapatan ibu tunggal. Ibu-ibu tunggal ini dihantar menghadiri kursus kemahiran seperti menjahit, menyediakan makanan, urutan tradisional dan sebagainya. Kursus kemahiran ini dibiayai sepenuhnya oleh JUWITA. Selepas tamat kursus tersebut, mereka diberi peluang bekerja oleh syarikat-syarikat tertentu yang memerlukan khidmat kemahiran yang dipelajari. Ada di antara mereka ini yang tidak berminat ataupun tidak sanggup bekerja makan gaji atas sebab-sebab tertentu. Mereka lebih menggemari memulakan perniagaan kecil-kecilan. Saya berharap permohonan lesen untuk golongan ini diberi kelonggaran dari segi kelulusan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Saya yakin dengan adanya keprihatinan pihak-pihak berkuasa dan badan-badan bukan kerajaan maka rintihan dan keluhan ibu tunggal dapat diutarakan serta mendapat perhatian sewajarnya. Dengan cara ini, kerajaan dapat mewujudkan ahli peniaga yang baru, yang mampu memberi sumbangan kepada ekonomi negeri khasnya dan ekonomi negara, amnya seperti mana yang di titah Baginda.

Cadangan ketiga saya, merupakan pewujudan tempat-tempat asuhan ataupun tempat penjagaan kanak-kanak yang bersekolah. Bagi ibu tunggal yang sedang bekerja tetap, mereka ini pula menghadapi masalah penjagaan anak selepas tamatnya masa persekolahan. Kerajaan perlu menilai cadangan ini untuk menyediakan tempat di mana kanak-kanak ini mendapat penjagaan, bimbingan dan pengawasan rapi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berpendapat dengan adanya usaha-usaha sebegini maka tahap produktiviti ibu itu sendiri akan meningkat kerana si ibu tahu anaknya berada dalam keadaan yang selamat. Yang keduanya, anak itu sendiri tidak terdedah dengan unsur-unsur negatif seperti jenayah, penyalahgunaan dadah dan gejala-gejala sosial yang lain. Yang Berhormat Dato' Speaker, sekian sahaja untuk isu ibu tunggal. Seterusnya...

Y.B. Dato' Speaker : Oh, saya ingat dah nak tamat berucap.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S.Thanarajan (Tenggaroh) : Itu isu ibu tunggal sahaja seterusnya...

Y.B. Dato' Speaker : Tadi ibu tunggal je, lepas ini cerita bapak tunggal pulak. (Dewan ketawa).

Y.B. Puan Murukasvary a/p S.Thanarajan (Tenggaroh) : Izinkan saya mengemukakan beberapa perkara yang perlu perhatian yang segera iaitu di DUN Tenggaroh, pembinaan lorong pemotong di Jalan Kota Tinggi-Mersing telah pun siap dibina. Tempoh kecacatan pula akan tamat pada bulan Julai, 2008. Keadaan sebenarnya saya ingat, Yang Berhormat Dato' Speaker pun sudah melalui jalan itu semasa Perhimpunan Belia kat Mersing dan...

Y.B. Dato' Speaker : Banyak, jalan lain pun banyak kali dah lalu.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S.Thanarajan (Tenggaroh) : Jadi arif dengan keadaan itu. Akan tetapi bermacam-macam masalah telah timbul sejak lorong ini dibuka untuk kegunaan orang ramai. Kes-kes kemalangan jalan raya di kawasan ini telah meningkat dengan *drastic*nya, dengan izinnya. Tindakan diambil dengan segera untuk menutup lorong pemotongan tersebut. Kerajaan sudah membelanjakan satu jumlah yang besar untuk memberi keselesaan kepada rakyat. Tetapi, oleh kerana beberapa sebab tujuan kerajaan tidak dapat dicapai. Saya tidak tahu sehingga bilakah jalan ini akan ditutup dan apakah tindakan selanjutnya yang akan diambil untuk memperbaiki keadaan ini. Masalah jalan ini telah disentuh oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat lain dalam perbahasan mereka sebelum saya. Dan, ini menunjukkan bahawa perkara ini serius dan menjadi satu perkara umum yang diketahui ramai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berita terkini saya dapat tahu...

Y.B. Dato' Speaker : Macam warta berita pulak. Ha, yalah.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S.Thanarajan (Tenggaroh) : Ialah Yang Mulia Raja Muda Johor akan menetap di Kem Iskandar, Mersing sehingga hujung tahun ini mulai bulan Julai. Sudah tentunya Yang Mulia dan dif-dif kehormat yang lain akan sering menggunakan jalan ini. Saya berharaplah agensi yang berkenaan akan mengambil tindakan yang segera untuk mengatasi masalah Jalan Kota Tinggi-Mersing ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bandar Mersing merupakan sebuah bandar pelancongan yang mempunyai daya tarikan dan tumpuan para pelancong. Kerajaan berhasrat untuk menjadikan Mersing sebagai pusat pelancongan antarabangsa. Setiap hari kita boleh lihat pelancong asing di Bandar Mersing. Keadaan ini adalah unik bagi Mersing. Mersing yang terkenal dengan keindahan pantai yang memanjang lagi memutih dan gugusan pulau-pulau sudah pasti akan bertambah maju kesan daripada pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Ahli EXCO Pelancongan, dalam jawapan beliau telah mengatakan bahawa Negeri Johor telah memperolehi peruntukan sejumlah RM49.5 juta bagi projek-projek baru ekopelancongan dan RM48 juta untuk projek-projek penyelenggaraan pusat-pusat pelancongan. Di sini ingin saya menyarankan bahawa, selain daripada merancang dan membangunkan pusat-pusat pelancongan yang baru, harus juga membangunkan dan mengindahkan bangunan-bangunan pelancongan yang sedia ada seperti membersihkan, mengindahkan pantai Mersing. Sebab Pantai Mersing ini adalah di kawasan saya juga serta membaiki prasarana pelancongan yang telah dibangunkan sebelum ini. Saya berharap perkara-perkara yang telah dikemukakan oleh saya pada pagi ini akan dapat perhatian daripada pihak-pihak yang berkenaan. Dengan kata-kata ini...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat dah pergi pulau-pulau?

Y.B. Puan Murukasvary a/p S.Thanarajan (Tenggaroh) : Belum lagi, belum lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Pulau kawasan Yang Berhormat, pulau eh?

Y.B. Puan Murukasvary a/p S.Thanarajan (Tenggaroh) : Saya ada 5 pulau di bawah jagaan saya dan saya belum lagi pergi melawatinya. Saya akan melawat sebelum hujung tahun ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyudahi perbahasan dengan ucapan terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, tak nak cakap lagi?

Y.B. Puan Murukasvary a/p S.Thanarajan (Tenggaroh) : Tak ada. Saya orang baru, tak nak bercakap banyak Yang Berhormat Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, orang baru pendek eh?

Y.B. Puan Murukasvary a/p S.Thanarajan (Tenggaroh) : Masih belajar. Terima kasih sekali lagi atas ruang yang diberi kepada Tenggaroh untuk membahaskan rundingan pada pagi ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Lagi, perbahasan diteruskan lagi. Jemput, Naning.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Salam sejahtera dan selamat tengah hari. Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai pembuka bicara, saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dapat pada pagi ini, diizinkan sekali lagi mengambil bahagian dalam perbahasan, rundingan menjunjung kasih atas titah Dulu Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan Johor di hari pembukaan persidangan Dewan yang mulia ini pada 19 Jun yang lalu. Sebagai rakyat yang bernaung di bawah payung Baginda Tuanku, adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan kita membulatkan tekad dan iltizam serta taat setia yang tidak berbelah bagi. Membina dan mengangkat

maruah dan martabat bangsa dan Negeri Johor Darul Ta'zim ke puncak yang gemilang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya melangkah jauh untuk membahaskan isu-isu...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dia 15 minit juga, berapa jauh pun eh (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Insya-Allah. Sebelum saya melangkah jauh untuk membahaskan isu-isu, sama ada di peringkat negeri atau nasional, izinkan saya Yang Berhormat Dato' Speaker untuk menyuarakan beberapa isu tempatan yang menjadi rungutan akar umbi yang minta saya sampaikan, yang minta saya suarakan di Dewan yang mulia ini supaya dapat diambil tindakan sewajarnya. Mudah-mudahan dapat menyejukkan perasaan pengundi di kawasan saya. Inilah keutamaan kita untuk memastikan bahawa tuntutan yang dikemukakan oleh rakyat terus terbela dan menjadi kenyataan. Dan, janji-janji yang telah pemimpin umumkan menjadi kenyataan dan dilaksanakan. Walaupun isu-isu itu telah banyak kali disuarakan di Dewan yang mulia ini sepanjang penggal yang lalu, tetapi tidak juga selesai dan tidak ada kata putus diberikan, masih ditakuk lama, ibarat sorong tarik, tarik sorong, yang tidak berkesudahan antara jabatan yang berkenaan. Walau bagaimanapun, saya tidak akan jemu-jemu untuk terus memperjuangkan permintaan yang dikemukakan oleh rakyat bawahan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, projek yang saya maksudkan ialah pembinaan jalan pintas dari Kampung Kelantan, Ayer Hitam, Batu 19 ke Tanah Merah, Pagoh, jalan laluan untuk pekebun kecil dan petani mengeluarkan hasil tani mereka. Jalan ini dah jadi singkat dan rasanya tidak perlu peruntukan yang besar. Saya berharap isu ini dapat diselesaikan secepat mungkin.

Y.B. Dato' Speaker : Anggaran Yang Berhormat tahu, bajet dia, anggaran dia?

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Anggaran kasar sahaja, 8 tahun yang lalu ialah sekitar RM12 juta.

Y.B. Dato' Speaker : Banyak Yang Berhormat RM12 juta, ingat RM12,000.00

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Tetapi telah meningkat kepada RM22 juta pada tahun lepas. Yang Berhormat Dato' Speaker, namun demikian, oleh kerana jalan itu telah pun disingkatkan kerana ada jalan asas yang telah dibina, maka peruntukan rasanya tidaklah sebanyak mana. Di bawah RM10 juta pun sudah cukup untuk dilaksanakan projek ini dalam waktu kesukaran ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi projek yang menunggu kelulusan untuk dilaksanakan ialah projek pelebaran jambatan atau pembinaan semula jambatan baru yang menghubungi Kampung Bukit Batu, Kampung Jeram Masjid dan Parit Ulu Bakri, pun dalam situasi yang sama. Saya mintalah kalau pihak Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, jika tidak dapat melaksanakannya kerana kos anggarannya yang telah diperakukan oleh JPS dan JKR telah

disampaikan ke pihak kementerian, maka saya memohon jasa baik dan kerjasama Pengarah Pembangunan Negeri mengambil tindakan untuk menyelesaikan projek ini dalam waktu terdekat. Begitu juga dengan keadaan jalan raya yang menghubungi jambatan itu dengan Kampung Bukit Batu yang saya sebutkan tadi sangat teruk keadaannya, berlubang dan berlopak sana sini, perlulah diturap semula.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jambatan ini telah banyak mengorbankan kemalangan dan yang paling mendukacitakan ialah bantahan senyap penduduk setempat yang ditunjukkan semasa pilihan raya yang lepas. Di mana kerusi DUN ini iaitu kerusi DUN Sungai Abong telah terlepas dan dicuri oleh pembangkang. Saya dah beri ingatan di Dewan ini beberapa kali. Itulah akibat yang terpaksa ditanggung bila tuntutan demi tuntutan akar umbi tidak diambil kira dan diketepikan begitu lama.

Namun demikian, saya ingin mengambil ingatan kepada pihak-pihak tertentu yang mungkin cuba akan mengambil kesempatan bila jambatan ini dibina kelak ataupun jalan raya ini diturap semula, jangan pula ada pihak-pihak tertentu mendabik dada. Mereka kata merekalah yang memperjuangkan nasib rakyat di kawasan itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam kesempatan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan seluruh masyarakat dan warga Bakri kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang selama ini telah meluluskan banyak projek rakyat di kawasan Bukit Naning juga Bakri. Tidak lupa juga terima kasih kepada Pengarah Pembangunan Negeri, ICU, Kementerian Luar Bandar dan Wilayah serta jabatan-jabatan lain yang telah pun banyak memberikan kerjasama dan melaksanakan projek-projek untuk rakyat. Terima kasih dan janganlah berhenti di setakat itu sahaja. Saya berharap pada tahun ini dan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dapat disempurnakan sebahagian besar projek yang dikemukakan kepada pihak berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai rakyat Johor kita mesti merasa bangga dan bertuah kerana kita diwarisi kepimpinan silih berganti yang bijaksana dan berwawasan jauh, yang membolehkan Negeri Johor terus menempa kejayaan demi kejayaan dalam pelbagai bidang sepanjang 50 tahun fasa pertama negara merdeka. Satu rekod pencapaian yang hebat hasil semangat permuafakatan dan kerjasama serta toleransi yang tinggi yang ditunjukkan oleh rakyat berbilang bangsa, kaum dan anutan agama.

Kita bersyukur kerana wawasan jauh yang telah dirintis dan dirancang dari masa ke semasa melalui silih berganti kepimpinan negeri dan negara tetap terus berkesinambungan, melakar sejarah kegemilangan dan terus menerajui negeri dan negara ini dalam suasana aman, selamat dan makmur.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat panjang lagi?

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Ada sikit lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Agak berapa minit tu?

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : 20 minit lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, itu panjang.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Yang Berhormat Dato' Speaker, fasa kedua yang sedang kita lalui yang bakal kita rintis, pastinya lebih mencabar dan menarik, kerana kita berada dalam suasana global dan dekad-dekad mendatang melampaui Wawasan 2020 hingga 2057. Impian kita untuk terus merancang dan membina sebuah negara bangsa yang berdaulat dan bermaruah tentunya menjadi asas utama yang memerlukan kekuatan dalaman bangsa untuk membolehkan kita terus berkesinambungan mengurus kejayaan demi kejayaan. Semuanya ini menjadi kenyataan dan boleh kita lakukan apabila negara dapat melahir dan membangun modal insan yang hebat. Watak-watak unggul yang memiliki kekuatan daya saing dan daya juang yang tinggi sama ada di peringkat negeri, nasional dan global.

Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ya, nak apa?

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Nak meneruskan ucapan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ok, jemput duduk. Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:00 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 12:20 tengah hari.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula, jemput. Bukit Naning.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, mengizinkan saya untuk meneruskan perbahasan pada pagi ini.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Sepuluh minit Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Insya-Allah. Hari ini kita tercabar sungguh. Rupa-rupanya permulaan perjalanan menuju 50 tahun, fasa kedua sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat tidak seperti yang kita jangkakan. Jalan yang telah dirintis dan dibina dengan cantik dan elok, sudah mula lekuk sana, lekuk sini. Sudah ada unsur-unsur makhluk perosak yang tidak langsung menghargai nikmat yang Allah anugerahkan kepada kita. Sepanjang 50 tahun malah jauh lebih lama lagi, sebagai masyarakat timur, kita telah diasuh, diajar dan dididik untuk menghormati satu sama lain. Kita diajar untuk terus meletakkan semangat permuafakatan, perpaduan, tolak ansur dan toleransi yang tinggi sesama kita. Tetapi, tetapi apa yang kita lihat dan saksikan,

dukacita sekali, asas yang dibina oleh datuk nenek kita mulai luntur selepas 8 Mac yang lalu. Amalan yang selama ini ditanam dan menjadi teras kekuatan permuafakatan dan perpaduan mulai longgar. Walhal kita diajar dan dididik, yang muda supaya menghormati yang tua, pekerja menghormati majikan, pelajar menghormati guru, anak menghormati bapa, ibu bapa. Apa lagi, hubungan rakyat dengan pemimpin mestilah saling menghormati. Begitu juga adab dan tertib kita diasuh dan dididik antara rakyat dan raja mesti ditaati dan dipatuhi serta disanjung tinggi tanpa berbelah bagi. Bayangkan, apa akan terjadi kalau anak tidak menghormati dan mentaati ibu bapa. Orang muda sudah tidak mengendahkan orang tua. Pekerja tidak hormat kepada majikan, inikan pula, ada rakyat yang lupa daratan dari mana asal usul mereka. Mencari populariti, menunjukkan kebiadaban kepada Raja dan Peraturan Dewan yang mulia ini. Apa maknanya? Apa maknanya sistem berperlembagaan, apa maknanya sistem Raja berperlembagaan yang kita pegang dan patuh selama ini? Apa motif sebenar mereka mencabar kedaulatan Raja dan Rukun Negara? Saya nak ingatkan, jangan jolok sarang tebuan. Saya nak ingatkan sekali lagi, jangan sekali-kali cuba hendak menguji kesabaran kita. Inilah, inilah akibatnya, Yang Berhormat Datuk Speaker, bila ada golongan tertentu yang cetek tentang ilmu sejarah Malaysia dan sejarah bangsanya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, hari ini kita berhadapan dengan pelbagai cabaran yang menuntut semua pihak meningkatkan perancangan dan strategi untuk menghadapi situasi gawat dan kekalutan yang berpanjangan. Kita berhadapan dengan kemelut politik dan kekalutan yang berterusan, tidak berkesudahan yang menghakis kepercayaan dan keyakinan, yang melumpuhkan semangat kesetiakawanan dan kesatuan. Tidak cukup dengan itu, kita juga ditimpa krisis kenaikan harga minyak yang terus melambung naik tanpa sekatan dan tidak ketentuan. Ia disusuli pula dengan krisis makanan yang menghantui semua rakyat dengan kenaikan harga barangan yang sukar dikawal. Negara, negara pula terpaksa menanggung subsidi yang tinggi bagi mengatasi zaman kesukaran dan mencabar ini. Oleh itu, kerajaan perlu merancang dan meneruskan agenda pembaharuan satu pendekatan baru yang lebih komprehensif untuk terus, untuk terus memperkasa sebagai bangsa dan negara. Dalam suasana yang demikian, rakyat perlu mengubah sikap dari suasana selesa kepada menghadapi cabaran demi cabaran, dengan penuh tanggungjawab dan mempertingkatkan tekad dan azam untuk mengangkat daya saing dan daya juang yang tinggi, untuk terus merancang dan mengurus kejayaan dengan menambah nilai kejayaan yang kita tempa selama ini.

Justeru itu, untuk negara dan rakyat terus mencipta kejayaan yang cemerlang, gemilang dan terbilang, maka saya menyeru kepada kakitangan perkhidmatan awam berilah, berilah perkhidmatan yang terbaik, cekap, cemerlang dan berkesan, kerana dalam suasana yang mencabar, kerajaan telah memberikan perbagai insentif kepada mereka ini. Jadikanlah Perkhidmatan Awam Johor terbaik dan mampu memberikan kepuasan kepada pelanggan. Tinggalkan sikap lapuk yang dibelenggu persepsi malas dan lembap, layanan tidak mesra kepada rakyat dan lain-lainnya. Kikiskan budaya keluar minum di luar, di waktu pejabat. Cubalah, cubalah jenguk-jenguk di restoran dan di warung-warung dan kafeteria yang berhampiran dengan pejabat-pejabat kerajaan pada waktu kerja, siapa yang memenuhinya? Oleh itu, kita perlukan perubahan, kita

memerlukan satu perubahan sikap dan anjakan integriti untuk terus mengekalkan kewibawaan kakitangan kerajaan ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekali lagi saya merakamkan terima kasih di atas ruang dan peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta membahaskan rundingan dan saya menyokong rundingan menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Rengit. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Jemput yang lain. Ada? Sungai Abong.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Alhamdulillahirabbil 'alamin dan salam sejahtera kepada yang bukan Islam.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kerana mengizinkan saya berdiri dan berucap dalam membahaskan, perbahasan ucapan terima kasih atas titah perasmian Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan pada tempoh hari. Alhamdulillah, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas, terutama kepada Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, lebih-lebih lagi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, dengan kemenangan yang telah dicapai dan telah diberi mandat oleh rakyat untuk memimpin kita dan rakyat Negeri Johor, insya-Allah. Alhamdulillah, saya sebagai ADUN Sungai Abong, rasa insaf dengan berdirinya saya di sini merupakan suatu tanggungjawab dan memikul amanah. Jawatan yang dipegang ini bukanlah suatu penghormatan tetapi adalah suatu amanah yang patut saya pikul dan harus saya pikul dengan sebaik-baiknya. Saya setuju dengan apa yang dinyatakan dan dibacakan oleh ADUN Jorak tempoh hari, yang membaca sepotong ayat al-Quranul Karim yang berbunyi, (Bacaan surah), dengan izin, yang bermaksud, " sesungguhnya Allah memerintahkan kamu, menyempurnakan amanah pada mereka yang berhak menerima amanah dan apabila kamu menghukumkan di antara manusia, maka hendaklah kamu menghukumkan dengan seadil-adilnya. Demikianlah Allah yang mengajar kamu dengan itu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat. "

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, itulah amanah yang Allah ingin kita sampaikan kepada rakyat. Sekiranya, kita mengabaikan amanah ini, maka Nabi kita berpesan tunggulah hari kiamat akan menghampiri dan menghancurkan kita.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, dalam ayat tadi juga, Allah berpesan kepada kita supaya berlaku adil sebagaimana disarankan oleh Baginda Sultan yang inginkan bahawa kerajaan yang dipimpin ini berlaku adil kepada semua rakyat jelata tanpa mengira kaum dan bangsa serta agama. Saya ingin perjelaskan di sini, adil. Kita dah faham bahawa adil dalam Islam bukan ertinya

sama rata, seperti yang kita selalu sebut-sebut dan bahaskan. Adil bermakna, kita menyempurnakan beri hak pada siapa yang berhak mendapat hak. Dan kita menarik balik hak pada siapa yang tidak layak mendapat hak.

Saya beri contoh, kalau kita ada anak lelaki dan perempuan, maka tidak adil kita kalau kita bahagi sama rata kepada anak-anak kita, laki-laki dan perempuan dengan contohnya kita membeli pakaian ataupun seluar yang sama, maka itu tidak adil Yang Berhormat Timbalan Speaker. Bagi anak laki-laki, haknya adalah seluar laki-laki. Anak perempuan adalah baju kurung ataupun bertudung. Itulah adil dalam Islam. Bukannya kita bagi sama rata, anak lelaki dan perempuan sama-sama kita bagi seluar *jeans* ataupun songkok dan sebagainya. Dan ada juga kita memberikan hak itu kena pada tempat dan tepat pada masanya. Tidak adil namanya kalau kita beri hak seseorang yang layak menerima hak itu, tapi kita beri dia bukan masa yang sesuai untuknya. Kita berinya selepas mungkin 5 tahun, 10 tahun atau bila-bila. Itu tidak adil namanya. Kalau perlu kita bagi pada masa sekarang, maka adil kalau kita bagi sekarang. Kalau kita lewatkan, itu tidak adil namanya.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, seperti yang dinyatakan oleh sahabat saya daripada ADUN Bukit Naning tadi, yang menuduh saya sebagai pencuri DUN Sungai Abong. Alhamdulillah, kalau saya tak mencuri, saya tak datang ke Dewan ini. Apabila saya bertanya kepada rakyat-rakyat, mengapa kamu semua mencuri DUN Sungai Abong dan beri kepada saya? Maknanya bukan saya mencuri, tetapi rakyat yang mencuri dan memberikan kawasan Sungai Abong kepada saya. Alhamdulillah. Mereka berkata, " Y.B., kami dah lama makan ayam, hari–hari makan ayam, sekali-sekali kami nak rasa ikan masin juga. "

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Y.B., mana sedap ikan masin dengan ayam ?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Sesekali sedap ikan masin.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Sesekali…

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Sekali-sekali…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Tak selalulah.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Kalau dah selalu makan ayam, jemu, muak. Jadi itulah jawapan rakyat Sungai Abong. Lalu, mereka mencuri dan memberinya kepada saya. Ini satu pencurian yang halal dari segi undang-undang. Dan saya ingatkan kepada sesiapa yang ingin jadi Y.B., jadilah pencuri macam saya. (Dewan bertepuk).

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Kalau tak curi tak dapat Yang Berhormat ya?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Tak dapat. Sudah nak dapat.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Oh…

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong): Tapi halal. Curi yang halal.

Yang berhormat Datuk Timbalan Speaker, sebentar tadi ADUN dari Nusajaya telah mencadangkan supaya kita semua turun padang dengan isu kenaikan harga minyak supaya rakyat mendapat penjelasan yang sejelas-jelasnya, kenapa Kerajaan terpaksa menarik balik subsidi minyak, seterusnya menaikkan harga minyak yang melampau-lampau. Jadi sebelum Kerajaan memberikan penjelasan, saya ingin sedikit sebanyak menyampaikan fakta-fakta supaya kita boleh bawa, bawa ke bawah dan beritahu kepada rakyat supaya rakyat faham, rakyat faham harga minyak naik. Tanya semua orang dalam negara kita ini, mereka faham, ya, harga minyak naik. Persoalannya, adakah negara kita ini pengimport minyak ataupun pengeluar dan pengeksport minyak?

Negara kita mengeluarkan minyak jenis yang terbaik dalam dunia iaitu ialah minyak tapis *Blend 44 oil*. Satu jenis minyak yang terbaik kualitinya dan termahal harganya dalam dunia ini. Satu tahun negara kita mengeluar dan mengeksport minyak sebanyak 225 juta tong. Menjual minyak tapis *Blend 44 oil* yang harganya tinggi tetapi kita mengimport hanya 29 juta tong satu tahun. Bermaknanya kita adalah negara pengeluar dan pengeksport minyak. Kalau kita nak membandingkan harga minyak, maka sudah menjadi logik kita membandingkan negara kita dengan negara-negara yang mengeluar minyak juga. Bukan seperti Singapura, Thailand, Filipina dan sebagainya. Ini dari segi perbandingan mengikut logiknya begitulah.

Di sini saya nak ambil perbezaan bukan semua negara keterbandingan dengan gaya pengeluar minyak seperti Arab Saudi, Kuwait dan sebagainya, maka ini tak sama taraf dengan negara kita kerana, kerana kadar pendapatan perkapita mereka lebih tinggi dari negara kita. Jadi saya ambil contoh Negara Nigeria yang mana pendapatan perkapita mereka adalah RM7,161.00. Harga minyak di negara itu hanya 33 sen satu liter. Negara Venezuela, pendapatan perkapita mereka hanyalah RM41,664.00, tapi harga minyak bagi rakyat negara mereka hanyalah 16 sen satu liter. Iran, pengeksport minyak yang besar, tetapi pendapatan perkapita mereka hanyalah RM40,037.00. Negara Malaysia juga pengeluar minyak tapi tak banyak. Sekadar 500,000, 600,000 tong satu hari. Tapi, pendapatan perkapita kita adalah RM46,872.00, lebih tinggi daripada Negara Iran, lebih tinggi daripada Negara Venezuela, lebih-lebih lagi daripada Nigeria dan sebagainya.

Kalau kita hendak membuat perbandingan tentang harga minyak di negara kita, maka inilah negara-negara yang sepatutnya kita bandingkan. Bukannya Singapura, Thailand dan sebagainya. Persoalannya, kena jawablah. Mengapa kita tidak mampu memberi subsidi kepada rakyat negara kita bahkan negara lain pengeluar minyak juga macam negara kita, sanggup dan mampu pada kadar harga yang tak munasabah. Kurang daripada RM1.00. Contoh, Indonesia, negara yang pada mulanya pengeluar dan pengeksport minyak tapi akhir-akhir ini telah menjadi negara yang mengimport minyak. Itu pun kita tak boleh dibandingkan dengan negara kita Malaysia. Tapi kenapa harga minyak di Negara Indonesia sekitar RM2.38 satu liter. Ini persoalan yang perlu dijawab

oleh kerajaan. Bukan hanya mencerita harga minyak dunia naik, maka Malaysia mesti naik.

Pada tahun lepas apabila Kerajaan menaikkan harga minyak sebanyak RM0.30 satu liter, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa dengan RM0.30 kenaikan harga minyak ini, kerajaan dapat menjimat, berjimat sebanyak RM4 bilion. Maka diwar-warkan bahawa dengan kenaikan RM0.30 ini dalam jangka panjang rakyat Malaysia akan mendapat keuntungan kerana dengan RM4 bilion yang dijimatkan ini, Kerajaan mampu meningkatkan sistem-sistem pengangkutan awam dan sebagainya. Rakyat lihat satu tahun apa yang berlaku. Di mana dia janji-janji. Berapa banyak Johor yang dapat untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam di negeri ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, ekoran daripada krisis ini, menurut YSS, Yayasan Sekuriti Sosial telah menyatakan bahawa dalam keadaan negara kita sekarang ini, kadar kemiskinan bukannya lagi 5.7 peratus. Ini satu angka yang tidak munasabah langsung. Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengatakan bahawa, dalam bulan Mei kadarnya begitu 5.7 peratus ataupun lebih kurang begitulah sedikit. Dengan nilai kadar kemiskinan, paras kemiskinan hanyalah sekitar RM740.00 bagi yang duduk di bandar. 3 hari lepas, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa dalam perbahasan di Dewan Rakyat, dengan kadar kenaikan minyak yang berlaku dalam negara kita pada hari ini, nilai RM800.00 atau RM740.00 itu tidak sesuai lagi. Ia mesti RM1000.00 ataupun RM1000.00 hingga RM1,500.00. Inilah taraf baru yang lebih realistik. Kalau ikut nilai itu, lebih kurang 26 peratus penduduk di negara kita ini berada dalam peratusan kemiskinan. Ini suatu malapetaka yang berlaku. Kita penat berbincang untuk menyelesaikan masalah kemiskinan dalam negara kita. Rupa-rupanya sia-sia, sia-sia Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Kerja yang kita buat, tapi kita menambahkan lagi kadar kemiskinan oleh kerana dasar-dasar kita yang tidak proaktif.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Kalau tak buat lebih banyak tak Yang Berhormat? Kalau Kerajaan yang ada hari ini tak buat apa-apa, lagi banyak kemiskinan.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Kemiskinan yang saya maksudkan di sini ialah kemiskinan kerana harga minyak naik. Itu sahaja. Itu sahaja. Subsidi, ya kita dapat RM625.00 subsidi. Ini suatu syukur, alhamdulillah. Satu langkah yang boleh meringankan beban rakyat.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat dapat tak agak-agak?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Saya tak dapat.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Tak dapat?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Tak dapat.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Oh, pasal pakai kereta lebih daripada 2,000 cc.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Kereta saya kereta lama.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Kereta lama?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Kereta lama kuat makan minyak pulak tu.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Cc dia?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : 2500

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Wah. (Dewan ketawa)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim Bin Salleh (Sungai Abong) : Kereta lama. Saya nak jual pun tak laku.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Kereta lama pun tak kisahlah, lama ke baru…

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim Bin Salleh (Sungai Abong) : Keretanya KIA Carnival tu … je Yang Berhormat. Saya nak jual pun tak laku RM30,000.00. Jadi inilah masalah. Jadi persoalan. Rakyat nak tahu persoalan dan tanda tanya dan jawapannya daripada kerajaan, mengapa, kenapa, benda ni boleh berlaku.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Kira dah habis ye Yang Berhormat?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim Bin Salleh (Sungai Abong) : Banyak lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Banyak?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim Bin Salleh (Sungai Abong) : Banyak lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : 2 minit lagilah saya bagi peluang.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim Bin Salleh (Sungai Abong) : 15 ke? Kalau tak habis saya sambung besok pun boleh. (Dewan ketawa)

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Kawan-kawan yang lain ada lagi yang belum berucap.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim Bin Salleh (Sungai Abong) : Isu Pulau Batu Puteh menjadi sejarah hitam dan tamparan hebat bagi kita dan Negeri Johor ini. Lantaran itu boleh jadi bersangkutan disampaikan dengan Singapura. Saya rasa kita patut mengkaji balik pelaksanaan Pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia. Pada hemat saya, Iskandar Malaysia terlalu banyak memberikan keutamaan, kelebihan kepada pelabur, peniaga dan rakyat Singapura khususnya melalui pakej insentif dan sokongan (ISP). Antara pakej tersebut adalah:

i. Pengecualian pembayaran cukai korporat selama 10 tahun.
ii. Pengambilan pekerja asing tanpa had.
iii. Pengecualian daripada peraturan *Foreign Investment Committee* (FIC) dengan izin.
iv. Pemilikan hartanah kediaman melebihi RM250,000.

v. Penghapusan cukai keuntungan harta tanah.

Kita tidak hairan namun bertanya sebab kenapa lagi, apa perlunya Jawatankuasa Bersama Wilayah Iskandar ini terdiri daripada Menteri Malaysia dan Singapura. Apa perlunya. Saya bimbang dan patut jadi bimbang, bukan saya sahaja. Antara tugas utama Jawatankuasa tersebut adalah untuk melaksanakan penggunaan Kad Pintar atau *Smart Card* dengan izin, yang akan digunakan sebagai dokumen perjalanan atau pasport bagi rakyat Singapura untuk masuk ke Iskandar Malaysia. Kad-kad adalah bertujuan untuk memudahkan ataupun mempercepatkan urusan keluar masuk rakyat Singapura berbanding dengan menggunakan dokumen perjalanan atau pasport yang biasa digunakan.

Persoalan pertama, kenapa sebelum ini Kerajaan Singapura tidak pernah berusaha untuk memudahkan urusan keluar masuk pekerja-pekerja Malaysia yang seramai hampir 100,000 di republik itu ataupun yang lebih tepat 97,526. Kenapa? Kenapa Singapura menolak cadangan penggunaan jambatan bengkok yang kami rasa amat perlu dan sangat penting untuk negara kita.

Persoalan kedua, sejauh mana kad pintar ini boleh dijamin keselamatannya daripada sebarang elemen penipuan dan penyelewengan. Pada masa sekarang pelbagai kad-kad pintar ataupun kad-kad kredit, ATM dan sebagainya berjaya diklon atau dipalsukan oleh penjenayah. Jika ini berlaku maka keselamatan negara akan terdedah kepada ancaman musuh.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya sangat bimbang jika sekiranya tiada kawalan serius daripada kerajaan, maka tidak mustahil dengan pembelian aset-aset di Iskandar Malaysia secara diskaun besar-besaran, ekoran daripada nilaian duit Singapura. Maka suatu masa nanti Iskandar Malaysia akan menjadi wilayah milik rakyat dan pelabur dari Singapura. Tidak mustahil sekali lagi kita akan berhadapan dengan masalah kedaulatan Wilayah Iskandar seperti yang dialami oleh Pulau Batu Puteh. Singapura dapat pulau, kita dapat batu yang kadang-kadang tenggelam, kadang-kadang timbul. Jadi, cukuplah kami rasa dengan banyaknya rundingan sebelum ini antara Malaysia dengan Singapura yang banyak merugikan Kerajaan Malaysia dan terlalu banyak menguntungkan Singapura seperti perjanjian air dan sebagainya. Isu permohonan tanah KTM di Singapura, isu penutupan Pengkalan TLDM di Woodlands, isu CPF, isu penambakan laut dan sebagainya.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa cukup Yang Berhormat. Dah 20 minit saya beri dah.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Saya rasa baik habiskan terus sampai pukul satu boleh?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yalah, kalau seminit dua tak apalah. Janganlah panjang sangat.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Jadi saya bercadang dan berharap Kerajaan Negeri ini mengkaji semula tentang Wilayah Iskandar,

bukan Wilayah Iskandar, tapi perjanjian dan permintaan Kerajaan Singapura dalam pelaburan di Iskandar Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Timbalan, saya difahamkan KPRJ yang ditubuhkan oleh kerajaan sejak tahun 1995 dengan modal berbayar RM1 juta tetapi tidak pernah mencapai keuntungan hingga ke hari ini, hingga jumlah hutang tertunggak dianggarkan berjumlah RM190.4 juta. Saya berasa hairan dan rakyat merasa hairan, bagaimana sebuah syarikat kerajaan yang diberikan tanah berlokasi strategik secara percuma oleh kerajaan boleh mengalami kerugian. Antara tanah-tanah ini saya sebutkan, Tebrau, Plentong, River Basin, Bukit Tempurung, Gelang Patah, 1,000 ekar rizab hutan, Sungai Pendas, Gelang Patah, Sungai Perling, Kampung Tuah Jaya, tanah di Plentong yang akan dimajukan sebagai Taman Panderosa oleh Barinda milik syarikat Kuok Brothers, tapak kem tentera di Majidee. Syarikat yang sewajibnya untung, tapi kenapa boleh rugi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Cukup Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Jadi saya cadang, Kerajaan Negeri mengkaji balik adakah perlu lagi tak KPRJ ni. Setelah kita menanggung biawak hidup, memikul beban, menanggung hutang hingga tak habis-habis. Sikit lagi boleh?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Cukuplah Yang Berhormat. Kata nak berlaku adil kepada semua pihak jadi saya main kira begitulah. Nak bagi kawan-kawan yang lain yang belum berucap lagi ni.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Kalau nak bagi pun tak sempat juga ni.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Tak apalah. Itu tak apa, itu saya untuk menentukan siapa yang nak berucap.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Jadi akhirnya, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya akhiri dengan ucapan wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi taala wabarakatuh. Ada yang lain nak berucap? Jemput, Panti.

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku semasa merasmikan Pembukaan Dewan pada 19 Jun 2008 yang lalu. Negeri Johor di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional amat bertuah menikmati segala kemudahan dari segi infrastruktur, pendidikan, sosial, agama, ekonomi, keselamatan dan peluang-peluang pekerjaan yang banyak diwujudkan, sehingga bukan sahaja warga Johor yang berminat dan tidak memilih pekerjaan dapat kerja tetapi juga memberi peluang pekerjaan kepada

rakyat Malaysia dari negeri-negeri lain termasuk dari Kelantan selain pekerja-pekerja asing.

Program-program yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri juga terutama Program Membudayakan Al-Quran, Sakinah, Zapin, *Johor Beat* dan lain-lain lagi dapat diterima dengan baik oleh rakyat Johor. Program yang baik ini perlu selalu dipantau dari segi pelaksanaannya supaya ia berterusan dihayati. Akhir-akhir ini Program Membudayakan Al-Quran ternampak ada tanda-tanda agak lesu, kurang mendapat sambutan sama ada di jabatan-jabatan kerajaan, di masjid-masjid dan surau-surau. Langkah-langkah perlu diambil supaya program ini bersemangat semula sebagaimana baru-baru dilancarkan dahulu pada tahun 1995. Janganlah kejayaan Program Membudayakan Al-Quran diukur hanya dengan melihat kepada kejayaan Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran yang kita adakan tiap-tiap tahun dalam bulan Ramadhan. Pada masa sekarang, di kebanyakan masjid-masjid dan surau-surau, hanya imam dan bilal sahaja yang mengikuti Program Membudayakan Al-Quran. Penggerak-penggerak masjid perlu melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik dan sempurna. Program Zapin pula merupakan satu program yang amat berjaya sehingga anak-anak kecil kita di tadika-tadika dapat menghayatinya dan menarikan tarian Zapin dengan penuh perasaan dan bergaya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada masa sekarang harapan rakyat terutama di bandar-bandar terlalu tinggi. Perkhidmatan asas yang diberikan oleh kerajaan perlu diperbaiki. Kemudahan jalan, parit, longkang, pungutan sampah, potong rumput, lampu-lampu jalan perlu disediakan dengan sempurna dan diselenggara dengan memuaskan. Jika tidak ia akan menjadi rungutan dan akhirnya di*translate*kan dengan *protest word,* dengan izin. Maka menjadi tanggungjawab anggota Perkhidmatan Awam untuk melaksanakan tanggung jawab tersebut dengan penuh jujur, ikhas dan *dedicated.*

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri Johor menggalakkan IKS terutama yang berasaskan pertanian. Ramai pengusaha-pengusaha IKS sekarang ini telah berjaya memasarkan produk-produk mereka hingga ke luar negara. Kerajaan juga telah banyak membantu terutama dari segi mempertingkatkan kualiti produk mereka, terutama dari segi pembungkusan sehingga produk-produk IKS kelihatan menarik dan boleh bertanding dengan produk-produk yang lain. Apa yang perlu dibantu sekarang ialah mengadakan polisi yang terang bagi mensyaratkan *hypermarket hypermarket* yang ada di Johor ini memberi kemudahan kepada IKS memasarkan produk-produk mereka dengan memberikan ruang-ruang khas, dengan sewaan yang berpatutan dan membuat pembayaran kepada IKS-IKS dalam tempoh yang munasabah, supaya pengusaha-pengusaha IKS dapat modal pusingan untuk meneruskan perniagaan mereka.

Saya menyentuh mengenai dengan FELDA. FELDA merupakan agensi kerajaan yang berjaya khususnya dalam bidang perladangan dan perniagaan sehingga peneroka-peneroka FELDA pada masa ini berjaya meningkatkan pendapatan mereka. Sekarang ini pengurusan FELDA mesti menumpukan untuk membangunkan kawasan-kawasan bandar di dalam Rancangan-Rancangan FELDA supaya ia lebih tersusun, cantik dan kemas, tidak sebagaimana yang ada sekarang. Pembangunan bandar dibiarkan berkembang secara tidak

tersusun dan kelihatan lintang-pukang. FELDA mempunyai dana yang mencukupi untuk merealisasikan program ini, terutama untuk memberi peluang berniaga kepada generasi kedua FELDA.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mengutarakan mengenai PDK iaitu Pemulihan Dalam Komuniti. Di setiap DUN terdapat sekurang-kurangnya satu PDK. Kerajaan Johor membelanjakan wang yang banyak untuk menubuhkan PDK-PDK ini. Sambutan yang diberikan oleh orang ramai sangat menggalakkan kerana mereka yang berkenaan boleh menghantar anak-anak mereka yang memerlukan latihan khas ini di kawasan mereka masing-masing. Apa yang perlu sekarang ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu benar-benar memantau supaya PDK ini memberi faedah yang paling maksima kepada anak-anak yang memerlukan latihan kemahiran yang paling asas untuk mereka hidup berdikari. Baik dari segi latihan kepada petugas-petugas, yakni *child members* supaya mereka mendapat kemahiran yang cukup untuk melatih dan juga soal-soal pentadbiran-pentadbiran PDK itu sendiri. Penyelia yang dilantik perlulah dari kalangan mereka-mereka yang berkebolehan dan berkemahiran untuk melatih dan mentadbir PDK. Moga-moga jika ini dapat diusahakan, pelatih-pelatih PDK akhirnya boleh hidup berdikari, boleh makan sendiri, boleh ke bilik air sendiri dan boleh menjana pendapatan sendiri.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, banyak lagi?

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : 10 minit lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : 10 minit. 10 minit berhenti rehat. Sila duduk Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 27 Jun 2008, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:10 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KETUJUH	JUMAAT, 27 JUN 2008	BIL. 2 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia bte Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
Dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah bte Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
Dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M.Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman, KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusa Jaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah Binti Mansor,
(Penawar)

Y.B.Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof,
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Encik Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, jemput.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 1. [Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk meningkatkan perpaduan kaum melalui Kebudayaan, Warisan dan Sejarah yang sedang dirancang dan telah dilaksanakan oleh Kerajaan akhir-akhir ini. Di samping melipatgandakan lagi bagi memperoleh penemuan tempat-tempat sejarah yang boleh dihubung kait untuk mengeratkan lagi integrasi kaum di negeri ini?]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kempas di atas soalan yang dikemukakan.

Kebudayaan merupakan keseluruhan cara hidup manusia. Ia berperanan penting dalam proses pembangunan di Malaysia, di mana keperibadian Malaysia harus dipupuk. Dan, usaha-usaha yang dijalankan ke arah meningkatkan pembangunan sosioekonomi dan juga politik. Ini sudah tentunya memerlukan penggemblengan dan penglibatan semua lapisan masyarakat dalam satu proses yang berterusan. Bagi sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum seperti di Malaysia, proses pembentukan kebudayaan nasional memerlukan perancangan yang teliti dan rapi supaya dapat melahirkan cara hidup yang bersifat kemalaysiaan. Rancangan kebudayaan ini menentukan sifat-sifat yang baik, mulia dan utama bagi pembinaan bangsa dan negara. Dalam Perlembagaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan berlandaskan unsur-unsur dan mempunyai 3 prinsip iaitu :

i. Berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini yang merangkumi kawasan Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura, Brunei, Thailand dan Kemboja serta Kepulauan Selatan Pasifik.
ii. Unsur-unsur budaya lain yang sesuai dan wajar boleh diterima sebagai sesuatu yang dinamik, sentiasa berubah-ubah melalui proses penyerapan dan penyesuaian secara berterusan.
iii. Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan.

Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Warisan Johor dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program-program mempromosikan dan mengembangkan warisan kesenian dan kebudayaan kebangsaan di kalangan berbagai kaum melalui kelas-kelas bimbingan, bengkel, ceramah dan demonstrasi. Tanggungjawab yang diberikan kepada Yayasan Warisan Johor untuk mengembangkan dan melestarikan kesenian dan kebudayaan kebangsaan, bukan sahaja di kalangan orang-orang Melayu tetapi juga di kalangan rakyat berbilang kaum di Negeri Johor ini. Kesenian dan kebudayaan tradisi masing-masing kaum adalah digalakkan, tetapi untuk mempromosikannya adalah di bawah tanggungjawab dan tugas Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan juga Warisan.

Sebagai salah satu identiti budaya Johor, zapin telah berkembang secara menyeluruh di peringkat akar umbi sebagai cara hidup masyarakat Johor. Sebagai contoh zapin di Negeri Johor telah berkembang dari peringkat tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, Jabatan Kerajaan, Mukim-Mukim, warga industri dan juga di Institusi Pengajian Tinggi. Pertandingan zapin yang dilaksanakan pada setiap tahun mulai tahun 1998 telah berjaya menarik minat berbilang kaum terhadap tarian ini, juga telah menaikkan semangat jati diri mereka apabila mempersembahkannya di Johor mahupun di luar Johor. Dari segi persembahan pula, Yayasan Warisan Johor bukan sahaja mempromosikan zapin, ghazal, keroncong, bahkan juga tarian Sabah, Sarawak, tarian Cina dan juga tarian kaum India turut dipromosikan di Negeri Johor ini mahupun di peringkat antarabangsa. Dengan adanya program-program yang telah dirancang oleh Kerajaan akan meningkatkan lagi perpaduan di kalangan masyarakat di Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi meningkatkan perpaduan kaum, antara program yang disusun Yayasan Warisan Johor ialah Program Arkeologi Sungai Johor yang telah dilaksanakan pada 26 hingga 27 April 2008 yang lalu bertempat di Johor Lama. Seramai 53 orang peserta yang terlibat termasuk pelajar Melayu, Cina dan juga India dalam program ini. Dan pada tahun ini, sekolah yang terlibat bagi fasa pertama adalah dari daerah Kota Tinggi. Dan program ini diadakan untuk memberi peluang kepada pelajar sekolah dari pelbagai kaum untuk melihat sendiri tapak-tapak dan makam-makam bersejarah di sepanjang persisiran Sungai Johor. Menyusuri Sungai Johor, memberikan pengalaman kepada pelajar-pelajar melawat tempat-tempat bersejarah tersebut menggunakan laluan air. Bagi memberi pemahaman terhadap sejarah dan juga arkeologi, peserta juga didedahkan dengan ceramah sejarah yang disampaikan oleh Prof. Datuk Dr. Nik Hassan Shuhaimi daripada Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, seorang pakar arkeologi ataupun Kaji Purba dan juga selaku karyawan tamu Yayasan Warisan Johor dan juga Haji Kamdi Kamil, seorang pengkaji sejarah dan penulis yang berkhidmat di Yayasan Warisan Johor.

Selain daripada itu juga, peserta juga diajar teori asas praktikal arkeologi dengan membuat ekskavasi di tapak arkeologi Johor Lama. Dan peserta dapat melihat dengan sendiri kerja-kerja awalan sesebuah projek gali cari arkeologi. Fasa kedua dijangkakan akan dilaksanakan pada bulan Ogos 2008 ini.

Mengenai pengembangan seni visual, Galeri Seni Johor sentiasa mengaturkan program seperti kelas seni visual, pertandingan melukis dan pameran yang melibatkan pelajar pelbagai kaum Melayu, Cina dan juga India. Dan pelbagai peringkat terlibat juga sama ada di pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi serta persatuan-persatuan seni lukis. Usaha penyelidikan juga dilakukan bagi mengesan tapak-tapak bersejarah serta peninggalan pelbagai suku kaum Melayu, Cina dan India dan lain-lain kaum, antaranya ialah tapak permukiman awal, bangunan-bangunan, rumah ibadat dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi Jabatan Kebudayaan, Kesenian Negara Negeri Johor, beberapa aktiviti juga telah dilaksanakan bagi melibatkan pelbagai kaum seperti :

i. Program Merakyatkan Seni Budaya.
Program ini merupakan program yang melibatkan kerja-kerja atau aktiviti gotong royong, rewang dan upacara adat istiadat, permainan rakyat, sukan tradisional dan persembahan kebudayaan pelbagai kaum. Sehingga 15 Jun 2008, 6 program telah dilaksanakan bagi Program Merakyatkan Seni Budaya sama ada di kawasan luar bandar mahupun di kawasan perumahan-perumahan di dalam kawasan bandar.

ii. Program Kembara Puisi dan Sayembara Deklamasi Puisi Merdeka.
Program ini bertujuan untuk mendedahkan dan memberi peluang kepada masyarakat pelbagai kaum untuk terlibat di dalam mendeklamasikan puisi bagi menanamkan semangat mencintai negara sempena dengan Bulan Kemerdekaan dan diadakan pada setiap tahun.

iii. Festival Kesenian Rakyat.
Program ini melibatkan persembahan kesenian oleh pelbagai kaum dari seluruh daerah di Negeri Johor yang mana bertujuan mengangkat martabat kebudayaan dan kesenian yang ada di Negeri Johor Darul Ta'zim. Dan program ini juga bertujuan mengukuhkan perpaduan melalui aktiviti kebudayaan dan kesenian di kalangan masyarakat setempat. Selain meningkatkan kefahaman dan integrasi melalui seni tradisional ke arah pembentukan sesebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu, ia juga bertujuan memperkenalkan dan mengenali kebudayaan dan kesenian dari negeri lain melalui persembahan jemputan oleh negeri-negeri yang terpilih.

iv. Program Bimbingan Seni dan Budaya.
Program ini melibatkan latihan dalam 4 bidang khusus iaitu bidang seni tari, seni teater, muzik dan juga gasing.

v. Festival Kesenian Kanak-Kanak.
Program ini menampilkan persembahan kesenian oleh kanak-kanak dari pelbagai kaum yang telah mendapat pembelajaran dan latihan di sekolah-sekolah di bawah program seni budaya. Dan, program ini akan diadakan pada bulan Oktober 2008 yang akan datang.

Y.B. Dato' Speaker : Kempas.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Terima kasih Dato' Speaker, kita tidak boleh lari daripada beberapa faktor yang menyentuh pembangunan setempat. Kalau kita melihat balik tentang sejarah pembangunan setempat khususnya di Negeri Johor ini yang berhubung kait tentang bagaimanakah bentuk pembangunan dan kemajuan negeri ini dibuat, salah satu daripadanya adalah daripada kerjasama dan perpaduan kaum. Saya rasa kalau kita tidak mengimbas kembali akan sejarah, maka sudah barang tentulah generasi yang lahir selepas kemerdekaan, tidak akan menghayati bagaimanakah begitu susahnya dan juga di tahap mana perpaduan di antara kaum di negara ini dapat membangunkan negara kita seperti ini. Jadi oleh itu, kita mestilah memainkan peranan secara meluas dalam soal ini. Apa yang saya lihat pada hari ini, contohnya seperti sebagaimana yang dinyatakan oleh Pengerusi Kesenian dan Warisan tadi, hanya menyentuh tentang makam-makam, arkeologi di Sungai Johor, berkemungkinan ini tempat beliau. Tetapi sebenarnya di Negeri Johor ini begitu banyak dan kaya dengan segala sejarah-sejarah yang lama, yang perlu dicari, dikupas, diselidik dan ditonjolkan kepada generasi-generasi...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, soalan apa? Dia soalan, Yang Berhormat nak soal apalah. Itu dah macam ucap...

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Perkara sejarah kalau saya tak nak kupas nanti, tidak ada kefahaman untuk menjawab ...

Y.B. Dato' Speaker : Dia dalam ucapan patut... ha'ah. Ok, apa soalan Yang Berhormat tujukan?

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas): Saya ingin tahu umpamanya apakah pendekatan sehingga hari ini, sudah begitu lama tentang bagi pihak kerajaan untuk mencari sejarah-sejarah lama yang sudah lupus, tetapi amat mustahak. Saya mengambil contoh seperti seorang pejuang Melayu, Si Bongkok Tanjung Puteri, di manakah makam beliau? Kalau, saya nyatakan di sini Tanjung Puteri, mana dia Tanjung Puteri? Mana makamnya? Dia seorang pejuang. Kalau kita cerita pada generasi baru yang ada pada hari ini dia pun tak tahu Si Bongkok ini siapa?

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat, soalanlah. Cerita Si Bongkok ini panjang, nanti tak habis ni, ha'ah.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya harap dapat pihak Warisan mengambil pendekatan untuk mengimbas kembali dan menentukan mencari di mana.

Y.B. Dato' Speaker : Ha.. ok.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Sejarah perdagangan di Bandar Johor Bahru ini bermula daripada Sungai Segget dan kita tahu Tangga Duke umpamanya, di mana Tangga Duke. Adakah pendekatan bagi pihak kerajaan untuk menjadikan Tangga Duke ini sebagai satu tempat monumen umpamanya.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat, dah panjang na..

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Stesen Keretapi Jalan Campbell di mana di situlah Tuan Campbell membunuh diri semasa mendengar akan Malaya Johor akan merdeka dan saya harap pihak Warisan juga, sekiranya Gerbang Perdana akan siap dan Stesen Kereta Api akan pindah ke sana, saya mintak supaya Stesen Keretapi Johor Bahru ini diambil alih oleh kerajaan dijadikan muzium.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, ok, ok, ha.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Dan dapat memperlihatkan kepada…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, panjang Yang Berhormat. Yang Berhormat, ini bukan soal, Yang Berhormat berucap. Dia tak boleh, ini dah macam berucap betul, ha..ah…

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya faham.

Y.B. Dato' Speaker : Bukan cerita faham. Dia soalan.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Kerana saya diberi berucap selama 15 minit. Itu sebab …

Y.B. Dato' Speaker : Nanti rasalah. Yang Berhormat berucap yang paling panjang. 20 minit, 25 minit. Yang Berhormat 4 tahun saya ingat, 8 tahun dah berucap.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Saya biasa berucap satu jam setengah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah, itulah.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Setakat 20 minit tak sampai 10 *percent* pun.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, ini soalan.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Jadi saya…

Y.B. Dato' Speaker : Ha…

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Tak mahulah pihak kerajaan hanya sebagaimana diceritakan oleh Pengerusi tadi. Dan apakah pendekatan perkara-perkara yang saya nyatakan itu sehingga ke satu masa akan datang sama ada akan dibuat ataupun dihapuskan sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat, tak sabar dia nak menjawab.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih. Kebetulan…

Y.B. Dato' Speaker : Ha'ah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Johor Lama mempunyai sejarah yang banyak Yang Berhormat Dato' Speaker dan Sungai Johor juga merupakan Pusat Perkembangan Sejarah Tradisi yang begitu panjang dan lama, dan kaya dengan warisan sejarah dan tamadun. Kebetulan saya datang dari DUN Johor Lama. Dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Kempas mengenai dengan soalan dan juga cadangan yang telah dikemukakan. Yang sebenarnya, di dalam Yayasan Warisan Johor sendiri Yang Berhormat Dato' Speaker, kita ada Bahagian Pemuziuman dan juga Persuratan dan Sejarah, yang mana di dalam Persuratan, Bahagian Persuratan dan Sejarah, kita juga menjalankan penyelidikan sejarah dan juga budaya tempatan, juga pembukaan sejarah silam yang telah kita buatkan berterusan semenjak daripada tahun 1996 semasa pewujudan Yayasan Warisan Johor itu.

Dan mengenai dengan cadangan Yang Berhormat daripada Kempas, insya-Allah kita akan melaksanakan atas cadangan tersebut. Memang kita faham mengenai dengan sejarah-sejarah di Negeri Johor ini terutamanya tentang bangunan-bangunan tinggalan lama yang juga ada kita telah laksanakan dan juga ada di dalam perancangan.

Y.B. Dato' Speaker : Kubur Si Bongkok dekat mana, Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Di Tanjung Puteri Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Dekat mana? Tanjung Puteri besar.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Tanjung Puteri di dalam Daerah Johor Bahru.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, oh. Yang Berhormat ada tengok kubur dia?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Saya belum melawat lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, belum, ha yalah. Saya pun tak jumpa sampai sekarang.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Permas Jaya.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker…..

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat mintak pasang lampulah. Saya dah dua kali pun saya tak nampak.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yalah, saya lampu *spotlight* sini satu.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah, ha'ah. Betullah, susah betullah gelap. Oklah, oklah.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kesenian dan kebudayaan adalah satu, salah satu arena yang penting untuk mengeratkan lagi tali persaudaraan di kalangan masyarakat tempatan dan juga mengukuhkan lagi perpaduan di kalangan penduduk berbilang kaum di negara ini. Saya dapat tahu ada banyak institusi-institusi klasikal daripada masyarakat India seperti Institusi Tarian Klasikal Bharanatayam, yang telah menjalankan banyak aktiviti-aktiviti dan juga membantu masyarakat tempatan untuk mempelajari tarian klasikal ini. Saya juga difahamkan bahawa Yayasan Warisan Johor memberi banyak bantuan bagi mempromosi tarian-tarian seperti zapin dan juga kuda kepang. Oleh itu, saya mintak ada tak kerajaan memberi bantuan-bantuan bagi mempromosikan tarian-tarian klasikal selain daripada klasikal Melayu, terutama bagi Institusi-institusi Klasikal yang telah menjalankan banyak program-program dan aktiviti-aktiviti di seluruh Negeri Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Ha.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tidak pernah meninggalkan masyarakat kaum India kerana selama ini Yayasan Warisan Johor juga, kita sentiasa menjalinkan hubungan yang baik dengan Persatuan Kaum India mengenai dengan kebudayaan seperti *Temple Fine Arts India*. Dan juga baru-baru ini kita telah juga membuat satu program bersama-sama dengan masyarakat India di Teluk Danga iaitu Tamilar Tirunal, yang baru-baru ini telah kita laksanakan. Dan insya-Allah, perkara ini akan kita teruskan juga Yang Berhormat Dato' Speaker dengan tidak meninggalkan kaum-kaum yang ada ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ada duitlah, Yang Berhormat tanggung eh, Warisan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Kita akan...

Y.B. Dato' Speaker : Ada Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Kerana saya juga ingin memaklumkan bahawa dalam Majlis Kebudayaan Negeri Johor juga, kita ada jawatankuasa yang terdiri daripada kaum India, daripada Persatuan Tamil Negeri Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Rengit.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih. Soalan saya ringkas saja, tak ada huraian.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, jawab pun ringkas.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Setakat ini, apakah program aktiviti yang telah diaturkan oleh Kerajaan Negeri dalam memberi kefahaman kepada semua rakyat yang berbilang bangsa, agama, kaum ini terhadap sejarah pembentukan negara bangsa di negara kita. Sebab saya lihat hari ini, Kerajaan Negeri cuma menjelaskan, menerangkan tentang pembentukan negara bangsa ini kepada, khususnya kepada orang Melayu. Tapi apa program yang telah diatur, aktiviti yang telah disusun kepada kaum-kaum lain tentang sejarah pembentukan negara bangsa agar, kalau ini dapat difahami, perpaduan negara akan lebih kukuh pada masa yang akan datang. Itu saja Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam ucapan saya sebentar tadi saya juga telah menjelaskan bahawa, dari segi memberi pemahaman terhadap sejarah dan juga arkeologi, peserta-peserta daripada khususnya daripada murid-murid sekolah di peringkat sekolah menengah, telah pun kita bawa melihat mengenai dengan sejarah yang tadi saya sebutkan di sepanjang Sungai Johor dan juga di sampaikan ceramah oleh Profesor Datuk Dr. Nik Hasan Suhaimi daripada Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia mengenai dengan sejarah dan memberi pemahaman, memberikan semangat supaya semua anak-anak kita yang pelbagai kaum daripada sekolah menengah ini dapat mempunyai jati diri, dan seterusnya di dalam itu juga kita meningkatkan jati diri di kalangan anak-anak kita dalam berbilang kaum ini Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Pengerusi, saya nak bertanya sebab sama ada, berapa tapak-tapak bersejarah yang katanya kalau masjid-masjid dan juga tokong-tokong Cina dan kuil-kuil India yang disenaraikan sebagai pustaka Warisan Negeri Johor dan juga akan diperkenalkan kepada pelancong-pelancong asing.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker, pada masa ini saya tidak mendapat butiran mengenai tersebut dan saya akan buat secara bertulis, Yang Berhormat Skudai.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok. Tanda-tanda tempat mana yang dia sebut. Ah, nak tanya eh.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Ya.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Yang Berhormat Dato' Speaker, rakyat negara ini sepatutnya bersyukur di atas nikmat perpaduan dan persepakat, permuafakatan yang tinggi yang ditunjukkan di sepanjang 50

tahun kita merdeka. Namun demikian selepas pilihan raya umum yang lalu, ada unsur-unsur yang tidak sihat yang diapi-apikan oleh kumpulan-kumpulan tertentu, yang cuba untuk menggugat perpaduan dengan menimbulkan berbagai masalah sensitif kaum dan juga agama. Dan ini menjejaskan semangat perpaduan dan permuafakatan yang telah kita pupuk selama ini.

Y.B. Dato' Speaker : Soalannya apa?

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Jadi apakah langkah-langkah Kerajaan dan tindakan tegas terhadap kumpulan atau orang perseorangan yang membangkitkan isu-isu sensitif ini, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, sejarah ini. Yang Berhormat nak jawab ke, dah lain dah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Tak payah jawablah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Saya jawab satu saja mengenai soalan yang dikemukakan oleh DUN Bukit Naning. Kita di dalam Jabatan Kebudayaan, Kesenian Negara Negeri Johor juga, kita ada juga program iaitu yang saya katakan tadi Program Merakyatkan Seni Budaya. Kita mengumpulkan keseluruhan masyarakat di kawasan tersebut dengan kita nakkan semua rakyat itu, dia melibatkan diri dengan kerja-kerja gotong-royong dan sebagainya. Tetapi bagi yang untuk perpaduan itu di bawah Yang Berhormat Pengerusi...

Y.B. Dato' Speaker : Perpaduan. Ok. Yang Berhormat Encik Goh Tee Tee, jemput.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 2. [(a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang membina sebuah stadium bola sepak dan akademi bola sepak di Bandar Tangkak daerah Ledang? (b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan mutu permainan bola sepak?]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai perancangan bagi membina sebuah stadium di daerah Ledang selaras dengan pengisytiharan Ledang sebagai daerah baru. Kawasan seluas 8 ekar di kawasan Paya Emas sudah dikenal pasti bagi tujuan pembinaan stadium tersebut. Dan diharapkan dengan terbinanya stadium ini, akan dapat memberikan ruang kepada masyarakat daerah Ledang untuk lebih aktif dalam kegiatan sukan.

Bagi soalan yang kedua, pihak Kerajaan Negeri sememangnya sedar akan kemerosotan pencapaian pasukan bola sepak Negeri Johor di persada liga kebangsaan. Sebagai langkah jangka pendek, pihak Majlis Sukan Negeri Johor dan Persatuan Bola Sepak Negeri Johor akan mengkaji serta menyusun semula pasukan bola sepak Negeri Johor, termasuk membuat penilaian kepada

keupayaan jurulatih-jurulatih mahupun pemain-pemain. Dan sekiranya perlu, akan menukarkan barisan jurulatih serta pemain yang lebih, yang lebih berkualiti untuk beraksi di musim hadapan.

Di samping itu sebagai langkah jangka panjang, Kerajaan Negeri Johor melalui Majlis Sukan Negeri Johor akan mengadakan kerjasama yang lebih akrab dengan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Johor dan Persatuan Bola Sepak Negeri Johor dengan mengambil langkah-langkah berikut:

i. Melaksanakan program memasyarakatkan bola sepak dengan mengadakan program-program pertandingan bola sepak, termasuk mengaktifkan semula liga bola sepak daerah dan menyemarakkan liga sukan kelab-kelab Johor.
ii. Mewujudkan akademi bola sepak Negeri Johor yang ditempatkan di Sekolah Menengah Tasek Utara, Johor Bahru. Sehingga kini terdapat 40 orang pelajar yang sedang mengikuti latihan di dalam akademi ini.
iii. Mewujudkan akademi bola sepak di daerah-daerah secara berperingkat dan telah bermula dengan daerah Segamat yang mempunyai 20 orang pemain dan berpusat di Sekolah Menengah Dato' Bentara Dalam, Segamat.
iv. Mewujudkan dan menambahkan bilangan jurulatih khususnya guru-guru sekolah untuk memastikan para pemain dapat menguasai kemahiran bermain bola sepak di peringkat umur lebih awal dan secara langsung melahirkan pemain bola sepak yang berkemahiran.
v. Mewujudkan program pertandingan sukan bola sepak untuk pelajar-pelajar sekolah, di samping pertandingan di peringkat MSSD dan MSSJ. Sekolah yang berjaya menjadi juara peringkat daerah, akan dipertandingkan di bawah Program Kejohanan Bola Sepak Juara Sekolah-Sekolah Negeri Johor.
vi. Mengadakan klinik dan kem bakat bola sepak dengan kerjasama bekas pemain-pemain bola sepak Negeri Johor. Saya percaya bahawa sekiranya kita boleh menumpukan perhatian secara bersama, pasukan bola sepak Negeri Johor akan mampu bangkit dan cemerlang di masa yang akan datang.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Tangkak.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, sukan bola sepak ni, kalau dibandingkan dengan sukan-sukan lain seperti sukan badminton, sepak takraw, bola keranjang, memang yang ketiga, yang lain tu, kita selalu dianggap tumpuan kepada setiap kaum. Misalnya, sepak takraw, orang Melayu, bola keranjang, orang Cina tetapi sukan bola sepak ini, semua kaum akan terlibat. Dan, pada seketika yang dulu iaitu 2 penggal, yang dulu, bandar Tangkak mempunyai satu bola sepak, padang bola sepak.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, padang, bola banyak?

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Padang, satu padang.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, satu padang.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Yang dapat menyambut oleh pasukan-pasukan tempatan. Dan, dengan melalui pertandingan, automatik pergaulan dengan kaum, perpaduan dengan kaum itu, automatik diwujudkan. Tiada payah promosi dengan melalui cara-cara lain.

Y.B. Dato' Speaker : Habis cadangan Yang Berhormat apa?

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Cadangan saya, sebab banyak kali cadangkanlah yang seperti tanah telah dikenal pasti tetapi bilakah dia akan diwujudkan bila misalnya, tahun inikah atau tahun yang akan datang? Satu tarikh yang tepat tu. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tidak dapat bagi tarikh yang tepat, kerana ini adalah bergantung kepada peruntukan kewangan Kerajaan Negeri.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, hah, saya berdiri yang sana, Maharani.

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat pun pernah main bola sepak?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Jarang-jarang, tak sempat.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, tak sempat. Tak sempat, lagi muda ada eh?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Ada.

Y.B. Dato' Speaker : Bagus main?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong penuhlah permohonan daerah Ledang untuk mendapat sebuah stadium. Walau bagaimanapun, saya mengharapkan supaya adik saya, Ledang, daerah Ledang ni, adik Muar ni, supaya stadium di Muar tu jangan dilupakan. Sebab dia memerlukan penaikan taraf, telah dimohonkan pun.

Y.B. Dato' Speaker : Muar, adik eh? Bukan Muar abang?

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) : Ada, tetapi sudah agak lusuhlah. Begitu juga, saya mengharapkan supaya kemudahan yang ada di stadium ini akan dapat dimanfaatkan oleh semua rakyat dan permohonan daripada semua Wakil Rakyat, saya harapkan akan dapat dibenarkanlah untuk menggunakan stadium yang ada ni. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat daripada Maharani sebenarnya dah kemukakan soalan bertulis berhubung dengan Stadium Sultan Ibrahim dan saya telah jawab soalan bertulis tu.

Y.B. Dato' Speaker : Saya pun dah terlupa, dia tulis lain stadium, dia tanya Stadium Tangkak eh, betul juga. Ok, Yang Berhormat Datuk Ariss bin Haji Samsuddin, jemput.

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsuddin (Semerah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 3. [Pendidikan agama di Johor adalah satu bentuk kesinambungan yang berterusan dan menjadi identiti tersendiri dalam Negara kita. Kita rakyat Johor mesti berbangga dengan kelebihan ini. (a) Terdapat beberapa buah sekolah agama dalam DUN Semerah ini yang belum dibina dan dinaikkan tarafnya. Sekolah Agama Padang Sari telah mendapat kelulusan dan sudah dikeluarkan tender tetapi tidak dilaksanakan? Mengapa? Sekolah Agama Mampan menampung jumlah pelajar yang cukup ramai dan memerlukan bangunan tambahan masih lagi tidak dilaksanakan? Mengapa? Dan mohon penjelasan. (b) Mohon jawapan berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan dalam usaha menaiktarafkan sekolah-sekolah ini khususnya di dalam DUN Semerah. (c) Apakah ada hasrat Kerajaan untuk menubuhkan sebuah Institusi Perguruan yang dikhaskan untuk melatih bakal guru-guru yang akan mengajar di sekolah agama Negeri Johor supaya mutu pembelajaran dan pengajarannya bertambah baik serta menjadi peluang kerjaya kepada lulusan Kelas Khas Sekolah Agama ini. (d) Sejauh manakah semakan semula terhadap sukatan pelajaran sekolah agama ini telah dibuat dan penilaian berhubung dengan kaedah peperiksaan telah dilaksanakan].

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak Jabatan Agama telah membuat semakan dan mendapati bahawa tender bagi projek membina Sekolah Agama Padang Sari belum pernah dikeluarkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kawasan Semerah, cadangan pembinaan kedua-dua sekolah iaitu Sekolah Agama Padang Sari dan Sekolah Agama Mampan telah pun diletakkan dalam senarai keutamaan bagi sekolah-sekolah agama dalam daerah Batu Pahat. Projek berkenaan ditangguhkan buat sementara kerana kekurangan peruntukan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan amat prihatin tentang perkara ini, justeru satu perbincangan telah pun dibuat di antara satu institusi milik kerajaan dengan Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Johor untuk membina sekolah-sekolah agama ini. Perkara ini masih dalam perundingan dan insya-Allah kalaulah dipersetujukan oleh pihak kerajaan, saya kira sebahagian besar daripada masalah kekurangan kelas-kelas di sekolah agama akan dapat diselesaikan dalam tempoh 2 tahun ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, kira-kira 77 peratus iaitu sebanyak 100 lebih sekolah-sekolah agama ini akan dapat diselesaikan.

Bagi menjawab soalan kedua, soalan (b) Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari kawasan yang sama. Kerajaan telah

menyediakan peruntukan untuk kerja-kerja membaik pulih kepada Sekolah Agama Sri Separap iaitu dalam DUN Semerah sebanyak RM35,880.00 bagi tahun 2008 ini. Walau bagaimanapun, bagi tahun-tahun sebelum ini, DUN Semerah telah pun disalurkan peruntukan sebanyak RM149,968.00 bagi kerja-kerja membaik pulih bangunan sekolah-sekolah agama, 5 buah sekolah agama kesemuanya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan (c) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan sebuah institusi perguruan yang dikhususkan untuk melatih guru-guru agama ini. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan telah bersetuju untuk menggunakan segala kemudahan yang ada di Kolej Pengajian Islam Johor iaitu MARSAH untuk menjalankan program latihan ikhtisas perguruan di peringkat diploma bermula tahun ini. Ini adalah bagi menampung kekosongan jawatan guru-guru sekarang khususnya menjelang tahun 2012. Dan, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak jabatan telah pun mengiklankan jawatan ini ataupun untuk dapatkan calon-calon untuk mengikuti pengajian di peringkat diploma di MARSAH ini dan setakat ini sambutan yang kita terima amatlah menggalakkan sekali. Untuk makluman Dewan yang mulia, jumlah permohonan yang kita terima ialah sebanyak 1,675 walaupun sebenarnya keperluan kita hanyalah sebanyak 90 calon sahaja.

Ini adalah, langkah-langkah ini diambil, Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi meningkatkan tahap profesionalisme guru-guru agama kita sebaris dengan guru-guru yang lain. Dan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, walaupun kita tidak bercadang untuk mewujudkan sebuah institusi khusus namun demikian, pihak kerajaan telah mengambil langkah-langkah sebagaimana yang saya katakan untuk meningkatkan tahap profesionalisme guru-guru ini dengan mengadakan kerjasama dengan berbagai-bagai pihak yang melibatkan diri dalam latihan perguruan. Dan, pihak-pihak tersebut adalah seperti Institut Perguruan Temenggong Ibrahim, Maktab Perguruan Durian Daun, Institut Perguruan Islam Bangi dan juga Kolej Islam Johor, yang mana mereka telah berjaya melatih seramai 1,189 orang guru-guru agama secara KDC, Kursus Dalam Masa Cuti.

Selain itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada yang kita akan laksanakan di peringkat MARSAH, sekarang ini seramai hampir 1,000 lagi guru-guru agama kita sedang belajar di institut-institut yang saya nyatakan tadi, di samping UTM seramai 234 orang. Institut yang saya nyatakan tadi seramai 438 orang dan pada tahun depan seramai 203 lagi, ini *batch* yang akhir yang akan kita latih di UTM seramai 2,003. Kita harap dengan langkah-langkah yang kerajaan ambil ini, kesemuanya guru-guru agama yang bertugas di sekolah-sekolah agama akan dapat dilatih sehingga ke peringkat diploma, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan (d) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah membuat semakan semula terhadap sukatan pelajaran, supaya ianya bersesuaian dengan tahap umur murid sekolah agama pada masa kini. Dan, mulai tahun 2008, kurikulum baru sekolah agama 2008, telah dilaksanakan hasil penyemakan semula terhadap kurikulum lama. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kurikulum tersebut dilaksanakan secara

berperingkat. Sebagai permulaan bagi tahun 2008 ini, semua murid darjah satu Sekolah Agama Kerajaan Johor telah mengikuti kurikulum baru. Kitab baru berdasarkan kurikulum 2008 juga telah berjaya diterbitkan dan dibekalkan ke seluruh sekolah agama mulai Mac 2008 yang lalu. Pada tahun 2009, kurikulum baru 2008, akan dilaksanakan bagi murid darjah 2, 4 dan 5 dan pada 10 Jun 2008 yang lalu, pihak kerajaan telah menerima draf manuskrip kitab bagi semua darjah tersebut untuk dipilih dan disemak oleh Jawatankuasa Penyemak Kitab Sekolah Agama Negeri Johor. Insya-Allah, kitab-kitab tersebut akan dapat digunakan mulai awal hari persekolahan tahun 2009. Pada tahun 2010 pula, kurikulum baru 2008, akan dilaksanakan bagi murid darjah 3 dan 6.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kaedah peperiksaan, kaedah peperiksaan di sekolah agama dilaksanakan melalui peperiksaan setengah tahun dan peperiksaan akhir tahun. Peperiksaan setengah tahun dikendalikan oleh Pejabat Pendidikan Agama Daerah manakala peperiksaan akhir tahun dikendalikan oleh Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Johor.

Bagi murid darjah 6 sekolah agama, mereka perlu mengambil peperiksaan bersijil yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan Agama iaitu Sijil Darjah 6 atau SDEA. Kerajaan masih mengekalkan kaedah wajib lulus semua mata pelajaran yang diambil bagi memperolehi keputusan lulus untuk membolehkan mereka layak mendapat sijil peperiksaan berkenaan atau layak berpindah darjah ke peringkat seterusnya. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ada nak tanya? Ok…

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui berkenaan dengan lulusan pelajar-pelajar aliran agama daripada Negeri Johor Darul Takzim ini. Adakah pihak kerajaan ada memantau dan kalau dapat mengetahui berapakah bilangan *student*, pelajar-pelajar lulusan agama yang masih menganggur dan adakah pihak Kerajaan Negeri juga melihat dan juga membuat selidikan bagaimana untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar lulusan agama ini memenuhi pasaran kerja tempatan yang diperlukan sekarang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, kita akui pelajar-pelajar dari Sekolah Agama Kerajaan Johor ini tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada apa ni sekolah agama ini untuk menarik pekerjaan. Ini adalah tambahan kepada yang ada pada diri mereka selain apa ni pencapaian mereka di sekolah-sekolah kebangsaan. Namun demikian Yang Berhormat Dato' Speaker, sebab itulah bagi memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang cemerlang dalam pendidikan agama khususnya yang sampai kepada darjah khas, selain mempunyai keputusan yang baik dalam SPM, sebagaimana yang saya nyatakan tadi kita memberi peluang kepada mereka untuk menjadi guru-guru agama. Dan, memang terdapat keperluan untuk guru agama, tinggal lagi mungkin bilangannya tidaklah sebesar sebagaimana yang ada. Sebagaimana yang saya beritahu tadi hanya 90 orang sahaja yang kita perlukan. Jadi kita tidak bolehlah harap sangat dengan kelulusan sekolah agama ini untuk dapat pekerjaan-pekerjaan yang ada. Ini adalah sebagai tambahan, tambahan kepada kelulusan-kelulusan lain yang mereka miliki.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Maharani.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Sungai Abong. Yang Berhormat Dato' Speaker, Sungai Abong.

Y.B. Dato' Speaker : Oh! Cakap Maharani. Silakan.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Ada beberapa soalan yang ringkas-ringkas.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, satu soalan tambahan hanya satu sahaja Yang Berhormat, dia tidak boleh 2, 3, 4.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Tapi ringkas sangat, penting dan ringkas.

Y.B. Dato' Speaker : Tak apalah satulah, dia tak kira, berapa penting pun satu.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Apakah pendirian dan pandangan rakyat Negeri Johor terhadap keputusan ataupun pelaksanaan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia yang untuk mengadakan sesi persekolahan pagi, petang. Sekiranya ini berlaku, maka ianya akan mengakibatkan sekolah-sekolah agama di Negeri Johor ini akan terganggu dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih, soalan tambahan Ahli Yang Berhormat kawasan Sungai Abong. Kerajaan sebenarnya memang prihatin tentang persekolahan agama kerana persekolahan agama ini telah wujud hampir 100 tahun. Tadi pun saya dalam kereta saya bercakap dengan bekas apa ni Pegawai Kanan JPN. Dia juga mempunyai, walaupun dia bukan jaga sekolah agama, dia juga mempunyai pandangan yang sama bahawa kita seharusnya Kerajaan mempertahankan kewujudan sekolah agama.

Ini adalah sebenarnya menjadi dasar kita iaitu mempertahankan kewujudan sekolah agama yang telah hampir 100 tahun dan untuk tujuan itu Yang Berhormat Dato' Speaker, sebab itulah sekarang kita wujudkan program rintis, program rintis 2, 3 hari, kerana kita sedar bahawa Kerajaan Persekutuan mulai tahun 2010 yang saya dapat tahu akan melaksanakan sistem persekolahan satu sesi. Makna sekolah, katakanlah yang saya tahu kalau dari pukul 8.00 sampai pukul 3.00. Kerana dia sekolah lepas pukul 3.00 terutama bagi anak-anak kita yang sekolah rendah, bagaimana nasib sekolah agama kita sama ada pada sebelah pagi atau sebelah petang. Kalau dulu zaman kita hanya pada sebelah petang sahaja. Sekarang pagi, petang.

Sebab itu kita wujudkan program rintis ini dengan tujuan bukanlah bukan dah muktamad, tidak *is a pilot project,* dengan izin. *Pilot project* supaya kita dapat mengumpul maklumat-maklumat penting, kalau kita laksanakan apakah masalah-masalahnya. Dan program ini akan, yang dilancarkan pada 40 buah sekolah di seluruh Negeri Johor, nampaknya setakat ini, respons dari ibu bapa

adalah baik. Walau bagaimanapun, kita akan analisa, kita sedang kumpul segala maklumat dan kalau kita berpuas hati dengan program ini, barulah kita akan membuat keputusan. Jadi, saya beri jaminan pada Ahli-Ahli Yang Berhormat, ini adalah antara sebahagian daripada persediaan yang kita buat. Kita tidak mahu terperangkap, apabila sekolah program sekolah satu sesi dilaksanakan dan kita tidak membuat persediaan yang tertentu, maka kita akan terperangkap dan mungkin boleh menjejaskan kedudukan sekolah agama yang saya nyatakan tadi. Jadi, berilah kami peluang untuk apa, menganalisa, mendapatkan maklumat-maklumat ini, insya-Allah kita beri masa 2 tahun dan kalau ok, baru kita laksanakan. Terima kasih Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Cik Lim Kee Moi, jemput.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4. [Burung Walet. (a) Apakah garis panduan menternak burung walet memandangkan perusahaan yang menguntungkan di Negeri Johor? Ini kerana Kerajaan Pusat telah pun ada garis panduan khusus. (b) Berapa ramaikah penternak burung walet yang sah di Negeri Johor mengikut daerah masing-masing? (c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan perusahaan ini tanpa menjejaskan keselesaan penduduk-penduduk di taman-taman perumahan?]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, sehingga kini Kerajaan Negeri masih belum mendapat bilangan sebenar premis yang digunakan untuk perusahaan burung walet di seluruh Negeri Johor. Berbeza dengan penternakan unggas yang mewajibkan pelesenan setiap ladang. Pengusaha burung walet tidak mendaftar atau melapor kegiatan perusahaan mereka kepada pihak berkuasa kerana ketiadaan undang-undang khusus ketika ini. Ini menyebabkan Kerajaan Negeri tidak dapat mengetahui dengan tepat jumlah premis burung walet yang diusahakan. Walau bagaimanapun, usaha telah dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Johor untuk mengumpul maklumat yang diperlukan di setiap daerah. Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari beberapa persatuan pengusaha burung walet di Negeri Johor, sekurang-kurangnya 200 hingga 300 buah premis terdapat di setiap daerah. Setakat ini, bilangan premis yang telah dikenal pasti dan didaftar oleh Veterinar Johor berjumlah 566 buah di mana lebih 95 peratus berada di kawasan bandar. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut: pertama, di Johor Bahru, saya ambil jumlah penuh sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Bilangan operator 23, bilangan premis 52; di Pontian, bilangan operator 23, bilangan premis 30; di Batu Pahat, bilangan operator 20, premis 54; di Muar, operator 114, premis 124; Segamat, operator 106, premis 130; Kluang, operator, 5, premis 9; Kota Tinggi, 44, operator dengan 58 premis dan Mersing, 99 operator dengan 109 premis yang mana berjumlah keseluruhan 434 operator dengan 566 premis. Pada masa ini, dasar Kerajaan Negeri masih kekal iaitu premis yang terletak di kawasan bandar ataupun di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan tidak akan diberi lesen. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri bersetuju mana-mana

premis yang digunakan atau dibina di luar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan akan dikawal selia oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri sedar bahawa perusahaan burung walet adalah perusahaan yang amat menguntungkan. Dengan harga pasaran semasa lebih kurang RM4,000.00 sekilogram. Purata pendapatan kasar seorang operator yang boleh mendapat sekurang-kurangnya 3 kilogram sarang burung sebulan adalah paling minima RM12,000.00 sebulan. Menyedari potensinya yang besar sebagai salah satu aktiviti ekonomi yang dapat menjana pendapatan rakyat, kerajaan akan terus memberi galakan supaya perusahaan ini berkembang tetapi dengan syarat ianya tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk dan kawasan persekitaran. Usaha untuk memastikan perusahaan ini terus berkembang secara lebih teratur amat perlu sekali ianya dikawal selia dengan rapi.

Oleh itu kerajaan berpendapat, sudah tiba masanya satu enakmen berkaitan perusahaan burung walet diwujudkan. Pada masa ini draf enakmen tersebut telah pun disediakan dan akan diteliti lagi sebelum dihantar ke Penasihat Undang-Undang Negeri untuk semakan. Enakmen ini pada umumnya mengandungi peraturan-peraturan dan penguatkuasaan merangkumi pelbagai aspek, termasuk pengurusan premis, kawalan kacau ganggu, kesihatan dan kawalan penyakit. Pada masa yang sama, kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah pun mengadakan seminar-seminar untuk menerangkan garis panduan amalan baik penternakan burung walet, (GAHP) yang merupakan aspek penting yang perlu diamalkan sebelum boleh dilesenkan. Sementara ketiadaan enakmen untuk mengawal selia premis burung walet ini, jabatan boleh membuat pemeriksaan premis-premis berdasarkan kuasa yang diberi di bawah Akta Haiwan 1953. Selain itu, khidmat nasihat tentang kebersihan premis akan dilakukan secara berkala.

Y.B. Dato' Speaker : Ha... Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat EXCO tadi iaitu 95 peratus premis diadakan di bandar untuk perusahaan burung walet. Adakah Kerajaan Negeri buat kajian, kenapakah begitu banyaknya 95 peratus perusahaan burung walet di bandar dan bukan di luar bandar?

Y.B. Dato' Speaker : Oo.. kenapa dia suka dalam bandar?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani: Pertama, di bandar banyak bangunan-bangunan yang kosong yang tertinggal. Ini mungkin ekoran daripada krisis kewangan tahun 1998 di mana banyak bangunan-bangunan terbengkalai dan burung walet ini dia terbang, dia mencari tempat seolah-olah macam gua. Jadi, di kampung-kampung, di luar bandar tidak ada bangunan sebegini. Oleh kerana di bandarlah banyak bangunan yang tinggi, maka burung ini dia terbang masuk ke bangunan-bangunan yang kosong.

Y.B. Dato' Speaker : Ha... itu dia...

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, pertama, saya ucapkan terima kasihlah pada Exco yang jawab tu. Nampaknya pulangan yang lumayan tu telah menggalakkan lebih ramai pengusaha burung walet ni. Dan penduduk biasanya mengadu sebab suara dan juga muzik yang tarik burung walet ni datang tu terlalu bising dan kompaun dikeluarkan dengan pulangan yang lumayan memang mereka mampu untuk bayar. Sebab itu, saya nak tanyalah, adakah terdapat langkah-langkah kawalan untuk tidak menimbulkan masalah kacau ganggu termasuklah alat-alat *high-tech* dengan izin yang membolehkan burung boleh dengar tetapi orang tidak boleh dengar.

Y.B. Dato' Speaker : Itu burung apa Yang Berhormat? (Dewan ketawa). Janggal burung tu, burung tu tak boleh dengar eh.., burung apa tu?

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker, memanglah ada alat ini, dia panggil ultra frekuensi, alat yang boleh dipakai, sebab itu saya hendak mencadangkan supaya kerajaan memasukkan alat ini supaya di imp….

Y.B. Dato' Speaker : Masuk kat mana?

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Kepada Undang-Undang yang akan, kepada penternak-penternak atau pengusaha burung walet ini.

Y.B. Dato' Speaker : Amacam Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, penternakan burung walet ni salah satu dia punya elemen penting ialah alat pemikat iaitu suara, suara yang merdu yang seakan-akan suara burung.

Y.B. Dato' Speaker : Memang burung, suara burung, dia memang burung, suara burunglah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Dia menggunakan rakaman yang canggih seperti MP3 dan juga DVD. Dan pihak kerajaan telah ada satu garis panduan di mana corong yang di luar ada satu spesifikasi tidak boleh melebihi kalau tidak silap saya 40 desibel, kurang bunyinya.

Y.B. Dato' Speaker : Suruh kurang suaranya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Kalau di dalam dianya tidak menyalahi peraturan. Jadi sekarang pihak Jabatan membuat kawalan terhadap bunyi burung ini supaya tidak mengacau ganggu penduduk. Maka sebab itulah, sebab itu kerajaan tidak menggalakkan pengusahaan burung walet ini dibuat di kawasan di taman-taman perumahan kerana telah banyak kacau ganggu, kompelin daripada penduduk tempatan.

Y.B. Dato' Speaker : Pulai Sebatang.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Ini pengusaha, pengusaha yang telah dijalankan membela burung walet di kawasan perumahan tapi dia belum dapat apa-apa lesen kata Pengerusi EXCO tadi, tapi difahamkan di negeri lain di Negeri Pahang, Kelantan dan lain-lain telah mempunyai garis panduan dan memberikan lesen kepada pengusaha-pengusaha. Manakala di Negeri Johor adalah sebuah negeri yang lebih maju, kenapa kita melambatkan pelesenan itu dan memberi lebih keyakinan kepada pengusaha dan meluaskan peniagaan ini mendatangkan pendapatan kepada anak-anak buah Negeri Johor ni.

Y.B. Dato' Speaker : Dah tadi pun dah terangkan, merancang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai di kawasan perumahah, ia sebenarnya sehingga hari ini adalah di bawah kawalan Pihak Berkuasa Tempatan. Dan, apa yang saya dimaklumkan, banyak kompelin-kompelin daripada penduduk-penduduk tentang masalah kekotoran dan juga bunyi bising. Walau bagaimanapun, seperti yang saya maklumkan tadi, pihak Kerajaan Negeri sedang merangka satu enakmen untuk diselaraskan keseluruhan perusahaan walet ini kerana Kerajaan Negeri faham bahawa ianya mampu menjana pendapatan rakyat. Maka sebab itu kerajaan akan membuat enakmen ini untuk membangunkan secara holistik tentang perusahaan burung walet ini. Dan insya-Allah apabila enakmen ini sudah diluluskan di Dewan yang mulia ini, akan dapat satu program yang lebih maju untuk negeri ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, khasiat apa yang utama burung ni.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Dia lebih lendir.

Y.B. Dato' Speaker : Bukan, dia punya khasiat apa kalau kita minum ke apa tu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Burung walet ini mengeluarkan lendir dan lendir ini menjadi sarang burung, sarang burung ini ada khasiat melawan penyakit berjangkit, asma dan berbagai lagi. Dan ini sangat popular di Negeri China. Dan *demand,* permintaan daripada Negeri China dan Amerika amat tinggi. Sebab itu, hari ini memang banyak rakyat kita mengambil peluang. Dan, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, pasaran di dunia dikuasai oleh Indonesia sebanyak 80 peratus dan kita hanya lebih kurang 10 peratus.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.. dia bukan tujuan yang lain ya, makan tu jadi kuat, tak ada eh.. ha.. burung walet khasiat sakit, ingat benda lain.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Untuk kesihatan.

Y.B. Dato' Speaker : Khasiat sakit, ingat benda lain. Yang Berhormat Datuk Dr. Adham bin Baba, jemput.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Dato' Speaker, soalan saya nombor 5. [Minta Jabatan Kerja Raya Negeri menyatakan apakah

standard/piawaian jalan raya persekutuan di negeri ini menepati ciri yang sebenarnya kerana didapati kerap berlaku kerosakan dalam waktu yang singkat seperti jalan berlubang dan pecah terutama bila jalan raya itu melibatkan laluan kenderaan-kenderaan yang lebih muatan menggunakan-nya.]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, reka bentuk jalan yang di buat oleh JKR bagi membina jalan negeri, jalan persekutuan dan juga jalan negeri adalah mengikut arahan teknik ataupun jalan yang 5/85 dan spek piawai ataupun spek spesifikasi piawai yang ditetapkan oleh unit reka bentuk jalan JKR Malaysia, dan diguna pakai bukan sahaja di negeri ini tetapi di seluruh negara. Untuk mengatasi masalah yang dibangkitkan itu, berkenaan dengan jalan rosak, pihak JKR telah pun mengeluarkan spesifikasi yang baru mulai tahun ini. Dengan rujukannya iaitu JKR/SPJ/2008S4 di mana kaedah ini atau teknik ini banyak menggunakan tambahan bahan dan juga kaedah terbaru dalam kerja-kerja ataupun pembinaan jalan untuk negeri dan juga persekutuan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Dato' Speaker, soalan saya nombor 6. [Adakah didapati bantuan am bulanan negeri khusus untuk orang-orang kurang bernasib baik selalunya didapati tertunggak pembayarannya yang mana ini amat membebankan golongan ini. Pembayaran pula dilakukan di balai-balai Polis yang mana ini juga akan menambahkan lagi kesusahan golongan ini. Adakah kerajaan bercadang menggunakan sistem *online* terus kepada akaun penerima bagi menggantikan sistem lapuk yang diguna pakai sekarang.]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor adalah bagi membantu kumpulan sasar jabatan yang terdiri daripada orang kurang bernasib baik, orang kurang upaya, ibu-ibu tunggal, anak-anak yatim, orang tua dan mereka yang memerlukan perkhidmatan jabatan. Proses pembayaran bantuan kepada mereka yang layak menerimanya adalah secara bulanan dan bayaran menggunakan baucar bayaran sama ada dari peruntukan Kerajaan Negeri ataupun Persekutuan. Proses bayaran kepada penerima bantuan adalah melalui pembayaran iaitu:

i. Bayaran kepada, hadir di pejabat jadi untuk penerima bantuan yang boleh berjalan, hadir diri ke pejabat. Kita beritahu berapa hari bulan, nanti dia orang datanglah.
ii. Bayaran berpusat di tempat-tempat yang telah ditetapkan. Jadi kita beritahu, hadirlah pada sekian hari, pukul berapa dan pusat-pusat di tempat-tempat ini adalah seperti di Kompleks Penghulu, lepas itu ada juga bas-bas Unit Perkhidmatan Penyayang dan di situ yang hadir ramai dan pembayarannya melibatkan bayaran RM20,000.00 sampai RM30,000.00, justeru itulah kita adakan polis yang jaga sekalilah melibatkan banyak wang.

iii. Dan berikutnya, adalah bayaran di rumah, jadi orang-orang yang tua, orang-orang yang terlantar, orang-orang yang cacat yang tak boleh bangun dan sebagainya kita pergi ke rumah mereka untuk memberi pembayaranlah.

Jadi, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor juga sedang menuju ke arah sistem pembayaran yang lebih cepat dan teratur. Mulai April 2008, semua proses bayaran adalah melalui EFT, *Electronic Fund Transfer* di mana Jabatan Akauntan Negara tidak lagi mengeluarkan cek-cek bantuan. Sebaliknya terus menyalurkan sejumlah peruntukan terus ke bank-bank Perdagangan yang telah ditetapkan di daerah-daerah. Jadi, pegawai PKMDnya, Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah terus mengeluarkan wang dan untuk bayaran tanpa menunggu cek-cek seperti yang dululah.

Jadi jabatan juga sedang dalam proses membuat bayaran melalui bank kepada kes-kes yang dikenal pasti boleh menerima bantuan mereka melalui bank. Jadi tak semua yang kumpulan sasar Jabatan Kebajikan Masyarakat ini boleh pergi ke bank. Jadi yang boleh pergi ke bank, dia ada akaun dia sendiri, jadi dia boleh pergi ke bank untuk mengambil wangnya. Dan proses bayaran ini telah dimulai mulai Mei 2008 di beberapa daerah dan keutamaan penerima bayaran melalui bank ialah bagi penerima bantuan kanak-kanak, elaun pekerja cacat dan sebahagian bantuan am bagi bantuan orang tua. Dan bagi orang tua kita buatkan di rumah-rumahlah.

Jadi untuk makluman juga, sistem yang lapuk tu, kita kena pakai jugalah sebab kita selain menerusi bank, kita juga kena hantar duit tu ke rumah-rumah. Mungkin ada yang nak tanya kenapa tak boleh cucuk-cucuk tu kan, jadi untuk makluman, yang pakai cucuk-cucuk tu bahaya jugalah. Mungkin terjadilah, terjadi wang yang dikeluarkan bukan penerima yang sepatutnya menerimanya tetapi orang lain, mungkin abang dia ke, keluarga yang terdekat yang bawak budak ni pergi, cucuk duit dia, dia ambil duit tulah. Terjadi di kawasan saya jugalah, jadi emak dia kata bayaran tertunggak-tertunggak, rupanya kebetulan dia kompelin dekat saya, guru yang memberi wang itu ada di situ. Jadi, dia kata dia tak dapat wang itu, rupanya dah kasi, tandatangan dan cap jari, rupanya abang bawak budak ni ambil duit tu, emaknya tak tahu. Jadi, jadi perkara-perkara inilah yang patut kita lihat dan kenal pastilah.

Dan sebab-sebab tunggakan, saya rasa Yang Berhormat juga nak tahu sebab-sebab tunggakan ini. Sebenarnya tertunggaknya pembayarannya jangan salah siapa-siapalah, penerima itu, bila penerima itu tak ada di rumah. Jadi macam kita nak bagi orang tua, pergi ke rumah penerima tak ada, mungkin dia masuk hospital ke, dia pergi pindah ke, tak beritahu jabatan, dan dia pergi rumah siapa-siapa ke, kita tak dapat menemui mereka. Jadi, ataupun bila penerima itu, kita beritahu datanglah ke pejabat untuk menerima bantuan, dia tak datang. Dan, masuk hospital dan sebagainya. Dan, bila bayaran ini tak dapat dikesan, bayaran tak dapat dikesan dalam 21 hari, jadi wang ini kita kembalikan kepada Akauntan Negara dan bantuan untuk bulan depannya kita tunggakanlah, campurkan yang belum kita berikanlah. Dan, dan juga, kalau kita lihat kes-kes yang baru, kes-kes yang baru, baru diluluskan, jadi, makan waktulah sekurang-kurangnya 2 bulan baru kita beri pembayaran. Dan juga

cara, apa tu, tiap-tiap tahun, awal tahun bayaran daripada Perbendaharaan adalah sampai 2, Januari, Februari barulah kita boleh memberi bayaran.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya pun, apa ni, hairan juga kadang-kadang kata orang pergi ke rumah, orang tak ada dekat rumahkan. Tapi kalau orang itu lumpuh katakan, takkan dia tak ada dekat rumah? Dia tak boleh berjalan, dekat rumahlah. (Dewan ketawa) Jadi, ini pun tak dapat juga. Jadi, banyak sangat tuduhan kata apa ni, tuduhan kadang-kadang orang ini yang memerlukan, dia memang perlulah. Tiap-tiap bulan dia mengharapkan itu sebagai satu sumber dia. Jadi, kadang-kadang pegawai itu datang lambatlah. Kita tak boleh salah pasal benda ini banyak salah-menyalah satu sama lain, tak boleh selesai. Jadi, saya ingin tahulah, kata tadi dah nak buat *online*. Jadi, saya haraplah supaya perkara ini kita tetapkan, kerana kita kalau kita tak dapat gaji satu bulan, apa jadi? Macam itu juga, ini tambahlah orang itu kurang berupaya. Kemudian tak dapat lagi bantuan yang dah tetapkan, jadi saya, inilah supaya perkara ini ...

Y.B. Dato' Speaker : Wakil Rakyat dulukan.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Kalau Dato' Speaker tak dapat gaji pun susah jugakan.

Y.B. Dato' Speaker : Marah.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Lagi satu perkara soalan saya..

Y.B. Dato' Speaker : Satu aje, apa dia tadi? Satu aje. Soalan dia apa?

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Soalan tadi, tu dah yang tulah minta ini macam pandangan aje tadi. Ini baru soalan betul.

Y.B. Dato' Speaker : Allah.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Saya ingin tahu juga Dato' Speaker, sejauh mana penyelarasan di dalam nak menentukan golongan-golongan yang kita bantu. Memang hasrat kerajaan cukup baik. Tapi, kadang-kadang banyak, terlalu banyak agensi, agensi tu nak bagi, agensi ni nak bagi, kadang-kadang orang tu dapat berganda-ganda. Dua, tiga bantuan yang dia dapat melalui agensi-agensi. Dan, ada setengah-setengah pula yang ditinggalkan terus. Jadi, saya ingin tahu penyelarasan dan adakah kementerian ada satu data, data yang lengkap untuk nak mengumpul semua kerana kita nak menghapuskan kemiskinan tegar. Jadi, kalau kata data itu tak lengkap...

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat, sama macam Pengerusi, Setiausaha, dah lama, satu soalan.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Jadi, saya ingin tahulah, data itu dah lengkap ke belum dan bila agaknya kita boleh selesai masalah nak menyelesaikan kemiskinan tegar dan kemiskinan di apa ni,

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, bangun jelah. Jawab jelah....

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih, Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih, Yang Berhormat. Tentang apa tu, penyelarasan kita ada banyak Baitulmal, JKMlah dan sebagainya. Kita ada *One Stop Agency* di mana penyelarasan akan apa tu, ditentukan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor yang akan mengenal pasti miskin dan miskin tegar dan sebagainyalah. Jadi, memang kerajaan sedang dan akan melakukannyalah. Jadi, tak adalah seseorang itu menerima banyak. FELCRAlah, macam-macam lagilah. Insya-Allah, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Skudai, nombor *last*.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya baru berjumpa dengan penduduk di kawasan Jalan Makmur Taman Jaya, malam kelmarin sampai 12:00 tengah malam. Mereka memang nak bertanya-tanya, kenapa permohonan bantuan kewangan untuk mangsa-mangsa banjir kilat pada Disember 2007 telah di tolak?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ini tak. Ini cerita soalan asal dia lain. Bukan cerita kisah bantuan banjir ya. Ini Yang Berhormat, ini khusus untuk banjir. Itu tajuk lain. Nanti boleh disoal.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Berkaitan dengan Kebajikan Masyarakat.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, tak, dia tidak, Kebajikan Masyarakat banyak. Dia ni tanya bantuan orang yang lain ni, tujuan asal soalan dia tu lain. Yang Berhormat tuju ni pasal bantuan banjir lambat sampai, dia berbeza ya Yang Berhormat. Yang asal pun tak setuju.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Saya minta apa, keizinan Yang Berhormat...

Y.B. Dato' Speaker : Oklah, Yang Berhormat dah cakap dia akan ambil ingatan, tak payah jawablah. Ok, Yang Berhormat, soalan lisan dah habis masa. Mana-mana soalan yang disenaraikan yang tak dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama ini.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula. Siapa nak berucap, jemput. Yang Berhormat dah berucap semalam?

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Tinggal sikit lagi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Yang Berhormat Dato' Speaker. Terlebih dahulu saya mengambil peluang di sini mengucapkan terima kasih kerana dibenarkan untuk menyambung perbahasan yang telah pun saya mulakan pada hari semalam. Saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada kerajaan kerana membantu golongan rakyat miskin untuk mendapat rumah-rumah PPRT. Program ini akan lebih popular dan boleh menambat hati rakyat jika pelaksanaannya dapat dipercepatkan. Pada kebiasaannya satu-satu projek didapati sekarang ini begitu lambat dapat dilaksanakan. Saya mencadangkan kerajaan terus melantik satu kontraktor untuk membina satu, sebuah PPRT iaitu kontraktor kelas F yang beri dibawa di satu-satu kawasan untuk membina satu rumah PPRT dan dalam tempoh tidak sampai 3 bulan sebuah rumah PPRT boleh disiapkan. Jika ini dapat dilakukan, ia amat berkesan.

Pada masa dahulu, anak-anak kita yang kurang cemerlang dalam bidang akademik boleh memasuki beberapa pusat latihan kemahiran untuk mendapatkan kemahiran dalam bidang seperti jahit-menjahit, menggunting rambut, mendandan rambut, mekanik motor, membaiki radio dan lain-lain. Saya kurang pasti sama ada kursus ini ada ditawarkan oleh pusat-pusat latihan di Kolej Komuniti, KYPJ, IKBN atau lain-lain pada masa ini. Tapi apa yang pasti sekarang ini, penggunting-penggunting rambut lelaki kebanyakannya datang dari India. Tidak ada lagi yang datang daripada rakyat Malaysia sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pembangunan Iskandar Malaysia mendapat reaksi yang meluas terutama dari segi kaedah langsung yang boleh di perolehi oleh bumiputera. Saya ingin tahu adakah *Social Project Fund* dengan izin, yang diwujudkan telah pun dirancang dengan teliti untuk melaksanakan program-program yang konkrit, yang boleh kita persembahkan kepada mereka-mereka yang berkenaan supaya tuduhan-tuduhan bahawa Iskandar Malaysia tidak memberi faedah kepada bumiputera dapat kita tepis.

Saya ingin menyentuh perkara-perkara yang melibatkan kawasan saya iaitu di Tenggara. Di Bandar Tenggara dalam kawasan KEJORA masih ada lagi industri yang masih kosong. Ada juga industri yang telah dikurniakan belum lagi dimajukan dan ada juga industri yang telah menutup operasi mereka berpindah ke tempat lain. Saya mohon kepada Kerajaan Negeri dan juga KEJORA supaya mencari jalan bagi menarik pelabur-pelabur datang ke Bandar Tenggara kerana kurangnya peluang-peluang pekerjaan sekarang menyebabkan penduduk-penduduk di Bandar Tenggara terpaksa bekerja di Johor Bahru, Senai ataupun Kluang. Akhir sekali, saya memohon supaya kejadian penutupan loji air di *Intake Point* Sungai Sayong pada 14, 15, 18 dan 19 Jun yang lepas disebabkan pencemaran air mentah di Sungai Johor yang menyusahkan rakyat tidak berulang lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dengan ini menyokong rundingan yang dibawa oleh Yang Berhormat ADUN dari Rengit. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Sikit betul ya. Patut semalam dah habiskan. Perbahasan diteruskan lagi, jemput yang nak berucap. Semarang.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, mukadimah saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah, syabas kepada seluruh Ahli Dewan Undangan Negeri khususnya Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga Speaker yang dapat bersama-sama dalam Dewan ini untuk penggal yang seterusnya, insya-Allah.

Y.B. Dato' Speaker : Sama-sama.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Tidak kiralah pada mereka yang menganggap orang lain pencuri, yang dianggap pencuri dan yang mengaku pencuri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita telah mendengar perbahasan daripada perbahasan dan saya berterima kasih di atas peluang untuk terlibat sama dalam perbahasan atas rundingan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor ini. Dalam perbahasan yang baru lalu ini, yang sedang berlaku ini, banyak pihak telah menyatakan tentang bagaimana mereka berterima kasih kepada pengundi dalam pada kita sedang berada di sini 110 hari ini. Ramai berterima kasih kepada pengundi kerana mengundi mereka, terima kasih kepada kerajaan yang telah membantu dan sebagai-bagainya. Tetapi, pada masa yang sama Yang Berhormat Dato' Speaker, kita harus menghayati bahawa kita harus menghormati kemuliaan institusi ini. Kalau kita berbangga untuk berada dalam institusi ini, sewajarnya kita juga harus menghormati institusi ini. Inilah dia. Dan, ianya bukan sahaja seharus diperkatakan tetapi ia harus diterjemahkan dalam bentuk perbuatan. Justeru itu, kalau kita berterima kasih kepada orang yang memilih kita, tetapi kita menyalahgunakan keistimewaan dalam institusi ini, sebenarnya kita telah tidak amanah kepada orang yang memberi amanah kepada kita. Justeru itu, kalau kita fasih bercerita berkenaan tentang *rule of law* dengan izin, kita fasih bercerita berkenaan dengan undang-undang, tetapi kalau kita gagal untuk melakukan dan mengikut peraturan-peraturan yang kecil, bermakna kita lebih gagal daripada orang yang gagal.

Justeru itu Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam hal ini kita harus menghayati perkara ini dengan baik. Menghormati institusi ini dengan mengikuti dan memberi kerjasama. Kita memulakan mukadimah ucapan kita selalu bersama dalam Dewan yang Mulia ini. Justeru itu, kita harus gunakan. Dalam hal ini Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk membangunkan ummah dalam negeri ini tidak ada orang yang terkecuali. Umarak, pemimpin dengan keadilannya. Dia harus berlaku adil. Ulama yang punya ilmu dengan kepandaiannya dan nasihat mereka secara berhemah. Tidak ketinggalan pula kepada yang kaya, yang punya kemampuan dengan bantuan mereka. Tidak ketinggalan pula kategori yang keempat adalah golongan yang marhaen yang tak boleh mampu membantu, tetapi mereka memberi doa-doa mereka. Justeru itu, untuk membangunkan ummah dan negara, negeri ini 4 kategori ini. Ulama, Umarak dengan keadilannya. Ulama yang pandai dengan nasihatnya, yang kaya

dengan sedekah dan bantuannya, yang miskin, papa kedana dengan doanya, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Macam kuliah Subuhlah Yang Berhormat berucaplah.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menceritakan tentang keadilan, ada orang mengartikulasikan keadilan itu sebagai memberikan hak kepada orang yang berhak. Tetapi untuk mengartikulasikan perkara ini sebenarnya adil itu adalah meletakkan sesuatu pada tempatnya. Bukan ada dua untuk dua orang, seorang dapat satu, satu. Itu adil. Hak orang yang berhak dijadikan Wakil Rakyat adil, meletakkan kepada haknya. Tetapi meletakkan kepada tempatnya, kalau betul kata betul, kalau salah kata salah, kalau putih kata putih, kalau hitam kata hitam. Itulah sebenarnya adil Yang Berhormat Dato' Speaker. Justeru itu, kalau setakat menceritakan tentang adil itu sahaja, kalau saya dapat, saya tak dapat, saya tak berhak, memang betul. Kepada rakan-rakan saya yang menyatakan bahawa cuba berlaku adil kepada mereka yang mempunyai dua rumah, pun tak boleh berlaku adil kerana persepsi adil itu berbeza di antara satu sama lain …

Y.B. Dato' Speaker : Apa maksud dia Yang Berhormat?

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yalah seorang tu kurus, yang seorang itu gemuk, yang seorang dapat 5 ela, 5 meter yang seorang 4 meter…

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Yang Berhormat, saya ingat 2 isteri, bukan eh?

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Samalah tu. 2 isteri pun gitu, ya juga. Kadang-kadang.

Y.B. Dato' Speaker : Jarang-jarang.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Jarang-jarang.

Y.B. Dato' Speaker: Macam pelakon bujang lapok. (Dewan ketawa)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Cuba untuk berlaku adil tetapi orang lain tidak mengatakan kita adil, yang menerima tidak adil yang melakukannya kata adil. Sebab itulah dalam hal ini Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tertarik dengan rakan-rakan dalam Dewan yang menceritakan tentang soal masalah negara yang menghadapi, yang semua orang gawat kerana kenaikan harga barang, khusus kenaikan harga petrol.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin membawa satu cerita. 3, 2 bulan yang lepas, lepas pilihan raya, selepas maulidur rasul minta maaf. Saya berada di suatu warung, pukul 11:00 malam di kampung saya, bersama dengan rakan. Tiba-tiba, sekoyong-koyong datanglah seorang yang saya kenal. Dia adalah seorang bekas pesara tentera yang selama ini bekerja, bertugas di persempadan negara, mempertahankan nusa dan bangsa. Tiba-tiba dia

menerpa kepada saya memperbodohkan kerajaan. "Kerajaan bodoh, pemimpin bodoh, semua bodoh belaka." " Eh, kenapa ni?" Dia kata, "bodoh, apa taknya bodoh, negara boleh keluarkan minyak tetapi kita pula harga minyak mahal. Kita boleh eksport ke negara-negara luar, kita pula terpaksa import lepas itu, letak pula harga mahal, kan bodoh ini punya pemimpin, bodoh punya negara". Wah hebatnya dia ni. Sedangkan orang ini mempertahankan negaranya satu ketika. Saya tanya, "eh, tiba-tiba pula orang baik-baik ini tiba-tiba jadi begini. Macam mana? Abang daripada mana tadi?" "Saya baru ini baru balik dari ceramah maulidur rasul ini." Eh, ceramah maulidur rasul cerita pasal minyak pula. Cerita pasal membodohkan negara pula? Ceramah maulidur rasul, oklah, saya pun diam mendengarkan dengan khusyuk. Akhirnya, orang yang bersama dengan saya, yang semeja dengan saya seorang pesara Tukang Kebun sahaja tetapi anaknya seorang Doktor, anaknya seorang Arkitek, anaknya seorang korporat, yang datang kereta menjalar balik ke kampung yang membantu orang kampung. Tengok tak ada jaring main sepak takraw, kasi jaring, *court* rosak dia betulkan, punyalah sumbangan anak muda kepada anak Tukang Kebun, pesara Tukang Kebun menjelaskan secara fasih dengan lembut kepada orang. Negara kita menghasilkan minyak, kenapa harga minyak perlu naik? Dia menjawab, "Malaysia memanglah mengeluarkan minyak jenis tapis, minyak jenis tapis minyak tersebut tidak digunakan dalam negeri kerana berkualiti tinggi serta harganya lebih mahal dan lebih menguntungkan jika di eksport". Dia menceritakan, saya khusyuk mendengarnya.

Oleh itu Malaysia mengimport minyak jenis lain yang harganya lebih rendah untuk kegunaan tempatan, dia kata. Dengan ini Malaysia mendapat keuntungan dengan mengeksport minyak yang lebih mahal dan mengimport minyak yang lebih murah. Dia kata. Betul ke? Ditambahkannya lagi, lebih spesifik pula dia cakap. Dari sudut produk pengeluaran petroleum tempatan pula tu dia kata petrolnya, dieselnya, LPGnya, Petronas hanya boleh mengeluarkan 42 peratus daripada yang digunakan. Bakinya siapa, dia kata bakinya siapa. Tu ha Shellnya, Exxon Mobilnya, BHP dan chefronnya. Jika harga runcit produk petrol yang hendak dikekal rendah, kerajaan terpaksa menanggung keseluruhan subsidi minyak yang sepatutnya dibayar oleh Shell, Exos, Chevron dan lain-lainnya. Ini kerana Malaysia tidak mampu untuk memaksa syarikat minyak asing untuk menanggung subsidi tersebut kerana ia bukan milik kerajaan. Eh, betul juga dan ini adalah bertepatan apa yang pernah saya dengar dijelaskan oleh pihak kerajaan dan saya percaya. Untuk berlaku adil sebenarnya subsidi ini untuk siapa? Adakah dengan menurunkan harga petrol selesai segala-galanya? Tahun lepas sahaja kerajaan Malaysia telah membelanjakan 16.2 bilion subsidi.

Kenapa tidak ada orang yang, samping saya nak jatuh. 16.2 bilion untuk subsidi. Kenapa tidak ada orang yang mencongak berapa banyak sekolah boleh dapat, berapa banyak Mercedes boleh dapat, berapa banyak jalan boleh buat, berapa banyak jambatan kita boleh bina. Kenapa tidak dicerita? Dan itu bukan sahaja. Itu hanyalah sebahagian daripada keseluruhan subsidi kerajaan Malaysia ini kepada rakyatnya yang mempunyai 43.4 bilion kenapa tidak dikira? Nak cerita adil, ada orang sebagai bukti dapat pulangan RM625.00. Ada orang tak dapat kerana dia mampu beli kereta lebih daripada 2500cc. Yang lain cuma kapcai, yang lain cuma Yamaha, yang lain cuma kereta-kereta kecil yang cc nya kecil. Secara adil nak cerita berkenaan

dengan 1,450 miskin tegar dalam Negeri Johor. Berapa ramai yang ada kereta? Tetapi saya yakin setiap ceruk rumah, setiap ceruk dapur ada gas-gasnya. Saya nak bagi tahu. Sekarang ini dan harus jangan tak tahu dan kita harus faham bahawa setiap gas, tong gas 14 kilogram yang kita pakai sekarang kita bayar berapa RM25.50. Berapa kerajaan bayar, kerajaan bayar RM28.71 saudara.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat macam jawablah.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang): Ya saya terangkan ni, nak kena bagi orang faham. Kalau kita diam bukan kita tak faham, kita faham. RM28.71, kita bayar RM25.50 keseluruhannya RM54.21. Hendak dibandingkan dengan negara-negara yang lain kita masih yang murah, Kuwait pun lebih mahal daripada kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebab itulah kita juga harus berlaku adil dalam hal ini. Menceritakan tentang perkara ini, harga naik waktu subsidi RM0.30. Waktu itu harga minyak naik, sekarang ini, pada hari ini sahaja Yang Berhormat Dato' Speaker, harga sebenarnya *west taxes intermediate* ini satu *barrel* sekarang ini sudah berharga kepada USD139.64. Dan sekarang ini minyak Malaysia tapis *blend* USD142.13.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam hal ini kita harus faham. Persoalannya, adakah tidak ada penjelasan ataupun tak nak dengar penjelasan? Memang Yang Berhormat Dato' Speaker, kita cakap kita pandai. Tidak ada orang yang pandai dalam segala-galanya. Seorang Arkitek yang membuat rumah, kalau suruh dia buak kerja Tukang Kayu dia tak pandai. Walaupun Tukang Kayu itu lebih rendah martabatnya daripada seorang Arkitek. Sebab itu Doktor pun, Doktor Mata tidak boleh jadi Doktor Pakar Tuan. Pakar Tuan tak jadi Pakar Puan. Begitu juga kalau kita seorang pakar, seorang Lawyer, suruh jadi pakar bedah, tak boleh bedah…

Y.B. Dato' Speaker : Doktor Falsafah, boleh belah?

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang): Ini Doktar Falsafah, dia pandai falsafah sahaja. Bermakna dalam hal ini kita harus berlaku adil kepada diri kita dan mengaku bahawa kita bukan *master* dalam segala-galanya. Sebab itu saya nyatakan tadi tentang ulama, umarak yang kaya dan yang miskin. Kalau kita boleh sinergi, kalau kita boleh bekerjasama antara satu sama yang lain, bertegur dan memberi pandangan secara berhemah, insya-Allah kita tidak ada masalah. Tetapi kalau rakyat berhati raja, tak guna raja berhati rakyat.

Ini dia, Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam hal ini marilah kita menghayati tentang perkara-perkara di hadapan kita ini dan berlaku adil iaitu meletakkan sesuatu pada tempatnya. Betul kata betul, salah kata salah. Saya tertarik dengan kata Mengkibol yang mengatakan apa guna Wakil Rakyat, ahli politik duduk selesa dalam Dewan negeri ini, sedangkan rakyat di bawah sengsara. Kita duduk kat Dewan Negeri ini setengah hari je. Kita duduk dalam Dewan Negeri ini, berapa hari? 9 hari? 12 hari? Allah, seolah-olah macam kita tidak menjalankan tugas. Kita gunakanlah tempat ini sebaik-baiknya untuk kebajikan negara kita ini. Jangan dibandingkan dengan negeri lain? Apa yang kita nak banggakan sekali dengan negeri-negeri lain yang masuk ke dalam dan jatuh

jadi negeri pembangkang. Ini sekadar macam orang rumah, wanita, masuk rumah baru kepada rumah suami yang baru tinggal cuci kaki aje masuk. Apa nak dihebatkan sangat. Nak cerita fasal keadilan, tentang *environment,* tentang alam sekitar, tebang ikut suka dan kita jangan tunjukkan ketamakan kita dalam hal ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, hendak mudahkan, selesaikan masalah bukan caranya begitu. Oh, nak selesaikan masalah sekarang kita gunakan semua apa yang kita ada. Minyak yang kita pakai habis-habisan, bermakna kita menzalimi orang-orang yang selepas dan keturunan kita selepas ini. Dalam segi kos, kalau kita buat sekarang sudah pasti ia akan lebih murah daripada akan datang. Apatah lagi kita berhadapan dengan kepupusan hasil mahsul bumi ini. Tak ada duit tebang pokok. Mudah. Adakah ini yang kita banggakan? Kita berbangga, boikot akhbar, ingat, memboikot akhbar Utusan Malaysia itu bermakna memboikot akhbar Utusan Melayu. Memboikot Utusan Melayu itu bermakna memboikot akhbar tulisan jawi dalam negara kita ini. Buatlah dan berbanggalah tuan-tuan dengan apa yang tuan-tuan buat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selanjutnya melihat kebobrokan masalah yang kita dah hadapi sekarang ini khususnya dari segi kebudayaan. Kita mempunyai Majlis Kebudayaan Negeri yang telah ditubuhkan sejak 1982. Sehingga kini kita sudah ada 8 orang Pengerusi. Kita memartabatkan Majlis Kebudayaan Negeri Johor ini. Kita mahu pastikan dalam Jawatankuasa-Jawatankuasa Pembangunan Negeri ada diletakkan wakil-wakil Jawatankuasa Majlis Kebudayaan Negeri ini. Agar mereka boleh menasihatkan dan memberi pandangan khususnya dari segi kebudayaan dalam negeri kita ini, agar usaha untuk menjadikan kebudayaan Melayu teras kebudayaan kebangsaan ini akan terpelihara keseluruhannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam hal ini kita harus melihatkan tentang pembangunan logistiknya, dari segi soal kewangannya dan peluang yang diberikan kepadanya. Pada masa yang sama juga, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri ini agar ditubuhkan satu undang-undang yang dinamakan Lembaga Adat Negeri Johor. Lembaga Adat Negeri Johor ini akan bertanggungjawab untuk memberi nasihat tentang adat istiadat dalam Negeri Johor ini. Dan ianya juga menjadi tempat rujukan soal adat istiadat dalam Negeri Johor ini, bukan sahaja kepada orang Melayu dan lain-lainnya juga. Agar kita tidak berkecamuk. Kita takut pembangunan yang sedang berjalan sekarang ini begitu rancak, di mana orang memikirkan *material* dan pembangunan fizikal meninggalkan soal kebudayaan dan adat istiadat yang ada ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin membawa persoalan berkenaan dengan pembangunan pelancongan dalam Negeri Johor. Rakan-rakan telah membincangkan dan membahaskan tentang pelancongan. Saya juga ingin mencadangkan agar kebudayaan ini menjadi satu produk pelancongan dalam Negeri Johor ini. Kita pergi ke mana-mana selagi kita tidak dapat melihat dengan benar, dengan jelas, apakah kebudayaan di negara tersebut kita merasakan masih hambar lawatan kita ke luar negara. Di Negeri Johor adakah kita cukup dengan apa yang dipaparkan di Jalan Mariamah? Adakah itu tarian benar-benar tarian menggambarkan tarian Negeri Johor?

Adakah itu tarian dalam Negara Malaysia ini? Saya pernah bawa ke Dewan yang mulia ini 2 tahun yang lepas tentang perkara yang sama. Tetapi saya lihat, tidak ada satu gerakan yang dibuat Kerajaan untuk mengatasi perkara ini agar kita dapat mempersembahkan kepada dunia. Nah, inilah dia contoh kebudayaan, adat istiadat orang Malaysia, orang Johor. Sekurang-kurangnya ia juga mendapat satu pendapatan baru kepada pelancongan.

Yang keduanya yang lebih penting, di sinilah kita boleh menyampaikan tentang sejarah-sejarah sebenar tentang Negeri Johor, tentang Malaysia. Kita dapat memperlihatkan kebudayaan, tarian, apa itu zapin, ronggeng dan segala bendanya. Tetapi, takkanlah Johor ini sekadar duduk di bangku kayu melihat orang bersanding, mengambil gambar. Itu adalah budaya Johor. Kita harus melihat tentang perkara ini. Tindakan pelancongan bukan sekadar untuk mempromosikan pelancongan, tetapi untuk membangunkan produk-produk pelancongan. Itu adalah penting dan kritikal pada waktu ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang sekarang ini tak cukup ke?

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Tak cukup Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya dimaklumkan kita berperuntukan lebih kurang RM48 juta dari segi penyelenggaraan. Kita nak tahu apa yang diselenggarakan. Kita dimaklumkan RM49.5 *million* untuk pembangunan pelancongan. Apakah yang dibangunkan? *Homestay-homestay*? Sebab itulah dalam hal ini kita harus penentuan dan saya ingin mencadangkan pembangunan pelancongan ini harus dibuat secara integrasi dengan kerjasama PBT-PBT dan Pejabat-Pejabat Daerah. Ini penting. Kita ada Majlis Pelancongan Daerah, kita ada Majlis Pelancongan Negeri. Jadi, gunakanlah sebaik-baiknya. Kenal pasti, PBT buat sudah pasti PBT akan *spend* ataupun membelanjakan sebahagian pembangunannya dalam pusat pelancongan bukan sekadar menukar tugu-tugu semata-mata.

Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dah 20 minit.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, pendekkan ya.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Insya-Allah Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tadi dipinjamkan masa sikit oleh Yang Berhormat daripada Panti.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan kesihatan. Di Negeri Johor, di Johor Bahru, saya dimaklumkan bilangan doktor hanya diisi lebih kurang 55 peratus sahaja. Kalau di Lembah Klang lebih 100 peratus. Saya nyatakan ini bukan kerana saya ambil masuk kawasan orang tetapi kerana HSA, Pandan Hospital adalah hospital rujukan daripada daerah-daerah. Apabila melihatkan kepada *renovation* ataupun pengubahsuaian yang sedang berlaku sejak lima tahun yang lalu, di HSA sehingga kini belum siap, Yang Berhormat Dato' Speaker. Bahagian A&Enya, *Admission* dan, minta maaf, dengan izin, Kecemasan dan Kemasukannya belum siap lagi. Dan, kalau dilihat tentang bilik

bedah-bilik bedahnya ataupun *Operation Theatre*nya juga, saya rasa kita harus rasa bimbang terhadapnya. Dan, kita harus melihat perkara ini dan pastikan ianya dapat diperbaiki agar *O.T* atau *Operation Theatre* yang uzur ini akan diperbaiki. Kerana, ini sangat kritikal Yang Berhormat Dato' Speaker. Dibandingkan pulak dengan Hospital Pandan, Hospital Pandan pula yang telah ada sejak enam tahun yang lalu ada 18 bilik bedah, tapi hingga sekarang baru 4 hingga 6 bilik saja yang boleh dipakai lebih kurang 40 peratus sahaja baru digunakan. Berbanding dengan Hospital Serdang dan juga Hospital Ampang sudah 80 peratus digunakan. Bermakna kemudahan ini mestilah boleh digunakan sepenuhnya untuk manfaat kita bersama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan kualiti hospital-hospital kita ini. Saya ingin membawakan satu perkara yang mungkin dapat mencetuskan idea semua iaitu tentang IAQ ataupun *Indoor Air Quality*, dengan izin, Yang Berhormat Dato' Speaker, ataupun Kualiti Udara Dalaman. Siapa yang pernah mengambil tahu tentang kualiti udara dalaman kita? Di tempat kita, di kerja kita. Yang bersangkut-paut tentang kesihatan dan kesejahteraan pekerja-pekerjanya. Sebab itulah Yang Berhormat Dato' Speaker, sepatutnya merujuk kalau cerita berkenaan bilik bedah, sepatutnya bilik bedah ini adalah tempat yang paling baik, yang paling baik kualiti udaranya. Tetapi yang kita rasakan sekarang, dalam kapal terbang lebih elok udaranya, kualitinya. Tetapi, sejauh mana, pernahkah kita *access* ataupun menganalisa kualiti udara dalaman ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, khusus, jadi saya ingin minta Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan melihat tentang perkara ini dan menjadikan garis panduan tentang IAQ, ataupun *Indoor Air Quality* untuk menjadi satu perkara yang penting dalam kehidupan kita seharian. Dan, pada masa yang sama saya ingin merujuk kejadian di Pandan, hospital berkulat itulah adalah satu contoh kerana *Indoor Air Quality* yang tidak baik dan ianya telah berlarutan sehingga sekarang. Kalau ianya tidak diperbaiki dan kita tidak mengambil sesuatu tindakan yang wajar, perkara ini akan berterusan pada masa yang sama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga mengharapkan di Negeri Johor ini, Universiti-universiti Teknologi Malaysia ini, secara ringkas saya ingin cadangkan agar ditambah satu fakulti lagi iaitu Fakulti Perubatan. Dengan adanya Fakulti Perubatan di UTM ini, insya-Allah kita akan menambah satu lagi fasiliti untuk kesihatan dan perubatan dalam Negeri Johor Darul Ta'zim ini. Kalau negeri-negeri lain, kenapa kita tidak? Dan, kita akan menambah *teaching hospital* dalam Negeri Johor Darul Ta'zim ini. Ianya secara langsung boleh mengurangkan beban HSA, Hospital Sultanah Aminah, dan sudah pastilah ianya baik untuk rakyat jelata.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan GLC Peringkat Negeri Johor ini. Saya ingin menarik perhatian Dewan bahawa satu usaha yang secara drastik harus dibuat, satu Badan harus diadakan untuk memantau perjalanan atau untuk *monitor* GLC Kerajaan Negeri Johor ini. Dan, pada masa yang sama, secara ringkas saya ingin mencadangkan agar diadakan, didapatkan *expertise expertise* ataupun pakar-pakar yang benar-benar pakar untuk menjalankan GLC-GLC kita ini agar ianya benar-benar memberi pulangan yang terbaik kepada Kerajaan Negeri Johor.

Seterusnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, tentang profil ataupun *database*. Sudah tiba masanya Yang Berhormat Dato' Speaker kita mempunyai *database* atau profil, kalau kita sudah ada profil tentang rakyat termiskin, *hardcore*, tiba masanya kita untuk juga mempunyai profil tentang modal insan dan juga sekurang-kurangnya untuk pelabur-pelabur dalam Negeri Johor ini. Kerana, maklumat-maklumat ini adalah amat kritikal dan penting untuk kegunaan kita dalam membangunkan negeri yang penuh dengan cabaran daripada, baik daripada dalam dan daripada luar ini Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dah 20 minit.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tadi ada mengetengahkan soalan tambahan berkenaan dengan masalah lepasan pelajar-pelajar aliran agama. Sebenarnya, yang saya maksudkan adalah lepasan pelajar-pelajar sekolah agama di IPT. Institusi Pengajian Tinggi di luar Negara dan dalam negara dalam aliran agama. Yang memang sekolah darjah sekolah khas itu sekolah khaslah. Lebih kurang sekolah menengah. Tetapi masalahnya sekarang ini kita melihat lambakan graduan-graduan, lepasan-lepasan ijazah-ijazah, pemegang-pemegang ijazah daripada jurusan agama yang masih menganggur. Apa salahnya kita mengambil langkah memastikan bahawa lulusan-lulusan agama yang berlatarkan agama ini diberi satu kepakaran ataupun ilmu yang lebih mendalam dari soal pengurusan. Justeru, kita akan mendapat seorang pegawai, kakitangan Kerajaan baik mahupun daripada swasta yang baik bukan sahaja cekap dalam pengurusan tetapi mempunyai latar belakang agamanya yang begitu tinggi. Kombinasi ini harus dimulakan sekarang. Mungkin terlambat tetapi ia akan lebih terlambat kalau kita mulakan 10 tahun yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga mengharapkan bahawa kerjasama yang baik di kalangan jabatan-jabatan kerajaan dengan Wakil Rakyat khususnya akan terus diperbaiki daripada masa ke semasa. Tidak guna kita di Negeri Johor ini alhamdulillah mempunyai *political,* iltizam politik yang begitu baik tetapi ia akan menjadi, ia hanyalah akan berlaku satu ketirisan ataupun kebocoran dalam perkara ini jika *delivery system*nya tidak baik, tidak bekerja dengan sewajarnya.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas peluang ini. Kebijaksanaan Yang Berhormat Dato' Speaker, budi baik Yang Berhormat Dato' Speaker, Allah SWT akan membalasnya. Dengan kata-kata itu, saya menyokong rundingan yang dibawa oleh ADUN daripada Rengit. Sekian, wabillahitaufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, diteruskan lagi. Jemput, Johor Jaya.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Salam sejahtera Yang Berhormat Dato' Speaker. Terlebih dahulu ingin saya ucap ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana mengizinkan saya berucap dalam Dewan

yang mulia ini dan menjunjung kasih terhadap titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang menghendaki Ahli-Ahli Dewan Negeri menjalankan tugas dengan jujur, ikhlas dan memahami hasrat rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Wakil Rakyat Barisan Nasional selama ini memang menjalankan tugas dengan baik. Di mana kita sentiasa ambil berat tentang masalah rakyat, kita rajin turun padang untuk mendengar suara orang ramai. Kita berasa bangga dan gembira juga kerana masalah yang dihadapi oleh rakyat dapat diselesaikan dengan bantuan pegawai-pegawai pentadbiran yang bertindak dengan cepat dan berkesan. Prestasi pegawai pentadbiran yang cekap dan cepat dapat bantu Wakil Rakyat dan kerajaan dapat sokongan orang ramai. Akan tetapi tidak dapat dinafikan bahawa terdapat sebahagian masalah yang tidak diambil berat oleh pegawai-pegawai pentadbiran kerajaan sehingga kerajaan Barisan Nasional dipersalahkan. Sebagai balasan kepada sokongan rakyat jelata, kerajaan harus berusaha untuk mempertingkatkan mutu kerja pegawai-pegawai kerajaan. Pegawai-pegawai kerajaan harus ubah sikap dan menghapuskan sikap birokrasi dan mengambil berat masalah orang ramai dengan bersungguh-sungguh. Saya mencadangkan supaya kerajaan mengadakan satu sistem untuk memberi galakan dan insentif kepada pegawai-pegawai yang rajin, prihatin dan bertugas dengan bersungguh-sungguh dengan baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk memberi insentif ini, kerajaan memang memerlukan tambahan perbelanjaan. Tetapi, cara ini dapat menggalakkan mempertingkatkan mutu kerajaan, mutu kerja pegawai-pegawai dan jimat kos pembangunan untuk jangka masa panjang. Kita, Wakil Rakyat memang berpendapat bahawa rancangan yang dirancang oleh kerajaan memang baik tetapi apabila tiba masa perlaksanaannya, pegawai-pegawai kita bertindak dengan lambat, tidak menjalankan pemantauan dengan baik sehingga projek yang dibuat tidak bermutu dan menimbulkan rungutan orang ramai. Kerajaan mesti memastikan projek-projek, khususnya projek kemudahan asas yang dijalankan mesti mematuhi permintaan orang ramai dan bukan merupakan projek yang menelan belanja yang tinggi tetapi akhirnya dibiarkan begitu sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Ada contoh, Yang Berhormat? Projek mana?

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Projek di kawasan saya memang ada seperti Arked di Taman Johor Jaya.

Y.B. Dato' Speaker : Arked apa tu?

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Arked untuk berjualan barangan harian di sebelah Pasar Johor Jaya. Bagi pegawai yang gagal menunjukkan prestasi yang memuaskan, kerajaan harus menukarkan mereka daripada jawatan yang dipegang kepada jawatan yang tidak memberi kesan yang besar kepada kerajaan walaupun mereka tidak bertugas dengan baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana apabila masyarakat Tiong Hua dari Daerah Johor Bahru pada 18 Jun 2007 melalui MCA Negeri Johor

mengemukakan satu masalah keselamatan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Barisan Nasional. Dan tindakan Kerajaan Barisan telah bertindak dengan cepat dan mengeluarkan peruntukan sebanyak RM6 juta untuk menyewa bangunan bagi mewujudkan 2 IPD baru, 11 buah balai polis di Seri Alam dan Nusajaya. Ini secara tidak langsung telah mempertingkatkan mutu kerja pihak polis.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semasa dalam menyusun kawasan pentadbiran IPD, kawasan Plentong dan Permas Jaya telah di mansuh ke IPD Johor Bahru Selatan. Dari segi kedudukan lokasi dan jarak jauh, penyusunan kedua-dua kawasan ini memang tidak sesuai kerana terletak jauh dari IPD Johor Bahru Selatan, tambah pula ia lebih berdekat dengan IPD Seri Alam. Maka saya berharap kerajaan dapat menyusun semula dan memansuhkan Plentong dan Permas Jaya ke kawasan pentadbiran IPD Seri Alam supaya ia tidak seolah-olah anak dipinggirkan dan rakyat di situ pun menghadapi kesulitan apabila menghadapi masalah jenayah. Untuk makluman Yang Berhormat Dato', Balai Polis Plentong memang merupakan sebuah balai yang bersejarah. Dan pernah memainkan peranan yang penting dan telah memberi perkhidmatan yang baik kepada penduduk di sekitar Plentong, malangnya Balai Polis Plentong telah ditutup dan diberhentikan perkhidmatan. Penduduk berasa kecewa dan takut kerana sejak penutupan balai tersebut, kes jenayah seperti kes ragut, pecah rumah sering berlaku di kawasan Plentong yang selama ini memang aman dan selamat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk mewujudkan suasana selamat dan menjamin keselamatan serta memudahkan penduduk sekitar, saya mencadangkan supaya Balai Polis Plentong dapat dibuka semula. Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Dia pindah mana Yang Berhormat, Balai Polis Plentong?

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Balai Polis Plentong memang perlu. Sekarang ni dia tutup.

Y.B. Dato' Speaker : Kenapa?

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Oleh kerana balai tersebut telah dipindah kepada Johor Jaya dan balai ini terbiar. Dan saya ingin, balai ini memang amat bersejarah dan saya ingat Yang Berhormat Dato' Speaker, sejak Dato' Speaker, memang masih ada di tapak tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada tahun 2007, Kerajaan Pusat telah mengumumkan akan membawa, menambah anggota polis di Johor Selatan. Kita memang berasa gembira dengan rancangan tersebut. Akan tetapi Kerajaan Negeri harus memberi perhatian kepada pembangunan di kawasan Timur Utara di mana pembangunan di kawasan ini memang pesat sekali dan memerlukan bilangan anggota polis yang banyak. Buat sementara ini, bilangan anggota polis di kawasan Timur Utara memang tidak mencukupi dan memerlukan penambahan bagi menjamin keselamatan penduduk.

Yang Berhormat Dato' Speaker, IPD Seri Alam buat masa ini merupakan bangunan sementara. Bilakah IPD Seri Alam yang kekal akan dibina? Tapak sudah ada, peruntukan pun sudah ada, cuma tindakan tidak ada. Sampai bila kita kena menunggu? Orang ramai terutamanya rakyat Parlimen Pasir Gudang berharap bangunan IPD Seri Alam dapat dibina dengan masa yang tersingkat. Yang Berhormat Dato' Speaker, isu yang hangat diperkatakan oleh orang ramai ialah tentang kenaikan harga minyak. Kenaikan harga minyak telah memberikan satu impak yang besar kepada orang ramai. Bagi keluarga yang berada, mungkin kenaikan ini tidak terasa tetapi bagi golongan yang pendapatan sederhana dan rendah, kenaikan ini akan merimaskan mereka. Dulu kereta kancil, kalau isi minyak RM40.00 sudah penuh tetapi sekarang kena bayar RM60.00. Ada yang bercadang tak hendak pakai kereta lagi, hendak naik bas tetapi bayang bas tak nampak-nampak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita memang maklum bahawa sistem pengangkutan awam khususnya perkhidmatan bas di Bandar Johor Bahru memang kurang sempurna. Ini menyebabkan ramai terpaksa membeli kereta tetapi dengan kenaikan harga minyak sudah sampai masanya kerajaan menyediakan pengangkutan awam yang sempurna, yang baik kepada orang ramai untuk mengurangkan bebanan mereka. Kerajaan mempunyai rancangan untuk menyediakan perkhidmatan LRT atau *monorel*, dengan izinnya. Projek ini harus cepat dilaksanakan bagi memudahkan penduduk dan sekali gus boleh memajukan pembangunan ekonomi Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kenaikan harga minyak juga telah menyebabkan kenaikan tambang bas sekolah. Kenaikan antara RM10.00 hingga RM20.00 setiap murid. Jika satu keluarga ada empat anak yang menaiki bas, manakala bertambah antara RM40.00 hingga RM80.00 setiap bulan. Ini merupakan satu tambahan yang tinggi. Keadaan ini amat ketara di keluarga bangsa Cina kerana kebanyakan murid-murid Cina terpaksa pergi belajar di sekolah yang jauh dari rumah mereka kerana tiada sekolah Cina atau sekolah yang berhampiran di tempat tinggal mereka. Bagi mereka yang tinggal berdekatan dengan sekolah, mereka tidak menghadapi masalah yang ketara. Mereka boleh jalan kaki atau berbasikal ke sekolah. Kalau naik bas, tambang bas pun tidak setinggi dengan bas yang berjauh-jauh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, hampir 95 peratus daripada anak bangsa Cina belajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Dan mereka ini juga merupakan tiang pembangunan negara yang bakal memimpin negara. Maka, kerajaan harus menyediakan tapak belajar yang selesa dan berdekatan untuk mereka juga. Yang Berhormat Dato' Speaker, MCA Negeri Johor sentiasa menyampaikan hasrat masyarakat Cina kepada kerajaan dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan hasrat mereka ini diambil berat oleh Menteri Besar kita. Kerajaan yang dipimpin oleh Menteri Besar telah mengambil tindakan yang, dan keputusan yang positif dan bijak, di mana Parlimen Pasir Gudang telah diperuntukkan dua tapak iaitu sekolah, untuk membina Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chee Tong dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Nam Heng. Dan Kerajaan Barisan Nasional juga telah menukar bangunan sekolah kebangsaan kepada bangunan sekolah jenis kebangsaan di Taman Johor Jaya. Tindakan kerajaan ini telah mendapat perhatian dan sokongan masyarakat khususnya di Parlimen Pasir Gudang. Mereka telah memberi sokongan yang

penuh dan bersepadu kepada Barisan Nasional. Ini dapat dilihat dalam keputusan pilihan raya yang lepas, di mana mereka sekarang ini merupakan penyokong Barisan Nasional yang setia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyeru kepada kerajaan supaya dapat menyediakan tapak sekolah Cina di taman-taman terutamanya di taman-taman baru yang majoriti penduduk bangsa Cina untuk memberi pendidikan yang sama rata kepada semua kaum kerana kita masing-masing hendak mempelajari bahasa ibunda. Yang pentingkan kita sama-sama anak Negeri Johor dan setia kepada negara yang kita cintai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk membangunkan sebuah negara, rakyat berilmu memainkan peranan yang penting. Maju atau mundurnya negara kita bergantung kepada ilmu yang ada pada rakyat jelata. Maka rakyat harus digalakkan supaya banyak membaca kerana membaca kunci kejayaan. Yang Berhormat Dato' Speaker, akan tetapi kemudahan perpustakaan di Bandar Johor Bahru masih kekurangan. Sebagai contoh, penduduk di Timur Utara, sejumlah 650,000 orang di sana, ada Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina atau Tamil, Sekolah Menengah, Institusi Pengajian Tinggi, Kolej dan Universiti Kuala Lumpur yang bakal dibuka tetapi tidak ada sebuah perpustakaan yang boleh di jadi gedung ilmu kepada penduduk Timur Utara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bukan semua yang mampu membeli bahan bacaan kerana harganya bukan murah. Untuk mengejar ilmu, mereka terpaksa pergi jauh ke Larkin. Perjalanan pergi balik bukan sahaja membuang masa malah kenaikan harga minyak telah mendinginkan niat mereka untuk ke perpustakaan yang jauh. Maka saya menyeru kerajaan supaya dapat cepat melaksanakan rancangan membina sebuah perpustakaan di Taman Johor Jaya seperti yang telah dirancangkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini iaitu selepas kenaikan harga minyak, saya telah menerima sepucuk surat daripada seorang ibu tunggal yang mempunyai tiga orang anak yang masih bersekolah, dia bekerja sebagai pencuci pinggan mangkuk dan gaji bulanannya hanya RM450.00. Dalam surat itu, dia mengatakan kebanyakan harga barang sudah naik, gajinya tidak cukup untuk menyara kehidupan keluarga lagi. Dia hendak minta bantuan beras dan minyak. Apa yang terkandung dalam surat tersebut amat menyedihkan saya. Nasib baik Tabung Kebajikan MAYANG di bawah pimpinan Ahli Parlimen Pasir Gudang dapat memberi bantuan, di mana MAYANG akan memberi bantuan beras dan minyak setiap 3 bulan kepada keluarga miskin. Dan, bantuan beras itu boleh tahan sehingga 3 bulan.

Y.B. Dato' Speaker : Ini MAYANG, siapa tubuhkan? Kerajaan eh?

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Kerajaan yang dipimpin oleh Ahli Parlimen kita.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, MAYANG eh...

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga selalu didatangi ibu tunggal yang datang meminta bantuan. Saya tidak mampu

memberi bantuan kewangan kepada mereka. Apa yang boleh saya bantu ialah menolong mereka memohon bantuan daripada Pejabat Kebajikan Negeri Johor. Cuba bayangkan nasib mereka yang terpaksa menunggu bulan-bulan untuk mendapat jawapan daripada Pejabat Kebajikan. Kadang-kadang mereka ini datang dengan menangis-nangis. Tidak sampai hati saya melihat mereka lama menunggu. Seratus atau dua ratus dihulurkan, pening saya dibuat.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, beri eh, seratus?

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Terpaksa berilah Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Ikut umurlah? (Dewan ketawa)

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Tidak. Yang Berhormat Dato' Speaker, bilangan keluarga miskin dan ibu tunggal di Negeri Johor semakin meningkat. Golongan ini sentiasa menghadapi kesulitan dalam kehidupan. Ada di antara mereka yang berjaya mendapat bantuan kebajikan kerajaan. Ada yang tidak dapat bantuan. Bagi mereka yang mendapat bantuan, bantuan yang mereka terima itu sudah tidak seimbang dengan kenaikan harga barangan yang kian meningkat. Kerajaan harus mengkaji satu sistem yang betul-betul boleh membantu golongan yang memerlukan untuk membolehkan mereka meneruskan kehidupan. Bantuan harus disalurkan dengan cepat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya, oleh kerana masa saya cukup, saya singkatkan ucapan saya...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tak cakap pun, jalanlah.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Banyak lagi kalau saya sambung lagi Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, saya suruh bercakap, cakap jelah.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Barisan Nasional dalam pilihan raya bergantung kepada prestasi setiap PBT. Keberkesanan perlaksanaan setiap PBT merupakan unsur kejayaan. Kita harus berasa bangga dengan PBT di Johor Bahru yang bertindak dengan cepat dan cekap untuk mengatasikan masalah penduduk. Maka, tanggungjawab yang dipikul oleh PBT makin berat kerana PBT lah merupakan agensi Kerajaan yang paling berdekatan dengan penduduk.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara berikut pernah saya berbangkit dalam Dewan yang lepas, tetapi oleh kerana Pengerusi Kerajaan Tempatan telah tukar orang maka saya menaruh harapan yang besar agar Pengerusi baru dapat mempertimbangkan permintaan orang ramai terutamanya rakyat di timur utara, tetapi Pengerusi mana dia?.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, tak apa Yang Berhormat cakap ajelah, buat apa Yang Berhormat cari dia. (Dewan ketawa)

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Kita boleh melihat pembangunan yang semakin mendadak di kawasan MPJBT. Kawasan pentadbiran MPJBT terbahagi kepada Zon Timur dan Zon Barat. Pembangunan di Zon Timur amat pesat di mana banyak taman-taman baru yang pesat membangun seperti Taman Desa Tebrau, Taman Pelangi Indah, Taman Gaya, Taman Bestari Indah, Taman Ehsan Jaya, Taman Johor Jaya dan sebagainya. Sehingga tahun 2007 pemilik adalah berjumlah 75,671. Sudah tentu pemilik akan bertambah pada masa akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selaras dengan pembangunan ini tanggungjawab dan tugas MPJBT akan bertambah berat. Untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik, lebih efektif kepada orang ramai, saya cadangkan supaya MPBJT dipecahkan kepada dua. Dengan wujudkan PBT baru di Zon Timur, Zon Timur akan dijaga dengan lebih baik. Rakyat di Zon Timur yang berjumlah lebih daripada 400,000 tidak perlu pergi jauh ke Pejabat MPJBT di Skudai. Ini akan menjimatkan kos pengangkutan dan masa yang terbuang kerana sering terperangkap dalam kesesakan lalu lintas lebuh raya Pasir Gudang. Dan, MPJBT yang sedia ada dapat tumpukan perhatian dalam pembangunan di Zon Barat terutamanya pembangunan dan kejayaan Iskandar Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin membawa perhatian Kerajaan terhadap masalah kesesakan lalu lintas di lebuh raya Tebrau. Lebuh raya ini merupakan satu-satunya laluan untuk ke Johor Bahru. Setiap hari penduduk terperangkap dalam kesesakan lalu lintas sejak pembangunan yang pesat di pinggiran Sungai Pandan dan lebuh raya kiri kanan tersebut. Kerajaan telah memberi syarat kepada pemaju untuk membuat jambatan dari Taman Molek, Ponderosa melintas Sungai Pandan dan menyambung kepada Kampung Bakar Batu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, rakyat menaruh harapan agar Kerajaan dapat mengarahkan pemaju supaya dapat membina jambatan tersebut dengan secepat yang mungkin untuk mengurangkan kesesakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya mengakhiri saya ingin membawa satu masalah iaitu masalah sejak zaman Yang Berhormat Dato' Speaker dulu iaitu masalah banjir, banjir kilat di Plentong. Kerajaan telah memperuntukkan RM50 juta untuk mendalamkan Sungai Tebrau dan Sungai Plentong. Bila agaknya kerja-kerja pendalaman akan dibuat? Panjang leher rakyat menunggu, bila agaknya?

Y.B. Dato' Speaker : Apa benda Yang Berhormat?

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Panjang leher rakyat dan panjang leher saya juga masa kini.

Y.B. Dato' Speaker : Apa kena banjir dengan panjang leher? (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Panjang leher kerana menunggu projek tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, gitu ya, kalau lama kita tunggu, leher kita makin panjang eh?

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Panjang oleh kerana dari zaman Yang Berhormat Dato' Speaker hingga kini masih tak nampak-nampak ada bergerak projek tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Masa saya tak banyak banjirlah. (Dewan ketawa)

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan yang tinggi dan ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker. Dengan ini saya menyokong rundingan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku yang dibawa oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Rengit. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Rengit ya. Ha, Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Dato' Speaker saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang membahaskan rundingan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku. Dato' Speaker, Pasir Raja ingin merujuk kepada surah Al-Quraish, ayat 4 yang maksudnya, "yang telah memberi makan kepada mereka kerana kelaparan dan telah mengamankan mereka kerana ketakutan, memberikan kita kekuatan sebagai kerajaan untuk terus berkhidmat kepada rakyat, walaupun apa cabaran yang akan kita hadapi".

Pertama Dato' Speaker, rakyat kita gembira, negara kita aman, selamat dan makmur. Tekanan kenaikan harga barang, walau bagaimanapun meresahkan mereka yang berkeluarga kerana ada yang terpaksa mengurangkan belanja makanan rumah tangga malahan ramai yang terpaksa memotong perbelanjaan wang saku, belanja makanan sekolah anak-anak mereka. Ini adalah aduan yang saya terima bagi anak mereka yang bersekolah menengah.

Dato' Speaker, Johor perlukan bekalan sumber manusia atau modal insan kelas pertama dan pelajar-pelajar luar bandar sepatutnya tidak, sepatutnya sama-sama dapat merasai nikmat untuk menjadi pelajar cemerlang dalam setiap mata pelajaran di sekolah. Keputusan peperiksaan kebanyakan tidak seimbang. Matematik dan Sains tidak semuanya memuaskan hati ibu bapa di luar bandar. Yang dikhuatiri, yang diresahi oleh ibu bapa dan penjaga ialah dengan kenaikan harga barang bukan sahaja merosotnya kualiti bahan makanan. Malahan Dato' Speaker, saiz kuih muih turut dikecilkan, pinggan untuk nasi lemak dikecilkan, kalaupun harga tidak dinaikkan.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, saya tak perasan, kuih dah kecil eh.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Tak cukup zat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Tak cukup apa?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Tak cukup zatnya,

Y.B. Dato' Speaker : Oh, yalah doktor.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih. Dikhuatiri nanti mereka ini akan lembap belajar. Pasir Raja berpandangan agar Jabatan Pelajaran Negeri dan Daerah segera memantau perkara ini dan bertindak menyelesaikan masalah ini berdasarkan pendekatan prinsip pro aktif jabatan. Maksud saya, jangan tunggu orang ramai mengadu baru nak ambil tindakan. Pergilah ke semua sekolah untuk memastikan tidak ada pihak yang menawarkan perkhidmatan jualan makanan yang rendah kualitinya dan mengurangkan kuantitinya.

Dato' Speaker, saya yakin apabila ditanya kepada pengusaha kantin ini, mereka tentu akan menjawab terpaksa lakukan begitu kerana kenaikan harga barang. Jadi, akhirnya mereka akan serahkan kepada kerajaan agar mengkaji semula harga yang telah ditetapkan semasa mereka menerima tawaran mengusahakan kantin dahulu. Kita berharap pihak Jabatan Pelajaran akan membawa kepada pihak Kementerian untuk tindakan selanjutnya. Saya juga mencadangkan pihak Hal Ehwal Pengguna dan Perdagangan Dalam Negeri mengambil bahagian aktif untuk memantau harga-harga makanan dan bahan asas di IPT Awam bersama-sama Kementerian Pengajian Tinggi yang ada dalam Negeri Johor seperti UTM, UTHM, UiTM, Politeknik, Kolej Komuniti serta IPTS, swasta serta Kerajaan Negeri.

Kalau pun ada dakwaan harga makanan masih murah berbanding di luar saya masih ragu tentang mutu, zat makanan dan minuman serta kuantitinya. Alasan yang sama harga barang naik. Dato' Speaker, walaupun para pelajar disarankan agar menyesuaikan diri dengan keadaan kenaikan harga barang tetapi mesti ingat bahawa mereka bergantung kepada pinjaman atau biasiswa. Lebih malang kalau mereka dibiayai oleh ibu dan bapa mereka. Tempat-tempat ini ialah kawasan strategik bagi melahirkan modal insan mewarisi negara kita. Dengan makanan yang berkualiti tinggi dan mencukupi serta dengan harga tidak membebankan mereka, kita sebenarnya membantu mereka mencapai kecemerlangan dan meningkatkan prestasi akademik mereka.

Dato' Speaker, di sekolah walaupun kita dimaklumkan ada bantuan makanan kepada pelajar miskin. Untuk tahun 2008, Program Rancangan Makanan Tambahan RM276 juta satu Malaysia di peruntukkan. Untuk Negeri Johor RM12 juta diperuntukkan, 2008. Sebenarnya ini perlu dinilai keberkesanannya malahan lebih ramai lagi sebenarnya perlu dimasukkan dalam senarai yang perlu dibantu dalam keadaan sekarang. Ada juga cadangan untuk meningkat prestasi akademik pelajar sekolah dalam Negeri Johor keseluruhannya. Pendekatan dengan izin, *free lunch* ataupun makan tengah hari percuma untuk pelajar miskin di sekolah satu sesi dalam negeri ini dapat dilaksanakan sekiranya boleh dipertimbangkan. Keresahan ibu bapa, penjaga pelajar ini akan terubat jika kita mendahului tindakan dan bukan hanya bila keadaan ia teruk baru kita berfikir untuk mengambil tindakan.

Yang kedua Dato' Speaker, sebatang sungai yang mengalir membelah bumi Pasir Raja, sangat sinonim dengan Sungai Johor dan Sungai Semangar dahulunya tempat pedagang-pedagang menggunakan sungai bagi mengeluarkan hasil. Rata-rata penduduk yang mendiami sepanjang sungai ini meraih rezeki dari hasil tangkapan ikan sungai dan udang. Mereka sangat bangga dapat membesarkan anak-anak mereka dengan jualan hasil sungai dan mereka ini tidak bernasib baik kerana selepas banjir besar tahun lepas mereka telah pun kehilangan hasil kerana kerosakan peralatan.

Apa yang tinggal hanya semangat untuk membangunkan ekonomi mereka semula. Mereka ini mendiami sekitar kampung di daerah tersebut di dalam DUN Pasir Raja. Berbagai usaha telah dilakukan melalui inisiatif Wakil Rakyat tetapi Dato' Speaker ianya tidak mencukupi. Mereka mohon agar dapat perhatian daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, datanglah menjenguk mereka, mana tahu boleh dibawa teknologi baru melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Jabatan Perikanan bagi meningkatkan pendapatan sama ada melalui kegiatan menangkap ikan atau menternak ikan air tawar.

Mereka ini dengar sahaja orang cakap, banyak teknologi baru memelihara ikan sungai dan darat tetapi tidak merasai nikmatnya, kerana pegawai LKIM atau Jabatan Perikanan mungkin tak perasan mereka ini yang perlu dibantu. Melalui sungai ini, kadang-kadang katanya mereka berhadapan dengan pengkhianat yang menggunakan bom ikan atau racun tuba atau arus elektrik. Siapa yang mengawal kegiatan pengkhianat ini mengguna kaedah ini.

Apa yang sedihnya Dato' Speaker, sekali pengkhianat ini menggunakan bom ikan, seminggu nelayan tak dapat rezeki. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, kesannya mereka kesedihan dan terpaksa merayau jauh daripada kawasan mereka untuk menangkap ikan. Minyak petrol pula dah naik dan mereka ini tak dapat subsidi kerana mereka ini nelayan sungai kecilan, mereka mengeluh. Jadi Dato' Speaker, Pasir Raja ingin menanyakan kepada LKIM atau Jabatan Perikanan sama ada boleh dibawa kepada mereka ini bantuan teknikal memelihara ikan darat atau memperkenalkan mereka dengan teknik yang lebih maju dan terkini penangkapan ikan, udang agar dapat mereka dapat menambah hasil pendapatan. Datanglah kepada mereka dan bukannya menunggu mereka di pejabat sahaja.

Dato' Speaker, yang ketiga, pelancongan sungai perlu diberi nafas baru. Di setengah-setengah tebing sungai ada tempat yang sesuai untuk menarik, yang menarik untuk dikunjungi oleh pelancong. Mereka boleh memancing, mereka boleh datang menyewa bot untuk memancing, mereka boleh memasang khemah di tebing sungai untuk istirahat, mereka boleh menyewa tapak untuk barbeku ikan atau udang galah.

Y.B. Dato' Speaker : Sana banyak udang galah Yang Berhormat?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Sangat banyak.

Y.B. Dato' Speaker : Udang galah ya?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Malahan mereka boleh berkayak. Warga Kampung Sungai Telur dalam DUN Pasir Raja ingin sekali mengundang Pengarah ataupun Pegawai dari Kementerian Pelancongan untuk datang melihat jeti dan tapak perkhemahan yang mereka bina sendiri digelar Jeti Simpul Kasih untuk...

Y.B. Dato' Speaker : Apa nama Yang Berhormat?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Jeti Simpul Kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Simpul Kasih.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Ada istimewa Dato', kita jemput Dato' sekali datang.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ok. Sedia udang galah eh.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Untung-untung tempat ini boleh diangkat sebagai destinasi pelancongan baru atau pelancongan *ecotourism* dan seterusnya penduduk tempat ini untuk menjalankan program pelancongan yang efisien dan mungkin mendidik mereka mengusahakan program homestay.

Dato' Speaker, yang keempat, dalam laporan prospektus Pembangunan Iskandar Malaysia, ada menyebut enam sektor yang menjadi tumpuan khusus, iaitu pelancongan, pendidikan, perubatan, logistik, khidmat nasihat kewangan dan yang keenam, industri kreatif. Antara lima koridor ekonomi yang dibangunkan di seluruh negara, hanya Iskandar Malaysia sahaja yang diberi keistimewaan untuk pelabur, membangunkan industri kreatif. Sedar atau tidak, industri ini sangat baru di negara kita. Terutama dalam bidang, dengan izin, *creative multimedia*, iaitu satu bidang dalam bidang, dalam ICT.

Dalam prospektus ini juga, disebut kelebihan strategik Iskandar Malaysia antaranya, memiliki sumber manusia berpendidikan, berkemahiran, fasih pelbagai bahasa dan tersedia untuk digunakan. Kenyataan ini kalau dalam bidang perubatan, pelancongan, logistik, khidmat nasihat kewangan, saya yakin ianya tepat tetapi tidak berapa yakin, ianya tersedia untuk digunakan dalam bidang terutamanya *creative multimedia.* Soalnya, berapa ramai yang tahu akan sektor ini? Berapa ramai yang mengambil kursus dalam bidang ini? Berapa ramai yang pakar dalam bidang ini, sehingga kini? Tak ramai anak Johor yang mengenali bidang ini secara mendalam dan mengambil kursus ini sama ada di peringkat Sijil, peringkat Diploma atau Ijazah. Kalau ada pun, hanya beberapa IPT awam dan swasta yang menawarkan kursus ini.

Kalau ini jadi pertaruhan, Dato' Speaker, saya ingin sekali meminta agar kursus ini secepat mungkin ditawarkan di Kolej-Kolej Yayasan Pelajaran Negeri Johor. Mulakan dulu dengan peringkat Sijil atau Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Dan, saya juga meminta pihak Pengerusi Jawatankuasa Pengajian Tinggi, cuba bawa berbincang dengan pihak pengurusan UiTM yang mana telah dimaklumkan kampus baru akan dibina di dalam kawasan bandar akademik, Ladang Yayasan Kota Tinggi. Tidak terkecuali menawarkan kursus dalam bidang ini. Kita latih, dengan izin, Dato' Speaker, *local talent* ataupun bakat

tempatan warga Johor, sesuatu yang menjanjikan pulangan besar terutamanya apabila mereka, apabila mereka ini mahir dan pakar dalam bidang ini, mula bekerja di Iskandar Malaysia.

Mereka anak-anak Johor, diharap dapat di, dengan izin Dato' Speaker, *train locally, act globally*. Dalam satu laporan Majalah Fortune Edisi Mei 2008, perniagaan perisian *video game*, sama ada dijual melalui Internet atau *compact disc* atau *memory card* atau yang terbaru *prepaid card,* sangat laris di pasaran dunia. Sebagai bukti, syarikat kecil bernama Netson yang berpengkalan di Korea Selatan dapat menembusi pasaran Amerika Syarikat. Syarikat Netson mengutip jualan di luar negara Korea Selatan yang tinggi. Menurut John Chee, CEO Netson Amerika, mereka memperolehi pendapatan USD1.6 juta sebulan bersamaan RM6 juta sebulan. Ini baru syarikat kecil Dato' Speaker, belum kita sebut syarikat-syarikat besar seperti Sony, Microsoft atau Nintendo.

Dengan itu Dato' Speaker, kita tidak akan membiarkan industri kreatif terutama sektor *creative multimedia* ini, sekiranya dibangunkan di Iskandar Malaysia, nanti ianya hanya dipenuhi atau diisi dengan warga asing tanpa penyertaan bakat tempatan. Kenyataan, kita tidak mahu anak-anak kita jadi penonton sahaja dan tidak melibatkan diri kerana tidak pakar dalam bidang ini. Kenyataan prospektus Iskandar Malaysia yang menyatakan, pernyataan tersedia untuk digunakan, hanyalah retorik kecuali kita sedar akan perkara ini dan mengambil tindakan pantas mengisi ruang yang tersedia luas. Gunung Daik, Gunung Pandan, dari Pengerang ke Pulau Labuan, kalau ilmu penuh di badan, harimau garang jadi kawan.

Dato' Speaker, saya menyokong rundingan atas titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku yang dibawa oleh Yang Berhormat Rengit. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Lagi. Hah? Jemput. Puteri Wangsa.

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesempatan bagi saya untuk membahaskan titah Duli Yang Amat Mulia Tuanku, bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain dalam membincangkan masalah dan hal-hal berkenaan dengan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sepertimana yang kita tahu bahawa pilihan raya yang ke-12 telah berlalu. Rakyat telah memilih dan kita akur tentang keputusan yang diberikan dan mandat yang telah diberikan oleh rakyat, untuk kita bekerja membantu memajukan negara serta memajukan negeri yang kita wakili, kawasan yang kita wakili. Antara tanggungjawab yang telah diberikan kepada kita sebagai Wakil Rakyat, kita mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, berpegang teguh kepada Perlembagaan, kepada Rukun Negara, kepada *Contract Social* yang telah dibuat awal sebelum kita

merdeka, sehingga kita merdeka. Perlembagaan yang telah dipersetujui secara bersama antara kaum, Cina, India dan Melayu. Dan pada itu juga, antara Rukun Negara yang perlu kita ikut adalah Kesetiaan Kepada Raja dan Negara. Di dalam perasmian yang lalu, ada Wakil Rakyat yang tidak mengikut dan tidak setia kepada arahan dan tidak setia saya anggap kepada Raja.

Ini membuktikan bahawa, kalau kita nak jadi wakil kepada rakyat, kepada semua rakyat, bukan menjadi hero kepada satu bangsa dan baru-baru ini juga, di dalam kita mengamalkan perpaduan, kerjasama, kita menjadi Wakil Rakyat mungkin dengan curi yang diizinkan. Ini sebenarnya bukan curi, mandat yang diberikan, kita kena terima kasih kepada rakyat, kita bukan mencuri. Walaupun, dalam DUN Puteri Wangsa dah kurang undi, tetapi pada saya itu hak rakyat. Kita akur, kita buat kerja kerana Barisan Nasional berpegang teguh kepada perpaduan dan muafakat. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Bermakna kita tidak rela negara kita ini dijajah oleh orang lain selagi, selain daripada rakyat Malaysia. Dan yang jelas, dalam Kabinet Bayangan, Portfolio Perpaduan, kalau saya tengok dengan sikap, dengan cara, saya tak tahu boleh tak menyatupadukan masyarakat yang berbilang kaum di dalam negara kita. Susah nak senyum, tak mesra rakyat dan sebagainya. Ini adalah imej kita sebagai Wakil Rakyat. Adakah semua Wakil Rakyat harus bersikap begini kerana kepentingan individu atau kepentingan untuk membela satu bangsa.

Barisan Nasional tak kira siapa, kita akan berkhidmat untuk masyarakat dan rakyat berbilang kaum. Menceritakan soal pendidikan, sebagai contoh, kalau misal kata ada yang menyatakan bahawa sekolah Cina tidak dibela, saya sebagai Wakil Rakyat Barisan Nasional membela sekolah Cina. Sekolah India tidak dibela, sebagai Wakil Rakyat Barisan Nasional, saya akan membela apa juga masalah yang dibawa oleh sekolah India, begitu juga sekolah agama. Jangan terlepas pandang. Kalau kita lihat bagaimana keadaan sekolah agama sekarang ini. Kalau misal kata lapan tahun didirikan, hanya sekali peruntukan, ini kekurangan yang ada di dalam sekolah agama. Kita perjuangkan melalui saluran-saluran yang telah diperuntukkan. Kita ada caranya, bukan kita mencari kesalahan. Mudah untuk kita sebagai Wakil Rakyat, untuk kita sebagai wakil, untuk menjadi popular, kerana membangkang itu lebih mudah daripada melaksanakan sesuatu tugas dan tanggungjawab yang diberikan.

Berbalik kepada keadaan yang, yang berlaku di dalam negara kita ini, di mana menyentuh soal sekolah agama tadi, kita lihat bahawa seratus tahun sekolah agama telah wujud di dalam Negeri Johor, tadi dalam soal jawab pun ada dinyatakan. Tetapi kalau kita lihat keadaan sekolah agama kita ini. Tak terurus, keadaan guru, keadaan murid, saya pun bersekolah agama. Kalau dulu kita ni sekolah agama, sekarang ni, kita memegang teguh kepada bahawa kita ni orang Islam, kita kuat dan beriman dan teguh iman kita. Tetapi keadaan sekarang, budak-budak sekarang, kerana saya pun ada anak. Kadang-kadang pergi sekolah, tak nak pergi sekolah, kenapa? Tak belajar. Ini kena diambil kira dan diambil berat kenapa boleh berlaku seperti ini.

Begitu juga, *syllabus syllabus* ataupun perkara-perkara yang diajar di sekolah tersebut, adakah ia menjurus kepada syarat bahawa ada sekolah agama cukuplah kita hantar anak sekolah. Kita kena fikirkan mekanisme yang baik

untuk kita bangunkan anak-anak kita sejajar dengan negara kita adalah sebuah negara Islam dan Johor ini adalah sebagai asas pembinaan sekolah agama yang telah lama wujud. Ini harus kita lihat, kalau saya mengambil contoh bagaimana keperluan sekolah agama. Di Taman Daya 2,300 orang murid, 21 guru dan pembangunan di kawasan DUN Puteri Wangsa ini amat pesat. Takkan kita nak tunggu lagi lima tahun, sepuluh tahun baru ada sekolah agama, sekarang kita tumpang di sekolah.

Bila dikatakan tadi, baru dalam tahun 2010 akan ada satu sesi. Bagaimana pula keadaan sekolah anak-anak kita ni? Adakah ia akan dihapuskan? Apakah akan ada anak-anak kita tidak bersekolah agama hanya dengan pendidikan J-QAF? Ini kita harus lihat secara jangka masa panjang. Dan, di kawasan Setia Indah ada kawasan, bila hendak diguna.

Begitu juga di dalam kawasan di sekolah di Puteri Wangsa, kerana di Puteri Wangsa itu, dia berdekatan dengan bandar Tiram. Bila pendaftaran awal, ibu bapa pergi ke Tiram di tolak ke sini, sekolah di Puteri Wangsa, ini sekolah tumpang. Bila pergi ke Tiram, dia kata tak boleh, kena pergi ke Puteri Wangsa. Pergi Puteri Wangsa, tolak ke Tiram. Jadi, saya pun tak fahamlah macam mana nak cakap ni, nanti kalau kita tegur, dia kata kita komen tapi ini realiti yang berlaku…

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Yang Berhormat. Dia, dua sekolah dekat-dekat tu, suruh pergi balik sana, balik sini eh?

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Ya Yang Berhormat. Dah jadi macam bola.

Y.B. Dato' Speaker : Ha.

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Sekarang ni, kadang-kadang rakyat dia, dia fikir bahawa Wakil Rakyat ini banyak kuasa. Sebenarnya, kita tak ada kuasa. Kita penghubung antara rakyat dengan kerajaan. Kalau tak dibuat, kalau kita tak cakap, kita susah. Saya akur bahawa kita tak perlu bergaduh, bukannya nak bergaduh. Kadang-kadang mungkin kerana kita jadi *pressure,* nada kita tinggi dan sebagainya. Ini bukan bergaduh, kita memberi pandangan. Apa yang disuarakan oleh rakyat, dan kita ni dalam Dewan, mewakili rakyat untuk membawa masalah yang berkaitan dengan rakyat. Dan ini jelas bahawa kerjasama kedua-dua pihak ini perlu, dan jangan ada nanti dia kata adalah orang-orang yang nak menjadi hero kononnya, dalam masa sebulan, kena siapkan. Ini dah tak betullah maknanya kita kena lihat bagaimana harus kita selesai.

Begitu juga, Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam kita berkongsi pentadbiran dengan Pejabat Agama, saya nak tahu mengapa Majlis Agama Islam masih berkongsi pentadbiran dengan Jabatan Agama Johor sedangkan fungsi dan peranan ternyata berbeza dan mencabar. Sekarang ini, maksudnya dari segi kerja, dari segi tugas amat mencabar dan Pengarah dan Timbalan Pengarah 1, Jabatan Agama Islam, merupakan orang yang sama iaitu sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Setiausaha Majlis Agama Islam Johor. Apakah usaha yang diambil oleh Pentadbiran Majlis Agama Islam Johor ini, dalam memastikan

mutu perkhidmatan yang lebih efisien memandangkan selain berkongsi peranan di peringkat pegawai atasan terdapat hampir 90 peratus kakitangan di peringkat daerah dan ibu pejabat sekadar bertaraf kontrak yang mencecah hampir sepuluh tahun ke atas.

Akhirnya, pegawai-pegawai ini akan saling bertukar pegawai, menerima tawaran dari jawatan, dari tempat lain, yang membawa kesan kes-kes Baitulmal khususnya, sering terganggu kelancaran kerana isu ini. Ambil contoh, isu Baitulmal, kadang-kadang, orang jumpa kita minta tolong, kita *submit*, dengan izin. Kita hantar kepada Pejabat Agama. Tindakan, kalau benda tu kes yang paling *urgent* ataupun perlu disegerakan mengambil masa enam bulan, setahun. Takkanlah hari-hari kita nak telefon. Orang yang menghadapi masalah ni tertanya-tanya, apa yang perlu kita jawab? Takkan kita nak cakap Pejabat Agama Islam tidak ambil tindakan. Takkan kita nak cakap Wakil Rakyat tidak bekerja. Sedangkan kita telah menghantar. Ini harus kita fikirkan secara bersama. Apakah mekanisme yang perlu untuk kita perbaiki. Kita dah ada, dah bermacam-macam dah. Media-media elektronik, kita ada email, kita ada *website* dan sebagainya. Dah maju pun. Tetapi cara pentadbiran kita ni saya lihat makin ke belakang. Saya minta ini diambil berat dan diatasi dengan keadaan segera.

Begitu juga kalau kita lihat permohonan untuk mengurus tadbir masjid dan surau di Negeri Johor ini sentiasa rosak. Berapakah peruntukan Kerajaan Negeri terhadap pembangunan syiar Islam yang melibatkan masjid dan surau di Negeri Johor? Sejauh mana pula peranan Majlis Agama Islam melalui Asnaf Fisabilillah zakat dalam menguruskan perkara ini? Dan apakah kriteria asas yang diambil kira dalam memberi bantuan kepada masjid dan surau yang terbabit. Baru-baru ini, saya terdengar bahawa Majlis Agama Islam telah menubuhkan Majlis Agama Islam Urus Sendirian Berhad, iaitu anak syarikat milik Majlis Agama Islam Johor. Saya nak tahu apakah fokus, apakah skop dan hala tuju Majlis Urus Sendirian Berhad ini. Bagaimana perjalanan dia, apakah dia punya prospek perniagaan, menjurus kepada apa? Kalau ini menjurus kepada pembinaan sebuah syarikat untuk dijadikan sebagai tabung mentadbir, menyelaras, membaik pulih sekolah, menaiktarafkan masjid, surau dan sebagainya, ini satu perkembangan yang baik. Sesungguhnya mungkin, dengan tertubuhnya syarikat ini adalah menjurus kepada apa yang saya nyatakan tadi. Dan saya berharap, ianya dapat diurus dengan baik. Begitu juga keanggotaan Majlis Agama Islam Johor, Urus Sendirian Berhad ini, siapa yang menganggotainya dan sejauh manakah fungsi syarikat ini yang telah menggerakkan usaha ke arah menjayakan ekonomi umat Islam dan membela umat Islam khususnya golongan fakir miskin dan kurang upaya yang menjadi kelompok sasar zakat Majlis Agama Islam Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berbalik kepada keadaan yang berlaku di dalam kawasan saya, saya pun nak sebut jugalah ya.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat nak pergi sembahyang Jumaat?

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Pergi, Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, saya ingat kalau pergi, duduklah. Oleh sebab Yang Berhormat satu Bahagian dengan saya, jadi ucapan Yang Berhormat baru sebentar tadi saya tak kira masalah ya. Maknanya akan mula balik. (Dewan ketawa). Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga Isnin, 30 Jun, 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:00 tengah hari.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KELAPAN	**ISNIN, 30 JUN 2008**	**BIL. 2 TAHUN 12**

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia bte Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
Dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah bte Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M.Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman, KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusa Jaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah Binti Mansor,
(Penawar)

Y.B.Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof,
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Encik Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
Dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Yang Berhormat, Persidangan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali, jemput.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1. [Kita mempunyai Kementerian Belia dan Sukan dan juga persatuan-persatuan untuk belia khasnya seperti Rakan Muda, Puteri Islam dan lain-lain. Tapi kalau kita lihat secara halusnya masih banyak masalah sosial/jenayah yang melibatkan akhlak belia. Jadi saya ingin tahu apakah langkah Kerajaan dalam menangani masalah belia masa kini dengan lebih serius serta fungsi dan tindakan persatuan-persatuan yang ada ini dalam menarik minat belia-belia di luar dalam menangani masalah yang timbul.]

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Munusamy a/l Mareemuthu, jemput.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas): Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 2. [Peranan generasi muda dalam pembangunan arena politik dan ekonomi adalah sangat penting bagi sesebuah negara. Apakah langkah-langkah Kerajaan bagi memastikan golongan belia ini menyertai program-program Kerajaan melalui badan-badan NGO belia dan lain-lain aktiviti yang sihat dan murni.]

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dato' Haji Baderi bin Haji Dasuki, jemput.

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Haji Dasuki (Panti): Soalan nombor 3. [Apakah langkah-langkah yang lebih berkesan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Belia dan Sukan dalam bentuk program-program yang boleh membentuk belia menjadi rakyat Malaysia yang tercinta dan sentiasa setia kepada negara.]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi, salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker**,** izinkan saya menjawab soalan A34, A114 dan A128 serentak.

Dalam membentuk belia supaya menjadi rakyat Malaysia yang cinta akan negara dan memiliki semangat setia kepada negara, Kerajaan melalui Jabatan Belia dan Sukan telah melaksanakan program-program berikut:

i. Program Jati Diri Kesukarelaan Nasional.

Program ini ditujukan kepada remaja lepasan SPM yang tidak terpilih mengikuti Program Latihan Khidmat Negara yakni PLKN. Dalam program ini, 5 elemen pembelajaran diterapkan dan didedahkan kepada peserta bagi membentuk belia yang setia kepada negara dan mempunyai nilai-nilai yang baik.

(a) kecemerlangan kendiri;
(b) kesukarelaan;
(c) kemahiran-kemahiran sosial asas;
(d) kemahiran merancang; dan
(e) kenegaraan.

ii. Program Komuniti Belia Remaja yakni Y2Y.

Program Y2Y mempunyai program pembangunan merupakan program pembangunan komuniti untuk kepemimpinan belia remaja dan penerapan nilai-nilai insan. Di antara objektif program ini ialah

(a) untuk memberikan peluang kepada belia remaja bagi mengurangkan masalah kegiatan sosial dalam masyarakat.
(b) penerapan nilai-nilai dan potensi kepimpinan yang perlu ada pada diri para belia.
(c) mengenal pasti bakat kepimpinan belia ke arah melahirkan pemimpin belia berwawasan.
(d) mengenal pasti isu dan masalah belia masa ini di peringkat akar umbi.
(e) membentuk peserta ke arah penyelesaian masalah dengan membuka minda belia terhadap pelbagai alternatif baru.
(f) memberi kesedaran dan galakan pada belia untuk membentuk sahsiah diri yang mulia sebagai pemimpin pelapis.
(g) memberi perkhidmatan kaunseling kelompok kepada peserta program; dan
(h) membina jati diri dan peningkatan penghargaan kendiri.

iii. Program Khemah Kerja Patriotik.

Program ini merupakan program pembangunan komuniti untuk kepimpinan belia remaja dan penerapan nilai-nilai insan. Program ini dilaksanakan sempena sambutan Bulan Kemerdekaan pada setiap tahun. Antara tujuan utama pelaksanaannya ialah

(a) menanamkan semangat patriotisme yang tinggi menerusi aktiviti yang terancang sempena sambutan Bulan Kemerdekaan.
(b) memberi pendedahan kepada belia tentang pentingnya keamanan, perpaduan dan kerjasama dalam sesebuah negara yang berbilang kaum.
(c) membimbing dan membina disiplin diri dalam di kalangan belia ke arah mewujudkan satu masyarakat Malaysia yang bersatu padu, berketerampilan dan memahami sejarah perjuangan bangsa.

(d) meningkatkan tahap pengetahuan dan pemikiran belia ke arah pembangunan negara sejajar perjuangan bangsa; dan
(e) memupuk jaringan yang baik dalam kalangan peserta yang berbilang kaum, agensi kerajaan dan swasta.

iv. Kursus Pembangunan Kepimpinan Asas Belia Tidak Berpersatuan. Program ini merupakan program pembangunan komuniti untuk kepimpinan belia remaja dan penerapan nilai-nilai insan. Belia merupakan aset negara yang penting, maka perlu diberikan pendedahan dalam kerja-kerja berpersatuan dan kesukarelaan. Justeru, belia-belia yang belum berpersatuan hendaklah diberi latihan, pengetahuan dan kefahaman tentang persatuan. Antara tujuan utama pelaksanaan program ini ialah

(a) meningkatkan pengetahuan kepimpinan dalam persatuan belia;
(b) memberikan keyakinan kepada peserta untuk menjadi pemimpin pelapis;
(c) membolehkan peserta menyertai persatuan;
(d) memahami struktur organisasi belia;
(e) memberikan pengetahuan tentang kepimpinan komunikasi dan kesukarelaan dalam persatuan Belia;
(f) menanamkan kesedaran dan tanggungjawab terhadap persatuan; dan
(g) sekali menggalakkan mereka menubuhkan persatuan belia atau menceburi mana-mana persatuan mengikut pilihan mereka.

Bagi memperkasakan persatuan belia, pada tahun ini Kementerian Belia dan Sukan telah melaksanakan Program Pengupayaan Persatuan Belia di peringkat akar umbi iaitu pemberian bantuan kewangan sebanyak RM3,000.00. Bantuan kewangan ini diberi kepada pertubuhan belia yang aktif dan sah iaitu berdaftar dan mempunyai akaun bank yang sah. Untuk dijangka untuk bantuan fasa pertama akan diberikan kepada 142 persatuan yang terlibat dengan peruntukan sebanyak RM426,000.00 untuk seluruh Negeri Johor. Sementara itu, di FELDA telah bersetuju untuk menambah RM1,000.00 lagi kepada persatuan-persatuan belia di bawah FELDA. Manakala bagi bantuan fasa kedua, Kementerian Belia dan Sukan akan menyenaraipendekkan persatuan yang diluluskan di dalam pertengahan bulan Julai ini. Namun bagi tahun 2009, hanya pertubuhan belia yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia sahaja yang layak dipertimbangkan untuk pemberian bantuan kewangan ini. Di antara kriteria-kriteria persatuan untuk mendapat bantuan ini ialah:

i. persatuan mendaftar dengan Pendaftar Pertubuhan;
ii. masih sah pendaftarannya;
iii. mempunyai akaun persatuan; dan
iv. terdapat pemimpin ataupun penggerak persatuan belia yang masih dapat menjalankan program ataupun aktiviti-aktiviti.

Kaedah penyaluran kewangan terutama sekali peruntukan akan disalurkan melalui:

i. Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor.

Ii pemberian bantuan akan diproses melalui permohonan menggunakan Borang PB1 dan kelulusan akan dilaksanakan di peringkat negeri.
iii. bantuan akan diserahkan secara terus kepada persatuan-persatuan belia yang berkenaan.

Di antara aktiviti-aktiviti yang menjadi kriteria untuk bantuan ini ialah:

i. aktiviti yang melibatkan penyertaan ramai oleh golongan belia dan masyarakat sekitar;
ii. ada unsur-unsur integrasi dan penglibatan pelbagai peringkat; dan
iii. aktiviti ataupun program yang berkonsepkan kepimpinan, jati diri, patriotisme, ketatanegaraan, kemahiran dan keusahawanan. Sekurang-kurangnya 1 bagi setiap aktiviti tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Jemput, Machap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Memang kita tidak dapat nafikan bahawa program-program yang dianjurkan oleh Kementerian Belia memang banyak. Cuma yang saya ingin tahu Dato' Speaker, adakah program ni, Kementerian Belia mempunyai data, data-data yang lengkap terutamanya di kalangan belia-belia supaya penglibatan secara menyeluruh meliputi semua kaum kerana Dato' Speaker, kadang-kadang saya pun pergi rasmi banyak program-program belia tetapi yang belia itu pun saya pergi, muka itu jugalah, yang ini pun muka itu jugalah. Tak ada, tak ada muka-muka baru, jadi tak menyeluruh. Jadi saya ingin tahulah Dato' Speaker, ke arah kita ini, adakah kita mempunyai data yang lengkap supaya janganlah belia, muka itu aje. Kalau setiap kepimpinan, kepimpinan itu jadi kita nampak seolah-olah yang tak berperanan ini tak ada. Jadi saya ingin tahulah di kalangan belia-belia yang meliputi semua kaum yang ada di negeri kita. Jadi harap apakah bentuk ataupun perancangan yang akan disusun untuk pada masa-masa akan datang. Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor memang tidak ada data yang khusus tentang berapa ramai jumlah ahli-ahli belia yang melibatkan pelbagai kaum itu. Sebab itulah saya pernah nyatakan dalam Dewan ini sebelum ini bahawa peranan, sebenarnya peranan Majlis Belia Daerah dan peranan Majlis Belia Negeri amat penting dalam untuk menggerakkan belia-belia terutama sekali belia-belia yang bukan Melayu ini. Sebab saya lihat bahawa sebenarnya belia-belia bukan Melayu juga aktif cuma mereka ini nampaknya tidak, sama ada tidak dilibatkan secara langsung di dalam Majlis-Majlis Belia Daerah ataupun Majlis Belia Negeri ataupun mereka sendiri yang tidak mahu melibatkan diri. Sebab itulah saya pernah sarankan bahawa dalam nak menyusun semula Majlis Belia Daerah, dalam Majlis Belia peringkat Negeri Johor ini, terutama sekali dalam proses peralihan kuasa, sebab kita kena, sehingga 31 Disember ini Yang Berhormat Dato' Speaker, semua ahli-ahli belia hanyalah sehingga had umur 40 tahun. *So* dalam proses penyusunan ini memang kita arahkan supaya berlakunya integrasi dan penglibatan pelbagai kaum dalam penyusunan Majlis Belia Daerah dan Negeri.

Y.B. Encik Ng Kow Meng (Senai) : Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Kulai. Jemput Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ng Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Soalan saya adalah bahawa apa, apakah program belia dianjurkan harus menjalinkan persefahaman di antara kaum. Akan tetapi jika kita lihat masyarakat kita, wujudnya suatu segregasi di antara belia, yang mana belia dari kaum masing-masing kumpul secara tersendiri di tempat awam seperti *hypermarket,* panggung wayang, tempat permainan sukan. Jadi soalan saya adalah, apakah punca masalah ini ataupun program-program ini yang dilancarkan menunjukkan sesuatu kegagalan dalam usaha mencapai perbuatan, perpaduan di antara belia di dalam negara ini.

Y.B. Dato' Speaker : Hem, ok. Apa?

Y.B. Encik Ng Kow Meng (Senai) : Lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Apa ?

Y.B. Encik Ng Kow Meng (Senai) : Apakah langkah-langkah yang sewajarnya harus, langkah-langkah yang proaktif dan secara efektif yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini? Sekian.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, sepertimana yang saya katakan tadi, tak dapat nafikan bahawa keadaan itu memang berlaku di kalangan generasi muda terutama sekali. Tapi yang saya nyatakan tadi, peranan Persatuan-persatuan Belia ini terutama sekali yang menganggotai majlis-majlis daerah dan negeri ini.

Yang kedua, saya lihat sukan juga mungkin salah satu cara untuk kita mendekatkan integrasi kaum ini. Sebab itulah di antara pendekatan kita di masa yang akan datang, melalui Majlis Sukan Negeri Johor terutama sekali. Itu juga akan memperkasakan sukan-sukan yang boleh melibatkan semua kaum seperti mana bola sepak, bola tampar, bola keranjang. Bola keranjang sebenarnya ada juga di kalangan orang-orang bukan Cina yang main bola keranjang, Melayu dan India, begitu juga bola tampar. Sebab itulah kita, di antara yang kita nak beri perhatian ialah, integrasi ini dia tak boleh kita nak paksa. Dia kena mesti ada aktiviti yang, yang boleh secara apa nama ini, automatik mendekatkan mereka ini .

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, last.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat, suatu ketika sewaktu Program Rakan Muda dilancarkan, ianya memberi sasaran kepada belia yang bermasalah. Alhamdulillah, program tersebut telah begitu berjaya. Kemudian, Kementerian pula pada penghujungnya pula berpendapat, hanya segelintir sahaja belia dan Persatuan Belia yang bermasalah. Pada suatu ketika ianya bermasalah, banyak peruntukan yang disediakan dan dibelanjakan. Akhirnya dikatakan hanya segelintir sahaja. Jadi Yang Berhormat, saya nak tahu sama ada kerajaan menggunakan data yang mana. Tahniah di atas program-program yang telah dilaksanakan untuk mengupayakan Persatuan Belia. Tapi asas yang mana digunakan oleh Kerajaan Negeri dalam merencanakan, dalam menggubal program-program ini, kerana ada berpendapat belia bermasalah, ada berpendapat hanya segelintir sahaja. Jadi adakah Kerajaan Negeri membuat tinjauan sendiri dan kalau ada, apa bentuk tinjauan-tinjauan ke atas Persatuan Negeri.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, buat masa ini kita tidak ada satu kajian yang khusus dari segi untuk mengenal pasti apakah masalah yang berlaku ini. Mana sebab-sebab berlakunya seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Tetapi di masa-masa akan datang kalau kita lihat, kita juga nak mengupayakan Program-program Rakan Muda ini. Kita dah mulakan dengan Rakan Muda Waja Diri pada dua hari yang lepas iaitu di Muar, kita dikumpulkan semua penggiat-penggiat seni pertahankan diri ini di seluruh Negeri Johor dan kita juga akan terus mengupayakan Program Rakan Muda ini, untuk memastikan bahawa program-program yang akan kita laksanakan ini, akan dapat membantu ke arah integrasi kaum.

Y.B. Dato' Speaker : *Ok, last*.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Komunikasi siber menjadi satu media yang popular, yang dibenarkan oleh masyarakat umum terutamanya generasi muda pada masa sekarang dan kita boleh nampak banyak informasi yang tidak benar ataupun palsu disebarkan di siber media dan digunakan oleh generasi muda. Apakah langkah-langkah diambil oleh Jabatan Belia untuk mendekati masyarakat belia ini melalui siber media supaya maklumat yang sebenarnya, maklumat yang tulen boleh dapat disebarkan kepada generasi muda. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, Kementerian Belia dan Sukan akan melancarkan Rakan Muda Siber pada 5 Jun di Pontian, yang mana di antara tujuan diadakan Pusat Rakan Muda Siber ini ialah untuk, seperti mana yang, Yang Berhormat sebutkan tadi kecenderungan generasi muda hari ini ialah lebih suka melihat ataupun mendapatkan berita-berita daripada internet ini. Jadi di antara program yang terkandung dalam Rakan Muda Siber ini ialah untuk menggalakkan Ahli-ahli Belia untuk mendekati siber tetapi dengan berita-berita yang lebih baik dan sebagainya.

Yang kedua, di peringkat Negeri Johor kita ada JOM Center iaitu singkatan kepada Jumpa Orang Muda C*enter*, yang mana di peringkat jabatan hari ini, kita akan adakan gerak, *road show* dari satu tempat ke satu tempat dan kita akan cuba tumpukan untuk mengadakan JOM Center ini secara statik. Sebenarnya kita ada satu, Negeri Johor ada satu iaitu di Batu Pahat Jom Center yang statik, dan kita nak, dalam proses untuk menggalakkan melalui Ahli-Ahli Parlimen untuk menubuhkan JOM Center di Kawasan Parlimen masing-masing dan ini juga kita harapkan dapat membantu golongan belia. Selain daripada mendekati dunia IT ini mereka akan dapat cuba membezakan antara maklumat yang baik dengan tak baik, sebab dalam JOM Center ini juga kita, salah satu input yang kita masukkan ialah dari segi IT.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Mok Chek Hou, jemput.

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4. [Sejak tahun 2001, tapak pasar Taman Sri Tebrau dan pusat penjaja Taman Sri Tebrau telah diswastakan untuk pembangunan semula tetapi hingga kini pembangunan masih belum dimulakan dan keadaan struktur bangunan sedia ada di tempat tersebut juga sudah usang dan uzur. Ingin bertanya mengapa projek tersebut tidak dapat dimulakan selama ini? Dijangka bila projek tersebut boleh dimulakan?]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam usaha Majlis Bandaraya untuk membangunkan semula tapak pasar dan penjaja Taman Sri Tebrau, satu perjanjian telah pun ditandatangani bersama Tetuan Astro Plantation Sdn. Bhd. pada 21 Januari 2003. Dan komponen yang dicadangkan bagi pembangunan semula tapak pasar dan penjaja Tebrau, penjaja Taman Sri Tebrau ini ialah kompleks membeli belah dua tingkat, satu blok *apartment* 19 tingkat yang mengandungi 123 unit, satu blok *service apartment* 29 tingkat yang mengandungi 303 unit, satu tingkat *basement* tempat letak kereta dan tujuh tingkat tempat letak kereta. Walaupun perjanjian telah ditandatangani, kerja-kerja pembangunan semula ini tidak dapat dilaksanakan mengikut perancangan kerana pihak pemaju terikat dengan obligasi bagi menempatkan sementara peniaga-peniaga sedia ada, yang melibatkan 155 petak pasar dan gerai serta 120 petak medan selera.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tapak yang hendak dipindahkan sementara yang dicadangkan oleh Bandaraya adalah, adalah lot PTB 20273 yang terletak berhampiran dengan kawasan Sekolah Kebangsaan Taman Suria. Bagaimanapun, tapak yang dicadangkan ini mendapat bantahan daripada, daripada penduduk setempat dan juga khususnya pihak PIBG sekolah kebangsaan tersebut.

Majlis seterusnya melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penswastaan yang bersidang pada 28 Jun baru-baru ini, telah menolak cadangan tersebut iaitu cadangan untuk pindah sementara di hadapan Sekolah Kebangsaan Taman Suria dan memutuskan. Majlis memutuskan agar tapak pasar dan gerai sementara itu dibina atas PTB 20272 iaitu berhadapan pasar besar Giant yang ada sekarang di Taman Suria, sebagaimana mengikut perjanjian asal antara Pemaju dengan Majlis yang telah pun ditandatangani. Tapak tersebut didapati

sesuai dan tiada bantahan daripada sekolah kebangsaan dan juga penduduk tempatan.

Pembangunan di tapak pasar Taman Sri Tebrau ini dijangka Yang Berhormat Dato' Speaker, dimulakan pada akhir tahun ini, setelah semua penyewa di pasar dan digerai sedia ada ini dapat dipindahkan ke tempat sementara di Taman Suria. Penempatan sementara ini akan beroperasi lebih kurang dua tahun dan apabila pembangunan di Taman Sri Tebrau ini siap sepenuhnya, peniaga-peniaga yang dipindahkan sementara itu akan berpindah balik ke kawasan yang baru.

Di samping itu juga, pihak pemaju lewat memuktamadkan reka bentuk dan konsep pembangunan di peringkat kebenaran merancang dan sehingga ini, sehingga hari ini kebenaran merancang yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Bulanan MBJB pada 30 Disember 2006 yang lalu, masih belum dapat dikeluarkan. Namun begitu, Majlis akan sentiasa, khususnya perancangan, Bahagian Perancangan Korporat sentiasa mengadakan perbincangan berkala bersama pemaju bagi memastikan pembangunan dapat dijalankan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dato' Haji Abdullah …

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : Soalan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, deras lain kali Yang Berhormat. Ok, Stulang.

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : Soalan tambahan. Ok, Perjanjian-perjanjian itu telah ditandatangani pada tahun 2001. Sudah, sudah agak lamalah. *So* di sini saya ingin bertanya berapa lama tempoh kesahan Perjanjian Penswastaan itu di antara pihak MBJB dengan pihak swasta itu dan bila tempoh kesahan itu akan di luput? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya telah pun mengarahkan Datuk Bandar supaya tengok balik Perjanjian ini dan tengok ada tak, apa ni, jalan keluar kita kalau kita menghadapi satu-satu projek penswastaan yang lewat macam ini, supaya dapat kita kaji semula sama ada kita boleh keluar balik, fikirkan satu pendekatan yang, yang baru. Mengikut arahan yang terbaru telah saya keluarkan kepada Bandaraya supaya dikaji semula semua, bukan sahaja ini, semua projek-projek penswastaan dalam Bandaraya yang mempunyai permasalahan seumpama ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Ali, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali (Bukit Naning) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 5. [Minta penjelasan yang terperinci berapa ramaikan usahawan tani yang telah dilahirkan di Negeri Johor dan pecahannya mengikut daerah. Berapa ramai sasaran yang hendak dicapai menjelang 2010 dan apakah insentif dan geran yang disediakan].

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, sehingga tahun 2007, Jabatan Pertanian telah mendaftarkan seramai 45,886 pelanggan yang terlibat dengan aktiviti pertanian secara umum. Daripada jumlah ini, pecahannya mengikut daerah ialah:

i. Batu Pahat 8,723
ii. Johor Bahru, 2,045
iii. Kluang, 6,473
iv. Kota Tinggi, 4,489
v. Mersing, 4,516
vi. Muar, 10,484
vii. Pontian, 5,513 dan
viii. Segamat, 3,643

Dari jumlah itu, seramai 6,423 adalah terlibat dengan sebanyak 465 projek perladangan secara berkelompok. Pecahan bilangan projek berkelompok dan peserta mengikut daerah pula ialah:

i. Batu Pahat, 88 projek dengan 1,592 peserta
ii. Johor Bahru, 14 projek dengan 83 peserta
iii. Kluang, 38 projek dengan 225 peserta
iv. Kota Tinggi, 23 projek dengan 137 peserta
v. Mersing, 54 projek dengan 607 peserta
vi. Muar, 141 projek dengan 2,577 peserta
vii. Pontian, 69 projek dengan 674 peserta dan
viii. Segamat, 38 projek dengan 528 peserta

Selain daripada itu, seramai 113 orang usahawan tani juga telah didaftarkan dengan mengikut daerah:

i. Batu Pahat, 8 orang
ii. Johor Bahru, 5 orang
iii. Kluang, 43 orang
iv. Kota Tinggi, 16 orang
v. Mersing, 6 orang
vi. Muar, 14 orang
vii. Pontian, 8 orang
viii. Segamat, 13 orang

Bilangan usahawan Industri Asas Tani pula ialah seramai 832 dengan pecahan mengikut daerah:

i. Batu Pahat, 168
ii. Johor Bahru, 101
iii. Kluang, 49
iv. Kota Tinggi, 92
v. Mersing, 116
vi. Muar, 186
vii. Pontian, 49 dan
viii. Segamat, 71

Jabatan Pertanian akan terus mengemaskinikan pendaftaran pelanggannya daripada tahun ke setahun dan menjelang 2010, Jabatan Pertanian mensasarkan ke arah menambah bilangan projek kelompok sedia ada kepada 550 projek dengan peserta seramai 7,443 orang dan menambah lagi usahawan tani sebanyak 300 orang. Sebagaimana yang telah dirancangkan dalam RMK-9, insentif dan projek yang akan disediakan melalui program-program adalah seperti berikut:

i. Pembangunan Industri Tanaman, ada 5 pecahan iaitu:
   (a) Pembangunan Sawah Padi.
   (b) Pembangunan Industri Buah-Buahan.
   (c) Pembangunan Industri Sayur-Sayuran.
   (d) Pembangunan Tanaman Industri iaitu kelapa dan kopi dan;
   (e) Pembangunan Tanaman Ladang.
ii. Pembangunan Industri Bunga dan Tanaman Berpotensi, ada dua pecahan iaitu Pembangunan Bunga Komersil dan Pembangunan Tanaman Berpotensi seperti roselle dan cendawan.
iii. Pembangunan usahawan tani, dipecahkan kepada dua iaitu:
   (a) Pembangunan Industri Hiliran dan;
   (b) Latihan Usahawan Tani. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Parit Yaani.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Kita sedia maklum bahawa dunia kita telah mengalami revolusi, mula-mula iaitu revolusi pertanian, kemudian revolusi industri dan seterusnya revolusi servis. Sekarang, kita pusing balik ke revolusi pertanian. Saya ingin nak tahu, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menghadapi cabaran ini, memandangkan keadaan sekarang Institusi Asas Tani kurang dan Institusi Vokasional dan juga Teknikal itu memang banyak. Ni, bagaimana kita nak menghadapi cabaran ini, sekiranya kita tidak *upgrade* anak-anak kita untuk masa depan? Sekian terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Mengenai revolusi pertanian, di Johor memang kita telah membuat pendekatan mengenai revolusi pertanian, sepertimana kerajaan telah membuka ladang di Air Hitam dengan satu konsep pertanian moden. Dan, ini satu pendekatan yang terbaik di dalam negara dan ianya berada di Negeri Johor. Dengan pendekatan pertanian moden ini, kerajaan memberi bantuan begitu banyak mengenai pembangunan infrastruktur dan juga pembangunan teknologi. Dan, kebanyakan pertanian moden ini menggunakan teknologi terkini. Dan kedua, kerajaan juga telah membuka sebuah lembah, Lembah Makanan di Sedili sebanyak 10,000 ekar. Dan, ini dikendalikan oleh Johor Bio Tech yang menggunakan revolusi pertanian yang terbaru. Dan, Kerajaan Negeri Johor merupakan salah satu pelopor kepada revolusi pertanian.

Y.B. Dato' Speaker : Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui, adakah *task force* diadakan untuk

memantau projek, supaya peruntukan-peruntukan yang diberi tidak disalahgunakan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Pemantauan projek ini memang ada dilaksanakan di Jabatan Pertanian. Dan, projek-projek ini terbahagi kepada beberapa jabatan seperti saya katakan, sebagai contoh, mekanisasi diserahkan kepada LPP untuk melaksanakan dengan pemantauan oleh Jabatan Pertanian. Dan, di dalam Jabatan Pertanian kita mempunyai pegawai-pegawai yang cukup untuk memantau dan malah pihak Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan juga boleh membantu pemantauan ini sekiranya ada maklumat-maklumat yang menyeleweng.

Y.B. Dato' Speaker : Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya adalah, berapa peratus tanah tani di Negeri Johor terbiar dan apa usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk memajukan lagi tanah-tanah tani yang terbiar? Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ada *figure*? Saya ingat dia tak ada *figure*, dia soal pun lari daripada jumlah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Ini soalan lari daripada asal.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah. Yang Berhormat Datuk Dr. Adham bin Baba, jemput.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 6. [Minta Kerajaan Negeri menyatakan di dalam Iskandar Malaysia apakah corak bekerja yang diamalkan di kalangan pemberi manfaat ini agar ianya menjadi kenyataan seperti yang diimpikan.]

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Cheong Chin Liang, jemput.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 7. [Impak Pembangunan Zon WPI. Sejauh manakah lima Zon Ekonomi Utama Wilayah Pembangunan Iskandar memberi impak pembangunan secara keseluruhan setelah kelompok industri utama, kelompok asas dan industri sokongan dalam menjana pertumbuhan ekonomi bagi Negeri Johor?]

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 8 dan 9. [Sejak Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) yang kini dikenali sebagai Iskandar Malaysia dilancarkan November lalu, pelbagai seminar, konvensyen dan penerangan diadakan bagi memberikan penjelasan kepada masyarakat faedah yang bakal diperolehi daripada projek mega ini. Soalannya; (a) Bagaimanakah status penyertaan syarikat-syarikat

berkaitan kerajaan (GLC) seperti Lembaga Tabung Haji, UDA dan lain-lain? Juga penglibatan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri seperti YPJ, Perbadanan Ekonomi Islam Negeri Johor dan lain-lain. (b) Bagaimana statistik penyertaan Industri Kecil Sederhana (IKS) tempatan dalam Iskandar Malaysia dan apakah insentif yang diberikan oleh IRDA dan Iskandar Investment Berhad? (c) Apakah statistik penglibatan perunding dan profesional tempatan (bumiputera) dalam Iskandar Malaysia? Ini berikutan kebanyakannya dimonopoli syarikat luar. (d) Bagaimanakah kaedah yang dilaksanakan oleh IRDA dan Iskandar Investment Berhad terhadap pembangunan di kawasan yang melibatkan orang Melayu termasuk pemindahan semula penduduk bagi memastikan geopolitik terpelihara?]

[Kewujudan Projek Mega Iskandar Malaysia telah mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak kepada penduduk tempatan. Soalannya; (a) Adakah IRDA dan Iskandar Investment Berhad merujuk kepada pemimpin tempatan dalam penyediaan tenaga kerja termasuk graduan tempatan? Dahulu Khazanah dan SJIC menyatakan akan merujuk kepada *data base* yang akan dibekalkan oleh ADUN Barisan Nasional untuk tenaga kerja di Iskandar Malaysia. (b) Apakah bentuk kemahiran yang diperlukan untuk pembangunan Iskandar Malaysia? Sila senaraikan bentuk kemahiran tersebut dan keperluan tenaga kerja yang diperlukan. (c) Berapa banyakkah tenaga kerja setahun yang mampu dihasilkan oleh institusi latihan berikut; (i) Politeknik Pasir Gudang (ii) Akademi Binaan Malaysia (iii) Institut Kemahiran Belia Negara (iv) Institut Latihan Perindustrian (v) Institut Kemahiran MARA (vi) Kolej Komuniti (vii) Pusat Giat MARA. Dalam memenuhi permintaan guna tenaga kerja yang disediakan oleh Iskandar Malaysia.]

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, jemput.

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 10. [Minta dinyatakan apakah kaedah yang diambil oleh kerajaan apabila WPI dibangunkan sepenuhnya melalui pelaburan luar negara untuk menjaga kepentingan bumiputera dari segi pegangan ekuiti].

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Mok Chek Hou, jemput.

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 11. [Berhubung dengan Iskandar Malaysia, setakat ini berapa jumlah modal pelaburan telah dilaburkan di Iskandar Malaysia? Di antara jumlah modal pelaburan yang telah dilabur itu berapa peratus adalah modal asing dan berapa peratus adalah modal tempatan?]

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh, jemput.

Y.B. Dr. Hj. Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 12. [Iskandar Malaysia. (a) Berapa banyak pelaburan yang telah diterima untuk projek Iskandar Malaysia (WPI) dan pecahan mengikut Negara? (b) Berapa luas tanah telah diambil oleh pelabur dan apakah projek-projek yang telah dan sedang dijalankan? (c) Nyatakan status tanah projek Iskandar Malaysia.]

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya untuk menjawab bersekali soalan-soalan nombor 6, 7, 8, 9, 10, 11...

Y.B. Dato' Speaker : Dan 12.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Dan 12. 7 soalan dan 7 Ahli-Ahli Yang Berhormat telah pun membangkitkan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan Iskandar Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, latar belakang kepada Iskandar Malaysia seperti Yang Berhormat pernah dengar, mencakupi kawasan pembangunan seluas 2,217 kilometer persegi. Dan, kita bayangkan dia merangkumi daripada Pasir Gudang ke Johor Bahru dan Johor Bahru Tengah, Kulai hingga sebahagian daripada daerah Kluang, daerah Pontian.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, bahawa pembangunan seluas ini, merangkumi lima zon ekonomi yang digunakan, menggunakan istilah dengan izin, *flag ship zone*:

i. Di pusat bandar Johor Bahru itu sendiri.
ii. Di kawasan Nusajaya,
iii. Pembangunan di sebelah barat iaitu di sekitar Pelabuhan Tanjung Pelepas.
iv. Dan di sebelah timur pula ialah pembangunan di kawasan yang baru, *A Green Field*, dengan izin, dan juga Pasir Gudang.
v. Di sebelah utara iaitu yang merangkumi kawasan Senai, di mana terletaknya satu pusat pertumbuhan ekonomi di Lapangan Terbang Sultan Ismail dan juga Kulai.

Pada dasarnya ekonomi utama yang terdapat dalam setiap zon kecuali di pusat bandar Johor Bahru terdiri daripada kelompok-kelompok industri utama juga asas dan sokongan yang sedia ada. Dan, termasuk yang juga, sudah pun sekian lama menjana ekonomi di selatan Johor.

Dan, di setiap zon ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, wujud dengan izin, *cluster economy,* yang baru seperti industri, industri kreatif, industri logistik, kewangan, pelancongan, kesihatan dan juga pendidikan. Dan, selain daripada itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita juga mempunyai satu *cluster* yang sememangnya wujud di Negeri Johor ini iaitu *cluster* dalam bidang pembuatan dan juga dalam bidang pertanian. Dan, sejak tiga tahun kebelakangan ini, Dato' Speaker, kita menerima pelaburan modal asing di antara yang tertinggi di Malaysia. Bahkan tiga tahun berturut-turut kita menjadi destinasi boleh dikatakan lebih kurang 27 peratus daripada *FDI* dalam bidang pembuatan, yang datang ke Malaysia memilih selatan Johor, destinasi pelaburan mereka.

Dan, selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Speaker, kita juga menyambut satu seruan terkini iaitu meningkatkan keperluan makanan di mana kita telah memperuntukkan 10,000 kawasan baru di tengah-tengah Johor iaitu di Ayer Hitam dan 10,000 yang baru akan dibangunkan tetapi lebih mirip kepada pengeluaran makanan secara organik di di daerah Kota Tinggi. Jadi, itu adalah *cluster cluster* yang diberikan penekanan dalam pembangunan dan pertumbuhan dan pelaburan yang akan berlaku di Iskandar Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya ingin merujuk kepada pelaburan yang telah pun sampai, yang telah pun dirakamkan dalam bentuk komitmen sejak penubuhan Iskandar ini dan di peringkat perancangan terakhir dan kita yakin bahawa perancangan terakhir itu dalam bentuk *cluster* yang saya sebutkan tadi dan kerja-kerja tanah akan bermula sebelum akhir tahun ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sempena dengan komitmen yang telah pun dilaporkan sejak penubuhan ialah sasaran asal pelaburan di Iskandar adalah sebanyak RM47 bilion daripada tahun 2006 hingga 2010. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, 70 peratus daripadanya telah pun tercapai. Ini bermakna RM33 bilion telah pun diputuskan oleh beberapa pelabur. Oleh yang demikian dan untuk makluman Dewan ini juga, bahawa 56 peratus daripada pelaburan tersebut datangnya daripada modal asing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin juga saya maklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah pun memberikan peruntukan lebih kurang RM2.5 bilion untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur dan RM2.5 bilion itu sedang pun dilaksanakan dan seboleh dikatakan 100 peratus RM2.5 bilion itu adalah telah pun, sedang ditawarkan dengan tawaran tender terbuka untuk pelaksanaan dan sebahagian daripadanya Yang Berhormat Dato' Speaker, diperuntukkan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera itu pun juga ditawarkan secara terbuka kepada kontraktor bumiputera tempatan yang lain adalah kerja-kerja pelaksanaan infrastruktur untuk dibuat tawaran secara terbuka kepada kontraktor tempatan dan juga di seluruh negara. Ini pendekatan yang kita ambil.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin juga saya maklumkan bahawa dari segi minat syarikat untuk melabur adalah banyak, tidak berhenti menerima kunjungan daripada syarikat-syarikat di peringkat negara dan juga di peringkat antarabangsa. Sama ada daripada timur tengah ataupun daripada Eropah ataupun daripada Jepun termasuk juga di peringkat rantau kita ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujuk kepada kepentingan bumiputera di peringkat awal ini, ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa kepentingan bumiputera hingga kini adalah melalui Syarikat Iskandar Investment Berhad yang dimiliki oleh Khazanah Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor. Sementara itu pula Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada syarikat ini, kalau hendak kata bahawa kalau kita ambil kira kepentingan Khazanah, kepentingan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, dia adalah dalam bentuk pegangan GLC di Iskandar Malaysia ini. Selain daripada itu, kepentingan bumiputera juga akan dimuatkan melalui penyertaan oleh syarikat-syarikat seperti UDA dan Johor Corporation dan syarikat yang dimiliki oleh pihak PNB seperti Pelangi Berhad.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau saya merujuk kepada UDA sebagai contoh, bahawa UDA mempunyai beberapa projek pembangunan di Iskandar Malaysia ini termasuk juga Pelangi, iaitu anak syarikat PNB yang juga ada kepentingan dalam pembangunan di Iskandar Malaysia.

Seterusnya saya juga ingin merujuk kepada soal tanah di Iskandar Malaysia ini. Yang Berhormat Dato' Speaker supaya dapat, Ahli Yang Berhormat dapat gambaran tentang kedudukan tanah. Ingin saya maklumkan bahawa pihak Kerajaan Negeri dan juga IRDA menggalakkan pelaburan hartanah tetapi dalam bentuk pajakan sama ada pajakan utama ataupun pajakan kecil. Di mana pemilikan asal oleh warga ataupun syarikat tempatan masih dikekalkan dan ini, kaedah ini dibenarkan mengikut Kanun Tanah Negara bahawa pajakan atau pajakan kecil tidak akan menjejaskan pemilikan asal kerana pajakan-pajakan tersebut mempunyai tempoh yang tertentu dan selepas tamat pajakan pemilikan akan kembali kepada pemilik asal. Dan di Iskandar Malaysia ini, ada ada, sekatan kepentingan bahawa tanah tersebut tidak boleh dipindah milik atau dijual tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. Dan kalau saya hendak merujuk kepada kes yang khusus iaitu di kawasan yang digelar Node 1, satu kawasan keluasan 2,230 ekar di mana akan dimajukan rata-rata sebahagian besarnya daripada pelaburan asing di mana banyak kelonggaran-kelonggaran telah pun diberikan di Node 1 ini tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini bahawa tanah itu pun ada pajakan pada paras 99 tahun kerana kesemuanya tanah ini masih lagi dipegang oleh Iskandar Investment Berhad yang dimiliki bersama oleh kepentingan-kepentingan yang saya sebutkan sebentar tadi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ada soalan yang berkaitan dengan peranan pihak perunding tempatan dan profesional tempatan. Yang Berhormat Dato' Speaker, kita di peringkat awal untuk meletakkan *comprehensive plan* di kawasan-kawasan yang baru ini iaitu di *green field* dengan izin, oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, peranan perunding dan profesional tempatan belum lagi dapat kita perincikan. Walaupun begitu ingin saya jelaskan di Dewan yang mulia ini, pembangunan di Pusat Pentadbiran Baru Kerajaan Johor untuk makluman, rata-rata Yang Berhormat Dato' Speaker dengan bangganya saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini sama ada arkiteknya, juruteranya, *quantity surveyor*nya, rata-rata datang daripada profesional tempatan, lebih-lebih lagi mereka yang ada, ada di Johor ini. Itu satu bukti yang paling jelas di mana kita berjaya membawa profesional dan perunding tempatan untuk bersama-sama dalam pembangunan yang berlaku di Iskandar ini. Ada contoh yang, ada presiden yang terbaik kerana kita juga mempunyai keyakinan terhadap kemampuan dan keupayaan profesional dan juru perunding tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin saya maklumkan juga bahawa banyak pihak yang menyimpan rasa bimbang tentang kemungkinan masyarakat tempatan akan rasa terpinggir. Yang Berhormat Dato' Speaker, di Iskandar ini, kita mempunyai kawasan *green field* dengan izin, maknanya kawasan baru yang belum lagi dibangunkan tetapi kita juga mempunyai kawasan yang lama *the brown field* dengan izin. Oleh itu ingin saya memberi pengakuan di sini bahawa walaupun di kawasan-kawasan yang telah pun sedia ada maka kita sedang pun merancang untuk membawa pembangunan-pembangunan di kawasan-kawasan yang berkenaan. Ada rancangan untuk pembangunan semula supaya masyarakat tempatan dapat hidup dengan lebih selesa lagi melalui kemudahan-kemudahan yang dapat dibangunkan dan perumahan-perumahan baru yang agak lebih selesa di kawasan-kawasan yang lama.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin merujuk juga kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan masyarakat yang menumpang di tanah-tanah Kerajaan di Iskandar Malaysia ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, ini adalah satu tanggungjawab bahkan kita terima sebagai juga, sebagai satu cabaran bahawa masyarakat setinggan kita kena terima hakikat bahawa Yang Berhormat Dato' Speaker, sebahagian daripada mereka adalah bukan tanah mereka kalau ada tanah persendirian yang diperlukan untuk pembangunan maka Yang Berhormat Dato' Speaker, sehingga kini belum ada lagi. Dan, kalau ada di antara masyarakat tempatan yang mana tanah mereka perlu diambil untuk melaksanakan projek-projek infrastruktur, saya ingin memberi jaminan di sini bahawa mereka akan dipertimbangkan dengan pampasan yang sewajarnya tetapi sebahagian besar masyarakat tempatan yang perlu mendapat pembelaan ialah masyarakat yang menumpang di tanah-tanah kerajaan di sana sini. Oleh itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin memberi jaminan di sini bahawa kerajaan khususnya sedang pun merangka masyarakat demi masyarakat yang menumpang ini, Dato' Speaker, saya tidak, saya tidak mudah menggunakan perkataan setinggan, saya gunakan masyarakat yang menumpang di tanah kerajaan. Untuk kita menempatkan mereka semula di Iskandar Malaysia ini. Dan juga mengambil kira tentang perlunya pertimbangan juga politik dan geopolitik dari segi integrasi sosial.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai soalan yang berkaitan dengan tenaga manusia yang akan dibekalkan yang akan diperlukan. Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita sudah pun merangka satu *action plan*, untuk pembangunan modal insan yang diperlukan oleh Iskandar Malaysia. Bahkan pada minggu lalu saya bersama-sama, kalau tak salah saya, 12 Kementerian-Kementerian di Kuala Lumpur, saya menjemput 12 Kementerian yang diwakili oleh Ketua Setiausaha masing-masing sempena dengan persetujuan Yang Berhormat Menteri-Menteri di 12 Kementerian untuk IRDA membuat satu perancangan dan juga *action plan* untuk memastikan bahawa kita akan dapat membekalkan keperluan tenaga manusia sempena dengan pelaburan-pelaburan yang akan berlangsung di Iskandar Malaysia ini.

Kita mempunyai kelebihan kerana kita boleh menjangkakan apakah jenis pelaburannya dan impaknya terhadap keperluan tenaga manusia dan kita mendapat kerjasama daripada Kementerian-Kementerian yang berkenaan yang ada kaitannya dari segi bekalan dan latihan tenaga manusia, dan juga kepelbagaian kemahiran dan kepakaran yang diperlukan. Jadi oleh yang demikian Yang Berhormat Dato' Speaker, alhamdulillahlah kira kami bersetuju untuk melihat secara khusus mengenai keperluan Iskandar ini *in anticipation* dengan izin, pelaburan yang akan sampai dan juga bekalan tenaga manusia melalui sumber-sumber, institusi-institusi yang ada, walaupun kita menerima hakikat bahawa kita memberikan keutamaan institusi yang ada di Negeri Johor ini seperti UTM dan Universiti Kuala Lumpur dan juga Komuniti Kolej yang ada ILP dan seterusnya yang ada di Johor ini. Tetapi kita bersetuju juga bahawa jika sekiranya kepelbagaian itu tidak dapat dipenuhi daripada sumber-sumber institusi latihan di peringkat tertinggi ataupun di peringkat diploma ataupun di peringkat *certificate* tidak memadai daripada apa yang ada daripada Negeri Johor ini. Kita akan bersama-sama dengan pihak Kementerian-Kementerian

berkenaan untuk bersama-sama dengan universiti dan juga untuk institut yang lain yang ada di peringkat negara.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya percaya bahawa di antara penyertaan yang bermakna, selain daripada pelaburan yang datangnya daripada sumber tempatan untuk menyertai dalam proses pertumbuhan ekonomi di Iskandar ini ialah penyertaan dari segi tenaga manusia tempatan. Lebih-lebih lagi bila peluang pekerjaan yang akan wujud di Iskandar ini ialah jenis pekerjaan yang mana nilai tambahnya dari segi kemahiran ada pada paras yang agak lebih tinggi sempena dengan pelaburan yang berbagai dalam bidang perkhidmatan khususnya. Termasuk juga pelaburan yang sejak kebelakangan ini di sektor pembuatan yang merupakan *technology intensive* dengan izin yang juga *capital intensive* dengan izin yang memerlukan kepakaran yang lebih tinggi lagi dikalangan anak Malaysia.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai IKS yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin menjelaskan di sini bahawa, kalau kita melihatkan IKS merangkumi kontraktor-kontraktor tempatan kecil, sederhana, termasuk juga pengusaha-pengusaha, peniaga-peniaga di peringkat IKS, maka yang Yang Berhormat Dato' Speaker, saya yakin bahawa kesan limpahan dan kesan pengganda, kesan *multiplier* dengan izin, sempena dengan pelaburan tersebut dia akan membawa bersama. Akan mewujudkan impak dan arus yang kuat untuk penyertaan daripada IKS, sama ada dari segi bekalan keperluan-keperluan bekalan barangan yang diperlukan dan juga keperluan-keperluan perkhidmatan dan *services* yang diperlukan sempena dengan pelaburan yang berlaku di Iskandar ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya harap saya, saya dapat menyentuh rata-rata soalan-soalan yang dibangkitkan oleh tujuh Ahli-Ahli Yang Berhormat tersenarai dalam soalan yang di bawah Iskandar Malaysia ni.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Machap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Ok, terima kasih Dato' Speaker, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Amat Berhormat tadi, kita untuk pelaburan daripada 2006 sampai 2010 kita jangkakan bahawa lebih kurang RM47 bilion akan masuk di kawasan WPI ini. Yang mana sampai kini kita dah tercapai 70 peratus, yang mana jumlahnya lebih kurang RM33 bilion. Yang mana 56 peratus dari jumlah ini adalah terdiri daripada pelabur-pelabur asing. Saya difahamkan bahawa untuk kita hendak menarik pelabur daripada asing datang di WPI ini kita bagi macam-macam insentif, yang mana termasuk kita tak mengenakan cukai pendapatan dan kita wujudkan satu tabung yang dikatakan Tabung Dana Sosial. Jadi saya ingin tahu ke arah ini, sampai kini apakah perundingan-perundingan yang dijalankan untuk bila kita dapat dana sosial nanti untuk pengagihan. Apakah bentuk pengagihan yang dirancang dan berapakah yang Negeri Johor akan dapat, kemudian apa ni, pengagihan itu saya nak tahulah. Jadi, sejauh mana perundingan itu dah di perundingkan, dan sampai sekarang berapa banyak yang kita dah dapat, terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin membuat penjelasan mengenai kelonggaran yang dirujuk oleh Yang Berhormat daripada Machap tadi. Kelonggaran sama ada dari segi cukai korporat yang dilonggarkan untuk 10 tahun, kelonggaran dalam bentuk boleh mendapatkan modal daripada luar negara, dalam negara. Kelonggaran dalam bentuk pekerja, pekerja *knowledge workers* dengan izin yang dilonggarkan. Apa lagi, kelonggaran yang diberikan, dari segi ekuiti yang dilonggarkan, hanya di lokasi 2,000 ekar ini sahaja. Itu kita kena jelas, hanya di lokasi kalau sekiranya pelaburan terletak di lokasi 2,000 ekar ini. Walhal Iskandar ini seluas 2,000 kilometer persegi, itu satu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun begitu dalam akta Iskandar Malaysia ini ada satu peruntukan yang dinamakan *social fund.* Jadi *social fund* ini adalah dijangkakan sumbangannya datang daripada sama ada Kerajaan Malaysia, daripada Kerajaan Negeri ataupun daripada pelaburan yang berlaku di Iskandar ini. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau boleh saya sebutkan bahawa walaupun ada kelonggarannya tetapi ada juga ruangnya untuk mereka memberikan sumbangan untuk disalurkan kepada *social fund*. Jadi, sempena dengan perbincangan yang sudah pun dapat dibuat hingga kini. Maka *social fund* yang akan diisi ini pada peringkat awalnya adalah dekat-dekat RM50 juta. Jadi, berdasarkan kepada persetujuan secara *voluntary* dengan izin, pelabur-pelabur ini, kerana mereka tahu mereka menikmati kelonggaran-kelonggaran. Dan oleh yang demikian mereka bersetuju untuk memberikan, menyalurkan peruntukan melalui *social fund* ini. Dan *social fund* ini saya harap Ahli-Ahli Yang Berhormat agak terbuka sedikit dari segi tanggapan bahawa *all this will be above board* dengan izin. Dan *social fund* ini Yang Berhormat Dato' Speaker, itu saya katakan tadi bahawa pembangunan yang berlaku di Iskandar ini termasuk pembangunan di kawasan yang sudah pun sedia ada *the brown field area.* Jadi, *the brown field* ini, kawasan-kawasan ada ini bermacam-macam rupa bentuknya Dato' Speaker, dari segi sama ada masyarakat yang menumpang di tanah kerajaan. Masyarakat yang ada hak milik tetapi pembangunan tidak begitu teratur dan ini adalah di antara sasaran yang boleh mendapat peruntukan daripada sumber *social fund* ini.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya sudah pun ada perbincangan dengan pihak pelabur untuk kita merumuskan dari segi caranya untuk mengisi *social fund* ini. Tetapi memang ada dalam enakmen kewujudan *sosial fund* ini. Dan saya memberi jaminan bahawa ianya will be above board, cara ianya disalurkan, jumlahnya dan penggunaannya. Cara ianya disalurkan, jumlahnya dan penggunaannya.

Y.B. Dato Speaker : Sungai Abong.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih. Soalan tambahan saya, sememangnya kita rakyat Negeri Johor seharusnya merasa bimbang tentang satu projek yang begitu mega yang melibatkan banyak tanah-tanah dan sebagainya. Sebagaimana yang saya difahamkan bahawa pakej insentif dan sokongan yang diberikan kepada pelabur-pelabur terlalu sangat menguntungkan pelabur-pelabur asing. Soalan saya di sini, ada berapa permintaan daripada Kerajaan Singapura tentang

penggunaan *smart card* ataupun kad-kad pintar, untuk pekerja-pekerja rakyat Singapura supaya senang masuk keluar Iskandar. Dan juga permintaan Singapura tentang penggunaan *water taxi* dengan ini, sebagai laluan alternatif ke Wilayah Iskandar ini. Maka apakah pendirian Kerajaan Negeri Johor terhadap permintaan-permintaan Negara Singapura ini, terima kasih.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dah katakan tadi bahawa dari segi polisi dan amalan kerajaan terhadap tanah ini, dia dalam bentuk pajakan. Negeri Johor ini mengamalkan pajakan sama ada pajakannya ialah 30 tahun, 60 tahun ataupun 99 tahun. Ada setengah lagi Yang Berhormat Dato' Speaker nak beri sampai agaknya.

Y.B. Dato' Speaker : Kiamat.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Ada bulan dan bintang kepada pemilik tanah. Jadi pendekatan itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, rasa saya dia akan menidakkan generasi akan datang dalam negeri berkenaan daripada hasil yang boleh datang daripada negeri itu sendiri. Dan, tidak mustahil Dato' Speaker, kalau hak milik tanah diserahkan kepada pemilik, sampai bulan dan bintang, selagi ada bulan dan bintang, bermakna negeri itu akan menidakkan hasil untuk keperluan mereka. (Dewan bertepuk)

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, di Negeri Johor ini kita kata 30, 60, 99. Dan, kita kata bahawa kalau mereka setuju untuk memperbaharui, kita kata, kalau tempoh pajakan sudah pun nak luput, 30 ok, masih ada lagi belum luput tapi, dia kata dia nak baharui, kita izinkan, boleh diperbaharui untuk menjadikan 60. Jadi, dan pembaharuan itu pula kita buat secara *automatic* dengan izin. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, maka di Iskandar ini ialah 99 tahun, masih lagi hak kerajaan, itu yang pertama.

Keduanya, saya ingin menjelaskan di sini bahawa, kalau ada pun rintihan-rintihan yang kita dengar Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai soal tanah ini, yang diambil, ialah sebenarnya tanah kerajaan. Mereka ini ialah yang menumpang. Hingga hari ini Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang diambil oleh kerajaan ialah lebih kurang, kalau tak salah saya 20 tahun yang lalu, bila Kerajaan Malaysia nak membina *link* kedua, Jambatan Kedua. Nak membina Jambatan Kedua, maka di antara yang diambil kira ialah dengan pembangunan, pembiayaan pembangunan yang boleh dilaksanakan di satu kawasan di mana terletaknya *link* kedua, iaitu kawasan yang boleh kita rumuskan dalam lingkungan kawasan Nusajaya dan tanah-tanah tersebut rata-rata adalah tanah perladangan, Dato' Speaker. Kalau ada pun ialah tanah orang tempatan, tanah FELCRA dan rata-rata Yang Berhormat Dato' Speaker, pampasan dah diberi. Ada di antara mereka yang memiliki tanah, bahkan dibayar pampasan dalam bentuk wang tunai, dibayar pampasan dalam bentuk rumah banglo lagi Yang Berhormat Dato' Speaker, dibayar pampasan dalam bentuk saham. Kalau tak salah saya, 3 peratus daripada hak milik daripada 20 peratus Kerajaan Negeri, 3 peratus adalah untuk orang tempatan, dah diberikan bayaran pampasan itu Dato' Speaker. Jadi, oleh demikian, saya berkata di sini bahawa, kalau ada pun tanah yang diambil itu adalah tanah kerajaan. Maka kita beri pampasan kepada mereka yang menumpang tadi

dalam bentuk, bahkan kita merancang sebegitu rupa pembangunan untuk mereka berlaku di situ juga, *in situ Development.*

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, ada berkata bahawa Iskandar ini akan dikuasai oleh pihak-pihak asing, pihak tertentu. Saya nak tanya Yang Berhormat Dato' Speaker, kelonggaran yang berlaku yang diberi kepada Iskandar Yang Berhormat Dato' Speaker, kelonggaran yang diberi di Cyberjaya, kelonggaran yang diberi serupa di Langkawi dan kelonggaran yang diberi di, dah dekat 40 tahun yang lalu dalam bentuk *minor status* untuk, untuk sektor perkilangan. Sekadar kali ini kelonggaran itu diberi untuk sektor perkhidmatan. *So*, bahkan negara kita ini Yang Berhormat Dato' Speaker, telah dibangunkan melalui pelaburan asing. Kita jangan menafikan bahawa pertumbuhan ekonomi di negara kita ini, kalau kita fahamlah dari segi sejarah *economic growth* dengan izin, *of this country* Dato' Speaker, ialah datangnya dari 2 sumber. Simpanan oleh rakyat Malaysia, pelaburan yang dibuat oleh Syarikat Malaysia dan pelaburan yang datang daripada luar negara. Kita menggunakan satu dasar yang agak terbuka di antara kelebihan yang ada dalam Dasar Kerajaan Malaysia ialah Dasar Ekonomi yang amat tepat, sehinggakan kita menikmati pertumbuhan secara berterusan sepanjang 40 tahun ini. Jadi, kalau dalam bidang perkilangan, kelonggaran itu dah diberi dah, *in the form of* dengan izin, *all these minor status* yang tidak ada cukai 10 tahun berturut-turut. Jadi, kali ini mungkin orang terbuka, terbuka mata lebar sedikit, luas sedikit kerana dia tertumpu kepada satu kawasan tertentu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujuk kepada, kalau ada negara yang dekat dengan kita, ingin saya maklumkan pada hari ini, sampai hari ini tidak ada, tidak ada pelaburan datang daripada negara yang berkenaan dan kita masih lagi mempunyai cukup pelaburan yang datang daripada merata dunia untuk, untuk Iskandar ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin saya jelaskan di sini bahawa, kalau Yang Berhormat dapat memahami, apa berlaku dalam dunia sekarang dari segi pertumbuhan ekonomi? Yang Berhormat Dato' Speaker, di mana, di benua mana pun berlaku, pertumbuhan, dia berlaku dalam konteks serantau Dato' Speaker. Dia tumbuh dalam konteks koridor, tak kira di Negeri China, seluas-luas Negeri China itu, pertumbuhan ekonomi terletak di koridor-koridor yang tertentu. Begitu juga di Eropah, bahkan di Australia dan di Amerika. *It is on certain corridors,* negara-negara yang berkenaan. Jadi, kita kebetulan Yang Berhormat Dato' Speaker, mempunyai satu *corridor* dengan izin, yang amat sesuai untuk menjadi satu hub pertumbuhan ekonomi. Pilih yang mana satu koridor. Saya boleh berkata di Dewan yang mulia ini, di Malaysia, mana satu koridor Yang Berhormat Dato' Speker dengan izin, *poise* untuk tumbuh dalam bidang ekonomi di Iskandar. (Dewan bertepuk) Jadi, walaupun dikenal pasti Cyberjaya dengan kelonggaran yang tidak terhingga diberikan di Cyberjaya, kelonggaran di apa tu di, Iskandar ini, serupa dengan apa yang diberikan di Cyberjaya ataupun di Pulau Langkawi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai *SMART Card,* Yang Berhormat Dato' Speaker, kita mempunyai kalau tak salah 60,000, 80,000 pekerja Malaysia pergi ke Singapura tiap-tiap hari. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, ini mungkin satu cara untuk memudahkan perjalanan mereka. Kalau ada rakyat Malaysia

nak terus bekerja di Singapura, kita tak ada halangan. Tetapi Yang Berhormat Dato' Speaker, *SMART Card* ini, kalau kita kira dia adalah untuk, kita tak boleh nafikan bahawa bila kita hidup berjiran ini, maka satu yang diperlukan ialah supaya perhubungan itu dimudahkan. Jadi, saya, oleh yang demikian, *water taxi* kita ada kelebihan di Selatan Semenanjung ini satu perairan, mana satu negeri dalam Malaysia ini air kiri, air kanan, air di Selatan. Tapi, malang kita disekat oleh *Causeway*. Tapi kalau kita, kita terima bekas Perdana Menteri Negara jiran berkata, *Causeway* boleh dibuka pada tahun 2008, sepatut dah buka dah. Nak dengar cerita bekas Perdana Menteri Negara yang berkenaan. Jadi, tak apalah, jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya memudahkan perjalanan ini ada muslihat dia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau nak kira kita boleh ambillah Iskandar Malaysia ini, tidak boleh lagi diiktiraf sebagai yang telah diiktiraf oleh pihak negara jiran sebagai daratan mereka. Sebenarnya, Johor ini pernah diiktiraf sebagai daratan dalam istilah Inggerisnya *Hinterland* untuk mereka, pernah diiktiraf sedemikian. Tetapi, sebenarnya, Iskandar terbukti seperti Tanjung Pelepas bukan lagi daratan, bukan lagi *Hinterland*. Kalau nak kira mungkin boleh kita, lebih rela untuk dia kata mungkin *complement* tetapi, sudah mula menjadi saingan, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin merumuskan berkata bahawa kalau ada pihak yang menyimpan rasa bimbang terhadap penyertaan ataupun peranan negara jiran terhadap Iskandar ini, maka saya lebih, lebih cenderung untuk merumuskan bahawa Iskandar adalah saingan kepada mereka. (Dewan bertepuk)

Y.B. Dato' Speaker : Ok, habis ya, masa. Ahli Yang Berhormat, mana soalan-soalan yang tak dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam persidangan ini jua.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli Yang Berhormat, perbahasan itu disambung semula, jemput.

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Salam sejahtera Yang berhormat Dato' Speaker. Terima kasih kerana memberi saya semula untuk berucap. Saya kira hari ini masuklah 96 jam, lagi setengah jam tepat pukul 12:00 cukup 96 jam saya bercakap. Apa pun, saya ucapkan tahniah dan saya amat berbangga mempunyai seorang Menteri Besar yang berani menerangkan tentang isu-isu daerah Pembangunan Iskandar demi untuk rakyat Johor. Ini jelas bahawa bagi kita, Kerajaan Barisan Nasional komited dalam membangunkan rakyat serta memastikan rakyat hidup dalam keadaan yang sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam kita membangunkan negara kita, khususnya di Negeri Johor ini, banyak diperkatakan bahawa isu keselamatan memainkan peranan yang penting dalam menjamin agar pelabur datang ke dalam negara kita dalam keadaan yang selamat. Dan, baru-baru ini disebut bahawa isu jenayah yang meningkat disebabkan oleh kenaikan harga minyak, kemungkinan. Ini berita yang kita dengar. Tetapi, mungkin kerana sikap rompak itu sendiri atau penjenayah itu sendiri ataupun mungkin sikap rakyat itu sendiri yang lebih mengutamakan bahawa mencari sumber pendapatan dengan cara yang mudah tanpa memikirkan keselamatan dan hal-hal masyarakat sekeliling. Dan yang jelas, kita diberitahu bahawa pada peringkat awal bahawa penambahan keanggotaan Pegawai Polis atau anggota Polis sejumlah 7,000 dan kemudian diumumkan pengambilan baru sebanyak 6,000 orang anggota.

Di Johor sendiri bahawa pada, kalau tak silap saya 2 tahun atau setahun yang lepas, kita akan ditambah sebanyak 3,000 orang. Saya cuma nak tahu, adakah telah diisi kekosongan anggota-anggota Polis seperti mana yang telah dinyatakan oleh pihak kerajaan? Begitu juga kalau kita lihat bagaimana pendekatan yang diambil oleh pembangkang. Menceritakan tentang keselamatan, dia ambil kesempatan untuk mencari populariti, datang ke rumah Menteri Besar, buat piket, buat demonstrasi dengan isu supaya memberi sokongan kepada mereka, tetapi mereka lupa bahawa isu keselamatan adalah isu secara bersama. Dan kalau kita lihat bagaimana kerajaan merangka satu program Rukun Tetangga, sepatutnya Rukun Tetangga ini satu perkara yang baik dihadiri oleh segenap lapisan masyarakat. Kalau mungkin 20 tahun yang lepas, Rukun Tetangga diadakan di kawasan-kawasan kampung dan di taman-taman, bandar-bandar, dihadiri oleh segenap lapisan masyarakat.

Saya nak tanya dengan demonstrasi yang dibuat, adakah pihak pembangkang bersedia untuk bersama-sama mengawal keselamatan rakyat melalui Program Rukun Tetangga. Mungkin mereka kata tak payah kerana ini program Kerajaan Barisan Nasional. Tapi kalau kita fikirkan bahawa ini adalah keperluan secara bersama. Saya mengambil contoh Yang Berhormat Dato' Speaker, ada berlaku pada diri saya, sedang saya duduk minum seorang, mungkin peragut, datang ambil *hand phone* saya. Bila ambil *hand phone,* secara spontan saya kejar. Saya kejar, saya lupa yang saya ni Wakil Rakyat, sebab saya geram, saya nak buktikan kepada pembangkang bahawa rakyat juga harus bekerjasama dalam membanteras jenayah. Ha.. bila peragut ni selalunya menyebabkan kematian dan sebagainya. Tapi bila berlaku saya dapat tangkap perompak, penjenayah tersebut, bila saya dapat tangkap, masyarakat sekeliling hanya melihat, hanya menunggu dan tidak membantu, maka rakannya datang kepada saya, ambil helmet, dia pukul helmet dengan kepala saya, saya elak, kena bahu terlepas rakan mereka. Dan saya pergi membuat laporan di Balai Polis Johor Jaya. Di Balai Polis Johor Jaya hanya ada empat anggota yang mengawal menjaga 24 jam. Sebab tu saya tanya tadi, sudah diisikah anggota-anggota Polis yang dikatakan kurang dan kita mengucapkan tahniah kepada PDRM kerana baru-baru ini telah menerima sebanyak 120 unit kenderaan untuk *IO*, Pegawai Penyiasat. Jadi ini melambangkan bahawa setiap kali pihak kerajaan melalui pihak berkuasa berusaha untuk mempertingkatkan, mengawal keselamatan, menjamin keselamatan masyarakat tanpa memikirkan apa juga halangan yang membolehkan rakyat menjadi sengsara kerana kesan-kesan keselamatan dan

jenayah. Begitu juga, kalau kita lihat bahawa keselamatan yang memainkan peranan yang pertama, ia menjamin kepada keyakinan pelabur untuk melabur di dalam kawasan Wilayah Pembangunan Iskandar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai dengan pembangunan, kita ada Wilayah Pembangunan Iskandar, kita ada pembangunan industri, kita ada pembangunan industri maritim dan sebagainya dan DUN Puteri Wangsa juga tidak lari daripada kesan pembangunan tersebut. Baru-baru ini, sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, bila dibuat *highway* antara Senai-Desaru, ini sebahagian daripada pembangunan yang diilhamkan, di cadang oleh kerajaan untuk kita *generate* dengan izin, ekonomi kepada penduduk-penduduk yang ada di dalam kawasan yang ditadbir oleh Kerajaan Barisan Nasional. Bila ini berlaku, pada 29 Mei 2008, sebenarnya kawasan ini, saya nak sebut, Taman Gunung Emas, eh, Taman Gunung Emas ni sebelum ini di bawah pentadbiran DUN Tiram, Pilihan raya yang lepas, masuk dalam kawasan saya sebab ada sedikit kekeliruan. Bermakna, Wakil Rakyat DUN Tiram setahun yang lepas, dua tahun yang lepas telah berusaha untuk mengatasi masalah ini dan sekarang masalah ini saya ambil alih kerana ini tanggungjawab saya sebagai rakan dalam Barisan Nasional kerana ini tanggungjawab sebagai Wakil Rakyat. 29 Mei, banjir berlaku di Taman Gunung Emas pada pukul 4.00 petang, kemudian dimaklumkan kepada saya pada 30 Mei.

Saya hantar wakil, saya pergi berjumpa dan pada 1 Jun, Ahli Majlis kawasan tersebut telah membuat lawatan dan kenyataan akhbar, ini saya bawa keratan akhbar, bahasa Cina aje tapi saya rasa fahamlah. Boleh baca, rakan saya ada dari Johor Jaya. Dan pada 1 Jun, DAP datang ke kawasan tersebut, nak tolong, terima kasihlah. Saya nak nyatakan kepada dia masalah Cahaya Baru pun dia bawa, pun terima kasih, sebenarnya kita dah bawa, dah bincang terikat dengan masalah perjanjian. Di dalam kawasan saya dia datang, terima kasih, sekurang-kurangnya membuka mata rakyat untuk membuat perbandingan sama ada hanya dikeluarkan di akhbar atau bergerak untuk menyelesaikan masalah.

Dan pada 6 Jun, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YDP Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, telah membuat perjumpaan bersama-sama dengan Senator Khoo, bersama-sama dengan Ahli Majlis dan wakil penduduk pada pukul 4.15 petang. Paginya Mesyuarat Tindakan Daerah saya dah bawa. Dalam perjanjian tersebut, dalam perjumpaan tersebut, bersetuju, eh, ni pihak LLM pun ada eh, pihak Ranhill pun ada. Pihak LLM mengarahkan Ranhill supaya segera mengatasi masalah banjir tersebut. Setuju, balik dan pada 16 Jun saya *check* tak buat dan berlaku banjir baru-baru ini 27, berlaku lagi banjir. Saya nak tanya lah ini yang menandatangani projek-projek konsesi ni, dia kata alasannya tak boleh buat lagi kerana tak ada jengkaut. Dah buat berapa tahun Lebuh Raya Senai-Desaru, berapa banyak jengkaut dia ada yang lengan panjang, yang tangan panjang dan sebagainya. Mereka perlu pegang pada janji kerana kalau dah berjanji rakyat dah dengar bahawa ini dah dijanjikan oleh pihak Ranhill yang mendapat konsesi untuk membina Lebuh Raya tersebut. 27 hari bulan banjir apa akan berlaku? Ha ini yang berlaku. Bila kata pembangkang buat, tanya, seolah-olah macam pembangkang buat kerja, sedangkan kita dah lama itu saya cakap pada hari Jumaat yang lepas, bukan kita bergaduh, soalnya kita ni macam *sandwic*h dengan izin, rakyat bising kat

kita, kerajaan ambil tindakan tetapi syarikat yang diberi tanggungjawab terhadap projek tersebut tidak mengambil tindakan. Pembangkang mengambil kesempatan, sehingga lupa sensitiviti orang-orang Melayu, pergi berjalan ke kawasan-kawasan orang, tiba masa bila PIBG kasi, kasi sebotol arak kepada budak sekolah. Orang Melayu pun ada perasaan, kerana ini perkara sensitif kepada orang Melayu, orang Islam. Jadi jaga rumah tangga sendiri sebelum jaga rumah tangga orang, Yang Berhormat Dato' Speaker. Dan dalam keadaan ini saya minta pihak Ranhill melalui LLM segerakan, selesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk Taman Gunung Emas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita lihat tentang pembangunan juga, di dalam kawasan saya tu jalan daripada Maju Jaya, daripada Starhill ke Seelong telah di *upgrade* jalan maknanya telah di tar semula oleh pihak JKR. Terima kasih kepada Pengarah JKR dan kakitangan JKR yang mengambil berat tentang pembesaran tanah tersebut, jalan tersebut tetapi di Maju Jaya ada satu jambatan yang telah lama dibuat, lebih kurang 30 tahun. Saya minta perkara ini, jambatan ini dapat diperbesarkan lagi supaya laluan lalu lintas dapat kita atasi sekarang sebelum menjadi sesak di kemudian hari. Dan dalam pada itu juga, pembangunan sekolah, saya dah cakap pada minggu lepas bahawa kita memperjuangkan sekolah Melayu, kita memperjuangkan sekolah Agama, kita memperjuangkan sekolah Cina, sekolah Tamil.

Ada sebuah sekolah, di kawasan Austin sekolah Tamil, sekarang menumpang di Sekolah Kebangsaan Mount Austin dan pihak PPD telah meminta agar berpindah ke satu tempat yang telah, ataupun yang telah difikirkan oleh pihak pemimpin MIC di dalam bahagian saya, di dalam Parlimen saya. Saya berbincang dengan pihak sekolah, juga berbincang dengan pihak Sekolah Sri Tebrau, Sri Tebrau ada 160 orang murid, manakala di Sekolah Kebangsaan Tamil Mount Austin ada 60. Kalau nak buat sekolah baru tak *relevan*, boleh tak sekolah tersebut sama ada sementara ini dipindahkan di Desa Cemerlang dan sebahagiannya dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan Tamil Tebrau. Kemudian cari mekanisme berunding dengan kerajaan sebab Ahli Exco pun adalah Pengarah Barisan Nasional Tebrau, mungkin cari mekanisme yang baik untuk kita atasi masalah tersebut kerana tak *relevan* kalau misal kata 60 orang murid ada satu bangunan yang baru, *overhead* tinggi dan sebagainya dan kalau boleh buat satukan dan saya kalau boleh pun fikirkanlah cara yang terbaik kerana kita tidak kita ada sekolah kebangsaan yang serata-ratanya dipelajari ataupun murid-muridnya adalah di kalangan masyarakat yang berbilang kaum.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita lihat tentang keadaan pembangunan, tentunya kita nakkan masjid. Sekarang saya nak cakap masjid ini sebenarnya dah ada, tetapi daripada zaman Yang Berhormat Dato' Speaker lagi, saya rasa Yang Berhormat Dato' Speaker pun tahu Masjid Kangkar Tebrau, dah lebih kurang 15 tahun janji nak dibina sampai sekarang belum lagi dibina. Jadi saya harap agar perkara ini dapat diambil tindakan segera dan dalam perbincangan bahawa pihak Jabatan Agama berjanji untuk berbincang supaya pengambilan tanah, apa ni, PBT dibincangkan dengan pihak tuan pemilik tanah dan kemudian baru dibangunkan tetapi sehingga kini saya tak nampak ada apa-apa tindakan diambil oleh Jabatan Agama untuk memastikan bahawa masjid ini dapat disegerakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa kalau saya nak cakap panjang, rakan-rakan lain tak dapat bercakap. Jadi sebelum Dato' Speaker meminta saya duduk, dengan ini saya menyokong usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat Rengit.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.. saya…

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Saya buat tak tahu aje Yang Berhormat pulak... Lagi? (Dewan ketawa) Ada Ahli Yang Berhormat yang nak berucap? Ha.. Tangkak.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Selamat pagi dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahas usul menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia..

Y.B. Dato' Speaker : Eh, Yang Berhormat

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Baginda Sultan Johor di atas titah Tuanku di dalam Dewan yang mulia ini. Izinkan saya bermula dengan merakamkan dengan tahniah, ucapan tahniah..

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ini bukan musim rehat, banyak keluar? Oh, senang hati betul...

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Atas pelantikan sekali lagi Yang Berhormat Dato' Speaker Dewan dan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional yang telah memenangi kerusi DUN kawasan masing-masing pada 8 Mac yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bandar Tangkak daerah Ledang telah diisytiharkan sebagai Daerah Penuh yang baru dalam Negeri Johor dan Majlis Pemasyhuran Daerah Penuh telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor pada 9 Jun 2008. Di sini penduduk-penduduk Tangkak merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor kerana usaha beliau selama ini telah merealisasikan impian warga Ledang untuk menaik taraf daerah kecil Tangkak kepada daerah penuh iaitu Daerah Penuh Ledang. Memang banyak perbezaan dan pembaharuan kepada bandar Tangkak setelah dijadikan Pusat Pentadbiran Dan Perkhidmatan Awam Daerah Ledang. Antaranya pejabat atau agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri akan diadakan. Kemudahan-kemudahan seumpama ini akan menyenangkan dan memudahkan orang ramai untuk berurusan dengannya.

Pejabat Daerah Ledang, Pejabat Tanah Daerah Ledang sebagai peneraju pentadbiran kerajaan telah bermula beroperasi pada akhir tahun 2007. Setelah lebih enam bulan beroperasi kedua-dua pejabat ini masih menghadapi masalah kekurangan kakitangan pejabat. Dan ini, menjejaskan urusan pejabat dengan orang ramai. Banyak rungutan dan aduan telah diterima daripada orang ramai mengenai perkara kelewatan penyampaian perkhidmatan

pejabat. Oleh itu, saya memohon jasa baik Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor agar dapat menyegerakan mengisi kekosongan jawatan di kedua-dua pejabat supaya kelewatan tugasan dapat dielakkan.

Y.B. Dato' Speaker : Pejabat apa Yang Berhormat?

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Pejabat Daerah Ledang sama Pejabat Tanah Daerah Ledang.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dia kurang eh?

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Ya, dua-dua. Ini kerana kekurangan kakitangan pejabat utama ini juga memberi kesan buruk kepada pertumbuhan ekonomi daerah Ledang. Yang Berhormat Dato' Speaker, Tangkak sebagai bandar utama daerah Ledang kemudahan infrastruktur di sekitar bandar patut ditambah dan dinaik taraf kemudahan yang sedia ada. Antaranya kemudahan yang amat diperlukan seperti kompleks sukan, kolam renang awam, poliklinik komuniti, jalan raya lingkaran luar amat diperlukan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Tangkak tiada kolam renang?

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Tiada. Tak setaraf dengan dinaikkan taraf sebagai daerah, tiada kolam. Diadakan sejajar dengan unjuran pembangunan, Hospital Tangkak juga perlu dibangunkan semula dan dinaikkan taraf sebagai hospital daerah setaraf dengan Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar yang mempunyai Doktor-Doktor Pakar dalam pelbagai bidang perubatan. Unit Kecemasan Hospital Tangkak juga patut ditambah dengan bilangan Pegawai-Pegawai Perubatan ini kerana kes kemalangan jalan raya meningkat setiap hari dan banyak kes kemalangan di Lebuhraya Utara Selatan banyak dirujuk di Unit Kecemasan Hospital Tangkak.

Dan juga, Yang Berhormat Dato' Speaker, kenaikan harga minyak pasti memberi impak yang besar harga barangan harian dan barang keperluan sektor pertanian seperti baja dan racun. Memandangkan kenaikan harga baja dan racun ke satu tahap yang amat tinggi harga barangan keperluan perusahaan pertanian yang tinggi itu telah menyebabkan petani-petani di kawasan Ledang tidak mampu untuk terus bertani kerana hasil jualan tidak cukup untuk menampung pembelian baja dan racun. Banyak tanah terpaksa dibiarkan sahaja atau ditinggalkan kerana kerugian berlaku jika diusahakan. Oleh itu, Pejabat Pertanian harus berikhtiar membantu petani-petani untuk menghadapi masalah kenaikan harga baja dan racun. Antaranya, seperti memberi subsidi baja dan bahan racun supaya aktiviti pertanian dapat diteruskan. Jika tidak, kemungkinan besar negara kita terpaksa mengimport lebih banyak hasil pertanian untuk menampung keperluan tempatan. Harga pasaran buah-buahan tempatan juga tidak menentu dan rendah harganya di pasaran tempatan. Untuk mengatasi masalah harga para pengusaha pada seketika telah berjaya mengeksport buah-buahan seperti buah betik ke negara China. Kini keadaan telah berubah di mana negara China telah berjaya menghasilkannya untuk menampung pasaran sendiri. Maka itu Jabatan Pertanian harus membantu mencari pasaran baru buah-buahan di luar negara supaya petani-petani mendapat peluang pulangan kewangan yang jauh lebih

tinggi berbanding pasaran tempatan. Ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan bebanan kewangan ketika mengharungi krisis kenaikan kos akibat kenaikan harga minyak.

Dato' Speaker, bandar Tangkak sejak akhir-akhir ini kerap dikunjungi oleh burung Walet. Di mana burung berkenaan boleh menghasilkan *bird nest* dengan izinnya, yang merupakan benda khasiat yang baik untuk kesihatan manusia. Negara Hong Kong banyak mengimport hasil burung itu kerana permintaan yang tinggi di kalangan penduduknya. Harga sekilogram *bird nest* yang bermutu mencecah RM6,000.00. Memandangkan perusahaan burung walet boleh mendapatkan hasil yang lumayan, maka itu ramai di antara penduduk bandar Tangkak turut berkecimpung dalam bidang burung Walet.

Y.B. Dato' Speaker: Dari mana Yang Berhormat burung tu? Dari mana dia datang?

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Tidak tahu, dia suka bandar Tangkak sejak naik daerah Ledang. (ketawa) Suka datang.

Y.B. Dato' Speaker : Dia kira macam bandar barulah. Yalah macam dapat rumah baru. Ah yalah. Yang Berhormat ada bela burung Walet?

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Takde.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat takde burung? Tiada. Oh takde. Rosak juga kalau takde burung. (Dewan ketawa).

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Selepas Enakmen diluluskan tu. Saya tak beranilah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, oklah.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Itu sebab Kerajaan Negeri diseru agar dapat proses penentuan garis panduan perusahaan burung Walet sejajar dengan mengambil kepentingan dan keselesaan penghuni berdekatan dengan premis belaan burung walet. Kaedah melesenkan premis berkenaan, bukan sahaja dapat menjamin pelaburan para pengusaha selamat, malah dapat juga pihak berkenaan boleh bertindak sekiranya premis berkenaan tidak mengikut aturan-aturan yang telah ditetapkan.

Y.B. Dato' Speaker : Dia kat sana dia sorang, Yang Berhormat. Dekat Tangkak dekat mana dia sarang, burung Walet ini?

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak): Dato' Speaker pun nampak tu sajalah kita tunggu yang Duli Yang Maha Mulia tu.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, saya ingat burung biasa. (Dewan ketawa) Oh burung Walet. Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak): Dato' Speaker, untuk memastikan Negeri Johor terus maju dalam ekonomi secara holistik, taraf hidup penduduk-

penduduk dan kemudahan infrastruktur di perkampungan Orang Asli juga mesti diambil berat. Seiring dengan krisis keadilan untuk rakyat negeri, sedia maklum perkampungan Orang Asli merupakan petempatan Orang Asli yang wujud secara tidak terancang, yang mempunyai identiti tersendiri. Kebiasaannya petempatan Orang Asli adalah jauh di kawasan pedalaman yang sukar dihubungi oleh sistem pengangkutan. Lazimnya, kampung ini terletak di kawasan hutan, kekurangan kemudahan bekalan air bersih, bekalan elektrik dan institusi pendidikan.

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan di atas usaha Kerajaan Negeri Johor untuk memberi geran tanah atau hak milik kepada penduduk perkampungan Orang Asli. Usaha ini harus diteruskan kepada mereka yang masih belum memperolehi hak milik tanah yang diusahakan sekian lama. Jika ini tidak dilakukan hak tanah adat atau rizab kawasan Orang Asli dikhuatiri dirampas atau diambil balik atas nama pembangunan dan eksploitasikan oleh segelintir elit yang mempunyai kepentingan ekonomi dengan perladangan kelapa sawit dan getah. Di daerah Ledang terdapat tiga perkampungan Orang Asli dengan jumlah penduduk lebih kurang 500 orang dan terdiri daripada suku kaum Temon. Semua perkampungan Orang Asli terdapat di daerah Ledang terletak di dalam kawasan DUN Tangkak iaitu Kampung Sungai Mereng, Kampung Tanah Gembor dan Kampung Ayer Tawas. Infrastruktur di ketiga-tiga perkampungan masih serba kekurangan. Contohnya, di Kampung Sungai Mereng masih kekurangan bekalan air bersih SAJ, Kampung Tanah Gembor dan Kampung Ayer Tawas masih tidak dibekalkan bekalan elektrik, bekalan air bersih dan tiada jalan bertar untuk dihubungi.

Pada realitinya Orang Asli adalah golongan rakyat Johor yang tertinggal sedikit di belakang berbanding golongan lain dalam bidang sosial, ekonomi, pendidikan dan politik. Penduduk-penduduk di tiga perkampungan Orang Asli yang tersebut di atas sering menyuarakan kehendak mereka untuk mendapatkan hak milik tanah, bekalan elektrik, bekalan air dan jalan-jalan. Saya rasa sudah tiba masanya Kerajaan Negeri mengorak langkah pro-aktif dalam perkara membantu merealisasikan permintaan mereka dan seterusnya membimbing golongan Orang Asli ke tahap yang lebih maju. Memandangkan perkampungan Orang Asli di tiga lokasi tersebut di atas kaya dengan pelbagai adat termasuk adat perkahwinan, pelantikan Batin, adat kelahiran, adat kematian, pantang larang dan banyak lagi. Maka, ini saya memohon jasa baik kerajaan agar dapat menyegerakan projek pembangunan kemudahan infrastruktur di ketiga-tiga perkampungan supaya dapat menjadi daya tarikan pelancongan tempatan mahupun luar negara. Mengenai masalah banjir pula, kerajaan dan pihak swasta mengambil masa yang lama untuk membina kemudahan awam, bangunan kedai dan rumah kediaman. Di bandar Tangkak dan kawasan perumahan dan perkampungan tradisional di sekitarnya. Tetapi hujan lebat hanya mengambil masa yang singkat sahaja untuk menenggelamkannya. Sejak akhir-akhir ini, hujan lebat kira-kira satu hingga tiga jam telah menyebabkan beberapa kawasan perumahan di bandar Tangkak, Kampung Seri Makmur dan Kampung Anjung Batu di Tangkak dilanda banjir kilat. Kejadian banjir kilat menyebabkan begitu ramai penduduk di kawasan berkenaan mengalami kesulitan dan kerosakan harta benda.

Oleh itu, dalam merancangkan pembangunan bandar Tangkak dan kawasan perumahan di sekitarnya, masalah banjir kilat sepatutnya menjadi perhatian utama bagi setiap pihak yang ingin merancang pembangunan daerah Ledang terutamanya di bandar Tangkak. Perkara ini tidak boleh lagi dipandang ringan, sudah lumrah di bandar Tangkak dan sekitarnya hujan lebat yang turun sekejap sahaja pun boleh menenggelamkan beberapa kawasan rendah yang menimbulkan kesulitan kehidupan harian penduduk-penduduk di kawasan terlibat dengan banjir kilat.

Kerajaan sudah membelanjakan berjuta-juta ringgit bagi mendalamkan sungai serta melaksanakan projek tebatan banjir, namun mendapan sampah terus menerus kerana orang ramai terus membuang sampah ke dalam sistem perparitan seperti longkang dan sungai. Masalah kilat bukan fenomena baru, bahkan kerap melanda banyak kawasan sejak sekian lama. Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Pengairan dan Saliran sudah tentu ada rekod tentang kejadian banjir kilat ini yang sering berulang. Untuk makluman Dewan, kerajaan telah meluluskan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia yang Ke-9 sebanyak RM20 juta kepada JPS melaksanakan projek tebatan banjir Bandar Tangkak dan dijangkakan akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang begitu prihatin dan bersungguh-sungguh dalam hal membantu rakyat menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan Tangkak. Di samping itu, saya juga menyeru para perancangan Bandar dan Jurutera juga sepatutnya mengambil kira faktor seperti kecenderungan pertambahan penduduk termasuk tabiat membuang sampah serta kawalan keselamatan ketika musim hujan. Malah penyelenggaraan di jalan dan perparitan juga perlu dijalankan sekerap mungkin. Dan dengan itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya…

Y.B. Dato' Speaker : Eh, lagi Yang Berhormat. Lagi, boleh lagi..

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Boleh, boleh ya?

Y.B. Dato' Speaker : Boleh.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Boleh. Ok. Yang Berhormat Dato' Speaker, setelah melihat oleh tindakan yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan saya berasa cadangan kerajaan adalah kurang mencukupi dalam mengawal masalah banjir. Terdapat beberapa cadangan yang saya ingin cadangkan di sini:

i. Cadangan yang pertama ialah mempertingkatkan sistem saliran dan perparitan. Meningkatkan kualiti dan membaik pulih sistem saliran dan perparitan yang melibatkan sungai-sungai utama, parit-parit utama dan longkang yang sedia ada, contohnya Sungai Tangkak, perlu dijaga supaya keupayaan sungai ini mengambil dan menampung air dapat ditingkatkan mengikut tahap pembangunan semasa.
ii. Mengawal pembangunan yang pesat. Mengawal kadar pembangunan terutama sekali di kawasan-kawasan perumahan. Pihak kerajaan patut menguatkuasakan akta dan undang-undang ke

atas pemaju-pemaju perumahan yang berkaitan dengan pembangunan tanah lereng berbukit. Sebagai contoh, mencadangkan Pihak Berkuasa menggunakan syarat ketat mewajibkan semua pemaju perumahan membina kolam takungan air dalam kawasan pembangunan mereka untuk menyimpan air secara sementara sebelum dilepaskan ke dalam sungai-sungai utama. Melalui cara ini, jumlah aliran air ke dalam sungai-sungai dapat dikawal dari masa ke semasa. Justeru dapat mengelakkan kejadian banjir terutamanya di kawasan hilir sungai.

iii. Menswastakan projek penyelenggaraan sistem saliran dan perparitan. Projek-projek untuk membaik pulih sistem saliran dan perparitan yang sedia ada memang penting, oleh yang demikian, penyelenggaraan secara berjadual mestilah dilaksanakan terutama sekali di kawasan-kawasan hilir banjir. Pihak kerajaan juga boleh menimbangkan kaedah kerajaan juga boleh, kaedah penswastaan sebagai langkah untuk mengurangkan beban kewangan kerajaan terutama dari aspek keperluan ketambahan tenaga manusia, peralatan, teknologi dan kepakaran. Ini disebabkan kaedah swasta mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pengawalan banjir.

iv. Penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada. Menguatkuasakan undang-undang secara bersungguh-sungguh bagi menghalang masyarakat awam daripada terus membuang sampah ke dalam sungai, parit dan longkang dengan sewenang-wenangnya. Sebagai contoh, kita melihat di negara-negara luar seperti Singapura, aspek ini telah berjaya membudayakan cara hidup rakyat, di mana sampah sarap tidak dibuang merata-rata sesuka hati.

v. Mempercepatkan perlaksanaan projek. Pihak kerajaan patut mempercepatkan perlaksanaan projek-projek di bawah perancangan tebatan banjir. Biasanya di dapati bahawa perlaksanaan projek-projek tersebut berjalan agak perlahan akibat daripada pelbagai masalah yang dihadapi seperti masalah pengambilan balik tanah, peruntukan kewangan dan halangan-halangan utiliti semasa peringkat pembinaan. Kerjasama dan penyelarasan yang lebih bersepadu antara jabatan dan agensi kerajaan hendaklah diwujudkan dengan lebih serius dan penuh komitmen.

Y.B. Dato' Speaker : Emm.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Dan akhirnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya amat berharap agar jentera kerajaan sentiasalah berfungsi dengan baik untuk melaksanakan setiap dasar yang telah digariskan dengan berkesan, dapat berjaya jalankan dengan lancar serta membuahkan hasil yang diharapkan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan yang baik untuk rakyat. Dengan ini, saya memohon menyokong rundingan menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat ADUN Kawasan Rengit. Sekian.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, terima kasih. Ya, ha, jemput. Layang-layang.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd Yassin (Layang-Layang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi. Yang Berhormat Dato' Speaker, syukur ke hadrat Allah SWT dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama pada pagi ini untuk saya turut serta membahaskan atas titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Johor sewaktu Baginda merasmikan Pembukaan Persidangan Penggal Pertama bagi Dewan Negeri yang ke-12.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini, untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah memberi peluang kepada saya dalam penggal yang kedua untuk sama-sama memikul amanah dan tanggungjawab ini. Anak haruan lima lima, Mati ditimpa tunggul berdaun, Budi tuan kami terima, Jadi kenangan bertahun-tahun.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kejayaan, kemakmuran, pembangunan dan kemajuan, ia anugerah rahmat dari Allah SWT. Allah telah memberikan nikmat melimpah-ruah kepada kaum yang sentiasa bertakwa kepada-Nya. Allah Maha Mengetahui keikhlasan dan kemurniannya. Allah Maha Mengetahui kesungguhan dan ketabahan usaha yang dilaksanakan dalam suatu pekerjaan. Pembahagian dijanjikan kepada setiap pengikut peringkat manusia yang bersabar dan bersyukur dengan nikmat bahawa kebenaran tetap terserlah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Allah mengurniakan akal untuk bolehkan kita berfikir. Islam mengharuskan kelainan pendapat dan membolehkan perbezaan pendekatan dalam melaksanakan urusan dunia, asalkan tidak terpesong dari segi akidah. Kita akui sesama kita ada hikmah berlainan dalam perjuangan untuk memajukan ummah dan bangsa. Namun, perbezaan pendapat dan kelainan pendekatan tidak wajar dijadikan pencetus sengketa secara berpanjangan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mudah-mudahan Negeri Johor akan terus maju di bawah naungan Duli Tuanku dan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Yang penting ditekankan adalah rakyat di negeri ini menguasai ilmu, menguasai kepakaran, menguasai kekayaan, menguasai pentadbiran dan merasai nikmat anugerah Allah yang perlu kita syukuri. Ingat jasa bakti pimpinan yang harus kita berterima kasih, berupaya mengemukakan formula dan mencipta ramuan yang dapat dipersesuaikan secara berkesan, menjamin pertumbuhan dan pembangunan ekonomi terus berlaku. Rakyat hidup makmur, bekalan makanan terjamin, pengagihan kekayaan berlaku, kadar kemiskinan dapat dikurangkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sektor pertanian semakin menjadi pemacu penting dan mampu menjana hasil yang lumayan. Dalam perlaksanaan RMK-9, sektor pertanian diberi tumpuan kepada pembangunan pertanian baru. Pendekatan ini membabitkan penerokaan aktiviti pengeluaran dan pemprosesan berkualiti yang mempunyai nilai tinggi serta memanfaat sepenuhnya. Pembangunan sub-sektor makanan perlu diberi keutamaan dalam memberi pulangan yang lumayan kepada guna tenaga muda khususnya orang Melayu. Ini kerana sektor makanan tidak hilang kepentingannya memandangkan makanan adalah keperluan asas dan bilangan penduduk yang semakin bertambah. Pengeluaran hasil tanaman

yang mudah musnah seperti sayur-sayuran perlu diberi tumpuan untuk membuat penyelidikan agar bernilai tinggi dan bertahan lama untuk kegunaan tempatan dan pasaran eksport terpilih. Begitu juga dengan pengeluaran ikan dan industri ternakan yang perlu terus ditingkatkan melalui penggunaan sistem pengairan moden dan teknologi tinggi. Sudah pasti proses ini memerlukan guna tenaga muda yang mahir dan berpengetahuan dalam bidang yang mencabar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, beberapa pendekatan perlu diambil untuk menarik orang muda mencebur sektor pertanian antaranya menggalak orang muda balik ke desa dan mengusahakan tanah secara komersil. Latihan dalam keusahawanan dan teknokrat perlu diberi kepada pengusaha tanah pertanian. Di samping itu, strategi dan peluang pemasaran malah disebar kepada bangsa kita agar mereka lebih bersedia untuk menghargai, mengharungi bidang pertanian yang sehingga kini menjadi tumpuan golongan tua. Cara moden dan produktif serta kos yang *attractive* untuk menambah nilai produk pertanian perlu diperhebatkan. Tidak kurang pentingnya adalah untuk memartabatkan pekerjaan tani sebagai satu kejayaan yang berprestij agar anak muda yang berijazah merebut peluang berkecimpung dalam bidang pertanian. Petani dan penternak yang berjaya perlu diiktiraf dan diberi publisiti meluas. Tanggapan negatif masyarakat terhadap pekerjaan petani dan penternak perlu diubah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin bawa sedikit berkaitan di kawasan saya. Yang mana pada penggal yang lepas saya telah menyuarakan dalam Dewan yang mulia ini iaitu masalah rumah terbengkalai di Pekan Layang-layang. Bermakna telah terbengkalai sejak tahun 1982 dan sehingga hari ini tak nampak lagi perubahan-perubahan ataupun usaha-usaha yang dijalankan. Jadi, saya mengharapkan supaya kali ini dapat diambil perhatian oleh Pengerusi Perumahan, Kerajaan Tempatan dan juga kerjasama dengan Kementerian Perumahan Kerajaan Malaysia supaya isu ini dapat diselesaikan. Kali ini telah menjadi masalah dari isu semasa pilihan raya.

Yang keduanya, masalah jalan ke Seri Pekan ke Bandar Tenggara. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, 1.5 kilometer jalan ini dalam DUN saya dan 3.5 kilometer jalan ini adalah dalam di jalan DUN Panti. Saya dengan Yang Berhormat DUN Panti telah pun berjumpa dengan penduduk setempat dan telah bersama-sama dengan pihak JKR, Kluang dan juga Kota Tinggi dan bincangkan perkara ini dan saya fahamkan laporan daripada JKR, kos lebih kurang RM10 juta. Tapi, saya telah memaklumkan kepada pihak JKR, kalau tunggu RM10 juta ni makan masa lama, pada saya mudah je. Kawasan saya ni 1.5 ni lebih kurang RM300,000.00.

Y.B. Dato' Speaker : Apa?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : RM300,000.00 aje dan yang DUN Panti ni jumlah campur lebih kurang RM1 juta dah cukup dah, kerana kalau yang 1.5 ni RM3 juta, 1 kilometer ni RM200,000.00, 1.5 kilometer ni RM300,000.00. Jadi, kenderaan besar pun boleh lalu. Tak payah tunggu sampai RM10 juta kerana saya tak salahkan JKR, sebab dia ada spek-spek yang tertentu. Untuk jalan kampung ni bolehlah dengan apa yang saya suarakan supaya jalan ini dapat dilalui oleh anak sekolah dan orang kampung.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat mana tahu harga dia tu RM300,000.00? Harga dia macam mana dapat tahu?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : JKR jangka RM10 juta. Pada saya takkan RM10 jutalah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat berapa?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : RM1 juta cukuplah Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat punya RM1 juta macam baguslah. Ha, siapa tak tahu. Kalau jadi jurutera banyak siap jalannya ek.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Dato' Speaker, syarat yang kedua. Tak apa terima kasihlah daripada Pejabat Daerah Kluang untuk menyelesaikan masalah banjir jalan kawasan saya. Tapi, ada satu masalah lagi. Sikit lagi ni. Saya dah bawa. Walaupun di JB kecil ni Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dah bawa 3 kali dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah Kluang, saya dah beritahu sebelum pilihan raya ini. Masalah duit banjir untuk penduduk Bandar Renggam, kerana dia ada kekeliruan. Masa banjir dulu kita, saya, Ketua Kampung, Penghulu dan juga petugas pusat banjir itu, kita dah lengkapkan nama, apa semua siap, bagi pada Pejabat Daerah. Pejabat Daerah kata, ah ni kedai lain, ah ni salahlah ini. Jadi, dia kata rumah lain, kedai lain. Kedai ni ada peruntukan lain, tetapi sehingga hari ini tak ada. Jadi, saya harapkan supaya dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan yang lepas sebelum pilihan raya saya dah beritahu dah. 3 kali saya ulang dalam mesyuarat, saya kata jangan sampai nanti pilihan raya nanti ini jadi isu yang merugikan kita, Barisan Nasional. Apa yang saya telah suarakan telah menjadi kenyataan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semasa kita berkempen, dalam Bandar Renggam ini, kedai-kedai ini, memang telinga kita penuh dengan kecaman daripada pekedai-pekedai ini kerana mereka tidak dapat lagi walaupun 1 sen wang yang dibagi semasa banjir.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Untuk penduduk-penduduk untuk rumah dapat? Ini ada 41 orang pekedai dan disebab itulah bila pilihan raya lepas, saya kalah 1 daripada pusat mengundi itu di Bandar Renggam ini daripada pengundi lebih kurang Melayu 850 orang, Cina dan India lebih kurang 1,750 orang, saya kalah 55 undi.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Ah, kalau dah 41 orang tak dapat duit banjir, kali dengan 2, ha... cukuplah tu Yang Berhormat Dato' Speaker. Ha, jadi saya mensyaratkan supaya jangan sampai pilihan raya sekali lagi, duit banjir ini pun tak selesai. Dan saya dah menyuarakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah pada mesyuarat yang lalu ini, dalam selepas pilihan raya ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Ini dah janji ke ini nak bagi dalam rundingan tu?

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Memang kerajaan janji nak bagi, Yang Berhormat Dato' Speaker. Semua rumah-rumah telah dibagi. Cuma dia kata kedainya lain. Apabila cerita kedainya lain masalah ini. Ah, sepatutnya bagi sama je. Tak ada masalah.

Y.B. Dato' Speaker : Ah, yalah.

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, dan saya juga ingin mencadang kepada kerajaan, tahniahlah kerana telah dapat mengadakan Sukan JPMM ni. Kita dah buat 2 kali. Dan kali yang kedua diikuti oleh Kementerian Belia dan Sukan. Ah, tapi tahun ni nampak macam senyap. Jadi, saya harapkan supaya Pengerusi Belia dan Sukan ini supaya mengambil perhatianlah kerana dengan adanya Sukan JPMM ini, sekurang-kurangnya dapat memberi ruang, masa untuk generasi muda ini dan juga mereka dapat, kita dapat merapatkan lagi hubungan antara generasi muda ini dengan pemimpin-pemimpin dalam satu kawasan itu.

Dan satu lagi Yang Berhormat Dato' Speaker, tentang saya nak tujukan kepada JPS Negeri Johor ini. Dalam kawasan saya memang sentiasalah daerah Kluang ni, sungai-sungainya dikorek. Malangnya, selepas kawasan saya DUN Layang ni, dia masuk ke dalam daerah Johor Bahru dalam, kalau tak silap saya DUN belah Kulai ni. Ah, jadi kawasan itu tak korek, pasal dia di pendalaman. Jadi, bila musim banjir, kawasan bandaran jadi mangsa. Jadi, saya harapkan supaya jalinan kerja-kerja penggalian semula sungai ini antara daerah Kluang dan daerah Kulaijaya ini supaya dapat diselaraskan, supaya tidak nanti yang sini korek sampai 2 kali, 3 kali, yang ini sekali pun tak korek lagi. Saya dah pergi sendiri tengok. Saya masuk dengan Jurutera Daerah. Saya masuk dengan Pegawai JPS dan projek-projek ini kawasan Kulai. Jadi, saya minta supaya JPS ambil perhatian supaya tidak menjadi masalah dalam kawasan DUN saya Layang-Layang ni dah jadi pekan melayang yang menjadi mangsa banjir tadi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi itulah harapan saya, walaupun kadang-kadang saya selalu dengar Yang Berhormat Dato' tegur, benda yang remeh yang tak sepatutnya bawa dalam Dewan. Setakat tindakan daerah cukup, tapi oleh kerana tak sesuai, jadi saya minta dah masuk Dewan yang mulia ini, supaya benda ini dapat diselesaikanlah supaya tidak menjadi sungutan dan rungutan. Dan akhirnya, Kerajaan Barisan Nasional yang menjadi mangsa. Dengan ini, saya turut menyokong usul yang dibawa oleh sahabat saya Yang Berhormat ADUN Rengit. Wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Pendeknya…

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin (Layang-Layang) : Cukup Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha yalah. Perbahasan diteruskan lagi. Siapa yang nak berucap, jemput.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Senai.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Senai ingin mengambil bahagian membahaskan usul junjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena pembukaan rasmi Dewan yang mulia ini yang ke-12 pada 19/06/2008.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terutama sekali Senai ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang sentiasa bersama dengan kami dan bertindak secara adil dan bebas dengan izin, *jovial* juga, dengan memberikan cukup peluang kepada kami keenam-enam ADUN daripada Pakatan Rakyat untuk bersuara, menyoal serta membangkitkan pelbagai isu. Walau bagaimanapun, Senai ingin memohon izin untuk menyentuh mengenai tegahan soalan 18 oleh Yang Berhormat Dato' Speaker pada 20 Jun 2008. Senai menerima sahaja keputusan yang muktamad yang dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Speaker. Walau bagaimanapun, demi ingin memahami Peraturan dan Perintah Tetap bagi Dewan yang mulia ini, dan juga atas rasa ingin tahu, Senai ingin bertanya sekiranya semua kertas itu diperintahkan supaya dibentang di atas meja mesyuarat dengan tiada payah mendapatkan keputusan terhadapnya lagi, menurut fasal 22(3), maka tegahan soalan 18 ini sama ada teratur atau tidak. Dengan izin, Senai juga ingin merujuk kepada fasal 25(8) iaitu tegahan terhadap sesuatu soalan berserta dengan sebab-sebab sekali hendaklah dimaklumkan oleh Jurutulis Dewan Negeri kepada ahli yang berkenaan itu dengan secara bertulis. Ini cuma atas rasa, cuma…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, yalah saya cuma nak pasti, duduk kejap. Ha…betul tidak kes Yang Berhormat ni akan didengarkan pada 19 Ogos di mahkamah? Ada tak surat daripada mahkamah, Yang Berhormat terlibat dalam perbicaraan tersebut pada 19 Ogos? Benar atau tidak?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Dengan izin, Yang Berhormat Dato' Speaker, ini memang benar tetapi…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, saya tanya ya atau tidak? Itu je saya nak tanya dulu.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Dengan izin, Yang Berhormat Dato' Speaker, kes yang di mahkamah melibatkan pihak yang lain, bukan…

Y.B. Dato' Speaker : Tidak, tidak. Yang Berhormat sebagai apa?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Sebagai peguam.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, itu sebab Yang Berhormat…tak, nanti dulu. Yalah, tak apalah, saya dah cakap. Saya sentuh dia pasal peraturan. Dia, Yang Berhormat cakap betul tetapi bila saat akhir, saya dapat makluman balas, makna kes ini akan didengarkan di mahkamah. Makna tidak perlu Jurutulis, itu

kalau Jurutulis diberitahu lebih awal. Tapi saya dapat tahu lebih, masa yang nak di bentang tu dapat maklumat daripada mahkamah, kes ini akan didengar. Bila didengar, saya sebagai Speaker, sebab Yang Berhormat sebagai peguam. Bila soal tu jawab, Yang Berhormat tu nanti boleh mengambil isi daripada jawapan yang disebut oleh kerajaan sebagai bahan untuk ke mahkamah. Ini telah menjadi satu prejudis dalam mahkamah eh, sebab bila masa nak mahkamah memang tak dibenarkan. Itu je.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Dengan izin, Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Apa benda, ha…

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Mengikut Peraturan 45 (xii)…

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, itu betullah.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : ini pun ada kaitan dengan faedah.

Y.B. Dato' Speaker : Saya dah tahu dah. Saya dah sebutkan tadi. Ha'ah, ok.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Jadi, saya terima sajalah.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, betul. Saya bukan tak benar, tapi saya nak pastikan kalau Yang Berhormat kata saya tidak terlibat pada 19 Ogos, ha... itu saya bolehlah tarik Yang Berhormat, tetapi kalau memang betul kalau Yang Berhormat terlibat sebagai peguam, memang tak boleh. Eh, bukan kes ini. Banyak kes yang lepas-lepas pun persidangan banyak yang terlibat, saya tolak ucapan dan soalan dia. Tu je Yang Berhormat eh.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Dengan izin Yang Berhormat Dato' Speaker, kami sebagai ADUN baru atau *novice* dengan izin, turut akan tekun pelajari…

Y.B. Dato' Speaker : Ok, ok…

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Peraturan dan Perintah Tetap di Dewan yang mulia ini. Akan tetapi, Senai telah menyaksikan perbahasan ahli politik yang veteran dengan lajak dalam percakapannya yang mengganggui sahsiah seseorang, sama ada melanggari fasal 45 (xiii) dengan menuduh ahli lain berlagak sebagai jaguh padahal siapa sebenarnya berlagak sedemikian.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, negara ini telah mencatatkan sejarah pada pilihan raya ke-12 dengan BN kehilangan 5 negeri serta dengan BN dinafikan 2/3 majoriti di Dewan Parlimen. Bagi Negeri Johor, suatu keputusan yang mengejutkan juga yang menunjukkan 6 kerusi Dewan Negeri serta 1 kerusi Parlimen dimenangi oleh Pakatan Rakyat.

Pada penaksiran saya, ini memang merupa suatu perkembangan politik yang sihat, yang menuju ke suatu sistem berdemokratik Dua-Parti Sistem. Oleh kerana

ini, selama 50 tahun kebelakangan ini pemerintah sentiasa dikuasai oleh suatu parti sahaja. Namun demikian, peranan parti pembangkang bukanlah sahaja mencabar, ada mengkritik kerajaan semata-mata, malahannya kami Pakatan Rakyat cuma ingin memainkan peranan berjuang dan bersuara untuk rakyat serta memantau setiap tindak-tanduk kerajaan demi untuk kepentingan rakyat bukan kepentingan diri sendiri. Demi untuk mencapai dan mewujudkan sebuah kerajaan yang baik, yang mengamalkan ketulusan, kecekapan, kebersihan, kejujuran dan amanah, peranan dan sumbangan kami dari Pakatan Rakyat tidak boleh diperkecil-kecilkan serta dipersoalkan sebagai mana suatu pepatah oleh bekas Pengerusi Komunis Cina iaitu Mendiang Teng Siow Peng yang bergelar sebagai *father of modern China,* dengan izin. Tak kira kucing itu putih atau hitam, asalkan ia boleh menangkap tikus. Dengan yang sedemikian, adalah pandangan Senai bahawa..

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, kucing mana ni?Kucing hitam, putih?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Kucing yang, yang, yang garanglah.

Y.B. Dato' Speaker : Dekat China eh? Dekat China? Kat China?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Itu pepatah, bekas mendiang Teng Siow Peng yang terkenal sekali di dunia.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, bukan Mou Zhi Tong? China, komunis eh?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Ya.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Yang Berhormat suka eh, sana. Oklah.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Dengan sedemikian, adalah pandangan Senai bahawa semua pihak dari BN termasuk semua Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, harus menganggap dan menerima kewujudan kami di Dewan ini secara positif supaya kita boleh bersama-sama membawa manfaat kepada semua rakyat di Negeri Johor.

Dengan, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyeru bahawa..

Y.B. Dato' Speaker : Terperanjat saya (Dewan ketawa). Yang Berhormat, *slow* je sedikit, saya terkejutlah pulak kang. Nasib baik lemah jantung tiada.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tidak setuju bahawa sebagai mana yang didakwa oleh sebilangan Ahli di sini bahawa keenam-enam kerusi ADUN dari Pakatan ini adalah dicuri dan direbut. Kami berkesempatan menduduki di tempat, kerusi di sini adalah atas, atas hasrat rakyat. Itu saja, itu yang saya tidak bersetuju dengan mengatakan sedemikian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagaimana yang diketahui umum, salah satu masalah yang utama di Negeri Johor, khususnya di Johor Bahru adalah tentang isu keselamatan. Yang mana kadar jenayah di Johor Bahru adalah begitu tinggi. Dan kesan buruknya telah menjejaskan ketenteraman, keharmonian

masyarakat. Apakah pula punca utama masalah keselamatan? Senai memuji beberapa langkah proaktif yang telah diambil oleh kerajaan, pihak Kerajaan Negeri serta Polis DiRaja Malaysia untuk menangani masalah ini. Di antara lain termasuk penambahan bilangan anggota Polis. Kekerapan meronda serta bilangan balai Polis di merata tempat, khususnya di bandar. Akan tetapi pada pandangan Senai, penambahan sedemikian sahaja tanpa meningkatkan prestasi dan mutu perkhidmatan anggota Polis tidak memadailah untuk membendung masalah ini. Selagi wujudnya sikap negatif dan sikap alpa sebilangan anggota Polis serta masalah rasuah yang begitu serius sekali. Yang mana sebilangan anggota Polis kerap menyalahgunakan kuasa mereka, cuma mementingkan diri dalam tugasan mereka, maka kes-kes jenayah tidak akan terkawal dan tidak diturunkan secara efektif. Sebagai satu contoh, ada didapati bahawa di merata tempat hiburan seperti tempat snuker, dan tempat hiburan tanpa disembahkan acara muzik, maka anggota-anggota Polis menyerbu, menangkap sesuka hati tanpa satu garis panduan yang tertentu. Itu ada salah dan antara satu, salah satu cara bagaimana Polis boleh menyalahgunakan kuasa mereka.

Y.B. Dato' Speaker : Dia dapat maklumat tak, Yang Berhormat, ada hal? Ada maklumat orang beritahu, ada masalah kat dalam karaoke, apa tempat itu, itu dia serbu.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Saya terima rakyat. Yang terdapat banyak kes dibawa ke mahkamah, semua tiada, tiada tersangkut. Semua dibebaskan dan dilepaskan juga dibebaskan. *Acquitted amounting to discharge,* dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, setakat ini memang belum terdapat suatu mekanisme yang efektif diamalkan oleh PDRM untuk mengatasi masalah ini. Selagi institusi seperti IPCMC tidak di tubuh maka tiada terdapat sebuah agensi yang bebas dan neutral sekarang untuk memantau perbuatan anggota Polis serta mengesyorkan tindakan tatatertib yang tertentu secara efektif. Maka pembasmian atau pengurangan kadar jenayah akan sentiasa menjadikan sia-sia sahaja. Beberapa tahun yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengesyorkan tertubuh IPCMC tetapi ditemui oleh rintangan yang hebat daripada PDRM sendiri. Oleh sebab itu, Senai mencadangkan bahawa kerajaan harus tanpa melengah-lengah lagi mempercepatkan penubuhan IPCMC dalam satu jangka masa yang singkat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senai ingin menyentuh, menyentuh satu masalah lagi iaitu mengenai penghijrahan pekerja-pekerja dan pelajar-pelajar dari Johor ke negara jiran untuk bekerja dan belajar. Dan telah menyebabkan kehilangan bakat, dengan izin, *brain drain.* Kami tidak harus semuanya mempersalahkan mereka yang memilih untuk bekerja atau belajar di Singapura tanpa mengkaji punca utama penghijrahan sedemikian. Oleh kerana keadaan ekonomi yang agak gawat menyebabkan ketiadaan kerja-kerja di Johor Bahru, ketiadaan peluang berpelajaran di institut, institusi pengajian tinggi di negara sendiri khususnya bagi pelajar kaum yang bukan bumiputera. Sebilangan penduduk telah pun memilih jalan alternatif serta mencari rezeki lain di

Singapura. Pada penafsiran Senai, ini tidak boleh dianggap mereka tidak bertaat setia kepada negara. Malahannya, jika mereka merasai kekecewaan di negara sendiri, apakah lagi mereka terpaksa berbuat sedemikian.

Y.B. Dato' Speaker : Dia kalau kecewa, dia boleh jadi, masuk rakyat sana, *Singapore*.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Tapi mereka taat setia pada negara, dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, tadi Yang Berhormat kata dia kecewa. Dia sana, saya ingat pasal gaji je, Yang Berhormat. Besar, itu je. Dia bukan kerana Malaysia tiada pekerjaan, tapi kerana duit *Singapore* itu tinggi, itu yang dia suka. Seribu dapat dekat tiga ribu. Itu je. Bukan apa benda. Nilai wang je.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, sesiapa sebaliknya saya bertanya, apakah Kerajaan Negeri yang telah buat dan akan buat supaya masalah ini boleh diatasi. Kenaikan harga minyak, gaji yang rendah, kenaikan harga barangan serta kadar pertukaran mata wang yang tinggi merupakan faktor-faktor yang mendorong mereka berhijrah ke Singapura untuk bekerja di *Singapore,* harus untuk bekerja di situ. Sebaliknya pekerja-pekerja dari Malaysia yang bekerja di Singapura harus disanjung tinggi dan diberikan kehormatan yang tinggi kerana jika setiap pekerja membawa balik pendapatan S$1000.00 atau RM2300.00 setiap bulan ke Johor, dengan adanya seramai 80,000 pekerja di Singapura, maka jumlah hasil asing yang dibawa masuk ke Johor adalah berjumlah besar RM184 juta setiap bulan, dengan izin. Walau sedemikian, wang sedemikian akan dibelanjakan di Johor yang pula akan menguntungkan semua jenis perniagaan. Bayangkan keadaan yang mana jika semua mereka dihalau keluar dari Singapura? Bolehkah Negeri Johor menampung *influx* pekerja-pekerja tersebut balik ke Johor. Oleh sebab itu, Senai mencadangkan supaya pihak Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah yang sewajarnya serta merta untuk menarik balik pekerja yang mahir dari mereka dalam pembangunan projek Iskandar supaya menarik balik sumber manusia yang begitu berharga kepada negara kita ini.

Yang Amat, Yang Berhormat Dato' Speaker, salah satu alasan utama kenapa sebilangan penduduk di Negeri Johor pilih untuk melanjutkan pelajaran di Singapura baik di peringkat sekolah rendah mahupun di peringkat t*ertiary* adalah sistem pelajaran di Singapura yang berasaskan Bahasa *English*. Senai tidak menafikan kepentingan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi yang harus dipelajari dan digunakan oleh semua lapisan masyarakat khususnya, ianya boleh menjalinkan persefahaman di antara kaum serta menyatupadukan semua rakyat untuk mencapai muhibah, perpaduan dan kemakmuran negara.

Walau bagaimanapun, Bahasa Inggeris merupakan suatu bahasa yang amat terpenting sekali sebagai suatu bahasa di antarabangsa, dalam dunia yang globalisasi ini. Maka ianya harus dikuasai oleh semua lapisan masyarakat di negara kita. Sebagaimana diketahui umum, sebaik kita berkunjung ke negara, biasanya kita dikehendaki berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. Sekiranya rombongan Kabinet dan Jemaah EXCO berkunjung ke negara lain untuk kursus,

untuk apa jua program secara rasmi, maka tentu interaksi di antara kedua-dua pihak lazimnya akan melalui komunikasi dalam Bahasa Inggeris. Akan tetapi sekiranya kita meneliti serta mengkaji mutu pelajaran Bahasa Inggeris sekarang di semua peringkat pendidikan di negara kita, amatlah mengecewakan. Oleh kerana ramai murid sekolah serta penjawat kerajaan tidak langsung boleh menguasai Bahasa Inggeris sedangkan Bahasa Inggeris sekarang masih digunakan di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Oleh sebab itu, Senai mencadangkan supaya penjawat Kerajaan Negeri diwajibkan menghadiri kursus sambilan dalam Bahasa Inggeris demi untuk mempertingkatkan tahap kemahiran kegunaan Bahasa Inggeris. Adalah tidak boleh dinafikan bahawa, pada hakikatnya ramai Menteri telah pun menghantar anak mereka ke Barat untuk belajar. Sebenarnya mereka juga di peringkat sekolah rendah pun, ada tidak boleh dinafikan bahawa, sesiapa yang boleh menguasai Bahasa Inggeris, maka peluang untuk dapat kerja baik serta kenaikan pangkat akan meningkat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senai ingin membangkitkan satu isu yang amat penting sekali. Selama ini tidak ditangani dengan baik oleh Pihak Kerajaan Tempatan iaitu masalah banjir kilat yang sering melanda di kawasan seperti di Batu 21, Jalan Kulai Besar, Senai, Kota Tinggi, Taman Mutiara, Ulu Tiram dan di merata tempat yang lain. Misalannya, masa banjir kilat di Batu 21, difahamkan kebelakangan ini Pihak Kerajaan Tempatan pernah memperuntukkan sebahagian wang bagi maksud mengatasi masalah ini tetapi sehingga kini tiada sebarang penyelesaian tercapai. Apa yang menyedihkan adalah bahawa penduduk serta peniaga telah amat menderita dari segi emosi, serta kehilangan harta benda seperti barang dagangan berharga musnah. Dan, setakat ini tiada seorang pegawai dari pihak Majlis Perbandaran Kulaijaya pernah melawati mereka, menunjukkan simpati sebagaimana sesebuah Kerajaan bertanggungjawab harus buat.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat, dia melawat tak beritahu Yang Berhormat tak? Dia dah melawat takkan nak beritahu, besok saya nak melawat, barangkali Yang Berhormat tak sedar dia dah melawat.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Bolehkah mereka dibayar wang pampasan? Siapakah sebenar yang harus bertanggungjawab untuk menangani masalah ini. Sekiranya perkara ini dibawa ke mahkamah, apakah akibatnya, sama ada Jabatan Peguam Negara dengan izin, AG's Chamber sentiasa melindungi ketidak keberkesanan pihak Kerajaan. Senai berpendapat punca banjir kilat di merata tempat di Negeri Johor adalah disebabkan ketidakseimbangan dalam pembangunan projek perumahan, sehingga alam sekitar musnah tanpa langkah-langkah yang proaktif diambil oleh pihak pemaju dan pihak Kerajaan Tempatan.

Hak rakyat telah diabaikan oleh pemaju cuma untuk mementingkan keuntungan dan untuk menjimat kos. Senai khuatir dan risau bahawa sekira perkara ini dalam Johor tidak diselesaikan secara berefektif, biarkan masalah banjir berterusan, maka Johor akan dikenali sebagai *Venice of the East,* dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat baca surat khabar Negeri China macam mana bah, dia punya banjir, Negeri China.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : China, tapi dalam proses…

Y.B. Dato' Speaker : Oo, dia punya dahsyatlah, kita pun, oklah Malaysia, nyawa selamat. China banjir, mati, mati aje. Tapi kita Malaysia oklah, syukur sama Tuhan lah eh.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Senai seterusnya ingin membangkitkan satu isu mengenai milikan tanah di Negeri Johor. Adalah didapati sebilangan penduduk yang besar dari kawasan dengan izin *new village,* Senai – Kulai seperti Senai – Seelong, Saleng serta Kulai serta di merata tempat yang lain di seluruh Negeri Johor mengalami kehilangan tanah milikan mereka, kepada pihak ketiga yang tiada kena mengena dengan tanah tersebut walaupun mereka sudah menduduki, menggunakan serta mengusahakan tanah berkenaan selama tidak kurang antara 20 hingga 60 tahun, sejak dari nenek moyang mereka.

Di antara mereka ada yang dikeluarkan Lesen Menduduki Sementara bertahun-tahun tanpa diberikan tanah kurniaan walaupun telah dimohon. Senai berpendapat penafian dan pencerobohan hak mereka terhadap tanah tersebut merupakan suatu dasar yang menyingkirkan mereka dan berkemungkinan besar wujud penyelewengan dalam pentadbiran tanah. Memang adalah hasrat Senai bahawa dasar yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri seperti di Selangor, Perak, Pulau Pinang perlu diguna pakai oleh pihak Kerajaan Negeri Johor iaitu tanpa berlengah-lengah lagi. Pihak pemilik tanah sedemikian harus dikurniakan tanah tersebut tanpa syarat bagi pajakan sekurang-kurangnya 99 tahun.

Y.B. Dato' Speaker : Ini tanah apa Yang Berhormat, tanah geran ke, tanah apa?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat, tanah yang dimaksudkan adalah mereka dikeluarkan Lesen Menduduki Sementara bertahun-tahun.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, TOL. TOL tiap-tiap tahun, dah habis tempohkan, habis tahun Kerajaan punya, habis tahun Kerajaan punya. Ha, ya, yalah TOL dah kira baik, duduk aje, padahal TOL, Kerajaan tak buang-buang pun. Rasa sayalah TOL ni, *Temporary On Land*, belum dapat geran Yang Berhormat, betul. Oh, ini merayulah, nakkan geran, bukan tanah dialah. Ok, ok.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Senai tidak bersetuju bahawa pemberian dan pengeluaran suratan hak milik kepada orang yang berhak, akan menjejaskan pembangunan Negeri Johor, oleh kerana selepas itu jika pihak Kerajaan Negeri ingin membangunkan infrastruktur perusahaan dan lain-lain, tanah boleh diambil alih menurut Akta Pengambilan Tanah, apakah susah lagi ke? Kerajaan Negeri harus menunjukkan ketelusan, kebersihan serta kejujuran untuk melindungi hak-hak asasi pemilik tanah tersebut. Apakah garis panduan dalam proses meluluskan tanah kurnia. Adalah didapati bahawa budi bicara yang diamalkan oleh pihak Kerajaan Negeri mengenai tanah menimbulkan rasa curiga di kalangan pemilik yang terganggu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senai sentiasa menerima banyak aduan daripada penduduk-penduduk di kawasan Senai - Kulai. Di antara lain mengadu bahawa kadar cukai pintu di Kulai adalah tertinggi sekali di seluruh Negeri Johor. Senai berharaplah pihak Majlis Perbandaran Kulaijaya dapat mengkaji semula pengenaan cukai pintu di situ supaya kadarnya boleh dikurangkan, khususnya dalam keadaan yang gawat, ekonomi gawat ini yang mana penduduk sering menghadapi berbagai masalah kewangan.

Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ada panjang lagi, ada dua minit?

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Ada sikit lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Sikit lagi.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, isu mengenai pendatang asing dan pendatang tanpa izin semakin membimbangkan kita. Setakat ini negara mempunyai 2.4 juta pendatang asing dan 1.2 juta pendatang asing tanpa izin. Mereka bukan sahaja menguasai pasaran pekerja buruh di negara kita tetapi sekarang telah pula menguasai pasaran perniagaan. Beberapa tahun lepas telah dibangkitkan isu bagaimana gerai-gerai perniagaan di stesen misalannya bas Ulu Tiram serta di Medan Selera Perindu, Lapangan Terbang Senai dikuasai oleh pendatang asing.

Sekarang isu ini bangkit semula dan ianya berlaku bukannya di Ulu Tiram dan Senai sahaja tetapi di kebanyakan bandar di Johor Bahru seperti Kota Tinggi, Muar, Batu Pahat, Kluang, Segamat dan Johor Bahru. Sebagai contoh di Taman Desa Skudai 16 kilometer dari Johor Bahru, daripada 18 gerai Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah di Jalan Emas Putih 4, beroperasi 15 gerai diusahakan oleh pendatang asing. Aduan telah banyak kali dituju, tiada tindakan penguat kuasa daripada pihak MPJBT. Saya difahamkan oleh peniaga tempatan di situ, gerai itu disewa atau dibeli daripada penyewa asal tersebut yang merupakan rakyat Malaysia. Pada pandangan saya, perkara ini tidak boleh dibiarkan berlaku tanpa ada kawalan daripada pihak Kerajaan jika tidak ia boleh membunuh masa hadapan peniaga-peniaga tempatan.

Yang Berhormat akhir sekali, Dato' Speaker, Senai ingin tahu bagaimana pihak pentadbiran Kerajaan Johor melihat tentang cadangan penyertaan menghadiri mesyuarat Ahli-Ahli Majlis Berkuasa Tempatan di kawasan pilihan raya masing-masing oleh ADUN daripada Pakatan Rakyat, sedangkan peruntukan undang-undang memang ada mengizinkan mesyuarat tersebut terbuka kepada orang awam dan dihadiri oleh wakil daripada media menurut Seksyen 23 Akta Kerajaan Tempatan.

Akhir sekali demi untuk ketelusan akauntabiliti, kejujuran, kecekapan serta amanah, Senai berfikir adalah sampai masa pihak Kerajaan Negeri membenarkan ADUN-ADUN daripada Pakatan Rakyat menghadiri mesyuarat tersebut supaya kami boleh secara lebih berkesan dan berkhidmat untuk rakyat. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, oh. Perbahasan diteruskan lagi, siapa nak berucap?

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Salam sejahtera, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk turut sama di dalam perbahasan usul menjunjung kasih di atas titah ucapan perasmian ke bawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan Johor. Saya juga tidak lupa untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Johor di atas kejayaan beliau memimpin Kerajaan Negeri Johor sehingga memungkinkan Barisan Nasional terus diberikan mandat sekali lagi oleh rakyat untuk mentadbirkan pemerintahan Kerajaan Negeri.

Kejayaan mengekalkan kuasa pemerintahan Negeri Johor oleh Barisan Nasional serta sokongan berterusan oleh majoriti rakyat seperti yang dibuktikan pada setiap pilihan raya tentunya adalah kebijaksanaan dan kecekapan yang telah ditunjukkan di dalam pentadbiran Kerajaan Negeri sebelum dan selama ini. Kejayaan ini juga menunjukkan bahawa rakyat begitu selesa dengan dasar-dasar pembangunan holistik yang mencakupi segenap aspek keperluan rakyat seperti yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sejak mula-mula menerajui Kerajaan Negeri. Sesungguhnya rakyat di Negeri Johor ini berasa sangat yakin dan penuh percaya, hanya Kerajaan Barisan Nasional sahaja yang mampu untuk mejana pembangunan yang mampan yang melimpahkan nikmat dan kemakmuran kepada setiap rakyat dari semua golongan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai sebuah entiti...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat tak berterima kasih dengan sayalah, yang suruh benarkan bercakap ni. Dengan ini saya tangguhkan Dewan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:05 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 12:25 tengah hari.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat sejahtera. Perbahasan ini disambung semula, jemput Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Sebagai sebuah entiti global, pembangunan ekonomi sesebuah negara tidak dapat dipisahkan dengan keadaan pasang surut ekonomi antarabangsa. Walaupun struktur ekonomi negara masih dalam

keadaan yang kukuh, keadaan ketidaktentuan dan kemelesetan ekonomi dunia khususnya ekonomi negara-negara utama, ditambah dengan isu-isu keselamatan antarabangsa, banyak mempengaruhi kedudukan ekonomi negara. Keadaan menjadi semakin sukar apabila harga bahan bakar, telah melambung sehingga pernah mencecah kira-kira USD140 setong. Umum menyedari dan menerima hakikat, bahawa kenaikan harga minyak di peringkat global adalah di sesuatu, yang di luar kawalan kerajaan. Sebagai fenomena global, Malaysia tidak dapat menghindarkan diri dari kesan lonjakan harga bahan bakar ini. Meskipun negara kita adalah tergolong di antara negara pengeksport minyak. Bagi memastikan hasil negara tidak hanya digunakan untuk menampung subsidi minyak yang terus meningkat, kerajaan terpaksa mengambil keputusan yang tepat tetapi tidak popular iaitu dengan mengurangkan jumlah subsidi ke atas harga minyak yang telah menyebabkan rakyat dan pengguna terpaksa menanggung kenaikan harga bahan-bahan bakar tersebut.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kenaikan harga minyak yang mendadak ini, sememangnya akan dan telah pun mengundang berbagai reaksi yang negatif dari semua pihak. Mereka yang menyokong kerajaan juga sebenarnya tidak terkecuali dari menerima kesan kenaikan harga minyak ini. Di beberapa negara, keadaan menjadi gawat dan tidak terkawal. Alhamdulillah, di negara kita masih ramai lagi rakyat yang berfikiran waras dan mengutamakan keamanan melebihi keinginan untuk mengambil kesempatan memporakperandakan kemakmuran negara. Kebanyakan rakyat sedar, bahawa pihak yang mendesak supaya kerajaan terus menanggung subsidi ke atas kenaikan harga minyak, adalah pihak yang sedang cuba menangguk di air keruh demi kepentingan dan populariti politik semata-mata. Pihak yang tidak mempunyai rasa patriotik terhadap negara ini, sebenarnya mahu kerajaan membelanjakan sebahagian besar hasil negara hanya untuk subsidi minyak.

Dengan demikian, lambat laun kerajaan akan kekurangan sumber untuk tujuan pembangunan lain. Termasuk untuk tujuan pembinaan prasarana, kemudahan awam, kebajikan dan pendidikan rakyat. Apabila keadaan ini berlaku, apabila kerajaan tidak mempunyai cukup dana, maka kerajaan akan dituduh tidak bijak menguruskan ekonomi negara. Isu dan tuduhan ini adalah sungguh besar dan berat. Isu besar seperti ini akan digunakan sebagai modal politik, untuk mengelirukan rakyat dengan harapan rakyat akan memberi sokongan kepada mereka untuk mencapai maksud besar bagi menubuhkan kerajaan yang dicita-citakan selama ini. Pihak ini harus ingat, bahawa rakyat sudah menghidu cita-cita palsu mereka ini. Rakyat tahu dan rakyat sedar, dan rakyat akan sentiasa menyokong usaha kerajaan untuk mengelakkan negara dari dijajah semula dengan bantuan pihak ini yang akan menggadaikan maruah negara kepada IMF.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, namun begitu, apa pun penerimaan kita terhadap kenaikan harga minyak, suka atau tidak kita harus juga menerima hakikat bahawa ianya akan tetap disusuli pula dengan inflasi atau kenaikan kos kepada harga barangan dan perkhidmatan. Walaupun kerajaan menjanjikan bahawa hal yang demikian tidak akan berlaku, justeru itu, bagi memastikan semua langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi membendung kenaikan harga barangan dan perkhidmatan dapat dijayakan. Saya mencadangkan

agar, agar penguatkuasaan yang lebih cekap dan lebih kerap dapat dilakukan bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan dan peningkatan harga secara sesuka hati oleh pemborong, pengedar dan peniaga-peniaga.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa rakyat sesungguhnya menyambut baik terhadap pelan tindakan bagi meringankan beban yang terpaksa ditanggung kesan kenaikan harga minyak yang mana satu demi satu diumumkan untuk dilaksanakan oleh kerajaan. Di antaranya adalah, Program Kewangan Mikro Bandar, PKMB, dengan dana permulaan sebanyak RM1 juta yang akan memberikan kemudahan pinjaman kepada golongan yang berpendapatan RM2,000.00 ke bawah untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga telah mula menggunakan tahap kelayakan baru, bagi penerima bantuan golongan miskin dari yang berpendapatan kurang RM400.00 kepada RM700.00 sebulan yang telah pun berkuat kuasa mulai 1 Jun yang lalu. Saya percaya dan banyak lagi tindakan dan program yang akan, bakal dan bakal dilakukan dan dilaksanakan oleh kerajaan di dalam membantu meringankan beban rakyat. Keprihatinan kerajaan di dalam membantu meringankan beban rakyat ini, sesungguhnya menyebabkan slogan negara, negara berkebajikan yang telah digunakan untuk mengelirukan pemikiran rakyat pada pilihan raya lalu, pilihan raya yang lalu dengan sendirinya menjadi tidak relevan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, walaupun kita bersyukur dengan semua tindakan dan program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk rakyat, hari demi hari, beban yang terpaksa ditanggung oleh rakyat semakin berat dan hebat. Kos sara hidup yang kian tinggi semakin sukar untuk dipenuhi oleh rakyat khususnya dari golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Berdasarkan keadaan hari, nilai RM740.00 sebagai garis pengukur indeks kemiskinan sudah tidak relevan lagi dan perlu dipertingkatkan kepada nilai yang lebih berketepatan dengan keadaan semasa. Kerajaan termasuk syarikat yang berkaitan kerajaan, haruslah lebih peka dan mengutamakan tanggungjawab sosial di dalam membantu rakyat menghadapi keadaan yang cukup tertekan ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, di dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Sedili, masih ramai keluarga yang terdiri dari pekerja ladang, petani dan nelayan yang hidup di bawah paras kemiskinan yang amat mengharapkan bantuan dan ihsan dari kerajaan untuk menampung kehidupan keluarga. Apa yang mendukacitakan, terdapat sebuah ladang dan kilang yang dimiliki oleh Perbadanan Johor, yang kurang peka dengan keprihatinan yang dihadapi oleh pekerja-pekerjanya. Dalam keadaan harga bahan komoditi kelapa sawit di pasaran dunia yang telah meningkat begitu tinggi, ladang dan kilang sawit Kompleks Pasir Panjang dalam Zon Sedili hanya menawarkan upah sebanyak RM17.00 sehari, dengan jumlah ini, dengan jumlah hari bekerja sebanyak 26 hari, pendapatan pekerja adalah sebanyak RM442.00 sebulan. Iaitu hampir separuh dari indeks kemiskinan RM740.00 yang digunakan oleh kerajaan. Mereka ini bukan sahaja miskin tetapi tergolong dalam kategori miskin segar, tegar. Bagi pekerja ladang yang dibayar gaji hari, jumlah hari bekerja akan berkurangan sekiranya cuaca buruk seperti hari hujan. Kurangnya jumlah hari bekerja bermakna kurangnya gaji mereka untuk bulan tersebut. Dari jumlah RM442.00

inilah, yang akan diagih-agihkan untuk menyara sebuah keluarga. Bagi yang mempunyai anak yang bersekolah menengah mereka terpaksa membayar sebanyak enam, RM60.00 bagi seorang anak bagi perkhidmatan pengangkutan bas sekolah, ke sekolah menengah yang mempunyai jarak sejauh 9 kilometer dari penempatan mereka. Sekiranya sebuah keluarga mempunyai dua orang anak, bermakna gaji yang tinggal hanyalah sebanyak RM322.00. Apakah yang boleh dilakukan dengan wang RM322.00 bagi sebuah keluarga dengan isi rumah seramai lima atau enam orang? Dalam keadaan serba kekurangan ini, apakah yang boleh disediakan oleh ketua sebuah keluarga khususnya di dalam aspek pendidikan anak-anak mereka.

Jika dirujuk kepada buku panduan pengurusan Lestari yang diguna pakai oleh anak syarikat Perbadanan Johor, yang terlibat dalam pengurusan ladang dan kilang sawit memang amat indah dan molek-molek belaka. Tetapi realitinya pengurusan syarikat seolah-olah terlepas pandang dengan kebajikan pekerja dan tidak bersungguh di dalam menjaga hak-hak pekerja untuk mendapatkan faedah dan ganjaran yang lebih baik sejajar dengan keuntungan syarikat yang semakin bertambah besar kesan kenaikan harga komoditi di pasaran dunia. Pengurusan syarikat juga didapati tidak memberikan sedikit pun keistimewaan dari segi upah dan gaji kepada pekerja warganegara tempatan, berbanding pekerja asing dari Indonesia dan Bangladesh. Malahan apa yang berlaku, pekerja asing menjadi penyelia atau mandur kepada pekerja ladang rakyat tempatan. Perkembangan terbaru yang dimaklumkan kepada saya, mengatakan ada ura-ura ladang sawit ini sedang dalam proses untuk dijual kepada sebuah syarikat lain. Persoalannya, dalam keadaan harga barangan komoditi kelapa sawit begitu tinggi pada ketika ini, mengapakah dan apakah keperluan ladang ini mahu dijual kepada pihak lain? Apakah pula nasib pekerja ladang dan kilang sawit ini nanti, apabila pemiliknya bertukar dari sebuah syarikat berkaitan kerajaan kepada sebuah syarikat swasta biasa? Sebagai Wakil Rakyat Sedili, saya mohon kepada Kerajaan Negeri untuk melihatkan permasalahan ini seterusnya mengambil langkah-langkah yang perlu untuk meningkatkan faedah perkhidmatan kepada pekerja-pekerja tersebut.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Tanjung Sedili adalah sebuah kawasan pesisir pantai yang masih jauh ketinggalan dari sudut pembangunan. Kawasan DUN Sedili selain dari tanah rancangan FELDA, adalah terdiri dari beberapa buah kampung yang dipecahkan kepada empat mukim iaitu, Mukim Sedili Kecil, Mukim Sedili Besar, Mukim Hulu Sungai Sedili Besar dan Mukim Kambau. Rata-ratanya penduduknya adalah bekerja sebagai nelayan, selain daripada mengerjakan tanah pertanian dengan pendapatan sebagai nelayan dan petani, ramai penduduk Sedili masih berada dalam kelompok yang dikategorikan sebagai miskin dan miskin tegar. Dari bancian terkini yang telah dilakukan oleh Pejabat Daerah Kota Tinggi, sehingga kini sahaja sejumlah 50 keluarga berada dalam kategori miskin, manakala 100 buah keluarga dikenal pasti berada di dalam kelompok miskin tegar. Alhamdulillah, dengan kerjasama jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pertanian, Majlis Agama Islam, MPOB, Mara dan Tekun, yang telah turun padang bersama-sama dengan saya pada setiap minggu, saya mengadakan pusat khidmat bergerak. Berbagai-bagai bantuan dapat disalurkan kepada golongan yang sangat memerlukan ini, kepada EXCO

ataupun Pengerusi Jawatankuasa yang menjaga jabatan dan agensi-agensi ini, saya ingin memuji kakitangan Jabatan-Jabatan Kerajaan di Kota Tinggi yang terlibat ini, kerana sanggup mengiringi saya untuk membuat lawatan dari rumah ke rumah bagi melihat sendiri kedaifan keluarga-keluarga yang saya sebutkan tadi, seterusnya mengambil data-data yang diperlukan bagi menyalurkan bantuan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, dari nelayan-nelayan tradisional di Sedili, saya mendapat aduan yang memohon supaya, aduan yang memohon supaya pihak Jabatan Perikanan Malaysia menarik balik pembekuan lesen sampan khas yang telah berkuat kuasa semenjak bulan Mac 2005. Kerana dasar ini, kebanyakan, kebanyakan nelayan-nelayan tradisional di Sedili pada ketika ini, tidak memiliki lesen. Sedangkan pemilikan lesen ini merupakan syarat bagi mendapatkan bantuan kerajaan yang telah dikhaskan kepada golongan nelayan ini. Yang lebih buruk lagi, ketiadaan lesen ini menyebabkan mereka tidak layak menikmati subsidi minyak yang dikhaskan oleh kerajaan bagi mengurangkan beban kenaikan harga minyak. Dengan kenaikan harga minyak pada masa ini, menyebabkan kos untuk sekali keluar ke laut dianggarkan kira-kira RM80.00. Dalam keadaan bot-bot pukat tunda yang didakwa sering menceroboh kawasan penangkapan ikan bagi nelayan-nelayan kecil ini, hasil tangkapan mereka kadangkala tidak dapat menampung kos yang perlu dikeluarkan.

Justeru itu, saya memohon supaya pihak kerajaan melalui Jabatan Perikanan Malaysia dapat menerima serta membuka semula atau sekurang-kurangnya meluluskan dengan syarat-syarat khas, lesen sampan khas supaya nelayan-nelayan tradisional ini, dapat turut sama menikmati faedah-faedah yang telah dikhaskan untuk mereka oleh kerajaan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, masa cukup.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Nak penutup.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok.

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Saya juga memohon supaya pihak yang bertanggungjawab menguatkuasakan peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan, bagi kawasan penangkapan hasil laut supaya lebih kerap melakukan rondaan bagi mengelakkan kejadian pencerobohan bot-bot pukat tunda berulang lagi.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya dengan ini menyokong cadangan usul menjunjung kasih titah ucapan perasmian Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan Johor. Sekian, wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Jemput Yang Berhormat. Ada yang bercakap. Bukit Permai.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumsalam.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, terlebih dahulu izinkan saya merakamkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan menjunjung kasih atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan Johor di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih yang tidak berbelah bagi kepada pengundi-pengundi di DUN Bukit Permai sehingga telah dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri bagi penggal kali ini dan yang sentiasa menyokong penuh kepimpinan kerajaan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, izin saya merakamkan jutaan terima kasih serta tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang memimpin negara kita ke arah negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang dan juga sebagai negara Islam yang maju serta aman. Walaupun masih banyak suara-suara sumbang yang membangkang beliau sehingga kini, namun dengan kecekalan tanggungjawab sebagai pemimpin serta ketegasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita masih dapat bernafas di negara bertuah ini dengan aman dan damai tanpa ancaman luar.

Sekiranya masih ada yang berani mencabar dan menyatakan pendirian yang tidak puas hati dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, yang ingin keluar sebagai wakil dari parti komponen Barisan Nasional, mereka seharusnya juga berani untuk mengosongkan jawatan yang dipegang sekarang ini dan diberikan kepada mereka yang lebih layak dan bertanggungjawab serta sanggup memberi komitmen yang berterusan untuk membela nasib rakyat. Sebagai rakyat Malaysia, usahlah kita menggembar-gemburkan lagi berita pelucutan jawatan dan penyerahan kuasa beliau sebagai Perdana Menteri. Malah, kita sebagai rakyat haruslah sentiasa menyokong penuh kepimpinan beliau dan kerajaan sekarang ini. Perkara-perkara seperti boleh mengeruhkan lagi keadaan, bukannya jalan untuk menuju penyelesaian. Sepatutnya kita perlu bersatu padu dengan kepimpinan yang dibawa oleh beliau untuk bersama-sama menjaga keselamatan dan kepentingan rakyat Malaysia khasnya. Semangat perpaduan dan kesepakatan perlu ada dan bukan hanya menuding jari kepada sesiapa pun. Apa yang penting, kita perlu bersama-sama memberi sokongan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya negara kita menjadi negara yang sentiasa harmoni, bersatu padu dan aman.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, di sini juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana berjaya membuat pembaharuan dan penambahbaikan terhadap FELDA serta terbukti kesungguhannya dengan adanya mercu tanda gagasan FELDA moden yang menjadi lambang kegemilangan bagi warga FELDA. Kita sedia maklum bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan lima teras 50 tahun FELDA yang menjadi pandu arah kepada usaha perjuangan FELDA untuk 50 tahun kedua seterusnya supaya kita mengharapkan peneroka

menjadi masyarakat contoh luar bandar. Menjadikan peneroka berpendapatan menengah, membina generasi baru bagi warga FELDA. Menjadi FELDA sebagai pelaku global dan memperkukuhkan budaya organisasi FELDA. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada penghuni-penghuni warga FELDA yang selama ini menyokong kepimpinan Barisan Nasional. Telah banyak faedah dan penambahbaikan yang diberikan kepada warga FELDA dan semestinya kita mengharapkan hasilnya daripada warga FELDA sendiri supaya lebih kreatif dan inovatif untuk menjadikan FELDA lebih maju dan berkualiti serta dicontohi masyarakat luar bandar.

Di sini juga saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah serta syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas pelantikan semula sebagai Menteri Besar Johor yang telah memimpin serta membangunkan Negeri Johor dengan cemerlang. Dengan berpegang kepada prinsip yang kuat untuk menjadikan Negeri Johor sebagai gagasan pembangunan holistik, dimensi kebudayaan yang meliputi semua aspek kehidupan berkaitan politik, ekonomi, sosial, budaya dan agama merupakan kesatuan yang padu yang tidak boleh dipisahkan. Beliau juga menjadikan pembangunan modal insan pembangunan yang holistik yang mengutamakan ketakwaan kepada Allah. Juga sesuatu yang telah dipertanggungjawabkan pada kita untuk memakmurkan bumi yang dicipta oleh Yang Maha Esa yakni dengan menjaga alam sekitarnya, kesejahteraan sosial, sosial juga ekonomi. Dengan kesatuan aspek kehidupan inilah yang menjadikan Negeri Johor sebagai landasan bagi manusia untuk membina organisasi yang memenuhi keperluan hidup serta menjadi negeri yang unggul dan kaya dengan warisan budaya bangsa, perkembangan bahasa dan sastera, berlandaskan prinsip serta pencapaian dibuatnya jelas menunjukkan kewibawaan kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Saya juga menyeru kepada seluruh rakyat Johor supaya sentiasa menyokong kepimpinan beliau supaya Negeri Johor menjadi negeri yang membangun, maju serta harmoni.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, baru-baru ini rakyat Malaysia telah dikejutkan dengan isu kenaikan harga minyak yang tinggi. Ramai yang menimbulkan rasa tidak senang dan tidak puas hati dengan kenaikan harga yang diumumkan oleh kerajaan. Sebagai rakyat Malaysia yang menyokong kerajaan, kita perlu terima dengan keputusan yang telah dibuat oleh kerajaan. Walaupun rakyat dikejutkan dengan isu-isu yang sensitif seperti ini, pihak kerajaan tetap akan menjaga kebajikan rakyat serta terus menerus menampung subsidi-subsidi yang lain untuk kesenangan rakyat juga. Walau bagaimanapun, kita seharusnya terus berusaha dan menerima apa yang telah ditetapkan oleh kerajaan dan bukan terus memprotes tanpa sama-sama memberi cadangan serta langkah-langkah untuk mengatasinya.

Saya mohon dengan adanya persidangan Dewan kali ini, dapatlah kita bersama-sama mencari jalan dan petunjuk yang jelas bagi membantu kerajaan dalam menangani isu-isu sensitif seperti ini supaya tidak menjejaskan perancangan pembangunan kerajaan dan juga menjawab persoalan-persoalan rakyat yang sentiasa merasa tidak puas hati terhadap isu-isu yang dibawa oleh pembangkang dan apa saja keputusan yang dibuat oleh kerajaan demi untuk rakyat. Kita juga sedia maklum kerajaan telah mengambil langkah-langkah pelaksanaan berkaitan apa saja isu-isu yang sensitif dengan keadaan

sekeliling. Perlu ada mekanisme lain yang lebih komprehensif bagi membantu bagaimana untuk mengatasi masalah yang sedia ada.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kita sedia maklum pembangkang selalunya menangguk di air yang keruh. Isu-isu yang dibawa semuanya adalah daripada perbalahan kita sesama kita. Ini haruslah dihentikan untuk kita membina balik kepercayaan, kepercayaan masyarakat, pengundi, parti untuk Barisan Nasional .

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita telah pun menerima keputusan dari Mahkamah Antarabangsa berkaitan Batu Puteh yang telah jatuh ke tangan Singapura baru-baru ini. Saya juga terpanggil untuk menyatakan di sini untuk, di sini, untuk sama-sama kita fikirkan adakah cara lain untuk mendapatkan hak semula Batu Puteh walaupun keputusan telah ditetapkan. Tidak adakah rundingan dan perbincangan di antara dua pihak yang boleh dibuat untuk melihat semula keputusan yang telah ditetapkan. Kerajaan Negeri juga perlu mengambil inisiatif dalam perancangan mengkaji semula perjanjian dua hala dengan Kerajaan Singapura berkaitan dengan isu-isu berkenaan dengan air, ruang udara, laut, CPF dan KTM. Sekiranya tidak ada langkah dan pemerhatian yang serius berkaitan isu-isu seperti ini, kita khuatiri ianya akan menjejaskan perancangan dan pembangunan Negeri Johor khasnya. Kerajaan Negeri juga perlu mengambil langkah yang serius dengan kemasukan rakyat-rakyat Singapura yang semakin bersenang lenang dan mudah untuk memasuki negeri kita. Sedangkan rakyat kita begitu susah dan dikenakan cukai levi untuk memasuki ke negara mereka. Dengan berlakunya fenomena seperti ini, diharapkan pihak Kerajaan Negeri melihat semula kebaikan serta keburukan yang ada. Mengapa tidak kerajaan mengambil langkah untuk mengenakan cukai levi di setiap pintu keluar dan masuk untuk memasuki ke negara ini. Sekiranya hal ini dipandang serius serta langkah-langkah untuk mengatasi diambil, saya yakin kita dapat menjaga kebajikan rakyat kita sendiri dan menjaga keistimewaan yang sepatutnya kita berikan kepada rakyat kita.

Yang berhormat Datuk Timbalan Speaker serta Dewan yang saya kasihi, kita telah banyak lihat dan dengar bermacam-macam kes jenayah dan kerosakan akhlak yang berlaku terhadap anak-anak belia kita sekarang. Walaupun banyak aktiviti ataupun program-program yang dijalankan oleh kerajaan atau badan-badan khusus untuk belia, tapi masalah seperti ini masih tidak dapat dibendung malahan masih berleluasa dan banyak berlaku. Kita perlu mengambil langkah yang lebih serius untuk mengatasi masalah belia sekarang yang saya kira mereka lebih *advance* dengan izin, dari kita dalam melakukan perkara-perkara yang kita sendiri tidak terfikir melakukannya. Pemimpin negara hari ini tidak dapat menyediakan masa depan untuk belia tetapi pemimpin negara pada hari ini dapat menyediakan belia untuk masa depan negara. Oleh sebab itu, pola-pola dan nilai-nilai kepimpinan amat perlu ditentukan oleh pemimpin belia masa kini. Negara kita memerlukan satu aliran dan prospek menuju ke arah satu masyarakat yang adil, harmoni, berkemahiran, mempunyai kemudahan ekonomi serta kebebasan politik dan demokrasi cara Malaysia. Jadi dengan adanya Kementerian Belia dan Sukan dan persatuan-persatuan yang khusus untuk belia, diharap dapat mengambil inisiatif dan langkah untuk mengatasi masalah–masalah belia kini serta memainkan peranan dan fungsinya bagi menarik minat belia-belia di luar untuk bersama-sama memainkan

peranan dalam membendung gejala yang tidak baik dan membantu kerajaan dalam menjadikan negara yang lebih makmur dan aman damai. Kepimpinan dan pertubuhan-pertubuhan belia hendaklah lebih proaktif dan konsisten dalam memikirkan dan memenuhi keperluan belia. Para profesional muda iaitu di kalangan doktor, peguam, arkitek dan sebagainya juga perlu merapatkan dan melibatkan diri dalam kegiatan belia. Tenaga dan kebolehan yang mereka ada dapat dimanfaatkan dan dikongsi bersama belia. Selain itu, di dalam institusi keluarga, sekolah dan media juga perlu memainkan peranan yang penting untuk memupuk kesedaran awam dan menyerap kesedaran sosial dalam membentuk belia yang bermoral dan beretika serta mengawal usaha keruntuhan akhlak dalam belia khasnya.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kalau kita perhatikan semakin ramai pendatang-pendatang asing yang masuk ke dalam negara kita dan bekerja di sini. Sebagai langkah keselamatan dan menjaga kemakmuran negara serta kepercayaan rakyat, kerajaan perlu mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyekat kemasukan mereka ke dalam negara kita ini. Ini kerana kita khuatiri akan berlaku perkara yang tidak diingini berlaku seperti jenayah dan juga penyakit-penyakit yang berjangkit seperti penyakit Tibi yang semakin menular. Dan kalau kita lihat, pekerja-pekerja yang diambil oleh beberapa syarikat kebanyakan dipenuhi dengan warga asing. Dan ini juga boleh menyekat peluang pekerjaan yang sepatutnya didahulukan kepada warga tempatan kita. Oleh itu, perlu dipandang serius demi kesejahteraan rakyat Malaysia. Dengan ini, saya mengharap kerajaan mengambil langkah dan cara yang terbaik untuk menjaga kemakmuran dan kesejahteraan serta perpaduan rakyat Malaysia dan seterusnya menjadi Malaysia menjadi negara yang disanjung dan dihormati di mata dunia.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya ingin membawa semula secara ringkas apa yang telah diucapkan oleh mantan Yang Berhormat DUN Bukit Permai dalam persidangan yang lepas yang telah menyatakan berkaitan fungsi PBT dalam kepimpinan, pengurusan kewangan, pembangunan modal insan, penglibatan komuniti, perkhidmatan pelanggan, program ICT serta pelaksanaan undang-undang dan dasar kerajaan. PBT juga merupakan salah satu agensi yang membantu dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat dalam menjana ekonomi. Mengurangkan penggunaan tenaga buruh asing, mengurangkan serangan penyakit dan menyediakan prasarana pelancongan. Beliau juga mencadangkan agar pihak PBT dapat bergerak aktif dalam menyediakan kemudahan yang selesa supaya dapat menggalakkan pelancong datang ke Negeri Johor. Juga mahukan pihak PBT dan pihak Polis saling bekerjasama agar jenayah ataupun perkara yang tidak diingini berlaku dapat diatasi dengan pantas dan efisien. Dengan apa yang telah diketengahkan oleh beliau, saya di sini juga ingin menyatakan semula agar pihak PBT dapat melaksanakan tugas serta fungsi dengan baik dan berdedikasi. Ahli-Ahli Majlis yang telah dilantik di setiap kawasan perlulah memainkan peranan yang penting dan melaksanakan tugasan dengan betul dan sempurna.

Perkhidmatan awan yang cemerlang memperlengkapkan pengurusan dengan lebih aktif dan mendorong semangat anggota kerja dalam membentuk wawasan masa depan ke mercu kecemerlangan. Perlu disertakan daya

kepimpinan, pengurusan dan pelaksanaan aktiviti yang berkualiti dan memperbaharui azam meningkatkan taraf pencapaian serta mutu dan produktiviti kerja ke arah perkhidmatan awam yang cemerlang.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kita sedia maklum bahawa Kulai telah diisytiharkan sebagai daerah Kulaijaya. Dengan pengisytiharan ini saya berharap daerah Kulaijaya menjadi sebuah daerah yang lebih maju dan inovatif. Besarlah harapan saya dan warga Kulai agar pihak Majlis Daerah Kulaijaya dapat meningkatkan lagi kecemerlangan yang berterusan dalam bidang ekonomi, pendidikan, pembangunan sosial dan budaya. Diharap pihak Majlis Daerah Kulaijaya dapat melaksanakan tanggungjawab dengan lebih berdedikasi, berdisiplin, beraspirasi tinggi dalam mempergiatkan segala aktiviti pembangunannya. Pengisytiharan ini juga merupakan satu pengiktirafan kepada semua golongan masyarakat Kulaijaya ke arah era moden dan maju dengan pelbagai teknologi terkini.

Selain itu juga, sebagai daerah yang telah dinaiktarafkan kemajuan dari segi pengangkutan awam juga perlu diberi perhatian sewajarnya, memandangkan telah banyak dibangunkan taman-taman perumahan yang baru di daerah Kulaijaya ini. Maka adalah wajar penggunaan pengangkutan awam seperti bas mini dapat masuk ke taman-taman baru tersebut sebagai *feeder bus* untuk memudahkan mereka yang menggunakan pengangkutan itu dan juga menaikkan taraf lagi imej terminal bas Kulaijaya yang sedia ada ini dengan meluaskan kawasan terminal untuk kemudahan ramai, juga untuk memudahkan juga bas-bas dan teksi-teksi yang keluar masuk di terminal bas Kulaijaya. Ini juga bertepatan dengan visi dan misi Majlis Daerah Kulaijaya untuk menjadikan daerah Kulaijaya ke arah Perbandaran cemerlang dan sejahtera dengan memberikan perkhidmatan asas yang cemerlang dan terbaik juga membuatkan dan melaksanakan perancangan yang teratur, berkualiti dan holistik.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kemajuan teknologi di negara kita sudah dikira setanding dengan negara-negara luar yang maju. Jadi kita sebagai rakyat yang maju, mestilah pandai untuk manfaatkan dan menggunakan teknologi yang ada dan juga sebagai pengguna kita juga harus tahu betapa pentingnya peranan teknologi maklumat pada masa kini. Saya cukup berbangga dengan adanya teknologi maklumat yang dapat memudahkan segala urusan atau pembelian di mana sahaja. Kemudahan teknologi maklumat dapat mempertingkatkan taraf kehidupan masyarakat pengguna di negara ini supaya setanding dengan negara-negara maju. Kemudahan teknologi maklumat kini telah menampakkan hasil yang memberangsangkan. Antaranya ialah penggunaan sistem transaksi perniagaan elektronik yang dilaksanakan di pasar raya-pasar raya dan di stesen-stesen minyak, penggunaan internet untuk pembayaran bil-bil dan lain-lain urus niaga. Pengeluaran dan pendeposit wang yang kini tidak perlu menunggu lama kerana kemudahan sistem juruwang automatiknya yang semakin canggih dan banyak lagi. Untuk menjamin kemudahan teknologi kita ini menjadi lebih maju dan digunakan oleh masyarakat, saya berharap pihak kerajaan atau NGO dapat memperkenalkan teknologi maklumat kini dengan lebih meluas dengan mengadakan penerangan khas atau promosi bagi mereka yang masih lagi tidak tahu menggunakannya terutama golongan tua. Bagaimanapun teknologi

maklumat ini tidak boleh disalah gunakan kerana boleh mengakibatkan perpecahan perpaduan rakyat dengan menyebarkan berita-berita palsu dan fitnah. Daya saringan yang kukuh dan wajar perlu ditanamkan ke dalam diri supaya tidak mudah terpedaya dengan maklumat yang tidak benar dan berniat jahat. Walaupun internet sebagai *medium* yang membawa faedah kepada manusia namun ia juga boleh menjadi seperti pisau untuk tujuan yang tidak baik. Jadi kitalah yang menilai dan menapis dengan menggunakan kewarasan dan kerasionalan dalam menerima maklumat-maklumat yang tidak benar.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Syarikat Perumahan Negara Berhad telah berusaha dalam membantu membasmi kemiskinan rakyat dengan melaksanakan Skim Rumah Mesra Rakyat untuk golongan miskin dan berpendapatan rendah. Rumah Mesra Rakyat dibina adalah bersesuaian dengan menjadikan negara kita ini sebuah negara yang prihatin dengan kebajikan rakyat. Saya juga mahukan Rumah Mesra Rakyat diperbanyakkan lagi supaya dapat diberikan kepada mereka yang layak terutama di kawasan DUN saya. Saya mahukan mereka ini mendapat faedah yang sama rata dan secara tidak langsung dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh mereka.

Walau bagaimanapun, dalam membasmi kemiskinan pula, pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti Baitulmal perlu memainkan peranan yang penting dalam memberi bantuan yang kepada mereka yang layak. Perlu juga dilihat dalam pelbagai faktor, bukan sahaja dari sudut pendapatan sahaja, malahan perlu diambil perhatian bagi golongan ibu-ibu tunggal yang mempunyai anak yang ramai dan tidak mempunyai pekerjaan yang tetap. Selain itu juga, kita juga perlu mengambil kesedaran yang penting khasnya kepada harta orang Melayu agar ia berkembang dan supaya harta tersebut tidak terbengkalai, terbiar, terjual sekiranya tuan tanah meninggal dunia dan dapat dibahagikan secara Faraid. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab dapat mendedahkan kepada orang Melayu khasnya tentang perancangan harta pusaka kerana ia juga satu tuntutan agama yang penting untuk kita laksanakan dan uruskan bagi merancang supaya harta pusaka yang ditinggalkan tidak terbengkalai atau terpaksa dijual.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa cukup Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Sikit lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Sikit lagi. Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Boleh menyebabkan pengeluaran milikan harta orang Melayu.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kalau kita perhatikan selepas pilihan raya yang lalu, suasana politik di Malaysia amnya berbeza dan sangat mencabar. Mereka yang mengundi sudah berani menyatakan secara terang untuk memilih atau mengundi pembangkang, berbeza dengan pola tradisi yang tidak mahu atau berani menyatakan pilihan mereka. Semuanya kalau kita lihat hanya kerana menunjukkan sikap membantah dan rasa tidak puas hati

kepada pemimpin sendiri. Perkara seperti ini bukan hanya melibatkan rakyat, malahan melibatkan mereka yang berada dalam parti itu sendiri, yang menunjukkan rasa ingin memprotes. Kalau dinilai secara halusnya, ini semua bukanlah satu langkah yang bijak dan sihat dalam budaya berpolitik, bahkan akan memberi tekanan kepada rakyat dan menyebabkan rasa tidak yakin terhadap pemimpinnya. Dan sebagai pemimpin yang membawa dan mendengar suara rakyat, kita perlu menjaga perilaku dan sentiasa bersikap profesional dalam melaksanakan tanggungjawab dan kepercayaan yang diberikan oleh rakyat. Jangan mudah meletakkan kesalahan ke bahu orang lain dan sentiasalah bersedia menerima teguran serta pendapat orang lain juga berkongsi maklumat dalam apa jua perkara.

Sebagai pemimpin atau Wakil Rakyat, kita perlu tampilkan integriti yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Sama ada kita suka atau tidak, integriti yang tinggi di kalangan pemimpin amat perlu untuk menentukan demokrasi terus terpelihara dan keluhuran Perlembagaan kita terus terjamin. Pemimpin-pemimpin yang berintegriti inilah yang mengekalkan kedaulatan dan pendekatan keutuhan institusi, penggubal undang-undang yang luhur, serta dapat memperjuangkan hak rakyat yang tertindas dengan jalan yang bersih dan murni. Pemimpin perlu memantapkan integriti dan menangani jangkaan rakyat yang kian meningkat. Hasil kemajuan pendidikan dan pendedahan kepada dunia luar, rakyat semakin sedar tentang haknya dan semakin tidak teragak-agak menuntut agar hak mereka tidak diabaikan. Rakyat juga mahu kita berkhidmat demi kepentingan rakyat dan negara. Rakyat mahukan gelaran Yang Berhormat yang menjadi berkhidmat dan sedia berpegang kepada etika serta prinsip yang betul.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, dengan kata-kata ini saya turut menyokong rundingan usul menjunjung kasih atas titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang dibawa oleh Yang Berhormat ADUN Rengit. Izinkan saya mengajukan soalan di sini. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih. Jemput Yang Berhormat, Bukit Serampang.

Y.B. Tuan Haji Tahir Bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Tuan Haji Tahir Bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, pertamanya izinkan saya memanjatkan rasa syukur kepada Allah SWT dan terima kasih kepada pucuk pimpinan parti dan kerajaan yang telah memilih saya bersama-sama dengan rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat lain untuk bertanding dan memenangi kerusi bagi pilihan raya kali yang ke-12 yang membolehkan saya untuk turut bersama berbahas, memberikan pandangan, cadangan, teguran-teguran yang membina di dalam Dewan yang mulia ini bagi kepentingan rakyat Johor secara khususnya dan juga Malaysia secara amnya. Di samping itu, saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani Bin Othman, yang telah pun diperkenankan oleh Duli Yang

Maha Mulia Baginda Sultan Johor untuk terus mentadbir dan memacu pentadbiran dan juga parti, pentadbiran di Negeri Johor pada kali ini dan tentunya ini adalah di atas keyakinan dan kebolehan Yang Amat Berhormat dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti mana yang telah pun diamanahkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga turut terpanggil untuk terharu sebagaimana yang telah pun dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan berhubung dengan hak kedaulatan negara kita secara amnya dan khususnya di Negeri Johor sebagaimana yang telah pun dibincangkan oleh Ahli-Ahli Berhormat yang lain mengenai kehilangan hak kita terhadap Batu Puteh. Memang kita wajar terharu dalam hal ini, dan dalam masa yang sama kita juga telah menyarankan kepada pihak kerajaan khususnya Kerajaan Persekutuan, yang melindungi keselamatan negara kita untuk sama-sama berfikir bagaimana untuk kita melihat supaya sebahagian banyak lagi, hak-hak kita, pulau-pulau kita yang sekarang ini kalau tidak dijaga dengan sebaik mungkin, mungkin juga akan terlepas sebagaimana Batu Puteh.

Contoh sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Benut dan sebagainya, Pulau Pisang di daerah Pontian, yang walaupun terkenal sebagai apa ni rumah api, tetapi sebenarnya kalau orang peminat-peminat Ghazal ni, dia Pulau Pisang ni dijadikan sebagai lagu Datuk Speaker, nama lagunya ialah Pulau Pisang. Di mana lagu ni seni katanya saya masih ingat lagi. Pulau Pisang rumahnya api, Pedoman kapal belayar malam, Kalaulah tak dapat hajat di hati, Rosaklah hati binasalah badan. Wah, tu orang bercinta tu. Tapi saya bimbang, kalau ini tidak kita jaga, bukan lagi rosak badan, tetapi akan keluar lagi generasi kita akan datang, cucu kita mungkin, dia akan menggunakan seni kata lagu Pulau Pisang ini dengan berbentuk macam ini, Pulau Pisang tinggal kenangan, Hanyut terdampar di tanah seberang, ha, ini yang kita bimbang, Janganlah asyik kita berangan-angan, Bunga di tangan nanti diambil orang. Ini yang kita bimbangkan walaupun dalam bentuk melodi dia punya seni kata macam cerita orang bercinta, tetapi dalam satu hal yang lain, kalau kita tidak berhati-hati, kalau kerajaan pimpinan kita tidak mengambil berat dalam soal ini, kita bimbang, sejarah hanya tinggal sejarah. Maka akan hilanglah sebahagian daripada hak kita, kedaulatan negara kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin menurut daripada perbincangan di peringkat Parlimen yang telah pun dilaksanakan oleh pihak Kerajaan mengenai kajian separuh penggal bagi Rancangan Malaysia Ke-9. Kalau kita mengikuti kajian ataupun butiran daripada kajian tersebut, jelas kepada kita bagaimana kerajaan yang ada pada hari ini merupakan satu Kerajaan yang benar-benar insaf tentang hak rakyat, membela rakyat, di baik apa peringkat tak mengira kaum, bangsa dan agama. Inilah, walaupun setengah-setengah pihak mempertikaikan di atas keluhuran dan juga keikhlasan kerajaan dalam membantu rakyat tak kira sama ada di bandar mahupun luar bandar. Sebagai contoh, membasmi kemiskinan menjelang 2010, yang telah pun dibincangkan begitu hangat, jelas kepada kita soalnya sama ada pihak-pihak lawan ataupun pihak yang memang tak suka dengan kerajaan yang memang sentiasa kerjanya menjerit, mempersoalkan apa yang telah dibuat oleh kerajaan itu soal lain. Tetapi jelas kepada kita, dalam konteks ini Datuk

Speaker, saya hanya ingin menyentuh satu perkara yang terkandung dalam kajian ataupun dalam Rancangan Malaysia Ke-9 ini daripada lima teras itu, saya nak menurut dalam teras yang kedua. Dalam teras yang kedua tu kalau kita lihat, apa yang telah pun disuarakan, saya petikkan daripada, izinkan saya memetik dalam akhbar Utusan Datuk Speaker, iaitu dalam usaha untuk nak meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama, dan saya nak menyentuh soal strategi yang kedua iaitu nak menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat, cara Yang Berhormat nak berucap ni rasa-rasa lama lagi tak?

Y.B. Tuan Haji Tahir Bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Lama Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Kalau lama saya bagi peluang dua bulan untuk Yang Berhormat berucap. (Dewan ketawa). Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 1 Julai 2008, jam 9:30 pagi.

Persidangan ini ditangguhkan pada jam 1:00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KESEMBILAN	SELASA, 1 JULAI 2008	BIL. 2 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia bte Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
Dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah bte Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M.Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman, KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusa Jaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah Binti Mansor,
(Penawar)

Y.B.Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof,
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Encik Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
Dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Yang Berhormat, Persidangan diteruskan.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker: Yang Berhormat Encik Lau Chin Hoon, jemput.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis): Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1, terima kasih. [Perancangan Pembangunan Daerah Segamat. (a) Apakah draf rancangan yang telah disediakan untuk pembangunan Daerah Segamat bagi masa hadapan? (b) Apakah pula pelan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang melibatkan perancangan pembangunan daerah Segamat untuk masa hadapan? (c) Walaupun dicabar dengan banjir besar, kawasan Kampung Abdullah tetap pesat berkembang dan bakal muncul sebagai salah satu jantung utama dalam pembangunan Daerah Segamat. Apakah wujud perancangan khas yang sistematik untuk membangunkan kawasan Kampung Abdullah dari segi reka bentuk, infrastruktur, aliran trafik, parkir kenderaan dan kemudahan awam?]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam: Yang Berhormat Dato' Speaker, Majlis Daerah Segamat dan Labis dengan kerjasama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Malaysia dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri sedang menyediakan Kajian Rancangan Tempatan Daerah Segamat ataupun RTD bagi jangka masa perancangan 2007 hinggalah tahun 2020, selaras dengan peruntukan Seksyen 12 Akta Perancangan Bandar dan Desa itu sendiri. Bagi kajian Rancangan Tempatan Daerah Segamat ini, ia merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri yang diambil melalui Majlis Daerah Segamat dan Labis dan juga jabatan-jabatan yang saya sebutkan itu tadi berserta, bersama serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Rancangan ini adalah merupakan satu pelan yang cukup terperinci yang meliputi pelbagai sektor khususnya pelan guna tanah masa hadapan di daerah Segamat sehinggalah tahun 2020. Pelan ini mesti dijadikan kerangka pembangunan bagi tujuan pemajuan dan penggunaan tanah dan untuk membangunkan bangunan-bangunan. Ia juga sebagai asas, sebagai asas dalam permohonan peruntukan agensi dan jabatan-jabatan yang terlibat di dalam setiap perancangan Program Rancangan Malaysia 5 Tahun.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kawasan Kampung Abdullah telah pun dikenal pasti sebagai kawasan pembangunan yang perlu dibuat perhatian yang khusus. Oleh itu, bagi perancangan yang terperinci dan khusus terutama bagi tujuan pengurusan dan pelaksanaan. Kawasan ini telah ditentukan ikut perancangan sebagai rancangan kawasan khas dalam Rancangan Tempatan

Daerah Segamat. Rancangan Kawasan Khas ataupun ringkasnya RKK ini melibatkan kawasan seluas lebih kurang 64 hektar. Rancangan Kawasan Khas tersebut, Yang Berhormat Dato' Speaker, akan memperincikan semua masalah atau isu reka bentuk bangunan, penyediaan infrastruktur, trafik dan lalu lintas serta semua kemudahan yang berkaitan dalam bentuk pelan pelaksanaan. Dokumen ini disediakan berdasarkan peruntukan Seksyen 16(b) di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa.

Semasa penyediaannya, kita telah mengadakan bengkel ataupun bengkel dipanggil Bengkel FGD dengan izin *Focus Group Discussion* yang diadakan di Segamat pada 3 dan 4 Mei yang lalu, pada 3 dan 4 Mei tahun 2006 dikendalikan bersama oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan semua jabatan yang terlibat termasuklah Majlis Daerah, kedua-dua Majlis Daerah. Dan, telah pun mendapatkan cadangan dan maklum balas perancangan serta perancangan strategik ekonomi iaitu mempelbagai pembangunan ekonomi yang makmur dengan menggunakan sumber ekonomi yang sedia ada secara berterusan serta mengekalkan asas ekonomi baru dengan lebih inovatif dan produktif. Dalam keadaan semasa Yang Berhormat Dato' Speaker, kawasan Kampung Abdullah memanglah merupakan kawasan yang tidak terancang khususnya dari segi sistem jalan raya dan kemudahan asas dan utiliti. Sistem jalan rayanya tidak teratur dari segi hierarkinya iaitu dari segi kelebaran jalan yang tidak seragam, manakala kedudukan bangunan yang tidak teratur dan aktiviti yang pelbagai iaitu kediaman dan perniagaan memberikan pandangan yang tidak, yang kurang menarik.

RKK tersebut akan memperincikan cadangan pembaikan persekitaran Kampung Abdullah yang memerlukan perancangan semula menyeluruh yang mana melibatkan zon perumahan yang dibenarkan untuk ditukar guna misalnya kepada zon perdagangan melibatkan sektor pelaksanaan dan kewangan. Imej bandar, reka bentuk, perdagangan, analisis, nilai tanah sedia ada, infrastruktur, kemudahan masyarakat dan pengurusan lalu lintas melalui menaiktarafkan jalan, laluan pejalan kaki, pengangkutan awam, kemudahan tempat letak kereta, kawalan lalu lintas dan lain-lainnya. Secara teknikalnya, penyediaan RKK ini akan dijalankan melalui kaedah-kaedah analisis yang tertentu dan teknik-teknik ini digunakan untuk menyelesaikan masalah kedudukan bangunan, kedudukan bangunan dan khususnya sistem jalan raya di kawasan Kampung Abdullah. Ini bermakna Yang Berhormat Dato' Speaker, kajian yang terperinci tersebut akan dapat mengatasi masalah kawasan tersebut dengan secara lebih tertumpu atau fokus dan bersifat pelaksanaan. Dan semua dokumen yang disediakan ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 16(b) di bawah Akta yang berkenaan.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah): Dato' Speaker, soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker: Ya Pemanis, ya.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah): Terima kasih di atas penerangan yang berkaitan tentang pembangunan Segamat. Cumanya Dato' Speaker, kita melihat bahawa draf ataupun rancangan perancangan yang baru 2007 – 2010, untuk dilihat, untuk membangunkan Segamat. Tetapi saya nak tanya sebelum daripada draf ini, ada draf pun yang lain. Maknanya daripada 2001 hingga

2007, tetapi bagaimana dari seri pencapaian? Kerana Dato' Speaker, kita lihat tadi, dikatakan untuk susun atur lebih baik dan sebagainya. Tetapi sepanjang 5 tahun sebelum ini kita lihat di Bukit Siput contohnya, kebanyakan dari segi pembangunan dibuat secara kecil-kecilan walaupun dilakukan oleh pemaju yang sama, yang menyebabkan kemudahan-kemudahan asas yang melibatkan padang dan juga melibatkan perkara-perkara lain, rekreasi dan sebagainya, tidak dapat ditentukan oleh pihak PBT. Dan ini menyebabkan masalah gejala sosial berlaku. Jadi adakah ianya sekadarkan cuma perancangan tetapi dari segi pelaksanaannya ia tidak mengikut seperti apa yang telah dicadangkan. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam: Sebab itu Yang Berhormat Dato' Speaker untuk mengatasi masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, perlu kita ada satu pelan perancangan yang teratur dan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa ini, ada peruntukan supaya kita melaksanakan RTD, Rancangan apa ni... RTD ini. Di peringkat negeri dia ada Rancangan Struktur, kemudian di peringkat daerah ada PPT, ada RTD, bawahnya lagi ada RKK, Rancangan Kawasan Khas yang melibatkan kawasan dikenal pasti seperti Kampung Abdullah, untuk permulaannya, yang mana draf perancangan ini masih lagi di peringkat pelaksanaan. Belum, di peringkat pelaksanaan, perancangan di peringkat yang terakhir.

Jadi sebelum ini, bukan tidak ada perancangan yang khusus, tetapi perancangannya adalah terlalu umum yang melibatkan berbagai-bagai apa ni... jabatan dan agensi kerajaan yang tidak tertumpu kepada satu kaedah perancangan yang cukup rapi dan fokus. Sebab itu, ini hierarkinya kalau kita nak tengok pun, hierarkinya pelaksanaan rancangan yang terperinci ini kalau kita tengok ialah daripada Majlis Perancangan Fizikal Negara di peringkat negara, turun kepada Rancangan Struktur Negeri yang mana pengerusinya sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, di peringkat pusat ialah Perdana Menteri sendiri, kemudian turun kepada peringkat Rancangan Tempatan Daerah dan seterusnya kepada Rancangan Kawasan Khas yang akan ditentukan oleh Jabatan yang berkenaan dan ditentukan oleh... dan juga merujuk kepada apa ni... Majlis Daerah dan juga pandangan-pandangan umum.

Sebab itu, dalam pelaksanaannya nanti, RTD ini bukan sahaja diteliti oleh Majlis, bukan sahaja diteliti oleh jabatan-jabatan yang berkenaan tetapi akan diserantakan. Dan di situ kita akan terima semua komen sebelum pelaksanaan akhirnya, pelaksanaan ini dijalankan. Tetapi yang terpentingnya yang saya nak tekankan di sini sedikit ialah Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah apabila siap RTD ini nanti semua jabatan pelaksana termasuk dengan paling mustahak ialah PBT itu sendiri, mestilah tahu macam mana hendak melaksanakan, bukan sahaja membaca pelan yang telah disiapkan, mesti ada unit khas dan mesti ada *political will* untuk melaksanakan ini. Sebab itu dengan susunan yang elok dan teratur ini, adalah menjadi harapan Kerajaan supaya nanti di masa yang akan datang, pelaksanaan pembangunan di setiap kawasan PBT dalam Negeri Johor akan dapat disusun dan diatur dengan lebih terperinci dan lebih tersusun.

Y.B. Dato' Speaker: Yang Berhor... Ok. Segamat, bolehlah.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang): Yang Berhormat Dato' Speaker, saya begitu tertarik dengan perancangan yang dibuat oleh Kerajaan tentang pembangunan Daerah Segamat. Oleh kerana saya daripada Labis khasnya DUN Tenang berada di dalam daerah Segamat juga, saya ingin tahu apakah rancangan Kerajaan khususnya tentang pembangunan di dalam daerah kecil Segamat, *sorry* daerah kecil Labis oleh PBT ataupun projek-projek yang lain supaya Labis ini tidak tertinggal di dalam arus pembangunan yang sedang rancak diperkatakan.

Y.B. Dato' Speaker: Oh, Labis yang bangun ha'ah.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang): Terima kasih Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam: Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman ADUN Labis, ini adalah dari segi rancangan susun atur yang dibuat melalui rancangan... dengan melalui RTD ini. Tetapi saya percaya sebelum ini kita telah adakan apa ni... *focus group discussion* itu. Dan dalam melaksanakan *focus group discussion* yang diadakan 2 hari itu, pada 3 dan 4 Mei tahun 2006. Saya ingat masa itu pun Ahli Yang Berhormat pun masih jadi Wakil Rakyat. Saya kira Ahli Yang Berhormat pun memang semestinya ada dalam LTD ini. Tapi kalau Ahli Yang Berhormat juga bertanyakan kepada saya, apa dia? (ketawa). Saya fikir, sebab yang dipanggil semua badan kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), Ahli Majlis Perundingan, Perancang Bandar dan Desa, Penghulu, JKK Kampung, antaranya termasuk ahli-ahli politik. Jadi, benda ini akan dibincangkan. Sebenarnya kita ikut pandangan apa yang diutarakan oleh masyarakat.

Y.B. Dato' Speaker : Termasuk Wakil Rakyat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Kita, kita, perancangan ini adalah *accommodate* dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, dia demam kelmarin. Yang Berhormat Encik Ja'affar bin Hashim, jemput.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 2. [Menyedari masalah gejala sosial semakin hari semakin mencabar. Isu Mat Rempit yang mengaitkan pelbagai aktiviti yang merunsingkan seperti menerima habuan hadiah berupa seks, dadah dan wang ringgit telah menjadikan amalan rempit ini sukar dibendung melalui generasi demi generasi. (a) Apakah perancangan jangka panjang dan jangka pendek untuk golongan yang berminat amalan rempit ini? (b) Adakah disediakan peruntukan khas kepada mana-mana badan/persatuan/kelab untuk mendekati golongan ini.]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor telah dan sedang melaksanakan program-program ataupun aktiviti-aktiviti yang boleh disertai oleh golongan

belia yang berminat dengan amalan rempit ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Program-program jangka panjang dan jangka pendek telah dirancang bagi mendekati golongan ini. Program jangka panjang adalah meliputi Kursus Latihan Kemahiran Terbuka seperti Kursus Membaiki Motor, Panduan Perlumbaan Berhemah dan Latihan Intensif untuk sukan bermotor dengan kerjasama UTM Racing Club, Nissmo Club dan AAM, bagi memberi pendedahan kepada mereka untuk memasuki sukan bermotor. Manakala program jangka pendek yang dirancang oleh Jabatan Belia dan Sukan pada tahun ini ialah :

i. Program Kembara Rakan Muda Bermotosikal,
ii. Cabaran Motosikal Lasak Johor 2008,
iii. *Clinic Advance Riding and Driving,*
iv. *Clinic Motorcross*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Pusat tidak mempunyai peruntukan khas khusus untuk badan ataupun persatuan, ataupun kelab bagi mendekati golongan ini. Namun begitu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan hampir RM200,000.00 bagi tujuan memberi bantuan kepada persatuan atau kelab ataupun badan-badan NGO, bagi menjalankan program ataupun aktiviti berfaedah. Peruntukan ini boleh dipohon bagi melaksanakan program ataupun aktiviti untuk mendekati golongan ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Senggarang.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Speaker. Umum kita mengetahui bahawa kadar kemalangan maut sejak tahun 2000 hingga 2007. Kadar puratanya ialah 6,200 orang setiap tahun akan maut akibat kemalangan maut ini. Dan bermakna setiap satu jam, akan terkorbanlah lebih kurang 17 orang yang kematiannya akibat kemalangan ini. Dan kita tahu bahawa 70 peratus daripada kemalangan maut ini adalah datangnya daripada penunggang-penunggang motosikal, yang kita sekarang ini kebanyakannya kita gelarkan dia sebagai Mat Rempit. Kalau dulu mungkin orang panggil Mat Pret ataupun...

Y.B. Dato' Speaker : Mat apa?

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Mat Motor. Sekarang ini kita gelar dia Mat Rempit dan ia telah menjadi satu masalah kepada masyarakat khususnya kepada anak-anak muda kita yang mempunyai tenaga yang banyak, wang ringgit yang ada dan mereka mampu untuk membeli motosikal. Tetapi akhirnya motosikal digunakan untuk mengorbankan diri mereka sendiri. Soalan saya, sekiranya tidak ada peruntukan ataupun maknanya peruntukan diberikan adalah hanya sekadar RM200,000.00, untuk anak-anak muda ini terlibat dalam aktiviti-aktiviti rempit ini, tidakkah boleh melalui Rakan Muda ataupun melalui Pejabat Belia dan Sukan daerah-daerah menganjurkan ataupun mengadakan perhimpunan ataupun pendekatan secara lebih mengkhusus kepada golongan ataupun kelompok anak-anak muda yang berminat dengan motosikal ini. Kerana, kita maknanya kita tahu bahawa …

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, soalannya apa? Panjang sangat.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Soalannya ialah maknanya tidakkah ada, maknanya melalui Pejabat Belia Rakan Muda, Rakan Muda Peringkat Daerah ini menganjurkan atau mengadakan pendekatan yang lebih komprehensiflah, lebih fokus kepada anak-anak muda ini supaya mereka sedar tentang bahayanya rempit ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ha'ah ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti mana yang pernah saya nyatakan dalam Dewan yang mulia ini, bahawa di antara program yang kita akan laksanakan ialah yang kita rasakan dapat menarik minat golongan Mat Rempit ini ialah, Program Kembara Rakan Muda Motosikal, yang mana kita cadang untuk mengadakan kembara kumpulan-kumpulan Mat Rempit ini pada satu daerah ke satu daerah yang mana dalam program itu, kita akan selitkan dengan program-program kemasyarakatan seperti gotong-royong, Program Taklimat Keselamatan oleh Polis dan sebagainya, yang mana perjalanan program dari satu tempat ke satu tempat ini juga akan melalui jalan-jalan yang lebih selamat, di mana mereka dapat, maksud saya tidak melalui *highway* ataupun jalan yang sibuk supaya mereka dapat apa nama ini, perjalanan itu lebih selamat.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, program ini dalam proses penyusunan dan insya-Allah, saya yakin bahawa, ini di antara pendekatan untuk menarik golongan muda ini dengan, selain daripada pendedahan juga kesedaran tentang betapa pentingnya cara pemanduan berhemah ini.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Nanti, saya nampak sini dia terang sikit. Ok yang Berhormat, jemput.

Y.B. Datuk Dr. Adham Bin Baba (Pasir Raja) : Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat, saya ingin membawa satu perkara iaitu kaedah *recruitment* Mat Rempit ini sangat berjaya. Maknanya melahirkan *a new rempit*. Orang yang baru dalam kumpulan Mat Rempit ini sangat berjaya. Maknanya kaedah penggunaan mereka melahirkan generasi baru Mat Rempit berkembang. Maknanya mereka mempunyai mekanisme melatih ahli-ahli baru dengan berjaya. Mereka mengatakan bahawa mereka dibawa ke bengkel. Banyak bengkel kursus dibuat tetapi apa yang mereka hendak ialah bengkel-bengkel yang boleh di selaras supaya dengan adanya bengkel motor misalnya, bengkel motor yang mereka lakukan sendiri. Hari ini tidak ada panduan, mereka perlukan bengkel-bengkel yang ditunjuk ajar oleh Pertubuhan Belia, yang mana Pertubuhan Belia ini boleh memandu mereka ke arah membetulkan

motor dia yang sebenar. Bukan *repair* supaya dia jadi lebih *exotic* ataupun lebih menarik perhatian rakan-rakan lain. Soalan saya…

Y.B. Dato' Speaker : Ha, apa dia?

Y.B. Datuk Dr. Adham Bin Baba (Pasir Raja) : Apakah Jabatan Belia sanggup untuk meneliti perkara ini? Bagaimana kaedah merekrut Mat Rempit yang baru sehingga berjaya dan terhadap bengkel-bengkel yang mereka usahakan itu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, Jabatan Belia dan Sukan sedang dalam proses perbincangan dengan beberapa agensi kerajaan, khususnya berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Salah satu dia ialah TEKUN yang mana dalam Program TEKUN, mereka ada Program Rakan Niaga yang mana TEKUN akan membiayai untuk, TEKUN bekerjasama dengan sebuah syarikat pengeluar alat-alat ganti motor ini dan akan *upgrade* bengkel-bengkel motor di kawasan atau di daerah-daerah kecil dan sebagainya. *So*, Jabatan Belia dan Sukan sedang berbincang dengan TEKUN untuk, apa nama ni, mendapatkan satu peruntukan supaya dapat di, diambil peluang oleh belia khususnya golongan-golongan yang minat motosikal ini.

Seperti mana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, memang kita sedar bahawa terdapat ramai di kalangan generasi ataupun belia yang terlibat dengan motor ini, yang ada bengkel-bengkel motor yang, mungkin tak begitu, apa, tak begitu tersusun, teratur dan kita dalam proses bincang dengan TEKUN dan bantu sedikit modal dan sebagainya .

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Permas, *last.*

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih Dato'. Saya rasa saya mohon untuk tukarkan tempat yang terlebih teranglah, senang nampak. Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan telah menjalankan banyak kursus termasuk juga Panduan Perlumbaan bagi Mat-mat Rempit ini dan juga memberi bantuan bagi persatuan dan sebagainya. Apakah sambutan daripada golongan Mat Rempit ini? Berapa banyak telah mengambil bahagian dalam program-program ini dan kesan? Adakah mereka selepas kursus-kursus ini meninggalkan penyertaan dalam perlumbaan haram ini. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ada bilangan dia?.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, Jabatan Belia dan Sukan tidak ada data yang khusus berhubung dengan berapa ramai orang yang dah masuk bengkel tapi tinggalkan kegiatan rempit ini. Soalnya Yang Berhormat Dato' Speaker, ini soal minat dan minat ini, sebab golongan ini adalah orang yang minat naik motor. Kalau kita nak halang pun susah juga. Cuma yang boleh kita buat ialah kita masukkan input-input dalam kegiatan mereka itu, input-input yang berfaedah, input yang baik sepertimana yang saya kata, saya katakan tadi.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dr. Lee Hong Tee.

Y.B. Encik Lee Hong Tee (Jementah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 3. [Isu kalangan Doktor Perubatan dan Doktor Pakar di hospital Kerajaan di Negara ini masih belum dapat diatasi. Isu ini masih berlarutan dan ianya belum menampakkan sebarang kejayaan untuk mengatasinya. (a) Apakah punca utama yang menyebabkan kekurangan bilangan Doktor Perubatan dan Doktor Pakar di nagara ini? (b) Dalam setahun, berapa ramaikah Doktor Perubatan dan Doktor Pakar dapat dihasilkan? (c) Apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diatur oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan Doktor Perubatan dan Doktor Pakar di Negara ini?]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Salam Sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, secara umumnya antara sebab-sebab yang menyumbang kepada masalah kekurangan bilangan doktor ini adalah :

i. Bilangan graduan yang menamatkan pengajian daripada IPTA dan IPTS adalah terhad, sedangkan keperluan adalah tinggi.
ii. Penghijrahan ke hospital-hospital swasta atau berkhidmat secara pensyarah di universiti-universiti tempatan.
iii. Masalah peribadi, seperti tidak mahu ditukarkan ke tempat lain.
iv. Persekitaran kerja yang kurang kondusif dan bebanan kerja yang tinggi di hospital-hospital kerajaan.
v. Faktor kewangan berikutan kos sara hidup yang tinggi, khususnya di kawasan bandar dan Bandar raya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, secara purata sejumlah 1,165 orang Pegawai Perubatan dan 300 orang Pegawai Perubatan Pakar dapat dihasilkan dalam masa setahun. Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi mengatasi masalah kekurangan Pegawai Perubatan di Kementerian Kesihatan, beberapa langkah telah diambil. Antaranya adalah :

i. Melantik semula secara automatik Pegawai Perubatan yang telah bersara wajib khususnya Pakar Perubatan untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia, dengan syarat mereka mempunyai rekod dan prestasi perkhidmatan yang cemerlang dan kesihatan yang baik.
ii. Meneruskan syarat perkhidmatan wajib selama 3 tahun kepada Pegawai Perubatan.
iii. Menggunakan khidmat Pegawai Perubatan Swasta untuk bertugas di hospital-hospital kerajaan secara *sessional*.
iv. Kerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan JPA untuk menambahkan kuota pengambilan mahasiswa dalam bidang perubatan.
v. Kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dalam program menggalakkan warganegara yang berkepakaran yang bekerja di

luar negara pulang ke Malaysia untuk berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan di hospital-hospital Kerajaan.

vi. Mengambil pegawai-pegawai perubatan bukan warganegara secara kontrak dan menambah baik terma dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai perubatan dengan mewujudkan pelbagai insentif dan peluang kemajuan kerjaya yang baik.

vii. Memperkenalkan *lowcum* atau *full paying patients* serta elaun-elaun yang insentif dan insentif-insentif yang lebih menarik kepada pegawai perubatan.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee (Jementah) : Soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO Kesihatan atas jawapan yang telah diberikan. Isu kekurangan doktor khususnya di daerah Segamat, Hospital Segamat memang merupakan satu isu yang serius. Dan, saya selalu mendapat aduan daripada penduduk-penduduk di daerah Segamat mengenai perkhidmatan yang diberikan oleh Hospital di Segamat disebabkan oleh kekurangan doktor. Dan, saya juga difahamkan bahawa di Hospital Segamat adanya doktor-doktor kontrak daripada negara-negara yang lain. Memandangkan usaha kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan doktor. Tetapi kenapa di Segamat ini, di mana daerah Segamat ada penduduk lebih kurang 200,000 orang, tetapi satu Pakar Pediatrik pun tak ada. Saya rasa ini adalah suatu perkara yang sangat *urgent*, bagi daerah Segamat, sekurang-kurangnya ada satu pakar kanak-kanak, satu. Seterusnya, saya juga nak tahu, kita juga menghadapi masalah doktor kontrak daripada negara lain. Jadi, saya nak tanya, apakah mekanisme yang diadakan oleh Kementerian Kesihatan, apabila mengupah ataupun melantik doktor-doktor kontrak daripada negara lain, memastikan kepakarannya ataupun mutu kualiti, kualiti perubatannya adalah menepati ataupun menepati kualiti mutu perkhidmatan negara kita? Sekian, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat. Tentang kekurangan doktor di Segamat dan doktor kontrak di Segamat, memang merata-rata kita menghadapi kekurangan doktor. Kalau kita lihat di Negeri Johor aje, pakar patutnya, di, pakar di pengurusan tinggi, pengurusan profesionallah, kalau ada yang 15 yang isi hanya 10, 5 kosong. Memang di merata-rata di Negeri Johor ni, memang hospital-hospital memang kekurangan doktor dan kekurangan doktor-doktor pakar. Jadi, di Negeri Johor, Negeri Johor yang mempunyai hospital pakar adalah 7 eh, Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, Hospital Sultan Ismail, Hospital Sultanah Fatimah di Muar, Batu Pahat, Kluang, Segamat dan Hospital Permai. Dan, untuk menampung kekurangan, kalau di Segamat, patutnya jawatan ada 7, tetapi diisi hanya kosong, pakarnya eh. Tapi, kita ada 4 orang pakar kontrak. Pakar kontrak iaitu daripada India dan ini akan menampung kekurangan pakar di hospital berkenaan. Jadi, Yang Berhormat mengatakan tentang kekurangan *Paediatrician,* dengan izin, di Hospital Segamat. Segamat dekat dengan Muar, jadi, apa-apa masalah kita akan *refer* daripada Hospital Segamat ke Muar.

Y.B. Dato' Speaker : Sempat , Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Sempat.

Y.B. Dato' Speaker : Separuh jalan saja kang?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Sekejap. Ataupun kalau yang teruk sangat tu, kita hantar ke Johor Bahru pun ada juga. *Cases*, kes-kes yang teruk. Jadi, buat masa sekarang, walaupun kita kekurangan doktor dan kekurangan pakar kita *still* boleh menghadapi sebarang masalah.

Yang Berhormat juga menyentuh kerana doktor kontrak ni, mutunya tak betul eh? Jadi, setiap doktor pakar yang dilantik ataupun dipilih oleh Kementerian Kesihatan, dia ada *qualification* dia, dia punya semua. Jadi kita dah, bukan sebarang aje kita lantik doktor-doktor pakar yang kontrak ni.

Y.B. Dato' Speaker : Bahaya eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Dia memenuhi syarat-syarat dan kepakaran dia, *experience* dia dan sebagainya. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Bentayan.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat EXCO ada menyatakan Muar ialah ada sebuah Hospital Pakar yang dinamakan Hospital Pakar Sultanah Fatimah. *So*, kalau pesakit-pesakit Segamat akan dirujuk kepada Muar. Sungguh pun Muar, Hospital Pakar Sultanah Fatimah digelar sebagai sebuah Hospital Pakar tetapi nampaknya tiada pakar otak di hospital ini? (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Ni, Yang Berhormat, ni pakar otak ni, siapa sakit?

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Tak ada.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ok?

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Saya, ok.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, oklah. Kalau Yang Berhormat ok, tak apalah**,** takutlah jugakan.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Sekarang mungkin ada banyak kemalangan berlaku di kawasan Muar. *So*, banyak kes-kes yang kepalanya pecah dirujuk kepada Hospital Sultanah Aminah. *So*, perjalanan itu mungkin mengambil 2 jam lebih. *So*, kalau dalam kes-kes serius tu, memang tak sempatlah. *So*, adakah kerajaan berhasrat untuk menambah satu pakar otak di hospital?

Y.B. Dato' Speaker : Muar, patutlah tambah, banyak sudah lainlah. Ya, Yang Berhormat.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Bukan tu, Yang Berhormat, orang pecah kepala.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, pecah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Speaker, pakar otak ni, dia ada dua, Pakar *Neuro Surgeon* ataupun *Neurologist*, ya.

Y.B. Dato' Speaker : *Euro*, eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : *Neuro*.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, *Neuro*, ingat *Euro*. (Dewan ketawa).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Jadi, yang kita pentingkan, yang macam *accident* dan sebagainya eh. *Injury* kepada otak ni adalah *Neuro Surgeon*. Di Negeri Johor, kita ada satu aje *Neuro Surgeon*. Jadi, yang ditempatkan di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru ni. Jadi, semua *cases,* kes-kes yang melibatkan kerosakan ataupun trauma kepada otak itu, kita kena hantar ke Johor Bahru. Ataupun kita boleh juga, kalau dah teruk sangat, kita hantar Hospital Pakar yang berdekatan seperti di Melaka mungkin. Tetapi Melaka pun tak ada, apa tu, pakar sebegitu. Ataupun kalau kita rasa boleh, ni doktor punya inilah ya, tengok *patient* tu macam mana, nak hantar dengan cepat, boleh bertahan dalam berapa jam, kita boleh juga hantar ke Hospital Kuala Lumpur. Tapi, kalau teruk sangat kita hantar melalui helikopterlah.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ok, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Mana-mana yang perlulah. Jadi, nak cari *Neuro Surgeon* tu, kurang, Yang Berhormat. Kurang Pakar *Neuro Surgeon* tu.

Y.B. Dato' Speaker : Berat eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Jadi, di seluruh negaralah. Jadi, minta maaflah kalau tak ada.

Y.B. Dato' Speaker : Akan diikhtiarkan.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, lagi satu saja.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Hospital Segamat ini, disebut-sebut oleh orang Segamat, satu hospital yang tidak begitu selamat. Maksudnya, kalau misal kata, ada orang yang sakit, ada 75 *percent* lagi harapan untuk hidup, Dato' Speaker, jangan hantar ke Segamat, jawabnya dia akan habis, ataupun meninggal. Saya, kadang-kadang berbual juga dengan rakan-rakan yang menjadi Ahli Lembaga Pelawat Hospital Segamat ini, dan ada di antara kes-kes yang tidak munasabah berlaku, telah dilakukan dan akibatnya ialah rakyat menjadi mangsa di atas ketidakcekapan pakar doktor yang dikatakan pakar. Saya tak pasti sama ada, Yang Berhormat tadi kata, seseorang yang diambil sebagai doktor pakar di hospital, khasnya di Hospital Segamat itu, selepas dikaji, diteliti tentang kelulusan, pengalaman, kelayakan dan sebagainya baru diambil sebagai pakar. Tapi, apa yang saya difahamkan kalau...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, soalannya apa? Nyatakan?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Kalau doktor pakar yang ada di Segamat itu, lebih lemah dari segi pengalamannya, jika dibanding dengan pegawai-pegawai perubatan yang ada di sana. Soalan saya, apakah kategorinya kalau boleh saya kata, kategori hospital-hospital yang ada dalam Negeri Johor ni, Hospital daerah Segamat ni, begitu lemah, begitu tidak cekap, agaknya kalau kategori C, B dan tidak mungkin A. Kalau ada kategori tentang kecekapan satu-satu hospital kerajaan di Negeri Johor? Sebab kita, Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, tak payah...

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Memang kecewa.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, oklah.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Kerana doktor-doktor di Hospital Segamat...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat. Cakap pendek dah tak ada benda, karang bercakap sajalah. Ha, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, Hospital Segamat yang dibina pada tahun 1995, mempunyai 221 katil. Jadi, selain daripada kekurangan doktor biasa, *MO's* dan *houseman,* kita juga kurang pakar. Jadi, Yang Berhormat telah menyentuh pada kewibawaan doktor pakar kontrak tu eh. Mereka ni, macam apa tu, *General Surgery*, kita letakkan pada *General Surgery*, perubatan, yang boleh ditangani pakar-pakar biasalah. Tapi, kalau yang *specialist* punya tu, kita memang tak ada. Memang kita kekurangan, itu sebab kita tekankan di sini, di Hospital Segamat memang kekurangan kemudahan, kekurangan apa tu, doktornya, baik *Medical Officers*nya dan sokongan, alat-alat sokongan pun memang kita kurang. Jadi, kita tengah memohon banyak peruntukan untuk menambahbaikkan hospital, bukan hanya Segamat, semua hospital di Negeri Johor, insya-Allah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Tan Cher Puk, jemput.

Y.B. Encik Tan Cher Puk (Johor Jaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4. [Masalah Banjir di Kg. Baru Plentong. Pada tahun 2006, Menteri Pengangkutan telah mengumumkan peruntukan 10 juta untuk mengalihkan jambatan KTM dan mendalamkan Sungai Plentong. Menurut makluman KSU KTM pusat, rancangan ini perlu menunggu kajian pertengahan rancangan RMK-9. (a) Adakah rancangan ini telah termasuk dalam RMK-9? (b) Selain menunggu rancangan RMK-9, apakah rancangan lain yang boleh diambil? (c) Berapakah lama lagi penduduk perlu menunggu untuk melihat masalah ini diselesaikan?]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan menaiktarafkan jambatan KTM di Sungai Plentong. Pihak KTM Berhad telah pun mengemukakan permohonan ini. Iaitu peruntukan dengan kertas kerja khas sebenarnya melalui Kementerian Pengangkutan untuk mendapatkan peruntukan dalam Kajian Separuh Penggal RMK-9. Tetapi, sehingga kini, pihak KTMB masih lagi menunggu keputusan, keputusan rasmi yang masih belum kita terima.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selepas kejadian banjir besar ni, untuk makluman Dewan, pada tahun 2006, akhir 2006 dan awal 2007, yang lalu kerja-kerja membaik pulih di cerun jambatan besi KTMB di Sungai Plentong ni, yang dipanggil jambatan nombor 32 ni, telah disiapkan dengan melibatkan kos menghampiri RM700,000.00. Dan sebelum ini juga kerja-kerja pembaikan juga pernah KTMB buat iaitu pada tahun 2004 di kawasan yang sama dengan kos pembaikan sebanyak RM500,000.00. Perancangan lain yang akan dilaksanakan ialah dengan menambah, dengan menambahkan ini atas saranan pakar yang di ambil oleh JPS iaitu KTMB kena penambah bukaan kelebaran jambatan pada rentang jambatan kereta api sedia ada yang mana ianya memerlukan peruntukan yang disebut iaitu yang diumumkan oleh Menteri Pengangkutan pada masa itu, pada tahun 2006 sebanyak RM10 juta. Bila hendak dilaksanakan, kita telah pun dapatkan khidmat cadangan daripada jurutera perunding yang saya sebutkan tadi yang dilantik oleh JPS untuk menaiktarafkan jambatan KTMB di Sungai Plentong ini yang menyebabkan banjir khususnya di kawasan Plentong D Village dan sekiranya siling peruntukan untuk projek ini diluluskan oleh RMK-9 yang baru *Midterm Review* yang baru PM umum itu, tempoh masa penyiapannya adalah lebih kurang selama satu tahun daripada tarikh mula kerja dibuat.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Ja'affar bin Hashim, jemput.

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim (Senggarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 5. [Baru-baru ini kehilangan Pulau Batu Puteh apabila Mahkamah Antarabangsa (ICJ) memutuskan pulau tersebut menjadi milik Singapura. Keputusan ini dilihat memihak kepada Singapura kerana Singapura telah membangunkan kawasan pulau ini, manakala Malaysia seolah-olah tidak menjalankan apa-apa aktiviti pun di situ. (a) Berapa banyak lagikah pulau-pulau yang berada dalam pentadbiran Kerajaan Johor? (b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri agar peristiwa ini tidak berulang lagi kepada pulau-pulau yang lain di Negeri Johor ini?]

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Ng See Tiong, jemput.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 6. (a) Adakah Kerajaan Negeri Johor bersedia merangka program untuk membangunkan Pulau Pisang dan lain-lain pulau berdekatan di perairan Negeri Johor bagi menjamin status kedaulatan ke atas pulau-pulau tersebut berkekalan? (b) Dalam hal pengurusan rumah api di Pulau Pisang yang dikendalikan oleh Singapura, apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengambil alih pengurusan itu?]

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 7. [Merujuk kepada kemenangan Malaysia ke atas kedaulatan Pulau Ligitan dan Sipadan adalah atas dasar pembangunan dan kawal selia Malaysia di pulau tersebut. Begitu juga kehilangan kedaulatan Pulau Batu Puteh kepada Singapura juga atas alasan yang sama. (Tuntutan ke atas Pulau Batu Puteh dilakukan setelah puluhan tahun ia mengawal selia pulau tersebut). Tidakkah ada kemungkinan Pulau Pisang akan dituntut haknya oleh Singapura pada masa akan datang (mungkin 50 tahun akan datang). Persoalannya : (a) Mengapakah kita masih memerlukan bantuan Singapura untuk mengawal selia rumah api di Pulau Pisang, adakah Jabatan Laut tidak berupaya untuk mengawal selianya? (b) Ada atau tidak perjanjian antara Malaysia dan Singapura yang jelas menyatakan bahawa kehadiran Singapura di Pulau Pisang hanya mengawal selia rumah api sahaja? (c) Apakah perancangan dan tindakan Kerajaan Negeri bagi memastikan kedaulatan dan keselamatan pulau-pulau di sekitar perairan Johor terjamin?]

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Tee Siew Kong, jemput.

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong (Pulai Sebatang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 8. [Menyedari kegagalan Kerajaan Malaysia mempertahankan kedaulatan Pulau Batu Puteh. Justeru itu, saya berpendapat bahawa Kerajaan Johor perlu memberi perhatian dengan memastikan kedudukan dan kedaulatan Pulau Pisang. (a) Adakah pihak kerajaan mengambil langkah-langkah awal untuk mempertahankan kedudukan Pulau Pisang yang terletak di Pontian? (b) Adakah dan apakah perancangan kerajaan untuk memajukan Pulau Pisang sebagai salah satu destinasi pelancongan bagi daerah Pontian?]

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Lau Chin Hoon, jemput.

Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 9. [Status pulau-pulau di perairan Johor. Keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) terhadap status Pulau Batu Puteh telah menimbulkan persoalan terhadap status pulau-pulau yang lain yang ada di sekeliling perairan Johor. (a) Apakah status Pulau Pisang berhampiran Pontian? (b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk membangunkan Pulau Pisang? (c) Adakah pulau-pulau lain di perairan Johor boleh dipertikaikan status pemilikannya? (d) Apakah rekod sejarah purba Cina

berkenaan Kesultanan Johor berguna / boleh digunakan dalam penentuan untuk membela status pulau-pulau yang ada?]

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya untuk menjawab bersekali soalan-soalan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ke 5, 6, 7, 8 dan 9. Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya di Johor ini kita kaya dengan pulau. Terdapat 73 buah pulau di seluruh negeri Johor. Di mana 66 daripadanya mempunyai nama yang khusus, manakala 7 lagi belum mempunyai nama...

Y.B. Dato' Speaker : Wah... dia tidak ada nama pulau?

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Jadi kita kena cari nama yang paling sesuai untuk 7 yang lain ini. Dan penentuan Yang Berhormat Dato' Speaker, status pemilikan sesuatu pulau bergantung kepada sejarah sesuatu tempat dan juga negeri, negara yang berkenaan termasuk juga dari segi penempatan penduduknya ataupun urusan perdagangannya dan juga faktor yang berkaitan dengan pentadbiran sesuatu tapak dan juga dengan perjanjian-perjanjian yang mungkin telah pun dibuat terhadap pulau-pulau tersebut ataupun dokumen-dokumen yang mensahihkan tentang perkara yang berkaitan dengan pemilikan pulau-pulau. Jadi 73 pulau ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, dari segi pemilikannya adalah tertakluk kepada perkara-perkara yang saya sebutkan sebentar tadi.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat bertanya tentang bagaimanakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan terhadap pulau-pulau tersebut, mengenai statusnya, kedudukannya. Dan saya juga ingin tambah di sini, Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada pulau-pulau yang ditakrifkan sebagai pulau, ada juga entiti-entiti persisiran seperti terumbu, tompok, karang, alur, permatang, batuan, beting dan keramit.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Jawatankuasa Nama Kebangsaan Geografi yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Ukur Pemetaan, yang juga dianggotai oleh Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi telah pun mengambil langkah-langkah untuk dimasukkan ke semuanya pulau-pulau dan juga entiti persisiran tadi ke dalam peta Malaysia untuk memberikan satu tanda yang jelas terhadap kedaulatan negara terhadap pulau-pulau tersebut dan tanda sebagai milik Malaysia dan juga Negeri Johor.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada langkah tersebut, Kerajaan Negeri telah mewartakan semua pulau-pulau di daerah Mersing termasuk dalam senarai mukim-mukim bagi daerah Mersing. Dan pulau-pulau tersebut juga telah diwartakan sebagai kawasan rizab Melayu, bagaimana Warta Bil. 280 bertarikh Mac 1938. Dan, saya hendak juga mencadangkan bahawa pulau-pulau yang lain Yang Berhormat Dato' Speaker, langkah yang paling jelas dan paling terdekat untuk dilaksanakan ialah mewartanya oleh sebab dia adalah milik Kerajaan Johor, tidak ada hak milik secara eksklusif disebut kerana dia adalah milik Kerajaan, maka untuk kita meletakkan hak milik secara *exclusive* dengan izin, maka satu langkah yang boleh kita buat terhadap pulau-pulau yang lain adalah dengan cara memberi hak milik kepada *State Secretary Incorporated*, tanah kerajaan atas nama SSI, *State Secretary*

Incorporated, itu satu langkah yang boleh dibuat untuk menyebut secara eksklusif, milik Kerajaan dan milik *State Secretary Incorporated.*

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pulau Merambung daerah Johor Bahru. Kerajaan Negeri telah mengeluarkan satu hak milik iaitu HSD 418547 atas lot 2005 seluas 2,486 kaki persegi atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi tujuan tanda arah suar. Jadi ini adalah juga sebagai bukti kepada hak milik pulau tersebut kerana wujudnya satu hak milik walaupun atas nama KPTG, Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Mengenai Pulau Pisang untuk makluman Dewan yang mulia ini, gugusannya terdiri daripada beberapa pulau iaitu Pulau Pisang, Pulau Sauh, Pulau Kemudi dan Pulau Tunda. Gugusan pulau tersebut yang terletak di Selat Melaka bertentangan dengan bandar Pontian iaitu jaraknya lebih kurang 7 hingga 9 batu nautika daripada dataran bandar Pontian. Pulau Pisang sendiri mempunyai keluasan 144.89 hektar lebih kurang 358 ekar. Dan sebahagian daripadanya telah ditanam dengan pokok-pokok buah-buahan dalam bentuk dusun yang berumur antara 20 hingga 30 tahun yang diusahakan oleh orang-orang Melayu sejak turun menurun. Dan, Yang Berhormat Dato' Speaker, tidak timbul soalan-soalan kedaulatan Malaysia di Pulau Pisang. Bukti yang paling kukuh ialah pewartaan Pulau Pisang dalam Mukim Pontian sudah pun diwartakan sebagai sebahagian daripada daerah Pontian dan dinamakan Mukim Pontian, Warta Johor Bil. 630 bertarikh 4 Julai 1985. Di samping itu, Pulau Pisang telah diwartakan sebahagian daripada kawasan pentadbiran Majlis Daerah Pontian sebagaimana JPU 13 & 16 Seksyen 17 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) bertarikh 6 Jun 2005. Dalam kawasan Pulau Pisang itu juga telah diwartakan satu tapak rizab, tapak pos kawalan di bawah jagaan Setiausaha Kerajaan Negeri dan diselenggarakan oleh Pegawai Daerah Pontian.

Selain daripada itu Dato' Speaker, ada tapak perkuburan Islam sedia ada di Pulau Pisang dan juga di Pulau Merambung. Dicadangkan supaya dipohon oleh Jabatan Agama Islam untuk dirizabkan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara. Sesungguhnya keseluruhan gugusan Pulau Pisang ini merupakan tanah Kerajaan Negeri Johor melainkan kawasan Rumah Api, jeti dan jalan menuju Rumah Api dari tepi pantai yang dikelolakan oleh Pihak Berkuasa Pelabuhan Singapura. Dan Rumah Api ini telah didirikan oleh pihak Kerajaan British berikutan persetujuan yang dicapai melalui satu *indenture* di antara Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim bagi pihak Kerajaan Johor dengan Gabenor Negeri Selat, *Straits Settlement*, Gabenor *Swettenham*, pada ketika itu disebut bagi pihak Kerajaan British pada 6 Oktober 1900.

Perjanjian tersebut dengan nyata hanya melibatkan sekeping tanah yang merangkumi kawasan Rumah Api seluas kira-kira 1 ekar, tidak lebih sebenarnya 1 ekar, sebatang jalan dari tepi pantai menuju ke Rumah Api dan jeti dengan keluasan 17 *poole* di dalam *indenture* Dato' Speaker, memang jelas keluasannya, laluannya, jetinya disebut keluasan dan laluan tersebut. Dan pentadbiran Rumah Api Pulau Pisang ini telah dikendalikan berterusan oleh pihak Singapura setelah berakhirnya penjajahan Inggeris, tiada apa-apa surat perjanjian ditemui yang membuktikan adanya perjanjian pernah ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dengan Singapura, maka perjanjian di

dalam bentuk *indenture* pada tahun 1900 masih lagi sahih untuk dipakai pada hari ini.

Walaupun Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan Ibrahim mengenakan syarat di antaranya sebagai contoh jelas diletakkan satu titik merah pada lokasi yang berkenaan, maka kalau pun nak tebang pokok tak lebih daripada 300, kalau tak salah saya 300 kaki. Dan jika sekiranya Rumah Api tidak dibuat maka persetujuan untuk memberikan lokasi tersebut akan ditarik balik. Dan jika sekiranya Rumah Api tidak diuruskan, maka perjanjian tersebut, *indenture* mengatakan bahawa kita akan masuk untuk ambil balik. Jadi ini di antara kandungan kepada *indenture* antara *Straits Settlement* dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya satu kajian pernah dibuat untuk mengambil balik pengurusan Rumah Api ini oleh Unit Keselamatan Maritim, Bahagian Maritim Malaysia seawal Februari 1990 dan antara lain kajian tersebut telah mengatakan bahawa Jabatan Laut berkeupayaan dan mempunyai kepakaran yang cukup untuk mengambil alih pentadbiran Rumah Api tersebut. Dan ini tidak akan menimbulkan sebarang masalah keselamatan pelayaran di kawasan tersebut. Kita serahkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk langkah, mungkin untuk persetujuan semua pihak supaya Malaysia mengambil alih Rumah Api tersebut. Kita serahkan kepada pihak Kerajaan Persekutuan untuk mengambil langkah-langkah ke arah itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pulau Pisang memang berpotensi untuk dimajukan sebagai kawasan ekopelancongan. Sebelum ini terdapat beberapa cadangan pembangunan telah dikemukakan oleh syarikat-syarikat secara penswastaan tetapi belum lagi diterima oleh pihak kerajaan. Adalah antara sebab utama adalah kerana Kerajaan Johor melalui Pengarah Tanah dan Galian Johor bagaimana dalam Bilangan (3) dlm. PTG 5/6/1/1/81/92/16/1995, bertarikh 21 Disember 1995 kepada Pentadbir Tanah Mersing telah mengarahkan pembekuan permohonan tanah pertanian Pulau-pulau sehingga diberitahu sekiranya ada perubahan. Bagaimanapun, sebarang cadangan pembangunan di Pulau Pisang akan diteliti di peringkat Kerajaan Negeri supaya dapat dipastikan potensi, daya saing dan kemampuan, kemampanan projek berkenaan tidak kira berkaitan sama ada pelancongan ataupun bidang-bidang yang lain.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, saya beri Pulau Sebatang, Parit Yaani.

Y.B. Encik Ng See Tiong (Parit Yaani) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya ingin nak tahu garis sempadan di daratan dan juga garis sempadan Maritim di semua Pulau-Pulau yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat sebentar tadi. Dan juga saya, setahu saya Pulau Pisang ni, kehadiran orang Singapura merupakan tanpa pas dan mereka tidak dipersoalkan dan mereka ini membuat tanggapan bahawa Pulau Pisang ini tidak bertuan. Saya ingin nak tahu, kesemua pulau-pulau, bagaimanakah kerajaan membuat satu jaminan untuk menjamin kedaulatan berkekalan. Sekian, terima kasih.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, jika sekiranya Yang Berhormat daripada Parit Yaani mengatakan bahawa ada pihak yang, pihak asing boleh pergi ke pulau-pulau secara bebas adalah tidak benar. Sebagai buktinya Yang Berhormat Dato' Speaker, mereka yang mengendalikan rumah api di Pulau Pisang sebagai contoh diwajibkan untuk melaporkan diri terlebih dahulu kepada pihak Jabatan Laut, kepada pihak Imigresen Malaysia di Pulau Kukup. Katanya, mereka bertukar kumpulan, 3 orang untuk mengendalikan Rumah Api ini setiap 2 minggu. Bermakna bahawa apabila kumpulan yang 3 datang, maka dia perlu melaporkan dan 3 nak balik melaporkan juga. Jadi ini adalah menjadi amalan kepada pihak asing untuk mereka disahihkan terlebih dahulu jika sekiranya dia pergi ke Pulau Pisang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tadi Yang Berhormat daripada Parit Yaani menanyakan tentang garis yang menentukan sempadan, yang menentukan pulau mana, pulau itu di bahagian Johor ataupun di bahagian Singapura.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di perairan Selat Johor ini satu perjanjian telah dibuat pada tahun 1928 antara Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dengan pihak Inggeris pada masa tersebut. Yang ditandatangani, kalau tak silap saya oleh Gabenor *The Straits Settlement* iaitu Clifford untuk menentukan tentang garis yang memisahkan antara Singapura, Pulau Singapura dan juga Johor. Maka dalam perjanjian 1928 disebut bahawa di perairan yang paling dalam maka dibuat satu garis yang boleh dibayangkan, *imagination and imagine line* dengan izin. Satu garis yang boleh dibayangkan sepanjang Selat Johor ini di mana terletaknya perairan yang paling dalam untuk menjadi sempadan di antara Singapura dan Johor. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, itu tahun 1928, oleh demikian Pulau-pulau seperti Ubin dan sebagainya terletak disebelah Singapura. Tahun 1928 berdasarkan kepada kedudukan air yang paling dalam, tetapi telah pun disusuli pada hari ini dengan satu tanda yang jelas yang dipanggil koordinat. Sudah pun ada koordinat yang jelas yang diletakkan di lokasi-lokasi yang berkenaan untuk menentukan sempadan antara dua negara ini. Itu adalah garis sempadan di perairan Selat Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bila kita melihat perairan di sebelah barat dan di sebelah timur, maka dia tertakluk kepada perundangan yang ada di peringkat antarabangsa yang mengatakan bahawa daripada titik di mana terletaknya pulau berkenaan, maka kalau tak salah saya, 3 kilometer daripada titik tersebut adalah hak Negeri Johor. Dan daripada titik di mana terletaknya pulau tersebut 12 kilometer ke laut lepas ialah hak di bawah hak Kerajaan Malaysia. Jadi, ini ditakrifkan oleh Undang-Undang *Continental Shelf* di *Continental Shelf Act* yang diiktiraf oleh dunia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu perkara yang agak menarik ialah dalam kes Pulau Batu Puteh Yang Berhormat Dato' Speaker, jelas dari segi sejarahnya bahawa kedaulatan itu sahih, kedaulatan pulau-pulau yang ada di Negeri Johor ini sahih kedaulatan Negeri Johor terhadap pulau-pulau berkenaan. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujuk kepada Ahli Yang Berhormat ada yang mungkin ada, ada yang mungkin agaknya terlupa saya sendiri pun tidak begitu arif tentang perkara ini. Sekadar saya hendak menjelaskan bahawa di bumi kita ini Yang Berhormat Dato' Speaker, ada *Kingdom* ada Negara iaitu negara di Bumi Malaysia ini yang dikuasai dalam bentuk satu *Kingdom* dengan

kesultanannya iaitu Melaka. Yang Berhormat Dato' Speaker, 1511 Portugis mengalahkan *Kingdom* ini. Maka, 1512 wujud satu pemerintahan iaitu Johor-Riau. 1511 Portugis datang, kalah di Melaka tetapi wujud pulak satu pemerintahan di negara kita, di bumi kita ini iaitu kesultanan Johor dan Riau Yang Berhormat Dato' Speaker. Lepas itu dalam sejarah ini datang pula Belanda kalahkan Portugis, maka kawasan kita ini pulak di jajah oleh Belanda. Yang Berhormat Dato' Speaker, diikuti pula dengan selepas itu Inggeris datang. Inggeris ambil sebahagian tanah-tanah Belanda, tetapi lepas itu diserahkan balik kepada Belanda sebahagian daripadanya 1814. Maka wujud satu perjanjian antara Belanda dengan Inggeris 1824 yang membahagikan antara di selatan *Bencoolen* diserahkan kepada Belanda di atas *Bencoolen* diserahkan kepada Inggeris, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Tetapi saya ingin jelaskan di sini bahawa pada 1812, Yang Berhormat Dato' Speaker, pemerintahan di bumi kita ini, iaitu Riau-Johor ini Yang Berhormat Dato' Speaker, sempena dengan kemangkatan Sultan Mahmud yang kedua, maka pada 1812, selepas itu ada dua anak Sultan Mahmud. Kedua ini yakni Abdul Rahman yang diiktiraf menjadi Raja di sebelah Riau Lingga dan Sultan Hussein anak yang satu lagi menjadi Raja di sebelah Johor. Jadi ada kesinambungan di atas pemerintahan di bumi kita Yang Berhormat Dato' Speaker. Dan pemerintahan Sultan Hussein itu termasuklah semua pulau termasuklah Singapura sekalipun. Jadi, sepatutnya tidak ada pihak untuk mengatakan bahawa ada pulau-pulau ini yang tidak dimiliki oleh, tidak ada kedaulatan.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, termasuklah Singapura. Singapura bukanlah sebuah pulau yang bermula dengan 1819 apabila Stamford Raffles datang, bukan begitu Dato' Speaker. Singapura adalah sebahagian daripada Kingdom pemerintahan Johor-Riau Dato' Speaker. Jadi, oleh yang demikian Dato' Speaker, satu hujah yang paling kuat untuk kita menyatakan bahawa menjawab Yang Berhormat daripada Parit Yaani mengatakan bahawa kita daripada sejarah jelas. Mahkamah antarabangsa menerima kita ada kedaulatan kepada semua pulau yang saya sebutkan tadi. Melainkan Mahkamah Antarabangsa menggunakan Surat 1953. Itu sahaja Yang Berhormat Dato' Speaker.

Jadi, saya ingin menegaskan di sini di Dewan yang mulia ini, bahawa Johor mempunyai kedaulatan kepada kesemua pulau-pulau yang saya sebutkan tadi melainkan *unfortunately* dengan izin Yang Berhormat Dato' Speaker Pulau Batu Puteh ada Surat 1953 yang digunakan oleh pihak Mahkamah Antarabangsa untuk menidakkan kedaulatan daripada tarikh 1953 dengan hujah-hujah tambahan apa berlaku 1953. Itu sahaja Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, saya ingin menegaskan di sini, di Dewan yang mulia ini bahawa Johor mempunyai kedaulatan kepada ke semua pulau-pulau tersebut yang saya sebutkan tadi melainkan *unfortunately* dengan izin, Yang Berhormat Dato' Speaker, Pulau Batu Puteh ada surat 1953 yang digunakan oleh pihak Mahkamah Antarabangsa untuk menidakkan kedaulatan daripada tarikh 1953 dengan hujah-hujah tambahan apa berlaku 1983.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, tadi Yang Berhormat ada, selain daripada saya menyebut tentang Undang-Undang *Continental Shelf Act,* perjanjian

antara Clifford dengan Sultan Johor di perairan Sungai Johor, saya menegaskan lagi tentang kedaulatan Johor sempena dengan sejarah yang ada di bumi kita ini, Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya, selepas itu saya percaya, saya dah dapat menyambut perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Parit Yaani sebentar tadi, adalah tidak benar untuk mana-mana pihak asing untuk datang ke pulau-pulau kita dengan sewenang-wenangnya.

Y.B. Dato' Speaker : Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Kita dapat tahu bahawa salah satu sebab yang mana kerajaan kita tidak dapat mempertahankan Pulau Batu Puteh iaitu, surat dari pemangku S.U.K. yang memberi kenyataan bahawa pulau itu bukan kepunyaan Negeri Johor. Siapakah yang mengizinkan pemangku S.U.K. yang mengeluarkan surat yang begitu penting sekali kerana itu melibatkan kedaulatan negeri dan negara?

Y.B. Dato' Speaker : Kena *check.*

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Adakah perkara ini akan berlaku lagi?

Y.B. Dato' Speaker : Macam *lawyer*lah. (Dewan ketawa)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Dari segi sejarah Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau tak salah saya pada tahun 1953, awal tahun 53, pihak Inggeris pada masa tersebut menulis surat kepada penasihat kepada Kerajaan Johor, penasihat kepada, masa tu di Johor hanya sekadar penasihat...

Y.B. Dato' Speaker : Dia kira *adviser.*

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : *Adviser,* bukan *resident.* Jadi, *straits settlement* kalau tak salah saya masa tu ialah Butterworth, dia punya gabenor dia. Menulis surat kepada penasihat Kerajaan Johor untuk menanyakan tentang Pulau Batu Puteh. Jadi, penasihat Inggeris ini Dato' Speaker, yang dapat saya faham, telah pun menyerahkannya kepada Pejabat Tanah. Maka, hamba Allah yang menjadi Pemangku *Secretary* tadi ialah sebenarnya daripada Pejabat Tanah yang membuat jawapan mengatakan bahawa, bukan hak Johor. Jadi, soalnya yang berbangkit di sini Yang Berhormat Dato' Speaker ialah sama ada sebenarnya pemilikan, penggunaan berbeza dengan kedaulatan. Tapi, akhirnya Mahkamah Antarabangsa membuat keputusan bahawa jawapan itu tadi memadai, memadai untuk mahkamah menggunakannya, ditambah lagi dengan hujah-hujah tambahan kerana selepas itu Yang Berhormat Dato' Speaker, Mahkamah Antarabangsa telah pun mengambil banyak hujah tambahan mengatakan bahawa, selepas surat tersebut tidak disusuli dengan apa pun tanda-tanda daripada pihak Malaysia terhadap, kedaulatan kita terhadap pulau tersebut. Rata-rata apa pun tindakan ataupun dipanggil *conduct* dengan izin, yang dibuat adalah datangnya daripada Singapura ke atas pulau tersebut.

Jadi, sama ada rancangan dia untuk meletakkan kemudahan-kemudahan tambahan di pulau tersebut kononnya ada tender dikeluarkan untuk

menambak pulau tersebut. Kesemuanya pihak Malaysia, mahkamah mengatakan bahawa, Malaysia tidak langsung membuat apa respons sekalipun. Jadi, surat 1953 ditambah lagi dengan hujah-hujah tambahan. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun begitu, kita tidak dapat mengesan surat asal daripada Butterworth, Gabenor Butterworth tadi untuk menanya tentang kedudukan Pulau Batu Puteh, Yang Berhormat Dato' Speaker. Surat itu tak dapat kita kesan. Yang digunakan oleh mahkamah ialah surat jawapan. Jadi, kalau kita dapat surat daripada pihak Inggeris, mungkin dia kata ini, ini surat tersebut mungkin dia minta untuk mengesahkan tentang Rumah Api *Horsburgh* itu sahaja bukan yang berkaitan dengan soal kedaulatan. Itu kita tak dapat kesan. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, mungkin tak tahu di mana silapnya.

Itu sebabnya kita kena faham dan sedar bahawa dokumen-dokumen ini, kita jangan ambil mudah kerana mungkin digunakan oleh mana-mana pihak sekalipun untuk kepentingan mereka. Jadi, kita kena simpan semua dokumen ini Yang Berhormat Dato' Speaker. Dia menjadi bahan sejarah yang penting.

Jadi, bila Yang Berhormat daripada Yong Peng mengatakan akan berulang ke tidak, jadi saya, yang pertamanya saya dah katakan tadi bahawa, langkah yang paling tepat Kerajaan Negeri Johor boleh buat ialah *to establish* dengan izin, hak milik, memang hak milik kerajaan. Tetapi bila hak milik kerajaan tidak ada geran, tidak ada hitam putih dalam bentuk geran, Yang Berhormat Dato' Speaker. Tapi, untuk menyatakan bahawa, hitam putih dalam bentuk hak milik bergeran, maka, elok kita buat penyerahannya, kurniaannya kerajaan kepada SSI. Itu satu cara. Itu paling jelas. Jadi, kalau adalah sesiapa, tak kira *State Secretary* ke, ataupun *acting State Secretary* dia kena melampaui apa tu, hitam putih ini untuk, tapi sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, ada peruntukan dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Johor ini, tidak ada siapa sekalipun yang berhak untuk melepaskan bumi Johor ini walaupun seinci pun kepada sesiapa. Boleh dianggap sebagai pengkhianat.

Jelas, Dato' Speaker. Satu inci pun tidak boleh diserahkan kepada sesiapa, kalau itu berlaku dianggap sebagai pengkhianat. Dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Johor, ini Dato' Speaker, ada pengajarannya dan jadi, alhamdulillah, kita menerima pengajarannya semasa kita berada di sini dan kita mengambil langkah-langkah untuk memastikan tidak berulang. Kalau tidak kita akan tertakluk kepada dakwaan-dakwaan yang saya sebutkan sebentar tadi.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, saya beri Mengkibol.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Terima kasih Dato' Speaker. Yang Amat Berhormat, saya ingin bertanya dalam kes Batu Puteh ini, negara kita ataupun Kerajaan Johor, Negeri Johor, terpaksa menanggung berapa kos guaman? Itu, soalan pertama. Soalan kedua...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dia satu soal je. Dia tak boleh lebih satu...

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Minta maaf, ini ada kaitan...

Y.B. Dato' Speaker : Jangan cakap anu, Yang Berhormat cerita je dulu, kemudian ini tajuk dia, dia tak tanya kos Yang Berhormat, lari daripada asal.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Tak ada lari, sebab saya tuju dalam kes ini.

Y.B. Dato' Speaker : Dalam soalan tu dia tak sebut boleh nyatakan harga, soal asal. Dalam persoalan lisan, duduk sekejap Yang Berhormat. Dalam soalan lisan, apa yang dibutirkan soalan asal itu, dia tidak ada menyatakan 5 orang. Berapakah kos peguam, perbelanjaan? Bila dia tidak sebut, makna Yang Berhormat tidak boleh mendatangkan soalan yang baru. Makna terpaksa Yang Berhormat jawab, padahal Yang Berhormat tak nak jawab, pasal tak ada soalan yang berbentuk demikian. Jadi, itu tak boleh ya. Kos dia tak boleh Yang Berhormat tanya sebab tidak ada dalam soalan asal yang dikemukakan oleh 5 orang tadi.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Tak apalah, saya tanya soalan lain.

Y.B. Dato' Speaker : Akan datanglah.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Saya tanya soalan yang ini. Mengikut sumber iaitu bekas Pengerusi Majlis Peguam, telah mengatakan bahawa, keputusan mahkamah adalah muktamad, antarabangsa, Mahkamah Antarabangsa adalah muktamad. Sekiranya kita nak buat rayuan ataupun nak bawa kes ini ke mahkamah lagi, kita terpaksa mengadakan bukti atau keterangan baru.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, ada rayuan tak?

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Jadi, ada, saya nak soal, adakah kita di Negeri Johor, adakah bercadang ingin mencari keterangan ke, ataupun nak bawa kes ini semula?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, peguam eh? Yang Berhormat peguam?

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Ya.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tak baca? Saya tak peguam, saya pandai baca keputusan itu. Ha, tak ada apa rayuan, habis dah, tutup.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Kalau tanpa rayuan, tapi titah Baginda ini...

Y.B. Dato' Speaker : Itu cerita lain. Ini saya cerita keputusan mahkamah.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Jadi...

Y.B. Dato' Speaker : Ok, tak ada soallah? Apanya yang nak soal lagi. Lainlah kalau saya kasi can juga, tapi kalau yang betullah, yang agak munasabah.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Memang kita tak ada buat rayuan? Tak ada apa-apa?

Y.B. Dato' Speaker : Tak ada, tapi kalau Yang Berhormat nak jawab. Ok. Boleh.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, ada peruntukan tempoh masa. Saya di Dewan yang mulia ini serta rakan, Yang Berhormat Menteri Luar Negara ada menyebut tentang surat yang nak dicari, itu sahaja Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, kita serahkan kepada pihak Kerajaan Persekutuan kalau itu yang nak dirujuk untuk tindakan seterusnya kita serahkan kepada, sekadarkan saya nak memaklumkan, hendak mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa, Yang Berhormat Menteri Luar ada menyebut tentang tak dapat mengesan surat asal yang dihantar yang boleh menjadi juga asas untuk pertimbangan dalam tempoh yang ada selepas keputusan Mahkamah Antarabangsa.

Y.B. Dato' Speaker : Ok la, *last*. Ni sedap kes ni. Kempas.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Terima kasih, terima kasih Dato' Speaker. Saya pada mulanya kurang ariflah tentang begitu banyaknya pulau-pulau yang di bawah kepunyaan Kerajaan Negeri Johor. Alhamdulillah pada hari ini dapat kita mengetahui, kita mempunyai 73 pulau...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat pun tak sedar ek banyak pulau? Baru hari inilah, yalah...

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : 66 yang ada nama, 7 yang tak ada nama. Saya rasa saya cadangkan salah satu daripada pulau-pulau ini taruk nama Yang Berhormat Dato' Speakerlah.

Y.B. Dato' Speaker : Kemudian yang kedua nama Yang Berhormat pula. (Dewan ketawa) Pulau Dato' Osman, ha yalah. Yang pulau saya, saya dah pilih, cantik aje..

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Apa yang ingin saya nyatakan di sini ialah begitu banyak pulau-pulau. Ada satu ketika dahulu kalau kita tengok sejarah umpamanya pulau-pulau ini dijadikan tempat-tempat sarang lanun dan sebagainya. Tapi, hari ini berkemungkinan juga ada pendekatan yang digunakan oleh mereka-mereka yang ingin melakukan jenayah seperti pengedaran dadah dan sebagainya. Oleh kerana terlampau banyak pulau-pulau yang berada di bawah kawalan Kerajaan Negeri Johor, saya ingin tahu sejauh manakah kekerapan pemantauan dalam soal keselamatan oleh pihak kerajaan terhadap pulau-pulau ini. Itu sahaja, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Keselamatan (Ketawa).

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, dia ada syarat kalau nama tu nak dinamakan Ahli Yang Berhormat. Syaratnya Yang Berhormat kena buang ke pulau tersebutlah. (Dewan ketawa)

Y.B. Dato' Speaker : Yalah… (Ketawa).

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Pernah berlaku dalam sejarah dunia, Napoleon kena buang ke Pulau Alba, Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, yalah, bila bercakap tentang kehadiran, kehadiran pengunjung di pulau sebagai contoh. Dalam perbicaraan Mahkamah Antarabangsa, Orang Laut digunakan sebagai satu masyarakat yang mensahihkan kedaulatan Pulau Batu Puteh dalam tempoh daripada tarikh 1512, ya, 1512 sampai, sampai hari ini, sampai ke tarikh keputusan Mahkamah Antarabangsa. Di antara bukti yang, yang Mahkamah Antarabangsa terima adanya Orang Laut di sana dan Orang Laut di bawah pemerintahan Sultan Johor, sebagai contoh. Jadi, ada gunanya lanun ni Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam konteks tu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, itulah yang saya nak sebutkan di sini bahawa kalau kita ambil keputusan Mahkamah Antarabangsa, ada Negeri Singapura, ada Negeri Malaysia yang ke hulu ke hilir di pulau-pulau termasuk di Pulau Batu Puteh, tetapi ialah, kita ambil contoh, keputusan mahkamah mengatakan bahawa itu tidak penting untuk mentakrifkan kedaulatan, kalau saya bacalah dalam keputusan Mahkamah Antarabangsa. Itu nak ambil, nak petik daripada kalau kita melihat bahawa dari segi, dari segi keselamatan, pemantauan dalam bentuk kapal *navy* bergerak di sana sini termasuk di persekitaran pulau-pulau berkenaan, dia tidak diterima sebagai, sebagai hujah yang diterima untuk menentukan kedaulatan.

Walau begitu Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menjelaskan di sini bahawa dalam soal keselamatan ini dia tertakluk kepada apa yang dipanggil ialah tugas dan tanggungjawab, apa tu, pasukan keselamatan kita di peringkat kebangsaan sama ada di darat ataupun di laut termasuk pulau-pulau sekalipun Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, walaupun kita mempunyai jabatan-jabatan seperti Jabatan Laut, jabatan apa lagi, yang membuat pemantauan bukan secara khusus terhadap setiap pulau yang saya sebutkan tadi, saya mengakui bahawa tidak setiap pulau dikunjungi oleh pihak Jabatan Laut, Jabatan Maritim secara khusus pulau-pulau tersebut. Tetapi, mereka bergerak secara keseluruhannya di perairan kita ni untuk membuat pemantauan terhadap keselamatan di negara kita ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, dah habis masanya. Mana-mana soalan yang disenaraikan jawab secara lisan, yang tak dapat dijawab akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama ini.

Jurutulis : SOALAN BERTULIS.

Jawapan kepada soalan bertulis oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ariss bin Samsudin, Yang Berhormat Datuk Dr. Adham bin Baba, Yang Berhormat Dato' Haji Baderi bin Dasuki, Yang Berhormat Encik Ng See Tiong, Yang Berhormat Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, Yang Berhormat Encik Tang Nai Soon, Yang Berhormat Encik Gwee Tong Hiang, Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi, Yang Berhormat Tuan Haji Adam bin Sumiru, Yang Berhormat Encik Cheong Chin Liang, Yang Berhormat Encik Koh Chee Chai, Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, Yang Berhormat Datuk Samsol Bari bin Jamali, Yang Berhormat Encik Munusamy a/l Mareemuthu, Yang Berhormat Encik Lau Chin

Hoon, Yang Berhormat Tuan Haji Ayub bin Jamil, Yang Berhormat Encik Ng Lam Hua, Yang Berhormat Encik Ong Kow Meng, Yang Berhormat Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali, Yang Berhormat Dr. Boo Cheng Hau, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman, Yang Berhormat Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, Yang Berhormat Encik Mok Chek Hou, Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Ali, Yang Berhormat Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh, Yang Berhormat Dr. Haji Mohamad bin Taslim dan Yang Berhormat Dr. Shahruddin bin Md. Salleh ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.

SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum perbahasan ini diteruskan, saya nak ingatkan inilah hari akhir bagi Ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan kerana pada besok dan lusa dan juga tulat akan dijawab oleh pihak kerajaan. Jemput siapa nak berucap lagi? Ah..

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh..

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam..

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Salam sejahtera dan selamat pagi Yang Berhormat Dato' Speaker..

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat semalam dah berucap berapa lama?

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Semalam ibarat makan baru nak menyuap dah kena..

Y.B. Dato' Speaker : Tak, saya tanya berapa lama dah berucap semalam, bukan tanya makan, ya..berapa minit?

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Timbalan Speaker cakap dah masuk hari ini dua bulanlah kalau hari ini.

Y.B. Dato' Speaker : Dua bulan, ok, saya bagi sebulan lagi. (Dewan ketawa)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya meneruskan apa yang saya bahaskan semalam, cuma saya tak nak menyentuh soal pembangunan, saya dipesan oleh penduduk Bukit Serampang mengucapkan terima kasihlah kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di atas pelaksanaan beberapa projek besar di kawasan saya yang lepas, umpamanya jalan pintas daripada FELDA Moakil ke Bukit Kepong, jalan pintas Lenga dan juga Muzium Polis yang selalu saya suarakan di dalam Dewan yang bertuah dan Mulia pada, di sini. Cumanya dia pesankan kepada saya harap-harap sebelum Pilihan raya yang ke-13 projek-projek ini sudah terlaksana, minta sangat sebab baru semalam saya balik ke kawasan, papan tanda FELDA Moakil ke Bukit Kepong tu dah terdiri cantik. Yang saya rasa risau, dia kata "Yang Berhormat, saya harap, dalam Pilihan raya yang akan datang ni

jangan yang berganti papan tanda sahaja katanya. Jadi ni yang saya risau Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semalam saya memulakan hujah perbahasan saya untuk merenung kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Yang Ke-9. Saya menyorot dalam soal hasrat kerajaan untuk meningkatkan keupayaan, pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama dan dalam konteks strategi yang kedua iaitu menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan semua kaum di negara kita Malaysia yang bermasyarakat masyarakat majmuk. Saya begitu minat dengan strategi ini, lebih-lebih lagi apabila memperkatakan sekolah rendah dalam konteks ke arah memupuk masyarakat yang mengutamakan perpaduan di negara yang tercinta dan bertuah ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila kita menyebut sekolah rendah ini, melentur buluh biarlah daripada rebung. Maknanya, di peringkat sekolah rendah inilah yang kita harapkan sebagai asas kepada masyarakat ataupun penduduk di dalam konteks membangunkan negara dan menjaga keharmonian negara. Kalau kita ingat, sekolah rendah ini pada mula-mula dahulu namanya sekolah Melayu. Lepas itu diubah kepada sekolah umum dan seterusnya diubah kepada nama sekolah kebangsaan.

Dan dalam masa yang sama, pada masa dahulu kalau kita ingat ada sekolah namanya Sekolah Rendah Kebangsaan, SRK yang mata pelajaran utamanya atau bahasa pengantarnya Bahasa Inggeris. Tentunya tujuan itu tidak lain tidak bukan bila wujud sekolah berkenaan, pelajar-pelajarnya terdiri daripada pelajar-pelajar semua kaum, Melayu, Cina dan India tetapi telah pun ditutup ataupun telah diubah kepada sekolah kebangsaan dan pada ketika itu bermulalah pada ingatan saya, sekolah berkenaan tidak lagi melambangkan pelajar-pelajarnya terdiri daripada semua kaum. Bagi masyarakat Cina, mungkin masyarakat Tionghoa, masyarakat India, mereka lebih berminat ke arah sekolah masing-masing yang dinamakan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan sama ada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina ataupun Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil.

Dan pada ketika inilah kita lihat, pada hemat saya sebagaimana yang dikatakan ke arah perpaduan itu telah nampak daripada satu masa ke satu masa kehakisan ataupun pertemuan antara kaum di peringkat sekolah ini mula renggang sehinggalah di peringkat sekolah menengah barulah mereka bertemu terutamanya apabila sesetengah sekolah menengah mewujudkan kelas peralihan.

Dan ini menampakkan ke jarakkan dari segi perhubungan dan kadang-kadang kalau kita lihat laporan daripada Jabatan Pelajaran, kita dapati di peringkat darjah aliran satu, tingkatan satu dan darjah peralihan inilah yang berlakunya sedikit pertembungan tetapi apabila meningkat tingkatan tiga, empat, lima dan seterusnya kita nampak bertaut semula, alhamdulillah. Jadi untuk itu saya ingin menyarankan kepada kerajaan supaya kita ulang balik semula walaupun kita bukan mengundur ke belakang, makna kita memikirkan bagaimana sekolah yang dikatakan untuk mengekalkan perpaduan ini kita bina semula. Sebagai contoh, mungkin kalau saya boleh memberikan pandangan Dato' Speaker,

ialah guru-guru, tenaga pengajar di Sekolah Kebangsaan ini mestilah terdiri daripada semua kaum yang ada daripada negara kita.

Misalnya, sebuah sekolah ini nisbahnya katalah satu sekolah nisbahnya, misal gurunya maknanya 3:3 ataupun lebih 1 pun tak apalah terdiri daripada guru bangsa Melayu, guru India, guru Cina. Dengan keadaan itu, keyakinan ibu bapa, masyarakat kepada sekolah berkenaan akan mula pulih dan dengan itu mereka pun menghantarlah anak-anak itu ke Sekolah Kebangsaan. Di samping sekolah-sekolah yang memang telah sedia ada. Jadi, begitu juga dari segi kurikulumnya, mungkin Jabatan atau Kementerian Pelajaran boleh melihat bagaimana kurikulum sekolah berkenaan termasuk juga ko-kurikulum di Sekolah-Sekolah Rendah ini digubal diubah suai untuk menuju ke arah teras perpaduan yang sebagaimana saya katakan tadi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi elemen di Sekolah Kebangsaan apabila kita memperkatakan, memperkasakan Sekolah Kebangsaan ialah, saya nak menyebut mata pelajaran Sejarah. Kalau masa kita, saya kecil-kecil dahulu mungkin Dato' Speaker pun ingat, kita belajar tawarikh, lepas itu oleh kerana kita masuk di zaman penjajah, kita dikenalkanlah pemimpin-pemimpin, kadang-kadang lanun barat semua pun kita belajar sehingga sampai hari ini kita kenal.

Y.B. Dato' Speaker : Contohnya? Huh, Viking.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Viking, Ferdinand Magelan, Columbus dan sebagainya. Tetapi pada hari ini Yang Berhormat Dato' Speaker, mata pelajaran Sejarah sudah lagi tidak menjadi mata pelajaran wajib, dia dicampurkan bersama dengan mata pelajaran Geografi, dimasukkan dalam Kajian Tempatan. Dan ia menjadi satu mata pelajaran elektif, maknanya tidak wajib, tidak ada dalam peperiksaan sangat. Yang peliknya bila di peringkat Sekolah Menengah, ada pula mata pelajaran Sejarah.

Y.B. Dato' Speaker : Wajib pula?

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Wajib pula, di sini kita nampak, kita punya kekurangan yang perlu kita perbetulkan. Tetapi apa yang saya hendak sentuh sini Dato' Speaker, ialah sejarah itu sendiri. Saya lihat akhir-akhir ini, minta maaflah kalau saya bercakap agak kasar ataupun mungkin agak menyentuh mana-mana pihak. Tetapi sejak akhir-akhir ini negara kita Malaysia, kita lihatlah bermacam-macam pelbagai perlakuan, pandangan oleh pihak-pihak yang tak bertanggungjawab sehingga sebagaimana yang saya katakan tadi soal perpaduan sudah dipinggirkan. Sensitiviti kaum sudah mula longgar di kalangan mereka. Cuba lihat, sebagai contoh apa yang telah pun diperkatakan, di permuafakatan pada masa lampau semasa kita hendak menuntut kemerdekaan, permuafakatan Allahyarham Tunku Abdul Rahman, Tan Cheng Lock, V.T. Sanbanthan kalau saya boleh ambil sebagai contoh sehingga melahirkan kepercayaan penjajahan Inggeris untuk memberikan kemerdekaan kepada kita kerana permuafakatan ini dan persetujuan ini yang tercatat di dalam Perlembagaan termasuklah soal-soal yang ada hubungkait hak ketuanan Melayu dan juga keistimewaan Melayu.

Saya katakan soal ini, daripada permuafakatan itulah, setelah kita merdeka selama 50 tahun kita lihat negara kita, alhamdulillah, kalau dibandingkan dengan setengah-setengah negara lain walaupun sebangsa dan seagama tetapi mereka bercakaran tetapi kita, dalam saya katakan masyarakat majmuk kerana asas yang telah diletakkan oleh pemimpin-pemimpin kita pada masa lampau yang kita ikuti, alhamdulillah, hari ini negara kita makmur, tiada berasa bimbang tetapi yang kita bimbang sekarang ialah akhir-akhir ini yang saya katakan di setengah-setengah pihak yang tak mahu menilai sejarah, yang tidak mahu mengikuti dan memahami sejarah dan yang lebih malang lagi jikalau ada di antara yang buta sejarah. Ini yang kita bimbangkan semata-mata kerana negara kita Malaysia demokrasi apa sahaja nak buat kerana demokrasi. Sebab itulah Dato' Speaker, saya pernah dalam Dewan ini saya kata demokrasi, demokrasi juga kerajaan ini. Saya mengambil iktibar daripada pemimpin negara seberang, saya pernah ungkapkan di Dewan yang mulia ini, demokrasi betul demokrasi tetapi demokrasi kita mestilah berasaskan kepada demokrasi terpimpin. Apa guna kita bercakap fasal demokrasi, kalau negara kita, rakyat kita kucar kacir. Apa guna kita cakap demokrasi, kalau kita sentiasa bergaduh antara kaum di dalam negara kita yang tercinta ini. Di mana pembangunan yang kita rancang selama ini. Sebab itulah Dato' Speaker, sejarah ini penting supaya mengingatkan kita terutamanya generasi-generasi anak kita yang ada pada hari ini. Kita ini mungkin kalau saya maaf bercakap Dato' Speaker, mungkin dari segi akalnya tak lama kita ini hidup.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat bagi dulu daripada saya. (Dewan ketawa)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Itulah maksudnya, tetapi anak kita. Kalau kita tidak adakan asas ini, perpaduan kita letak, kita bimbang, yang dah bina pada hari ini akan hancur kerana perlakuan setengah-setengah pihak yang tidak bertanggungjawab yang saya katakan sebentar tadi. Kerana kepentingan politik, kerana kepentingan kumpulan-kumpulan tertentu yang merosakkan negara kita sendiri. Jadi Dato' Speaker, inilah kadang-kadang perkara yang remeh yang tidak sepatutnya berlaku yang menjijikkan kepada saya. Contoh saya kata, minta maaflah, adakah kalau pakai songkok di mana kita menjadi Melayu, adakah bila kita pakai ceongsam makna kita jadi orang Cina, adakah bila kita memakai sari, adakah kita menjadi orang India? Itu hanya sebagai sampingan untuk menunjukkan lambang perpaduan kita. Tetapi identiti kita, bangsa kita, agama kita tak hilang dengan sebab pakaian.

Y.B. Dato' Speaker : Macam tarianlah ek?

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Ya, samalah. Tetapi inilah, kononnya yang dikatakan tadi demokrasi. Demokrasi apa itu? Jadi, inilah Dato' Speaker, saya minta kerajaan tegas dalam soal ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Termasuklah tegas kalau saya ulang tadi yang telah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pasal Batu Puteh tadi. Contoh Batu Puteh, betul kita telah kalah tetapi di kelilingnya tu apa nama, *Middle Rock* kita punya. Jadi, Singapura nak pergi ke

Pulau Batu Puteh tu dia mesti lalu kawasan kita. Takkan dia nak melompat ke sana pergi ke Pulau Batu Puteh, memang tidak boleh. Jadi yang ini saya nak kerajaan tegas.

Y.B. Dato' Speaker : Kita kepung eh?

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Ya, dia nak pergi tu dia melalui perairan kita. Kalau dulu kata nelayan pergi hampir di situ kena halau, Tentera kita kena acu dengan senjata juga. Ha, sekarang kita buat. Bukan nak tunjukkan kita punya *gentleman* kuasa, tidak. Tetapi hak kita. Janganlah, apabila dah macam ni kita pula lembik, mengalah.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, apa? Jadi apa?

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Maknanya lembik dari segi mengekalkan kuasa kita, kedaulatan kita Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker saya masuk perkara yang kedua, ialah ini mengenai Majlis Agama Islam dan JAIJ, Bahagian Pendidikan Agama Islam ni. Majlis Agama Islam ini cuma saya nak minta satu sahajalah, lihat balik dari segi bantuan mangsa-mangsa bencana alam terutamanya kebakaran. Saya tak nafikan bila kita beritahu kepada Jabatan, Pejabat Agama Daerah memang dia akan datang memberi sumbangan segera RM500.00, RM1,000.00. Tetapi, yang saya maksudkan ini minta diperhatikan balik ialah yang melalui Baitulmal, membaiki rumah tu. Kadang-kadang sampai tiga bulan, empat bulan, ada yang kata setahun.

Y.B. Dato' Speaker : Kawasan Yang Berhormat ada kena ni?

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Saya sebut ni pasal dah dua yang berlaku.

Y.B. Dato' Speaker : Belum dapat lagi?

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Belum sampai ini.

Y.B. Dato' Speaker : Dah berapa lama.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Dah masuk enam bulan. Yang saya sedih pulak tu ialah tempat saya tu, Pak Imam nombor satu, rumahnya terbakar. Ha, tapi bila saya balik semalam saya tanya, barulah dapat, alhamdulillah.

Y.B. Dato' Speaker : Siapa beri?

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Majlis Agama Islam, Jabatan Agama. Jadi, maknanya kalau dah macam Pak Imam punya rumah, institusi masjid dekat kampung itu macam tu punya teruk sampai rumah dah terdiri baru nak dapat bantuan. Ini apa ni? Jadi tolonglah tengok. Bila kata kebakaran yang seumpama ini, percayalah kepada kami Wakil Rakyat percayalah kepada Pejabat Agama Daerah, maknanya ada hantar laporan…

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ni yang lama kat mana? Kat daerah ke kat JB?

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Saya rasa di peringkat negeri ni sebab saya bertanya kepada Pejabat Agama Daerah, dia kata dah hantar.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dah lama hantar.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Kita pula Wakil Rakyat sokong kerana memang betul sahkan terbakar. Sekarang ini ada yang baru ini, Kampung Baru Batu 25 sampai sekarang, dah empat bulan tak dapat lagi. Itu pun susah tu. Macam mana ni?

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Pengerusi...

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Kata Baitulmal banyak duit.

Y.B. Dato' Speaker : Memang banyak.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Jadi itulah Dato' Speaker. Dan seterusnya, saya cuma nak beri pandangan dari segi Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Johor, Yang Berhormat Dato' Speaker**,** dua perkara, yang pertama sekali ialah gaji ataupun elaun Guru Tadika Agama Johor (TAJ). Saya difahamkan, mereka ini diberikan elaun sebanyak RM300.00 sebulan. Sedangkan kalau kita tengok sekarang paras basmi kemiskinan sekarang ini dah RM640.00 Dato' Speaker, mereka ini mengajar sama, lima hari, Isnin, Selasa, Rabu, Khamis dan Jumaat dan daripada pukul 2.00 petang hinggalah pukul 5.00 petang.

Y.B. Dato' Speaker : Sama tiga jam. Berapa jam, Yang Berhormat masa mengajar?

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat (Bukit Serampang) : Tiga jam je. Tetapi tiap-tiap hari. Jadi kalau kita bandingkan dengan PPRT atau membasmi kemiskinan dengan Guru Agama ini, kelulusan sama Dato' Speaker, SPM paling rendah. Jadi, saya harap Jabatan Agama, Bahagian Pendidikan, cuba semak perkara-perkara seumpama ini supaya dapatlah dipertimbangkan diberi elaun yang secukupnya dan lebihlah daripada paras bahaya basmi kemiskinan tegar. Ini yang saya harapkan.

Yang kedua Dato' Speaker, dari segi pembelajaran saya memang berminat terutamanya sekali ialah sebagaimana saya katakan tadi asas kita ialah daripada pelajaran agama.

Baru-baru ini sebagaimana kita sedia maklum, Bahagian Pendidikan Jabatan Agama sedang membuat satu cubaan jadual anjal pengajaran dan mata pelajaran sekolah agama di mana tahun 1, tahun 2 dan tahun 3 cuma 2 hari sahaja, Khamis dan Jumaat. Bagi Darjah 4, 5 dan 6, bermula daripada hari Isnin, Selasa dan Rabu. Masanya dan mula belajar dari pukul 2 sampai pukul 6.30.

Dari satu sudut memanglah baik. Maknanya ada ruang, anak-anak ini diselaraskan dengan Sekolah Rendah untuk kokurikulum. Tapi dari satu sudut yang lain Dato' Speaker, saya rasa perlu dikaji semula ialah bila anak-anak ini, 2.00 sampai 6.30. Pagi dah diasak dengan mata pelajaran sebelah pagi. Rehat sekejap, lepas tu sambung sampai tiga jam saya kata empat jam tadi. Darjah 1, Darjah 2, Darjah 3 ini umur rata-rata antara 7, 8, 9 tahun. Tahap anak-anak seumpama ini saya rasa taklah sebagaimana kita orang dewasa.

Saya difahamkan ada setengah daripadanya dalam keadaan keletihan, mengantuk dan sebagainya. Jadi, dalam masa yang terluang pula, selama yang kalau Darjah 1 itu tadi, hari Khamis dengan Jumaat tadi, Isnin, Selasa, Rabu, mereka masa itu terbuang begitu sahaja. Tidak ada kawalan dan sebagainya. Jadi, ini menyebabkan kadang-kadang walaupun pada awalnya baik, tapi kalau tidak ditangani dengan sebaik mungkin saya bimbang hasrat kita yang baik, yang melihat supaya permasalahan sekolah agama ini dapat kita halusi lebih baik lagi.

Y.B. Dato' Speaker : Oh…

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat (Bukit Serampang) : Jadi, saya cadangkan Yang Berhormat Dato' Speaker, supaya Jabatan, Bahagian Pendidikan kaji semula kelemahan-kelemahan yang saya sebutkan tadi, kalaupun masih nak diteruskan dengan sistem pembelajaran sebagaimana yang saya katakan tadi kita harap…

Y.B. Dato' Speaker : Ini sesi satu masa ya, yang Kementerian Malaysia umumkan masa tu.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat (Bukit Serampang) : Tidak, ini yang…

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ini yang biasa-biasa punya tu…

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat (Bukit Serampang) : Ini, cerita sekolah agama yang di bawah Jabatan Agama Islam Johor. Ya, yang itu kalau tak salah saya KAFA.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, tak apalah.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat (Bukit Serampang) : Jadi, ini Dato' Speaker, saya nak kokurikulum ataupun pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar-pelajar yang sebagaimana saya katakan tadi dapat dikaji semula dan diperbaiki, diperhalusi supaya matlamat kita, objektif kita ialah anak-anak kita nak kita dedahkan dengan pengajaran dan pembelajaran agama Islam. Tetapi kalau cara pengkaedahan untuk menuju kepada matlamat yang saya kata tak dijalankan atau dikaji dengan sebaik mungkin, saya bimbang ianya tidak mencapai matlamat dan objektif yang diharap-harapkan.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat (Bukit Serampang) : Jadi,

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat (Bukit Serampang) : Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya patuh kepada apa yang telah pun kata Dato' Speaker. Jadi, saya sekali lagilah ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker dan kepada semua pihak khususnya Ketua-Ketua Jabatan baik Peringkat Persekutuan, Peringkat Negeri sememangnya banyak membantu kami Ahli-Ahli Yang Berhormat ini dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sepertimana yang diharapkan. Kita sama-sama bertanggungjawab. Kami, Ahli-Ahli Yang Berhormat merupakan pelaksana pembuat dasar. Tetapi Ketua-Ketua Jabatan dan kakitangannya adalah melaksanakan dasar. Kalau jenteranya sangkut walau cantik mana pun dasar yang kita buat, tak akan menjadi. Jadi, persefahaman, permuafakatan antara jabatan-jabatan ini perlu untuk kita melaksanakan apa yang di hajat oleh rakyat kita secara umumnya. Dengan kata-kata itu Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Rengit. Sekian, terima kasih.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Boleh terus, Yang Berhormat Dato' Speaker?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat nak berucap?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Ya.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Yang Berhormat Dato' Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi. Saya mulakan ucapan ini dengan serangkap pantun yang ditujukan khas kepada Yang Berhormat Dato' Speaker. Pantun saya berbunyi; "Buah betik buah papaya, Coca-cola, Pepsi cola sama sahaja, Bila melihat wajah Dato' Speaker, Hilang rasa gundah dan gulana terus jatuh cinta".

Y.B. Dato' Speaker : Oh, oh, Yang Berhormat. Beli kicap, beli kacang panjang, berucap jangan panjang eh. (Dewan ketawa). Ok, jemput.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Ok. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam membahaskan usul ucapan terima kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dengan mengambil cabutan titah ucapan Baginda iaitu perkara yang ke 5, antara lain, Yang Berhormat Dato' Speaker, Baginda mengatakan "Ahli-Ahli Dewan Negeri yang telah dipilih, hendaklah menjalankan tugas dengan jujur, ikhlas dan memahami hasrat serta harapan rakyat". Itu pesanan daripada Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku di dalam Dewan yang mulia ini semasa beliau merasmikan persidangan kita yang baru lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ada dua tiga perkara yang ingin saya sampaikan, khusus mengenai perkara-perkara yang berhubung kait dengan keperluan masalah rakyat jelata khasnya pengundi-pengundi di dalam kawasan pilihan raya saya. Pertamanya, bagi pihak penduduk-penduduk di

Labis, dengan ikhlas dan bangganya kami ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada JPS. Jabatan Parit dan Saliran yang telah banyak membantu penduduk-penduduk Labis di dalam mengatasi masalah banjir terutamanya melaksanakan projek-projek pengaliran air, mengubah haluan air dan membina parit-parit yang boleh mengurangkan ataupun mengelakkan banjir semasa hujan lebat.

Bagi makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, di Negeri Johor, tempat yang mula-mula banjir ialah di Labis, diikuti dengan Segamat dan daerah-daerah yang lain. Kerana itu, JPS telah membelanjakan tidak kurang daripada RM20 juta untuk mengatasi masalah banjir di Labis ini. Namun pun begitu, saya dan penduduk-penduduk di Labis masih lagi melihat dari masa ke semasa di mana lagi agaknya barangkali ada kawasan-kawasan yang perlu diperbaiki supaya kalaupun banjir, kalaupun hujan lebat, dengan harapan air yang mengalir itu tidak bertakung lama dan pengalirannya boleh dilakukan dengan secepat mungkin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada itu, oleh kerana barangkali kerancakan ekonomi kita, oleh kerana rakyat di kampung berada dalam keadaan yang selesa, oleh sebab hasil mahsul yang menjadi punca pendapatan rakyat agaknya meningkat pada masa ini dan tidak dapat dielakkan bahawa perompak, penyamun pun ramai, walaupun di Labis dikatakan satu kawasan yang tidaklah sehebat di Johor Bahru. Oleh kerana orang kampung, penduduk kampung mempunyai pendapatan yang boleh dikatakan lumayan, perompak-perompak, penyamun-penyamun telah pun, bukanlah dikatakan berleluasa tetapi ada di beberapa tempat umpamanya di Labis, di Chaah dan juga di Bekok. Itu satu masalah penduduk.

Masalah yang selanjutnya ialah apabila seseorang itu Yang Berhormat Dato' Speaker, rumahnya dimasuki pencuri ataupun dimasuki perompak, mereka pergi ke Balai Polis untuk membuat laporan, Polis tidak memberi apa-apa tindakan. Cuma dikatakan tidak cukup kakitangan, tidak ada anggota yang sesuai untuk menjalankan siasatan terhadap satu-satu perkara ataupun rompakan ataupun kecurian. Alasannya, tidak cukup kakitangan. Apabila Polis menyatakan tidak cukup kakitangan untuk menjalankan siasatan Dato' Speaker, maka perompak ini dia akan berdiam diri selama dua, tiga malam apabila dia merompak di satu-satu rumah. Bila dia tengok Polis tak buat apa-apa, malam yang berikutnya, tiga empat malam yang berikutnya dia akan pergi merompak rumah orang lain pula. Polis tetap tidak buat apa-apa. Saya telah menimbulkan perkara ini di dalam Mesyuarat Pembangunan Daerah Dato' Speaker. Dan saya telah meminta di Labis, khususnya yang pertama, ditempatkan seorang Pegawai Polis yang berpangkat Inspektor dan ke atas untuk mengetuai Balai Polis Labis dan balai-balai yang di bawah jagaan Balai Polis Labis.

Y.B. Dato' Speaker : Sekarang ini Labis siapa dia punya jawatan yang tinggi?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Setakat yang saya tahu Yang Berhormat Dato' Speaker, sepatutnya *Chief Inspector*. Tapi sekarang ini hanya ada Sub, apa ni Sarjan Mejar. Sarjan Mejar je Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : *Sub Inspector*.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Tak, sepatutnya *Chief Inspector*.

Y.B. Dato' Speaker : Oh…

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Tapi yang ada sekarang hanya Sarjan Mejar.

Y.B. Dato' Speaker : Betul, Inspektor tak ada?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Setakat yang saya tahu belum ada, Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tak pergilah. Yang Berhormat dah melawat tak Balai Polis Labis?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Selalunya dia orang datang jumpa saya.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, saja nak melawat, tengok. Boleh apa, Wakil Rakyat boleh tengok. Ada ke, berapa kakitangan dia? Cukup tak?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Setakat ini saya tak pergi lagi tapi saya tahu belum ada.

Y.B. Dato' Speaker : Balik cuba Yang Berhormat buat singgah. Buat lawatan mengejut.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Ok. Selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada pegawai yang bersesuaian untuk mengetuai balai ini, saya juga telah memohon satu kumpulan, saya tak faham dalam Bahasa Malaysia ini, dengan izin, *C.I.D*. Maksudnya apabila laporan Polis telah dibuat,

Y.B. Dato' Speaker : *C.I.D.* bahasa apa?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Pasal apa Yang Berhormat buat *follow-up*? Tentang laporan yang dibuat oleh pengadu tentang rompakan rumah dan sebagainya. Yang itu pun tak ada.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat bahasa Inggeris tak berapa faham ya?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Ha, saya tak faham Bahasa Melayu Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, tak faham Bahasa Melayu ya? Oh, *my God*. Ok.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : *C.I.D.* pun tak ada. Saya minta *C.I.D.* ini…

Y.B. Dato' Speaker : Apa penuh *C.I.D.*?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Ha, kalau tak silap saya dalam Bahasa Inggeris…

Y.B. Dato' Speaker : *Chief Inspector* Daerah. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : *Crime, Criminal Investigation Department*. *Criminal Investigation Department*. Ha, ini orang yang pergi membuat lawatan siasatan susulan terhadap satu-satu laporan yang dibuat di Balai Polis yang berkenaan. Di Labis tak ada ini. Jadi, perompak, penyamun bermaharajalela, pasal tak ada *CID* nak buat *follow-up*. Yang ada Polis yang tercongok yang kat pejabat, balai itu, dah datang buat *report*, ha, inilah laporan saya. Itu saja, lepas itu simpan.

Y.B. Dato' Speaker : Ini agaknya dibuat tapi dia tak beritahu Yang Berhormat. Tak dapat agaknya.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Ha, saya rasa saya duduk di dalam Bandaraya Labis, saya mengikuti perkembangan masyarakat bandar Labis saya tahu…

Y.B. Dato' Speaker : Ha, tapi Yang Berhormat tak pernah pergi Balai Polis ya. Itu ajalah.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Tapi Polis selalu datang jumpa saya, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ah, ya.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Ha, itu satu. Jadi, saya minta yang pertama, CID ini diadakan ataupun dihantar ke Labis. Selain daripada itu Dato' Speaker, Pegawai Polis yang berpangkat Inspektor tujuannya untuk, kalau misal kata kemalangan Dato' Speaker, mati, jadi kalau setakat Sarjan tu tak pakai. Dia mesti ada Inspektor untuk membuat siasatan terhadap satu-satu kemalangan. Jadi, sekarang ini kalau setakat Sarjan itu adalah. Motosikal berlanggar motosikal ada?

Y.B. Dato' Speaker : Itu Sarjanlah.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Ha, tapi kalau yang matinya tak ada. Kalau orang mati tunggu dari Segamat. Kalau Yang Berhormat Dato' Speaker boleh bayangkan kalau sama-sama boleh bayangkan, Bekok, Bekok tu ada minta maaf tempat Y.B. EXCO saya, kawan saya. Bekok tu ke dalam. Lebih kurang 10 batu daripada Chaah. Takdirnya ada pun berlaku kemalangan dan mengakibatkan kematian, nak tunggu Inspektor dari Segamat datang. Kalau 4 jam, 4 jamlah. Mayat tu terbujur, terkulai kadang-kadang Dato' Speaker. Kita nampak mayat-mayat daripada kemalangan ini bergelimpangan di tengah jalan. Ditutup dengan surat khabar kerana Pegawai Polis lambat. Jadi, untuk membantulah si… yang terlibat dalam kemalangan ini, keluarga si mati, yang ini

pun saya fikir, Polis ini dia kena ada perasaan kasihan, simpati kepada si mati dan keluarganya. Selagi Pegawai Polis ini tak datang, mayat ini tidak boleh dibawa ke hospital untuk…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, kawan Yang Berhormat tu Polis juga kan, bukan pegawai polis?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Yang mana Dato'?

Y.B. Dato' Speaker : Kawan, kawan Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Ha, dia bekas polis. Tapi dulu. Ha, sekarang dah tak ada, jadi EXCO.

Y.B. Dato' Speaker : (Ketawa). Oklah.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Jadi, kalau ini dapat Yang Berhormat, yang pertama, mungkin keselesaan rakyat sama ada jenayah ataupun kemalangan. Yang kedua, kita dengar Polis ni banyak peruntukan tambahan kakitangan, peruntukan tambahan kenderaan dan sebagainya tetapi masih lagi berada pada tahap yang lama. Umpamanya, saya boleh katakan berulang alik daripada Labis ke Johor Bahru menghadiri persidangan ini, Dato' Speaker. Kebiasaannya saya menggunakan jalan daripada UDA ikut tepi laut daripada Jalan Skudai. Jem kadang-kadang 1 jam. Saya tak nampak seorang Polis pun untuk membantu menyelesaikan masalah lalu lintas. Maknanya arahkan kereta ini jalan dulu, yang ini tunggu dulu, yang ini jalan, tak ada. Itu sebabnya kadang-kadang saya sampai ke Dewan ini terlewat. Bukan lewat bangun tapi tersangkut dekat Skudai.

Y.B. Dato' Speaker : Skudai. Kat Skudai eh?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Ha, kat Skudai. Jadi, Dato' Speaker, apabila jem ini, yang pertama saya kecewa dengan Polis. Yang kedua, saya bangga dengan kemajuan negara kita. Kereta banyak, orang ada duit, beli kereta walau minyak mahal. Ha, itu dan satu sudut yang lain, apabila kita melihat jem ni kita jangan marah. Maknanya itu kejayaan, kemajuan negara kita, orang ada duit. Macam Dato' Speaker, satu orang ada 4 kereta. Kadang-kadang 4 sekali jalan.

Y.B. Dato' Speaker : 5, 5 (ketawa).

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : 5? 5 sekali jalan. Macam mana tak jem. Tetapi waktu yang sama, Polis yang dikatakan cekap, betul, cepat dan mesra, mana dia?

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok, oklah.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Ha, ini patutnya kat Jalan Skudai depan rumah Setiausaha Kerajaan tu, terpacaklah situ 3, 4 orang. Alirkan mana jalan dulu, yang ni tunggu dulu, yang ni jalan dulu, yang tu tunggu. Barulah…

Y.B. Dato' Speaker : Cara Yang Berhormat cakap macam mudah betul eh.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Aliran kereta tu tersusun. Ha, kalau tidak yang berebut-rebut, berebut-rebut, kereta saya 1. Kalau terlanggar, esoknya tak datang Dewan. Tak ada kereta lain.

Y.B. Dato' Speaker : Saya lagi suka, Yang Berhormat tak dapat berucap (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : (Ketawa). Dato' Speaker, yang kedua, saya melihat, saya tak pasti sama ada dasarnya ataupun peruntukan yang sedia ada tentang kuarters kerajaan yang dibina oleh kerajaan terutamanya kuarters yang dibina oleh Kementerian Pelajaran untuk guru-guru. Macam di kawasan saya Dato' Speaker, lebih kurang 20, 30 kuarters ataupun rumah kerajaan yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran untuk guru-guru. Kalau nak tengok cantik, memang cantik, kuarters ini. Dia macam apartmen. Kalau nak bandingkan di Daerah Johor Bahru ni, saya ingat kalau Apartmen Aloha tu jauh. Maknanya kuarters guru jauh lebih cantik daripada Apartmen Aloha, kat Jalan Kolam Air, rumah Y.B. EXCO Pertanian, lebih cantik. Tapi, masalahnya kosong. Kosong, betul. Tak ada guru yang nak duduk ataupun tak ada guru yang mahu nak duduk. Jadi, masalahnya macam mana Kementerian Pelajaran membuat kajian sebelum peruntukan dikeluarkan untuk mendirikan bangunan ini?

Y.B. Dato' Speaker : Guru tu pergi mana Yang Berhormat? Dia balik mana?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Guru-guru ini kebanyakannya datang daripada luar. Dia tak nak duduk kuarters, sewa rumah sebab dapat elaun sewa rumah.

Y.B. Dato' Speaker : Besar eh sewa rumah guru tu?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Saya ingat, saya tanya guru-guru, antara RM180.00 dengan RM230.00.

Y.B. Dato' Speaker : Kecil eh?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Sewa rumah di Labis RM150.00 aje Dato'. Rumah teres. Dan kalau RM230.00, suami isteri ada RM460.00. Sewa rumah RM150.00. Dia boleh bayar air, bayar api, telefon dan pelbagai perbelanjaan yang lain terhadap peruntukan sewa rumah yang diberi oleh kerajaan kepada pegawai-pegawai. Akhirnya, rumah yang dibina oleh kerajaan untuk kakitangannya terbengkalai. Bukan sahaja rumah, disediakan juga surau untuk beribadah. Dengan surau, dengan rumah, tidak ada apa makna ataupun tidak memberi faedah…

Y.B. Dato' Speaker : Dah lama Yang Berhormat kosong ni?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Kosong Dato'. Jadi, saya ingin mencadangkan oleh kerana kekosongan yang dilihat sebagai pembaziran.

Apa kata pegawai-pegawai daripada Jabatan Pelajaran kalau ada dalam Dewan ini, ini harapan, seruan, rayuan daripada Wakil Rakyat selaras dengan titah Tuanku tadi, supaya kuarters ini dijadikan asrama. Kalau misal kata nak minta asrama baru, Kementerian Pelajaran kata tak ada duit. Jadi, apa kita buat, kuarters guru yang kosong, yang tidak ada didiami, yang tak ada langsung digunakan, kita letakkan pelajar-pelajar yang datang daripada jauh, yang naik bas hari-hari, tempatkan di situ. Mungkin kita boleh disiplinkan dan di waktu yang sama, mungkin kita boleh meningkatkan kemajuan pendidikan kepada keluarga-keluarga yang, anak-anak mereka dan beri peluang untuk tinggal di asrama walaupun pada asalnya kuarters guru, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Ha, sikit lagi. Ada satu lagi. Pantun dah bagi dah.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, oklah.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Dato' Speaker tak balas lagi pantun saya lagi ini.

Y.B. Dato' Speaker : Dah, dah dijawab. Jangan panjang.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Ok, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita cakap tentang kemiskinan. Kemiskinan tegar, kemiskinan luar bandar dan dalam bandar. Saya ingin menarik terhadap kemiskinan bandar kerana saya walaupun duduk Labis tetapi duduk dalam bandar. Kita tahu, saya tahu ramai di antara mereka-mereka ini yang boleh dibantu oleh Program Kemiskinan Bandar, sebab kalau tak silap saya ada 7 perkara yang boleh dibantu kepada orang-orang miskin di dalam bandar. Soalan saya, saya difahamkan oleh Majlis Daerah Labis, permohonan telah diterima, telah pun dihantar ke Setiausaha Kerajaan Tempatan dan macam tu lebih kurang, di Johor tetapi belum ada apa-apa tindakan untuk membuat bayaran yang bentuknya bantuan kepada keluarga-keluarga miskin yang telah mengisi borang permohonan. Jadi, kita tak mahulah, ini dah bulan Julai dan maksudnya, dah lebih daripada ½ tahun, tidak ada satu pun pembayaran yang dibuat kepada pemohon-pemohon yang difikirkan layak daripada kita, terpulang kepada kerajaan sama ada kelayakan yang kita katakan itu sesuai atau tidak, kalau yang sesuai pun tak dapat, yang tak sesuai pun belum dapat. Bila agaknya nak bayar? Kita tak mahulah disebut oleh rakyat jelata, kita rancak berbincang, menyebut dan menguruskan perkara ini, Dato' Speaker sebelum pilihan raya. Kita sibuk. Dan lepas pilihan raya, macam ada tindakan tetapi tidak ada pelaksanaan. Dah masuk ¾ tahun dah, ½ tahun ataupun ¾ tahun. ¾ tahun Dato' Speaker tak…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tak tanya dia, mana dia tahu?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Dia macam saya juga, kadang-kadang cerdik, kadang-kadang tak berapa cerdik, Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Jadi, saya haraplah supaya rakyat-rakyat ataupun mereka-mereka yang telah mengisi borang, disemak permohonan mereka. Dan mana yang sesuai, dibuat pembayaran, di mana yang kurang sesuai, kita maklumkan kelayakannya tidak menepati walaupun permohonan ada, terutamanya dalam hal ini, Dato' Speaker, bantuan kepada pelajar-pelajar ataupun anak-anak yang bersekolah. Kita ada tambang kereta, bas kalau tak silap saya. Kita ada sumbangan bulanan, kita ada bantuan untuk sewa rumah, kita ada bantuan untuk hemodialisis dan beberapa lagi yang, rasanya kalau kita boleh *implement*kan ianya satu pertolongan daripada kerajaan kepada rakyat yang sangat menusuk kalbu dan tentunya Dato' Speaker, ini merupakan satu perasaan kebanggaan dan prihatin daripada kerajaan dan tentulah mereka yang terlibat menghargai. Jadi, Dato' Speaker, oleh kerana saya faham Dato' Speaker dah pandang saya banyak kali, maka saya akhiri ucapan ini dan saya fikir kehadiran saya di dalam Sidang Dewan ini yang ke, yang sekarang berlangsung ini lengkap dan menepati ini dan…(ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : lengkap dan menepati kemudian…

Y.B. Dato' Speaker : Lengkap, menepati dan menyakiti. (Dewan ketawa)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : dan pengundi-pengundi saya menghargai apa yang telah saya sampaikan dan selama ini dia tanya, Datuk, dah cakap dulu betul cakap, saya kata, Dato' Speaker belum izinkan saya bercakap. Tapi, alhamdulillah hari ini ada keizinan, mereka bukan berterima kasih dengan saya, Dato' Speaker sebaliknya berterima kasih kepada Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Terima kasih…

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Dengan kata-kata itu Dato' Speaker, saya turut menyokong usul yang dibawa oleh sahabat saya daripada Rengit di dalam persidangan kita kali ini. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ya**,** Yang Berhormat ke Tanjung Labuh, kenapa pakai baju labuh? Dia terlalu labuh. Ok, siapa lagi nak berucap? Ha, Stulang.

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : Selamat pagi, selamat sejahtera dan salam mesra. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merasa bersyukur dan ingin mengucapkan terima kasih kerana telah diberi peluang dan kesempatan ini untuk berucap di Dewan yang mulia ini sempena atas perbahasan rundingan menjunjung kasih kepada titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor Darul Ta'zim yang telah merasmikan Pembukaan Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-12 pada 19 haribulan yang lalu. Dan, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah dipilih dalam pilihan raya yang ke-12 ini, semoga Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah

diamanahkan dengan tugas dan tanggungjawab dapat berkhidmat dan melaksanakan setiap tugas dan tanggungjawab itu dengan baik dan sempurna.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keputusan pilihan raya yang ke-12 itu telah membayangkan bahawa rakyat Malaysia telah menunjukkan perasaan ketidak puashatian mereka terhadap beberapa aspek pentadbiran negara. Di antaranya ialah tentang kelemahan dan kekurangan dalam sistem penyampaian atau *the delivery system*, dengan izin. Untuk meningkatkan mutu dan prestasi sistem penyampaian, ini bermakna bukan sahaja kita perlu melaksanakan dan menyiapkan sesuatu kerja, tugas dan projek dalam tempoh yang ditetapkan tetapi kita juga perlu menyempurnakan kerja atau projek itu dengan baik agar ia tidak menimbulkan permasalahan pada masa kelak. Sehubungan itu, untuk mewujudkan dan merealisasikan sistem penyampaian yang baik dan sempurna, gejala kelewatan kerja yang sering berlaku di projek-projek kerajaan perlu diperbetulkan. Kelewatan kerja bukan sahaja mengakibatkan dan menimbulkan kesulitan kepada rakyat, ia juga menambahkan kos projek dan menjejaskan kemajuan ekonomi. Selain daripada itu, gejala ini juga dapat, juga akan mencemarkan imej kerajaan dan dengan lazimnya, ia akan sentiasa menjadi isu-isu bagi pihak tertentu untuk memodalkan, *to capitalise,* dengan izin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk mencetus dan memantapkan sistem penyampaian, amalan sistem meritokrasi dalam pentadbiran kerajaan adalah perlu dan relevan. Melalui amalan meritokrasi, ia dapat meningkatkan tahap kecekapan pengurusan. Pengguna sumber-sumber kerajaan juga dapat dimaksimumkan serta dapat memenangi keyakinan dan sokongan rakyat terhadap kerajaan yang mentadbir. Dengan sokongan dan keyakinan rakyat, segala perancangan akan dapat dijalankan dan dilaksanakan dengan licin dan sempurna. Meritokrasi adalah satu sistem sosial yang menyanjung tinggi dan menilai seseorang atau sesebuah institusi berasaskan kebolehan dan prestasinya, bukan berasaskan kepada faktor-faktor lain, latar belakang atau unsur-unsur yang lain. Hanya dengan amalan sistem sosial ini, dengan sepenuhnya dan keseluruhannya barulah dapat kita mencapai kecemerlangan dan keunggulan dalam kerjaya kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita sedia maklum, selepas Kompleks KIK baru iaitu CIQ, dengan izin, dibuka dan berfungsi, aliran lalu lintas dari Singapura akan *bypass,* dengan izin, akan *bypass* atau memirau pusat bandar. Dan tambah pula dengan pemindahan pusat pentadbiran Kerajaan Negeri Johor ke Nusajaya kelak, maka kedua-dua faktor utama ini pasti akan mengadakan impak serta menjejaskan aktiviti perniagaan di pusat bandar. Saya difahamkan bahawa satu pelan khas yang dinamakan Pelan Revitalisasi Pusat Bandar Lama Johor Bahru telah dirancangkan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru. Untuk mengkaji strategi bagi menghidupkan dan merangsang semula aktiviti-aktiviti perniagaan di pusat bandar ini, saya juga difahamkan bahawa salah satu strategi adalah bagi membawa balik atau menggalakkan warga kota untuk menduduki di pusat bandar. Oleh sebab itu, di sini saya ingin bercadang agar pelan Revitalisasi Pusat Bandar Lama ini diperhalusi dengan menjemput wakil-wakil dari pihak swasta dan NGO iaitu Pertubuhan Bukan Kerajaan seperti Dewan Perniagaan Melayu, Tionghoa, India serta badan profesional untuk

bersama-sama membincang dan merancang strategi-strategi Revitalisasi memandangkan mereka adalah ahli-ahli yang berpengalaman dan berpengetahuan dalam bidang komersil dan perniagaan.

Y.B. Dato' Speaker : Masuk Wakil Rakyat sekalilah, dalam Jawatankuasa?

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : Ha, betul, betul. Pusat Bandar Lama itu merupakan satu jantung. Sekiranya jantung itu tidak berfungsi, akibatnya adalah sangat merugikan dan mendukacitakan serta mengecewakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, projek Iskandar Malaysia telah dilancarkan pada tahun 2006. Sejak masa itu hingga kini, beberapa pengumuman yang merangsangkan telah diumumkan pihak berkenaan seperti Projek Iskandar Malaysia akan dapat mewujudkan 800 peluang pekerjaan. Kerajaan Persekutuan akan...

Y.B. Dato' Speaker : Berapa ratus Yang Berhormat?

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : 800,000.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, betul.

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : 800,000. Minta maaf. Peluang pekerjaan. Kerajaan Persekutuan akan membelanjakan RM4.3 bilion untuk kemudahan infrastruktur di kawasan tersebut serta insentif pelaburan tambahan dan kelonggaran akan diperuntukkan untuk pelabur-pelabur yang berminat di, berminat melabur di Node 1 Iskandar Malaysia. Tetapi setakat ini, kita masih belum ada mendengar apa-apa insentif yang disebutkan bagi pengusaha Industri Kecil dan Sederhana, IKS terutamanya pengusaha-pengusaha IKS tempatan. Kita sedia maklum, industri sedia, kecil dan sederhana merupakan industri sokongan dan adalah golongan penyumbang besar kepada sektor *manufacturing* atau sektor perkilangan di Malaysia. Di Malaysia, dianggarkan sektor IKS menyumbang sebanyak 10 hingga 15 peratus kepada jumlah pendapatan ekonomi negara. Oleh sebab, itu saya bercadang di Iskandar Malaysia adalah wajar bagi pihak berkenaan memperuntukkan satu kawasan di Iskandar Malaysia di mana insentif tambahan dan kelonggaran perlu diberikan ke atas insentif yang sedia ada kepada pengusaha IKS yang layak dan berminat serta yang ingin melabur di Iskandar Malaysia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada awal tahun ini sebuah Balai Polis telah ditubuhkan di Taman Pelangi, Johor Bahru. Fungsinya hanya terhad kepada membuat *report* Polis sahaja. Untuk siasatan lanjut, pengadu perlu hadir di Balai Polis Central, Johor Bahru. Dan gejala ini telah mengakibatkan kesulitan kepada orang awam sebab mereka perlu hadir ke dua tempat berasingan untuk membuat *report* dan siasatan polis. Alasan yang diberikan ialah di Balai Polis Taman Pelangi tidak ada Pegawai Polis Siasatan. Rakyat jelata di sekitar Taman Pelangi berpendapat Pegawai Polis Siasatan perlu ditugaskan di Balai Polis Taman Pelangi agar mereka tidak perlu hadir ke dua tempat berasingan untuk membuat *report* dan siasatan polis. Oleh sebab itu, saya menyeru untuk tidak lagi memberi kesulitan kepada orang awam. Adalah perlu bagi pihak, bagi Pegawai Polis Siasatan bertugas di Balai Polis Taman Pelangi secepat mungkin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kes ragut pernah menggemparkan negara kita suatu ketika dahulu dan saat ini. Kes itu telah mendapat liputan yang meluas di setiap dada-dada akhbar. Saban hari di dada akhbar terpampang berita mengenai jenayah ragut yang berlaku di sana sini. Berita yang menggemparkan ini telah mendatangkan kerisauan kepada semua pihak terutamanya kepada kaum wanita. Ini amat membimbangkan serta membahayakan keselamatan kaum wanita. Penjenayah ragut tersebut bukan sahaja melakukan jenayah ragut tetapi juga melakukan jenayah pembunuhan. Paling menyedihkan apabila ibu yang mengandung juga turut menjadi salah seorang mangsa yang menemui ajal bersama kandungannya. Ketika kes ini hangat diperkatakan pada setiap hari, faktor undang-undang juga tidak terlepas daripada mendapat perhatian pihak-pihak tertentu. Dan undang-undang yang sedia ada ketika ini tidak menakutkan penjenayah berbanding undang-undang lain yang jauh lebih adil dan setimpal dengan jenayah yang dilakukan. Ramai pihak berpendapat, undang-undang yang ada sekarang harus dipinda bagi memberikan hukuman yang setimpal pada penjenayah tersebut. Hukuman penjara tidak mencukupi bagi membalas perbuatan mereka yang melampaui batas seorang manusia. Oleh sebab itu, saya bercadang Kanun Keseksaan, *Penal Code* dengan izin iaitu undang-undang yang berkenaan perlu dipinda agar peragut itu dihukum dengan sebatan atau rotan bagi memberi pengajaran berguna serta merupakan pencegahan yang berkesan kepada penjenayah tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di bawah rancangan RKK iaitu Rancangan Kawasan Khas, beberapa kawasan rumah kediaman di dalam Majlis Bandaraya Johor Bahru telah dizonkan sebagai kawasan komersil. Seperti di sebahagian kawasan DUN, rumah kediaman di sepanjang Jalan Serampang, Taman Pelangi dan juga di sebahagian kawasan rumah kediaman di sepanjang Jalan Dato' Sulaiman, Taman Abad. Dan tujuan RKK itu tersebut ialah untuk merancang semula kawasan tersebut mengikut perubahan masa dan kesesuaian aktiviti di kawasan tersebut. Tambahan pula rancangan ini juga bertujuan untuk menambah nilai kepada kawasan tersebut. Selaras dengan rancangan ini, saya berpendapat bahawa infrastruktur di kawasan RKK itu seperti laluan pejalan kaki, sistem perparitan, landskap dan tempat letak kereta juga perlu dipertingkatkan agar mewujudkan satu persekitaran komersil yang baik dan sesuai. Saya bercadang, bahu jalan yang luas menghadap deretan kedai itu di Jalan Serampang digunakan untuk membina tempat letak kereta bagi menampung keperluan dan permintaan tempat letak kereta yang semakin mendesak. Saya percaya dengan peningkatan infrastruktur di kawasan tersebut, matlamat rancangan tersebut akan tercapai.

Dan akhir kata, semoga segala kebaikan dan kesempurnaan akan dapat dicapai dan dipelihara. Dengan ini saya menyokong rundingan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat ADUN dari Rengit. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, lagi siapa nak berucap? Ha jemput Penawar.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Bismillahirrahmaanirrahim, (Berselawat)

Y.B. Dato' Speaker : Macam ustazahlah.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat baju, baju *pink,* cantik eh.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah jemputlah cakap.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana telah memberikan ruang kepada saya untuk turut serta dalam rundingan perbahasan menjunjung kasih titah ucapan perasmian Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor pada persidangan kali ini. Menjunjung kasih atas titah ucapan Baginda Tuanku yang begitu sensitif dan menyeluruh ke atas rakyat jelata jajahan takluknya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tahniah diucapkan di atas pelantikan meneruskan tugas dan tanggungjawab sebagai Speaker. Mudah-mudahan beroleh kesihatan yang baik dan keberkatan sepanjang perkhidmatan.

Y.B. Dato' Speaker : Terima kasih, Alhamdulillah.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Bagai kata orang tua-tua, Emas perak tembaga suasa, Letak mari di tempat rahsia, Yang Berhormat Dato' Speaker sihat ceria, kami di Dewan rasa selesa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana terus diberi kepercayaan menerajui kepimpinan negeri. Dua tiga kucing berlari, Takkan sama si kucing belang, Menunaikan amanah yang telah diberi, Itu tandanya pemimpin terbilang. Mudah-mudahan rakyat bertambah makmur, negeri bertambah aman dan kita semua beroleh kejayaan. Dan, kalau ada bercanggah kata, biar nada berbeza, lagunya tetap sama. Jangan biar kocak menjadi gelora, kerana sudah pastinya kita tidak mahu peristiwa kehilangan Temasik kerana penghulunya, kehilangan Jebat kerana rakannya, kehilangan Nadim kerana bijaknya, kehilangan Langkawi kerana puterinya, berulang kembali.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tak tidur ya, buat madah ini semalam. (Dewan ketawa)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Tak Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah (Dewan ketawa).

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Biarlah hari-hari sukar ini kita lalui dengan usaha dan doa agar dapat menyediakan ruang selesa untuk anak bangsa akan datang, agar anak bangsa akan tahu menilai mana emas mana

suasa dan tidak menjadi buluh betung di luar keras, di dalam kosong dan akhirnya menjadi pisau bengkok yang memakan sarangnya. Alhamdulillah, dengan dasar Kerajaan yang telah di bahas dan diputuskan bersama dan pelaksanaan yang baik di pihak pegawai Kerajaan, maka banyak masalah rakyat dapat diselesaikan.

Tahniah kepada Ketua-Ketua Jabatan yang berjaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan begitu dedikasi walaupun ada beberapa perkara yang perlu dilihat kembali dan diperbaiki, kerana mereka ini ibarat pagar. Pagar takkan jadi pagar kalau kebun dirayapi belukar, pagar takkan jadi pagar kalau duri di biar melingkar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam suasana hari ini benarlah titah Baginda Tuanku, ADUN-ADUN bukan sahaja perlu ikhlas dan jujur, bahkan bertugas seratus kali ganda untuk memastikan rakyat berada di dalam keadaan yang selesa dan tidak tertekan dengan keadaan ekonomi yang boleh dianggap kritikal ekoran kenaikan harga minyak dunia. Kenaikan ini bukan sahaja memberi kesan kepada pengguna kenderaan bahkan keseluruhan, maka sudah pastinyalah ADUN-ADUN berdepan dengan pengundi untuk memberikan penjelasan akan sebab-sebab kenaikan dan saranan Kerajaan serta tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah yang ditanggung dan tidak hanya mendengar perkara-perkara negatif yang diberikan oleh pihak pembangkang untuk membangkitkan rasa marah pengundi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Nigeria bukanlah negara yang boleh dibandingkan dengan Malaysia untuk harga minyak. Benar, di Nigeria RM0.32 seliter harga minyak iaitu bersamaan dengan 12 Naira mata wang Nigeria. Dan dengan pendapatan per kapita 2006 sebanyak 83,000.00 Naira bersamaan dengan USD694.00 dan Malaysia pendapatan per kapitanya RM20,000.00 iaitu USD6,060.00, maka kenapa hanya dibangkitkan RM0.32 seliter minyak di Nigeria, tanpa kita menerangkan kepada pengundi akan keadaan muka bumi serta penduduk di Nigeria di mana keadaan taraf jalannya, hospitalnya, korupsinya, tahap keselamatan yang rendah, sekolah dan sebagainya.

Kalau ini dijelaskan kepada pengundi bukan hanya RM0.32 seliter di Nigeria, tetapi jelaskanlah sejelas-jelasnya supaya pengundi kita tidak akan cepat beralih arah untuk menikmati ikan masin di mana mereka akhirnya akan mendapat darah tinggi pada akhirnya. Yang Berhormat Dato' Speaker, hujan emas negeri orang, hujan batu negeri sendiri, baik lagi negeri sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, beberapa permasalahan dalam kawasan masih belum ada jawapan. Pertama, keadaan geran tanah Kampung Baru Sungai Mas yang mengambil masa lebih 10 tahun untuk diselesaikan, yang kini khabarnya telah sampai ke peringkat EXCO pohon disegerakan dan diberikan jawapan agar dapat dijelaskan kepada penduduk Kampung Baru Sungai Mas keadaan ini.

Y.B. Dato' Speaker : Ramai yang belum dapat geran, Sungai Mas tu?

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Kampung Baru Sungai Mas.

Y.B. Dato' Speaker : Berapa ramai?

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Lebih kurang 150 orang.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, tak ramailah.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Keadaan lampu-lampu di simpang jalan utama FELDA, terutamanya FELDA Semenchu yang telah beberapa kali dibangkitkan di dalam Mesyuarat Tindakan dan telah lebih 5 tahun masih juga tidak dapat disempurnakan hingga mengakibatkan beberapa kemalangan ngeri di waktu malam. Seterusnya keadaan tanah FELDA ataupun perancangan FELDA untuk generasi kedua hari ini juga telah disebut-sebut oleh generasi ketiga masih belum nampak hasilnya atau perancangan telitinya terutama FELDA di dalam kawasan saya.

Kita tidak mahu perkara ini jadi isu dan kontroversi oleh generasi kedua dan ketiga FELDA dalam pilihan raya yang akan datang. Biarlah ada penjelasan yang boleh diukur untuk diberikan kepada mereka yang bijaksana ini agar mereka tahu dan memahami perancangan teliti pihak Kerajaan, supaya 8,000 daripada 16,000 pengundi tidak akan beralih arah di dalam pilihan raya yang ke-13 akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pada hari ini mengharapkan, mengucapkan tahniah kepada rakan-rakan yang berjuang atas tiket Barisan Nasional dan tidak hanya bercakap untuk kepentingan satu kaum sahaja kerana sejak dahulu lagi, sejak lebih 50 tahun yang lalu ikatan perpaduan di antara kita cukup kuat. Mudah-mudahan ia akan dapat berterusan dan agar kita dapat terus merealisasikan manifesto pilihan raya yang lalu, selamat, aman dan makmur.

Hari ini kita masih mampu berpesan kepada generasi muda kita supaya tidak terlalu cepat bermusuh dengan kawan, tidak terlalu ghairah bersahabat dengan musuh kerana orang tua-tua dahulu selalu berkata, terlalu banyak musang yang berbulu ayam, terlalu banyak sokong yang membawa rebah. Dan, kita kena ingatkan akan sejarah bangsanya yang negara berlandaskan adap, rakyat, berlandaskan Sultan, adat negeri beraja. Kita akan bisikkan kepada mereka petua orang tua-tua, kiambang adalah kiambang, biduk lalu bertautlah ia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya diminta pihak FELDA melihat kembali dan menyusun semula kedai-kedai yang ada di dalam kawasan FELDA, agar FELDA ini kelihatan kemas dan cantik seperti di Bandar Jengka, Pahang. Dan, maka akan terlihatlah satu bandar dan perumahan Melayu seperti yang diidam-idamkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan keadaan keselamatan yang semakin terancam di tanah air sendiri, di kampung halaman sendiri oleh pendatang tanpa izin yang sentiasa memerhatikan pergerakan penduduk persekitaran di mana mereka tinggal. Elok kiranya pihak keselamatan melihat kembali dasar lama mereka untuk menempatkan anggota di kampung dan juga FELDA yang kedudukannya berkumpulan dan tanah untuk didirikan

balai ataupun pondok Polis telah ada. Dan, sekiranya layak dan sekiranya dasar untuk jumlah penduduk bagi penempatan anggota ini boleh diubah, maka eloklah diadakan bagi mententeramkan keadaan keamanan yang semakin kritikal dengan pencerobohan rumah yang semakin kerap berlaku.

Yang Berhormat Dato' Speaker seterusnya berhubung dengan penduduk usia emas yang tidak ada tempat untuk mendapatkan rayuan bagi sumber pendapatan untuk meneruskan kehidupan. Sebagai contoh, pekerja ladang, pencen pada umur 55 tahun mempunyai sedikit KWSP. Dibelanjakan untuk membayar habis hutang rumah dan bakinya boleh menyara hingga 60 tahun. Dan, selepas itu apabila habis sumber yang ada, mohon dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat tetapi tidak dapat kerana apabila penyiasatan dijalankan di rumah ada peti televisyen dan juga peti sejuk. Itu harta dahulu, kehidupan sekarang perlu diteruskan, bil air, bil api, cukai tanah, sakit pening semuanya perlukan wang.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dia ada TV, ada *ice box,* tak boleh dapat ya?

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Tak boleh dapat Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, makna dia anggap macam kayalah.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Ya, saya Yang Berhormat. Ini berlaku di dalam Wilayah KEJORA. Dan Yang Berhormat Dato' Speaker, Akar keladi melilit selasih, Selasih tumbuh di hujung taman, Kalungan budi junjungan kasih, Mesra kenangan sepanjang zaman.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dulu di sekolah, johan pantun eh?

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Saya Yang Berhormat Dato' Speaker. (Dewan ketawa)

Y.B. Dato' Speaker : Oh, padanlah. Ok, oklah. Baguslah.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Sekian, saya mohon menyokong rundingan bahasan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku,

Y.B. Dato' Speaker : Eh, tak nak ucap lagi?

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Yang dibawa oleh ADUN...

Y.B. Dato' Speaker : Allah, saya kasilah.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Habis, sama-sama. Allah. Lagi, perbahasan diteruskan lagi. Oh…..

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Bismillahirrahmaanirrahim,

Y.B. Dato' Speaker : Sukan malam ya, ok. (Dewan ketawa)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang dihormati, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, yang telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian bersama-sama membahaskan usul menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor pada minggu yang lepas. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Dato' Speaker di atas kebijaksanaan, di atas kematangan, ke atas keadilan tentang menyusun kedudukan Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini.

Apa yang dilihat pada hari ini tentang kedudukan Ahli Dewan Negeri dalam Dewan ini mengikut *seniority* ataupun mengikut Ahli-Ahli Dewan yang senior letaknya di barisan ini, yang berdepan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, diikuti Ahli-Ahli Yang Berhormat yang seterusnya sehingga Ahli-Ahli Yang Berhormat yang terbaru. Apa yang kita lihat pada hari ini bahawa Barisan Pakatan Rakyat yang telah menyuarakan dalam Dewan ini, beliau tidak puas hati tentang kedudukan beliau diletaknya di hujung Dewan, sepatutnya beliau mengucap terima kasih kepada Dato' Speaker kerana dia bertentangan dengan Dato' Speaker. Saya pun tak dapat bertentangan.

Yang kedua, dia, saya lihat meja dia dengan meja Dato' Speaker lebih kurang sama, tinggi dia. Kalau kita tengok di Dewan ini pada BN duduknya celah tiang.

Y.B. Dato' Speaker : Dah tu, gelap pulak tu.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Gelap pulak.

Y.B. Dato' Speaker : Ha itulah,

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Itu salah Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Betullah.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Jadi, saya cadang supaya Dato' Speaker keempat-empat ahli pembangkang, empat ….

Y.B. Dato' Speaker : Enam, enam.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Enam, empat, dua sana, dua di sini, kerana dua-dua ini bukan sealiran. Yang dua ini memang pejuang Islam lain dia punya konsep.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, tak ada tajuk lain ke Yang Berhormat?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Yang empat lagi ni dia menentang Islam, saya tak tahu macam mana boleh jadi Pakatan Rakyat.

Y.B. Dato' Speaker : Tu tak apalah, dia sama dialah.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Saya nak beritahu kat dialah. Jadi, dia jangan memikirkan Dewan yang mulia ini di Johor ini berbeza dengan tempat lain, di Selangor, di Pulau Pinang ataupun di Perak. Di tempat dia bolehlah. Kalau agaknya nak istimewa pergilah Pulau Pinang, bertanding. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tak boleh ganggu dia.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, minta laluan, minta maaf,

Y.B. Dato' Speaker : Kejap, kejap,

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, nanti kejap, tak apa.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Minta laluan Yang Berhormat Dato' Speaker, minta laluan, sebab saya rasa ucapan ini sudah lari dari...

Y.B. Dato' Speaker : Tak apalah dia ucapan, dia bebaslah, dia ….

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tak mengikut peraturan 45, huraian Yang Berhormat telah menimbulkan sahsiah. Minta dia tarik balik.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kita tak bertanding kat negeri lain, kita orang anak Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah betullah.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Saya tak cakap pasal DAP, saya cakap pasal Parti Pakatan Rakyat.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat. Jemput duduk.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kamu tak berani, kalau nak sebut DAP atau PAS, sebut Pakatan Rakyat bukan DAP.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Saya cakap pasal Pakatan Rakyat bukan DAP.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kalau nak cakap pasal DAP atau...

Y.B. Dato' Speaker : Ok,Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat Datuk Harun pun duduk. Leceh betullah.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Leceh betullah DAP ini…….

Y.B. Dato' Speaker : Samalah. Saya pun dah naik letih juga. Allah lecehlah, duduklah. Haus tekak, ha'ah. Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:10 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 12:35 tengah hari.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan ini disambung semula, jemput.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya meneruskan perbahasan saya berkenaan dengan perpaduan berbilang kaum. Semenjak kebelakangan ini, kita lihat perpaduan berbilang kaum semakin lama semakin luntur, disebabkan beberapa perkara yang kita lihat tentang pergolakan masa kini di kalangan masyarakat di Malaysia. Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan, terutama sekali Kementerian Pelajaran supaya dapat mengembalikan semula Sekolah Wawasan, yang mana sekolah ini telah pun dilaksanakan beberapa buah negeri yang terdapat di Malaysia, terutama sekali di Negeri Johor ini, khasnya di Kota Tinggi, kita dapat, kita dapati ada sebuah Sekolah Wawasan iaitu Sekolah Wawasan Teluk Sengat. Yang mana Sekolah Wawasan ini kita lihat memberi satu gambaran yang jelas kepada kita supaya kita didik daripada anak-anak kita, daripada bangsa Melayu, Cina dan India supaya mereka dapat bersama-sama memahami kebudayaan bahasa dan juga dapat mengeratkan hubungan perpaduan di antara kaum yang terdapat di Malaysia ini. Kita lihat di Teluk Sengat, contohnya, dia mempunyai tiga kaum dan tiga aliran. Aliran Melayu, Sekolah Kebangsaan Jenis Tamil dan juga Sekolah Kebangsaan Jenis Cina, yang duduknya satu bumbung dan mempunyai tiga orang guru besar dan mempunyai kantin yang sama, perhimpunan yang sama tapi pelajarannya, agak, cara pengajarannya berasingan mengikut bahasa perantaraan masing-masing.

Saya lihat dalam Sekolah Kebangsaan ini kita dapat lihat semua murid, duduk, makan bersama, bermain bersama, berhimpun bersama-sama. Dengan cara ini kita lihat memberi pelajaran dan juga memberi asas kepada anak kita supaya mereka duduk dan juga dapat bersatu padu, dapat mengeratkan hubungan di antara bangsa yang terdapat di negara kita. Oleh sebab itu, saya minta kerajaan di bawah Kementerian Pelajaran supaya mengkaji semula, supaya dasar pelajaran negara kita memulihkan Sekolah Wawasan ini diteruskan, memberi satu tekad yang baru kepada generasi muda supaya mereka dapat memahami permasalah perpaduan kaum yang terdapat di negara kita. Jika dibandingkan dengan sekolah lain, contohnya, di tempat saya Sekolah Menengah Tun Datuk, yang terdiri daripada sekolah menengah yang mempunyai kaum Cina dan juga kaum India serta kaum Melayu, sering kali

setiap tahun berlakunya pergaduhan, di antara pelajar Melayu dan pelajar kaum Cina. Ini disebabkan Sekolah Menengah Tun Datuk, ini didatangi oleh pelajar daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina bukannya pada Sekolah Kebangsaan Wawasan.

Jadi saya percaya, kerajaan di bawah Kementerian Pelajaran supaya dapat memperluaskan lagi berkenaan dengan Sekolah Wawasan, yang matlamat kita untuk memberi, memberi kepada, memberi pada anak kita supaya mereka dapat memahami perpaduan di kalangan kaum di masa akan datang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita meminta kita berjimat cermat, sama ada bawah kementerian atau minta rakyat supaya kita apa, kita dapat berjimat cermat dalam keadaan dan suasana pada hari ini tentang kenaikan harga minyak. Tapi baru-baru ini saya tengok satu projek pelancongan di bawah Kementerian Pelancongan kita lihat, dia, bukan menjimatkan kewangan, contohnya, pelancaran Citrawarna yang di peringkat Negeri Johor yang baru-baru ini. Mungkin, tuan-tuan, eh tuan-tuan pulak. Semua rakyat seluruh Negeri Johor menyaksikan itu, bunga api, pelancaran bunga api yang memakan masa 25 minit. 25 minit untuk makluman Speaker, harga dia RM250,000.00, selalu saya buat dulu, satu minit RM10,000.00. Bermakna RM250,000.00 ini Menteri Pelancongan ni, membazir. Kita melihat 25 minit. Inikah yang dikatakan Kementerian yang jimat cermat? Ini mendatangkan pembaziran kepada rakyat. Ini yang rakyat marah. Pemimpin melaungkan supaya kita jimat cermat, tetapi pemimpin yang melakukan perkara pembaziran yang ada pada hari ini. Oleh sebab itu, saya harap kepada Kementerian Pelancongan, baik duit ini dibelanjakan untuk *chalet,* untuk bantu kita punya ni apa, *chalet-chalet* yang terdapat di kawasan pelancongan seperti Desaru ataupun kawasan Tanjung Balau dan lain untuk membelanjakan wang yang membazir ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak sentuh pasal sekolah agama dan juga Jabatan Agama. Sahabat saya daripada Bukit Serampang tadi telah menyuarakan berkenaan dengan guru TAJ yang pendapatannya RM300.00 sebulan. Saya pun hairan, dalam suasana sekarang mana ada satu pekerja yang RM300.00 sebulan. Kat Malaysia tak ada. Tidak ada orang Malaysia pun gaji dia RM500.00. Ini RM300.00 sebulan untuk makluman Speaker, dah tolak EPF, dia tunjuk saya resit, tengok tinggal RM200.00 lebih. Yang bekerja ni, bermula tiga jam satu hari, 5 hari seminggu, bayangkan dengan RM300.00 cukup, tak cukup? Saya tanya pada guru ni, cukup tak? Tak cukup. Nak bayar jaga anak dah RM100.00. Pergi ke sekolah tu RM50.00. Susu anak pun tak cukup, dia. Baik dia kata dia ada susu gantung, dia masih muda. Susu gantung, dia guna susu gantung dia, kurang sikit kos dia dan suaminya. Jadi saya hendak Jabatan Agama, kalau nak buat sekolah agama TAJ ini biarlah ada, ada kemampuan. Kalau tak ada kemampuan tak payah buat, malu kita. Johor ada Sekolah Agama TAJ, tetapi gaji guru-guru dia terlalu rendah. Sekarang pun, kalau ikut ni, apa miskin tegar pun RM600.00 lebih, RM640.00.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Habis cadangan Yang Berhormat berapa banyak?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Cadang saya supaya sama taraf gaji guru agama. Apa salahnya kelulusan SM juga, SPM. Bolehlah gaji sama, kesian. Kalau dah tak mampu, pada hal ini, Jabatan Agama Daerah ini, tutup aje. Banyak ni Pra Sekolah ada. Kita dulu, TAJ ini untuk tujuan untuk mengatasi parti-parti PAS yang lain. Buat betul-betul. Jangan kita memberi gaji yang menyeksakan orang lain. Itu sebab orang marah pada kerajaan.

Yang keduanya, keburukan Sekolah Agama Johor, sebagaimana saya sokonglah pendapat dari Bukit Serampang, DUN Bukit Serampang tadi berkenaan dengan kanak-kanak sekolah agama. Untuk makluman Datuk Speaker, saya bekas guru, saya tahulah. Segala apa yang dibuat Jabatan Agama Johor, dia tak pernah bincang, tak pernah ada seminar. Dia fikir kepala dia sendiri, lepas tu dia buat. Saya nak beritahu, Datuk Speaker. Saya dah tiga kali melawat sekolah, Sekolah Agama. Saya datang pukul 4.45. Saya pergi melawat satu Sekolah Agama, darjah satu. Pukul 4.45 dah ramai anak-anak kita tidur. Saya tak ikut depan, kalau saya ikut depan, dia kenal saya, dia bangun, budak tu. Tapi saya ikut belakang, saya lihat ramai yang anak-anak kita letih dan tertidur. Kerana untuk makluman Datuk Speaker, budak umur tujuh tahun ni, pukul 7.30 masuk sekolah, 7.00 pagi dia pergi, keluar pukul 1.00, 1.10, pukul 2.00 masuk semula. Pukul 6.30 dia balik. Bayangkan anak kita umur tujuh hingga sembilan tahun, boleh tak belajar agaknya. Jangan cakaplah, Ahli Dewan jadi Wakil Rakyat pada hari ini, kita duduk daripada 7.00 pagi, rehat tengah hari satu jam, sambung sampai pukul 6.30 baru keluar. Saya ingat ramai, bukan saja saya, ini pun kita duduk dalam dua, tiga jam, pun ramai ADUN kita hisap rokok kat luar. Ramai. Kerana tak ada. Jadi saya harap Jabatan Agama ni, kalau nak buat suatu benda ni kena buat kajian.

Ada yang cakap itu hari EXCO Agama menyatakan sambutan daripada mak bapak, itu saya ingat tak benar. Saya pergi lawatan ni, saya minta mak bapak punya pandangan. Semua kata tak setuju. Semua tak setuju. Contohnya tadi ya, tahun ini sahaja ada pernah anak kita tak Sekolah Agama seminggu *straight*, contoh Hari Raya Cina. Hari Raya Cina berlaku pada hari Khamis dan Jumaat, maka anak kita tak sekolah seminggu. Apa nak jadi? Awal Muharam hari Khamis, anak kita sekolah satu hari dan anak kita sekarang semuanya, kalau ikut keputusan pun memang gagal. Saya cakap benda yang benar, memang gagal budak tak boleh belajar, budak belajar satu jam setengah aje. Habis macam mana benda ni, cikgu tolong. Tolong ni, tunjukkan ini, markah apa. Mereka tolongkan supaya nak lulus, supaya mak bapak tak kompelin.

Jadi saya harap, Jabatan Agama ni, jangan, jangan sesuka hati buat keputusan. Walaupun 40 percubaan ini, 40 buah sekolah percubaan, saya minta Jabatan Agama buat borang kajian hantar pada mak bapak. Jangan dengar cerita atas meja saja. EXCO patutnya kena pergi, Pengarah pun kena pergi. Ini Pengarah pada perjumpaan ini dia jumpa dengan guru-guru, dia cakap, program ini diteruskan. Eh, belum ada keputusan lagi. Diteruskan, dimaklumkan oleh guru agama. Dulu saya kompelin pasal ni, dia telefon dengan PPD. Tolong *check* Sekolah Kebangsaan Penawar. Menggelabah cikgu besar telefon saya. Ini Pengarah telefon saya ni, macam mana surat, kertas kerja dapat? Eh, bukan saya dapat Penawar, saya dapat guru lain. Jadi Pengarah ni dah mula ugut-ugut guru dah. Kita masalah. Jadi saya ingatkan Pengarah dan juga Pengerusi Agama kena berhati-hati.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat minta ringkaskan sikit. Ada beberapa…

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Dah, satu lagi ialah berkenaan dengan Agama juga, Setiausaha Badan Kebajikan. Kita dah jawab, dah dua tahun saya nyatakan apa yang dikatakan ni apa, Pengerusi Badan, Pengerusi Agama menyatakan, Setiausaha sudah ditukar, iaitu Guru Besar tidak lagi menjadi Setiausaha. Saya ada bawa minit dia. Jawapan dia pada tahun lepas. Dia nyatakan, bahawa Guru Besar itu tidak lagi menjadi Guru Besar, eh tidak lagi menjadi Setiausaha. Setiausaha dilantik di kalangan guru. Itu jawapan yang ada pada saya, minit jawapan EXCO. Ini saya nak tunjuk, saya ada empat, lima, Guru Besar merangkap Setiausaha Badan Kebajikan Sekolah Agama. Ini minit. Ada tiga, empat sekolah-sekolah. Saya tanya Guru Besarnya macam mana? Macam mana Guru Besarnya jadi Setiausaha, sedangkan EXCO menyatakan sudah ada kelulusan, sudah ada Surat Pekeliling. Jadi, kita ni Wakil Rakyat jadi masalah, Speaker. Jadi, saya harap ni Jabatan Agama, buatlah. Jangan cakap saja dalam Dewan, tapi tidak dilakukan. Hah, ini tanggungjawab dia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekali lagi mengenai subsidi minyak. Subsidi minyak ni, saya nak tahu setakat ini hari di tempat saya, bantuan sehari minyak diesel dan juga petrol bagi kaum nelayan. Kaum nelayan. Ha, terima kasih EXCO Agama. (Dewan Ketawa).

Pada hari ini kaum nelayan di tempat saya, subsidi minyak telah disekat. Hanya diberi satu minggu sekali atau dua kali. Bagaimana dasar kerajaan untuk bantu nelayan beri subsidi, sedangkan ia menyekat bantuan subsidi, sebab tempat saya minggu lepas lagi sekali saya dapat minyak. Yang lain tak dapat. Ini yang saya nak minta pada pihak yang berkenaan, baik yang berkenaan supaya subsidi ini terus seperti biasa. Jangan besok orang-orang nelayan marah tentang subsidi minyak diesel dan juga petrol terutama sekali di Tanjung Surat ini.

Yang seterusnya berkenaan dengan tumpahan minyak, secara ringkas sahaja. Untuk makluman Datuk Speaker, tumpahan minyak di tempat saya boleh dikatakan dua bulan ataupun sebulan sekali. Boleh dikatakan tiap-tiap bulan berlaku. Baru-baru ini pun berlaku tumpahan minyak yang begitu besar sekali, yang menyebabkan masalah nelayan tergugat. Dari segi pendapatan nelayan tergugat, dari segi pendapatan nelayan tergugat kerana tumpahan minyak yang terlalu banyak di kawasan atau di sepanjang Pengerang ke Tanjung Surat ini. Oleh sebab itu saya mintak Jabatan Laut ataupun Maritim, Alam Sekitar ini supaya mengambil tindakanlah yang segera kepada kapal-kapal yang berkenaan. Saya tengok sejak kebelakangan ini, bukan sekarang, dari dulu ya, kawasan saya itu di antara 4 hingga ke 60 berlabuh. Tapi kapal Jabatan Laut ke atau Maritim pun tak nampak. Mungkin sebulan sekali *round*. Tak macam Kerajaan Singapura. Kerajaan Singapura, dia jaga satu kapal satu marin dia. Ini sebab berlakunya tumpahan minyak. Jadi saya harap jabatan yang berkenaan, kena bertugaslah. Jangan menyusahkan rakyat. Jadi tumpahan minyak, ha, macam-macam alasan dia buat. Jadi saya harap pada pihak Jabatan laut Jabatan Maritim dan juga pihak yang berkenaan supaya dapat menjalankan tugas, kalau boleh tiap-tiap hari. Sekarang ini kapal yang paling banyak sekali

kapal di kawasan saya antara 50 hingga 60 kapal yang berlabuh di kawasan Tanjung Surat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, lagi satu ialah berkenaan ternak burung walet. Saya tengok ternakan ini sebagaimana kerajaan bersetuju untuk perusahaan ini dibuat di luar bandar. Tapi tempat saya yang berlaku pada hari ini, banyak kompelin-kompelin daripada penduduk tempatan, kebanyakan pengusaha ini membina bangunan di sebelah rumah orang. Kampung, dia buat sebelah. Kerana, kalau dibuat di sebelah rumah orang, dia akan mengganggu ketenteraman orang. Bunyi bising. Pada pukul 6 sampai pukul 7, 8 bising. Dengan bunyi suara dia, gangguan dia. Jadi, saya minta kerajaan supaya mengkaji semula tentang pembinaan ini. Kalau boleh, kalau hendak menternak juga burung walet ini, buat di kawasan pertanian yang tidak ada orang. Datuk Speaker datang rumah, sebelah bangunan empat tingkat. Saya datang pukul 6, bising. Burung-burung yang nak masuk tu bising dengan bunyi-bunyi dia. Jadi, ini mengganggu ketenteraman awam dan saya harap pada pihak yang berkenaan, kalau mereka-mereka mohon lesen ini tidak diluluskan. Kalau dia buat di dalam hutan, di kawasan jauh dari perumahan, ha tu, serah kepada pihak berkuasa. Tapi, kuasa yang apa, bangunan yang dibina sebelah rumah hendaklah tolak permohonan mereka. Jadi, ini akan menjadi masalah apabila kita menghadapi pilihan raya di masa akan datang.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Masa cukup Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Lagi sikit lagi.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang akhir ya?

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Ya?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang akhir ya. Saya nak beri peluang lagi ada 2 orang Ahli Dewan yang nak berucap.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Sikit lagi pasal bantuan sara hidup.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, yang akhir.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Bantuan sara hidup. Saya nak minta bantuan Jabatan Agama juga berkenaan bantuan sara hidup ni. Di tempat saya di Kota Tinggi ini, berkenaan bantuan sara hidup ini, makan masa empat, lima bulan. Ada setengah bantuan dah mohon, sampai mati orang tu, pun tak dapat. Saya difahamkan Jabatan Agama, surat pemohon ini dah hantar ke Johor. Kata dia dah hantarlah, dah tiga, empat bulan hantar. Tapi Jabatan Agama Johor lambat mengambil tindakan. Oleh sebab itu, untuk meringkaskan masa dia, saya minta EXCO Agama berilah kuasa pada yang *check* dan semak. Kalau tak betul, dia kena. Kalau dia tengok saja, EXCO Agama terus luluskan. Sebulan, dua bulan, dah dapat. Ini sampai enam bulan. Ini masalah bantuan sara hidup yang berlaku di Jabatan Agama.

Akhirnya, masalah elaun Ketua Kampung ni. Saya nak maklumkan semenjak kebelakangan ini elaun Ketua Kampung ni lambat. Sampai lima bulan. Ini dah lima bulan baru dapat. Jadi saya minta kerajaan…

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Ya?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Sekarang dah cepat.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Tak ada, baru dapat. Baru dapat bulan 6 ni. Lima bulan tertunggak. Jadi saya cadangkan kerajaan, Kerajaan *Federal* atau pusat, supaya elaun Ketua Kampung ini, terus masuk dalam akaun dia. Seperti Imam, Imam terus masuk, dia terus dapat. Elaun dia tiap-tiap bulan. Ini lima bulan sekali, baru dia dapat elaun.

Dan akhir sekali ialah berkenaan KEJORA ni, sikit saja. Bandar Penawar ni. Saya minta pada bank-bank supaya, Bandar Penawar ni ialah sebuah bandar yang sedang pesat tapi sekarang tak dapat bank, dia orang. Macam-macam bank kita minta, bangunan dah ada, kita siap bangunan, hantar dah siap, tapi bank tak ada. Jadi, saya minta kepada pihak berkenaan supaya dapat kemasukan Bank Perdagangan di Bandar Penawar yang merupakan bandar yang sedang membangun pada hari ini. Jadi, Yang Berhormat Datuk Speaker, itu ada lagi, tapi saya ucap terima kasih. Sikit lagi boleh tak?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Cukuplah

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Sikit saja.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Untuk menyokong aje.

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah (Tanjung Surat) : Pasal saya nak sentuh sikit Bahasa Inggeris. Matematik, Sains dalam Bahasa Inggeris. Saya nak sentuh sikit saja lagi. Ini penting. Saya lihat pada hari ini, saya dah melawat beberapa buah sekolah, yang saya lihat, anak-anak kita untuk menguasai Matematik, Sains dalam Bahasa Inggeris, gagal. Gagal di luar bandar. Tapi di bandar saya, saya anggap tidak gagal. Di luar bandar ni saya lihat, anak kita tak boleh menguasai Bahasa Inggeris. Kebanyakan tak boleh cakap. Dan saya difahamkan oleh kementerian, akan membuat keputusan pada hujung tahun ini, keputusan UPSR. Tapi, saya ingat pun dia tak mendatangkan keuntungan pun pada kita kerana dia menjawab dalam dua bahasa. Kalau nak tahu anak kita berjaya atau tidak berjaya dalam Bahasa Inggeris, *test,* ujian dia dalam Bahasa Inggeris sahaja. Berapa banyak anak-anak luar bandar akan gagal dalam Matematik, Sains.

Jadi saya cadangkan kepada Kementerian Pelajaran, tak payah guru Bahasa Inggeris, gunakan sahaja bahasa, akhirnya mengambil keputusan hujung tahun sama ada betul atau tidak kita anak kita boleh menguasai Bahasa Inggeris atau tidak. Kita tengok di peringkat universiti-universiti sekarang, dah guna Bahasa Inggeris. Kalau kita jawab periksa UPSR hari ini, budak akan jawab dalam Bahasa Melayu. *So*, menjawab dari sekolah, cikgu dah ajar Bahasa Melayu.

Saya tanya kenapa ajar cikgu, budak tak faham. Kelas pertama ok, 2, 3, 4 , 5, tak boleh terus. Dia terpaksa belajar dalam Bahasa Melayu untuk memastikan bahawa murid dia lulus dalam peperiksaan UPSR. Jadi saya harap pada Kementerian Pendidikan, kalau dia nak buat ujian kaji betul sampai berkesan dari segi genetik, buat lah Aliran Bahasa Inggeris semua sekali. Tak payah 2 bahasa, setahun cukup. Kita tengok berapa banyak anak orang Melayu yang gagal dalam peperiksaan UPSR tahun ni. Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, akhirnya saya dengan ini menyokong usul yang dibawa oleh DUN Rengit.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, jemput. Jemput yang lain. 10 minit Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Hj. Yusof (Kukup) : Ya, terima kasih. Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Hj. Yusof (Kukup) : Terlebih dahulu saya merakamkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya turut serta dalam perbahasan menjunjung kasih atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia, Baginda Tuanku, Sultan Johor. Sejak negara kita merdeka 51 tahun lalu, banyak perubahan telah berlaku. Banyak pembangunan telah dijalankan oleh Kerajaan Perikatan waktu dulunya, dan sekarang Barisan Nasional. Banyak kemajuan telah dicapai. Kestabilan politik negara kita, menjadi negara kita bertambah makmur dan aman. Sebagai rakyat Malaysia, kita tidak sepatutnya menafikan hakikat ini. Malah sepatutnya setiap orang daripada kita mesti mempertahankannya. Berlandaskan pada pegangan itu dan menyedari hakikat bahawa kejayaan dan kemakmuran yang dicapai sekarang ini, hasil perjuangan-perjuangan terdahulu, saya bertekad meneruskan perjuangan mereka dengan slogan aman dan makmur. Saya menerapkan prinsip keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan dalam memberi khidmat bakti kepada rakyat yang telah memilih saya sebagai Wakil Rakyat di kawasan Kukup.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, oleh kerana waktu kecederaan semasa ini, saya tengok pun waktu telah pukul 1, pada mulanya saya fikirkan nak bawakan 33 isu tetapi oleh kerana waktu pun dah terlalu singkat, jadi saya memilih saja beberapa isu, yang mana saya fikirkan mustahak.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ringkaskan saja Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Ringkaskan eh… Jadi, kalau kita lihat hari ini, ramai yang memperkatakan keselamatan Johor. Keselamatan di Negeri Johor yang dipertikaikan oleh banyak pihak, termasuk pihak-pihak pembangkang dan juga pihak parti kerajaan. Tetapi ramai di antara kita tak memahami, sebenarnya kedudukan ataupun pekerjaan sebagai seorang anggota Polis ini amatlah sukar. Daripada kelahiran setiap orang, setiap individu dalam Dewan ini, semuanya perlu dilaporkan kepada Polis, sehinggalah kita semua mati pun, perlu dilaporkan pada Polis. Sehinggakan, kalau kita tengok Yang Berhormat Datuk Speaker, segala permasalahan, rompakan, apa juga, semua kita perlukan Polis untuk bantuan. Dalam keadaan hari ini, memang, saya rasa kerajaan pun telah pun tahu akan perlunya penambahan anggota-

anggota Polis. Kalau hari ini kita ada lebih kurang 30,000 anggota Polis di negara kita, tetapi kita pada hari ini, kalau mengikutkan per kapitanya, kita memerlukan lebih kurang 60,000 kakitangan anggota Polis. Jadi masalah ini, banyak pihak yang tidak ingin memahami.

Yang saya ingin tegur di sini adalah apabila banyak perkara-perkara Polis ini dibangkitkan oleh pihak pembangkang. Katanya, Polis ni suka-suka nak tangkap orang di pusat-pusat hiburan. Dan pelbagai-bagai lagi tohmahan yang dilemparkan kepada Polis. Sedangkan, kalau lihat di pusat-pusat hiburan ini Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Speaker, begitu banyak sekali gejala-gejala sosial yang tak sihat berlaku di sana. Contohnya, ada di kalangan mereka yang hisap dadah, pelacuran dan pelbagai lagi. Kalau Polis tak buat kerja ni, dia kata Polis pemalas, Polis tak buat kerja. Bila Polis tangkap, dia kata Polis tangkap sesuka hati. Dan satu perkara lagi tentang keselamatan di Negeri Johor ini yang dipertikaikan, saya ingin bertanya, berapa ramaikah orang Singapura atau wakil, apa, wakil, rakyat dari negara jiran ini, telah mati, kat Johor ni? Berapa banyak yang dah rompak dekat Negeri Johor ni. Berapa banyak yang telah cedera parah di Negeri Johor ni. Jadi saya rasa satu perkara yang memang telah digembar-gemburkan sehingga Johor ini nampak macam satu tempat penjenayah yang tak dapat dikawal. Sedangkan saya juga di Johor, saya berjalan malam, tak rasa pun keselamatan saya terganggu.

Jadi saya rasa Johor adalah tempat, yalah, di mana juga jenayah akan berlaku. Sama juga di Johor. Kalau nak ikutkan, tempat yang paling tinggi jenayahnya adalah di Selangor ataupun di Subang Jaya yang lebih tepat lagi kerana di situlah paling banyak sekali jenayah-jenayah yang berlaku. Tetapi Johor saya tengok, saya jalan di Johor, tak merasakan keadaan itu. Tapi saya merasakan, ini adalah kaedah-kaedah yang digunakan oleh negara jiran kita sebenarnya. Dengan kedatangan rakyat-rakyat mereka ke negara kita, dengan pengaliran dana atau wang masuk ke Negeri Johor ini, sudah pasti kerajaan mereka tidak senang. Jadi, dari hari ini, cara salah satu untuk menyekat rakyat mereka masuk ke Negeri Johor ini adalah dengan menggembar-gemburkan bahawa di Johor ni tak selamat, kononnya. Tetapi yang menyedihkan, ada pihak yang saya rasa menangguk di air keruh, cuba menjadi campian, dan membawa isu kononnya Johor pun tak selamat. Sebenar-benarnya, adakah parti ini tahu bahawa, berapa juta wang ataupun mata wang negara jiran ini masuk ke dalam negara kita? Adakah perkara sedemikian tak disenangi oleh pihak-pihak yang tertentu?

Jadi Yang Berhormat Timbalan Speaker, perkara ini kalau boleh dengan media massa kita, janganlah dipermainkan. Jangan kita ikut tarian rentak negara jiran kita. Kalau boleh kita fikirkan dulu, sepatutnya kita melebihkan kesejahteraan dalam Negeri Johor ini. Sehubungan dengan itu Yang Berhormat, saya ingin menyentuh tentang isu kenaikan harga minyak sedikit di sini. Kalau pihak sebagaimana di dada-dada akhbar telah pun menceritakan oleh kerana kegusaran pelabur ke atas indeks ataupun mata wang Amerika, mereka telah mengubah pelaburan mereka ke dalam komoditi yang begitu bagus sekali. Komoditi yang begitu bagus sekali adalah minyak. Itulah yang menyebabkan minyak kita terus naik tinggi. Tetapi kalau kita kaji balik dalam harga RM2.70 seliter sedangkan kalau kita tengok di negara jiran kita yang menjual minyak dalam harga S$2.18 iaitu bersamaan dengan RM5.20. Kalau kita bandingkan hampir separuh harganya kita nikmati di Negeri Johor. Jadi kita sebagai rakyat

kita pun harus faham akan masalah kerajaan kita yang mana untuk mengeluarkan, kalau nak mengeluarkan keseluruhan subsidi memang kita tidak berkemampuan. Tetapi walau bagaimanapun, oleh kerana keprihatinan kerajaan kita, maka kita masih lagi diberi subsidi. Tetapi apa yang saya cadangkan kepada kerajaan kita kalau boleh, sekurang-kurang sebulan sekali memaparkan harga-harga di setiap negara-negara di Asia ini dan boleh rakyat kita membuat perbandingan apakah harga kita ni terlalu tinggi. Jadi Kalau saya Yang Berhormat Timbalan Speaker saya yang berniaga restoran ini kalau nak naikkan harga roti canai itu daripada RM0.80 ke RM1.00 pun saya tak berani, apatah lagi dengan pemimpin kita. Oleh kerana perkara ini tak dapat nak dielakkan lagi, maka kenaikan harga sepatutnya kita semua faham akan keadaan sedemikian. Dan bagi pihak-pihak pembangkang saya tengok yang perkara ini kerap kali dijadikan isu-isu dan mereka berpiket di depan pejabat saya di Pontian baru-baru ini. Saya amat terfikir, kalau mereka ini hebat nak berpiket kenapa tak mintak tak cari duit di negeri-negeri yang mereka perintah ini dan mereka tambah subsidi ke atas subsidi Kerajaan Pusat yang bagi, dan kurangkan harga minyak di negeri-negeri mereka yang mereka sendiri memerintah. Jadi saya cabar kalau mereka boleh buat, silakan. Silakan, untuk kurangkan harga minyak di lima negeri yang mereka perintah ini. Jadi jangan hanya kita pandai bercakap, berhujah atau berpiket tetapi adalah saya rasa lebih baik kita menunjukkan kalau kita mampu melaksanakan.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, satu perkara lagi yang ingin saya ketengahkan pada Dewan yang mulia ini, adalah *visa on arrival* dengan izin, ataupun satu masalah-masalah pengeluaran visa di pintu-pintu masuk kepada pelancong-pelancong kita. Walaupun keghairahan Kementerian Pelancongan untuk mempromosi dan menarik pelancong-pelancong dari luar negeri datang melawat ke negara kita, kita mengeluarkan satu sistem yang mana dulunya visa ini dikeluarkan oleh di Jabatan-Jabatan Imigresen di luar negara, tetapi hari ini orang sampai ke negara kita, kita terus bagi visa. Ternyata hari ini Yang Berhormat Timbalan Datuk Speaker, isu visa *on arrival* ini telah banyak disalah-gunakan kerana kemudahan yang kita berikan kononnya kepada pelancong. Tetapi apabila mereka masuk ke negara kita ini, kebanyakan mereka bukan hanya ingin melancong tetapi nak menjadi penduduk ataupun menjadi penduduk dalam negara kita ini. Jadi, apa yang saya difahamkan oleh sesetengah jabatan mengatakan hampir setiap kali visa *on arrival* ini datang, lebih kurang 20 hingga 30 peratus mereka ini tidak pulang ke negara asal mereka.

Jadi saya amat berharap jabatan-jabatan berkenaan boleh menyemak semula akan pengeluaran visa *on arrival* ini dengan izin, dan kalau boleh dihentikan, dihentikan terus. Dan pelbagai cara juga kalau kita lihat di sini hari ini, begitu banyak rakyat-rakyat luar yang ingin menetap di dalam negara kita. Salah satu yang apa saya difahamkan ada sindiket baru-baru ini Yang Berhormat, yang saya difahamkan, menggunakan kemudahan berkahwin dengan orang-orang tempatan. Jadi ada satu sindiket yang memang menyediakan agensi perkahwinan ini, jadi mereka setelah mereka berkahwin mereka akan mendapat status untuk satu tahun diam tinggal di negara ini. Jadi sistem ini saya difahamkan juga sesiapa warganegara asing yang saya difahamkan yang kebanyakan datang daripada Vietnam dan China, mereka perlu membayar yuran sebanyak RM18,000.00. Jadi saya amat mengharapkan pihak-pihak yang

bertanggungjawab memastikan perkara sedemikian kalau dapat kita pantau dan kita hentikan dengan segera.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, cukup masa Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Ya?

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Cukup?

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Baru tiga Yang Berhormat.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Yelah, masa dah tak mengizinkan. Ada lagi seorang nak berucap.

Y.B. Datuk Md. Othman Bin Haji Yusof (Kukup) : Ada lagi seorang eh. Jadi yang akhir sekali Yang Berhormat Datuk Speaker, satu perkara yang ingin saya tegur di sini dalam Jabatan-Jabatan Kerajaan, saya melihat banyak perkara-perkara tentang pemantauan yang amat berkurang berkurangan kita laksanakan. Contoh, yang saya berikan di sini, kalau kita lihat di kawasan Pekan Nenas, begitu banyak kilang-kilang haram yang kita tak tahu apa yang mereka laksanakan di sana, apa yang mereka proses di sana. Jadi apabila banyak kilang-kilang haram pada mata saya, apabila kilang haram ini diterbitkan ataupun dibina, dan saya tidak nampak apa-apa pemantauan daripada pihak yang sepatutnya memantau pembinaan kilang-kilang ini. Yang saya khuatirkan adalah bahan-bahan sisa daripada kilang-kilang yang dibina ini. Jadi ke mana bahan-bahan sisa ini dibuang. Jadi bahan-bahan sisa ini Yang Berhormat Datuk Speaker, mungkin akan membahayakan kepada penduduk-penduduk di sekitar kawasan tersebut.

Dan baru-baru ini apabila saya berjumpa dengan beberapa Ketua Cawangan, mereka mengeluarkan isu tentang pemantauan. Katanya di Pekan Nenas juga banyak terdapat banyak pusat-pusat sembelih ayam dan kalau katanya "Tuk, kalau Datuk pergi ke sana Datuk tengok, mungkin Datuk nak berhenti makan ayam" katanya. Ayam ini katanya Yang Berhormat belum sempat pun mati disembelih, terus dimasukkan ke dalam air panas dan terus masuk ke dalam mesin. Jadi dalam Islam saya rasa cara begitu adalah tidak betul. Dan saya juga dilaporkan bahawa kadang setengahnya apabila pekerja Islam bercuti, ayam tetap disembelih di sana. Bila ditanya, dia kata "Saya pun bikin serupa jugak, saya pun potong serupa jugak kata dia". Jadi ini semua adalah satu perkara yang saya melihat daripada segi pemantauan kita amatlah berkurangan, Yang Berhormat Datuk Speaker. Kalau boleh saya mengharapkan atau mencadangkan di semua Jabatan-Jabatan Kerajaan, kalau boleh skuad-skuad pemantau ini perlulah mereka aktif untuk menjalankan semakan-semakan yang perlu dilaksanakan dalam kawasan-kawasan yang saya katakan tadi. Jadi dengan itu Yang Berhormat Datuk Speaker, oleh kerana waktu cedera, saya ingin berucap *last* sekali dalam senarai dan lepas tu ada pulak nak menyelit satu lagi. Jadi dengan itu Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya menyokong rundingan atas titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku yang dibawa oleh Yang Berhormat Rengit. Terima kasih.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Ok, jemput Kemelah. Akhir, lima minit sahaja. (Dewan ketawa)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Sepuluh minit. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Yang Berhormat Datuk Speaker, alhamdulillah terlebih dahulu izinkan saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah walaupun terlewat, yang masih memberikan saya kekuatan dan keupayaan untuk turut sama di dalam perbahasan atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor ketika merasmikan Pembukaan Persidangan Penggal Yang Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-12. Tentunya dengan nikmat dan kesempatan yang diberikan oleh Allah kepada kita semua, telah memakbulkan segala doa untuk menjadikan Negeri Johor Darul Ta'zim sebuah negeri yang penuh kesejahteraan dan mendapat keampunan Allah seperti yang telah tuhan janjikan dalam Al-Quran, Surah As-Sabak ayat ke 15, "negara aman makmur dan mendapat keampunan tuhan. Aman sesebuah negara adalah kerana adanya ukhuwah dan kasih sayang, perpaduan, toleransi, rasa bersama, bertolak ansur, bermaafan, sentiasa doa mendoakan, pembela dan pejuang bangsa, berdisiplin, negara damai dan tenang tanpa krisis dan perbalahan. Makmur negara bila pembangunan yang berterusan, kehidupan yang sempurna menjadi petunjuk kasih sayang Allah terhadap negara dan rakyat yang telah berjasa memberikan Islam di dalam diri dan negeri. Maka ia membawa kepada keampunan Allah."

Dengan keamanan, kemakmuran dan mendapat keampunan Allah inilah, kepimpinan yang ada diberikan anugerah kesungguhan untuk membawa kemajuan melalui perancangan untuk diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan, untuk menjadikan Negeri Johor Darul Ta'zim ini negeri yang maju dan mendapat keredaan Allah SWT. Syaidina Ali R.a berpesan kepada Gabenor Mesir katanya, "peliharalah keadilan dalam pentadbiran dan terapkanlah dalam diri kamu dan mintakanlah persetujuan daripada rakyat kerana perasaan tidak puas hati oleh segelintir golongan istimewa akan lenyap apabila sebahagian besar rakyat berpuas hati. Ingatlah, bahawa segelintir golongan istimewa tidak akan membantu pada saat kesusahan. Mereka akan menyelewengkan keadilan dan meminta habuan yang lebih serta tidak akan berterima kasih. Mereka akan gelisah apabila menghadapi dugaan dan tidak akan mengakui kelemahannya. Hanya rakyat jelatalah yang menjadi tunggak kekuatan negara dan agama. Merekalah yang akan menentang musuh. Oleh itu dampingilah mereka dan berilah tumpuan kepada kebajikan mereka."

Yang Berhormat Datuk Speaker, kemerdekaan negara yang dicapai lebih 50 tahun yang lalu merupakan gambaran permuafakatan kejayaan antara kaum untuk membebaskan diri dari dibelenggu penjajah. Lebih jauh daripada itu, penyatuan kesedaran orang Melayu yang terpecah bernaung di bawah kesatuan dan persatuan Melayu yang diwujudkan di atas rasa kesedaran dan keinsafan betapa perlunya orang Melayu bersatu. Tahun 1946 menunjukkan gambaran bahawa orang Melayu mampu bersatu setelah sekian lama dijajah oleh pihak asing.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kesedaran perjuangan untuk bersatu dan akhirnya berjuang untuk mencapai kemerdekaan dengan berganding dengan kaum-kaum lain tentunya melalui proses permuafakatan, timbang tara dan bersedia untuk memberi dan menerima. Ini adalah merupakan teras kepada kemerdekaan negara. Kita bangun bersama dengan mengukuhkan jati diri kita, tanda cinta kasih sayang kepada negara. Laluan yang berliku sering menguji kesetiaan, kesetiakawanan, persahabatan dan kadang kala mewujudkan kesangsian, mencurigai antara satu sama lain dan pernah melakarkan sejarah hitam dalam pembentukan negara bangsa. Semuanya ini menguji patriotisme kita sebagai warga sama ada untuk mengisi kemerdekaan, mempertahankan kedaulatan negara yang baru dibentuk ketika konfrontasi, meningkatkan perpaduan rakyat ketika 13 Mei dan fokus patriotisme kita mempertahankan kedaulatan ekonomi negara ketika kegawatan ekonomi. Kesemuanya ini kita lalui bersama di atas kesedaran bahawa negara bangsa ini lahir di atas permuafakatan, perkongsian dan perjuangan yang kononnya dilakukan secara bersama. Hari ini sejarah yang memberikan erti yang cukup besar kepada pembentukan negara bangsa tidak memberi erti kepada mereka yang terlupa, sengaja atau tidak mahu mengakui bagaimana ia bermula.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di kesempatan ini ketika kita ingin menyambut ulang tahun yang ke-51 kemerdekaan negara, marilah kita merenung kembali permuafakatan, perkongsian, timbang tara dan kesediaan kita untuk memberi dan menerima itu agar kita menjadikan ia panduan terutamanya generasi muda hari ini untuk tidak melakukan sesuatu yang akan lari daripada semangat untuk bernegara secara bersama. Tuntutan yang keterlaluan tanpa menghormati keputusan lama hanya akan memudarkan hubungan yang terjalin. Kita harus tahu bagaimana untuk menawar dan memelihara ukhuwah ini. Kita semua terutama yang berada di dalam Dewan yang mulia ini. Sheikh Ahmad Al-Fhatani ada berpesan, "dan perkara kecil boleh menjadi besar, adakah engkau tidak ketahui bahawasanya api yang amat halus itu apabila merecik ia kepada sesuatu dan tiada padam ia, nescaya melarat menjadi terbakar rumah dengan sebabnya".

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mengajak orang-orang Melayu terutamanya Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini untuk merenung tentang titah Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin baru-baru ini. Dia mengatakan bahawa bangsa Melayu perlu kuat dalam pelbagai aspek supaya terus gagah. Berhati cekal, bersemangat waja serta bertenaga menyeberangi lautan yang luas. Adalah malang jika bangsa Melayu menerima nasib yang bagai dagang di kampung sendiri, bermusafir di bumi sendiri, anak bangsa yang telah berjaya janganlah berperangai seperti Si Tanggang terlalu cepat bersifat angkuh, terlalu mudah berlagak bongkak hingga melupakan asal keturunan. Hingga sanggup memisahkan diri dari akarnya, menjadi rakus, menjadi gopoh, sehingga tergamak menebang pohon tempat bernaung dan mencantas dahan tempat bergantung. Kejayaan anak bangsa pada masa sekarang adalah atas pengorbanan, keringat, kesusahan dan usaha generasi terdahulu. Bangsa yang dapat melangsungkan dan mengekalkan tamadun Addinnya ini adalah bangsa yang tidak memutuskan diri dengan akar sejarah malah sentiasa menghargai pengorbanan generasi terdahulu. Anak-anak yang cemerlang bagaikan permata bangsa yang perlu digarap, dicanai oleh barisan para

pendidik. Garap dan canailah permata-permata bangsa ini agar dapat menyinar cahaya kepada bangsanya dan negaranya. Bisikan kepada mereka akan petua orang-orang tua bahawa kiambang tetaplah kiambang, biduk berlalu bertautlah ia. Walaupun antara kita berbeza pendapat dan pandangan tetapi tujuan kita adalah satu, kita janganlah terlalu cepat bermusuh dengan kawan dan jangan terlalu ghairah bersahabat dengan musuh kerana sejak zaman dahulu lagi terlalu banyak musang yang berbulu ayam, terlalu banyak sokong yang membawa rebah. Sidney Sheldon dalam bukunya *Blood Line* dengan izin, pernah berkata, "*never let a family fox into your henhouse, one day it's going to be hungry*".

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam pilihan raya umum yang lalu, apabila kita Wakil-Wakil Rakyat turun ke padang ketika berkempen, kita dihujani dengan pelbagai masalah yang sebenarnya bukan masalah yang dibawa ataupun yang berpunca daripada kita. Ini semua adalah disebabkan bahawa kita tidak bersama ataupun tidak merenung tentang tugas dan tanggung jawab kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin membawa satu kisah klasik dalam sejarah Islam bagaimana Syaidina Umar Al-Khattab yang dikatakan di dalam zamannya berada dalam keadaan aman makmur pergi berjalan malam melihat rupa-rupanya ada satu keluarga yang cuba untuk memberi makan kepada anaknya menanak nasi tetapi di dalamnya adalah batu dan sebagainya. Kemudian Khalifah Umar datang dia berkata, "kenapa tak makan?" Dia kata, "tak ada makanan". Dia kata, "ini semua adalah disebabkan oleh Umar". Umar balik bawak makanan dan bagi kepada kumpulan tersebut, pada keluarga tersebut kemudian dia duduk, dia masakkan dan sebagainya. Ini adalah satu cerita tetapi kita tidak ambil moral daripada cerita tersebut. Perbualan di antara keluarga dan juga Syaidina Umar. Dia bertanya "alangkah baiknya, alangkah beruntungnya kami jikalau Umar seperti saudara". "Kenapa pula?" "Kerana Umar tidak memikirkan tentang kami". Umar menangis dan mengatakan, "akulah Umar".

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, Yang Berhormat Datuk Speaker, yang ingin saya sebutkan di sini ialah bahawa bagaimana jentera kerajaan seperti tadi Umar, dia tidak tahu apa yang berlaku di peringkat pelosok kampung. Begitu juga Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Dia tidak tahu apa yang berlaku di Segamat, tidak tahu apa yang berlaku di Pontian. Laporan tersebut haruslah datang daripada Ketua Kampung, Penghulu ataupun Pegawai Daerah, kerana kita mempunyai satu pentadbiran yang cekap tetapi masyarakat tidak menyalahkan mereka. Masyarakat menyalahkan Wakil-Wakil Rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pentadbiran negara ini terbahagi kepada tiga. *Judiciary,* Eksekutif dan *Legislative*. Kita yang berada di sini kita katakan bahawa kita adalah merupakan *legislator*, penggubal dasar. Kalau kerajaan di peringkat pusat boleh menubuhkan satu suruhanjaya untuk membezakan bidang tugas di antara Eksekutif dan juga *Judiciary*, kehakiman dan juga pentadbiran. Kenapa kita tidak boleh mencadangkan satu suruhanjaya untuk membezakan di antara Eksekutif dan juga *Legislator.*

Yang Berhormat Datuk Speaker, tadinya kita berterima kasih kepada Ketua Jabatan, walhal itu adalah merupakan tugas mereka. Wakil-Wakil Rakyat yang ada di sini menjalankan tugas seperti apa yang telah pun dilakukan oleh mereka walaupun pengasingan, walaupun tugas dan tanggungjawab itu adalah amat berbeza. Di sini Yang Berhormat Datuk Speaker, kita harus tahu berkaitan tentang tugas dan juga tanggungjawab kita. Kita mohon agar Eksekutif ini ataupun Pelaksana Dasar dapat melaksanakan dasar-dasar mereka yang terbaik untuk memastikan bahawa kesan yang bermanfaat yang akhirnya akan memberikan nama baik kepada kerajaan dan juga negara.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Cukup masa Yang Berhormat.

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat (Kemelah) : Yang Berhormat Datuk Speaker, akhirnya marilah kita merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah dan memohon diberikan taufik, hidayah, kekuatan, pemikiran dan kebijaksanaan berterusan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor untuk terus memimpin kita ke arah negeri yang aman makmur dan sentiasa dirahmati Allah. Bertepatan dengan maksud firman Allah SWT dalam surah Ar-Rahman ayat 1 hingga 4, "tuhan yang amat pemurah serta melimpah-limpah rahmat-Nya, Dialah yang telah mengajarkan Al-Quran, Dialah yang telah menciptakan manusia, Dialah yang telah membolehkan manusia bertutur, memberi dan menerima penyataan".

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong usul yang telah dibawa oleh DUN Rengit. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, esok pihak kerajaan akan memberikan jawapan dan penjelasan dalam perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Sidang Dewan kali ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 2 Julai 2008, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:20 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KESEPULUH	RABU, 2 JULAI 2008	BIL. 2 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia bte Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
Dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah bte Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
Dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M.Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman, KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah Binti Mansor,
(Penawar)

Y.B.Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof,
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Encik Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad,
(Benut)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan diteruskan.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung sekarang. Jemput. Ha... jawab.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Berhormat Dato' Speaker, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan pada pagi ini untuk saya mulakan penggulungan bagi pihak kerajaan khususnya yang berkaitan dengan belia dan sukan dalam Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Ke-12.

Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan cadangan dan pandangan serta mengemukakan beberapa persoalan dalam perbahasan di Persidangan kali ini. Yang Berhormat Kahang begitu prihatin terhadap program pembangunan belia khususnya yang berkaitan dengan program-program bagi memperkasakan keupayaan pemimpin belia dan melatih golongan pelapis. Sebenarnya Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor melalui Unit Kepimpinan dan Pembangunan Sahsiah telah menyediakan beberapa program bagi tujuan tersebut iaitu:

i. Kursus Pembangunan Kepimpinan Asas untuk golongan belia yang belum berpersatuan iaitu selama 3 hari 2 malam di setiap daerah untuk 10 daerah yang ada dalam Negeri Johor.
ii. Kursus Pembangunan Kepimpinan Asas untuk mereka yang telah menjadi ahli Persatuan Belia selama 3 hari 2 malam di mana kursus ini dibahagikan kepada 2 zon iaitu 5 daerah untuk setiap zon.
iii. Kursus Pengurusan Organisasi Daerah untuk para pemimpin belia selama 3 hari 2 malam di mana kursus ini dibahagikan kepada 3 zon untuk seluruh Negeri Johor.
iv. Program Jati Diri Kepimpinan Nasional untuk pelajar-pelajar lepasan SPM yang tidak berpeluang mengikuti kursus di Pusat Latihan Khidmat Negara. Kursus ini diadakan selama 10 hari 9 malam.
v. Program Komuniti Belia Remaja Y2Y Parlimen untuk golongan remaja dan belia di setiap kawasan Parlimen. Program ini diadakan selama 3 hari 2 malam di semua 26 kawasan Parlimen seluruh Negeri Johor.

Pengisian kepada program-program yang saya nyatakan di atas telah saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini, semasa saya menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan tempoh hari.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Kahang juga mengutarakan kebimbangan berhubung dengan keberkesanan program-program yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan sama ada ianya masih relevan dan boleh menarik golongan belia. Selain daripada program-program yang berbentuk kursus, seminar ataupun ceramah, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor sedang menyusun semula program-program yang bersesuaian dan menepati cita rasa golongan belia iaitu dengan menggiatkan semula Program Rakan Muda.

Untuk makluman dan pengetahuan Yang Berhormat Dato' Speaker, Program Rakan Muda ini merupakan program yang telah diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar semasa menjadi Menteri Belia dan Sukan kira-kira 14 tahun dahulu. Program Rakan Muda ini meliputi 7 Rakan Gaya Hidup iaitu Rakan Muda Waja Diri, Rakan Muda Kemasyarakatan, Rakan Muda Cinta Alam, Rakan Muda Wira Usaha, Rakan Muda Inovasi, Rakan Muda Seni Budaya dan Rakan Muda Kecergasan.

Untuk Rakan Muda Waja Diri, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Johor telah mengenal pasti 5 jenis seni mempertahankan diri iaitu silat, silambam, wusyu, taekwando dan karate untuk diperkasakan. Pada 28 dan 29 Jun 2008 yang lalu, kita telah berjaya mengumpulkan seramai 1,500 orang penggiat, penggerak dan ahli-ahli seni mempertahankan diri di Dataran Tangkak, Ledang dalam Kejohanan Waja Diri Peringkat Negeri yang terdiri daripada pelajar-pelajar tadika, pelajar-pelajar sekolah dan mahasiswa institusi pengajian tinggi. Seni waja diri ini bukan sahaja mengajar tentang bagaimana cara atau kaedah untuk mempertahankan diri tetapi juga menanamkan semangat jati diri, disiplin, kepatuhan kepada ajaran agama dan adat istiadat serta kesetiaan mengikut cara perguruan masing-masing. Jabatan Belia dan Sukan Negeri, Majlis Sukan Negeri Johor dan Persatuan-Persatuan Waja Diri serta Mahagurunya akan membentuk suatu jawatankuasa bersama bagi merangka program-program untuk memperkasakan seni waja diri ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Rakan Muda Kemasyarakatan pula melibatkan Program Rakan Muda Wawasan Desa. Program ini mendedahkan golongan remaja dan belia di kawasan setempat dan juga pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi terhadap kegiatan kemasyarakatan seperti gotong-royong, bantuan bencana dan lain-lain. Program ini diadakan dengan kerjasama Pertubuhan Belia, mahasiswa institusi pengajian tinggi dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Ia bukan sahaja mendedahkan mereka untuk berkomunikasi dengan masyarakat, tetapi juga dapat menerapkan nilai-nilai kesukarelaan di kalangan generasi muda. Selain daripada itu, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor juga akan bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri Johor bagi menggerakkan Program Rakan Muda Masjid melalui Program Tadarus Al-Quran dalam bulan Ramadhan dan mengimarahkan Berzanji sepanjang bulan Rabiulawal.

Rakan Muda Cinta Alam merupakan program kesedaran kepada golongan muda untuk menanamkan rasa kecintaan kepada alam semula jadi ciptaan Tuhan. Program ini diadakan dengan kerjasama Persatuan Belia dan Persatuan-Persatuan Pencinta Alam dalam bentuk rekreasi perkhemahan.

Rakan Muda Wira Usaha adalah program untuk menggalakkan golongan belia menceburi bidang keusahawanan. Pendedahan tentang ilmu perniagaan melalui seminar, kursus dan lawatan didapati tidak begitu berkesan di dalam menarik golongan belia untuk menjadikan usahawan sebagai salah satu jalan ke arah melahirkan belia yang berkerjaya sendiri tanpa mendedahkan mereka kepada peluang-peluang perniagaan. Justeru itu, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor telah mengadakan kerjasama dengan Yayasan TEKUN Nasional iaitu satu agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk memberi peluang perniagaan kepada golongan belia. Sebanyak 33 syarikat telah dikenal pasti untuk menjadi rakan niaga dalam bidang makanan dan minuman, pertanian dan penternakan, teknologi maklumat dan komunikasi, kecantikan dan penjagaan diri, kelengkapan rumah dan perhiasan, peruncitan dan pemborongan, herba dan makanan kesihatan. Yayasan TEKUN Nasional dan Jabatan Belia dan Sukan iaitu melalui Skim Tabung Ekonomi Belia akan memberikan pembiayaan modal. Manakala syarikat yang menjadi rakan niaga pula akan memberi bimbingan tentang selok-belok perniagaan ataupun bertindak sebagai mentor. Program *Business Matching* dengan izin, yang pertama melibatkan syarikat-syarikat tersebut akan diadakan pada 21 hingga 24 Ogos 2008 ini di Angsana Johor Bahru. Sebagai galakan, belia yang terpilih untuk menyertai Rakan Muda Wira Usaha ini akan diberi bantuan geran sebanyak RM2,000.00 bagi memulakan perniagaan masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Rakan Muda Inovasi pula merupakan program untuk memberikan peluang kepada golongan remaja dan belia yang berminat kepada berimaginasi dan mereka cipta khususnya mereka yang sedang ataupun telah mendapat latihan di institusi-institusi latihan seperti Institut Kemahiran Belia Negara, Institut Latihan Perindustrian, Pusat Giat MARA, Institut Kemahiran MARA, Akademi Binaan dan lain-lain lagi. Seperti kelazimannya bagi mengiktiraf kerja-kerja inovasi mereka, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor akan mengadakan Pertandingan Reka Cipta dari peringkat daerah dan negeri seterusnya pemenang peringkat negeri akan mewakili Negeri Johor ke Pertandingan Reka Cipta Peringkat Kebangsaan.

Kegiatan kesenian dan kebudayaan merupakan kegiatan yang menjadi minat generasi muda. Oleh itu, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor akan bekerjasama dengan Yayasan Warisan Negeri Johor untuk menggerakkan Program Rakan Muda Seni Budaya yang meliputi kegiatan seni budaya ketiga-tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India. Beberapa jenis seni budaya telah dikenal pasti iaitu zapin, kuda kepang dan kompang untuk orang Melayu, tarian singa, tarian kipas untuk orang Cina, baratham dan kollattam untuk orang India.

Y.B. Dato' Speaker : Apa nama dia? Burada?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Baratham.

Y.B. Dato' Speaker : Baratham? Betul eh...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Satu lagi kollattam.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Takut dia pelat sikit, jadi salah makna.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Bukan vanakam ...

Y.B. Dato' Speaker : Itulah baratham ... amma...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan: Akhir sekali Dato' Speaker, Rakan Muda Kecergasan akan menjadikan J-Robik sebagai kegiatan utama. Sehingga Jun tahun 2008, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor telah melatih seramai 924 orang penggerak J-Robik melalui bengkel-bengkel asas, bengkel-bengkel pemantapan dan bengkel-bengkel pengadilan. Program ini bukan sekadar suatu amalan hidup sihat tetapi juga boleh menjadi alat untuk mengerat perpaduan kaum kerana senaman J-Robik ini mempunyai ciri-ciri tarian Melayu, Cina dan India. Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor dan Majlis Sukan Negeri Johor telah menjadikan acara wajib bagi memulakan sebarang program yang berbentuk kecergasan. Selain daripada itu, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor juga akan mengadakan pertandingan J-Robik Peringkat Negeri Johor bagi tahun 2008.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kesemua gaya hidup Rakan Muda yang saya sebutkan tadi merupakan program yang dapat memberi peluang dan menjadi pelengkap kepada aktiviti-aktiviti yang berfaedah bagi mengisi masa lapang golongan belia. Walau bagaimanapun, keberkesanan program tersebut janganlah disandarkan kepada Pegawai-pegawai Belia dan Sukan sahaja. Para pemimpin Persatuan Belia, pemimpin masyarakat dan juga ibu bapa perlu memainkan peranan untuk menjayakannya.

Yang Berhormat Kahang merasa bimbang kerana Majlis-Majlis Belia di peringkat daerah dilihat tidak mengamalkan konsep kongsi kuasa. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, janganlah disamakan kepimpinan dalam Pertubuhan Belia ini dengan konsep yang kita amalkan dalam politik iaitu Barisan Nasional, yang mempunyai kuota untuk menentukan jumlah Wakil Rakyat dan jawatan-jawatan dalam Kerajaan. Komposisi dalam Majlis-Majlis Belia Daerah dan Negeri ditentukan kepada jumlah badan gabungan yang tidak sama di antara satu daerah dengan daerah yang lain. Sistem pemilihannya juga bergantung kepada pemilihan secara demokrasi.

Jumlah pertubuhan yang menjadi badan gabungan pada Majlis-Majlis Belia Daerah seluruh Negeri Johor mengikut rekod Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor sehingga 31 Disember tahun 2007 ada sebanyak 736 pertubuhan ataupun cawangan Persatuan Belia yang terdiri daripada 648 pertubuhan ataupun cawangan belia Melayu, 46 India dan 45 Cina, yang mana cawangan-cawangan Gerakan Belia 4B merupakan pertubuhan yang mendominasi taburan tersebut. Oleh kerana pemilihan dilakukan secara demokrasi, biasanya kepimpinan belia di peringkat Majlis-Majlis Daerah ini didominasi oleh kaum Melayu. Walau bagaimanapun, pada kebiasaannya

terdapat kompromi dan persefahaman di kalangan mereka untuk menetapkan jawatan-jawatan tertentu kepada kaum Cina dan India.

Justeru itu, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor sangat prihatin terhadap perkara ini dan sedang memikirkan kaedah untuk menggalakkan Pertubuhan-Pertubuhan Belia bukan Melayu ini membuka cawangan-cawangan baru. Buat masa ini, jumlah yang agak seimbang dalam taburan Pertubuhan Belia di daerah-daerah ialah Daerah Kluang iaitu sebanyak 81 buah pertubuhan ataupun cawangan belia yang terdiri daripada 49 pertubuhan ataupun cawangan belia Melayu, 20 India dan 12 Cina, berbanding dengan Daerah Batu Pahat yang mempunyai 155 buah pertubuhan ataupun cawangan belia yang terdiri daripada 137 pertubuhan ataupun cawangan belia Melayu, 5 India dan 13 Cina.

Oleh itu, saya ingin menyeru kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, khususnya kepada Ahli Yang Berhormat bukan Melayu untuk menggalakkan golongan belia Cina dan India ini, untuk menubuhkan Persatuan Belia, ataupun membuka cawangan-cawangan baru Persatuan Belia yang sedia ada agar mereka dapat memainkan peranan ataupun sekurang-kurangnya melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti berfaedah yang telah disediakan oleh Jabatan Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Layang-Layang ada menyarankan tentang perlunya idea pendekatan baru untuk menggalakkan orang muda menceburi bidang pertanian. Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor juga sentiasa menggalakkan golongan belia meneroka bidang pertanian dengan menganjurkan program-program kursus dan lawatan di Institusi Latihan Pertanian dan MARDI. Dalam Program Rakan Muda Wira Usaha yang diadakan dengan kerjasama Yayasan Tekun Nasional melalui pelaksanaan Program Rakan Niaga, sebanyak 7 syarikat yang berasaskan pertanian dan penternakan telah dikenal pasti untuk menjadi pembimbing ataupun mentor kepada bakal-bakal usahawan tani ini. Syarikat-syarikat tersebut ialah Syarikat Green Vision Sdn. Bhd., Kaprima Livestock Sdn. Bhd., Art Soulist Agrotech Sdn. Bhd., Afnan Technology Sdn. Bhd., Herba Valley Corporation Sdn. Bhd., Agrosynergy Resource Sdn. Bhd. dan Hexagon Green Sdn. Bhd.

Yang Berhormat Layang-Layang juga ada membangkitkan soal pelaksanaan sukan JPMM melalui Liga Kelab Sukan Komuniti. Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Pusat telah bersetuju untuk terus melaksanakan Program Sukan Komuniti ini sebagaimana keputusan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Sukan yang telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 25 Jun 2008 yang lalu. Walau bagaimanapun, skala program tersebut akan dikecilkan dari bentuk Liga kepada Karnival Sukan dengan jumlah peruntukan yang lebih rendah dan belum ditentukan lagi jumlahnya. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan Negeri Johor akan terus menggerakkan sukan ini dengan terus memberikan peruntukan sebanyak RM10,000.00 kepada Kelab Sukan Komuniti di bawah JPMM melalui Program Penyemarakan Sukan Akar Umbi.

Yang Berhormat Senggarang ada memberikan sedikit ulasan berhubung pencapaian atlet-atlet Negeri Johor dalam Kejohanan SUKMA di Kuala

Terengganu baru-baru ini, iaitu berkaitan dengan Program Pembangunan Sukan di Negeri Johor. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kontinjen SUKMA Johor telah memperoleh 27 emas, 31 perak dan 40 gangsa dengan menduduki tempat yang kesembilan secara keseluruhannya. Walaupun gagal untuk mencapai sasaran 40 pingat emas, Kontinjen Johor telah berjaya memperbaiki pungutan pingat jika dibandingkan dengan pencapaian pada tahun 2006, yang hanya memungut 19 pingat emas, 18 perak dan 27 gangsa. Beberapa atlet Johor juga telah berjaya memecah rekod kejohanan melalui dalam acara olahraga umpamanya, Siti Fatimah Mohamad telah memecah rekod acara 100 meter dan 4 x 400 meter dan Mohd. Faiz Musa memecah rekod dalam acara angkat berat bagi kategori 130 kilogram.

Mengenai latihan di luar negara, kita hanya menghantar beberapa pasukan bagi mengadakan latihan dan pendedahan melalui pertandingan di luar negara iaitu lawan pedang di Kerawang, Jakarta, judo di Surabaya, tinju di Padang, olahraga di China, Teipei dan kayak di Jati Luhur, Bandung. Pasukan-pasukan ini telah menunjukkan pencapaian yang amat memberangsangkan dan berjaya menjadi johan keseluruhan bagi sukan masing-masing, kecuali acara kayak kerana atlet-atlet kayak ini tidak dapat membiasakan diri dengan peralatan yang baru diterima pada masa kejohanan tersebut. Ini menunjukkan bahawa latihan dan pendedahan di luar negara sebenarnya telah memberi kesan yang positif terhadap pencapaian atlet-atlet tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk melahirkan seorang juara, ianya memerlukan masa yang agak panjang. Justeru itu, untuk memastikan Kontinjen Negeri Johor akan dapat memberikan saingan yang lebih mantap di SUKMA 2010 di Melaka, pihak Majlis Sukan Negeri Johor telah mengadakan Program Gemilang 2010 sejak tahun 2007 yang lalu. Di bawah program ini, atlet-atlet yang dikenal pasti layak untuk mewakili Negeri Johor ke Sukan Malaysia 2010 telah diletakkan di bawah program khas dan diberikan pemantauan serta pendedahan latihan yang lebih intensif. Walaupun atlet ini diharapkan menyinar pada tahun 2010, namun sebahagian besar daripada mereka telah menunjukkan prestasi yang cukup memberangsangkan di SUKMA 2008, khususnya bagi sukan-sukan olahraga, renang, boling, tinju, wusyu, lawan pedang, judo dan perahu layar.

Di samping itu, pihak Majlis Sukan Negeri Johor akan meneruskan Program Pembangunan Sukan bersama dengan pihak Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Johor terutama dalam melahirkan bakat-bakat baru dengan pewujudan program mengenal pasti bakat sekolah-sekolah rendah di seluruh daerah dalam Negeri Johor, di samping membantu dalam menyediakan atlet-atlet Majlis Sukan Sekolah-sekolah Johor ke Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia khusus pada sukan-sukan yang akan dipertandingkan di peringkat SUKMA 2010.

Pihak Majlis Sukan Negeri Johor juga sentiasa bekerja rapat dengan Majlis Sukan Negara Malaysia dan Institut Sukan Negara. Dalam usaha pembangunan sukan di negeri ini dan di atas dasar inilah pihak Majlis Sukan Negara telah memilih Negeri Johor sebagai Pusat Akademi Serantau Zon Selatan untuk 3 jenis sukan iaitu untuk tinju, memanah dan olahraga.

Di bawah program ini, pihak Majlis Sukan Negara akan menanggung kos latihan atlet serta jurulatih. Negeri Johor diberikan kuota sebanyak 50 peratus dari jumlah atlet yang ditetapkan. Atlet-atlet yang terpilih ini juga akan mendapat pendedahan latihan dan pertandingan di luar negara dengan pembiayaan penuh dari pihak Majlis Sukan Negara. Di samping itu, pihak Majlis Sukan Negara telah mewujudkan 29 pusat latihan pelapis negeri bagi 19 jenis sukan. Untuk tujuan latihan di bawah program ini, Majlis Sukan Negara telah dibekalkan 5 orang jurulatih luar negara, 8 orang jurulatih sepenuh masa dan sejumlah 48 orang jurulatih sambilan.

Y.B. Dato' Speaker : Jurulatih luar negara tu ramai? Daripada mana luar negara tu? Negeri mana jurulatih luar negara itu? Negara mana?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Saya tak dapat ….

Y.B. Dato' Speaker : Ha'ah oklah, tak apalah…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, Negeri Johor juga telah dipilih menjadi Pusat Satelit Sains Sukan. Institut Sukan Negara dalam usaha untuk mengaplikasikan sains sukan dalam Program Latihan dan Pembangunan Atlet. Pusat ini beroperasi di Stadium Tan Sri Dato' Haji Hassan Yunus, Johor Bahru di mana dalam pusat ini pihak Institut Sukan Negara telah menempatkan pegawai-pegawai yang khusus dalam bidang Sains Sukan termasuk psikologi senaman, *conditioning* dengan izin, pemakanan dan psikologi sukan.

Penganjuran Sukan Antarabangsa Teluk Danga telah memberi ruang kepada Majlis Sukan Negeri Johor untuk mengadakan hubungan kerjasama dengan negara-negara luar khususnya Indonesia, Thailand, Vietnam dan Singapura dalam hal-hal yang berkaitan dengan pembangunan sukan, khususnya dalam perkongsian kepakaran yang mereka ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di Negeri Johor terdapat 34 Persatuan Sukan yang bernaung di bawah Majlis Sukan Negeri Johor. Kerajaan Negeri Johor telah membelanjakan sebanyak RM463,205.00 sehingga bulan Jun 2008 dengan menyalurkan bantuan kepada Persatuan-persatuan Sukan bagi tujuan:

i. Membeli peralatan-peralatan sukan.
ii. Bantuan penyertaan di dalam kejohanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
iii. Penganjuran kejohanan peringkat daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa; dan
iv. Program-program latihan pusat pasukan. Usaha-usaha untuk membangunkan sukan tidak harus diletakkan di bahu kerajaan ataupun agensinya semata-mata tetapi peranan pihak persatuan sukan negeri mahupun daerah juga amat penting.

Terdapat beberapa persatuan yang mampu bergerak aktif tanpa mendapat bantuan kewangan kerajaan. Pihak pengurusan persatuan bertindak lebih kreatif dalam melibatkan peranan pihak swasta dalam aktiviti mereka. Namun demikian, masih terdapat sebilangan besar persatuan yang tidak mampu untuk

mendapat dananya sendiri. Oleh itu, Majlis Sukan Negeri Johor, tidak akan membiarkan persatuan itu lesu tetapi akan berusaha untuk memastikan persatuan-persatuan sukan ini terus bergerak sama ada di peringkat negeri mahupun daerah. Dana bantuan akan disalurkan kepada pihak persatuan-persatuan sukan, sama ada negeri mahupun daerah untuk mereka melaksanakan program-program pembangunan sukan mereka. Dalam masa yang sama, Majlis Sukan Negeri Johor juga sedang merancang untuk mengadakan Program Rakan Sukan yang melibatkan korporat dan syarikat swasta untuk sama-sama membantu membangunkan sukan di Negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Tanjung Puteri telah menyarankan supaya Stadium Tan Sri Dato' Haji Hassan Yunus, Johor Bahru diwakafkan kepada penduduk setempat. Walaupun status tanah stadium ini di bawah hak milik Johor Corporation namun pentadbirannya masih diuruskan oleh Perbadanan Stadium Johor. Stadium Tan Sri Dato' Haji Hassan Yunus, Johor Bahru yang dibina pada tahun 1964 ini, telah menjadi tempat bagi perlawanan-perlawanan bola sepak peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara kejohanan-kejohanan besar yang pernah dilangsungkan di stadium ini ialah Kejohanan Piala Remaja Dunia pada tahun 1997 dan menjadi pilihan FIFA bagi gelanggang berkecuali bagi saingan antara pasukan Jepun dan Iran untuk pertandingan kelayakan Piala Dunia bagi Zon Asia, di mana pasukan Jepun buat pertama kalinya layak ke Kejohanan Bola Sepak Piala Dunia.

Di samping itu, stadium ini juga menjadi tempat bagi persatuan-persatuan sukan dan sekolah-sekolah khususnya di sekitar daerah Johor Bahru untuk menjalankan aktiviti kejohanan olahraga masing-masing sama ada di peringkat daerah, negeri mahupun kebangsaan. Stadium ini merupakan satu-satunya stadium yang berstatus negeri. Oleh itu, adalah tidak wajar sekiranya stadium ini diwakafkan untuk menjadi padang permainan harian kepada orang awam, kerana ia memerlukan penjagaan dan pemuliharaan bagi mengekalkan *standard* dan piawaian padang tersebut. Walau bagaimanapun, penduduk tempatan masih boleh menggunakan padang tersebut untuk penganjuran pertandingan dan juga menggunakan kemudahan stadium, gimnasium yang sedia ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin merakamkan ucapan setinggi terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, yang telah mengutarakan pandangan dan nasihat berhubung pembangunan belia dan sukan khususnya di Negeri Johor ini. Saya memohon ribuan ampun dan maaf sekiranya terdapat beberapa perkara yang mungkin saya terlepas pandang. Walau bagaimanapun, pihak jabatan yang berkaitan dan agensinya akan membuat susulan berhubung perkara-perkara tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, buah cempedak di luar pagar, ambil galah tolong jolokkan, saya ni masih baru belajar, kalau salah tolong tunjukkan.

Y.B. Dato' Speaker : Dulu sekolah tak lepas-lepas, tak lulus dulu eh. Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Lagi, hah, Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat pagi dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas perkara-perkara yang ada berkaitan dengan isu pelancongan, perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN Kawasan Kempas ada mencadangkan supaya Kerajaan Negeri membuat rundingan dengan Kerajaan Indonesia agar memansuhkan pembayaran fiskal sebanyak 1 Juta Rupiah ataupun sekira-kira, lebih kurang RM500.00 terhadap warganegaranya yang ingin datang ke Negeri Johor. Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, statistik kemasukan pelawat dan juga pelancong dari Negara Indonesia melalui pintu-pintu masuk Negeri Johor oleh Jabatan Imigresen Negeri bagi tahun 2007, mencatat seramai 612,418 orang berbanding 683,720 orang pada tahun 2006, iaitu penurunan sebanyak 10.42 peratus. Sesungguhnya demikian, pelawat dan juga pelancong dari Negara Indonesia masih lagi merupakan penyumbang kedua terbesar terhadap jumlah kemasukan pelawat dan pelancong ke Negeri Johor ini.

Walau bagaimanapun, kami di Kerajaan Negeri telah pun mengambil langkah yang tertentu seperti semalam pun, kami jemput pihak pengusaha, ada kaitan dengan industri pelancongan dan juga wartawan-wartawan dari Indonesia, datang ke Negeri Johor ini. Sepanjang 4 hari, kita memberi penerangan dan juga yang ada berkaitan dengan produk industri yang baru, supaya kita dapat menarik lagi ramai pelancong dan juga pelawat daripada Negeri Indonesia. Maka, kita juga ambil langkah-langkah yang tertentu untuk membawa balik lebih ramai lagi pelancong dan pelawat dari Negara Indonesia. Dan, saya akui, pembayaran fiskal tersebut sedikit sebanyak memberi kesan terhadap jumlah kemasukan pelawat, pelancong Indonesia ke Negeri Johor ini. Justeru itu, Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan Yang Berhormat dari Kawasan Kempas dan akan cuba mengadakan rundingan dengan Kerajaan Pusat supaya dapat berbincang dengan pihak Indonesia untuk mencari jalan yang terbaik, yang boleh menguntungkan kedua-dua buah negara bagi menyelesaikan permasalahan tersebut.

Dato' Speaker, Yang Berhormat kawasan Semarang mencadangkan supaya kebudayaan dijadikan satu produk pelancongan dalam Negeri Johor. Dan, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri sememangnya telah menjadikan kebudayaan sebagai salah satu produk pelancongan utama di Negeri Johor. Ini kerana pelancongan budaya dilihat telah pun menjadi daya tarikan utama kepada para pelancong dan telah dianggap sebagai salah satu komponen penting dalam pelancongan antarabangsa dan industri pelancongan dunia ketika ini. Kerajaan Negeri melalui Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor dan Yayasan Warisan Negeri Johor sentiasa berusaha mempromosikan kebudayaan Negeri Johor melalui program seperti Promosi Makanan dan Kebudayaan Negeri Johor, yang telah pun kita adakan di Hotel Grand Seasons, Kuala Lumpur pada 26 Mei hingga 8 Jun tahun ini, yang telah pun kita adakan dahulu. Dan, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri Johor juga telah mengadakan perbincangan dengan jabatan-

jabatan berkaitan dengan mewujudkan satu lokasi tetap di bandar raya Johor Bahru untuk diadakan persembahan kebudayaan secara berjadual bagi menarik pelancong kita. Dan, saya berharap tidak lama lagi ada keputusan, sesungguhnya Negeri Johor dapat mengadakan satu tempat seperti ini. Dan, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Negeri Johor amat kaya dari segi pelbagaian, dari seni budaya misalnya Zapin telah pun diterima sebagai salah satu tarian yang dapat diterima oleh masyarakat Negeri Johor. Dan, selain daripada itu, tarian-tarian kebudayaan seperti Barongan, Kuda Kepang dan Samrah juga boleh dimajukan oleh Jawatankuasa Majlis Tindakan Pelancongan di peringkat daerah masing-masing.

Dato' Speaker, Yang Berhormat dari kawasan Semerah telah membangkitkan pembangunan Terminal Feri di Minyak Beku, Batu Pahat. Dan, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada 19 April yang lalu, saya bersama-sama dengan Pengurus Besar Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor telah pun membuat lawatan dan tinjauan ke Terminal Feri tersebut. Terminal Feri tersebut diuruskan oleh sebuah syarikat swasta yang pada masa kini menawarkan perkhidmatan feri dari Batu Pahat ke Tanjung Balai , Karimun, Indonesia dan dari sana balik ke Batu Pahat.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dah pergi? Dah pergi ke Tanjung Balai?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Saya melawat Jeti dan Terminal sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Yang Berhormat belum pergi eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Tak, tak pergi Indonesia.

Y.B. Dato' Speaker : Bawalah kita, lawatan sambil belajar.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Boleh, boleh, saya akan jemput Yang Berhormat Dato' Speaker bersama-sama. Terminal feri tersebut juga telah pun mempunyai kemudahan-kemudahan asas seperti jeti, kaunter Imigresen, kaunter Kastam, tandas awam, telefon awam, medan selera dan kedai serbaneka. Sesungguhnya demikian, jumlah pelawat dan pelancong yang menggunakan terminal feri tersebut memang berkurangan, saya nampak sendiri. Dan, ini mungkin disebabkan oleh kekurangan promosi atau risalah mengenai terminal feri tersebut. Selain daripada itu, saya dapati papan tanda tunjuk arah ke jeti berkenaan pun tidak cukup. Keadaan jalan yang kurang memuaskan dan kekurangan pengangkutan awam seperti teksi dan bas awam turut menyumbangkan kepada kekurangan jumlah pelawat dan pelancong. Oleh yang demikian, Dato' Yang Dipertua, Dato' Speaker, Kerajaan Negeri akan mengadakan perbincangan dengan pihak pengurusan terminal, Pihak Berkuasa Tempatan dan jabatan-jabatan berkaitan bagi mengenal pastikan langkah-langkah yang boleh diambil bagi meningkatkan lagi jumlah kemasukan pelawat, pelancong ke terminal tersebut.

Y.B. Dato' Speaker : Dia berapa jauh Yang Berhormat, perjalanan tu ke Tanjung Balai?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Agak jauh juga dari bandar Batu Pahat.

Y.B. Dato' Speaker : Bukan, ke Tanjung Balai, berapa jam tu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Saya dengar lebih kurang dua jam tu.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dua jam eh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Saya tak pasti, saya tak pernah pergi. Cuba kita pergi satu hari nanti.

Y.B. Dato' Speaker : Baru tahu berapa jam, betullah, kita tengok betul-betul jam, berapa lama, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Ok. Dato' Speaker, Yang Berhormat dari kawasan Pasir Raja, mencadangkan pelancongan sungai-sungai diberi nafas baru kerana sesetengah tebing sungai ada tempat menarik untuk dikunjungi oleh para pelancong dan diharapkan memberi perhatian Jeti Simpul Kasih supaya menjadikan tarikan pelancongan. Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, memang tidak dinafikan bahawa sesetengah sungai yang terdapat di Negeri Johor mempunyai potensi besar untuk dibangunkan sebagai produk pelancongan kerana terdapat tempat-tempat menarik yang boleh dikunjungi oleh para pelancong khususnya kesan-kesan peninggalan sejarah dan sebagainya.

Selain daripada itu, terdapat juga sungai-sungai yang sesuai diadakan aktiviti sukan air seperti pertandingan perahu naga, bot kawalan jauh, memancing dan sebagainya. Oleh yang demikian, cadangan Yang Berhormat dari kawasan Pasir Raja akan diambil perhatian oleh pihak Kerajaan Negeri dan di sini juga saya ingin ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat DUN Kawasan Pasir Raja serta penduduk kampung tersebut yang mengambil inisiatif untuk membangunkan Jeti Simpul Kasih ini. Jadi, saya bersetuju, saya akan bersama-sama dengan jabatan-jabatan berkenaan untuk membuat satu lawatan dan tinjauan ke jeti berkenaan. Jadi pada masa itu, akan jemputlah Yang Berhormat sama-sama untuk kita melihat apa ini, jeti yang berkenaan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memang ramai Ahli Yang Berhormat yang menyentuhkan isu-isu kenaikan harga petroleum dan barangan. Saya ingin ucapkan terima kasihlah kepada semua Ahli Yang Berhormat yang cukup prihatin tentang perkara ini bersama-sama dengan kerajaan untuk kita cuba menangani masalah yang kita hadapi sekarang. Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, dunia kini dilanda krisis kenaikan harga petroleum dan komoditi yang mendadak. Harga minyak mentah hampir mencatatkan lebih kurang USD140 setong manakala harga komoditi mineral seperti besi, tembaga,

aluminium dan lain-lain juga turut meningkat tinggi. Lebih merunsingkan lagi ialah peningkatan harga makanan seperti beras, gandum, gula dan lain-lain yang merupakan makanan roji bagi penduduk di serata dunia.

Fenomena global ini merupakan pertembungan berbagai faktor, antara faktor utama ialah kadar permintaan dunia yang tinggi berikutan pertumbuhan ekonomi pesat di negara-negara seperti Negara China, India dan Asia Barat. Kekurangan bekalan disebabkan iklim yang tidak menentu, kekurangan kapasiti pemprosesan dan lain-lain juga turut menyumbang. Fenomena kenaikan harga yang menyebabkan tekanan inflasi di peringkat domestik terutamanya bagi barangan makanan ini sebenarnya berlaku pada skala yang belum pernah terjadi sebelum ini, dan merebak ke banyak negara. Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, lebih kurang 30 negara di serata dunia telah pun mengalami rusuhan berkaitan tentang harga dan juga bekalan makanan. Malaysia sebagai negara yang mengamalkan perdagangan terbuka yang mengimport berbagai barangan tentu sekali tidak dapat mengelakkan daripada fenomena ini.

Saya di sini ingin mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat DUN Semarang yang saya sendiri dengar ucapan beliau untuk memberi penjelasan tentang perkara ini. Maka, saya ingin tambah sedikit ialah beban subsidi tentang perkara, beban subsidi ini sememangnya kerajaan telah pun berusaha sedaya upaya, cuba mencari jalan untuk meringankan beban rakyat dan beban subsidi yang ditanggung oleh kerajaan untuk barangan petroleum dan makanan terutamanya juga turut meningkat tinggi pada masa sekarang. Sebagai contoh subsidi petrol dan diesel di pam sudah dijangka meningkat kepada RM8.8 bilion pada tahun 2007, kepada RM27 bilion pada tahun 2008.

Ini merupakan satu beban kewangan yang besar yang perlu ditanggung oleh pihak kerajaan. Maka kerajaan dengan hati yang berat terpaksa mengambil langkah-langkah tidak popular seperti penstrukturan semula subsidi minyak di pam dan gas yang telah membawa kepada kenaikan harga petrol, diesel, gas dan elektrik di peringkat domestik. Dan memang tiada kerajaan di dunia ini yang tidak mahu menjadi popular di mata dan hati rakyat. Kerajaan memang boleh membiarkan legasi subsidi ini untuk diselesaikan oleh pemimpin ataupun generasi muda kemudian, ataupun hadapan, masa hadapan. Tetapi sistem subsidi yang kita harus ingat, sistem subsidi yang tidak efisien memberi impak negatif yang besar bagi daya saing dan daya maju sesebuah negara dalam jangka panjang masa. Oleh itu, sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan berpandangan jauh, keputusan telah diambil oleh kerajaan ke arah menjamin kesejahteraan hidup dan bukan sahaja bagi generasi sekarang tetapi juga untuk generasi yang akan datang.

Dato' Speaker, kerajaan sedar akan keperitan dan kesusahan yang dialami oleh segenap lapisan rakyat dalam menangani masalah kenaikan harga ini. Oleh itu, kerajaan akan memberi keutamaan bagi memastikan bekalan makanan mencukupi dan juga pada harga yang rendah. Ke arah mencapai objektif ini, kerajaan bakal menanggung lebih kurang RM4 bilion untuk subsidi bekalan makanan termasuk beras, minyak masak, tepung dan lain-lain lagi.

Selain daripada itu, pampasan tunai telah diperkenalkan iaitu RM625.00 setahun bagi kenderaan ataupun kereta persendirian kurang daripada 2,000 cc dan RM150.00 setahun bagi motosikal persendirian kurang dari 250 cc setahun. Selain daripada itu, *trak pick-up* dan jip persendirian juga yang berkapasiti kurang daripada 2,500 cc turut diberi pampasan tunai sebanyak RM625.00 setahun.

Tambah pula, kerajaan telah mengekalkan harga diesel untuk pemegang *fleet card* pada kadar RM1.43 seliter. Pemegang *fleet card* termasuk operator bas, operator kenderaan pengangkutan, operator teksi dan lain-lain lagi di mana sistem *fleet card* ini meliputi lebih kurang 270,000 kenderaan tersebut. Dalam hal ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah pun meluluskan kuota sebanyak 4 bilion liter setahun untuk sistem *fleet card* ini. Kementerian itu juga sedang merancang untuk meningkatkan lagi kuota tersebut dengan mendaftarkan lebih banyak lagi kenderaan yang layak di bawah sistem *fleet card* ini. Dengan pemberian keutamaan kepada kenderaan pengangkutan awam, dengan langkah lain tekanan inflasi berikutan kenaikan harga minyak akan dapat dikurangkan dan tidak seteruk yang dijangkakan.

Dato' Speaker, banyak kesangsian yang timbul hasil daripada langkah kerajaan untuk penstrukturan semula sistem subsidi minyak dan gas pada harga ini. Ada pihak yang berpendapat bahawa sebagai sebuah negara pengeluar minyak dan mengeksportkan minyak mentah, minyak bersih, maka Petronas dan kerajaan sepatutnya dapat menanggung bebanan subsidi yang lebih tinggi berikutan peningkatan harga minyak dunia yang mendadak. Saya ingin menjelaskan di sini ialah selaras dengan peningkatan harga minyak di pasaran dunia, keuntungan Petronas, saya setuju memang telah meningkat dengan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM86.8 bilion pada tahun 2007.

Namun begitu, untuk tahun 2007 sahaja, Petronas telah menyumbang RM53.2 bilion kepada kerajaan dari segi cukai, royalti dan dividen. Jika dibandingkan jumlah ini merupakan 35 peratus daripada perbelanjaan bajet tahunan kerajaan bagi tahun 2007 ini. Ini bermakna, hasil yang didapat oleh pihak kerajaan ini merupakan satu hasil yang cukup besar, yang cukup utama untuk kerajaan. Maka dengan hasil ini, kerajaan patut boleh membuat banyak projek misalnya sekolah, jalan, jambatan, untuk kemudahan kesihatan dan sebagainya. Maka kerajaan juga harus menggunakan sebahagian besar daripada hasil ini untuk menampung beban subsidi. Ini menunjukkan kerajaan juga harus lihat dari semua aspek dari segi pembangunan, dari segi nak meringankan beban rakyat, ini harus selaras dengan semua perancangan yang lebih komprehensif ini. Dan selain daripada itu, pada tahun 2007, Petronas juga telah menanggung subsidi berjumlah RM15.6 bilion untuk membekalkan subsidi gas kepada sektor tenaga dan bukan tenaga. Ini bermakna Petronas sudah pun menyumbang kepada perbelanjaan tahunan serta subsidi oleh pihak kerajaan.

Dato' Speaker, mengenai langkah-langkah mengawal kenaikan harga barangan keperluan pula, secara asasnya ketentuan harga barangan bergantung kepada kos pengeluaran yang terlibat serta juga kos beberapa perkhidmatan yang terlibat sebelum satu-satu barangan itu dapat disampaikan kepada pengguna terakhir. Faktor lain yang mempengaruhi harga adalah

faktor bekalan dan permintaan, *supply and demand* dengan izin, yang sekiranya tidak diawasi akan juga memberi, yang akan juga memboleh, menyebabkan terjadinya harga spekulasi yang melampau. Kerajaan telah menggunakan kuat kuasa undang-undang khususnya Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga 1946 yang dikuatkuasakan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna terhadap barang-barang kawalan di negara kita ini. Selain daripada itu, Kementerian juga menawar harga beberapa jenis keperluan sebagai tambahan pada musim perayaan.

Kerajaan Persekutuan pada Januari tahun ini, telah menubuhkan Majlis Harga Barangan Negara bagi menangani masalah bekalan dan harga barangan perlu. Di antara tujuan penubuhan Majlis Harga Barangan Negara adalah untuk melindungi kepentingan rakyat daripada kenaikan harga barangan yang tidak munasabah, memastikan bekalan barangan yang mencukupi dan membendung kenaikan harga inflasi bagi pembangunan ekonomi yang optimum. Dan bagi mendapatkan gambaran yang sebenar akan keadaan harga barangan pengguna, kerajaan baru-baru ini telah pun melantik seramai 2,000 orang Pegawai Pemantau Harga bagi memantau dan juga memungut harga harian bagi 350 jenis barangan keperluan pengguna. Dan bagi Negeri Johor pula, seramai 224 orang Pegawai Pemantau Harga yang terdiri daripada graduan-graduan universiti telah juga dilantik untuk 10 daerah di 256 pusat pungutan harga. Semua laporan harga yang diperolehi akan dikumpulkan, dikemas kini, di analisa dan juga dikemukakan setiap minggu kepada Sekretariat.

Majlis Harga Barangan Negara yang ditempatkan di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di Putrajaya akan menggunakan maklumat yang dikumpulkan ini di seluruh negara bagi penggubalan polisi harga dan bekalan harga barangan. Maklumat yang dikumpulkan ini juga boleh membantu dalam memastikan pengedaran barangan keperluan pengguna dapat dilakukan secara cekap dan efisien.

Dato' Speaker, pada keseluruhannya, kerajaan menyedari dan memahami dengan mendalam kesemua isu dan impak kenaikan harga petroleum dan barangan ini serta kesannya terhadap masyarakat. Sehubungan dengan itu, Kerajaan akan terus berusaha sedaya upaya untuk menangani cabaran krisis kenaikan harga ini dan menjamin kemakmuran ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat secara berterusan. Menyedari akan hakikat tersebut, maka kerajaan kini amat menyedari bahawa kita perlu melakukan persiapan dan persediaan awal secara lebih rapi bagi menghadapi kemungkinan berlakunya kemelesetan ekonomi pada masa depan. Adalah perlu bagi kerajaan untuk memikirkan dari sekarang, bagaimana kita perlu bersiap sedia menghadapi kemungkinan dan cabaran yang tersebut. Oleh itu, kerajaan sendiri sudah pun bermula mengambil langkah-langkah berjimat cermat dan ingin turut mengajak semua pihak termasuklah rakyat jelata agar juga boleh mengamalkan sikap yang sama.

Dato' Speaker, itu sahajalah perkara-perkara yang saya dapat jawab di Dewan yang mulia ini. Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, cadangan yang membina kepada pihak Kerajaan. Kalau ada isu-isu yang

tidak sempat saya jawab, Kerajaan Negeri tetap akan mengambil perhatian dan akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasinya. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Diteruskan lagi, siapa? Jemput, Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Salam sejahtera dan selamat pagi Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk turut serta dalam sesi perbahasan atas rundingan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih saya ucapkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Rinting, Rengit, Kahang, Bukit Batu, Puteri Wangsa, Tanjung Surat dan Kemelah yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan perpaduan kaum yang berkaitan dengan Rukun Negara, Perlembagaan Malaysia khususnya kontrak sosial.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seorang cendekiawan pernah berkata masyarakat Malaysia adalah ibarat dengan *izin, the colours of rainbow separate but not apart* yang bermaksud mereka berbeza tetapi tidak berpecah. Setiap kaum di Malaysia berupaya mengamalkan budaya, adat resam dan agama masing-masing dengan bebas.

Y.B. Dato' Speaker : Siapa cakap ini Yang Berhormat, yang *rainbow* ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Seorang cendekiawan.

Y.B. Dato' Speaker : *Who is* cendekiawan, *can you tell me*? Ceh.. cakap orang puteh pulak.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Walaupun Perpaduan Negara Yang Berhormat Dato' Speaker, menghadapi banyak cabaran, namun boleh dikatakan dengan penuh keyakinan bahawa toleransi antara kaum, budaya dan agama yang ada hari ini merupakan satu rekod yang dapat dicontohi oleh masyarakat *plural* yang ada dalam dunia ini. Ini adalah kerana ikatan perpaduan dijamin dengan adanya kontrak sosial yang jelas tercatit dalam Perlembagaan Persekutuan, undang-undang tertinggi di Malaysia bersertakan usaha-usaha kerajaan melalui dasar-dasar ekonomi.

Sejak turun temurun kekuatan perpaduan negara berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan juga kepada perkongsian kuasa dalam politik. Namun tidak boleh dinafikan bahawa keharmonian perpaduan negara ada kalanya tercemar disebabkan wujudnya perasaan prasangka di kalangan mereka yang mempunyai pemikiran yang cetek serta minda yang tidak terbuka. Kadang-kadang penggunaan bahasa dan perkataan semasa bercakap atau menulis boleh membawa kepada perselisihan faham antara manusia. Kata-kata boleh jadi kuasa *magic* yang boleh mencantum ataupun memisahkan sesuatu perhubungan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya yakin dan percaya, semua Ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan hari ini juga yakin, perhubungan antara kaum, budaya dan agama yang wujud di Malaysia amat dicemburui oleh masyarakat luar. Masjid, kuil, tokong, gereja dan Gudhwara terdapat di seluruh negara.

Y.B. Dato' Speaker : Apa Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Gudhwara.

Y.B. Dato' Speaker : Itu India punya ya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Itu tokong Sikh punya. Ada kalanya tempat-tempat ibadat berlainan kaum didirikan berdekatan di antara satu sama lain seperti yang terdapat di Jalan Trus, Johor Bahru. Jelas sekali kebudayaan perpaduan meraikan kepelbagaian. Semua jenis kebudayaan, bahasa, pakaian, makanan, perayaan, filem dan muzik dibenarkan. Sekolah-sekolah jenis Tamil, Cina wujud dengan sokongan kerajaan. Rancangan-rancangan televisyen dalam Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Bahasa Melayu ditayangkan di stesen nasional. Perayaan Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali, Thaipusam diraikan di peringkat Kebangsaan dan Negeri dan diisytiharkan juga sebagai cuti umum.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini semua mampu berlaku disebabkan Perlembagaan Persekutuan yang kita daulatkan. Oleh yang demikian, adalah wajar kefahaman yang mendalam terhadap Perlembagaan Persekutuan serta maksud dan tuntutan-tuntutannya yang termaktub dalamnya perlu diamati oleh semua pihak. Rakyat jelata pelbagai kaum perlu faham dan menerima bahawa hak-hak istimewa orang Melayu dan Institusi Raja-Raja Melayu telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan ianya tidak perlu dan tidak harus dipertikaikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sejarah, kontrak sosial dan Perlembagaan Negara ini adalah elemen 3 serangkai yang mustahak dan perlu ditanamkan sebagai pendidikan asas kepada masyarakat. 5 prinsip Rukun Negara perlu diamalkan sebagai budaya hidup dari bangku sekolah hingga di kalangan komuniti yang akan melahirkan masyarakat yang percaya kepada Tuhan, setia kepada Raja dan Negara, hormat kepada Perlembagaan dan Undang-Undang serta beradab dan bersopan.

Kita semua sedia maklum, Rukun Negara telah dihasilkan oleh MAGERAN iaitu Majlis Gerakan Negara dan diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 sempena ulang tahun ke-13 kemerdekaan Malaysia, ekoran dari peristiwa tragedi 13 Mei 1969. Penilaian kepada peristiwa 13 Mei 1969 menunjukkan bahawa tidak ada perpaduan di kalangan rakyat, tidak ada penghayatan undang-undang, tidak ada nilai murni seperti toleransi antara kaum, hormat menghormati, tidak ada keseimbangan dan pembahagian kekayaan ekonomi di kalangan rakyat, tidak ada penghormatan terhadap Perlembagaan, tidak menerima kuasa-kuasa politik antara kaum serta ketika itu juga terdapat ancaman pengaruh komunis dan subversif di kalangan rakyat.

Oleh yang demikian, Rukun Negara digubal dengan matlamat untuk mewujudkan satu masyarakat yang mempunyai satu semangat dan berpegang kepada nilai-nilai yang sama, demi suasana kehidupan yang seimbang, harmoni dan maju seiring pembangunan sains dan teknologi. Rukun Negara bertujuan untuk melahirkan satu bangsa dan negara yang anggota masyarakatnya menganggap diri mereka sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan dan agama. Setiap kelompok masyarakat bebas beragama, mengamalkan adat resam dan kebudayaan masing-masing, sesuai dengan kepentingan perpaduan negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, prinsip-prinsip dalam Rukun Negara bukanlah sesuatu yang terpisah-pisah, tetapi ia berhubung kait di antara satu sama lain. Cabarannya bukan soal Rukun Negara berkesan atau tidak, tetapi rakyat memahami dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian mereka. Yang Berhormat Dato' Speaker, jika benar pengamalan prinsip pertama dalam Rukun Negara iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan diamalkan kepada rakyat maka akan tertanam. Kalau betul-betul tiap-tiap rakyat negara ini mengamalkan dan mengikuti prinsip:

i. Kepercayaan Kepada Tuhan, maka akan tertanam dalam jiwanya benih kebaikan yang menyuburkan nilai-nilai murni seperti menghormati ibu bapa, menjaga kebersihan, tolong menolong, berbaik-baik sesama manusia. Prinsip pertama ini akan melahirkan masyarakat yang membenci dan menentang kelakuan negatif seperti kezaliman, penipuan dan pembunuhan tanpa terikat kepada sentimen puak, bangsa dan agama. Masing-masing ghairah untuk membuat kebaikan dengan ikhlas demi mendapat kasih sayang daripada tuhan dengan tidak mengharapkan ganjaran dan pujian.
ii. Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, yang dituntut dalam Rukun Negara memerlukan setiap rakyat bersikap prihatin tentang jatuh bangun Negara serta sanggup berkorban untuk mempertahankannya. Wujudnya golongan pembangkang yang tidak menafikan Kesetiaan kepada Raja dan Negara tetapi sebaliknya menjadi faktor pengimbang dalam sebarang keputusan pelaksanaan sesuatu dasar pemerintahan. Pengamalan prinsip ini akan melahirkan rakyat yang tidak langsung memberi sokongan kepada anasir-anasir subversif di dalam dan di luar negara yang ingin memporak-perandakan masyarakat dan kestabilan negara.
iii. Keluhuran Perlembagaan membawa erti bahawa setiap warganegara perlu menjunjung, mematuhi dan menghormati Perlembagaan Negara yang merupakan satu rang undang-undang dasar yang merangkumi prinsip serta peraturan yang menentukan bentuk kerajaan. Setiap yang memahami prinsip ini perlu sedar bahawa dia mempunyai hak memperolehi kebebasan diri, perlindungan, kebebasan beragama, kebebasan bercakap, berhimpun, menubuhkan persatuan dan layanan yang adil. Tetapi dia juga perlu menerima hakikat bahawa perlembagaan yang memberi hak dan keistimewaan kepada setiap warganegara juga mencatitkan persetujuan semua pihak untuk antaranya memberi taraf kewarganegaraan kepada orang bukan Melayu yang lahir di Tanah

Melayu pada atau selepas hari kemerdekaan, mengekalkan kedudukan Raja-Raja Melayu, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, Agama Islam sebagai Agama Persekutuan dan memelihara Kedudukan Istimewa Orang-Orang Melayu.

iv. Kedaulatan Undang-Undang memberi maksud semua rakyat mempunyai taraf yang sama di sisi undang-undang yang mana keadilan dan kebebasan asasinya dijamin. Setiap individu bebas membuat pertimbangan, keputusan dan tindakan yang bersesuaian dengan hak asasinya, tetapi, hendaklah berpandukan undang-undang supaya hak asasi dan kebebasan orang lain turut terpelihara. Pengamalan prinsip ini akan melahirkan manusia yang berdisiplin, mempunyai komitmen yang tinggi serta daya tumpuan yang berterusan dalam usaha membangunkan diri tanpa gangguan dan pengkhianatan dari mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab.

v. Kesopanan dan Kesusilaan memberi pengertian bahawa semua rakyat bebas untuk mengamalkan adat resam dan nilai hidup masing-masing tetapi perlu saling hormat-menghormati dan memahami adat resam yang diamalkan oleh kaum lain. Negara memerlukan rakyat yang baik budi bahasanya dan mematuhi peraturan adat dan budaya orang lain. Dalam usaha memburu kemajuan, setiap orang harus menitik beratkan nilai rohaniah dan kepercayaan pelbagai kaum dan agama. Kedua-dua sifat bersopan dan bertatasusila adalah penting dalam membentuk masyarakat yang harmoni. Sikap bertatatertib, mulia, berbudi bahasa, penyayang sekali gus disenangi bukan sahaja oleh ahli keluarga, kawan dan mereka sebangsa tetapi juga oleh semua anggota masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kelima-lima prinsip tadi, penjelasan saya tadi dapat memberi sedikit maksud mendalam kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat. Rukun Negara patut dijadikan asas semangat kebangsaan atau patriotik yang boleh menyatupadukan rakyat menuju satu matlamat dan cita-cita bersama. Kempen terhadap penghayatan Rukun Negara perlu dipertingkatkan dan pengukuhan Rukun Negara tidak boleh dibuat secara bermusim, tetapi berterusan. Walau bagaimanapun, usaha-usaha ini bukanlah semata-mata tanggungjawab kerajaan sahaja, tetapi ia perlu dipikul bersama oleh semua pihak termasuk agensi-agensi yang dari parti-parti politik, agensi-agensi Kerajaan Pusat, negeri, NGO-NGO, badan swasta, badan-badan sukarelawan dan semua persatuan, lebih-lebih lagi yang wujud atas dasar kaum.

Pihak media boleh memainkan peranan untuk mengadakan kempen-kempen kesedaran serta menyediakan program-program yang dapat menguatkan pemahaman dan penghayatan prinsip-prinsip Rukun Negara. Media perlu berhati-hati supaya tidak keterlaluan dan menunjukkan perkara-perkara yang bertentangan dengan prinsip Rukun Negara. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, semasa saya di sekolah rendah, setiap hari waktu perhimpunan kami kena hafal Rukun Negara dan disebutkan di perhimpunan. Saya rasa Kementerian Pelajaran boleh juga memikirkan perkara itu untuk diteruskan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Johor terus berusaha meningkatkan pergaulan antara kaum. Kawasan Rukun Tetangga diwujudkan di seluruh Negeri Johor sebagai mekanisme yang memainkan peranan dalam memartabatkan perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum di peringkat akar umbi. Terdapat 498 kawasan Rukun Tetangga di Negeri Johor, yang mana Yang berhormat Dato' Speaker, 95 peratus daripadanya adalah aktif. Pelbagai aktiviti dalam bidang sukan, rekreasi, sosial, kebajikan, kebudayaan, pendidikan, keselamatan, kesihatan, ekonomi, agama dan lain-lain melibatkan semua kaum dianjurkan. Pada bulan Mei 2008, sebanyak 2,112 aktiviti telah pun dilaksanakan di peringkat kawasan Rukun Tetangga di seluruh Negeri Johor yang melibatkan seramai 145,376 orang peserta. Penyertaan ahli masyarakat dalam kawasan Rukun Tetangga ini merentasi umur, jantina dan kaum. Maklumat yang diterima menunjukkan penyertaan kaum dalam aktiviti-aktiviti Rukun Tetangga pada bulan Mei 2008 ialah 64 peratus Melayu; 25 peratus Cina; 9 peratus India dan 2 peratus lain-lain. Bila sebut lain-lain ini melibatkan Sikh, Iban, Kadazan, Serani dan Orang Asli. Dari segi umur pula, tercatat 13 peratus wanita; 11 peratus remaja; 8 peratus warga emas; 3 peratus kanak-kanak dan 65 peratus terdiri daripada orang dewasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Johor terus mengorak langkah berusaha meningkatkan pemahaman masyarakat terhadap perlembagaan dan sosial kontrak yang menjadi tunjang kepada kekuatan perpaduan negara serta pembinaan bangsa Malaysia. Antara program-program yang dimaksudkan ialah Bengkel Menghayati Kemerdekaan, Memantapkan Budaya Perpaduan, Kem Padu Anak Malaysia dan Kem Kembar Padu serta Penubuhan Kelab Rukun Negara di sekolah-sekolah. Pada hari ini, terdapat 108 buah Kelab Rukun Negara di sekolah-sekolah menengah dan 16 buah kelab berkenaan di sekolah rendah yang melaksanakan aktiviti-aktiviti berlandaskan prinsip-prinsip Rukun Negara. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Johor akan menganjurkan konvensyen, persidangan serta forum di mana sejarawan negara akan dijemput untuk menyampaikan ceramah kepada masyarakat pelbagai kaum agar dapat didedahkan kepada kefahaman perlembagaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tidak boleh nafikan kemajuan akan sentiasa memerlukan perubahan dalam sikap manusia, tetapi, perlu diingatkan bahawa, kejatuhan negara boleh berlaku disebabkan kegagalan membina perpaduan bangsa. Oleh yang demikian, perlu kita terima hakikat bahawa perpaduan negara adalah tanggungjawab bersama dan perlu sama-sama memelihara, meningkat dan mengukuhkan perpaduan rakyat dan Integrasi Nasional selaras dengan dasar-dasar kerajaan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya teruskan dengan isu-isu yang berkaitan dengan Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor. Malaysia kini memasuki abad ke 21 dan Program Pembangunan Sumber Manusia akan terus menjadi matlamat utama dalam memastikan semua rakyat berkongsi kemakmuran negara. Kini, pembangunan ekonomi yang berasaskan pengetahuan akan mempengaruhi arah aliran pertumbuhan permintaan terhadap tenaga kerja yang berkualiti, berdaya saing dan berkemahiran. Terdapat beberapa perkara yang

dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di Persidangan Dewan berhubung dengan portfolio guna tenaga khasnya mengenai pekerja asing.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kemasukan pekerja asing ke Malaysia bermula dari tahun 80-an lagi untuk menampung kekurangan pekerja di sektor pembinaan dan pertanian. Walau bagaimanapun, dari masa ke masa jumlah kemasukan pekerja asing ini bertambah sehinggalah mencecah jumlah 2.2 juta orang pada hari ini. Di Johor sahaja, kita ada lebih kurang 800,000 pekerja asing Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat dari DUN Permas telah membangkitkan bahawa kawasan Perindustrian Pasir Gudang mempunyai jumlah pekerja yang ramai, secara tidak langsung keadaan ini menjejaskan peluang pekerjaan tempatan untuk mendapat pekerjaan. Yang Berhormat dari Permas mahu keadaan ini diperbaiki dan penduduk tempatan hendaklah diberi keutamaan untuk mendapat pekerjaan di kawasan berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sukacita saya jelaskan bahawa, tindakan kerajaan membenarkan penggajian pekerja asing adalah satu langkah sementara untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja dalam sektor-sektor yang dikenal pasti. Ini adalah kerana kerajaan amat mementingkan peluang pekerjaan bagi rakyat kita. Oleh yang demikian, kerajaan telah mewajibkan, mewajibkan setiap majikan yang ingin memohon pekerja asing perlu mendaftarkan kekosongan tersebut dan mengambil calon-calon pencari kerja yang berdaftar di dalam sistem, *job clearing system* (JCS) dengan izin, dalam aplikasi buruh, pusat buruh elektronik yang dikendalikan oleh Jabatan Tenaga Kerja. Pengisian ini adalah untuk membolehkan supaya kekosongan yang ada dipenuhi oleh pekerja tempatan terlebih dahulu.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, JCS adalah perkhidmatan yang dikendalikan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia untuk membantu pencari kerja mencari pekerjaan dan bantu para majikan mendapatkan pekerja dari kalangan rakyat tempatan. Di bawah sistem atas talian ini, majikan dikehendaki mendaftarkan kekosongan jawatan yang ada di dalam JCS, melakukan pemilihan calon dari pangkalan data JCS dan tarikh temu duga ditetapkan. Majikan dikehendaki memberi maklum balas hasil temu duga yang telah dijalankan ini, sistem bagaimana JCS ini berjalan Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, mereka akan ditemu duga dan hasil temu duga akan di beritahu kepada mereka dan juga diberitahu juga kepada Jabatan Tenaga Kerja. Setelah semua usaha dijalankan untuk mendapatkan tenaga kerja tempatan tidak berhasil, ataupun jumlah yang diperolehi tidak memenuhi keperluan semasa, maka barulah majikan boleh mendapatkan Surat Perakuan Majikan menggunakan perkhidmatan JCS yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja.

Tempoh masa bagi mengeluarkan surat berkenaan Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah 7 hari bagi sektor pembinaan dan pertanian, 14 hari bagi sektor perkhidmatan dan 30 hari bagi sektor perkilangan. Langkah ini diambil bagi memastikan majikan berusaha untuk mendapatkan pekerja tempatan terlebih dahulu sebelum memohon mendapatkan pekerja asing.

Merujuk kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari DUN Pengkalan Rinting...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, pekerja asing ini ditemu duga tak? Pekerja asing, ditemu duga tak, bila dia nak kerja?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi, dan Inovasi : Pengambilan pekerja asing ini Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya diuruskan oleh agensi pekerjaan yang perlu mengikuti syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Tenaga Kerja. Merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari DUN Pengkalan Rintang dan Mengkibol mengenai pengajian pekerja asing bagi semua sektor pekerjaan. Yang Berhormat mahukan tindakan penguatkuasaan dipertingkatkan sebelum pengambilan pekerja asing dibenarkan, dengan ditetapkan nisbah bagi pengambilan pekerja asing berbanding pekerja tempatan.

Perkara yang sama turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari DUN Bukit Permai. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bilangan pekerja asing yang diluluskan adalah berasaskan kuota atau nisbah yang ditetapkan mengikut sektor oleh pusat proses setempat. Majikan yang mengambil pekerja asing juga tidak dibenarkan menggaji lebih daripada 50 peratus dalam kategori pekerjaan dan jawatan yang sama. Kuota ini ditetapkan dengan tujuan memastikan rakyat tempatan diberi peluang dan keutamaan dalam mendapatkan pekerjaan.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari Permas turut membangkitkan perkara caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial, PERKESO atau dengan izin, SOCSO dan mohon agar pekerja dimaklumkan..

Y.B. Dato' Speaker : Apa, SISCO?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi, dan Inovasi : SOCSO,

Y.B. Dato' Speaker : SOCSO.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi, dan Inovasi : Ya, ya..Dan mohon agar pekerja dimaklumkan mengenai kemudahan-kemudahan dari PERKESO.

Yang Berhormat Dato' Speaker, PERKESO adalah satu badan berkanun di bawah Kementerian Sumber Manusia yang mentadbirkan dua jenis skim keselamatan sosial iaitu Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat. Skim Insurans Bencana Pekerjaan memberi perlindungan kepada para pekerja daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit khidmat ataupun dengan izin, *occupational disease* dan kemalangan semasa dalam perjalanan berkaitan pekerjaan. Manakala Skim Pencen Ilat pula memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja terhadap keilatan atau kematian akibat sebarang sebab. Objektif kedua-dua skim ini adalah untuk menjamin pembayaran faedah tunai kepada pekerja dan orang tanggungannya apabila berlaku kejadian luar jangka menimpa pekerja berkenaan.

Yang Berhormat ADUN dari Kahang pula membangkitkan perkara mengenai pembangunan modal insan yang akan menjadi faktor penentu kepada peningkatan daya saing dan produktiviti negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menyedari hakikat ini, Kerajaan sebenarnya telah merancang modul pembangunan modal insan agar Malaysia dan Johor khasnya dapat melahirkan guna tenaga yang terlatih dan berdaya saing dan mencukupi dengan keperluan negara menjelang tahun 2020. Untuk itu, kerajaan melalui Jabatan Tenaga Manusia telah menubuhkan Institut Latihan Perindustrian yang dikenali sebagai ILP, di mana di Johor terdapat 3 buah ILP iaitu di Pasir Gudang, di Sagil dan di Mersing. Dan satu lagi pusat Latihan Teknologi Tinggi atau dipanggil ADTEC di Batu Pahat.

Selain itu, Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia telah melaksanakan program Sistem Latihan Dual Nasional, (SLDN) mulai tahun 2005 untuk menghasilkan generasi pekerja yang lebih berpengetahuan dan berdaya saing. Melalui program ini, kerajaan berhasrat untuk mengalihkan sistem Latihan Negara daripada pendekatan berasaskan institusi latihan kepada pendekatan berasas kepada industri, ataupun dengan izin, *Industry Driver Approval.* Peranan ini turut digalas oleh lain-lain agensi seperti MARA dengan penubuhan Pusat Giat Mara, Institut Kemahiran Belia Negara di bawah kendalian Kementerian Belia dan Sukan, kolej-kolej komuniti, dan juga PUSPATRI di samping sekolah-sekolah teknik dan vokasional.

Yang Berhormat dari DUN Pekan Nenas pula memaklumkan bahawa Pekan Nenas turut menerima impak kehadiran pekerja asing. Yang Berhormat ini turut membangkitkan adanya majikan yang menempatkan pekerja asing yang ramai di dalam sebuah rumah hingga menyebabkan berlaku kebisingan dan keadaan kebersihan yang diabaikan. Tambahan pula budaya pekerja asing ini adalah berbeza dengan budaya tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, serta untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan amat prihatin dalam perkara ini. Untuk menangani perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pekan Nenas ini, Kerajaan telah mensyaratkan semua pekerja asing yang akan bekerja di Malaysia, perlu menjalani Kursus Induksi di negara sumber terlebih dahulu. Kursus Induksi ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada pekerja asing tentang bahasa Melayu, budaya, adat dan kepercayaan agama masyarakat majmuk di Malaysia. Selain itu, mereka juga diberikan asas kefahaman mengenai undang-undang dan peraturan perburuhan, imigresen serta prosedur bagi penyelesaian pertikaian dan tuntutan perburuhan di Malaysia.

Selain itu, kerajaan turut merancang untuk mewujudkan penempatan khas bagi pekerja-pekerja asing agar aktiviti mereka dapat dipantau selain mengekalkan suasana keharmonian di sesuatu kawasan. Pusat penempatan pekerja asing ini dijangka akan diwujudkan di Iskandar Malaysia nanti Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Bila?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi, dan Inovasi : Semasa bermulanya pembangunan di Iskandar Malaysia nanti, Kerajaan sedang memikirkan satu tempat di mana pekerja-pekerja asing yang bekerja di Iskandar Malaysia nanti akan dipusatkan di satu tempat.

Y.B. Dato' Speaker : Oh..

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi, dan Inovasi : Yang Berhormat dari DUN Senai pula membangkitkan penghijrahan pekerja dan pelajar dari Johor ke negara jiran untuk bekerja dan belajar. Impak dari keadaan ini ialah berlakunya kehilangan bakat atau dengan izin, *brain drain* katanya. Ahli Yang Berhormat ini mahu Kerajaan Negeri mengambil langkah untuk mengambil balik pekerja Malaysia dan Johor khasnya di luar negara, agar mereka boleh berkhidmat di negeri kita khasnya di Iskandar Malaysia.

Menyedari pekerja mahir ini adalah aset yang berharga, maka Kementerian Sumber Manusia telah memperkenalkan program yang dinamakan Program Menggalakkan Warganegara Malaysia Yang Bekerja Di Luar Negara Pulang Ke Malaysia, nama program macam tu. Program ini berkuat kuasa mulai 1 Januari, 2001 lagi. Kerajaan mengadakan program ini bagi memastikan kualiti kepakaran yang diluluskan pulang ke Malaysia adalah selaras dengan keperluan negara dalam bidang-bidang kepakaran yang dikenal pasti. Antara insentif yang diberikan kepada pakar-pakar ini ialah diberi pelepasan atas harta yang dibawa balik dari luar negara. Kemudian yang kedua, diberi insentif dua buah kereta dikecualikan cukai import, cukai eksais dan cukai jalan. Maklumat lanjut mengenai program ini bolehlah didapati dari Jawatankuasa Khas Program Pakar di Kementerian Sumber Manusia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, penggajian pekerja asing adalah baik untuk menampung kekurangan pekerja di sektor-sektor yang dikenal pasti. Walaupun kehadiran mereka memberi impak positif tetapi kesan negatif penggajian dan kehadiran mereka tetap ada. Di dalam usaha untuk mengatasi masalah kebergantungan kepada pekerja asing, kerajaan telah mengambil langkah-langkah jangka pendek berikut :

i. Kerajaan Negeri telah melonggarkan syarat penggunaan tapak perindustrian bagi membolehkan pembinaan asrama dan pusat asuhan kanak-kanak.
ii. Selain itu, Kerajaan Persekutuan telah menimbangkan pemberian bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri selain langkah fiskal bagi tujuan pembinaan asrama dan pusat asuhan kanak-kanak di kawasan perindustrian bagi mengelakkan mobiliti pekerja tempatan.
iii. Kerajaan juga telah menaikkan had waktu kerja lebih masa dari 64 jam sebulan kepada 104 jam sebulan.

Manakala bagi langkah jangka panjang bagi mengatasi masalah kebergantungan kepada pekerja asing, kerajaan memutuskan bahawa :

i. Penggajian pekerja asing di semua sektor ekonomi hanya dibenarkan sekiranya rakyat tempatan dan penduduk tetap Malaysia tidak mencukupi atau enggan bekerja di sektor berkenaan.
ii. Semua pekerja asing yang digajikan oleh majikan hendaklah mempunyai taraf penggajian yang sah.
iii. Sektor pembuatan dibuka secara selektif kepada pekerja asing termasuk di peringkat mahir, separa mahir, teknikal dan profesional mengikut merit sesuatu kes.
iv. Kebenaran untuk menggaji pekerja asing mengikut jenis-jenis pekerjaan tertentu hanya dipertingkatkan sekiranya majikan dapat membuktikan pihaknya benar-benar menghadapi masalah dalam mengambil pekerja tempatan; dan
v. Penggajian pekerja asing dihadkan kepada tempoh keseluruhan penggajian yang dibenarkan tidak melebihi 50 tahun, eh *sorry*, minta maaf, 5 tahun, tidak melebihi 5 tahun menurut formula 2+2+*1,* dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : Macam minuman aje, *two plus one.*

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi, dan Inovasi : Dalam pada itu, Kementerian Sumber Manusia akan menjalankan kajian semula..

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, satu nak tanya, gaji, gaji asing kalau ambil dengan kita punya, siapa lebih besar.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi, dan Inovasi : Kalau Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tengok kepada sistem penggajian, bagi saya, kalau pekerja tempatan sebenarnya tengok kepada gaji pekerja asing dapat ini memang gaji yang dibayar ni lumayan. Yang, yang anehnya pekerja-pekerja tempatan ini dia tengok kerja yang berat, yang perlu memerah tenaga, kerja yang kotor-kotor ni dia tak mahu, yang main sapu-sapu ni semua dia tak mahu.

Y.B. Dato' Speaker : Ha.. yalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi, dan Inovasi : Itulah sebab mereka tak nak..tapi dari segi gaji dia bagus, memang menarik. Kalau Yang Berhormat Dato' Speaker tengok pada hari ini dalam surat khabar Utusan Malaysia juga ada sebut bahawa dan saya juga baru-baru ini apabila menghadiri satu Mesyuarat Kebajikan Pekerja-Pekerja Ladang, saya kata pihak ladang ni, sekarang ni Kementerian Pembangunan Luar Bandar sudah diminta oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk bina jalan-jalan, ladang, kita turap, jadi kemudahan jalan sudah ada. Kemudahan-kemudahan rumah di estet-estet sekarang sudah ada tiga bilik, dua *bathroom*, jadi kalau nak minta orang tempatan nak pergi balik ke estet boleh jugalah, sebab dia punya pendapatan pun sampai RM2,000.00, RM3,000.00 satu bulan dia boleh dapat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kementerian Sumber Manusia akan menjalankan kajian semula pada setiap tahun untuk menentukan jenis dan

bilangan kemahiran yang berkurangan di pasaran buruh negara bagi membolehkan pengambilan pekerja asing adalah mengikut keperluan sebenar negara. Adalah diharap dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan, bilangan pekerja asing di negara ini dapat dikurangkan dan seterusnya akan membuka peluang dan ruang kepada guna tenaga tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai mengakhiri ucapan saya, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional serta Jabatan Tenaga Kerja. Jika ada apa-apa perkara yang dibangkitkan yang tidak dapat saya jawab diharap dapat kiranya pihak Ahli Yang Berhormat terus menghubungi saya atau jabatan yang berkenaan untuk tindakan lanjut. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Macam ucaptama. Yang Berhormat lagi. Jemput, Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Bismillahirrahmaanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana telah memberi peluang serta ruang kepada saya untuk menyampaikan ucapan penggulungan perbahasan di Dewan yang mulia pada hari ini, bersempena dengan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Pertama bagi Dewan Negeri yang Ke-12 oleh Duli yang Maha Mulia Baginda AlMutawakkil 'Alallah Sultan Iskandar Sultan Yang Di Pertuan bagi Negeri Johor dan Jajahan Takluknya pada 19 Jun 2008.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih di atas ucapan perbahasan yang telah disampaikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mana telah mengemukakan soalan, pandangan, cadangan, teguran serta kritikan yang membina, khususnya mengenai perkara-perkara yang melibatkan Portfolio Pembangunan Usahawan, Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi di Negeri Johor. Banyak perkara yang dibangkitkan dan saya cuba gulung secara ringkas tetapi cuba menepati hasrat Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi makluman Yang Berhormat dari Pengkalan Rinting dan Skudai, pihak Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan atau LPKP sentiasa peka kepada keperluan pengangkutan awam. LPKP tidak mempunyai halangan atau menyukarkan setiap permohonan Permit Kenderaan Awam kepada pihak syarikat yang mampu dan berkelayakan. Setiap permohonan yang layak dan cukup syarat hanya mengambil masa 30 hari dari tarikh penerimaan borang permohonan untuk diproses. Pihak LPKP juga tidak mempunyai kuasa untuk memaksa mana-mana syarikat untuk menjalankan operasi di mana-mana laluan yang pada fikiran mereka laluan yang tidak ekonomik, dengan kata lain tidak menguntungkan. Dengan kos operasi yang semakin tinggi, pihak syarikat hanya cenderung menjalankan operasi di laluan yang sekurang-kurangnya boleh menampung kos operasi.

Walau bagaimanapun, pihak LPKP akan meminta kerjasama daripada syarikat-syarikat memulihkan operasi di laluan-laluan tersebut atas dasar tanggung jawab sosial, termasuklah di Taman Sri Skudai, Taman Sri Puteri, Taman Kolam Air, Kampung Pengkalan Rinting dan Kampung Pasir. Pihak LPKP juga telah mengadakan perbincangan lanjut mengenai perkara yang dibangkitkan dengan syarikat-syarikat bas yang berkaitan seperti Syarikat Pengangkutan Maju, Handal Indah dan *Transit Link* bagi mempertimbangkan untuk meningkatkan kekerapan perkhidmatan bas di kawasan yang dimaksudkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi juga tidak mengabaikan pengusaha-pengusaha pengangkutan awam ini. Pihak Kementerian sentiasa mengadakan perbincangan dan kajian-kajian seperti kadar tambang pengangkutan yang dilakukan oleh *Malaysian Institute of Transport* atau METRANS dari UiTM. Ini adalah bagi memastikan semua pengusaha pengangkutan awam dibela serta tidak membebankan operasi mereka. Telah ada cadangan daripada METRANS mengenai perubahan kadar tambang tetapi perlu diputuskan oleh Jawatankuasa Inflasi Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, setiap permit bas mempunyai kadar tambang dan laluan seperti yang dipohon. Pihak LPKP sentiasa memantau agar semua kenderaan pengangkutan awam mematuhi syarat-syarat permit tersebut dan kegagalan mematuhinya boleh menyebabkan permit tersebut digantung ataupun dibatalkan. Perkhidmatan monorel adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan. Pihak LPKP sentiasa bekerjasama dengan mana-mana Perkhidmatan Awam seperti monorel jika ia dilaksanakan di Johor Bahru. Dalam memperbaiki sistem perkhidmatan pengangkutan awam, LPKP akan mematuhi apa juga cadangan di hentian-hentian bas mahupun teksi yang dicadangkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang difikirkan sesuai dan tidak menyusahkan orang awam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Yang Berhormat daripada Johor Jaya, pada masa ini terdapat 18 buah syarikat dengan 822 buah permit yang menjalankan perkhidmatan bas berhenti-henti di daerah Johor Bahru dengan kekerapan perjalanan setiap 15 minit hingga 30 minit. LPKP sedang meningkatkan lagi penguatkuasaan terhadap perkhidmatan bas berhenti-henti di Negeri Johor agar mematuhi jadual perjalanan. Bagi memastikan perkhidmatan bas sentiasa berkualiti dan selamat kepada orang awam, LPKP telah menetapkan usia bagi bas berhenti-henti adalah 15 tahun dan syarikat bas juga dari masa ke semasa mengganti kenderaan yang lama kepada bas baru dan mempunyai penghawa dingin. Pihak kerajaan juga memberi subsidi diesel kepada pengusaha bas berhenti-henti di mana harga diesel kekal pada paras RM1.43 seliter.

Y.B. Dato' Speaker : Bas apa? Istilah berhenti-henti.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Bas yang dia berhenti di setiap *bus stop* di kawasan-kawasan….

Y.B. Dato' Speaker : Oh maksud berhenti-henti…

Y.B. Dato' Speaker : Itu yang lambat eh? Betullah, makan masa.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak LPKP tidak pernah meluluskan kenaikan harga tambang bas sekolah. Tambang bas sekolah kekal diharga lama seperti yang diumumkan oleh Pengerusi Persatuan Bas-Bas Sekolah di majlis dialog bersama Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada 30 Jun 2008 di Johor Bahru. Baru dua hari lepas Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Dua hari lepas Yang Berhormat…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Ini adalah kerana pihak kerajaan telah memberi subsidi diesel 100 peratus kepada perkhidmatan bas sekolah. Jika didapati mana-mana pengusaha bas sekolah menaikkan tambang bas, mohon dimaklumkan kepada pihak LPKP untuk tindakan selanjutnya. Dan untuk makluman Yang Berhormat daripada Bukit Batu, Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan atau LPKP sebagai penyedia perkhidmatan pengangkutan awam, sentiasa membantu Kerajaan Negeri Johor terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan dalam meningkatkan sistem pengangkutan awam seperti bas dan teksi. Dan pada masa ini di Negeri Johor terdapat 51 syarikat bas dengan 1,503 lesen bas berhenti-henti, 29 syarikat dengan 573 lesen bas ekspres, 5,102 lesen teksi dan 3,414 lesen kereta sewa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin beralih kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan usahawan yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Produk-produk PKS bumiputera Johor yang terdiri daripada makanan ringan, minuman, makanan sejuk beku dan sebagainya amat berpotensi untuk dipasarkan di pasar raya-pasar raya besar seperti Giant, Mydin, Jusco, Carrefour dan Tesco. Usahawan-usahawan ini perlu dibimbing dan diberi tunjuk ajar bagaimana untuk membungkus dan membalut produk mereka dengan menggunakan bahan yang sesuai, yang mengandungi label nama produk, nama atau alamat syarikat. Pembungkusan ini juga bertujuan untuk memastikan produk sentiasa dilindungi dan dalam keadaan baik serta selamat untuk dimakan. PKS Tempatan yang hendak menjalankan urus niaga dengan pasar raya-pasar raya besar ini perlu memenuhi syarat-syarat kontrak perjanjian. Butir-butir perjanjian inilah yang kadang-kadang mendatangkan masalah kepada pengusaha-pengusaha PKS. Ramai pengusaha PKS mengeluh mengenai kesukaran untuk menembusi pasaran melalui pasar raya-pasar raya yang dinyatakan di atas. Ini disebabkan oleh syarat-syarat ketat yang harus dipatuhi termasuklah tempoh bayaran yang biasanya memakan masa yang agak lama.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor sedang berusaha untuk membantu usahawan-usahawan bumiputera menembusi pasaran di pasar raya-pasar raya yang disebutkan tadi. Dalam masa yang sama, Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor sedang berusaha untuk membantu usahawan-usahawan ini mempertingkatkan kualiti produk pembungkusan dan juga pelabelan supaya ianya mencapai kualiti yang membolehkan produk ini bersaing dan diterima oleh pasar raya-pasar raya ini.

Bagi menjawab kepada isu polisi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Panti, Kerajaan Negeri berhak mengenakan syarat tertentu kepada pasar raya ini sekiranya ia hendak beroperasi di Negeri Johor. Syarat-syarat ini ditentukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Yang Berhormat dari Tenggaroh, usahawan tempatan yang berada di kawasan FELDA boleh mendapatkan bantuan khidmat nasihat, kewangan, peralatan, pembungkusan, promosi, pemasarannya dan sebagainya dari agensi FELDA iaitu SAWARI. Agensi ini dikhususkan untuk membantu usahawan yang berada di dalam kawasan FELDA.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai pelajaran dan pengajian tinggi. Kementerian Pelajaran, Jabatan Pelajaran Johor dan Pejabat Pelajaran Daerah Batu Pahat amat memahami akan keperluan sebuah sekolah menengah baru di kawasan Parit Yaani seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat daripada Parit Yaani. Maka, dalam perancangan RMK-9, Jabatan Pelajaran Johor telah menyenaraikan pembinaan sebuah sekolah menengah baru yang mengandungi 18 bilik darjah dan lain-lain kemudahan. Lokasi bagi pembinaan sekolah ini telah dikenal pasti dan proses pengambilan tanah telah pun selesai dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada Januari 2008. Walau bagaimanapun, kelulusan pembinaan adalah tertakluk kepada peruntukan yang ada pada Kementerian Pelajaran Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin menyentuh dengan cadangan pembinaan sebuah sekolah menengah di kawasan Bukit Batu sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Batu. Pada penilaian Jabatan Pelajaran Johor, kawasan Bukit Batu pada masa ini belum mempunyai keperluan mendesak untuk didirikan sebuah sekolah menengah baru. Pelajar daripada FELDA Bukit Batu, Kampung Rangkaian dan Kampung Baru Bukit Batu masih boleh bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Kelapa Sawit dan Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang Renggam. Walau bagaimanapun, Jabatan Pelajaran sedia mengkaji dan mencadangkan pembinaan sekolah baru itu di masa akan datang jika terdapat keperluan dan sekiranya sekolah yang saya sebutkan tadi tidak lagi mampu untuk menampung jumlah pelajar dari kawasan berhampiran.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh ADUN dari Pengkalan Rinting, Permas, Puteri Wangsa dan juga Jorak, izinkan saya untuk memberi sedikit gambaran dan penjelasan di Dewan yang mulia ini tentang sistem pendidikan negara kita. Kerajaan bertanggungjawab untuk memberi pendidikan kepada semua rakyat di negara ini tanpa mengira bangsa, keturunan dan agama. Kita mewujudkan hanya satu sistem persekolahan di peringkat rendah yang diberi nama sekolah kebangsaan untuk memberi peluang kepada semua pelajar berbilang bangsa mendapat pendidikan yang adil dan sama rata. Di sekolah kebangsaan semua murid sama ada ianya Melayu, Cina, India dan lain-lain menikmati kemudahan bantuan dan peluang yang sama.

Namun begitu, di negara kita yang memang semenjak dari dahulu lagi mempunyai persefahaman yang baik antara kaum dalam semua aspek kehidupan termasuklah soal pendidikan dan sosial, maka kerajaan dengan kebijaksanaan kepimpinan dan toleransi kaum mengambil kira permintaan dari kaum-kaum Cina dan India untuk membenarkan pewujudan sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan yang kekal hingga sekarang walaupun telah wujud sekolah kebangsaan yang dibina untuk semua kaum dalam negara kita. Ini merupakan suatu keistimewaan yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat yang tidak dapat di kecapi di negara-negara lain termasuklah negara maju yang kadang-kadang memperlekehkan negara kita dengan menuduh berlakunya diskriminasi dalam soal pendidikan untuk rakyat. Dengan pemahaman ini saya penuh yakin dan percaya bahawa semua rakyat akan dapat menerima apa yang dikatakan sebagai hak dan apa yang dikatakan sebagai keistimewaan di dalam sistem pendidikan negara kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya untuk menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Rinting mengenai perpindahan yang diluluskan oleh Kementerian Pelajaran pada 30 Januari 2008, di mana perpindahan tersebut adalah melibatkan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Pei Hwa 2, Klang, Selangor dan bukannya Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Pei Hwa 2, Taman Perling, Johor Bahru. Terdapat tiga buah sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang telah diluluskan perpindahan di Negeri Johor iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Pai Tze, Tangkak, Muar, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Tai Hong, Kota Tinggi dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Pei Chin, Paloh, Kluang.

Pembinaan bagi sekolah-sekolah yang dikategorikan Sekolah Bantuan Kerajaan ataupun bantuan modal perlu ditanggung oleh Ahli Lembaga Pengurus Sekolah berkenaan. Kerajaan tidak dapat menyalurkan sepenuhnya peruntukan 100 peratus kerana tanah bagi sekolah bantuan kerajaan adalah dimiliki oleh pihak persendirian. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran melalui kelulusan Menteri Pelajaran ada menyalurkan peruntukan bagi membantu dan menampung sebahagian daripada kos pembinaan sekolah bantuan kerajaan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ini tanah bukan kepunyaan kerajaan ya, Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Ya, saya, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, kepunyaan individu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Dia sekolah bantuan modal.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Sebagai contoh, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Buloh Kasap, Segamat, pembinaan bangunan gantian peruntukan sebanyak

RM200,000.00 dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Hwa Nan, Batu Pahat, pembinaan bangunan gantian RM200,000.00. Kerajaan sebenarnya tidak pernah menunggu desakan awam ataupun faktor pilihan raya dalam meluluskan peruntukan untuk pembinaan sekolah-sekolah bantuan kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Pengkalan Rinting, mesyuarat bagi memberi kelulusan pembinaan sekolah-sekolah bantuan kerajaan diadakan setiap dua bulan sekali oleh Kementerian Pelajaran. Dan, sebagai contoh, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Bil. 2/2008, bertarikh 5 hingga 7 Mei 2008 telah meluluskan pembinaan bangunan baru bagi SJKC Tai Hong yang berpindah ke Taman Impian Emas, Johor Bahru, lepas pilihan raya Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Kurniaan tapak tanah bagi sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Sehingga kini Kerajaan Negeri telah mengurniakan tapak tanah bagi 6 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil iaitu SJKT Permas Jaya, SJKT Tun Aminah, SJKT Pasir Gudang, SJKT Ladang Rini, Mutiara Rini, SJKT Hock Lam, Bukit Tempurung, Gelang Patah dan SJKT Kangkar Pulai. Dan, sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, SJKC Yong Peng 2.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi sekolah-sekolah bantuan kerajaan ataupun bantuan modal ini, Kementerian Pelajaran Malaysia menyediakan peruntukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan bagi memastikan bangunan sekolah ini dapat di selenggara dengan baik. Menjadi tanggungjawab pihak sekolah memohon peruntukan yang diperlukan bagi tujuan menyelenggara sekolah. Pada awal tahun 2008, Jabatan Pelajaran Johor telah menerima peruntukan berjumlah RM1.95 juta untuk tujuan ini dan semua peruntukan ini telah pun disalurkan kepada pihak sekolah yang terlibat. Penukaran status sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan boleh dipohon oleh Ahli Lembaga Pengurus Sekolah kepada Kementerian Pelajaran Malaysia yang mana kelulusan mutlak untuk meluluskan permohonan ini terletak di bidang kuasa Menteri Pelajaran.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Permas, sekolah bantuan kerajaan juga mendapat perhatian sepertimana sekolah kerajaan. Terdapat juga sekolah bantuan kerajaan mendapat peruntukan daripada Kementerian Pelajaran yang disalurkan kepada pihak sekolah bagi menampung sebahagian dari kos pembinaan bangunan tambahan contohnya sebagaimana yang telah saya jelaskan bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada ADUN Pengkalan Rinting tadi. Dan, bagi sekolah Tamil, kerajaan melalui Kementerian, peruntukan Kementerian Kewangan telah menyalurkan peruntukan khas untuk membina bangunan baru bagi sekolah-sekolah berikut: pertama, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Kulai Besar, RM1.2 juta; Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Rini, RM600,000.00; Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Yong Peng, RM650,000.00 dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Ulu Tiram, RM1.5 juta.

Y.B. Dato' Speaker : Ladang Ulu Tiram ya? Ladang mana? Ladang Ulu Tiram?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Ladang Ulu Tiram, kawasan saya, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, saya pun tak tanya. Saya tahu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Kerajaan yakin dengan pembinaan bangunan baru ini dapat menyelesaikan masalah bangunan yang usang di sekolah-sekolah bantuan kerajaan. Yang Berhormat dari Permas juga ada menyentuh tentang pengumuman oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran Malaysia bahawa kanak-kanak yang tiada surat kelahiran boleh dimasukkan ke sekolah kerajaan untuk mendapat pendidikan kebangsaan. Pegawai-pegawai Pelajaran di semua peringkat telah pun diberi taklimat tentang perkara ini walaupun surat arahan dari Kementerian Pelajaran belum dikeluarkan secara rasmi. Untuk mendaftarkan kanak-kanak yang tiada surat beranak ke sekolah kerajaan, ibu bapa perlu mengurus dengan Jabatan Pelajaran Negeri Johor dengan mengemukakan salinan kad pengenalan ibu bapa, salinan surat nikah dan juga dokumen yang membuktikan kelahiran anak tersebut dengan mengemukakan rekod pemeriksaan semasa ibu mengandung ataupun surat pengesahan bersalin ataupun apa juga dokumen yang menunjukkan ibu mengandung dan melahirkan anak ini.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, nak tengok juga macam ibu mengandung juga ya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Ini salah satu daripada syarat pengesahan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Dengan mengemukakan dokumen tersebut di atas, pihak Jabatan tiada halangan dan kerumitan untuk meluluskan kanak-kanak yang tiada surat beranak masuk belajar di sekolah kerajaan.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Hei…ini tak boleh…

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Boleh minta penjelasan sedikit…

Y.B. Dato' Speaker : Tak boleh.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Berkenaan dengan perkara…

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dia tak ada, tak boleh celah ya. Ha, dia jawab saja. Nanti Yang Berhormat tak puas hati, Yang Berhormat soal lagilah.

Ha, dia bukan berbahas ya, dalam masa jawab. Masa Yang Berhormat soal pun dia tak jawab. Dia diam aja. Gasaklah Yang Berhormat nak cakap apa.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai dengan cadangan daripada Puteri Wangsa, perpindahan sementara murid-murid SJKT Mount Austin yang menumpang di Sekolah Kebangsaan Mount Austin tidak dapat dilaksanakan pada masa sekarang. Dua buah sekolah yang dicadangkan untuk dipindahkan murid secara sementara iaitu SJKT Desa Cemerlang dan SJKT Ladang Tebrau tidak mempunyai kemudahan fizikal dan kelengkapan yang mencukupi untuk menampung pertambahan pelajar bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif.

Cadangan daripada Yang Berhormat Puteri Wangsa supaya murid-murid SJKT Ladang Mount Austin yang berminat untuk diserapkan ke Sekolah Kebangsaan Mount Austin dialu-alukan dan perlulah mendapat persetujuan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia. Dan, sebagai penyelesaian jangka masa panjang, pihak Jabatan akan meneruskan perbincangan dengan pihak sekolah untuk mengenal pasti, sebenarnya telah pun dikenal pasti tapak baru sepertimana yang dijanjikan oleh pihak pengurusan sekolah. Dan pihak SJKT juga sedang memohon untuk menyambung sedikit masa lagi kebenaran menumpang di Sekolah Kebangsaan Taman Mount Austin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkaitan dengan soalan ataupun perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tenang, kompleks rumah guru sekolah rendah…

Y.B. Dato' Speaker : Mana Y.B. Tenang? Ha, dah tak tenang dia.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Dia pergi bertenang Yang Berhormat Dato' Speaker. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok, oklah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Berkaitan dengan perkara dibangkitkan daripada Yang Berhormat dari Tenang, kompleks rumah guru Sekolah Menengah Kebangsaan Tenang mempunyai 40 unit di mana hanya 5 sahaja diduduki. PPD Segamat atau Pejabat Pelajaran Daerah Segamat pernah mencadangkan untuk dijadikan Pusat Latihan Guru, namun belum diputuskan oleh pihak Jabatan. Dan, untuk penukaran status rumah guru kepada asrama sepertimana yang dicadangkan, ianya memerlukan kajian mendalam memandangkan beberapa asrama di daerah ini masih sukar dipenuhi kecuali disediakan program khas pelajar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Tanjung Surat berkaitan perluasan Sekolah Wawasan. Sekolah ini diperkenalkan oleh pihak kementerian beberapa tahun yang lepas. Setakat ini hanya dua buah Sekolah Wawasan di Malaysia termasuklah satu, di Teluk Sengat iaitu Kompleks Sekolah Wawasan Teluk Sengat

yang merangkumkan Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Kementerian masih lagi mengkaji kesesuaian dan keberkesanan konsep Sekolah Wawasan ini sebelum keputusan diperluaskan, dipertimbangkan.

Ahli yang sama juga membangkitkan soal bagaimana untuk membantu pelajar-pelajar khususnya dari luar bandar dari segi pencapaian bagi mata pelajaran Sains dan Matematik di dalam Bahasa Inggeris. Sebagai langkah untuk mempertingkatkan prestasi pelajar, Jabatan Pelajaran Johor telah menjalankan banyak usaha penambahbaikan dan pemantapan. Jabatan Pelajaran Johor telah melaksanakan program PTP ataupun Penilaian Tahap *Proficiency* bagi menguji tahap kecekapan guru dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Guru-guru yang tidak melepasi ujian ini akan diminta untuk mengikuti satu program bimbingan selama empat jam sebulan yang dipanggil dengan izin, *Buddy Support System*. Guru-guru juga diberikan latihan dalam semua aspek *proficiency* bahasa Inggeris iaitu dalam tatabahasa, penulisan dan pertuturan. Bagi mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris untuk murid-murid pula, satu ujian diagnostik dijalankan bagi mengenal pasti kelemahan murid tersebut. Set bagi modul pemulihan diberikan kepada murid tersebut bagi meningkatkan prestasi bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, atas permintaan daripada Johor, pihak Kementerian bersetuju untuk menilai dan mengkaji keberkesanan Pelaksanaan PPSMI setelah tamat 2008 ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mata pelajaran Bahasa Malaysia merupakan mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh semua murid di semua jenis sekolah. Perkara ini termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 yang mewajibkan semua murid sama ada di sekolah kerajaan mahupun swasta mengikuti kurikulum kebangsaan yang telah digubal oleh Kementerian Pelajaran yang di dalamnya terkandung mata pelajaran Bahasa Malaysia. Begitu juga dengan mata pelajaran Sejarah.

Yang Berhormat dari Tanjung Puteri dan Bukit Serampang ada menyarankan agar memperkasakan semula mata pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah dan menterjemahkan kontrak sosial antara kaum yang telah diperkenalkan oleh pemimpin dahulu semasa mendapatkan kemerdekaan dijadikan salah satu *syllabus* pembelajaran di sekolah. Walaupun di peringkat sekolah rendah, mata pelajaran ini tidak diajar, tetapi usur-unsur menyintai negara dan pemimpin serta juga pemahaman mengenai kontrak sosial disisip dalam mata pelajaran Kajian Tempatan, Pendidikan Moral serta Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan.

Di peringkat sekolah menengah pula, mata pelajaran Sejarah merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid. Usaha memperkasa mata pelajaran Sejarah merupakan perkara utama sejajar dengan kehendak kementerian bagi membina negara bangsa. Dan usaha ini bukan sahaja dilaksanakan di dalam bilik darjah tetapi dijadikan aktiviti kokurikulum wajib di sekolah seperti mengadakan bulan menyambut kemerdekaan. Dan, pihak Jabatan Pelajaran Johor juga mengadakan permuafakatan bersama Persatuan Sejarah Negeri Johor dalam usaha memartabatkan mata pelajaran ini sepertimana yang disarankan oleh Yang Berhormat daripada Tanjung Puteri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak Jabatan Pelajaran Johor memang sentiasa berusaha mempertingkatkan prestasi peperiksaan awam di Negeri Johor ini. Untuk makluman Yang Berhormat, saudara saya dari Maharani, berlaku peningkatan prestasi seperti berikut: UPSR meningkat sebanyak 3.15 peratus iaitu daripada 63.63 peratus pada tahun 2006 kepada 66.78 peratus tahun 2007. Manakala PMR meningkat sebanyak 2.73 peratus iaitu 60.53 peratus, 2006 kepada 63.26 peratus, 2007. Bagi SPM pula, peningkatan GPS ataupun Gred Purata Sekolah adalah sebanyak 0.19 dan peratusan STPM meningkat sebanyak 0.85 peratus dari 95.95 peratus, 2006 kepada 96.88 peratus, 2007.

Berkaitan masalah sosial yang dihadapi oleh pelajar-pelajar sekolah dewasa ini, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyediakan pelbagai program ko-kurikulum dan kurikulum yang menekankan aspek-aspek kesejagatan yang positif yang sewajarnya dapat membantu membendung masalah tersebut. Permuafakatan sekolah dengan pihak-pihak seperti PIBG, Polis, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan JKKK akan sentiasa dipertingkatkan. Pihak jabatan juga mengalu-alukan kerjasama daripada semua Wakil-Wakil Rakyat dan pemimpin-pemimpin masyarakat setempat untuk sama-sama berganding bahu membantu pihak sekolah bagi menangani isu-isu yang berbangkit mengenai permasalahan sosial di kalangan pelajar.

Berkaitan dengan Rancangan Makanan Tambahan, Program Susu Sekolah, Skim Baucar Tuisyen dan lain-lain lagi di bawah Program Bantuan Pelajar, Kementerian Pelajaran setakat ini belum bercadang untuk meneruskan program ini ke peringkat sekolah menengah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, penstrukturan semula harga minyak telah memberi kesan terhadap kos perniagaan termasuklah pengusaha kantin sekolah. Pihak Jabatan Pelajaran memang menerima aduan tentang adanya pengusaha kantin yang mengecilkan saiz makanan ataupun kuih sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Pasir Raja. Pengusaha kantin yang menaikkan harga ataupun tidak mengikut spesifikasi kontrak sebagaimana persetujuan tawaran boleh dikenakan tindakan sama ada berbentuk amaran atau menamatkan perkhidmatan. Sebarang perubahan sama ada harga barangan yang dijual ataupun kuantiti barangan pada harga asal haruslah mendapat kelulusan Jawatankuasa Tender dari pihak kementerian. Dan jika ada aduan bolehlah laporkan kepada pihak sekolah ataupun pihak Pejabat Pelajaran Daerah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pendidikan wajib di negara ini tidak memaksa ibu bapa menghantar anak-anak ke sekolah tertentu. Dasar kerajaan menggalakkan pelajar memasuki aliran perdana selaras dengan Teras 3, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan atau PIPP 2006-2010 iaitu Memperkasakan Sekolah Kebangsaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Jorak, Dasar Bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar tidak sesekali mengenepikan kepentingan bahasa ibunda yang lain yang diamalkan di Malaysia. Oleh itu, pihak kementerian telah melaksanakan program bahasa Cina, bahasa Tamil dan bahasa Arab di sekolah kebangsaan sebagai memberi peluang kepada pelajar untuk

memenuhi tuntutan pembangunan modal insani yang mempunyai pelbagai pengetahuan bahasa. Dan, program ini diharap dapat menggalakkan lebih ramai murid belajar di sekolah-sekolah kebangsaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Johor Jaya iaitu tidak ada sebuah perpustakaan yang boleh dijadikan gedung ilmu kepada penduduk di Timur-Utara Johor Bahru. Ingin saya maklumkan bahawa terdapat 1 projek penswastaan Kerajaan Negeri di Taman Johor Jaya yang melibatkan pulangan berbentuk hartanah iaitu rumah kedai 3 tingkat. Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor telah pun ada perancangan untuk menjadikan premis ini untuk kegunaan usahawan kecil dan juga perpustakaan. Walau bagaimanapun, perkara ini masih lagi diperbincang dan belum dimuktamadkan. Dan setakat ini kemajuan di tapak projek telah pun mencapai 45 peratus.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Yang Berhormat daripada Panti, sejak penubuhan pada tahun 1997, Kumpulan Pendidikan YPJ telah menjalankan pelbagai kursus kemahiran terutamanya kepada belia lepasan sekolah. Antara kursus yang ditawarkan ialah Pembuat Pakaian, Penyediaan Makanan, Mekanik Kenderaan Motor, Juruelektrik, Elektronik Industri, Pendingin Udara, Kimpalan, Percetakan, Pelukis Pelan Seni Bina, Jurubina Bangunan dan Seni Kecantikan ataupun Pendandan Rambut. Selain itu, beberapa kursus berasaskan komputer juga dijalankan. Antaranya, Pengurusan Pejabat, Perakaunan dan juga Lukisan Reka Bentuk. Kursus-kursus tersebut telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada lepasan sekolah kerana penggunaan aplikasi IT mula bertapak pada masa itu.

Bagaimanapun, pada awal tahun 2000, pihak pengurusan telah membuat penstrukturan semula kursus-kursus peringkat sijil kemahiran. Tindakan ini diambil memandangkan penyedia pinjaman antaranya Tabung Pembangunan Kemahiran hanya menyediakan penajaan kepada kursus-kursus berasaskan kejuruteraan dan yang mampu memenuhi keperluan tenaga kerja negara dalam bidang berkenaan. Kekurangan sambutan daripada pelajar lepasan sekolah juga antara sebab utama kursus-kursus tersebut ditamatkan pada masa itu.

Bagi kursus Pendandan Rambut, penggubalan sukatan latihan yang baru oleh pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia di mana kandungan latihan banyak ditumpukan kepada bidang Dandanan Rambut Wanita telah menyebabkan permintaan daripada belia lelaki semakin berkurangan. Setakat ini…

Y.B. Dato' Speaker : Budak lelaki dah tak ada lagi ke, nak rambut dandan ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Sekarang ini macam, kata Yang Berhormat daripada Panti itu, ramai daripada India masuk.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dia gunting lelakilah?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Ya, untuk lelaki sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Ha'ah yalah, ha'ah. Yang Berhormat gunting dekat mana?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Saya pun kadang gunting dengan tukang gunting India juga.

Y.B. Dato' Speaker : (Ketawa). Dia sedap dia bila anu leher kita, sampai nak terbalik leher kita, ha'ah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Setakat ini hanya terdapat sebuah pusat latihan swasta yang terletak di Batu Pahat yang telah ditauliahkan bagi menjalankan kursus tersebut di Negeri Johor dan IKBN Peretak di Perak adalah satu-satunya institusi latihan awam di bawah Kementerian Belia dan Sukan yang ada menawarkan kursus tersebut. Dan, KPYPJ bersedia pada bila-bila masa menjalankan kursus ini sekiranya ada permintaan daripada belia-belia di Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya adalah…

Y.B. Dato' Speaker : Banyak lagi Yang Berhormat? Panjang lagi eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Ada sikit lagi Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Seterusnya adalah mengenai bidang *Creative Multimedia* sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Raja. Ingin saya jelaskan di sini bahawa *Creative Multimedia* adalah merupakan satu cabang dalam bidang ICT yang sedang berkembang di Malaysia. Bidang *Creative Multimedia* ini adalah satu sektor yang sangat diperlukan dalam ekonomi pada masa ini. Gabungan elemen kreatif dan teknologi multimedia seperti *Web-Design,* dengan izin, *Interactive Multimedia, 2D Animation, 3D Modelling* serta *Motion Graphics* dengan izin, akan menghasilkan pelbagai produk yang dapat mendidik, memberi maklumat dan menghiburkan masyarakat.

Elemen kreatif inilah yang menarik pelanggan semasa melayari internet, menonton rancangan TV serta memilih permainan komputer. Dengan ini, bidang *Creative Multimedia* ini adalah daya penggerak serta penarik kepada masyarakat bermaklumat. Bidang ini memberi peluang kerjaya di dalam industri multimedia, penyiaran, perfileman dan juga permainan komputer.

Di Malaysia kini, kebanyakan institut pengajian awam seperti Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia telah pun menawarkan kursus di peringkat Diploma dan juga Sarjana Muda dalam bidang *Creative Multimedia* ini. Dan IPTS yang

memainkan peranan aktif dalam bidang ini adalah Universiti Lim Kok Wing. Saya tak payah sebut satu-satulah kursus ini Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah, tak habis ini karang, ha'ah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Mengikut statistik, yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia pada tahun 2007, jumlah graduan dalam bidang Teknologi Maklumat adalah 19,305 orang. Dari jumlah ini seramai 5,802 adalah graduan IPTA manakala 13,503 lagi adalah graduan IPTS. Graduan peringkat sijil adalah seramai 2,637, peringkat diploma seramai 8,139 dan peringkat sarjana muda seramai 8,527.

Sebagai sebuah IPT yang peka terhadap perkembangan dan keperluan industri semasa, Kumpulan Pendidikan YPJ juga telah pun menawarkan kursus-kursus di peringkat sijil dan diploma dalam bidang *Creative Multimedia* ini. Antara kursus yang dijalankan adalah Sijil Artis Multimedia Visual, Sijil Artis Multimedia Animasi dan Diploma Sains Komputer yang dibuat dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia. Bilangan graduan yang dikeluarkan pada masa ini adalah 40 di peringkat sijil dan juga 40 di peringkat diploma. Dan, Kumpulan Pendidikan YPJ merancang untuk memperkukuh serta menambah baik kursus-kursus sedia ada dengan meningkatkan kemudahan pembelajaran seperti kemudahan makmal komputer, peralatan multimedia terkini serta tenaga pengajar yang berkelayakan dan berpengalaman. Penambahbaikan ini akan membolehkan KPYPJ melatih serta melahirkan lebih ramai graduan dalam bidang *Creative Multimedia* ini setanding dengan graduan dari IPTA dan IPTS yang lain dan seterusnya dapat memberi sumbangan yang lebih besar dalam perkembangan industri ini.

Kerajaan Negeri akan terus memberi tumpuan dan sokongan dalam pembangunan industri multimedia kreatif ataupun *Creative Multimedia* ke tahap yang lebih tinggi khususnya di Negeri Johor. Pembangunan Kursus, Penyediaan Teknologi, Tenaga Kerja Mahir serta kemudahan pembelajaran yang canggih di Kumpulan Pendidikan YPJ akan diberi keutamaan agar pembangunan modal insan yang kompeten dan berdaya saing ini dapat dilahirkan dalam industri ini khususnya di dalam Pembangunan Iskandar Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, demikianlah tadi penjelasan saya mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, dan mana perkara-perkara yang mungkin terlepas pandang, diharap Ahli-Ahli Yang Berhormat dapatlah berhubung terus dengan saya ataupun jabatan yang terlibat dan insya-Allah kita akan cuba sama-sama berusaha untuk mencari jalan penyelesaiannya. Sekian ucapan penggulungan saya pada pagi ini dan saya sudahi dengan wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam. Teruskan lagi. Padan wanita masuk, wanita nak berucap. Ha, jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Bismillahirrahmaanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana telah diberikan peluang dan kesempatan kepada saya untuk turut sama dalam perbahasan atas Rundingan Menjunjung Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Syukur alhamdulillah, kerana sekali lagi kita telah diberi kesempatan untuk menunaikan tanggungjawab bagi menjayakan Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-12.

Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan serta pandangan dan juga teguran tentang perkara-perkara yang berhubung kait dengan jabatan-jabatan di bawah portfolio Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menyentuh saya mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN daripada Panti dan juga ADUN Penawar mengenai dengan apakah perancangan FELDA untuk memastikan pembangunan kawasan bandar dalam rancangan FELDA tersusun terutamanya untuk memberi peluang perniagaan kepada generasi kedua di dalam kawasan FELDA.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pembangunan FELDA adalah berdasarkan pelan susun atur yang disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa semasa pembangunan awal FELDA. Dalam pelan susun atur tersebut telah ditentukan jenis penggunaan tanah seperti kawasan ladang, kawasan tapak rumah, kemudahan awam dan juga kawasan lapang. Kawasan untuk tujuan perniagaan memang telah diperuntukkan di setiap kawasan rancangan FELDA.

Pada peringkat awal pembangunan, FELDA telah mendirikan beberapa lot kedai di semua rancangan untuk disewa dan seterusnya untuk dijual kepada peneroka. Berikutan keperluan semasa dan untuk memenuhi permintaan lebih ramai usahawan, FELDA telah mewujudkan peraturan membenarkan peneroka mendirikan bangunan untuk perniagaan dengan kelulusan ibu pejabat. Pembinaan bangunan perniagaan di atas tapak yang ditentukan ini, dilaksanakan dengan perbelanjaan peneroka sendiri. Dalam memberikan kelulusan, pihak pengurusan menetapkan syarat seperti lokasi, keluasan tanah, jenis perniagaan serta garis panduan bentuk bangunan. Walau bagaimanapun, oleh kerana terdapat masalah dalam penguatkuasaan, telah menyebabkan sebahagian daripada peneroka tidak mematuhi syarat yang telah ditetapkan. Dan ini menyebabkan kawasan perniagaan menjadi tidak teratur dan juga tidak tersusun.

Penyusunan semula kawasan perniagaan yang sedia ada memerlukan peruntukan yang besar serta juga bantahan dari pemilik bangunan khususnya tuntutan-tuntutan ganti rugi. Apa yang sedang FELDA laksanakan sekarang ialah secara berperingkat menyediakan peruntukan untuk menceriakan kawasan perniagaan seperti mengadakan tempat letak kereta, tandas awam, landskap dan juga tanda nama kedai yang cantik dan juga seragam. Usaha ini termasuk dalam program meningkatkan keceriaan rancangan. Pihak pengurusan dari masa ke semasa mengadakan perundingan dengan peneroka agar membina dan mengganti semula bangunan kedai supaya lebih cantik, kemas dan juga teratur. Dan usaha ini dilaksanakan secara berterusan dengan tumpuan awal di kawasan-kawasan strategik seperti di kawasan FELDA Pasak, Air Tawar 5 dan juga Sungai Sayong. Ini kerana kawasan-kawasan ini terkenal sebagai lokasi makanan yang agak popular dan banyak disinggahi oleh pengunjung.

Dalam merancang program pembangunan terkini, pihak pengurusan telah mengambil pendekatan membina bangunan perniagaan di kawasan yang telah ditentukan. Dan pendekatan ini terdapat dalam pembangunan projek-projek seperti Feldajaya Mempaga, Pahang, sebagai contoh Yang Berhormat Dato' Speaker, Feldajaya Trolak, Perak dan juga Feldajaya Raja Alias, Negeri Sembilan, dan pembinaan bangunan perniagaan juga dimasukkan dalam pembangunan projek perumahan generasi kedua FELDA seperti yang sedang dilaksanakan di FELDA Pasak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada ADUN Senggarang yang begitu prihatin dengan masyarakat Orang Asli di kawasan beliau, yang mana Yang Berhormat daripada ADUN Senggarang meminta supaya mempercepatkan perlaksanaan program penempatan baru yang selamat bagi penduduk di Kampung Minyak Beku. Berhubung penempatan semula penduduk Orang Asli Kampung Minyak Beku, Batu Pahat Johor, pihak Kerajaan Negeri telah meluluskan satu kawasan di Lot PTD 14015 dan Lot PTD 14052 seluas 14.565 hektar, Mukim Minyak Beku yang diwartakan sebagai Rizab Orang Asli pada tahun 2006 mengikut Seksyen 62, Kanun Tanah Negara. Kawasan ini merupakan kawasan berpaya dan boleh menampung seramai 100 keluarga Orang Asli yang terdedah kepada bencana alam. Projek penempatan tersebut dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai pertengahan tahun 2006 dengan kerja-kerja ukur, kajian tanah, kajian pasang surut air laut yang dilaksanakan menerusi IKRAM.

Pada tahun 2007, kerja-kerja pembinaan jalan asas sebagai jalan masuk ke tapak tersebut telah dilaksanakan dengan kerjasama Unit Khidmat Teknikal Kementerian ini dan juga Jabatan Perancang Bandar Dan Desa. Dan pada masa ini, jabatan sedang melantik perunding bagi melaksanakan projek tersebut dengan mendapat khidmat nasihat daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan juga Wilayah.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Tangkak, mohon menyegerakan projek pembangunan kemudahan infrastruktur di ketiga-tiga perkampungan Orang Asli di DUN Tangkak. Untuk makluman, di daerah Ledang terdapat tiga perkampungan Orang Asli di mana ketiga-tiga penempatan ini terletak di kaki Gunung Ledang. Kampung Air Tawas mempunyai bilangan

penduduk seramai 100 orang dari 21 keluarga, Kampung Tanah Gembuh pula mempunyai penduduk seramai 195 orang dan bilangan keluarga seramai 37 keluarga, manakala Kampung Sungai Mering mempunyai penduduk seramai 180 orang dan bilangan keluarga seramai 35 orang. Kesemua masyarakat Orang Asli ini adalah dari etnik Orang Temuan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memang diakui dari segi infrastruktur dan kemudahan asas di perkampungan ini agak kurang memuaskan. Walau bagaimanapun, usaha-usaha sedang dilakukan untuk meningkatkan taraf infrastruktur dan juga kemudahan asas tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Kampung Sungai Mering telah dibekalkan air bersih SAJ dan telah mendapat bekalan elektrik TNB. Begitu juga Kampung Orang Asli Air Tawas, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah melalui Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar iaitu BELB telah meluluskan sistem sambungan talian grid ke kampung ini dan sekarang dalam tindakan TNB.

Identiti dan jati diri masyarakat Orang Asli memang wajar dikekalkan. Saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat mengenai budaya dan adat resam masyarakat Orang Asli yang unik ini, supaya diketengahkan dan seterusnya menjadi produk pelancongan. Di dalam hal ini, adalah diharapkan kerjasama dari pelbagai pihak termasuk daripada NGO juga amat dialu-alukan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai dengan perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat ADUN Panti memohon kepada Kerajaan Negeri dan KEJORA supaya mencari jalan bagi menarik pelabur-pelabur datang ke Bandar Tenggara kerana kurang peluang-peluang pekerjaan sekarang menyebabkan penduduk di kawasan tersebut terpaksa bekerja di Johor Bahru, Senai ataupun Kluang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak KEJORA sememangnya telah mengadakan pelbagai program dan insentif bagi menarik pelabur-pelabur untuk melaksanakan pembangunan perindustrian di Bandar Tenggara. Di antara program-program dan insentif, intensif-intensif tersebut adalah:

i. Intensif Kepada Pelabur iaitu harga jualan lot industri pada kadar RM3.00 sekaki persegi adalah antara yang termurah berbanding dengan kawasan perindustrian yang berada di Negeri Johor.
ii. Kelonggaran kepada pelabur untuk menjelaskan bayaran harga jualan lot industri secara berperingkat iaitu 10 peratus perlu dijelaskan dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. 65 peratus perlu dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat tuntutan setelah kelulusan Kerajaan Negeri diperolehi dan 25 peratus lagi, perlu dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat tuntutan setelah kilang dibina dan memulakan operasi pengeluaran. Seterusnya, tempoh pajakan bagi lot industri adalah selama 60 tahun dan infrastruktur di kawasan perindustrian telah disediakan seperti bekalan air, bekalan elektrik, bekalan telefon, jalan, perparitan dan kerja-kerja pertapakan telah juga dilaksanakan.
iii. Mengenai dengan Penyelenggaraan Infrastruktur. KEJORA telah diluluskan peruntukan sebanyak RM1.23 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-9 untuk mempertingkatkan infrastruktur sedia ada di

kawasan Perindustrian Bandar Tenggara iaitu pembaikan jalan-jalan, penyelenggaraan perparitan dan landskap serta papan tanda dan tanda nama jalan.

iv. Program Promosi Kawasan Perindustrian KEJORA. Bagi memperkenalkan kawasan perindustrian KEJORA kepada para pelabur dalam dan luar negeri, KEJORA telah mengadakan kerjasama dengan pihak MITI dan juga MIDA untuk menarik pelabur-pelabur dengan memaklumkan peluang-peluang pelabur di kawasan Perindustrian Bandar Tenggara.

v. Program Khidmat Sokongan. Bagi memastikan para pelabur dapat menjalankan operasi kilangnya dengan lebih selesa, KEJORA akan meningkatkan perkhidmatan bengkel-bengkel sedia ada bagi memberikan perkhidmatan membaik pulih dan pembaikan kenderaan, mesin dan peralatan kilang. Dan juga memastikan restoran dan juga kedai-kedai makan sentiasa mencukupi dan mengikut piawaian kebersihan makanan.

vi. Rangkaian Kerjasama Dengan Agensi Kerajaan, Swasta Dan Para Pelabur. Bagi memastikan para pelabur yang telah ditawarkan lot-lot industri dapat mematuhi syarat-syarat perjanjian jual beli lot,membina kilang dan seterusnya beroperasi, beberapa aktiviti akan dilaksanakan. Pertama, mengadakan mesyuarat KEJORA bersama pelabur setiap suku tahunan yang turut dihadiri oleh agensi kerajaan dan swasta yang berkaitan. Yang kedua, mewujudkan satu Jawatankuasa Perindustrian KEJORA yang ahlinya terdiri daripda kerajaan, swasta dan juga wakil pelabur. Yang ketiga, proses kelulusan pelan-pelan bangunan dipercepatkan dengan kewujudan *One Stop Centre*, dengan izin, oleh Lembaga Bandaran Johor Tenggara.

vii. Bagi tindakan-tindakan lain. pihak KEJORA sedang dan akan mengambil tindakan yang berterusan terhadap pelabur-pelabur yang masih gagal untuk mematuhi syarat-syarat perjanjian jual beli lot-lot industri yang masih boleh diambil tindakan terhadap mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Bukit Naning mengenai dengan permohonan Projek Pelebaran Jambatan atau pembinaan semula jambatan baru yang menghubungi Kampung Bukit Batu, Kampung Jeram Masjid dan Parit Ulu Bakri dipercepatkan. Permohonan Projek Membesarkan Jambatan MTB 30 meter x 4 ½ meter di Jalan Bukit Batu, Muar, telah diluluskan dengan kos RM200,000.00 di bawah Projek Infrastruktur Asas ataupun PIAS, Fasa II tahun 2007. Surat kuasa telah pun dikeluarkan kepada Pejabat Daerah Muar selaku agensi pelaksana melalui surat bertarikh 10 Julai 2007. Walau bagaimanapun, maklum balas yang diterima Pejabat Daerah bahawa projek tersebut tidak dapat dilaksanakan dengan peruntukan tersebut dan permohonan ubah tajuk telah dikemukakan kepada Pejabat Pembangunan Negeri Johor. Kelulusan pindaan tajuk telah pun dikeluarkan dari Pejabat Daerah Muar melalui surat bertarikh 9 Oktober.

Dan, Yang Berhormat Dato' Speaker, surat permohonan bagi pelebaran jalan di Bukit Batu, Muar telah pun juga diterima Pejabat Pembangunan Negeri Johor pada 30 Jun 2008 dengan anggaran kos RM200,000.00 dan permohonan

tersebut akan dipertimbangkan untuk dilaksanakan sekiranya peruntukan tambahan di bawah PIAS tahun ini. Dan, sekiranya tiada peruntukan tambahan tahun ini, permohonan tersebut akan diberikan keutamaan dilaksanakan pada peruntukan tahun 2009.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih juga diucapkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin mengenai dengan sejarah, kebudayaan dan warisan di Negeri Johor ini. Menyentuh saya mengenai dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Kempas, mengenai dengan pendekatan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk mencari sejarah lama yang sudah lupus tetapi amat mustahak. Yayasan Warisan Johor bagi pihak Kerajaan Negeri Johor telah mengambil beberapa pendekatan untuk membuat penyelidikan dan kajian tentang sejarah lama tokoh politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Bagi mencapai tugas ini Yayasan Warisan Johor telah mengadakan bengkel PEWARIS iaitu Bengkel Penyelidik dan Penulisan, Warisan Sejarah dan Budaya Negeri Johor. Enam bengkel telah diadakan semenjak tahun 2000 dan telah melahirkan 65 orang penyelidikan dan penulis sejarah Johor. Dan, bengkel yang terakhir diadakan pada bulan November 2007 dan bengkel yang terdekat akan diadakan daripada 18 hingga 20 Julai 2008 di Hotel M-Suites, Johor Bahru. Dan, ahli pewaris ini telah menjalankan Projek PUGAR iaitu memugar dengan menyelidik serta menulis sejarah Johor dalam semua aspek.

Hasil daripada PEWARIS dan PUGAR ini telah menghasilkan buku menerusi sejarah tempatan Johor bagi Jilid Pertama dan Kedua. 7 jilid buku tokoh Johor iaitu Pejuang Terbilang Johor pada tahun 2002; Tokoh Ternama Johor pada tahun 2003; Pengukir Nama Johor pada tahun 2004; Johor Mengabdikan Baktimu pada tahun 2005; Johor Mengenang Sumbangsihmu bagi tahun 2006; yang dikeluarkan tahun 2006 dan Pengemudi Bahtera Merdeka Johor 2007. Dan, kamus Geografi Tokoh Johor sedang diusahakan, insya-Allah tahun 2009 akan diterbitkan. Dan, seterusnya sejarah Masjid Negeri dan daerah-daerah dalam penyelidikan.

Yang Berhormat ADUN Kempas juga membangkitkan mengenai dengan seorang pejuang Melayu si Bongkok Tanjung Puteri, di manakah pusaranya?

Y.B. Dato' Speaker : ADUN mana, ADUN mana tanya?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : ADUN Kempas.

Y.B. Dato' Speaker : Mana dia?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Kita sering mendengar nama si Bongkok Tanjung

Puteri, melalui seni kata lagu Tajuk Johor. Sebuah lagu bersifat patriotik dan menjadi lagu jati diri Johor. Serangkap seni katanya berbunyi, "Dari Tebrau orang berakit, Singgah Stulang membeli kopi, Pusara si Bongkok di lereng bukit, Di tepi pantai Tanjung Puteri".

Y.B. Dato' Speaker : Ada ya?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Ada.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dah tengok?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan: Ni saya akan ceritakan Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Oh Yang Berhormat nak ceritakan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Sejarah Si Bongkok Tanjung Puteri terdapat juga dalam bentuk penulisan iaitu novel sejarah. Tulisan Abdul Latif Taib terbitan PTS Publication 2007, drama sejarah oleh Doktor Haji Shahrom Husin 1991, buku bacaan remaja berbentuk komik Si Bongkok Tanjung Puteri terbitan Creative Enterprise pada tahun 2003, terdapat juga dalam laman web. Si Bongkok Tanjung Puteri ataupun Panglima Bongkok wujud pada pertengahan abad ke - 19 sekitar tahun 1845 hingga 1860 iaitu dalam zaman pemerintahan Temenggong Daeng Ibrahim. Pada ketika itu, pusat pemerintahan Johor dipindahkan dari Teluk Belanga, Singapura ke Tanjung Puteri pada tahun 1855. Dan, pada tahun 1866 Tanjung Puteri ditukar nama kepada Johor Bahru.

Menurut kajian dibuat, Si Bongkok dilahirkan sekitar 1820 berdekatan Tanjung Belungkur, Kota Tinggi. Adiknya bernama Putih ataupun Panglima Putih. Beliau dilahirkan dalam keadaan cacat iaitu badannya bongkok ke kanan, tangannya bengkok lengkung dan mukanya hodoh, herot ke kanan. Namun, beliau membesar dalam keadaan baik, badannya besar dan gagah, dikatakan badannya kebal, tidak lut senjata tajam. Namun demikian, Si Bongkok mempunyai kelebihan bermain senjata seperti keris, badik, lembing, tombak dan buluh runcing. Mahir dalam ilmu kelautan, bergerak di air menggunakan perahu layar. Menerima pendidikan agama daripada kedua ibu bapanya, suka mendengar cerita-cerita pahlawan seperti Hang Tuah daripadanya ibunya.

Si Bongkok mempunyai prinsip hidup yang tersendiri iaitu inginkan kebebasan, jiwanya sentiasa memberontak selagi tanah airnya dijajah, pantang melihat Negeri Johor dikuasai oleh Inggeris. Oleh sebab itu, beliau menentang Inggeris dengan merompak, melanun kapal-kapal dagang Inggeris di Selat Tebrau dan perairan Johor Selatan. Inggeris melabelkan Si Bongkok sebagai penderhaka, penjahat, membelakangkan undang-undang. Bagi orang Melayu, Si Bongkok digelar sebagai Panglima Bongkok. Mempunyai semangat patriotisme yang tinggi, cintakan tanah air, bangsa dan agama dengan menentang penjajah Inggeris kerana menguasai ekonomi Negeri Johor.

Ada dua pendapat Yang Berhormat Dato' Speaker, di mana letaknya pusara Si Bongkok. Pendapat pertama, menyatakan pusara Si Bongkok terletak di lereng bukit Tanjung Puteri dalam Kompleks Kastam. Dan, pusara ini dikatakan dipindahkan ke Perkuburan Mahmodiah. Berdasarkan kajian tiada wujud pusara Si Bongkok di Tanjung Puteri dan juga di atas Perkuburan Mahmodiah. Pendapat yang lebih kuat dan dipercayai berdasarkan kajian, Yayasan Warisan Johor, Doktor Haji Shahrom Husin dan tokoh-tokoh sejarah dari Riau, Indonesia menyatakan pusara Si Bongkok terletak di lereng bukit Tanjung Belungkur, di Hulu Sungai Bauh Kecil, anak sungai kepada Sungai Johor.

Tempat inilah dikatakan tempat lahir Si Bongkok dan tempat persembunyian Si Bongkok apabila hendak ditangkap oleh Inggeris. Inilah yang telah dibuat kajian oleh Yayasan Warisan Johor di mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Kempas.

Y.B. Dato' Speaker : Tahun berapa tu Yang Berhormat, ingat tak?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan: Ha, dia dilahirkan.

Y.B. Dato' Speaker : Peristiwa tulah, saya pun tak ingat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Peristiwa tu pada tahun sekitar 1845 hingga 1860.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, tak ada, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN Semerah membangkitkan supaya beberapa perancangan dan program dilaksanakan agar nilai-nilai sejarah ini menjadi modal dan bahan untuk ditinggalkan pada generasi muda dan untuk tujuan pelancongan. Dan, usaha-usaha Yayasan Warisan Johor untuk tujuan pelancongan seperti:

i. Muzium Kota Tinggi dan juga tempat-tempat bersejarah di sepanjang Sungai Johor yang kesan daripada pemerintahan Kerajaan Johor Lama juga boleh diadakan pameran seni visual di Galeri Seni Johor dan Memorial Dato' Onn di Batu Pahat.
ii. Persembahan-persembahan kebudayaan berteraskan budaya asal rakyat Johor seperti ghazal, zapin, keroncong dan sebagainya. Dan, persembahan-persembahan ini dibuat bersama agensi Kerajaan seperti Majlis Tindakan Pelancongan, Pejabat Menteri Besar Johor, pejabat swasta bagi majlis-majlis keraian tetamu dan juga pelancong domestik dan luar negeri. Usaha-usaha pengembangan kesenian tersebut juga dilaksanakan di peringkat akar umbi di daerah-daerah, mukim dan kampung-kampung supaya setiap pelancong yang membuat lawatan di pelosok Negeri Johor dapat menyaksikan kegiatan-kegiatan dan persembahan tersebut.
iii. Yayasan Warisan Johor juga berharap agar pihak Kerajaan supaya Warisan Johor mengambil alih Bangunan Sultan Ibrahim ini sebagai destinasi pelancongan setelah pusat pentadbiran negeri ini berpindah

ke Nusajaya. Dan, Yayasan Warisan Johor bercadang Bangunan Sultan Ibrahim ini jadikan Muzium Etnologi Negeri, Pusat Dokumentasi Galeri Seni Visual serta Pusat Persembahan bagi pelancongan domestik dan luar negeri dan juga yang pentingnya Bangunan Sultan Ibrahim itu mempunyai daya tarikan yang tersendiri.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, menyentuh saya tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat ADUN Semarang. Dan, saya mengucapkan jutaan terima kasih yang telah mencadangkan kepada Kerajaan Negeri agar ditubuhkan satu undang-undang yang dinamakan Lembaga Adat Negeri Johor yang bertanggungjawab untuk memberi nasihat tentang adat istiadat dalam Negeri Johor.

Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, Lembaga Adat masih dalam kajian, di mana kita perlu melihat dan meneliti Lembaga-Lembaga Adat yang telah wujud yang sedia ada di sekitar Nusantara ini seperti di Riau, Acheh dan Banjar Masin yang amat kuat dengan Lembaga Adatnya, yang perlu kita jadikan contoh dan juga panduan. Kajian yang teliti harus dibuat sebelum Lembaga Adat Negeri Johor dibentuk.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih dan tahniah saya ucapkan kepada ADUN Jorak yang telah menyentuh tentang penggunaan bahasa kebangsaan. Ini jelas menunjukkan kepada kita betapa prihatinnya ADUN Jorak terhadap kedaulatan Bahasa Melayu, bahasa kebangsaan dan juga bahasa rasmi negara yang pada masa ini seolah-olah tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Sikap ini haruslah dicontohi oleh ADUN-ADUN lain dalam usaha memartabatkan bahasa kebangsaan kita.

Sesungguhnya kita mestilah bersyukur kerana kita telah dapat mengekalkan keharmonian hidup di negara ini atas formula yang telah kita bina bersama. Sepertimana yang termaktub dalam perlembagaan iaitu menjadikan bahasa kebangsaan sebagai wahana perpaduan.

Izinkan saya Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk mengungkapkan gurindam di bawah ini sebelum mengakhirkan ucapan saya ini. Kalau rakyat sentiasa bersyukur, Hidup aman negara makmur, Kalau keamanan mahu dikekalkan, Perpaduan kaum mesti amalkan. Supaya pekerjaan mendapat berkat, Dalam hidup mestilah muafakat, Bertolak ansur amalan murni, Hak peribumi mesti difahami. Kalau mengaku rakyat sejati, Kontrak sosial wajib dihormati.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menginterpretasikan keprihatinan masing-masing terhadap Jawatankuasa ini, melalui teguran dan cadangan yang membina. Mudah-mudahan segalanya ini akan dapat memperbaiki kelemahan yang ada dan memajukan negeri ini bersama-sama. Dan, sekiranya ada lagi perkara-perkara yang terlepas pandang dan sebagainya Yang Berhormat Dato' Speaker, insya-Allah saya akan menghubungi Ahli-Ahli Yang Berhormat secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Tun Sri Lanang, Yang Berhormat berhenti, saya senang. Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan pada esok atau *tomorrow*, 3 Julai, 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:20 tengah hari.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KESEBELAS	KHAMIS, 3 JULAI 2008	BIL. 2 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia bte Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
Dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah bte Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
Dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman, KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusa Jaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah Binti Mansor,
(Penawar)

Y.B.Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof,
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Encik Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M.Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan diteruskan.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung sekarang. Ha... jemput Pengerusi Pertanian.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Bismillahirrahmaanirrahim**.** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera serta salam muhibah. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih di atas budi baik Yang Berhormat Dato' Speaker memberikan ruang untuk saya mengambil bahagian di dalam Persidangan Yang Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-12 di Dewan yang mulia ini.

Saya juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa kemusykilan dan permasalahan dalam perbahasan di Persidangan kali ini yang berkaitan dengan portfolio saya. Ini menunjukkan keprihatinan rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai perkembangan yang terkini khususnya pertanian dan makanan yang menjadi elemen penting dalam kehidupan kita.

Dalam menangani krisis bekalan makanan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat DUN Rengit, Kerajaan sememangnya sedang melaksanakan pelan tindakan komprehensif meningkatkan pengeluaran makanan, malah Kerajaan mengambil pendekatan proaktif dengan melaksanakan strategi serampang dua mata iaitu bukan sahaja menangani masalah kekurangan bekalan makanan, malah menjadikan aktiviti pertanian sebagai penyumbang kepada peningkatan ekonomi Negeri Johor. Ini menjadi pendekatan Kerajaan secara holistik yang menjadi teras kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Johor. Untuk mencapai hasrat ini, Kerajaan telah mengatur strategi-strategi seperti meningkatkan pengeluaran dan penghasilan pertanian dengan penerokaan sumber-sumber yang baru dengan melibatkan penyertaan sektor swasta. Sebagai contoh, tindakan yang diambil ialah dengan mewujudkan 2 gagasan pertanian yang baru iaitu Projek Pertanian Moden di Ayer Hitam yang mana Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan Kerajaan Pusat dengan memperuntukkan kawasan seluas 9,000 ekar dan juga satu lagi di Lembah Makanan di Kota Tinggi juga melibatkan seluas 9,000 ekar untuk tujuan pengeluaran bahan makanan secara komersil.

Untuk Projek Pertanian Moden di Ayer Hitam, ia meliputi 3 subsektor:

i. Sektor tanaman di mana 11 buah syarikat telah dipilih dengan keluasan 2,100 ekar.
ii. Sektor ternakan yang telah melibatkan 10 buah syarikat dengan keluasan 4,400 ekar dan;
iii. Sektor perikanan dengan 1 syarikat melibatkan 250 ekar.

Dalam sektor tanaman, terdapat buah-buahan seperti buah mata naga juga dikenali sebagai pitaya, nangka, nanas, belimbing, jambu air, limau dan pisang iaitu pisang berangan dan pisang montel.

Y.B. Dato' Speaker : Pisang montel ada lagi eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Ada lagi Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Oh... yang besar tu eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Ya.

Y.B. Dato' Speaker : Besar pisang tu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Dan juga sayur-sayuran secara organik dan konvensional seperti sawi, bayam dan kacang. Dalam ternakan, aktiviti utama ialah ternakan lembu, kambing dan rusa untuk tujuan pengeluaran daging, susu dan juga baka. Jenis lembu ialah Brahman yang diimport dari Australia, manakala kambing jenis Boer.

Y.B. Dato' Speaker : Jenis apa?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Boer, Boer.

Y.B. Dato' Speaker : B. O. W. eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : B. O. E. R.

Y.B. Dato' Speaker : Boer.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Dari Australia...

Y.B. Dato' Speaker : Lembu apa tu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : ... walaupun asalnya dari Afrika Selatan. Terdapat juga kambing baka dari Indonesia jenis Jamnapari.

Y.B. Dato' Speaker : Jamnapari... sedap nama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, Projek Pertanian Moden dikawal selia oleh sebuah badan pengurusan yang menentukan kaedah pertanian moden terkini, yang menentukan kaedah pertanian moden terkini yang menggunakan piawaian

antarabangsa seperti GAP (*Good Agricultural Practices*) dengan izin ataupun Amalan Baik Pertanian. Kalau penternakan mesti menggunakan GHP (*Good Husbandry Practices*) dengan izin. Ertinya apabila mengguna pakai kaedah tersebut, produk yang dikeluarkan di ladang sama ada tanaman, ternakan boleh terus dihantar ke pasar raya atau dieksport atau dengan bahasa pertanian, *dari ladang ke meja*. Dan kebanyakan produk pertanian moden telah ditempah lebih awal oleh syarikat-syarikat besar dan juga pengeksport. Prestasi syarikat yang menyertai projek ini amat memberangsangkan di mana sehingga kini nilai pengeluaran bulanan tanaman ialah RM0.516 juta dan hasil ternakan pula RM3.226 juta. Keseluruhannya, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM28 juta untuk pembangunan infrastruktur.

Selain itu, Kerajaan Negeri telah membuat inisiatif sendiri dengan mewujudkan Lembah Makanan di kawasan seluas lebih 9,000 ekar di Daerah Kota Tinggi iaitu di Mukim Sedili dan Mukim Pantai Timur berhadapan dengan Laut China Selatan. Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor dipertanggungjawabkan untuk membangunkan program pengeluaran makanan berskala komersil dengan input berteknologi tinggi. Pihak Perbadanan telah menyediakan satu Pelan Induk Pembangunan Lembah Makanan Organik yang menyeluruh bagi kawasan ini supaya guna tanah yang optimum dapat dilaksanakan secara terancang dan berkesan. Melalui ini pihak kami pasti mendapat, pihak kami mendapati bahawa hanya 85 peratus daripada kawasan tersebut sesuai untuk projek pengeluaran makanan, manakala yang lain bagi tujuan kemudahan asas, sokongan dan pembangunan yang akan dilaksanakan.

Program Pembangunan Lembah Makanan Organik ini dibahagikan kepada 3 zon yang meliputi pengeluaran makanan berasaskan pertanian, penternakan dan akuakultur. Manakala kawasan yang tidak sesuai bagi projek yang disebut tadi pula dibangunkan bagi produk sokongan seperti produk bio pelancongan, pusat perdagangan dan pemasaran hasil pengeluaran Lembah Makanan Organik. Dan kemudahan asas seperti jalan, kolam takungan air, pusat kuarantin, pusat pemprosesan sisa pepejal, pusat rawatan air laut, pusat penyelidikan dan pembangunan serta pusat pendidikan yang berasaskan teknologi yang diguna pakai di Lembah Makanan ini. Lembah Makanan Organik ini yang juga dikenali sebagai Bio Desaru yang bakal menjadi satu pusat pengeluaran makanan organik yang terbesar di negara ini dengan mempunyai objektif untuk mengeluarkan makanan organik yang selamat, sihat dan halal serta pembangunan pusat pendidikan yang mempunyai kurikulum pendidikan yang berteknologi tinggi dan terkini di peringkat sijil dan diploma.

Projek Bio Desaru juga mempunyai matlamat untuk menggalakkan penyertaan usahawan tani dalam semua bidang yang dipelopori melalui Program *Contract Farming* dan penglibatan secara terus bagi projek tertentu dengan mempunyai nilai tambah yang tinggi serta pemindahan teknologi terkini kepada golongan-golongan usahawan tani ini. Sebanyak 10 perjanjian usaha sama antara anak syarikat Perbadanan iaitu J-Biotech Sdn. Bhd. dalam bidang seperti penternakan lembu tenusu, pedaging, ternakan ayam penelur, benih anak ayam, sayuran dan buah-buahan, akuakultur iaitu ikan dan udang, kambing susu dan pedaging dan juga bio pelancongan. Antara rakan kongsi terdiri daripada negeri India... Negara India, Taiwan, Korea, Australia dan juga

tempatan. Melalui projek usaha sama ini, beberapa kakitangan Perbadanan J-Biotech terdiri daripada graduan tempatan telah dan juga akan dihantar untuk mendalami pelbagai teknologi terkini di ibu pejabat, rakan kongsi dan juga pusat-pusat pengajian tinggi di seberang laut bagi memastikan pemindahan teknologi dapat dilaksanakan.

Pembangunan Bio Desaru melibatkan pembangunan infrastruktur asas yang memerlukan peruntukan pembangunan yang tinggi dan secara keseluruhannya sebanyak RM30 juta telah diperuntukkan terdiri daripada pembangunan jalan utama dan jalan ladang, terusan dan juga parit-parit pertanian, sistem kawalan banjir dan sistem rawatan air laut, pusat rawatan pepejal serta bekalan elektrik. Sebahagian daripada peruntukan pembangunan ini telah dipohon melalui Rancangan Separuh Penggal RMK-9, manakala selebihnya melalui pinjaman atau geran dari Kerajaan dan Institusi Kewangan Tempatan. Dijangkakan hasil pengeluaran Bio Desaru melalui projek-projek ini pada ketika ini akan mencapai kepada RM1.5 bilion setahun bagi tempoh 5 tahun akan datang yang akan melibatkan pelaburan sebanyak RM1.2 bilion. Nilai yang tinggi ini tercapai daripada pencapaian secara organik, bermutu, selamat dan halal. Dan, pada ketika banyak pihak telah menyatakan hasrat untuk membeli hasil pengeluaran jenama Bio Desaru sama ada dari dalam dan luar negara. Melalui pelaksanaan Bio Desaru mengikut perancangan, mengikut perancangan Johor Biotech yakin bahawa pengeluaran bahan makanan organik berskala komersil dan bermutu tinggi dapat membantu Kerajaan mengurangkan beban penggantungan dari import makanan serta meningkatkan nilai tambah produk. Di samping itu, mewujudkan rantauan pemasaran yang berkesan dan menyeluruh bagi membantu pengusaha usahawan tani mendapat limpahan secara langsung dan tidak langsung.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di samping itu Kerajaan Negeri juga bekerjasama dengan pihak kementerian memperbanyakkan kawasan baru pengeluaran makanan yang berskala kecil dan merata yang dikenali sebagai TKPM iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Terdapat lima tempat TKPM telah diwujudkan :

i. Ulu Tiram, di Ulu Tiram sebanyak 80 ekar.
ii. Sekijang, Segamat seluas 187 ekar.
iii. Sri Pantai Mersing seluas 103 ekar.
iv. Air Hitam, Batu Pahat seluas 69 ekar; dan
v. Kampung Lepam, Kota Tinggi seluas 103 ekar.
Keseluruhan 542 ekar.

Peserta di TKPM ini terdiri daripada pengusaha individu dengan keluasan sebanyak 10 ekar setiap orang. Di sini juga ditanam sayuran dan buah-buahan. Peserta dikenakan bayaran sewaan tanah dengan kadar RM500.00 sehektar. Infrastruktur ladang telah disediakan oleh pihak Kerajaan.

Saya juga ingin menyentuh apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Rengit, Yang Berhormat ADUN Semerah dan juga Yang Berhormat ADUN Permas atas keprihatinannya berkenaan dengan pelaksanaan Program Bumi Hijau. Saya merasa bangga dengan kefahaman dan perhatian Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana maklum, Program Bumi Hijau ini juga telah

dilancarkan semula baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 29 Jun 2008 di Putrajaya. Saya ingin menekankan bahawa program ini adalah memberikan fokus untuk menggalakkan penduduk di kawasan bandar dan juga desa supaya menjalankan usaha-usaha bercucuk tanam, menternak ayam, itik dan juga ikan dalam kolam kanvas untuk digunakan, untuk kegunaan keluarga sendiri, yang diharapkan akan dapat meringankan sedikit sebanyak daripada kesan kenaikan harga barang makanan dan juga kesan daripada kenaikan harga minyak. Aktiviti-aktiviti ini boleh dilaksanakan sama ada secara individu atau komuniti ataupun institusi di rumah masing-masing atau di kawasan lapang di taman-taman perumahan, sekolah ataupun di kampung mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Disember 2007, Jabatan Pertanian telah melaksanakan 3 perasmian kempen, 14 pameran, 47 kursus dan latihan, 41 demonstrasi dan selain itu sebanyak 11,200 paket benih sayuran dan 4,851 paket baja, 9,099 risalah telah diedarkan kepada seramai 7,785 orang penerima.

Pelaksanaan Program Bumi Hijau ini di daerah-daerah telah dilaksanakan secara komuniti dan juga individu. Sebanyak 44 petak komuniti telah dijalankan oleh seramai 2,511 orang peserta. Dari projek-projek komuniti tersebut dianggarkan telah mengeluarkan hasil berjumlah 18,760 kilogram yang bernilai RM58,450.00.

Bagi projek individu pula telah disertai oleh 8,697 orang peserta dengan pecahan mengikut daerah iaitu di Johor Bahru 3,260, rumah; Batu Pahat, 700 rumah; Pontian, 730 rumah; Segamat, 512 rumah; Muar, 930 rumah; Kluang, 1,135 rumah; Kota Tinggi, 570 rumah; dan Mersing, 860 rumah. Anggaran pengeluaran daripada projek individu ini adalah dianggarkan sebanyak 21,130 kilogram yang bernilai RM6,990.00.

Di bawah Pelan Tindakan Dasar Jaminan Bekalan Makanan Pelaksanaan pada tahun ini iaitu tahun 2008, saya sangat berharap akan mendapat sokongan dan penyertaan oleh orang ramai untuk terus bersama-sama menjayakan Program Bumi Hijau. Sehubungan itu, Jabatan Pertanian telah mensasarkan penyertaan dalam projek tanaman sayuran dan herba oleh 66,000 keluarga untuk projek individu, 500 projek komuniti dan 7 stesen Jabatan pertanian. Jabatan Pertanian akan membekalkan kepada peserta yang terlibat dengan benih, baja dan risalah panduan menanam, manakala projek ternakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah mensasarkan untuk 262 peserta bagi ayam kampung, 100 peserta ternakan itik pedaging dan 50 peserta ternakan itik penelur. Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan membekalkan anak ayam, itik, makanan dan bahan ubatan kepada setiap peserta. Bagi projek ternakan ikan keli dalam kolam, kolam kanvas, sebanyak 360 unit akan dilaksanakan dan melibatkan keseluruhan peruntukan berjumlah RM2.2 juta.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan akan menggerakkan kempen di setiap daerah dengan melibatkan penyertaan oleh masyarakat setempat. Insya-Allah program ini akan bermula pada bulan hadapan dan diharapkan Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, dapat sama-sama komited menyokong kempen ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ada bela ikan? Ikan punya makanan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Tak ada Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Tanaman, ada.

Y.B. Dato' Speaker : Hah?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Tanaman ada.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, tanaman ada.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin menyentuh berhubung dengan saranan oleh Yang Berhormat ADUN Pulai Sebatang, Yang Berhormat ADUN Parit Yaani dan Yang Berhormat ADUN Permas yang membangkitkan berkenaan tanah terbiar, tanah lapang dan juga rizab-rizab jabatan dan agensi Kerajaan agar penggunaan tanah dapat dioptimumkan bagi tujuan pengeluaran makanan di Negeri Johor ini. Sudah sewajarnya semua kawasan tanah pertanian di kampung-kampung dan taman-taman perumahan digunakan sepenuhnya untuk aktiviti tanaman sayuran dan bahan makanan. Pihak Kerajaan akan terus memberikan sokongan dan bantuan yang sesuai kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh petani-petani untuk menjalankan projek-projek pertanian dan juga pemulihan tanah terbiar, khususnya bagi meningkatkan pengeluaran bahan makanan.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa saya bersama Jabatan Pertanian telah memulakan perundingan dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor, Pejabat Tanah dan Galian Johor untuk merangka bagi mewujudkan satu Tabung Tanah Berpotensi Johor bagi dimajukan dengan aktiviti pertanian, ternakan dan akuakultur khususnya untuk pengeluaran bahan makanan. Tabung Tanah Berpotensi ini akan mengumpulkan maklumat lengkap mengenai tanah-tanah terbiar, sama ada milik individu, swasta dan Kerajaan serta rizab-rizab jabatan dan agensi Kerajaan.

Y.B. Dato' Speaker : Milik individu boleh ke Yang Berhormat? Kalau tanah individu, boleh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Boleh.

Y.B. Dato' Speaker : Kita tanam aje.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Kalau individu itu tidak mampu nak mengusahakan, kita akan menawarkan khidmat nasihat untuk dibangunkan secara ekonomik.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat banyak tanah kosong eh, biar aje tengok, saya ingat ambil balik.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Dan tanah individu ini, tanah terbiar memang Kerajaan ada peruntukan untuk membantu.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Dan melalui Tabung Tanah Berpotensi ini dicadangkan agar akan dicadangkan ditawarkan secara sewaan atau pajakan kepada individu atau syarikat yang ingin menjalankan aktiviti pertanian untuk pengeluaran bahan makanan. Sehubungan dengan ini, ingin saya memaklumkan bahawa pada tahun ini pihak Kerajaan Pusat akan menyalurkan peruntukan pembangunan tanah terbiar di bawah Pelan Jaminan Bekalan Makanan Negara berjumlah RM1.2 juta untuk projek tanaman dan RM0.8 juta untuk projek akuakultur.

Kerajaan memang memberi galakan berkenaan penggunaan teknologi pertanian moden dalam mengusahakan aktiviti pertanian. Suka saya maklumkan bahawa Jabatan Pertanian adalah sentiasa menggalakkan pengamalan teknologi baru atau pemindahan teknologi dalam usaha meningkatkan pengeluaran hasil pertanian seperti penggunaan bahan tanaman bermutu, sistem fertigasi, penggunaan mikrob berguna ataupun *effective microorganism (EM)*, sistem pengairan dan mekanisasi ladang serta Amalan Baik Pertanian.

Berkenaan penggunaan baja secara titis yang disebutkan oleh Yang Berhormat ADUN Pulai Sebatang itu, sebenarnya ianya adalah merupakan satu teknologi tanaman yang dikenali fertigasi, yang tidak menggunakan tanah sebagai kaedah tanaman. Sungguhpun kaedah ini mampu memberikan pulangan yang tinggi, kaedah ini adalah memerlukan pelaburan yang tinggi di peringkat awal pembangunan ladang, iaitu bagi menyediakan struktur pelindung hujan dan sistem pengairan titis dan kawalan masa pembajaan.

Selain daripada projek yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu, terdapat projek yang serupa di TKPM iaitu di Taman Kekal Pengeluaran Makanan di Air Hitam dan satu lagi di Lembah Bio Peladang di Sungai Lebak, Kota Tinggi. Syarikat dan individu yang mempunyai kemampuan modal yang mencukupi adalah digalakkan untuk menggunakan kaedah fertigasi ini, untuk tujuan pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan yang mempunyai nilai pasaran yang tinggi seperti tomato, cili, capsicum, *rock melon* atau *honey dew*.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, *rock melon.*

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan saranan Yang Berhormat ADUN Panti mengenai cadangan untuk mensyaratkan supaya *hypermarket* yang beroperasi di Negeri Johor ini memberikan kemudahan pemasaran untuk produk-produk IKS yang dikeluarkan oleh pengusaha tempatan. Suka saya memaklumkan bahawa kita sedang merundingkan perkara ini dengan Pihak Berkuasa Tempatan. Namun demikian, setakat ini pihak FAMA telah berjaya

menembusi pasaran *hypermarket* khususnya di pasaran GIANT dengan menggunakan jenama Agromas. Pihak Jabatan Pertanian juga, telah mengadakan kerjasama semenjak tahun 2006, dengan pasar raya JUSCO untuk memasarkan produk-produk IKS keluaran pengusaha-pengusaha di Johor ini. Yang jelas sudah ada penerokaan dan berhasil produk-produk IKS di *hypermarket*. Selain itu, pihak FAMA juga memberi bimbingan dari masa ke semasa kepada pengusaha-pengusaha ini agar memberi ruang mereka mendapatkan produk-produk mereka mengikut piawaian yang diterima oleh pihak *hypermarket*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin menyentuh apa yang dibangkitkan serta saranan daripada Yang Berhormat ADUN Benut, supaya pihak kerajaan menyediakan dana bagi mewujudkan stok penimbal bagi komoditi makanan khususnya beras bagi menjamin bekalan yang mencukupi pada harga yang berpatutan. Sehubungan dengan ini, suka saya memaklumkan bahawa pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di bawah Pelan Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara telah memperuntukkan dana berjumlah RM1 bilion untuk mewujudkan Stok Penimbal Beras. Peruntukan ini telah disalurkan kepada pihak BERNAS untuk membolehkan pengimportan, mengimportkan keperluan beras daripada pembekal tradisi seperti Thailand. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, suka saya menyatakan bahawa tahap sara diri bagi beras negara ialah sebanyak 70 peratus dan ini bermakna negara perlu mengimport baki keperluan sebanyak 30 peratus.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari kawasan Pulai Sebatang telah membangkitkan tentang penggunaan rizab JPS bagi aktiviti pertanian. JPS tidak menyokong penggunaan rizab aktiviti pertanian oleh kerana aktiviti pertanian terutamanya tanaman kontan akan melibatkan pembersihan dan pembajakan tanah yang akan mengakibatkan hakisan di kawasan tersebut. Di samping itu juga, JPS memerlukan rizab bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan secara berskala dan dalam memastikan semua parit dan sungai dapat berfungsi dengan berkesan. Walau bagaimanapun, sekiranya rizab itu luas, bolehlah dirundingkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menyentuh apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Yong Peng, mengenai perlindungan kepada penternak yang terjejas berikutan berlakunya kenaikan harga makanan ternakan. Kenaikan harga makanan ternakan memang tidak dapat dielakkan kerana sebahagian besar bahan-bahan makanan ternakan ini yang digunakan seperti jagung, kacang soya terpaksa diimport dari luar negara. Masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh penternak ayam tetapi juga penternak lembu, kambing dan juga khinzir. Oleh kerana bahan-bahan utama untuk makanan ternakan diimport, harganya amat bergantung kepada harga di pasaran antarabangsa. Persaingan untuk menggunakan bahan ini sebagai *biofuel* telah menyebabkan harganya di peringkat global semakin meningkat. Pada masa ini, kerajaan tidak merancang untuk mengawal harga dan menjadikan bahan makanan ternakan sebagai barangan kawalan. Pada masa yang sama kerajaan telah menggalakkan supaya pengilang makanan menggunakan bahan sisa pertanian tempatan seperti *Palm Kernel Cake* (PKC), dengan izin, dedak padi dan bahan-bahan sisa yang lain. Selain itu juga, kerajaan akan menyediakan insentif untuk penternak-penternak kecil. Pihak kerajaan juga menyarankan

agar penternak-penternak menjalankan penternakan secara *integrated farming*, dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, menyentuh yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Pulai Sebatang, Yang Berhormat ADUN Tanjung Surat, mengenai isu masalah burung walet. Perusahaan burung walet ini adalah perkara baru di sini, dulu tak ada.

Y.B. Dato' Speaker : Dulu, burung apa? Tak ada, Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Tak ada.

Y.B. Dato' Speaker : Tak ada burung eh, dulu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Dari empunya cerita, sejak hutan terbakar di Sumatera, Indonesia sedekad yang lepas, burung walet ni, tak tahan panas. Mereka menyeberang Selat Melaka, sampai ke sini untuk cari perlindungan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Rezeki orang sini juga.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, betul daripada Indonesia, Yang Berhormat eh? Burung walet ni?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Kebanyakan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, kebanyakan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Tapi rupanya banyak masalah timbul dari perusahaan yang mudah tetapi lumayan. Ekoran itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar sedang menyiapkan Draf Enakmen Burung Walet, yang mana selepas ini, perbincangan antara jabatan dan agensi teknikal yang terlibat seperti PBT, Jabatan Kesihatan dan Perhilitan akan diadakan sebelum draf tersebut dihantar kepada Penasihat Undang-Undang Negeri Johor untuk semakan. Buku Garis Panduan Penternakan Burung Walet juga, sedang disediakan dan akan siap dalam tempoh 2 bulan. Saya yakin Enakmen ini nanti akan dapat mengatasi isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Salah satu, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin menyentuh apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Tangkak, mengenai sama ada kelulusan untuk eksport buah durian ke Negeri China, kerana di Bandar Tangkak ada pengusaha yang hendak tanam secara besar-besaran. Untuk makluman Yang Berhormat, pengeksportan buah durian ke Negeri China adalah diperbolehkan mulai 13 Mei 2008, setelah ada persetujuan di antara Kementerian dan Pihak Berkuasa Kementerian Pertanian Negara China untuk

membenarkan eksport ke Negara China dalam bentuk durian sejuk beku, sama ada durian biji, isi durian ataupun ulas durian dan...

Y.B. Dato' Speaker : Atau apa Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Ulas durian.

Y.B. Dato' Speaker : Ular?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Ulas.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ulas.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Termasuk juga durian yang diproses dalam bentuk cip durian.

Y.B. Dato' Speaker : Ada bau lagi ke masuk *ice box,* durian? Ada eh? Dia yang sedap tu bau dia, ha'ah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Dia kalau disejuk beku, lepas tu dipanaskan balik, bau tu keluar balik.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, masuk *microwave*? Boleh panaskan? Handal eh, ha'ah, tak pernah dengar ni. Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin menyentuh apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Pasir Raja, mengenai tiada subsidi terhadap nelayan sungai kecilan. Kerajaan telah meluluskan pemberian subsidi diesel pada Januari 2006 dan juga petrol pada Jun 2006, kepada semua nelayan. Harga subsidi semasa bagi diesel dan petrol ialah RM1.43 seliter. Dia sama aje, petrol ke diesel, dia sama.

Y.B. Dato' Speaker : RM1.43, oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Berbanding dengan harga semasa RM2.58 seliter bagi diesel dan RM2.70 bagi petrol. Pemberian subsidi minyak diesel dan petrol diberikan kepada nelayan melalui kad pintar e-nelayan berakhir Mei 2008, LKIM telah mengeluarkan sebanyak 1,106 keping kad untuk diesel dan 2,614 kad e-nelayan bagi pengambilan subsidi petrol bagi seluruh Negeri Johor. Semua permohonan untuk mendapatkan subsidi diesel dan petrol perlu dikemukakan kepada LKIM Negeri Johor melalui persatuan nelayan kawasan yang berhampiran. Pemberian subsidi petrol dan diesel adalah untuk kegunaan aktiviti yang menangkap ikan sahaja dan tidak boleh dijual kepada pihak yang lain.

Y.B. Dato' Speaker : Menangkap udang, boleh? Udang?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang sebut sini, ikan, udang pun boleh, Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah, udang pun oklah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Semua nelayan yang memiliki *vessel* adalah layak untuk memohon dengan syarat memiliki lesen *vessel* yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia yang masih sah digunakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pengairan sungai adalah sumber protein ikan darat yang utama. Kebanyakan sumber ikan di sungai adalah hidupan liar yang dijadikan sumber makanan kepada masyarakat nelayan berhampiran dan penggemar ikan sungai. Tidak dinafikan sejak beberapa tahun kebelakangan ini terdapat aktiviti penangkapan ikan secara menggunakan racun dan elektrik di sungai-sungai. Aktiviti ini digunakan kerana lebih mudah untuk mendapat tangkapan ikan dan tanpa disedari, ianya sebagai pengkhianat dan aktiviti ini turut memusnahkan generasi kecil ikan-ikan sungai.

Jabatan Perikanan Negeri Johor mempunyai Pasukan Penguatkuasaan Perikanan Darat. Pasukan ini telah diserapkan dari Penguatkuasaan Perikanan Marin. Sejak tahun 2005, beberapa operasi perikanan darat telah dilakukan di Segamat, Kluang dan Kota Tinggi, berdasarkan aduan oleh penduduk dan nelayan setempat. Pihak jabatan sedang berusaha untuk melengkapkan kemudahan rondaan di sungai kerana keperluannya adalah berbeza dengan di laut. Walau bagaimanapun, pihak jabatan tetap melakukan penguatkuasaan darat dengan bantuan nelayan dan agensi yang berkaitan dengan sungai. Diharapkan pihak nelayan sungai dan orang-orang kampung dapat menyalurkan maklumat terperinci tentang kegiatan pengkhianat ini. Kerjasama dari semua...

Y.B. Dato' Speaker : Yang buat itu bukan nelayan? Yang buat tu apa, digelarkan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Nelayan juga, tapi dia salah guna cara.

Y.B. Dato' Speaker : Wah, nelayan pengkhianat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Dia guna racun dan elektrik.

Y.B. Dato' Speaker : Ha.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Jadi kita panggil dia pengkhianat.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, makna kat sungai pun ada pengkhianat eh, bukan kat darat aje.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Perancangan masa depan perikanan sungai adalah untuk menubuhkan kawasan *sanctuary* perikanan sungai. Jabatan Perikanan sedang dalam usaha untuk mengenal pasti sungai-sungai untuk dijadikan kawasan perlindungan sumber perikanan.

Satu kawasan yang tidak diganggu diperlukan untuk dijadikan kawasan perlindungan sungai seperti yang terdapat di Sungai Petang di Terengganu untuk ikan kelah. Dan juga di Kampung Pagi, Sungai Tembeling Pahang bagi ikan temoleh.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, buat kajian tak Sungai Segget ini, apa pasal ikan tak nak masuk? (Dewan ketawa). Saya ingat saya dah lama dari budak lagi saya main sungai itu. Tak buka ikan masuk ke Sungai Segget tak ada buat kajian.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat EXCO, JKR dan Kerajaan Tempatan dah masukan EM, insya-Allah akan ada ikan di situ.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat kalau masuk, saya ingat sejarahlah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Diharapkan pada nelayan setempat dapat memberikan maklumat kepada Jabatan Perikanan untuk mengenal pasti kawasan yang sesuai. Bagi menambah stok ikan di perairan sungai, Jabatan Perikanan menyediakan Program Pelepasan Umum. Melalui program tersebut, benih-benih ikan, udang bersaiz 1 hingga 2 inci dilepaskan ke kawasan sungai dan pasir. Pegawai di peringkat daerah menjalankan tugas-tugas pengembangan dan menyalurkan maklumat-maklumat terkini jabatan. Walau bagaimanapun, terdapat hanya seorang pegawai pengembangan dan ternak air yang menjalankan tugas di setiap daerah. Di Sungai Semangar, terdapat lebih kurang 30 orang nelayan yang aktif menjalankan penangkapan ikan di sungai. Dalam usaha untuk menambahkan pendapatan, Jabatan Perikanan telah memperkenalkan projek ternakan ikan dalam sangkar di Semangar. Jabatan telah menyediakan sebanyak 12 unit sangkar *HDPE* dengan izin dan seramai 5 orang penternak dipilih untuk menguruskan projek ini. Ada di antara nelayan sungai yang mempunyai minat dengan melaksanakan ternakan ikan dalam sangkar di kawasan air deras dan usaha-usaha ini akhirnya memberi pulangan yang baik sebagai satu usaha menambah pendapatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menyentuh apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Sedili, mengenai kenapa sampan, hal sampan dan nelayan-nelayan terutamanya di Sedili tidak dapat dikeluarkan. Ini, jika tidak diberikan lesen mereka akan menanggung kos, jika tidak diberikan lesen kepada mereka bagaimana mereka akan mendapatkan subsidi ke laut, sedangkan kos operasi makin meningkat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dimaklumkan bahawa sejak kelonggaran diberikan untuk melesenkan sampan khas pada tahun 2002 oleh Jabatan Perikanan Malaysia, sebanyak 10,262 unit lesen khas, lesen sampan khas iaitu dari tahun 2002 hingga tahun 2005 telah diluluskan di seluruh negara. Dari pada jumlah tersebut, sebanyak 1,481 permohonan lesen sampan khas telah diluluskan bagi Negeri Johor. Di mana Tanjung Sedili telah mendapat kelulusan lesen sampan khas sebanyak 20 unit. Bilangan pengeluaran lesen sampan khas bagi seluruh Malaysia ini adalah agak tinggi dan ibu pejabat Perikanan berpendapat sudah tiba masanya pengeluaran lesen sampan khas ini

dibekukan. Pembekuan tersebut adalah untuk menjaga kepentingan nelayan tulen tradisional yang berdaftar serta tidak menggalakkan penambahan sampan yang banyak sehingga menjejaskan stok ikan.

Selain itu, seperti yang sedia maklum, Kerajaan Malaysia telah meluluskan pemberian subsidi petrol kepada nelayan yang menggunakan bahan tersebut. Jabatan Pertanian tidak mahu ada pihak-pihak yang tertentu mengambil kesempatan ini dengan memohon lesen sampan untuk mendapatkan subsidi petrol bagi kegunaan aktiviti-aktiviti yang lain. Berdasarkan kepada faktor-faktor di atas, jabatan ini telah membuat keputusan membekukan pengeluaran lesen sampan khas berkuat kuasa 27 Mac 2006, ini bermaksud tiada kelulusan lesen baru dikeluarkan dari pihak jabatan hanya diperbaharui lesen yang sedia ada sahaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali saya merakamkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengutarakan pandangan dan pendapat yang ikhlas dalam portfolio saya. Mudah-mudahan kita sama-sama menghasilkan pemikiran baru dalam konsep pertanian baru iaitu pertanian adalah perniagaan yang seterusnya akan memberi imej baru Malaysia serta menjana minat golongan muda dalam aktiviti pertanian. Sekiranya ada yang terlepas pandang, insya-Allah jabatan berkenaan akan membuat susulan sewajarnya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekian, wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam, jemput. Ha… Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang telah sudi memberi peluang kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian bagi perbahasan Dewan Negeri Johor Darul Ta'zim tahun 2008 pada pagi yang berbahagia ini. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengemukakan beberapa perkara yang berhubung kait dengan Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Kahang mengenai masalah bekalan elektrik. Secara amnya, kawasan Kahang mendapat bekalan elektrik daripada Stesen S*witch* Utama Padang Hijau yang mengagihkan bekalan ke 28 pencawang elektrik di sepanjang Jalan Mersing Batu 15 hingga Batu 28. Gangguan bekalan yang berlaku sejak kebelakangan ini adalah disebabkan oleh dua perkara:

i. Korekan oleh pihak ketiga akibat dari kerja pembaikan dan pelebaran Jalan Mersing sedang giat dijalankan.
ii. Adalah disebabkan kerosakan kabel dan sambungan kabel bawah tanah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kami pihak-pihak TNB telah merancang dan mengambil beberapa tindakan seperti menanam penanda kabel sebagai amaran kepada pihak ketiga tentang laluan kabel TNB. Di antara lain menjalankan ujian *partial discharge mapping* dengan izin, yang mampu mengesan bahagian kabel yang bermasalah sebelum ia rosak, rondaan secara kerap berkala bagi memantau kerja oleh pihak ketiga juga akan dijalankan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di samping itu, bagi tindakan jangka panjang beberapa langkah telah diambil dan akan dijalankan seperti berikut:

i. Mengalihkan laluan kabel yang berada di bawah permukaan jalan ke bahagian tepi jalan daripada pencawang elektrik Kampung Contoh, Batu 22 ke pencawang elektrik dalam Sungai Kahang dengan kos keseluruhan RM70,000.00 telah siap sepenuhnya.
ii. Penukaran kabel bermasalah dari pencawang elektrik Kahang, Batu 28 ke pencawang elektrik Domlak dan melibatkan kos RM150,000.00 yang akan siap hujung tahun 2008.
iii. Penukaran kabel bermasalah daripada pencawang elektrik Chuan Hoe ke SS Pamol yang berjumlah RM90,000.00 akan siap pada tahun 2009.
iv. Merancang untuk menggantikan kabel voltan tinggi bawah tanah kepada kabel sesalur atas voltan tinggi dari pencawang masuk utama Kluang Industri ke SPL Taman Sri Kahang yang menelan belanja sebanyak RM1.5 juta dan dijangka siap tahun 2009.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Kahang, gajah-gajah yang mengganggu di kawasan itu merupakan gajah yang berkeliaran dan mendiami hutan berhampiran, kaki Gunung Berlumut. Gajah-gajah ini akan bergerak mencari makanan melibatkan kawasan berhampirannya seperti FELDA Kahang Barat, FELDA Kahang Timur, Kampung Ilham dan Batu 28, Jalan Kahang Kluang, Mersing terutamanya Kampung Sri Lukut. Berbagai tindakan telah diambil oleh kakitangan Jabatan Perhilitan bagi mengurangkan masalah yang dihadapi oleh penduduk iaitu dengan menghalau gajah tersebut balik ke tempat asal dan juga memindah sebahagiannya ke tempat lain.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat tengok gajah ini? Ada pernah nampak?

Y.B. Pengerusi Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Pernah.

Y.B. Dato' Speaker : Dekat mana?

Y.B. Pengerusi Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Dekat kawasan saya pun pernah ditangkap 2 ekor, tahun lepas tu.

Y.B. Dato' Speaker : Baguslah dapat tengok betul.

Y.B. Pengerusi Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, satu aktiviti pemindahan

gajah telah dijalankan bermula pada 19 Jun 2008 dan berakhir pada 28 Jun 2008 melibatkan seramai 25 orang kakitangan Jabatan Perhilitan yang terdiri daripada kakitangan Unit Tangkapan Gajah Kuala Gandah, Pahang dan kakitangan Perhilitan Johor. Hasilnya, seekor gajah berukuran tapak 14 inci telah dapat dipindahkan ke Taman Negara pada 25 Jun yang lepas.

Y.B. Dato' Speaker : Besar tu eh…

Y.B. Pengerusi Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Besar tu. Yang Berhormat Dato' Speaker.

Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Mengkibol berkenaan dengan isu pencemaran air sungai, Jabatan Alam Sekitar menjalankan pemantauan kualiti air dengan kerap di Sungai Mengkibol. Hasil pemantauan menunjukkan indeks kualiti air sungai Mengkibol pada bulan Mei 2008 berada kelas ketiga dan di kategori sebagai sederhana tercemar.

Di antara punca pencemaran yang dikesan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor adalah daripada sebuah kilang tekstil iaitu yang melepaskan air berwarna dan mencemar sungai berkenaan. Pihak kilang tersebut telah dihadapkan ke mahkamah pada Jun 2008 kerana melepaskan efluen melebihi had piawaian yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan Dan Efluen-Efluen Perindustrian) 1978, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan pihak mahkamah telah menjatuhkan hukuman sebanyak RM24,000.00 bagi kesalahan tersebut. Selain itu, kilang ini juga mempunyai satu lagi kes mahkamah bagi kesalahan yang sama dan kes ini akan dibicarakan pada Ogos 2008 di Mahkamah Seksyen. Selain daripada itu, Notis Arahan Seksyen 31 dan 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dikeluarkan kepada pihak kilang tersebut supaya segera mengambil langkah-langkah penyelenggaraan dan pembaikan sistem rawatan efluen.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekiranya pihak kilang masih lagi melakukan kesalahan yang sama dan mengakibatkan pencemaran yang serius kepada alam sekitar, Jabatan Alam Sekitar telah, boleh mengambil tindakan dengan mengeluarkan Perintah Larangan kepada empunya premis untuk mencegah pelepasan benda berbahaya secara berterusan kepada alam sekeliling seperti di sebut di bawah Seksyen 31A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor akan terus memantau dan menjalankan pemeriksaan ke atas kilang berkenaan bagi memastikan ianya sentiasa mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Pengkalan Rinting mengenai tekanan air yang rendah di kawasan Taman Nusa Bestari 2. Dalam menangani masalah ini, pihak SAJH sudah memasang alat PRV bagi menstabilkan tekanan air di kawasan tersebut. Namun setakat ini, tiada rekod yang diterima berkaitan air berkarat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Yong Peng. Pada masa ini, penduduk Yong Peng

menikmati bekalan air bersih terus dari Loji Rawatan Air Yong Peng 3. Keadaan ini menyebabkan penduduk Yong Peng kerap mengalami gangguan bekalan air apabila loji ditutup bagi tujuan penyelenggaraan. Tangki sedia ada di Taman Kota Yong Peng pula mempunyai paras air sama tinggi dengan kedudukan taman itu. Keadaan ini menyebabkan penduduk sering mengalami masalah tekanan air rendah. Justeru bagi mengatasi masalah tersebut, pihak SAJH sedang meningkatkan sistem bekalan di kawasan itu dengan pembinaan tangki berkapasiti 2.27 juta liter sehari di Taman Kota, Yong Peng. Pembinaan yang dijangka siap pada November tahun ini dapat memberi manfaat kepada kira-kira 45,000 pengguna bekalan air di sekitar Yong Peng.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat dari kawasan Panti berkenaan isu pencemaran air mentah di Sungai Sayong yang menyebabkan Loji Rawatan Air Sungai Sayong terpaksa diberhentikan operasinya. Loji Sungai Sayong diberhentikan operasinya pada 14 Jun hingga 19 Jun lalu setelah mendapati kadar ammonia dalam sungai tersebut melebihi paras yang dibenarkan Kementerian Kesihatan Malaysia. Keadaan ini menyebabkan kira-kira 6,000 pengguna di kawasan sebahagian Kulai dan Kota Tinggi mengalami gangguan bekalan air dan bekalan terpaksa diagihkan melalui lori-lori tangki SAJH.

Yang Berhormat Dato' Speaker, siasatan yang telah dijalankan didapati punca pencemaran-pencemaran adalah daripada kilang sawit berhampiran yang melepas efluennya tanpa dirawat terlebih dahulu. Jabatan Alam Sekitar telah bertindak dan setelah kertas siasatan siap, tindakan Mahkamah akan diambil di bawah penguatkuasaan Akta Alam Sekitar 1974. Dengan tindakan sedemikian, saya percaya insiden pencemaran akan kurang lagi di masa akan datang.

Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Johor Jaya mengenai projek membuang kelodak dan mendalamkan Sungai Tebrau dan Sungai Plentong telah pun diluluskan kaedah pelaksanaannya secara *design and build* dengan izin, oleh pihak Kementerian Kewangan Malaysia dan pihak JPS akan mengeluarkan surat niat untuk melantik kontraktor yang baru kepada Syarikat Inai Kiara Sdn. Bhd. Projek ini dijangka akan bermula pada penghujung tahun 2008 setelah semua tatacara perolehan siap dijalankan. Peruntukan yang diluluskan Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah RM50 juta.

Y.B. Dato' Speaker : Wah! Besar eh...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Besarnya...

Y.B. Dato' Speaker : Hah, ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada kawasan Bukit Batu berkenaan masalah banjir kilat di kawasan Kampung Rahmat, Batu 27, Pulai. JPS telah menjalankan kerja-kerja memperbaiki dan menyelenggara Ulu Sungai Pontian Besar secara berkala. Di samping itu juga, projek membuang

dan mendalamkan Sungai Pontian Besar telah ditenderkan pada 16 Jun 2008 akan dapat mengurangkan kesan banjir di kawasan Kampung Rahmat, Batu 27 apabila dia siap dilaksanakan kelak. Peruntukan yang diluluskan adalah RM16 juta.

Y.B. Dato' Speaker : Oh! Besar jugak...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Layang-Layang berkenaan kerja penggalian semula sungai. JPS sentiasa menyelaraskan kerja-kerja pengendalian sungai yang melibatkan dua daerah iaitu daerah Kluang dan daerah Kulaijaya agar ianya dapat dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan. Oleh yang demikian, JPS telah pun memanggil sebut harga bagi kerja-kerja penggalian semula sungai-sungai di daerah Kulaijaya seperti berikut : Sungai Sayong, 9 kilometer; Sungai Siko, 2 kilometer; Sungai Besoi 2.5 kilometer, anak Sungai Sayong 2.5 kilometer, cabang anak Sungai Sayong 1.8 kilometer. Kerja-kerja penggalian ini dijangka akan dilaksanakan pada penghujung bulan Julai ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Pekan Nenas mengenai banjir di kampung-kampung seperti di Kampung Paya Embun, Kampung Melayu Raya, Kampung Jasa Sepakat, Kampung Seri Bukit Panjang dan juga Pasir Baru sebenarnya telah dijawab mengikut soalan A59 pada 25 hari bulan Jun.

Manakala soalan yang bangkitkan oleh Yang Berhormat daripada kawasan Senggarang berkenaan permasalahan hakisan persisiran pantai dari Pantai Kuala Sungai Senggarang hingga ke Pantai Tanjung Labuh telah dijawab mengikut soalan A18, A10 dan A25 pada 24 hari bulan dan juga 26 hari bulan Jun, masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Mengkibol pada 25 hari bulan Jun mengenai kerja-kerja pembersihan Sungai Mengkibol, jawapan pun telah diberikan secara bertulis pada soalan B131.

Yang Berhormat Dato' Speaker, begitulah sedikit sebanyak perbahasan yang dapat saya berikan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Mana-mana perkara yang tidak dapat dijelaskan di sini, penjelasan secara bertulis akan diberi kemudian. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok... terima kasih. Ok, perbahasan, jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, pertamanya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan atas rundingan Menjunjung Kasih pada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, berapa penggal Pengerusi Agama? Dua eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Masuk dua penggal, Yang Berhormat...

Y.B. Dato' Speaker : Oh! masya-Allah... lepas ini dapatlah ustaz, gelaran ustaz kalau tiga penggal.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Dato' Speaker. Saya juga ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, pandangan serta saranan di dalam hal yang menyentuh Portfolio Jawatankuasa Agama di sepanjang sesi perbahasan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat kawasan Maharani sama ada guru-guru J-QAF di bawah Kementerian Pelajaran boleh memohon untuk mengajar di masjid dan surau sebagai Guru Takmir. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Agama Johor tidak pernah menghalang sesiapa pun untuk mengajar sama ada di masjid ataupun surau asalkan mereka ini dapat memenuhi syarat-syarat dan keperluan yang telah ditetapkan oleh Jabatan. Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara syarat-syarat yang ditetapkan ialah pertama mestilah warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas. Seorang Islam, ahli Sunah Waljamaah, berpegang kepada Mazhab Syafii, mempunyai kelulusan agama sekurang-kurangnya 4 senawi atau setaraf dengannya.

Y.B. Dato' Speaker : Darjah Khas, tak boleh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Boleh.

Y.B. Dato' Speaker : Saya bolehlah, saya Darjah Khas...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Tapi kena buat permohonan Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, saya tahulah itu... takkanlah masuk je terus eh...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang kelima**,** boleh menyampaikan ceramah dengan baik dan berkesan, keenam, mempunyai akhlak keperibadian yang baik....

Y.B. Dato' Speaker : Macam mana nak tahu dia berakhlak baik atau tak baik, Yang Berhormat? Dia akhlak yang baik ke, boleh tahu ek. Dia mesti cakap, mana ada orang mohon cakap, saya akhlak tak baik, mestilah tulis baik.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Biasanya dalam borang-borang permohonan dia ada rujuk, *reference*. Jadi, kita boleh rujuk kepada orang yang dinyatakan dalam permohonan tersebut. Dan akhirnya, telah melepasi temu duga tauliah mengajar agama yang dibuat oleh Jabatan Agama Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, syarat-syarat ini penting kerana ia bertujuan untuk memastikan mereka mengajar serta berceramah di masjid dan surau adalah mereka yang benar-benar layak serta ikhlas membimbing masyarakat di dalam soal agama. Kita tidak mahu penceramah menyalahgunakan tauliah dan kebenaran yang telah diberikan untuk kepentingan pihak-pihak tertentu. Sesungguhnya Yang Berhormat Dato' Speaker, soal agama ini amatlah sensitif dan amat mudah untuk dikelirukan jika tidak dipantau dengan teliti.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat dari kawasan yang sama juga menanyakan perihal usaha-usaha meningkatkan keupayaan imam-imam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan para imam kita benar-benar berperanan di tengah-tengah masyarakat. Pihak Jabatan Agama Johor telah memberi kursus untuk meningkatkan tahap profesionalisme imam-imam melalui Kursus Tahfiz, Penyampaian Khutbah Berkesan dan lain-lain lagi. Pihak jabatan juga sedang merancang untuk memberi Kursus Rawatan Islam supaya mereka ini bukan sahaja boleh mengimamkan solat 5 waktu, sebaliknya masyarakat boleh mendapat khidmat para imam kita dalam soal rawatan secara Islam iaitu rawatan secara rukyah yang semakin mendapat sambutan masyarakat pada masa ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Panti berkenaan Program Membudayakan Al-Quran yang menurut kata Ahli Yang Berhormat semakin kurang mendapat sambutan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Jabatan Agama Johor telah berusaha mempromosikan Program Membudayakan Al-Quran ini di Jabatan-Jabatan Kerajaan melalui syarahan dan ceramah bagi menimbulkan kesedaran tentang peri pentingnya kita menjadikan bacaan Al-Quran ini sebagai satu budaya hidup kita pada hari ini. Bagi memastikan budaya ini dapat diteruskan di masa-masa yang akan datang, usaha-usaha telah dijalankan bagi memupuk budaya ini di peringkat anak-anak kita di sekolah lagi. Melalui cara ini Program Membudaya Al-Quran akan dapat dijadikan sebagai satu budaya hidup atau dalam Bahasa Arabnya disebut Uslubul Haya.

Y.B. Dato' Speaker : Uslul hatimah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Saya kena sebut fasal Yang Berhormat Dato' Speaker suruh cakap dalam Bahasa Arab.

Y.B. Dato' Speaker : ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yakni dalam Bahasa Inggeris sebagai *way of life* secara hidup kita dengan izin, untuk generasi kita di masa yang akan datang Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Yong Peng dan juga Senggarang, membangkitkan berkenaan dengan pembinaan Sekolah Agama Parit Awang dan juga Sekolah Agama Minyak Beku Sri Banang dan Banang Jaya. Untuk makluman kedua-dua Ahli Yang Berhormat, kesemua sekolah-sekolah yang saya nyatakan tadi, adalah termasuk dalam senarai keutamaan pembangunan sekolah baru. Namun demikian Yang Berhormat Dato' Speaker, pembinaan ini akan dilakukan apabila kedudukan kewangan mengizinkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi mengatasi masalah pembinaan Sekolah-Sekolah Agama ini, sebenarnya kerajaan pada masa ini sedang berunding dengan sebuah Syarikat GLC bagi membina sebanyak 121 buah sekolah agama di seluruh Negeri Johor. Perkara ini masih dalam rundingan dan sekiranya dapat dipersetujui oleh pihak kerajaan, maka saya kira 77 peratus daripada sekolah-sekolah ini akan dapat diselesaikan.

Y.B. Dato' Speaker : Siapa belanja tu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Ini ada, benda ni masih lagi dalam perbincangan Yang Berhormat Dato' Speaker, dan akan dibuat kepada kerajaan untuk urusan. Saya harap, dan kesemua sekolah ini dah pun dimasukkan dalam program 121 buah sekolah yang dijangka kalau kita mulakan ...

Y.B. Dato' Speaker : Bukan swasta ya..

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Ada terlibat juga sikit.

Y.B. Dato' Speaker : Guru agama kalau swasta, kacau.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Puteri Wangsa, iaitu status terkini sekolah Agama Taman Daya yang telah memiliki bangunan sendiri. Sebenarnya tidak menghadapi sebarang masalah khususnya dari aspek nisbah guru dan murid. Ini kerana pada masa ini jumlah 27 orang guru berbanding 2,120 orang murid. Untuk makluman Yang Berhormat, sekolah ini telah melaksanakan 3 sesi persekolahan yang dapat mengagihkan jumlah jam mengajar di dalam setiap sesi persekolahan tidak melebihi 4 jam. Dan dengan ini, ianya tidak mendatangkan sebarang masalah kepada para guru kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat juga yang sama membangkit berkenaan dengan kebimbangan masa depan Sekolah Agama Negeri Johor yang hampir menjangkau usianya 100 tahun. Dengan perancangan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menjalankan sistem persekolahan satu sesi menjelang 2010. Dalam hal ini Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak jabatan melihat aspek kurikulum dan jumlah spek hari persekolahan yang perlu diselaraskan dengan sekolah kebangsaan. Justeru itu, pihak Jabatan Agama Johor telah memperkenalkan Projek Rintis, Yang Berhormat Dato' Speaker, sistem persekolahan anjal atau sistem persekolahan 2, 3 hari di 4 buah sekolah agama di seluruh Negeri Johor. Kita sedar memang

terdapat beberapa masalah tapi, perkara ini sedang diatasi oleh pihak jabatan. Dan, kita yakin dengan persediaan yang telah diatur ini, masa depan sekolah agama kita akan terus berkembang serta dapat disesuaikan dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Negara di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin balik kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjung Surat. Kita memang maklum tentang, berkenaan dengan bayaran sebanyak RM300.00 yang diberikan kepada Guru Tadika atau Guru Tadika Taj. Dan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bayaran RM300.00 ini hanyalah merupakan elaun dan bukannya gaji. Walau bagaimanapun, kita sedar tentang masalah ini dan pihak jabatan sedang mengambil langkah-langkah perlu iaitu untuk, bukan sahaja melihat kepada aspek gaji tetapi, melihat kepada aspek keseluruhannya iaitu satu kajian yang menyeluruh akan dibuat termasuklah pembangunan dan juga kebajikan guru-guru agama ini, Guru-Guru Agama Taj ini. Insya-Allah, apabila kajian ini siap kita akan ambil tindakan berasas kepada...

Y.B. Dato' Speaker : Ada harapan naiklah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Insya-Allah. Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari Tanjung Surat juga bertanya berkenaan dengan Guru Besar Sekolah Agama yang masih menjadi Setiausaha Badan Kebajikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan perkara ini adalah merupakan sebahagian daripada peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Negeri Johor 1978, Pindaan 203, maka perkara ini perlu, pindaan ini perlu dibawa kepada pihak Dewan Negeri untuk perubahan. Insya-Allah perkara ini akan dibawa ke Dewan untuk kelulusan dan sekiranya diluluskan kita akan ambil langkah-langkah serta menangani cadangan Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat kawasan Puteri Wangsa, mengenai perkongsian pentadbiran di peringkat atasan di antara Majlis dan juga Jabatan Agama Johor. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkongsian pentadbiran di peringkat atasan di antara Majlis Agama Islam Negeri Johor dan Jabatan Agama Johor, adalah mengikut sebagaimana ketetapan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor tahun 2003. Ini memang dah termaktub dalam enakmen, Yang Berhormat Dato' Speaker. Keadaan ini sebenarnya memberi banyak faedah kepada pengurusan berkaitan dengan hal Agama Islam terutama dalam menyelaras bidang kuasa kedua-dua agensi yang menjaga urusan kehidupan dan kebajikan masyarakat Islam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Agama Islam berfungsi sebagai pengubah dasar, manakala Jabatan Agama Johor pula berperanan sebagai pelaksana ke atas dasar-dasar yang digubal oleh Majlis mengikut peraturan dan peruntukan undang-undang yang sedia ada.

Ahli Yang Berhormat dari kawasan yang sama juga membangkitkan isu perjawatan yang dihadapi Majlis. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak pentadbiran Majlis telah menyusun struktur organisasi dan perjawatan kakitangan di bawahnya. Penstrukturan perjawatan ini telah dirujuk kepada

Setiausaha Kerajaan Johor bagi dimajukan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Puteri Wangsa juga membangkitkan berkenaan penubuhan MAIJ Urus Sdn. Bhd. Dan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai anak syarikat milik penuh MAIJ, ia bertujuan menjalankan segala bentuk aktiviti yang berkaitan ekonomi dan pembangunan sosial masyarakat Islam. Dalam merealisasikan fungsi dan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Majlis, MAIJ Urus Sdn. Bhd. telah merangka pelan tindakan untuk meneroka peluang ekonomi yang berpotensi dan mempunyai impak yang besar kepada umat Islam di Negeri Johor. Antara projek yang dikenal pasti dan telah pun dilaksanakan Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah seperti projek kesihatan ataupun sektor kesihatan dan dengan penubuhan Pusat Dialisis MAIJ iaitu di Bangunan Wakaf, Jalan Skudai. Sektor peruncitan dengan terlibat secara langsung dalam membekalkan pakaian sekolah kepada pelajar miskin. Setiap tahun beratus ribu peruntukan kita sediakan Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk membantu pelajar-pelajar miskin ini membeli pakaian. Jadi ini di antara…

Y.B. Dato' Speaker : Jadi dia bukan berniaga Yang Berhormat, syarikat ini?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Ini berniagalah Yang Berhormat Dato' Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Apa pulak berniaga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Berniaga untuk kebaikan.

Y.B. Dato' Speaker : Dia pergi *market* beli baju bagi orang, untung kalau gitu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Tak, kita *out source,* kita suruh apa ni buat sendiri.

Y.B. Dato' Speaker : Macam dialisis tu, dia *charge*lah makna kalau nak.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Ya, dialisis kita charge tapi untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, setiap tahun kita membelanjakan lebih kurang RM4 juta.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : RM4 juta untuk membantu mereka yang tidak bernasib baik ini. Jadi pada masa sekarang, rawatan diterima di mana-mana sahaja. Tapi kita merasakan bahawa adalah sudah sampai masanya dan lebih-lebih lagi bilangan ini meningkat dari semasa ke semasa. Pihak Majlis mengambil inisiatif untuk mewujudkan pusat dialisis dia sendiri supaya wang tu dapat dipulangkan balik kepada...

Y.B. Dato' Speaker : Oh... sekarang percuma eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Percumalah, kita bayarkan kepada…

Y.B. Dato' Speaker : Jadi dengan ada syarikat ni dia kena bayarlah?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Tak.. makna dia tak perlu pergi ke tempat lain. Dia pergi ke tempat kita.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah tak bayar?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Dia dapat *free*lah..

Y.B. Dato' Speaker : Ya ke?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Satu orang satu bulan, dua, tiga ribu kena bayar..

Y.B. Dato' Speaker : Ya lah, betullah tu, tak apalah, itu memang kerja Jabatan Agama ye tak?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih lah..

Y.B. Dato' Speaker : Semua tu pahala... ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, dari segi komposisi Ahli Lembaga Pengarah MAIJ Urus Sdn. Bhd. pada masa ini, terdapat dua orang sahaja iaitu Ketua Pegawai Eksekutif Majlis, dan juga Mufti Negeri Johor sebagai *original subscribers*, dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : Berapa orang? Tiga?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Dua orang sahaja.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, sikitnya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Ini yang *original, subscriber* yang asal menurut peraturan ROC, mesti ada dua orang subscriber yang asal. Namun demikian Yang Berhormat Dato' Speaker, syarikat dalam proses menambah bilangan keanggotaan Lembaga Pengarah Syarikat kepada 5 orang.

Y.B. Dato' Speaker : Termasuk Wakil Rakyatlah sorang, senang dia tahu hal...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Ha, ya, terpulanglah.

Y.B. Dato' Speaker : Pengerusilah punya kerja.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat kawasan Maharani membangkitkan tentang dakwah zakat kepada syarikat-syarikat GLC. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwah zakat kepada syarikat GLC akan diteruskan dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Majlis Agama Islam mendapati masih terdapat beberapa syarikat GLC yang besar yang masih belum membayar zakat atau tidak mengeluarkan zakat perniagaan mereka di Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Ada?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama: Ada Yang Berhormat Dato Speaker…

Y.B. Dato' Speaker : Ada contoh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama: Tak payah kita bagilah Yang Berhormat Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Kalau nak, saya beri, saya tahu ni.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama: Tapi bukan datang dari mulut saya.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Jika syarikat-syarikat ini membayar zakat di Johor, sudah tentu akan mampu membantu asnaf-asnaf zakat di Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kukup membangkitkan berkenaan loji penyembelihan di Pekan Nenas dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Pekan Nenas terdapat 5 buah pusat sembelihan di bawah pemantauan pihak Jabatan Agama Johor. Walau bagaimanapun, hanya dua daripadanya yang telah berjaya menerima Sijil Pengesahan Halal Negeri Johor iaitu bagi kategori rumah sembelihan. Manakala premis-premis lain hanya memperolehi juru sembelih yang bertauliah. Setakat ini, setakat pemantauan yang dilaksanakan Yang Berhormat Dato' Speaker, jabatan tidak menemui sebarang masalah dan tiada sebarang aduan diterima di kedua-dua premis tersebut. Walau bagaimanapun, pihak jabatan akan sentiasa mengadakan pemantauan bersama agensi-agensi kerajaan yang lain bagi memastikan proses penyembelihan tersebut mengikut garis panduan Persijilan Halal yang telah ditetapkan di semua loji penyembelihan termasuk yang ada di Pekan Nenas itu sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Senggarang membangkitkan berkenaan dengan unsur-unsur bidaah dalam pengajaran Islam. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan hal ini dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Agama Johor sentiasa memantau pergerakan pihak-pihak tertentu dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebelum ini terdapat sebuah syarikat iaitu Syarikat Rofakar Corporation yang mempromosikan apa ni Aurat Muhammadiah di bawah kepimpinan Ustad Ashari Mohd. dan maklumat terbaru yang ada pada kita, syarikat ini khabarnya telah menukar nama daripada Rofakar Corporation kepada syarikat Global Ikhwan. Tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini, walaupun mereka tukar nama syarikat kepada syarikat Global Ikhwan, keduanya iaitu Ustad Ashari Mohd selaku Pengarah Eksekutif kepada SGI ini dan juga Fahrul Razi, Pengarah Urusan telah pun dikenal pasti oleh pihak JAKIM, masih lagi mengamalkan Aurat Muhammadiah yang diharamkan oleh kerajaan dan kita di Johor juga telah pun telah mengeluarkan fatwa pada 31 Januari, 2008 yang berbunyi seperti berikut Yang Berhormat Dato' Speaker, "Mana-mana orang Islam secara individu,

pertubuhan, persatuan, atau syarikat yang cuba menghidupkan kembali ajaran dan fahaman Al-Quran sama ada secara nyata ataupun berselindung atas nama syarikat Rofakar Corporation Sdn.Bhd. atau kumpulan syarikat-syarikatnya adalah menyalahi akidah, syariat dan akhlak Islam yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah, oleh yang demikian, umat Islam adalah dilarang mengamalkan ajaran tersebut. Jadi, saya harap masyarakat akan berhati-hati dengan syarikat yang saya nyatakan tadi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada akhirnya saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker dan ke semua Ahli–Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dan mengutarakan pandangan serta nasihat berkaitan perjalanan agensi-agensi di bawah port folio saya. Saya amat menghargai pandangan-pandangan dan teguran-teguran tersebut dan saya cuba memberikan jawapan sebaik yang mungkin, namun demikian, saya mohon maaf sekiranya terdapat beberapa perkara yang mungkin terlepas pandang. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Dato' Speaker, jabatan dan agensi berkenaan akan membuat tindakan susulan kemudian. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, sebelum akhir Yang Berhormat cakaplah, Yang Berhormatkan...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Akhir kalam, Assalamualaikum warahmatullah.

Y.B. Dato' Speaker : Bukan akhir hayat, akhir kalam... Persidangan diteruskan lagi, jemput, Ustazah...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Bismillahirrahmaanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Salam sejahtera, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan di Mesyuarat Kedua bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-12 atas rundingan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan idea, pandangan dan teguran berhubung kait dengan jabatan-jabatan di bawah Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN Panti telah mengemukakan isu Pusat Pemulihan Dalam Komuniti.

Y.B. Dato' Speaker : Berlatih tu. (ketawa)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Program Pemulihan Dalam Komuniti adalah satu program yang menekankan perkhidmatan dan intervensi awal untuk orang kurang upaya yang berada dalam keluarga dan komuniti tempatan. Program ini banyak memberi faedah kepada golongan ini dan dapat mengelak daripada golongan ini dihantar kepada institusi-institusi kebajikan oleh keluarga bagi tujuan program pemulihan. Program ini juga dapat mewujudkan masyarakat penyayang, yang peka kepada keperluan Orang Kurang Upaya.

Di Negeri Johor pada masa ini mempunyai sebanyak 58 buah PDK dan seramai 2,050 pelatih sedang menjalani program pemulihan ini. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor dan JUITA sebagai agensi pelaksana sentiasa memantau perjalanan PDK bagi tujuan memastikan latihan kemahiran yang diberikan, akan memberi kemahiran yang sewajarnya terhadap kanak-kanak kurang upaya ini.

Bagi tujuan itu, PDK seluruh Negeri Johor mempunyai Pengerusi, di mana mereka terdiri dari isteri-isteri Wakil Rakyat Barisan Nasional di Dewan Undangan Negeri kawasan masing-masing bagi tujuan penyelarasan. Selain itu, seorang pegawai yang bertindak sebagai penyelaras juga diwujudkan bagi tujuan lawatan, pemantauan, khidmat nasihat serta bimbingan kepada OKU, keluarga, pekerja, dan perjalanan jawatankuasa. Garis panduan PDK ini, di peringkat jabatan akan dijadikan asas bagi mengendalikan PDK itu agar mewujudkan sistem pengurusan yang terbaik. Garis panduan ini termasuk dari segi lantikan tenaga pengajar, penyampaian kemahiran, latihan dan faedah yang boleh didapati.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sehingga Jun 2008, seramai 17 orang usahawan muda dari kalangan pelatih-pelatih PDK Negeri Johor telah terhasil. Seramai 7 orang pelatih dari PDK Bukit Besar, Kota Tinggi telah menjalankan aktiviti-aktiviti menjahit, menghasilkan makanan ringan dan masakan, 3 orang dari PDK Bandar Tenggara telah dalam pembuatan roti dan kek coklat, 5 orang dari PDK Sayangku Segamat yang menghasilkan dadih dan *jelly* kelapa serta 2 orang dari PDK Benut Pontian yang menghasilkan kraf tangan dan bakul. Hasil-hasil produk ini adalah atas permintaan tempahan atau dihantar ke kedai-kedai. Adalah menjadi impian jabatan dan harapan bersama bahawa kos yang besar yang telah dibelanjakan untuk PDK ini, dapat memberi pulangan hasil yang baik yang boleh memberi harapan dan kebanggaan kepada golongan Orang Kurang Upaya yang menerima latihan pemulihan dan penjagaan yang sewajarnya dan dapat hidup berdikari mengurus diri sendiri serta tidak lagi bergantung kepada keluarga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN Rengit telah mencadangkan pemberian bantuan tunai dalam akaun penerima bantuan, Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bayaran bantuan kepada golongan sasaran Jabatan Kebajikan Masyarakat dibuat setiap bulan kepada penerima yang layak sama ada bayaran di pejabat atau bayaran berpusat atau bayaran di rumah. Kes-kes yang tidak berkemampuan ke pejabat atau pusat akan dibayar di rumah. Bagi mempercepatkan proses pembayaran juga, jabatan telah melaksanakan bayaran melalui bank kepada sebahagian penerima yang berkemampuan hadir ke bank mulai Mei 2008. Bagi kenaikan kadar bantuan tunai RM300.00

sampai RM500.00 sepertimana yang dicadangkan adalah tidak dapat dilaksanakan pada masa ini kerana Jabatan perlu mematuhi garis panduan dan peraturan-peraturan kewangan yang telah diluluskan oleh Kementerian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN kawasan Johor Jaya membangkitkan tentang bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor kepada golongan yang memerlukan. Bagi mengatasi masalah permohonan bantuan baru dan permohonan terdesak untuk bantuan kewangan segera, Jabatan telah mewujudkan satu skim bantuan segera yang boleh diberikan dengan serta merta sekali gus sebelum bantuan sebenar diproses. Ini bertujuan bagi mengatasi masalah pemohon yang amat terdesak dan perlukan kewangan segera. Bantuan kewangan yang diberikan adalah pada kadar bantuan yang diluluskan untuk bulan yang berkenaan dan hanya sekali sahaja. Ini kerana pemohon akan menerima bantuan selanjutnya mengikut bulan ke bulan seperti biasalah.

Bagi mengatasi masalah peringkat Parlimen, Skim Bantuan Ahli Parlimen melalui Tabung Kebajikan MAYANG masih di kuat kuasa. Bantuan ini bagi kes-kes bencana, seperti kebakaran, terdampar, kematian dan sebagainya. Kadar bantuan yang diluluskan adalah sebagaimana kadar bantuan yang telah diluluskan oleh Kementerian. Jadi, Bantuan Elaun Pekerja Cacat telah dinaikkan RM300.00, bantuan orang tua telah dinaikkan juga RM300.00 dan ini adalah berterusan hingga akhir hayat. Kita tidak lakukan apa kaji semula dalam enam bulan dan sebagainya tetapi bantuan orang tua kita terus bayar hingga akhir hayat. Bantuan kanak-kanak juga telah dinaikkan kepada RM450.00 maksimum sekeluarga.

Pihak jabatan juga prihatin keperluan klien dan mengkaji semula kadar bantuan untuk mempertingkatkan keselesaan hidup klien dari semasa ke semasa. Selain daripada itu, orang-orang yang menjaga pesakit terlantar itu pun kita bagi RM300.00 sebulan.

Y.B. Dato' Speaker : RM300.00 sahaja.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Untuk menjaga kalau dalam keluarga, orang yang terlantar yang tidak boleh, elaun kita kasilah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN kawasan Skudai telah membangkitkan tentang banjir kilat. Bencana banjir yang berlaku di Jalan Makmur, Taman Damai Jaya, Johor Bahru di kategorikan sebagai banjir kilat. Banjir kilat adalah banjir yang berlaku kurang dari 3 jam yang tidak mengakibatkan kerosakan harta benda dan tiada pusat pemindahan di buka. Mangsa-mangsa bencana ini tidak dapat dipertimbangkan bantuan bencana, sama ada bantuan jangka pendek ataupun bantuan jangka panjang. Hanya mangsa yang berpindah ke tempat yang telah digazetkan dan banjir yang berlaku melebihi 3 jam layak menerima bantuan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak memperuntukkan RM100.00 kepada seorang pelajar yang ditimpa bencana banjir kilat sebagaimana Yang Berhormat maklumkan. Bantuan tersebut adalah

bantuan ihsan dari Majlis Keselamatan Negara setelah mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri, di mana banjir itu diisytiharkan sebagai bencana. Pelajar-pelajar yang menerima bantuan tersebut adalah pelajar-pelajar mangsa bencana yang berlaku pada akhir tahun 2006 dan awal 2007 bagi pembelian pakaian sekolah. Semua mangsa bencana banjir perlu memaklumkan kepada jabatan dengan segera terutamanya yang tinggal di pusat-pusat pemindahan bagi tujuan menyalurkan bantuan bencana yang layak mereka perolehi. Jabatan ada menyediakan kaunter pendaftaran di pusat-pusat pemindahan yang dikenal pasti serta diwartakan jika berlaku bencana. Mangsa-mangsa bencana boleh merujuk terus ke pusat-pusat berkenaan bagi tujuan pendaftaran dan pendaftaran hendaklah oleh Ketua Keluarga. Terjadi pada bencana 2006 dan 2007 itu, 2 dalam satu keluarga, 2 orang dan 3 orang melaporkan, mendaftarkan 2, 3 pusat pemindahan. Walau bagaimanapun kita dapat mengesannya. Jadi tindakan kita ambillah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN Mengkibol, membangkitkan isu projek Hospital baru di Jalan Kota Tinggi. Sukacita saya maklumkan di sini bahawa projek pembinaan Hospital Kluang yang terletak di Jalan Kota Tinggi, Kluang masih lagi dalam pembinaan. Di mana kemajuan fizikal pembinaan projek ini sehingga Mei 2008 mencapai 6.64 peratus.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dah 66 peratus.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Bukan terbengkalai. Projek ini kini sedang giat dijalankan setelah beberapa masalah teknikal tapak pembinaan diatasi. Hospital Kluang yang baru akan mempunyai 11 wad, dan 9 dewan bedah. Projek ini akan terus dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dan dijangka siap pada 3 Jun 2010, insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN Tenggaroh telah membangkitkan isu pendekatan yang perlu diambil kerajaan untuk membantu golongan ibu tunggal. Kerajaan Negeri Johor sentiasa bersikap prihatin terhadap permasalahan atau isu-isu yang melibatkan ibu tunggal, terutamanya cara bagaimana untuk meningkatkan dan membangunkan ekonomi mereka seiring dengan peredaran masa. Salah satu aktiviti atau program yang lebih fokus terhadap peningkatan ekonomi ibu tunggal ialah Projek Menjana Pendapatan Ibu Tunggal atau Golongan Berpendapatan Rendah yang merupakan projek perintis ekonomi, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim dengan kerjasama JUITA melalui Projek JUITA Ku Sayang Ke-12 pada tahun 2003, iaitu bagi membantu golongan ibu tunggal yang kurang berkemampuan dalam menjana pendapatan. Fokus utama projek ini membantu ibu tunggal seluruh Negeri Johor dengan menyalurkan latihan kursus dan bantuan peralatan. Salah satu objektifnya ialah melahirkan beberapa ramai usahawan berkonsepkan *Home Based Entrepreneur* dengan izin.

Y.B. Dato' Speaker : Apa itu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Jadi dia buat di rumah. Ibu tunggal ini kadang-

kadang dia susah hendak meninggalkan keluarga untuk membuat perniagaan jadi perniagaannya adalah …

Y.B. Dato' Speaker : Oh, di rumah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Jadi tidak mengabaikan kewajipannya sebagai ibu menjaga anak-anaknyalah. Jadi melalui kursus dan bantuan, kita beri peralatan.

Y.B. Dato' Speaker : Ramai Yang Berhormat ibu tunggal di Johor.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ha'ah ini dia projek ini diperkenalkan seramai 898 orang ibu tunggal sehingga Mei.

Y.B. Dato' Speaker : 890

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : 98

Y.B. Dato' Speaker : Umur dia disiasat berapa? Berapa umur?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Umur tiada kisahlah daripada 18.

Y.B. Dato' Speaker : 18 aje.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Kalau ada ditinggallah. Tapi kadang-kadang 18 ini cepat jadi, tak jadi ibu tunggallah.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, dari ibu mudalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Jadi sehingga Jun 2008, seramai 73 orang telah menerima kursus atau bantuan peralatan atau menerima kedua-duanya. Kita kasi latihan, kursus dan juga kita kasi seperti oven, mesin jahit dan sebagainyalah. Dari jumlah tersebut 21 orang telah berjaya menjadi usahawan ibu tunggal di seluruh Negeri Johor. Ia meliputi 9 orang dalam bidang jahitan, 7 orang bidang masakan, 2 orang mengusahakan TASKA dan seorang mengusahakan nurseri bunga, seorang mengusahakan penghasilan makanan dan seorang dalam bidang salon rambut. Selebihnya daripada jumlah tersebut, 34 orang masih aktif dan berusaha menjadi usahawan, yang mana 16 orang terlibat dalam bidang masakan, 16 lagi dalam bidang jahitan, seorang dalam bidang kraf tangan dan seorang dalam bidang dobi pakaian.

Mulai 2008 kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM1.016 juta menerusi projek pembasmian kemiskinan di bawah peruntukan khas Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri 2007 sehingga 2010 Negeri Johor, iaitu Program Peningkatan Pendapatan Ibu Tunggal dan menerusi agensi pelaksana

iaitu Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim dengan kerjasama *Chemical Engineering Pilot Plant* (CEPP), Universiti Teknologi Malaysia telah diberi tanggung jawab melaksanakan kursus Sijil Profesional Terapi *Holistik* dan Sijil *Profesional* Aromaterapi dan seramai 128 ibu tunggal. Dari senarai kemiskinan ini seluruh Negeri Johor dijangka akan menyertai kursus ini yang akan dibuat secara berperingkat yang melibatkan kursus sepenuh masa atau dalam 20 hari atau separuh masa dalam tempoh 20 hari dalam tempoh tiga bulan. Seramai 32 orang ibu tunggal, satu kumpulan 16 orang dari kumpulan pertama telah mula menjalani kursus Sijil Profesional Terapi Holistik separuh masa. Dan, menerusi kursus ini diharapkan dapat melahirkan serta menggalakkan lebih ramai ibu tunggal untuk menceburi perniagaan berkaitan dengan terapi holistik ini, dia urutan seluruh badan dan aromaterapi yang sememangnya mempunyai potensi yang tinggi di pasaran.

Yang Berhormat ADUN Tangkak telah mengutarakan penambahan bilangan Pegawai Perubatan di Unit Kecemasan, Hospital Tangkak. Hospital Tangkak untuk makluman, yang berfungsi sebagai hospital tanpa pakar yang akan merawat kes-kes tidak rumit.

Buat masa ini, Hospital Tangkak mempunyai 4 wad dan tidak mempunyai dewan bedah. Bagi kes-kes yang tenat, kes-kes yang memerlukan rawatan lanjutan akan dirujuk ke Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar. Pada masa ini terdapat 5 Pegawai Perubatan yang ditempatkan di Hospital Tangkak untuk mengendalikan kes-kes di wad dan Jabatan Kecemasan. Untuk makluman, kedatangan pesakit ke Unit Kecemasan pada 2007 di Hospital Tangkak adalah seramai 43,786 orang satu tahun.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, setahun.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ini, kalau dibandingkan dengan Hospital Kulai yang baru diisytiharkan sebagai satu daerah. Hospital Kulai, 55,934 pesakit. Ini termasuklah kes-kes yang *emergency* kes dan sebagainya. Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Johor sentiasa memantau keperluan pegawai perubatan di Hospital Tangkak dan akan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengikuti keperluan.

Yang Berhormat ADUN Semarang telah mengutarakan pengisian jawatan Doktor Perubatan di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru berbanding hospital di Lembah Klang. Pada masa ini, peratus pengisian di Hospital Sultanah Aminah adalah 58.08 peratus berbanding dengan Hospital Kuala Lumpur sebanyak 67.98 peratus sahaja. Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Johor berusaha untuk menambah jumlah pengisian pegawai perubatan dan pakar perubatan di masa akan datang. Kalau kita lihat, Hospital Sultanah Aminah mempunyai pakar perubatan sepatutnya 150 orang dan diisi hanya 119 orang. Peratus pengisian adalah 75.8 peratus kalau dibandingkan di Hospital Kuala Lumpur jawatan sebanyak 592 diisi hanya 393 orang bermakna 66.39 peratus. Pegawai perubatan di Hospital Sultanah Aminah yang patut jawatannya ialah 503 orang dan diisi hanya 203, 40 peratus sahaja dan pegawai perubatan di Hospital Kuala Lumpur daripada 832 jawatan, 575 sahaja yang diisi bermakna 69.1 peratus.

Pengubahsuaian di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru yang ada pada masa ini adalah di bawah projek para 4 (Projek merekabentuk terperinci Hospital Sultanah Aminah Johor Baru). Projek ini bermula daripada 25 Januari 2005 dan sehingga Jun 2008, projek ini telah 95.7 peratus siap. Projek ini antaranya melibatkan pembinaan Dewan Bedah Jantung, Wad *High Dependency*, Unit Rawatan Rapi dan Unit CSSD. Sehingga Jun 2008, pembinaan Unit Kecemasan Trauma pada masa ini telah mencapai 95.6 peratus siap. Adalah dijangkakan bahawa penyerahan unit ini pada awal bulan September 2008.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pengoperasian Hospital Pandan atau Hospital Sultan Ismail semakin dipertingkatkan. Walau bagaimanapun, ia sangat bergantung kepada pertambahan kakitangan. Pada masa ini jumlah Dewan Bedah yang digunakan telah ditambah pada 7 dan untuk menampung keperluan pesakit. Hospital Sultan Ismail merupakan hospital pakar yang menggunakan sistem ICT, *Total Hospitals Information System* (THIS) dengan izin, dengan 704 buah katil rasmi dan 22 wad dan telah memulakan perkhidmatannya pada 5 Mei 04 dan ditutup sementara pada bulan September bagi membolehkan kerja-kerja pembersihan dilakukan. Manakala perjawatan secara keseluruhannya ialah 1,297 jawatan dengan pengisian sebanyak 948 orang kakitangan.

Bagi jawatan pegawai perubatan dan pakar ialah sebanyak 236 jawatan dengan pengisian sebanyak 104 orang. Pengoperasian kedua telah dimulakan pada 16 Februari 2006 dengan memulakan 7 perkhidmatan klinik pakar dan hemodialisis serta berbagai perkhidmatan sokongan klinikal dan bukan klinikal. Sehingga Februari 2008, skop perkhidmatan telah berkembang meliputi 11 perkhidmatan Klinik Pakar Obstetrik dan Ginekologi, Ortopedik, Pembedahan, Perubatan, Pediatrik, Oftalmologi, Otorinolaringologi, Pergigian, Anestesiologi, Radioterapi dan Onkologi serta Psikiatri. Rawatan kecemasan juga ada pembukaan 12 wad pesakit dalam, 3 wad rawatan rapi, Dewan Bedah dan Perkhidmatan Ambulatori ataupun Jagaan Harian. Kita juga ada di Hospital Pandan, satu Unit Tradisional dan *complementary medicine* (TCM) yang bermula pada 16 Januari 2008.

Y.B. Dato' Speaker : Sakit apa itu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : tu bukan, itu adalah menyediakan perkhidmatan urutan tradisional.

Y.B. Dato' Speaker : Oh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Urutan tradisional ini alternatif *medicine*.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, dibenarkan ya?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ya, di Hospital Pandan ini baru. Unit ini baru. Jadi untuk perkhidmatan urutan tradisional Melayu, akupunktur pun dilakukan.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, urutan ini sebenar dia pakar ke, apa, dia ambil daripada orang mana hendak?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Tak, dia ada, tak, bukan Yang Berhormat. Dia ada, kita dah latih juruterapilah.

Y.B. Dato' Speaker : Urut-urut kaki boleh, jari?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Lebih daripada itu pun ada.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, oklah. Boleh pergi itu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Akupunktur pun ada dan herba untuk pesakit kanser. Jadi, yang pesakit kanser kalau dia selain daripada perubatan biasa, dia memerlukan perubatan tradisional dengan menggunakan herba pun kita ada menyediakannya. Di Hospital Pandan ya, di Hospital Sultan Ismail. Perkhidmatan lain yang ditawarkan ialah pembedahan. Hospital Sultan Ismail ini mempunyai 18 dewan, dewan bedah di mana 8 sahaja yang berfungsi sepenuhnya kerana hospital ini kekurangan sumber manusia untuk mengendalikan 10 buah lagi *operation theatre* ini. Lebih kurang 10 orang anggota. Jadi satu *operation theatre* kalau kita nak buat pembedahan, sekurang-kurangnya 10 orang termasuk dengan *surgeon*nya, dengan *assistant*nya, *anaesthetist* nya, 12 orang.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, kalau dewan bedah itu, makna 10 mesti ada.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ha, sekurang-kurangnya 10 orang dalam satu OT. Jadi, sekarang ini kita tak cukup kakitangan dan pada masa ini terdapat 30 orang sahaja yang, paramedik yang bertugas di dewan bedah. Walau bagaimanapun, sebanyak 4,882 kes kita melakukan pembedahan pada 2007. Kalau kita bandingkan dengan Hospital Sultanah Aminah yang mempunyai 8 buah *operation theatre* ini, dewan bedah, jumlah pembedahan dengan anggotanya 92 orang, dia boleh melakukan pembedahan pada 2007 seramai 23,242 kes pembedahan termasuklah dari pediatrik dan ortopedik dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker : Semuanya berjaya Yang Berhormat ya?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ya, jantung pun ada. Kita buat juga. Bagi Hospital Sultanah Fatimah juga di Muar, dia mempunyai 4 dewan bedah dan 52 orang paramedik yang bertugas dan jumlah pembedahan pada 2007 adalah 8,895 kes sepanjang 2007. Dan, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Hospital Ampang, kita bandingkan, Yang Berhormat juga bangkitkan, membandingkan hospital di Johor dan tempat lain. Kalau kita bandingkan dengan Hospital Ampang mempunyai 11 dewan bedah, yang mana 4 buah sahaja yang berfungsi, paramediknya hanya 34 orang. Dan, Hospital Serdang mempunyai 20

dewan bedah, di mana 9 sahaja dewan bedah yang berfungsi dan paramediknya hanya 65 orang. Jadi, kalau kita bandingkan bukanlah membazir kita buat banyak tapi seperti Yang Berhormat katakan tadi, dulu, adalah, ada saja dewan bedah tapi tak digunakan. Sebenarnya ini bergantung sangat…

Y.B. Dato' Speaker : Tak, itu satu petanda baik. Makna tak ada orang sakit. Ha, ya, baguslah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : (Ketawa). Tak ada kakitangan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, tak cukup.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ha, tak cukup pakarnya, tak cukup *officer*…

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Ingat tak ada orang sakit tadi.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Jadi berhubung perkhidmatan kecemasan pula di Hospital Sultan Ismail, unit ini telah memberi perkhidmatan kepada seramai 35,768 orang pada tahun 2007.

Yang Berhormat juga membawa isu *indoor air quality* di Hospital Sultan Ismail. Ini sebenarnya *indoor air quality* di Hospital Sultan Ismail ada dilakukan ya, oleh pihak Pantai Medivest Sdn. Bhd. dan untuk Unit Rawatan Rapi dan Dewan Bedah dilakukan secara berkala. Tetapi untuk masalah kulat, sebuah syarikat swasta ada melakukannya dan kajian *indoor,* untuk melakukan kajian *indoor air quality* di setiap kawasan yang ada berisiko tinggi, ya, untuk pembiakan kulatlah. *Indoor air quality* ini di Hospital Kulai juga tidak dilakukan kerana *scientific evidence* yang menyatakan *air supply* dia perlu dibuat secara rutin, tak ada *scientific evidence*, jadi kita tak buat. Jadi, kita, *indoor air quality* ini kita buat secara berkala ataupun yang keadaan mengelirukan di mana keadaan tertentu sepertinya contoh, kalau proses pengubahsuaian OT, *operation theatre* tu diubahsuai, jadi kita kena control balik dia punya *indoor air quality*. Dan, jika ada *post operation outbreak*, kalau lepas operation ada banyak *infection* dan sebagainya kita akan kaji balik *indoor air quality* ini.

Yang Berhormat juga telah menyentuh tentang penubuhan fakulti perubatan di UTM untuk mengurangkan beban Hospital Sultanah Aminah di Negeri Johor. Sebenarnya Yang Berhormat, para graduan atau doktor yang dihasilkan oleh universiti-universiti ini bukan hanya dihasilkan untuk sesuatu negeri sahaja. Bila graduan *graduate* daripada universiti-universiti dihantarkan untuk kegunaan seluruh negara. Di mana-manalah dihantarkan. Dan untuk makluman, IPTA yang mengeluarkan doktor-doktor ini ada 8 buah, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, UIA, Universiti Putra Malaysia, UNIMAS Sarawak, Universiti Malaysia Sabah dan yang baru ini adalah, belum menghasilkan graduan adalah Universiti Teknologi Mara. Dan IPTS, ada 5 buah IPTS yang mengeluarkan doktor-doktor baru ini, adalah International Medical University, Royal Perak Medical College, Malacca Manipal Medical College,

Penang Medical College, Asean Institute Of Medical And Technology AIMS. Untuk makluman, insya-Allah di Iskandar nanti, insya-Allah ada sebuah universiti, New Castle University akan membina satu *medical school* di Wilayah Iskandar, insya-Allah. Dan ini akan menambahkan lagi jumlah doktor yang kita perlukan.

Jadi akhir sekali saya mengucapkan ribuan, merakamkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dan memberi pandangan berhubung kait dengan jabatan-jabatan di bawah Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan. Dan sekiranya ada terlepas pandang atau makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat perlukan boleh...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat, doktor bahagian apa?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Saya? Saya *general*.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, *general*. Makna kalau ada Ahli Yang Berhormat ini pengsan, makna Yang Berhormat boleh...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Boleh, boleh.

Y.B. Dato' Speaker : Sebab dia takut dengan Maharani dengan Sungai Abong. (Dewan ketawa)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ok, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat, diteruskan lagi.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, rama-rama terbang berempat, terbang berempat hinggap di puri, sama-sama kita berkhidmat, bela rakyat maju negeri.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Dato' Speaker, perbahasan Yang Berhormat ADUN dari Pengkalan Rinting yang telah membangkitkan isu pengurusan dan penyelenggaraan Pangsapuri Bukit Saujana yang memang keadaannya cukup tidak memuaskan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan melalui Perbadanan Setiausaha Kerajaan telah mengambil alih pengurusan dan penyelenggaraan unit-unit Pangsapuri Bukit Saujana bermula 9 Januari 2005 daripada pemaju yang memang satu negeri semua kenal. Segala kutipan yuran penyelenggaraan dan *sinking fund* telah dimasukkan di bawah Kod 2511, Selenggaraan Pejabat SS, Johor cawangan pengurusan bagi pihak Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor. Buat masa ini, Perbadanan Pengurusan untuk Pangsapuri Bukit Saujana ini masih belum ditubuhkan kerana mesyuarat agung pertamanya bagi menyerahkan tanggungjawab pemaju kepada pemilik-pemilik petak belum dapat diadakan. Ini adalah kerana mengikut Seksyen 4, Akta Hak Milik Strata itu sendiri, sebuah Perbadanan

Pengurusan hanya boleh ditubuh selepas sekurang-kurangnya ¼ daripada jumlah keseluruhan tuan punya petak, petak-petak telah dipindah milik daripada pemaju kepada yang tuan punya.

Walau bagaimanapun, sehingga kini hanya 1/25 bahagian ataupun 72 sahaja daripada 1,608 petak sahaja yang telah dipindah milik. Bagi mengatasi masalah ini Yang Berhormat Dato' Speaker, Pejabat SUK telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan satu jawatankuasa bagi mengkaji permasalahan pengurusan pangsapuri tersebut yang diketuai oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor. Hasil kajian tersebut akan dirujuk kepada kerajaan dan ini harus dipercepatkan bagi mendapatkan keputusan dan peruntukan bagi membaiki segala kerosakan sebelum pengurusan bangunan diserahkan kepada Perbadanan Pengurusan yang akan ditubuhkan.

Mengenai penurunan cukai-cukai harta bagi mengurangkan bebanan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut, bebanan rakyat. Kini Majlis Bandaraya Johor Bahru masih lagi menggunakan senarai nilaian yang lama iaitu berdasarkan aras nilaian 1995 dan telah berkuat kuasa selama 10 tahun mulai 1 Januari 1998 hinggalah ke hari ini. Walaupun berdasarkan kepada Seksyen 137(3) Akta Kerajaan Tempatan yang memperuntukkan Pihak Berkuasa Tempatan perlu membuat semakan semula senarai nilaian setiap 5 tahun sekali, namun di atas dasar keprihatinan Bandaraya, senarai nilaian baru yang telah dibuat pada tahun 2003 yang sepatutnya berkuat kuasa 1 Julai 2006 telah ditangguhkan sampai sekarang. Ini bermakna Bandaraya telah mengekalkan senarai nilaian lama iaitu berdasarkan aras nilaian 1995. Dengan cara ini diharapkan Bandaraya dapat membantu mengurangkan bebanan pembayar-pembayar cukai di dalam kawasan bandar raya.

Mengenai cadangan meningkatkan perkhidmatan kenderaan awam di taman-taman perumahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengkalan Rinting, sebanyak 3 permit bas untuk laluan bas ke Jalan Kolam Air dan Taman Kolam Air pernah diberikan kepada Syarikat Bas Maju oleh LPKP. Permit ini telah pun tamat tempohnya pada tahun lepas dan syarikat tersebut tidak membuat permohonan untuk memperbaharui lesen permit berkenaan. Bagi kawasan Kampung Pasir dan Pengkalan Rinting pula sebanyak 50 permit bas mini telah diberikan kepada Syarikat Handal Indah untuk menjalankan perkhidmatan di dalam taman dan kampung di daerah Johor Bahru. Walau bagaimanapun, selepas 10 permit bas mini dikeluarkan oleh pihak LPKP kepada syarikat ini, terdapat bantahan daripada Persatuan Teksi-teksi Awam atas alasan perkhidmatan bas mini berkenaan akan menjejaskan pendapatan mereka. Disebabkan bantahan tersebut, maka pihak LPKP telah membatalkan permit bas ini yang telah pun dikeluarkan.

Cadangan daripada Yang Berhormat ADUN Pengkalan Rinting juga supaya PBT meluluskan permohonan lesen-lesen peniaga kecil dan memperbanyakkan ruang niaga bagi mengurangkan bebanan rakyat kesan daripada kenaikan, oleh kerana kesan daripada kenaikan harga minyak. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semua pihak PBT Johor masih melaksanakan dasar memberi kelulusan kepada peniaga-peniaga kecil dalam kawasan pentadbirannya. Sebagai contoh, di Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tahun ini iaitu sehingga 31 Mei 2008, sebanyak 4,243 lesen telah diluluskan kepada peniaga-peniaga

kecil. Manakala bagi penyediaan ruang-ruang niaga kecil-kecilan, Yang Berhormat Dato' Speaker, Bandaraya telah melaksanakan program penempatan semula penjaja berselerak ke gerai-gerai yang dibina oleh Majlis iaitu sebanyak 47 unit. Oleh kerana Majlis menghadapi masalah kekurangan kawasan untuk bina gerai, langkah proaktif yang diambil ialah dengan, ialah dengan memberi lesen penjaja sementara kepada peniaga-peniaga kecil dalam bentuk warung ataupun *kiosk,* dengan izin, dan berniaga di tepi jalan di dalam kawasan yang diluluskan sebagai Rancangan Kemajuan Khas. Program ini melibatkan pemberian lesen kepada 38 peniaga-peniaga di kawasan komersil Kampung Melayu Majidee dan akan diperluaskan ke kawasan RKK yang lain. Program ini melibatkan pemberian lesen kepada 38 peniaga-peniaga, yang ni saya sudah sebut tadi.

Berkaitan dengan isu penjaja di Jalan Meldrum yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Pengkalan Rinting juga, Pusat Penjaja Jalan Meldrum ini merupakan peniaga asal yang dipindahkan dari Jalan Ungku Puan yang terlibat dalam projek pembangunan Legaran Segget. Peniaga ini telah memulakan operasi pada Jun 2004 dengan bilangan 51 peniaga Cina dan 48 peniaga Melayu. Pihak Majlis sedang berusaha untuk mempertingkatkan kualiti di kawasan Jalan Meldrum ini:

i. Memansuhkan caj sewa tapak yang berkenaan.
ii. Susun semula gerai bagi membolehkan diletak lebih banyak lagi kerusi dan meja; dan
iii. Menaik taraf kerja-kerja penyelenggaraan perparitan sedia ada.

Manakala bagi langkah-langkah untuk mengatasi banjir pula, Yang Berhormat Dato' Speaker, lanjutan daripada kejadian banjir kilat yang berlaku di Pusat Bandar Johor Bahru pada 29 Mei 2008, pihak Majlis telah mengambil tindakan segera dengan memasang Sistem Amaran Banjir di Pintu Air Sungai Segget. Kerja-kerja ini telah pun diserahkan kepada kontraktor pada 18 Jun yang lepas dengan peruntukan sebanyak RM193,000.00. Proses perbekalan peralatan telah dibuat oleh kontraktor. Kawasan-kawasan terlibat dengan pemasangan sistem amaran banjir ini adalah di Pintu Air Sungai Segget, Pintu Air Sungai Chat dan Rumah Pam Kampung Mohd. Amin. Kerja-kerja pemasangan dijangka siap pada 31 Julai 2008 melibatkan skop-skop kerja sebahagian daripada berikut iaitu:

i. Menyediakan Sistem Amaran Awal Banjir menggunakan SMS apabila berlaku ancaman kemungkinan banjir.
ii. Menyediakan Sistem Pemantauan Berkawalan Litar Tertutup disambung dengan Bilik Kawasan CCTV MBJB.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi membanyakkan lagi tempat letak kereta dalam kawasan bandar raya. Berdasarkan kajian RTD Johor Bahru 2020 dengan mengambil kira modal *split* 60:40, penawaran tempat letak kereta sebanyak 9,198 petak di pusat bandar adalah difikirkan cukup pada setiap masa termasuk waktu-waktu puncak. Ini tidak termasuk 890 petak yang telah disediakan dalam pembangunan JB Sentral. Walaupun, pihak Majlis hanya mengendalikan tempat letak kereta sebanyak 519 petak, namun masih terdapat 8,679 petak yang dikembalikan oleh pihak swasta termasuk di dalam kompleks membeli

belah. Dakwaan kekurangan tempat letak kereta ini disebabkan terdapat setengah-setengah pemilik kenderaan yang meletakkan kenderaan mereka sepanjang hari untuk bekerja di negara jiran. Selain itu, pengguna juga lebih cenderung meletak kenderaan mereka berhampiran dengan destinasi. Contohnya Yang Berhormat Dato' Speaker, mereka yang berurusan dengan Balai Polis Sentral, misalannya tidak akan letak kenderaan di Kompleks City Square kerana faktor cuaca negara kita ini dan jarak berjalan yang lebih jauh.

Bagi mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta ini, Bandaraya juga telah meluluskan dasar bagi mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta dalam kawasan pusat bandar pada 30 Jun 2005, yang meliputi tindakan jangka panjang dan jangka pendek. Yang Berhormat Dato' Speaker, langkah-langkah untuk membantu peniaga dan penjaja di pusat bandar pula. Pada tahun 2004, Majlis Bandaraya telah mula mengambil inisiatif bagi memperkukuhkan imej dan fungsi bandar raya Johor Bahru termasuk usaha-usaha yang terbaik untuk bantu dan tingkatkan ekonomi masyarakat peniaga dan penjaja yang terdapat di kawasan pusat bandar terutamanya kesan daripada perpindahan nanti pentadbiran Kerajaan Negeri ke Nusajaya dan perubahan sistem lalu lintas di pusat bandar apabila Kompleks CIQ beroperasi kelak yang dijangkakan akhir tahun ini.

Walaupun Pusat Pentadbiran Kerajaan berpindah ke Nusajaya, peranan Johor Bahru sebagai ibu negeri masih kekal bagi memastikan ekonomi bandar raya Johor Bahru terus mapan. Majlis telah menyediakan satu pelan tindakan bagi menjana semula dan mempelbagai aktiviti di pusat bandar Johor Bahru. Pelan tindakan yang disediakan oleh Majlis ini, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Stulang supaya dimasukkan juga ahli-ahlinya mengkaji halus pelan tindakan ini daripada badan-badan NGO yang difikirkan munasabah dan perlu oleh Pihak Bandaraya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai isu berkaitan penerima bantuan Program Pembasmian Kemiskinan luar bandar di kawasan Majlis Perbandaran Batu Pahat, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Rengit. Jumlah penerima bantuan sehingga 31 April 2008 adalah sebanyak 67 keluarga yang terdiri daripada 53 keluarga miskin dan 14 miskin tegar. Jumlah bantuan yang telah diberikan kepada keluarga tersebut adalah RM68,583.00. Di samping itu, pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat masih lagi menunggu keputusan 10 lagi permohonan yang telah pun dihantar kepada Bahagian Kemiskinan Bandar, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sekiranya permohonan tersebut diluluskan, anggaran bantuan yang akan diterima ialah berjumlah RM21,146.00. Adalah menjadi harapan Majlis agar semua pihak dapat bersama-sama membantu dalam usaha mengesan golongan miskin dan miskin tegar di kawasan masing-masing.

Yang Berhormat ADUN Rengit juga mencadangkan supaya dikurangkan bayaran letak kereta sebanyak 40 peratus bagi meringankan beban rakyat kesan kenaikan harga minyak, juga. Perkara ini akan diteliti kerana perjanjian penswastaan letak kereta di kawasan Majlis Perbandaran Batu Pahat yang diuruskan oleh Syarikat Metro Parking akan tamat pada 31 Ogos ini. Pada masa ini Majlis Perbandaran Batu Pahat telah pun memberikan pengurangan

sehingga 70 peratus kepada mereka yang membuat bayaran kompaun yang telah dikenakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu banjir kilat di Muar, khususnya di DUN Maharani yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Maharani. Majlis Perbandaran Muar telah pun mengemukakan permohonan peruntukan untuk menjalankan projek-projek bagi mengatasi masalah tersebut kepada Kementerian. Majlis Perbandaran Muar juga sedang melaksanakan 3 buah projek bagi mengatasi masalah banjir yang melibatkan kos berjumlah RM450,000.00 di Lorong Bahagia, Lorong Isnin dan Taman Bahagia.

Mengenai isu Balairaya di Taman Dato' Onn yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjung Puteri. Pembangunan Larkin Residence merupakan tanah milik kumpulan KPRJ yang telah dijual kepada Tetuan Kelana Erat Sdn. Bhd. bagi tujuan pembangunan pangsapuri kos sederhana, plot perdagangan dan komponen kemudahan lain seperti tadika dan dewan serbaguna, kawasan lapang, loji rawatan kumbahan dan *retention pond* dengan izin. Kelulusan kebenaran merancang bagi pembangunan Larkin Residence ini telah diluluskan oleh Majlis pada 14 Oktober 2002.

Komponen sedia ada di atas tapak ketika itu adalah sistem perparitan dan sebuah balai raya. Memandangkan sebahagian pembangunan pangsapuri telah siap dibina dan telah diduduki, pihak pemaju telah pun mengambil tindakan membina sebuah dewan serba guna lengkap dengan kemudahan badminton dan tadika di atas tapak seluas 11,761 kaki persegi yang telah diluluskan oleh Majlis bersebelahan rumah nombor 11, Jalan Saksama. Bagaimanapun, dari segi pemilikan dewan serba guna masih lagi dimiliki pemaju dan diuruskan di bawah satu badan pengurusan.

Permasalahan yang dibangkitkan oleh Jawatankuasa Penduduk Kampung Dato' Onn itu ialah:

i. Penggantian kepada balai raya Kampung Dato' Onn yang telah diambil balik oleh pihak pemaju. Jawatankuasa Penduduk tidak bersetuju dengan cadangan penggunaan dewan raya yang dikongsi bersama penghuni pangsapuri Larkin.
ii. Penukaran status tapak dewan raya daripada pemaju kepada Kerajaan Negeri.

Satu perbincangan Yang Berhormat Dato' Speaker, telah pun diadakan baru-baru ini dan keputusannya dalam perbincangan tersebut ialah:

i. Pihak pemaju akan menyerahkan tapak dewan raya seluas 11,761 kaki persegi itu kepada Kerajaan Negeri bagi di selenggara oleh Pejabat Daerah ataupun MBJB.
ii. Memandangkan saiz tapak terhad, pemaju dikehendaki mengemukakan semula reka bentuk dewan yang baru kepada 2 tingkat pada penghujung Julai 2008 ini, berserta amaun yang boleh disumbangkan oleh pihak pemaju bagi pembinaan dewan serba guna tersebut.

iii. Pembinaan dewan dijangka dapat disiapkan dalam tempoh 18 bulan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai penubuhan MC ataupun *Management Corporation,* dengan izin, di Pangsapuri Sri Impian, Larkin Perdana yang belum selesai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjung Puteri. Untuk makluman, projek pembangunan Larkin Perdana ini merupakan projek penswastaan antara Kerajaan Negeri dan Tetuan Banjaya Sdn. Bhd. yang melibatkan pembangunan pangsapuri sederhana, kompleks perniagaan, kedai pejabat jenis teres, stesen minyak, rumah pangsa kos rendah dan kemudahan-kemudahan lain. Komponen yang telah siap dibina iaitu kedai pejabat, 500 unit rumah pangsa kos rendah dan loji rawatan kumbahan yang terletak di kawasan rumah pangsa kos rendah ini, telah diambil alih penyelenggaraannya oleh pihak Majlis daripada pemaju mulai 15 Mei 2008.

Memandangkan pembangunan pangsapuri Sri Impian dan rumah pangsa kos rendah telah pun dikeluarkan Sijil Kelayakan Mendudukinya ataupun CFO, pihak pemaju iaitu Tetuan Banjaya Sdn. Bhd. bertanggungjawab untuk menguruskan kerja-kerja penyelenggaraan rumah pangsa kos rendah Larkin Perdana ini sebagaimana peruntukan Akta Perumahan 1966 dan Akta Bangunan dan Harta Bersama 2007 kerana badan pengurusan bersama belum ditubuhkan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Perbadanan Pengurusan ataupun MC hanya boleh ditubuhkan sekiranya hak milik strata telah dikeluarkan. Dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab, Datuk Bandar sebagai Pesuruhjaya Bangunan untuk mengawal selia pengurusan bangunan, pihak Majlis telah pun mengadakan satu taklimat kepada pemilik pangsapuri Sri Impian mengenai tanggungjawab mereka untuk menubuhkan Badan Pengurusan bersama bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan ke atas bangunan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat Permas, cadangan supaya Pihak Berkuasa Tempatan memberi kebenaran untuk menanam sayuran dan buah-buahan di atas tanah milik PBT akan diteliti kesesuaiannya, kerana kebanyakan tanah-tanah yang diselenggarakan PBT adalah tanah rizab kawasan lapang ataupun tanah yang akan dibangunkan untuk kegunaan rekreasi.

Mengenai masalah penyelenggaraan rumah-rumah pangsa awam atau swasta yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Maharani. Majlis Perbandaran Setempat mungkin boleh mengenakan sedikit bayaran cukai harta atau cukai pintu atau mana-mana yang sesuai untuk tujuan penyelenggaraan bagi menjaga kepentingan penduduk rumah pangsa.

Manakala masalah pelupusan sisa pepejal di daerah Batu Pahat telah pun saya huraikan secara terperinci Yang Berhormat Dato' Speaker, melalui jawapan lisan tempoh hari. Begitu juga mengenai isu banjir kilat di kawasan bandar termasuk Kampung Poh Chee Leng yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Skudai juga telah saya jelaskan, diperjelaskan di dalam jawapan lisan saya yang tak sempat dibaca.

Bagi isu-isu yang dibangkitkan Yang Berhormat ADUN Bentayan mengenai kemudahan awam di Majlis Perbandaran yang terbiar rosak dan tidak boleh digunakan seperti kolam renang Muar, rumah persinggahan Muar dan trek larian Muar, telah pun saya perjelaskan juga melalui jawapan lisan yang dijawab secara bertulis.

Bagi persoalan dibangkitkan Yang Berhormat ADUN Bentayan mengenai Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan tidak diaudit setiap tahun berbanding dengan Penyata Kewangan Tahunan syarikat swasta yang diaudit mandatori setiap tahun. Sukalah saya memaklumkan bahawa semua Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Johor dikehendaki menyediakan Penyata Kewangan bagi setiap tahun yang berakhir pada 31 Disember tahun semasa dan dibentangkan kepada Mesyuarat Penuh Pihak Berkuasa Tempatan dalam bulan Mei tahun sebelumnya.

PBT hendaklah mengemukakan Penyata Kewangan tersebut kepada Juruaudit Negara untuk diperiksa akaun itu sama ada oleh Juruaudit Negara sendiri atau juruaudit lain yang disyorkan oleh Juruaudit Negara. Akaun-akaun yang telah diaudit bersama-sama dengan pandangan juruaudit hendaklah di bincang dalam mesyuarat kewangan. Dan, setelah itu disiarkan dalam Warta PBT sebagaimana termaktub di bawah Seksyen 54 dan Seksyen 60 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Tidak ada satu Pihak Berkuasa Tempatan pun yang dikecualikan daripada pengauditan akaun untuk setiap Penyata Kewangan yang berakhir pada 31 Disember bagi setiap tahun.

Selain daripada itu, Kerajaan telah menetapkan bahawa pemberian geran tahunan Persekutuan kepada pihak PBT hendaklah disertakan dengan bukti Penyata Kewangan telah dikemukakan kepada Juruaudit Negara sebagai salah satu syarat untuk mendapatkan geran tahunan pada setiap tahun. Dan, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, semua PBT Negeri Johor telah pun mengemukakan Penyata Kewangan berakhir pada 31 Disember 2007 kepada juruaudit sebelum 31 Mei 2008, termasuklah MPM ataupun Majlis Perbandaran Muar.

Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor telah mendapat Sijil Audit untuk Penyata Kewangan berakhir pada 31 Disember 2007 adalah Majlis Daerah Pontian, Majlis Daerah Kota Tinggi dan Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang. Laporan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan yang lain masih dalam tindakan Juruaudit Negara.

Bagi kerosakan infrastruktur seperti laluan pejalan kaki dan lampu-lampu taman di Taman Tanjung Emas yang dibangkitkan oleh ADUN Bentayan. Kerja-kerja membaik pulih laluan pejalan kaki yang bertempat di Tanjung Emas telah dimulakan beberapa minggu yang lalu dengan menggunakan peruntukan Majlis Perbandaran Muar. Pada masa ini hampir 90 peratus projek tersebut telah disiapkan. Anggaran bagi membaiki keseluruhan laluan pejalan kaki Tanjung Emas dan di Tanjung Ketapang adalah RM50,000.00.

Mengatasi masalah hakisan di Sungai Muar pula, Majlis Perbandaran Muar akan bekerjasama dengan JPS untuk mengatasi masalah ini. Majlis Perbandaran Muar juga mengakui terdapat beberapa lampu awam yang tidak menyala di

sekitar Tanjung Emas. Untuk makluman, sebahagian lampu di kawasan tersebut diselenggarakan oleh pihak TNB, terutamanya lampu-lampu jalan. Pihak Majlis Perbandaran Muar hendaklah terus melaporkan dan bekerjasama dengan pihak JPS, TNB bagi memastikan tindakan pembaikan dijalankan secara berterusan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai tapak pelupusan sampah baru, bagi menggantikan tapak pelupusan di Bukit Bakri, Muar, ia akan ditutup apabila tapak pelupusan sanitari bagi Wilayah Utara yang dicadangkan di Jorak siap dibina. Tapak pelupusan sanitari tersebut akan digunakan bagi menampung sisa pepejal daripada Wilayah Utara Negeri Johor yang meliputi daerah Muar dan Ledang. Ia akan disokong oleh sebuah stesen pemindahan sisa pepejal ataupun *transfer station*, dengan izin yang akan di bina di Muar dan Ledang, bagi mengumpul semua sisa-sisa pepejal harian yang dikutip sebelum dipindah atau dibawa dengan lori khas yang dipanggil roro ke tapak pelupusan sanitari di Jorak untuk dilupuskan.

Dengan terbinanya kemudahan tapak pelupusan sanitari dan sistem pemindahan sisa pepejal ini nanti, maka ia akan melancarkan lagi proses kutipan sisa pepejal seterusnya mengelak daripada berlakunya krisis pelupusan sisa pepejal di Wilayah Utara Negeri Johor.

Mengenai masalah kesesakan lalu lintas dan kekurangan tempat letak kereta pula, bilangan petak letak kereta di kawasan bandar Muar sememangnya terhad. Disebabkan pembangunan yang pesat berbanding dengan keadaan bandar yang merupakan bandar lama di mana sistem jalan rayanya yang sedia sempit. Walau bagaimanapun, MPM telah berusaha mewujudkan beberapa kawasan tempat letak kereta awam di tanah-tanah milik Majlis. Antaranya, Dewan Jubli Intan, Hentian Maharani dan di kawasan gerai bersebelahan Perhentian Gerai Bentayan.

Namun, pengguna jalan raya lebih suka meletakkan kenderaan di hadapan kedai. Hasil tinjauan pihak MPM mendapati purata penggunaan kawasan tempat letak kereta tersebut adalah rendah iaitu kira-kira 40 peratus sahaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu burung walet, perusahaan walet, yang tadi pun telah dihujahkan atau dijawab oleh EXCO Pertanian, sahabat saya Pengerusi Pertanian. Kerajaan ini, tapi yang saya nak, nak bangkitkan Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah berkenaan dengan perusahaan walet dalam kawasan bandar yang dibangkitkan oleh, yang dijawab oleh EXCO Pertanian tadi ialah burung walet yang di luar bandar.

Y.B. Dato' Speaker : Oh jadi…

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Bandar ni perusahaan walet dah sedia ada lebih kurang, lebih 50 tahun yang lalu. Dan sekarang…

Y.B. Dato' Speaker : Apa beza, Yang Berhormat? Walet bandar dan luar bandar?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang luar bandar ni pun memang dah lama juga tapi kita tak perasan. Yang Berhormat Dato' Speaker, macam juga walet banyak dekat bangunan, yang kita tak perasan. Kita ingat burung layang-layang biasa, pada hal burung, burung walet, yang air liurnya memang cukup berharga bukan macam air liur…

Y.B. Dato' Speaker : Air liur luar bandar? Hebat ya luar bandar punya. Burung walet luar bandar lebih hebat ya?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Jenisnya sama, sama. Jadi, untuk makluman Dewan ini, perkara ini telah dibangkitkan oleh ADUN Pulai Sebatang. Terdapat lebih kurang 2,000 rumah burung walet yang beroperasi di semua bandar, di dalam kawasan PBT di Negeri Johor. Kerajaan sedar bahawa inilah dia satu industri yang cukup baik kalau diselenggarakan dengan sempurna. Oleh kerana itu, kita mengambil pendekatan untuk menunggu Enakmen Pengurusan Pemeliharaan Burung Walet, yang akan di siapkan oleh, disediakan oleh Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri dalam masa yang terdekat ini, kerana peraturan penternak atau menternak, ataupun mengawal perusahaan burung walet dalam kawasan PBT memang telah sedia ada, sebagaimana yang telah dijalankan di bandar-bandar lain seperti di negeri, di Rompin, ataupun di, di Negeri Pahang ada, di Perak dan juga di Terengganu. Jadi kita akan, Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan akan menangani perusahaan walet dalam bandar, supaya industri ini dapat dibangunkan dan dijadikan satu hasil bukan sahaja kepada pengusaha tetapi juga kepada PBT yang berkenaan. Dan, saya percaya dengan kerjasama semua orang, termasuk persatuan-persatuan yang mewakili perusahaan walet ini, kita akan dapat mengendalikan perusahaan walet dalam bandar mengikut amalan pertanian yang baik.

Y.B. Dato' Speaker : Dia suka kat mana Yang Berhormat, burung walet ni, memang bangunan aje? Dia tak boleh tempat lain eh?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Dia akan tinggal dalam "hotel-hotel", dalam...

Y.B. Dato' Speaker : Oh dia pilih tempat juga ya?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Ya.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, bagus.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Tempat yang telah…

Y.B. Dato' Speaker : Itu apa? Hotel dia suka, hotel 5 *star* ke 3 *star*?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin maklumkan mengikut kajian yang telah dibuat setakat ini. Seekor burung walet akan bayar

sewa kepada tuan punya "hotel" sebanyak RM3.00 atau RM4.00 semalam. Selepas tiga tahun menduduki…

Y.B. Dato' Speaker : Semalam ke seekor?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Seekor bayar RM3.00, RM4.00 ataupun RM4.00 semalam. Bayangkan kepada tuan punya "hotel". Jadi saya cadangkanlah, kalau siapa nak jadi tuan punya "hotel" sebelum buka "hotel walet", kena belajar dulu macam mana hendak menjalankan perusahaan ini. Kerajaan mesti bersikap terbuka dalam perkara ini dan saya minta kerjasama semua ADUN, untuk memberikan fahaman khususnya kepada orang ramai, kerana setelah saya membuat kajian, Yang Berhormat Dato' Speaker, sejak saya jadi EXCO Pertanian dahulu, kerana kompelin yang selalu datang adalah diakibatkan:

i. Oleh kerana tuan punya "hotel" itu tadi tidak faham, tidak mahir dengan cara untuk memelihara burung walet.
ii. Ini dah semula jadilah, perasaan cemburu dan iri hati di kalangan masyarakat.

Saya cakap terus terang. Tetapi kalau kita tidak mengambil peluang untuk membangunkan industri ini secara tersusun dan sistematik mengikut perkembangan yang ada, PBT juga akan rugi Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana industri ini dah lama ada. Saya dah cakap tadi, lebih kurang 2,000 pengusaha yang ada, yang tidak berlesen di seluruh negeri. Saya cukup yakin, kita mesti menangani masalah ini.

Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Yong Peng, Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai tapak pelupusan jangka pendek dan jangka panjang untuk PBT Yong Peng perlu dipercepatkan, memandangkan sampah sarap di hantar ke Labis memerlukan perbelanjaan lebih besar, telah pun saya jawab melalui jawapan lisan tempoh hari.

Mengenai isu banjir kilat di Taman Jelita, Taman Cenderawasih, Jalan Hokkien Yong Peng, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Yong Peng juga, banjir kilat sering berlaku di kawasan tersebut kerana *culvert* yang sedia ada tidak dapat menampung pengaliran air jika hujan lebat. MDYP akan sentiasa memantau kebersihan sistem perparitan dan longkang yang terlibat dan akan mengambil tindakan pembersihan pada bila-bila waktu sekiranya keadaan memerlukan, sementara peruntukan ditunggu, sementara menunggu peruntukan diluluskan oleh Kementerian.

Mengenai isu penambakan tanah di Kampung Abdullah, Segamat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jementah. Kawasan tersebut adalah dalam zon perdagangan di mana pemilik-pemilik tanah telah membuat ubah syarat tanah daripada kediaman kepada rumah kedai. Kini terdapat kecenderungan pemilik-pemilik tanah di kawasan tersebut untuk mendirikan bangunan dengan menambak tanah melebihi paras banjir yang lepas, bagi mengelakkan bangunan yang dibina dinaiki air. Namun, tambakan dibuat tidaklah sampai 3, saya difahamkan tidaklah sampai 3 kaki tingginya. Setiap pembangunan yang akan dilaksanakan perlu mendapat kelulusan pelan kerja tanah. Jalan dan

perparitan melalui Mesyuarat Jawatankuasa OSC di mana semua yang asal daripada jabatan teknikal termasuk JPS akan diperolehi sebelum permohonan tersebut dipertimbangkan. Sebagai contoh, projek mendirikan 10 unit kedai ataupun pejabat 3 tingkat di Jalan Genuang, tambakan tanah tidak sampai 3 kaki dari paras jalan dan ianya mengikut contoh, pembangunan Pasar Raya Giant yang tidak dinaiki air semasa banjir besar. Walau bagaimanapun, segala perancangan jangka panjang di Kampung Abdullah akan tertakluk kemudiannya nanti kepada Pelan Rancangan Khas yang sedang disediakan.

Bagi soalan dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Mengkibol mengenai Sungai Mengkibol di kawasan dilanda banjir kebanyakan parit, longkang tersumbat sampah sarap. Dicadangkan, letak papan tanda amaran di tepi parit dan sungai, untuk melarang pembuangan sampah dan dikenakan denda kepada sesiapa yang melanggar undang-undang. MPK telah mula meletakkan tong sampah jenis roda dan memasang papan tanda, "Jangan Membuang Sampah Di Kawasan Yang Tidak Dibenarkan". Ini termasuk juga di tepi parit dan sungai. Di samping itu, papan tanda tersebut juga memaparkan denda yang akan dikenakan kepada sesiapa yang melanggar undang-undang ini. Pihak MPK juga melakukan pemantauan dan rondaan secara berkala, bagi mengesan aktiviti yang tidak sepatutnya. Kerajaan Negeri telah maklum mengenai masalah kutipan sisa pepejal yang berlaku di Kluang, terutamanya pada akhir bulan Mac dan bulan April 2008. Di antara punca kelewatan pungutan sisa pepejal oleh SWM di Majlis Perbandaran Kluang, berpunca daripada kadar kerosakan yang kritikal terhadap *compactor,* ataupun lori sampah yang digunakan oleh SWM, kerana mengambil masa yang panjang untuk diperbaiki, sehingga menjejaskan operasi kutipan sisa pepejal.

Pada masa ini sisa pepejal daripada kawasan MPK dilupuskan di tapak pelupusan Simpang Renggam, yang terletak 33 kilometer dan mengambil masa 45 minit hingga 1 jam perjalanan sehala, berbanding tapak pelupusan sebelum ini di Jalan Kahang, yang hanya mengambil masa 15 minit perjalanan sehala. Keadaan tapak pelupusan di Simpang Renggam yang licin terutamanya pada musim hujan juga telah menjejaskan kelancaran jadual kutipan sisa pepejal oleh SWM. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Dato' Speaker, melalui MPK telah mengarahkan agar SWM segera mengambil langkah-langkah bagi mengatasi masalah kelewatan pungutan sisa pepejal.

Sementara itu, cadangan membekalkan tong sampah yang besar di setiap taman perumahan, bukanlah penjelasan yang muktamad memandangkan bahawa perkhidmatan pungutan sisa pepejal bagi kawasan perumahan dilaksanakan dari premis-premis mengikut kekerapan yang ditetapkan dalam Perjanjian *Interim* di antara SWM dengan PBT. Penggunaan tong sampah besar boleh mengundang masalah lambakan sisa yang tidak terkawal, akibat sikap segelintir kontraktor dan peniaga yang tidak bertanggungjawab, mengambil kesempatan membuang sisa-sisa binaan dan industri mereka ke dalam tong-tong sampah besar yang disediakan kerana enggan membayar kos pelupusan. Sebagaimana peruntukan di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976, Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap, setiap pemilik atau peniaga harus melantik kontraktor yang berdaftar dengan Majlis, bagi memungut bahan-bahan buangan industri dan dilupuskan dengan sempurna.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setiap PBT mempunyai unit kawal selianya sendiri, yang bertanggungjawab untuk memantau mahupun membuat *spot check* terhadap kerja-kerja yang dijalankan oleh SWM termasuk kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor di bawah naungannya yang melibatkan skop, spek, kualiti serta frekuensi kerja. Unit ini akan mengeluarkan notis pembetulan kepada SWM. Sekiranya kerja-kerja gagal dilaksanakan atau tidak dilaksanakan dengan sempurna, di mana SWM perlu mengambil tindakan pembetulan dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya tindakan pembetulan tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan, setelah NTC dikeluarkan, maka PBT sebagaimana diperuntukan di dalam perjanjian pengurusan interim itu, di antara SWM dengan PBT, PBT punya kuasa untuk mengambil tindakan ke atas SWM, seperti melaksanakan pemotongan ke atas yuran pengurusan. Peruntukan klausa 18 (b) dalam perjanjian, memberi kuasa kepada PBT untuk melantik pihak ketiga, jika SWM gagal mengambil tindakan dalam masa yang ditetapkan setelah NTC dikeluarkan. Tetapi rata-rata Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan juga memang tidak berpuas hati dengan prestasi SWM di dalam peringkat interim ini.

Mengenai projek landskap di Sungai Mengkibol yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Mengkibol, projek tersebut berjumlah RM1.8 juta dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Landskap Negara. Projek ini dilaksanakan selaras dengan Pelan Induk Landskap Bandar Kluang. Ianya dilaksanakan bagi menyediakan tempat riadah seisi keluarga, khususnya bagi penduduk Kluang. Ianya dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat di daerah tersebut. Projek ini dilaksanakan dengan mengambil kira banjir yang berlaku, iaitu dengan membina sistem saliran dari kawasan pembangunan Sungai Mengkibol dan meninggikan aras platform bagi mengelakkan kawasan tersebut ditenggelami air bila berlaku banjir kilat.

Cadangan daripada Yang Berhormat ADUN Pekan Nenas, supaya PBT mengurangkan bayaran cukai harta, bagi membantu meringankan beban hidup rakyat adalah sangat baik. Namun begitu, sekiranya perkara ini dillaksanakan maka sudah tentu jumlah hasil PBT akan berkurangan. Dan akan menjejaskan prestasi perkhidmatan PBT, bagi melaksanakan projek-projek pembangunan yang telah dirancangkan. Walau bagaimanapun, PBT melalui Pejabat SUK sedang meneliti beberapa insentif, untuk dibawa kepada pertimbangan kerajaan bagi membantu meringankan beban rakyat hasil daripada kenaikan harga minyak serta barangan lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Kahang membangkitkan isu mengenai pembangunan Kahang yang tidak seimbang dan kemudahan infrastruktur asas perlu diperbaiki. Majlis Perbandaran Kluang tidak pernah secara umum mengabaikan mana-mana kawasan dalam kawasan pentadbirannya. Pembangunan yang diberikannya di semua kawasan adalah mengikut keutamaan dan kemampuan kewangan Majlis. Kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur, pembinaan kemudahan-kemudahan awam, taman rekreasi dan kemudahan-kemudahan perniagaan akan dilaksanakan mengikut perancangan. MPK telah dan akan terus menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan ke atas infrastruktur dan kemudahan awam yang telah dibina. Jika terdapat jalan-jalan yang rosak di kawasan Kahang, MPK akan

membaiki jalan tersebut melalui peruntukan MARRIS, sementara penyelenggaraan longkang akan dilaksanakan melalui peruntukan Majlis. Untuk perancangan jangka panjang pula, Majlis telah menyediakan pelan konsep untuk menaik taraf jalan pintu masuk ke Pekan Kahang. Membina dataran dan landskap. Walau bagaimanapun, perancangan tersebut tidak dilaksanakan kerana permohonan peruntukan bagi tujuan tersebut telah tidak diluluskan oleh Kementerian.

Mengenai cadangan Yang Berhormat ADUN Semarang, supaya projek pembangunan pelancongan dibuat secara integrasi dengan kerjasama jabatan-jabatan termasuk PBT, ianya merupakan satu cadangan yang baik. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di Pihak Berkuasa Tempatan, isu di Pihak Berkuasa Tempatan, isu perkara-perkara yang dibangkitkan dengan pelancongan sentiasa dibincangkan menerusi Jawatankuasa Pelancongan yang terdapat di semua Pihak Berkuasa Tempatan.

Mengenai dengan banjir kilat di Tangkak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tangkak, jabatan, JPS telah pun membelanjakan peruntukan sebanyak RM7 juta bagi menaik taraf sistem perparitan bandar iaitu di Jalan Sialang dan Padang Lerek pada tahun 2007. Sementara pada tahun ini, peruntukan sebanyak RM20 juta telah diperolehi bagi projek menaik taraf sistem perparitan utama dan Sungai Sri Makmur hingga ke persimpangan Jalan Bekok. Selain daripada itu, pihak Majlis di bawah peruntukkan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan melaksanakan projek menaik taraf sistem perparitan di Jalan Muar dengan kos sebanyak RM2 juta. Pelaksanaan projek ini dijangka bermula pada Ogos 2008 ini. Dengan siapnya projek ini, diharap masalah banjir kilat di kawasan Daerah Tangkak akan dapat diatasi sepenuhnya.

Berkenaan isu penguatkuasaan undang-undang bagi menghalang orang awam daripada terus membuang sampah ke dalam sungai, parit, longkang dengan sewenang-wenangnya, PBT mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang melakukan kesalahan tersebut di bawah Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran. Mereka yang melakukan kesalahan tersebut boleh di kompaun tidak lebih RM250.00.

Isu rumah yang terbengkalai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Layang-Layang, adalah Taman Sri Layang-layang terletak di Lot 133, Mukim Layang-Layang yang berkeluasan 50 ekar dan melibatkan 2 fasa pembangunan. Fasa pertama yang mengandungi rumah teres, rumah kedai dan rumah murah telah disiapkan sepenuhnya, Yang Berhormat Dato' Speaker dan telah pun dapat CFO pada Oktober 1992. Fasa kedua yang mengandungi rumah teres, rumah kedai, banglo dan rumah murah, terdapat pindaan pelan yang diluluskan pada 31 Januari 1997. Fasa kedua inilah yang terbengkalai sehingga sekarang. Pemaju asal projek perumahan ini adalah Peladangan Semenanjung Emas Sdn. Bhd. dan bagi fasa kedua pula telah diambil alih oleh Kogo Reality Sdn. Bhd. Pihak Kogo tidak berjaya menyiapkan projek ini kerana mengalami masalah kewangan. Kerajaan Negeri telah pun mengadakan rundingan bersama Syarikat Perumahan Negara Berhad, bagi menyelesaikan masalah ini, namun kita belum lagi dapat keputusan yang muktamad.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Senai, Yang Berhormat Senai, mengenai gerai yang telah disewakan atau dibeli oleh pendatang asing di Taman Desa Skudai, sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, gerai tersebut terletak di Jalan Emas Putih 4, Taman Sri Skudai, gerai yang dimaksudkan adalah gerai sementara yang telah dibina pada tahun 1995 yang terdiri daripada 30 unit di dua lokasi iaitu di kawasan letak kereta Jalan Emas Putih 1 dan di bahu jalan, Jalan Emas Putih 4, Taman Sri Skudai. Pembinaan gerai sementara ini adalah berikutan dengan penempatan semula penjaja-penjaja gerai tersebut. 30 lesen telah dikeluarkan kepada 26 orang Melayu, 2 orang Cina, 2 orang India yang kebanyakan berniaga pada waktu malam. Berdasarkan siasatan oleh MPJBT, berhubung dakwaan gerai tersebut telah disewa atau dibeli oleh pendatang asing, ianya sukar dibuktikan kerana pemegang lesen mendakwa pendatang asing tersebut adalah pekerjanya. Walau bagaimanapun, MPJBT memandang serius perkara ini dan akan sentiasa memantau dari semasa ke semasa bagi kepentingan peniaga tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu mengenai kehadiran Wakil Rakyat dalam mesyuarat penuh PBT yang dibangkit oleh Yang Berhormat Senai telah pun saya perjelaskan melalui jawapan lisan secara bertulis tempoh hari di dalam Persidangan ini. Bagi menangani masalah banjir kilat yang sering berlaku di Batu 21, Kulai, Kulaijaya yang dibangkitkan Yang Berhormat Senai juga, pihak JPS telah melaksanakan tindakan jangka pendek dengan membersih dan mendalamkan Sungai Skudai dan Parit Monsun di Batu 21, Kulai bagi melancarkan aliran air di kawasan berkenaan. Untuk jangka masa panjang pula, JPS sedang membina kolam takungan di kawasan Taman Putri, Kulai yang dijangka siap pada bulan Ogos ini. Dengan terbinanya kolam takungan tersebut, aliran air dapat disekat daripada terus mengalir ke kawasan Batu 21, Kulai untuk tempoh 3 jam bagi mengelakkan berlakunya limpahan air yang berlebihan yang menyebabkan banjir kilat di Batu 21. Walau bagaimanapun, MPKu dan JPS sentiasa memantau dan mengambil serius bagi menangani masalah banjir kilat yang sering berlaku di kawasan Kulaijaya. Selain itu, pihak Majlis dan JPS telah mengarahkan kepada pemaju-pemaju yang membangunkan kawasan perumahan untuk menyediakan kolam takungan bagi memastikan air dari kawasan pembinaan tapak tidak mengalir terus ke parit-parit sedia ada yang boleh menyebabkan banjir kilat.

Mengenai isu berkenaan kadar cukai harta yang tinggi di Majlis Perbandaran Kulai. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kadar cukai harta bagi pegangan jenis perumahan yang dikenakan di Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Johor adalah berbeza-beza. Perbezaan ini adalah disebabkan oleh penentuan kadar yang berdasarkan tahun penilaian dan tahun aras nilai. Ianya bergantung kepada tarikh berkuat kuasa kadar tersebut diluluskan oleh kerajaan. Jika disemak kadar di PBT Negeri Johor, kadar cukai harta jenis perumahan di Majlis Perbandaran Kulai tidaklah yang tertinggi jika dibandingkan dengan Pihak Berkuasa Tempatan yang lain. Majlis Perbandaran Kulai sedang dalam proses menyemak semula senarai nilaian berserta kadar bagi semua jenis pegangan yang ada.

Berkenaan cadangan supaya di naik taraf terminal bas dan sistem pengangkutan awam di Kulaijaya, pada masa ini terdapat perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas dan teksi yang memberikan perkhidmatan

pengangkutan untuk kawasan perumahan-perumahan besar seperti Taman Indahpura, Bandar Putera, dan Taman Putri Kulai. Pihak Majlis juga telah menyediakan pondok menunggu bas dan teksi di tempat-tempat strategik untuk kemudahan orang awam. Pihak Majlis Perbandaran Kulai sedang dalam perancangan untuk menaik taraf terminal bas dan teksi Kulaijaya sedia ada dan cadangan tersebut akan di bawa dalam Rancangan Malaysia Ke-10 dengan mengambil kira kemudahan yang lebih sistematik dan teratur untuk keselesaan pengguna.

Y.B Dato' Speaker : Yang Berhormat, panjang lagi?

Y.B Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Saya ada sampai pukul 1, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B Dato' Speaker : Astaghfirullah al'azim… (Dewan ketawa).

Y.B Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Kerana masa Dewan bersidang telah di gazet untuk…

Y.B Dato' Speaker : Yalah tu. Saya tahulah tu.

Y.B Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Sampai pukul satu.

Y.B Dato' Speaker : Saya cuma tanya. Saya bertanya bukan kerana apa, panggilan bilik air. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan selama 15 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:15 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 12:25 tengah hari.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula. Dijemput Yang Berhormat.

Y.B Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Parit Yaani meminta jalan dari Tanjung Labuh ke Jalan Batu Pahat dan jalan ke Bukit Pasir ke jambatan Tongkang Pecah dilebarkan kepada 4 lorong. Ianya tidak dapat dilaksanakan pada masa ini kerana kekurangan peruntukan. Kerja-kerja pelebaran akan dibuat secara berperingkat-peringkat bermula dari tahun 2009 dan dijangka siap pada tahun 2010. Bagi permohonan menaik taraf jalan dari Parit Buloh ke persimpangan Jalan Tongkang akan dijalankan secara berperingkat-peringkat. Fasa pertama adalah pembinaan jambatan dari Parit Salih ke Parit Buloh termasuk membina jalan hingga ke Bindu yang menelan belanja RM20.3 juta. Jalan sambungan dari Bindu ke Jalan Tongkang Pecah akan dilaksanakan dalam fasa kedua. Bagi permohonan membina jejantas di Taman Sri Jaya, Jalan Kluang, hadapan kilang Sharp Roxy dan hadapan kilang

biskut Hup Seng Jalan Tongkang Pecah, akan disemak dan dibuat kajian lanjut mengikut kesesuaian cadangan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat ADUN Nusajaya membangkitkan berkenaan isu menaik taraf jalan Johor Bahru – Pontian. Adalah dimaklumkan pihak Kerajaan Negeri Johor telah berjaya mendapat sejumlah peruntukan di bawah kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ke-9. Peruntukan ini merujuk kepada projek pembinaan jalan raya 4 lorong bermula dari persinggahan Tol Pulai melalui Pekan Nenas dan seterusnya ke arah bandar Pontian. Kos pembinaan projek jalan raya di kawasan terbabit melibatkan sejumlah peruntukan yang dianggarkan bernilai RM150 juta. Pelaksanaan projek pembinaan jalan raya ini akan dapat menaiktarafkan Jalan Johor Bahru – Pontian sekali gus melancarkan perjalanan lalu lintas dan meningkatkan lagi kualiti sistem jaringan jalan, jaringan jalan raya yang lebih cekap. Bagi kerja-kerja pembaikan jalan di kilometer 46, tindakan akan diambil secepat mungkin untuk mengelak kemalangan di kawasan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekarang izinkan saya untuk menghuraikan tentang isu keselamatan jalan raya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jementah. Sukacita dimaklumkan bahawa projek menaik taraf Jalan Gemas ke Ayer Hitam telah pun diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-8. Namun demikian jumlah peruntukan yang diperolehi ketika itu adalah terhad. Maka, segala perbelanjaan untuk melaksanakan penaiktarafan jalan tersebut perlu diteliti sebaik mungkin. Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan memutuskan agar jambatan yang sedia ada dikekalkan memandangkan keadaan struktur jambatan berkembar sepanjang Jalan Gemas ke Ayer Hitam masih kukuh dan berkeadaan baik. Hal ini adalah kerana, sesebuah jalan raya yang hendak dilebarkan memerlukan pembinaan jambatan yang lebih tinggi dengan mengambil kira beberapa faktor antaranya kenderaan yang menggunakan jalan tersebut dan juga paras banjir yang melanda di kawasan terbabit.

Pelaksanaan pembinaan semula jambatan memerlukan kos, memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi. Sehubungan itu, cadangan pembinaan semula jambatan dalam tempoh masa terdekat ini masih belum dapat diputuskan oleh pihak JKR. Walau bagaimanapun, JKR sedang giat mengambil tindakan untuk mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan di sekitar jambatan sedia ada tersebut bagi tujuan meminimumkan jumlah kemalangan yang kerap berlaku di kawasan terbabit. Antara ciri-cirinya ialah yang dilaksanakan termasuklah memasang lampu-lampu, pemasangan tiang pemantau cahaya, papan tanda amaran dan lain-lain lagi ciri-ciri keselamatan yang menelan kos perbelanjaan yang tidak begitu tinggi.

Sukacita dimaklumkan bahawa kerja-kerja pembesaran jambatan-jambatan akan diambil kira apabila pihak JKR melaksanakan projek penaiktarafan jalan ini kepada 4 lorong pada rancangan 5 tahun yang akan datang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekarang izinkan saya menghuraikan tentang isu menaik taraf jalan dari Kluang ke Mersing melalui Kahang sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kahang. Sukacita saya dimaklumkan bahawa kerajaan sememang giat merancang untuk menaik taraf jalan dari

Kluang ke Mersing melalui Kahang. Perancangan menaik taraf jalan ini akan dapat meningkatkan lagi kualiti kehidupan dan infrastruktur di daerah Kluang dan Mersing. Jalan-jalan yang dinaik taraf akan dilebarkan dan diluruskan. Secara tidak langsung, ciri-ciri keselamatan juga akan dipertingkatkan bagi memastikan sistem yang lebih cekap dan terancang. Ciri-ciri keselamatan yang akan dipertingkatkan termasuklah lampu jalan di beberapa tempat yang tertentu akan diperbanyakkan. Namun yang demikian, Kerajaan Negeri masih lagi menunggu kelulusan kewangan daripada Kerajaan Pusat bagi membolehkan rakyat merasai faedahnya secara bersama. Selain daripada itu, usaha menaik taraf jalan raya itu juga akan dapat meningkatkan lagi kualiti sistem jaringan jalan raya yang lebih cekap dan teratur.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menyentuh tentang masalah yang timbul kesan pembinaan lorong pemotong di Jalan Kota Tinggi - Mersing yang telah siap dibina yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tenggaruh, berbagai masalah yang timbul sejak lorong berkenaan dibuka untuk kegunaan awam. Antaranya, peningkatan yang mendadak kes-kes kemalangan jalan raya di kawasan tersebut. JKR sedang giat mengkaji bagi mengubahsuai lorong memotong di Jalan Kota Tinggi – Mersing. Sebagai tindakan segera, lorong berkenaan ditutup sementara bagi mengelakkan kemalangan terus berlaku. Sehubungan itu lorong berkenaan akan dibuka semula setelah kerja-kerja mengubahsuai selesai disempurnakan sebelum penghujung tahun ini. Insya-Allah.

Merujuk kepada perkara yang bangkitkan oleh Yang Berhormat Nusajaya dan ADUN Pekan Nenas, dengan menaik taraf Jalan Johor Bahru – Pontian. Sukacita dimaklumkan pihak kerajaan tadi saya ada beritahu mereka mohon peruntukan separuh penggal Rancangan Malaysia Ke-9. Cadangan projek pembinaan jalan raya 4 lorong sepanjang 26 kilometer bermula dari Persinggahan Tol Pulai dengan membina jalan baru sepanjang 10 kilometer hingga ke Pekan Nenas dan seterusnya ke bandar Pontian. Kos pembinaan projek jalan raya di kawasan terbabit melibatkan sejumlah peruntukan yang dianggarkan bernilai RM150 juta. Pelaksanaan projek pembinaan jalan raya ini akan dapat menaiktarafkan Jalan Johor Bahru - Pontian sekali gus melancarkan perjalanan lalu lintas dan meningkatkan lagi kualiti sistem jaringan jalan raya.

Berhubung dengan isu kerosakan jalan raya dari Bukit Batu ke Parit Panjang, sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pulai Sebatang, pihak JKR kini sedang giat melaksanakan kerja-kerja pembaikpulihan kerosakan jalan tersebut. Kerja-kerja pembaikpulihan jalan raya yang rosak ini menelan perbelanjaan sejumlah RM400,000.00 dan ianya dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan Ogos tahun ini. Usaha pembaikan jalan raya yang rosak ini akan dapat diatasi bagi memastikan keselesaan pengguna jalan raya sekali gus mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Skudai telah membangkitkan isu berhubung dengan pembinaan persimpangan bertingkat Jalan Senai – Jalan Pontian yang tidak menyediakan jaringan jalan yang terancang dari arah Taman Impian Emas ke persimpangan bertingkat. Hal ini berlaku kerana pembinaan persimpangan tersebut telah disyaratkan kepada pihak pemaju Taman Impian Emas sejak peringkat awal lagi. Justeru atas sebab kelewatan

daripada pihak pemaju melaksanakan pembinaan tersebut, maka kerja-kerja pembinaan telah dilaksanakan oleh pihak JKR sepenuhnya. Namun demikian, syarat yang dikenakan terhadap pihak pemaju Taman Impian Emas masih dikekalkan. Berhubung dengan itu, pihak pemaju telah pun mengemukakan pelan cadangan menaik taraf persimpangan itu bagi memastikan permasalahan ini dapat diatasi sesegera mungkin.

Berkenaan dengan masalah banjir yang sering melanda Jalan Kulai berhampiran Sekolah Kebangsaan Polis Kem Kelapa Sawit, Kulai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Batu, masalah banjir Jalan Kulai ini akan dapat diatasi dengan penggantian paip pembetung sedia ada yang merentangi Jalan Kulai dengan pembetung baru yang berukuran 4.8 meter x 27 meter x 20 meter dengan anggaran kos bernilai sebanyak RM200,000.00. Justeru, penggantian pembetungan baru ini diyakini akan dapat mengatasi permasalahan banjir yang sering melanda di Jalan Kulai.

Kesesakan lalu lintas Jalan Tebrau berhampiran Sungai Pandan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Johor Jaya, pihak JKR telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan pembinaan persimpangan bertingkat di persimpangan Jalan Tebrau, Jalan Tampoi dengan kos perbelanjaan sejumlah RM61.5 juta. Sehubungan itu, pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia juga akan menjalankan kerja-kerja pembinaan lebuh raya EDL (Eastern Dispersal Link). Projek lebuh raya ini merupakan projek pembinaan yang menghubungkan Lebuhraya Utara - Selatan di Pasar Borong Pandan melalui Kem Majidee dan Kampung Belantik ke Gerbang Perdana. Oleh yang demikian, sebagai jaminan kelancaran lalu lintas dan keberkesanan permasalahan ini pihak JKR akan meminta pemaju Pasar Borong Pandan membina persimpangan bertingkat bagi laluan susur masuk ke Pasar Borong dari arah Kota Tinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berhubung dengan permohonan Yang Berhormat ADUN Layang-Layang supaya menurap jalan tanah dari Kampung Sri Pekan ke Bandar Tenggara sepanjang 5 kilometer dengan kelebaran 5 meter akan dapat dilaksanakan sekiranya permohonan peruntukan dari KKLW sebanyak RM1.5 juta diluluskan. Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Bukit Serampang, projek membina jalan dan jambatan dari Kampung Raja, Bukit Kepong ke Felda Maokil, Muar, kerja-kerja pembinaan bermula pada 20 Mei, 2008 dan dijangka siap pada 19 November 2010 dengan kos sebanyak RM52 juta. Buat masa ini kos-kos pengambil balik tanah sedang dijalankan. Hanya 60 peratus sahaja kawasan yang boleh dimulakan pembinaannya iaitu di kawasan tanah kerajaan dan dalam kawasan FELDA.

Merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Naning iaitu pembinaan jalan dari Kampung Kelantan, Air Hitam ke Pagoh, sukalah saya maklumkan di sini bahawa projek ini masih tidak dapat dilaksanakan hingga kini akibat kekangan kewangan. Untuk makluman Yang Berhormat, reka bentuk dan dokumen tender projek ini telah pun disiapkan. Pihak JKR akan membuat semakan semula kos pembinaan supaya projek ini dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya akhiri penggulungan saya dengan sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih seperti mana biasa kepada semua Ahli

Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di Persidangan Dewan kali ini. Dan akhirnya, izinkanlah saya menyampaikan satu pantun 6 kerat Yang Berhormat Datuk Speaker.

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Jemput.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Buah nenas buah semangka, Ambil talas campur cendawan, Hidangan jejaka si orang bujang, Fikiran bernas pandangan terbuka, Sumbangan ikhlas anggota Dewan, Mendorong kita terus berjuang. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

Y.B. Datuk Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, esok Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan menggulung perbahasan. Semua Ketua-Ketua Jabatan hendaklah hadir. Dengan ini Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 4 Julai, 2008 jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:47 tengah hari.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

HARI KEDUA BELAS	JUMAAT, 4 JULAI 2008	BIL. 2 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia bte Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
Dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah bte Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
Dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M.Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman, KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,

(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusa Jaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah Binti Mansor,
(Penawar)

Y.B.Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahruddin bin Md. Salleh,

(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof,
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Encik Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Jurutulis baca doa).

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan diteruskan.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung sekarang. Jemput Yang Amat Berhormat.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya merakamkan penghargaan di atas kesempatan untuk saya membuat penggulungan terhadap perbahasan yang telah pun berlangsung selama 2 minggu ini, di mana Yang Berhormat Dato' Speaker, sebahagian besar daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat telah pun mendapat kesempatan untuk bersama dalam perbahasan ke atas usul untuk menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Johor ketika merasmikan Pembukaan Dewan yang mulia ini. Dan, Dewan telah pun bersidang sepanjang 10 hari di antara persidangan Dewan di peringkat negeri yang di antara yang terpanjang yang memberi kesempatan sepenuhnya kepada Ahli Yang Berhormat untuk bersama-sama dalam perbahasan. Dan, banyak pandangan-pandangan yang telah pun disampaikan dalam perbahasan tersebut dan bagi pihak Kerajaan, saya merakamkan penghargaan. Dan Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya untuk merujuk tentang beberapa perkara yang di bawah bidang kuasa saya termasuk perkara-perkara yang berkaitan dengan soal tanah, pentadbiran dan yang lain.

Sebelum itu Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya untuk merujuk tentang satu perkara yang ada di hadapan negara kita pada ketika ini iaitu satu cabaran besar yang dihadapi oleh negara sempena dengan suasana ekonomi dunia yang sedang pun berlaku di ketika ini. Kita dimaklumkan bahawa harga minyak telah pun mula naik sejak 2003 dan kenaikan harga minyak ini nampaknya pada tahap yang terus meningkat. Sebelum ini Yang Berhormat Dato' Speaker, harga minyak ada turun dan naiknya pada dekad 90-an, 80-an dan 70-an. Tapi kali ini satu trend yang jelas, meningkat dan terus meningkat, bertahan pada tahap peningkatan. Bahkan daripada hari ke hari dan kalau kita mengesannya dalam satu-satu hari, meningkat jam demi jam. Pada hari semalam sahaja, kita dimaklumkan bahawa tahap satu *barrel* dengan izin pada paras 144 dolar Amerika dan dijangkakan akan bertahan pada trend untuk terus meningkat, mungkin menjangkau lebih daripada pengalaman sebelum ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini tentang satu perkara yang banyak tertanya-tanya di kalangan masyarakat. Senarionya Yang Berhormat Dato' Speaker ialah

permintaan terhadap minyak ialah pada paras yang dikatakan lebih tepat lagi sebanyak lebih kurang 84 milion *barrel* pada satu hari. Walhal keupayaan untuk mengeluarkan minyak di seluruh dunia ialah pada tahap 85 milion *barrel*, makna Yang Berhormat Dato' Speaker pada ketika ini, permintaan terhadap minyak hanya lebih kurang 1 milion, lebih rendah dari... 1 milion setiap hari dibandingkan dengan keupayaan mengeluarkan minyak, 85 milion setiap hari dibandingkan dengan 85 milion setiap hari daya pengeluaran yang ada di merata dunia. Ini menggambarkan tentang kedudukan permintaan dibandingkan dengan keupayaan untuk membekalkan minyak.

Dan, satu lagi fenomena ialah Yang Berhormat Dato' Speaker, dunia mengeluarkan lebih banyak minyak dari penemuan minyak. Bermakna bahawa bersamaan dengan setiap tong minyak yang ditemui di kawasan yang baru, dunia menggunakan 4 tong minyak, dengan izin *one barrel at consumption of oil, no... one barrel of* dengan izin Yang Berhormat Dato' Speaker ya, satu *barrel* minyak yang ditemui dipadankan dengan 4 *barrel* yang digunakan. Jadi bermakna bahawa masa depan tentang bekalan minyak ini akan menjadi lebih tergugat dibandingkan dengan pertambahan permintaan terhadap minyak. Satu lagi fenomena ialah kita dimaklumkan bahawa 1 peratus daripada telaga minyak mengeluarkan 60 peratus daripada pengeluaran minyak dunia, maknanya daripada 1 peratus keupayaan kawasan mengeluarkan minyak tu... kawasan mengeluarkan minyak membekalkan 60 peratus untuk dunia. Dan bersamaan pula dengan 5 telaga minyak yang terbesar membekalkan 12 peratus daripada keperluan dunia.

Dan Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi fenomena yang ditemui dalam kedudukan di sini ialah 60 peratus daripada minyak yang ditemui adalah minyak yang mempunyai kandungan apa dikata, sulfur yang tinggi, yang memerlukan proses *refinery* dengan izin pada kos yang lebih tinggi lagi. Jadi alhamdulillah di Malaysia ini, minyak kita antara yang terbaik di dunia, kurang dari segi kandungan sulfurnya, tetapi kita terpaksa menjual ke pasaran antarabangsa untuk mendapatkan hasil yang paling tertinggi. Sementara itu untuk keperluan kita, kita terpaksa membeli pula minyak daripada sumber lain di mana kandungan sulfurnya tinggi, perlu diproses dengan kos yang tinggi untuk keperluan penggunaan dalam ekonomi kita.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, ini adalah untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat tentang kedudukan bekalan minyak di peringkat antarabangsa pada ketika ini. Seterusnya Dato' Speaker, saya juga ingin memaklumkan bahawa rizab yang ada di negara kita ini Yang Berhormat Dato' Speaker ialah pada jumlah yang dikatakan sebanyak 5.4 bilion *barrel*, 5.4 bilion *barrel*, ini rizab yang ada dalam negara kita. Dan, kalau tidak ada penemuan yang baru dalam masa 5 hingga 7 tahun ini, maka berdasarkan kepada kita punya penggunaan terhadap minyak ini, maka kita akan kehabisan dengan rizab yang ada ini. Dibandingkan Yang Berhormat Dato' Speaker dengan negara-negara yang kaya dengan minyak ini seperti Saudi, cuba kita bandingkan, Saudi mempunyai rizab 264 bilion *barrel* dibandingkan dengan kita 5.4., 264 bilion *barrel* dibandingkan dengan kita 5.4 bilion *barrel*. Kemudian di antara Negara yang kaya dengan minyak termasuklah Iran, Iraq, United Arab Emirates, 100, 100 bilion *barrel*, dibandingkan dengan kita 5.4 bilion *barrel*.

Saya memberi latar belakang serba sedikit Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk Ahli Yang Berhormat memikirkan, memikirkan tentang kedudukan negara kita sempena dengan cabaran yang akan kita hadapi dalam masa yang terdekat ini. Terdekat maksud saya dua, tiga tahun yang terdekat dan mungkin dia melampaui tempoh masa yang sederhana ini, lima tahun dan seterusnya *long term* dengan izin, sepuluh tahun akan datang. Dan, kita juga dimaklumkan bahawa keupayaan dunia untuk membekalkan minyak, makin lama makin terhad kerana kita hanya dapat sumber-sumber baru di peringkat dunia di lokasi-lokasi yang sama ada ianya jauh, ke laut dalam yang memerlukan kepada kos yang lebih tinggi ataupun kualiti *crude* minyak mentah yang, yang banyak kandungan sulfur, yang memerlukan kepada *refinery* dengan izin, pada kos yang lebih tinggi lagi. Dan kita juga, dunia terdedah dengan satu lagi fenomena bahawa di lokasi di mana terletaknya sumber-sumber minyak ini adalah makin lama tinggi tahap nasionalisme mereka masing-masing.

Ketiganya, adalah kawasan, di kawasan-kawasan yang terdedah kepada perbalahan. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, itu berkaitan dengan bekalan minyak pada ketika ini dan pada masa yang sederhana ini makin terhad. Tapi kalau kita lihat tentang permintaan, saya dah sebutkan awal-awal lagi bahawa permintaan terhadap minyak akan terus meningkat, lebih-lebih lagi sempena dengan pertumbuhan yang berlaku, pertumbuhan ekonomi yang berlaku di Negara-negara seperti China dan India sejak ke belakangan ini. Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, pada rumusannya saya ingin menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa, kita telah melalui satu krisis ekonomi pada tahun 1997, 1998 di mana sekali lagi kita terpaksa berdepan dengan pengaruh-pengaruh, perkara itu daripada pengaruh luar. Tapi dalam konteks yang serantau krisis kewangan yang berlaku, kita terpaksa berdepan dengan satu masalah kerana spekulasi yang dibuat terhadap Ringgit, terhadap apa tu, apa, wang Bhat di Negara Thai termasuk juga Won di Korea dan juga Rupiah, di Indonesia.

Dan kita dah lupa pengalaman Negara bila kita menghadapi krisis tersebut dan dalam tempoh tak sampai sepuluh tahun, kita menghadapi satu lagi krisis ekonomi yang besar. Kali ini jauh lebih besar Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana dia berlaku dalam konteks dunia pada keseluruhannya. Lebih-lebih lagi kalau harga minyak mentah ini akan terus meningkat, katanya dia akan melampaui 150 dolar setong mungkin *be on that* dengan izin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga nak ambil kesempatan untuk menjelaskan di sini bahawa, benar bahawa Malaysia dianugerahkan oleh Allah dengan kekayaan minyak. Kerajaan menubuhkan satu syarikat Petronas untuk menikmati hasil mahsul Negara melalui, melalui minyak ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin saya jelaskan di sini bahawa, saya katakan tadi bahawa minyak kita ditakdirkan merupakan minyak yang agak bermutu tinggi. Walaupun demikian, amat wajar sekali bahawa minyak yang dikeluarkan daripada bumi kita, daripada laut kita ini, kita jual di peringkat antarabangsa yang membawa pulangan yang terbaik. Walau bagaimanapun Dato' Speaker, kita terpaksa mengimport *crude* minyak-minyak mentah untuk kita proses untuk keperluan kita pulak daripada hasil yang kita dapat daripada sumber minyak yang baik tadi. Saya dah maklumkan bahawa minyak yang ada daripada sumber lain ini mengandungi sulfur dan kita terpaksa mempunyai satu, satu apa

tu, keupayaan yang paling efisien, untuk membuat *refinery crude* yang, yang tidak begitu baik ini. Tapi Yang Berhormat Dato' Speaker, ini adalah kedudukannya. Bermakna kita sebuah Negara yang, yang mengeksport minyak dan juga mengimport minyak. Dibandingkan dengan Negara yang memang kaya dengan minyak, sama ada Saudi ke, Venezuela ke, Brunei ke, Iraq ataupun Rusia, mereka menjual juga dan mendapat hasil daripada jualan tersebut dan menikmati satu laba yang begitu tinggi sekali pada ketika ini kerana harga minyak naik. Berbeza dengan kita, kita punya minyak sebagaimana saya katakan tadi terpaksa kita eksport dan kita pulak terpaksa import dan proses untuk keperluan kita.

Satu lagi aspek yang perlu kita makna ialah bahawa rizab kita amat terhad. Saya dah sebut perbandingan tadi antara rizab kita dengan rizab yang ada di Saudi ke. Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita punya pengeluaran untuk setiap hari, kalau tak salah saya ialah 600, 600 *barrel per day*, 600,000 *barrel per day* kalau tak salah saya, 600,000 *barrel* satu hari bernilai lima, setengah juta, kalau tak salah setengah juta *barrel* satu hari. Yang saya ada maklumat di sini ialah Venezuela mengeluarkan 3 juta *barrel* satu hari. Arab Saudi, 8 juta *barrel* satu hari. Kita 600,000 *barrel* satu hari, itu keupayaan kita.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, orang bertanya, masyarakat bertanya, kalau kita memperolehi minyak kenapa kita terpaksa naikkan harga minyak di peringkat runcit ini? Ini satu soalan yang, siapa pun akan bertanya. Walhal negara yang ada banyak minyak, menikmati harga yang baik. Tabung kerajaan yang bertambah-tambah tak terhingga. Bahkan ada negara pulak yang kaya dengan minyak, menurunkan harga minyak dalam Negara dia. Jadi orang bertanya mengapa kita pulak terbalik. Jadi saya suka jelaskan tadi bahawa, saya dah katakan bahawa kita, kita menikmati harga minyak yang baik kerana jualan kita dalam bentuk eksport kita, tetapi kita juga terpaksa membeli pada harga yang lebih tinggi kerana juga *crude* yang kita beli juga meningkat harganya. Itu, itu selama-lamanya.

Kedua, saya katakan tadi bahawa kita merupakan Negara yang terhad dari segi rizab kita. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, ketiganya, kalau tak salah saya, ketiganya, bahawa kita merupakan satu negara Yang Berhormat Dato' Speaker, mengamalkan satu dasar yang agak luar biasalah dari segi ilmu ekonomi, memanglah satu yang, mana buku teks pun kita baca bahawa negara yang, yang memberi subsidi terhadap harga-harga minyak ini adalah negara yang dari segi logiknya, logik ekonominya memang begitu, begitu tipis sekali Yang Berhormat Dato' Speaker. Kalau harga minyak rendah, kita ada, kita jual rendah. Mungkin subsidi itu boleh ditampung tapi bila harga minyak naik, kita memberi subsidi. Dia akan merupakan satu pengurusan ekonomi yang agak tidak rasional langsung. Jadi bila harga minyak dah mula naik sejak 2007 ini, kita baca dalam banyak makalah Yang Berhormat Dato' Speaker, negara-negara yang ditunjuk yang akan menghadapi masalah ialah seperti Thailand dan kita. Di antaranya kita ditunjukkan sebagai negara yang akan menghadapi masalah kerana terlalu, terlalu banyak sangat unsur elemen subsidi dalam harga minyak yang dinikmati oleh masyarakat. Ini adalah, akhirnya terbukti kenyataannya tak mampu untuk menampung subsidi ini bila harga, harga minyak naik.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dah sebut tadi perkara yang ketiga adalah unsur subsidi tadi.

Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara keempat saya nak sebut di sini, walaupun Petronas terpaksa, sebagai sebuah syarikat mengeluarkan hasil mahsul negara, gali minyak, gunakan yang sebaik-baiknya, mendapat hasil yang terbaik daripada, daripada hasil mahsul tersebut, kemudian ditambah lagi dengan nilai melalui kegiatan-kegiatan *downstream* ini. Kalaulah dilihat Yang Berhormat Dato' Speaker, pada hari ini kalau pada tahun 60-an, 70-an, dipanggil *the five sisters* maknanya istilah masa tersebut dalam buku teks dikenali *The Sole of Five Sisters. The Five Sisters* ini adalah syarikat-syarikat minyak yang terbesar di dunia. Tahun 60-an, Petronas belum wujud lagi dalam ingatan saya. Sama ada *Exxon* ke ataupun *Chevron* ke, Esso ke Shell, itu di antara, antara *The Five Sisters*. Dan, alhamdulillah, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kedudukan hari ini, bahawa Petronas di antara *5 sisters*, yang ada dalam dunia sekarang ni. Kenapa Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun bermula dengan satu produk, satu modal, bermula dengan RM10 juta, untuk mewujudkan Petronas. Pada tahun penubuhannya, dengan hasil minyak yang terhad, tetapi menggunakan hasil tersebut dengan sebaik-baiknya, membuat pelaburan jika tak salah saya, 38 negara seluruh dunia. Sehinggakan Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahawa sejak penubuhan Petronas ini, telah pun memberi satu pulangan kepada Kerajaan Malaysia sebanyak RM360, kalau tak salah saya, RM336 bilion hasil daripada Petronas kepada Kerajaan Malaysia. Tetapi kalau, daripada sumber minyak sahaja daripada Malaysia, kalau nak dipulangkan kepada Kerajaan Malaysia, hanya pada paras separuh daripada jumlah yang di, telah pun diberikan oleh Petronas kepada Kerajaan Malaysia.

Jadi, bermakna Yang Berhormat Dato' Speaker, pelaburan antarabangsa yang dibuat oleh Petronas, sebenarnya itu adalah satu kekuatan yang ada pada Petronas untuk menjadi satu sumber hasil kepada Kerajaan, kepada rakyat Malaysia. Tetapi, kita jangan mengatakan bahawa hasil yang dipulangkan kepada Kerajaan datangnya semata-mata daripada hasil mahsul minyak dalam negara. Dia datang daripada sumber itu, bahkan separuh sahaja, kalau nak betul-betul dikesan diagihkan antara RM300 bilion tadi, dengan pulangan dan datangnya daripada pelaburan di Sudan termasuk di Indonesia, di Rusia pun, di Turkemistan, kalau tak salah saya, dekat 38 negara. Sama ada dalam bentuk hutan ataupun hiliran.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh itu, saya harap Ahli Yang Berhormat dapat gambaran serba sedikit tentang kedudukan yang agak berbeza sedikit tentang kita sebagai pengeluar minyak, yang terpaksa menaikkan harga minyak di peringkat runcit ini. Kalau kita tidak buat, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita akan menghapuskan satu sumber hasil untuk rakyat Malaysia daripada pulangan yang dinikmati oleh Petronas daripada hasil mahsul kita yang terhad itu dan daripada pelaburan-pelaburan yang telah dibuat di peringkat antarabangsa. Tapi, Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin juga kita jelas di sini bahawa yang diubah ialah untuk menstrukturkan semula subsidi itu tadi, Yang Berhormat Dato' Speaker. Subsidi yang diletakkan pada harga pasaran seperti yang kita nikmati sepanjang hidup kita ni, ialah satu yang tidak membezakan antara mereka yang menikmati subsidi ini. Yang kaya pun

mendapat subsidi yang sama. Kalau Yang Berhormat sebelum ini, untuk mengisi tangki minyak kita, maka kita akan menikmati subsidi daripada setiap liter yang kita beli, tak kira kita isi lebih besar tangki kita, lebih banyak subsidi yang kita nikmati, jumlahnya, nilainya yang kita nikmati. Lebih besar kegunaan kita, lebih besar motokar kita pakai, lebih banyak minyak kita guna, lebih banyak subsidi kita nikmati. Bermakna subsidi yang dibuat dalam sistem harga dan pasaran adalah suatu yang paling tidak adil kerana semua pihak menikmatinya.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, perlu disusun semula, distrukturkan semula subsidi tadi, supaya yang menggunakan lebih banyak, dia terpaksa membayar pada kos yang lebih tinggi. Dan sementara itu pula, kita memberi, menyalurkan subsidi itu secara langsung melalui geran ataupun pembayaran secara langsung kepada mereka dalam golongan pendapatan yang rendah sederhana dan rendah sempena dengan kegunaan mereka, jenis kenderaan yang mereka gunakan. Jadi, bermakna di sini, Yang Berhormat Dato' Speaker, subsidi yang diubah itu adalah dalam bentuk menyusun semula supaya kita akan memberikan faedahnya secara yang lebih adil lagi kepada rakyat kita. Tapi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau beberapa minggu yang lalu, kita naikkan pada paras 40 peratus tetapi dalam tempoh tak sampai sebulan, segala faedah pulangan dari kenaikan harga barang, harga minyak di peringkat runcit tadi, dengan sendirinya terhapus. Kalau sekiranya ada yang diharapkan oleh pihak kerajaan, harga minyak dinaikkan, pulangannya atau hasilnya kepada kerajaan tetapi terhapus dengan sendirinya bila harga minyak terus naik.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, itu adalah gambaran ataupun latar belakang yang saya harap Ahli Yang Berhormat sama-sama maklum tentang kedudukan yang ada di peringkat dunia dan kemungkinan yang berlaku dalam bulan-bulan yang terdekat ini dan tahun-tahun yang terdekat ini, satu-satunya cabaran yang amat rumit untuk kita atasi, kerana dia melanda di peringkat dunia. Ada pihak mengatakan bahawa kemungkinan dunia akan mengalami satu proses *recession* yang begitu dahsyat sehingga permintaan minyak akan turun, maka dengan itu, permintaan turun, maka harga mungkin turun, bekalan pada paras yang kuat ataupun masyarakat dalam tempoh yang agak panjang sedikit mengubah cara hidup mereka. Dengan mengurangkan penggunaan minyak dan mengganti sumber-sumber tenaga yang lain dalam hidup kita ni.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh itu, kita tidak sepatutnya mencari kesempatan dalam keadaan seperti begini, lebih-lebih lagi bila perkara ini dipolitikkan oleh setengah-setengah pihak, kerana kita terpaksa menerima hakikat bahawa dunia keseluruhannya sedang pun menghadapi satu krisis dan kita tidak terkecuali. Dan, kita percaya bahawa kerajaan bertanggungjawab dan di peringkat negara telah pun mengambil langkah-langkah untuk kita mengurangkan kepahitan hidup yang dihadapi oleh rakyat jelata sempena dengan kenaikan harga minyak ini. Dan, kesannya terhadap paras harga terhadap barang-barang yang lain, yang terpaksa ditanggung oleh rakyat jelata.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya saya ingin merujuk tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, di antaranya ialah mengenai masalah setinggan yang ada di, lebih-lebih lagi di kawasan di Johor

Bahru ini termasuk dalam kawasan Iskandar ini, Yang Berhormat Dato' Speaker. Kali ini kita ambil contoh, masalah setinggan di Skudai Kiri. Dalam ingatan saya, Skudai Kiri, Ahli Yang Berhormat boleh, kalau kita dapat memahami serba sedikit tentang apa berlaku di Johor Bahru ni. Skudai Kiri dibandingkan dengan Skudai Kanan, Skudai Kanan melalui satu proses pembangunan, di mana asalnya juga dalam keadaan sama ada banyak orang menumpang di situ, ataupun termasuk juga kawasan ladang yang ada di Skudai Kanan. Akhirnya dibangunkan menjadi satu penempatan yang boleh dikatakan, boleh kita banggakanlah, apa yang berlaku di Skudai Kanan. Skudai Kiri, Yang Berhormat Dato' Speaker, pernah mengalami kedudukannya ialah ada di situ, di antara mereka yang sudah pun mendapat hak milik tanah, ada yang menikmati milikan dalam bentuk sementara, ada yang menumpang, setinggan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahawa lebih kurang 784 buah keluarga, 88 mempunyai hak milik, 683 adalah setinggan dan 10 keluarga yang memegang T.O.L.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak mengambil ini sebagai contoh, di mana kerajaan bersama dengan pihak IRDA, untuk makluman Dewan ini, bahawa kita komited untuk kita mengatasi masalah penempatan semula kawasan-kawasan yang ada ni, sama ada dah ada, sama ada setinggan ataupun yang ada hak milik tetapi dalam keadaan yang perlu dibangunkan semula. Jadi, Skudai Kiri ni, bercampur di antara yang ada hak milik, ada yang setinggan, rata-rata setinggan dan ada TOL. Dan, kita tahu bahawa di Skudai Kiri ni, keadaan, suasananya tidaklah begitu tersusun dan teratur walaupun ada hak milik. Oleh itu, pendekatan yang kita ambil, Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah kita mengajak kerjasama dengan mereka yang ada hak milik ini. Di mana kita mengambil pendekatan satu projek pembangunan yang dipanggil Program Pembangunan Tanah Bersepakat. Mereka yang ada hak milik diajak untuk kita bersama-sama dengan mereka melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa dengan UPEN dan melantik Juru Perunding untuk menyusun semula kawasan yang tak teratur dengan hak milik ini. Jadi, kita nampaknya, kalau Yang Berhormat nak lihat satu contoh apa yang berlaku di Kuala Lumpur ialah di Kampung Baru. Kerajaan Malaysia telah mengajak orang Kampung Baru untuk membangunkan semula agar lebih teratur, lebih tersusun dan lebih moden tetapi nampaknya sampai pada hari ini masih lagi tidak berjaya. Tapi, di Skudai Kiri ni, kita harap dia dapat bersama-sama, kerana mungkin kita dapat memberi pulangan yang lebih baik daripada apa yang dinikmati pada ketika ini, itu satu. Di kawasan yang ada hak milik lebih kurang 31 ekar, saya dah katakan tadi lebih kurang 88 keluarga yang terlibat. Jadi kita sedang berunding untuk mengajak mereka membawa satu pembangunan yang lebih moden lagi di Skudai Kiri ini.

Sementara itu Yang Berhormat Dato' Speaker, yang menumpang ini di tanah kerajaan kita sedar bahawa pilihannya ialah untuk penempatan di situ juga. Ok, saya maklumkan di sini bahawa kepada mereka yang ada di Skudai Kiri ini, kerajaan telah pun bersetuju untuk bersama-sama dengan pihak UDA. Dengan pihak UDA di mana projek yang betul berjalan di Skudai Kiri ialah projek pembangunan UDA. Jadi, kita menganggap UDA untuk bersama-sama membangunkan Skudai Kiri ini. Iaitu setinggan yang ada di Skudai Kiri ada pilihan, satu untuk dia mengambil kesempatan pembangunan di kawasan UDA yang betul-betul berjalan dengan Skudai Kiri ataupun kita juga membawa

pembangunan di Skudai Kiri itu tadi. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh kerana Skudai Kiri ini juga berjalan dengan pembangunan di hadapan perairan Johor Bahru ini, Iskandar Malaysia ini, maka adalah lebih wajar dan lebih sesuai pembangunan di Skudai Kiri yang berhadapan dengan pembangunan di Danga ini dibuat secara yang paling baik, di mana setinggan dapat menikmati satu perubahan yang lebih baik lagi dan sejajar dengan pembangunan yang akan berlaku di hadapan perairan Danga ini.

Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sama ada dari Pengkalan Rinting ataupun di Skudai, ingin saya maklumkan di sini bahawa ini adalah perancangan dan bahkan kita dah pada peringkat untuk satu persetujuan ke arah pelaksanaan. Dan kita memerlukan persefahaman dan kerjasama daripada semua pihak. Dan kalau saya boleh mengambil contoh Yang berhormat Dato' Speaker, bahawa kawasan-kawasan setinggan yang lain sama ada di Tebing Runtuh ataupun di Pendas Laut ataupun satu lagi saya nak sebut di sini ialah di kawasan di mana lebih kurang kalau tak salah saya dekat-dekat 2, 3,000 orang yang ada di sebelah Tebrau di sana. Maka kita akan menempatkan mereka di lokasi di mana mereka berada sempena dengan pembangunan yang akan berlaku di situ. Lebih-lebih lagi bila terbinanya nanti satu, apa yang dipanggil *Eastern Dispersal Link* yang menghubungkan antara CIQ dan *interchange* yang di Pandan. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini kita yakin bahawa kita akan memberi pembelaan yang sewajarnya kepada setinggan-setinggan ini, sempena dengan pembangunan yang akan berlaku di Iskandar ini. Termasuk juga kita membangunkan semula kawasan-kawasan yang sedia ada seperti yang saya sebutkan tadi di Skudai Kiri, yang di mana pemilik-pemiliknya ada hak milik di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin merujuk tentang satu lagi perkara yang dibangkitkan juga oleh ada di antara Ahli Yang Berhormat di sini dan juga mungkin masyarakat perlu juga maklum tentang perkara ini mengenai cukai tanah untuk sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan cukai tanah untuk sekolah kebangsaan jenis kebangsaan Tamil yang merupakan sekolah-sekolah bantuan modal. Ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, bahawa Kerajaan Negeri Johor telah pun sejak tahun 2006 bersetuju bahawa sekolah bantuan modal ini layak menerima *remission* sebanyak RM1.00 untuk tapak sekolah masing-masing. Kita dah buat lebih awal 2006 lagi, kita dah kata ok, kita beri RM1.00 kerana dia sekolah untuk tak ada, bukan satu urusan yang untuk berniaga, untuk keuntungan. So, dengan izin *one dollar,* cukai tanah untuk sekolah bantuan modal. Sekadarkan Yang Berhormat Dato' Speaker, apa salahnya kita minta buatlah permohonan, isilah borang, borangnya nama SBN1 di Pejabat Tanah masing-masing. Kemudian betul sahih, buatlah sekolah bantuan modal itu sahaja. Kalau itu pun tak nak buat, takkanlah nak minta Pejabat Tanah pergi jumpa Guru Besar, Pengerusi apa tu, Lembaga ke, ha dia RM1.00, bayarlah RM1.00, takkan begitu sekali. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak menyeru di sini supaya Lembaga Pengelola Sekolah-Sekolah ini ataupun Guru-Guru Besar isilah borang ini untuk menikmati cukai apa dia panggil nominal RM1.00.

Y.B. Dato' Speaker : Tak kira berapa luas Yang Berhormat.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Tak kira berapa luas. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujuk tentang satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh ada di antara Yang Berhormat ini, walaupun saya dah sebut dalam jawapan soalan mulut sebelum ini yang berkaitan dengan Dana Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, layanan bukanlah dibeza-bezakan antara pelabur Bumiputera dan bukan Bumiputera. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam Dana Johor Yang Berhormat Dato' Speaker, separuh pelaburnya adalah Bumiputera, Dana Johor dibuka untuk semua….

Y.B. Dato' Speaker : Kaum.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Tetapi tidak bermakna Dana Johor ini ke semuanya dilabur oleh orang bukan Melayu, separuh adalah Melayu, dekat separuh Melayu. Jadi, kalau ada masalah yang terpaksa ditanggung melabur di Dana Johor ini, orang Bumiputera menanggungnya. Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi ini satu penjelasan yang sepatutnya, itu pun yang tepat tentang perkara tersebut. Saya dah jelaskan bahawa ialah pada masa tersebut keadaan begitu baik sekali. Keadaan Johor masa itu dengan JCorp memanglah ghairah. Saya ingat lagi Dato' Speaker, Amanah Saham Johor, pada masa itu Amanah Saham Nasional berjaya, maka kekayaan yang dibangunkan menikmati bersama melalui amanah saham Unit *Trust*. Jadi Johor pun dengan keupayaan yang ada, memperkenalkan Amanah Saham Johor. Keupayaannya terhad, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita hendak bandingkan dengan Amanah Saham Nasional, Amanah Saham Bumiputera Kebangsaan dengan kekuatan yang ada kepada PNB dengan segala aset yang ada pada Kerajaan Malaysia berbeza dengan kemampuan yang ada pada JCorp. Tetapi oklah, masa itu Kerajaan Johor kata oklah, kita perkenalkan, kita terima dan saya dah jelaskan dalam Amanah Saham Johor kita harga walaupun tak sampai RM5.00 tetapi akhirnya sampai RM2.00. Dalam petang ini saya hendak jelaskan juga Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah ini sebagai maklumat sahajalah, RM5.00 itu bukanlah mustahil pada masa tersebut. Kerana JCorp sudah pun mempunyai syarikat-syarikat yang tersenarai.

Di antara rancangannya ialah untuk dia kata dengan izin, *injection those asset* dalam Amanah Saham Johor. Kalau itu terjadi, maka mungkin dia sampai juga RM5.00. Tetapi krisis 1997-98 melanda kita, itu faktanya. Kemudian, dan saya ingat lagi bila dilancarkan Dana Johor, Dr. Mahathir datang melancarkannya, kalau tak salah saya di Muar, kalau tak salah saya, RM500 juta, besar dibandingkan Amanah Saham Johor RM300 juta. Jadi dilancarkan, kalau tak salah saya dilancarkan tahun1995, krisis 97, krisis kewangan. Saya dah jelaskan apa yang berlaku pada 1997, 98. Satu cara Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah pemulihannya ialah untuk dibesarkan lagi apa itu tabung tersebut tetapi ini tidak boleh dibuat dan kerana syarat dikenakan oleh pihak *Security Commission*. Walhal Amanah Saham Swasta dibenarkan pada masa tersebut.

Jadi, semua kita maklum bahawa kita semua mempunyai pendekatan untuk Dana Johor ini telah pun berlangsung selama 5 tahun berturut-turut di mana *Unit Holders* dengan izin, dibenarkan untuk *redeem* unit masing-masing pada paras harga RM0.50 pada jumlah 10 peratus pegangan. Ini telah berlangsung 5 tahun berturut-turut, jadi ada pihak menanya Amanah Saham Johor dalam masa lima tahun, 10 peratus satu tahun, dibeli balik pada harga RM1.00 berbezalah RM1.00

dan RM0.50. Dan pertanyaannya kalau ditamatkan tabung tersebut untuk Amanah Saham Johor adakah Dana Johor ini hendak ditamatkan juga. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sempena dengan jualan semula pegangan unit sepanjang lima tahun ini, saiz tadi telah pun mengecut daripada RM500 juta kalau tak salah saya tak lebih kepada RM168 juta sekarang ini.

Ok, oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa, mudah-mudahan kita harap dalam tempoh beberapa tahun yang terdekat ini, satu penyelesaian yang muktamad akan dapat dibuat supaya agaknya *Unit Holders* ini akan dapat kalau dia hendak memulangkan balik unit masing-masing pada harga yang lebih baik lagi daripada RM0.50. Jadi, saya sedang pun mencadangkan bahawa, wajar sekali kalau kita dapat dalam tempoh beberapa tahun terdekat ini ke arah untuk kita memberi pilihan kepada pemegang unit untuk *redeem unit* dengan izin, pada harga yang lebih baik lagi. Mungkin tidak berlaku dengan 100 peratus dalam tempoh yang terdekat, mungkin juga pada *branches* dengan izin, tahun demi tahun tetapi pada harga yang lebih baik lagi daripada RM0.50. Jadi, ini satu kemungkinan yang boleh kita harap dapat kita laksanakan.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, ada Ahli Yang Berhormat menanyakan tentang soal JCorp ini bayar zakat ke tidak? Jadi, alhamdulillah Yang Berhormat Dato' Speaker, nampaknya kebelakangan ini pembayaran zakat makin lama makin meningkat di Negeri Johor ini. Kalau tak salah saya dah pada paras dekat-dekat matlamat kita 50 juta tahun ini, 73 juta, alhamdulillah nampaknya makin meningkat apa tu, kefahaman dan kesedaran, keinsafan menyempurnakan zakat masing-masing ini. Lebih-lebih lagi zakat di peringkat peribadi dan zakat di peringkat perniagaan. Dan, meningkat pada paras 73 juta ini berlaku dalam tempoh tahun ini dan peningkatan nampaknya makin jelas sejak 2, 3 tahun kebelakangan ini. Jadi, soalnya ialah sama ada JCorp pun dah, selain daripada bayar cukai, ada syarikat besar, ada syarikat kecil. Jadi, untuk makluman Dewan yang Mulia ini, JCorp telah pun membayar zakat tahun 2005, RM300,000.00; 2006, RM500,000.00; 2007, RM700,000.00. Jadi, datangnya daripada anak-anak syarikat yang ada pada JCorp ini, tapi orang akan tanya, ni yang besar-besar ini macam mana? Jadi, saya dimaklumkan bahawa, alhamdulillah Yang Berhormat Dato' Speaker, bahawa JCorp telah pun mewujudkan satu syarikat di JCorp ini yang dipanggil capaian aspirasi, sengaja diwujudkan itu amil zakat di situ untuk dia bertugas untuk mengesan setiap perniagaan yang ada pada JCorp itu ke arah membayar zakat. Jadi...

Y.B. Dato' Speaker : Ini termasuk Kulim lah Yang Berhormat.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Termasuk Kulim.

Y.B. Dato' Speaker : Kulim, besar tu.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Jadi, alhamdulillah di negara kita keseluruhannya dalam Negeri Johor sejak kebelakangan ini, pungutan zakat adalah nampaknya makin lama makin, makin meningkat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi perkara yang dibangkitkan ialah mengenai sistem pengangkutan di Iskandar dan di Johor Bahru khususnya. Yang Berhormat Dato' Speaker di Johor daerah Johor Bahru ini kita sudah pun sampai kepada paras 1 juta, dekat-dekat 1 juta rakyat Johor yang ada di Johor Bahru ni dan kita jangka bahawa dalam tempoh 20 tahun yang akan datang mungkin meningkat menjadi 7 juta. Jadi, kita perlu satu sistem pengangkutan yang dikatakan *multi model* dengan izin, ada jalannya, ada sistem pengangkutan basnya, ada *rail*nya dan juga ada monorel ataupun LRTnya dan kereta apinya.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya kerajaan bersama-sama dengan IRDA dan juga dengan Pihak Khazanah sedang pun membuat satu perancangan ke arah pelan tindakan untuk kita mewujudkan satu sistem *multi model* ini di mana ada sistem basnya, ada teksinya, ada juga *rail* dan mungkin juga *train* dan juga LRTnya. Kita sedang pun kenal pasti laluan-laluan tersebut dan untuk *quick wind* dipanggil *quick wind* dengan izin, kita dapat faedah lebih cepat lagi kerana kita perlukan kepada masa yang agak lebih panjang untuk merancang sistem *rail* ini, monorel ataupun LRT dan perbelanjaan yang besar untuk meletakkan sistem ini tetapi, *quick wind* kaedah yang paling cepat yang boleh dinikmati oleh masyarakat pengguna ini ialah untuk kita memperkemaskan semula, mengolah semula sistem bas yang ada ni di Iskandar ini dan di Johor Bahru ini. Kita sedang merancang bagaimana kita nak meningkatkan sistem pengangkutan walaupun *multi model* akhirnya tetapi, kita menekankan dalam jangka masa yang sedekat ini, bagaimana sistem bas, pengangkutan bas ini dapat kita perbaiki lagi untuk kemudahan yang dinikmati oleh pengguna. Tetapi, akhirnya Yang Berhormat Dato' Speaker, jika sekiranya Iskandar ni akan berjaya hingga wujudnya berbagai-bagai bentuk kemudahan-kemudahan termasuk *theme park* dan sebagainya, maka sistem pengangkutan yang efisien ini amat diperlukan kita. Kita amat faham tentang pentingnya kita mewujudkan satu sistem *multi model* ini dan pengalaman yang ada di Kuala Lumpur, kita boleh pelajari daripada pengalaman tersebut.

Satu lagi perkara yang saya nak sebutkan di sini Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tentang syarikat kerajaan KPRJ ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahawa Syarikat KPRJ ini ditubuhkan pada 8 November 1995. Tujuannya ialah untuk membina keperluan asas untuk rakyat. Pada tahun 1995 Yang Berhormat Dato' Speaker, dekat 2400 kilometer jalan di kampung belum lagi dibuat, masih lagi jalan tanah, jalan merah. Dan bila kita kaji Yang Berhormat Dato' Speaker, pada tahun 1995, kalau kita tunggu peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri, tahun demi tahun, saya buat kira-kira kita tunggu 30 tahun kemudian baru siap 2400 kilometer ini di kampung-kampung. Kalau dah siap pun, dia dah rosak, kita kena buat penyelenggaraan. Cuba, saya datang daripada daerah Muar, sebagai Wakil Rakyat Muar, Parlimen Muar, Parlimen Ledang, kami di antara Ahli-Ahli Dewan Rakyat berebut-rebut yang dihantar ke daerah Muar, kita ada 4 Parlimen di Muar.

Dalam satu-satu tahun Yang Berhormat Dato' Speaker, dia hantar tak lebih 1 juta lebih, kalau nasib baik satu tahun 2 juta. Satu juta tulah kami berebut-rebut, minta-minta, merayu-rayu nak bawa ke kampung kami, itu di Muar. Jadi, satu tugas yang ada pada kerajaan pada masa tersebut ialah orang kampung lama

dah sabar. Jadi, kalau kita masuk ke kampung, siapa pun tak kira Wakil Rakyat ke, Menteri Besar, kalau masa tersebut habis banyak kita kata, insya-Allah kita akan sampaikan, insya-Allah. Tapi insya-Allah tu kita tahu, 30 tahun, mungkin 30 tahun kemudian. Oleh itu, kita ambil langkah agak beranilah sikit. Kita kata kita nak buat dalam tempoh 2, 3 tahun sajalah, habis banyak 3 tahun kita nak selesaikan. Masa itu Yang Berhormat Dato' Speaker, kita juga tugaskan syarikat ini untuk membina masjid, untuk membina perpustakaan, untuk mewujudkan satu sistem kerajaan elektronik. Ini di antara projek yang dicadangkan membina rumah kos untuk rakyat, rumah kos rendah dan seterusnya membina lebuh raya di antara barat hingga ke Desaru, Senai dan Desaru. Jadi, alhamdulillah Yang Berhormat Dato' Speaker, apa telah pun berjaya dilaksanakan.

Alhamdulillah dalam tempoh 30 bulan kita bina dekat-dekat 1,730 kilometer jalan kampung. Belum habis lagi. Kita kata kita kena tambah lagi, kita cari peruntukan dalam RM60 juta tak salah saya, kita buat lagi sehingga dapat salah satunya kita habis membuat 2,400 kilometer jalan kampung yang merangkumi 1,500 buah kampung dan 1,325 batang jalan dengan belanja sebanyak lebih kurang kalau tak salah saya dekat-dekat RM200 juta, RM143 juta. Dan ini dilaksanakan oleh 153 kontraktor kelas F. Jadi, alhamdulillah Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam masa tak salah saya 2, 3 tahun jalan-jalan kampung sampai merata. Ialah tapi masa itu, rizab jalan taklah besar sangat kerana dah ada parit, kiri ada parit, kanan ada parit, jadi sekarang ini bila dah siap orang kata jalan tak lebar, tak cukup lebar. Tapi cukup dalam hingga dia merupakan satu jalan yang agak tegap, alhamdulillah. Bina masjid di Benut, di Sedili Besar, di Bukit Kangkar, buat perpustakaan desa dan membiayai kalau tak salah saya RM15 juta untuk fasa pertama mewujudkan *the so called, Electronic Government of Johor* dengan izin. Dan membina pusat perlindungan kanak-kanak dengan belanja RM3 juta. Membuat rumah rakyat dekat-dekat 5,000 unit, membuat rumah rakyat kos sederhana rendah dan rendah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini ada yang bertanya, "kata dapat tanah kerajaan, lepas tu, kalau, kenapa masih lagi berhutang dengan bank?"

Yang Berhormat Dato' Speaker, diwujudkan 1995, kita membina jalan kampung, saya ingat ini satu amal jariah di antara yang terbaik. Maklumlah Yang Berhormat Dato' Speaker, membuat jalan untuk masyarakat ni, saya ingat itu satu amal jariah yang baik. Jadi, kita mendapat kurniaan daripada Kerajaan Negeri, tanah-tanah untuk dibangunkan, dibangunkan ada pulangan, daripada pulangan, bayar pinjaman. Sekali lagi Yang Berhormat Dato' Speaker, 1995 kadar ekonomi elok. Maka berlaku krisis 1997. 1997, 98, 99, kita boleh lihat apa berlaku di Malaysia termasuk di Johor. Maka projek-projek pembangunan tergendala di sana sini. Jadi, apa yang agak tergendala di antaranya termasuklah, kota, apa nama, Kembangan dan sebagainya. Itu dibina kalau tak salah saya pada tahun-tahun 94, 95 dan dilanda oleh krisis 97, 98. Jadi, kita ada juga melalui proses masalah. Maka terhalang projek-projek pembangunan tanah untuk membayar balik bank. Tapi alhamdulillah Yang Berhormat Dato' Speaker, buat yang baik, kerja yang baik, alhamdulillah walaupun kita terpaksa melalui cabaran, tapi pada ketika ini saya ingin maklumkan bahawa, pada tahun 2005 kita ada mendapat keuntungan sebanyak 91 juta, pada 2006, dapat keuntungan sebanyak 104 juta.

Alhamdulillah kita dah bayar sebahagian daripada pinjaman dan saya ingin memberi maklumat kepada Dewan yang mulia ini, insya-Allah daripada pulangan seterusnya kita akan dapat membayar semua pinjaman daripada bank-bank dan insya-Allah juga KPRJ sebagai satu syarikat pada kedudukan yang teguh lagi kuat.

Jadi kalau kita kumpulkan Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam tempoh 95 lebih kurang dalam 10, 12 tahun ini, KPRJ telah pun memberi sumbangan yang bermakna kepada keperluan rakyat di Negeri Johor ini dengan sumbangan lebih daripada RM200 juta. RM200 lebih juta. Di antara syarikat kerajaan yang memberi sumbangan yang bermakna bukan sahaja dari segi pembiayaan tetapi terbukti dalam bentuk kemudahan yang dibina untuk rakyat. Jadi, saya kata tadi bahawa insya-Allah di antara syarikat kerajaan pada kedudukan yang kukuh selepas daripada ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingat saya dah dapat menyambung perkara-perkara yang dibangkitkan berkaitan dengan kemiskinan. Saya hendak menegaskan di sini bahawa kemiskinan di ladang janganlah, kita tak katakan bahawa kemiskinan telah pun kita muktamadkan keluarganya. Kalau ada lagi penemuan-penemuan di kalangan keluarga yang layak ditakrifkan sama ada sebagai miskin tegar ataupun miskin am, maka kita terbuka kepada carian-carian yang datangnya daripada mana pihak dan pihak yang bertanggungjawab akan membuat penilaian tentang tarusan tersebut kepada carian-carian yang baru. Jadi, ini ialah satu perkara yang begitu kuat sekali komitmen daripada pihak dalam Kerajaan Malaysia dalam *mid term review* nampaknya penekanan masih begitu jelas sekali di peringkat Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri kita, dan kita sambutnya dan kita nak melaksanakan di Negeri Johor ini.

Saya juga sudah pun menjelaskan tentang kedudukan yang ada di Iskandar ini Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya katakan tadi bahawa, komitmen akan direalisasikan di peringkat pelaksanaannya dan akan terbukti dalam dua tiga tahun yang terdekat ini. Selain daripada komitmen dan pelaksanaan komitmen tersebut, kita sudah pun mempunyai satu momentum yang kuat kerana ianya akan ditambah lagi dengan komitmen-komitmen yang baru daripada pelaburan sama ada daripada luar ataupun daripada domestik sendiri. Dan Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam keadaan yang mencabar ini, satu daripada cabaran yang akan kita tempuh ialah bukan sahaja harga mungkin naik kerana kos struktur akan berubah. Maka dia juga akan membawa kepada penurunan kepada pertumbuhan ekonomi. Jadi kalau ini dua berlaku Yang Berhormat Dato' Speaker, ini adalah satu cabaran yang amat berat untuk ditanggung oleh negara kita dan rakyat kita. *Slow growth and high price increase*, ini satu yang amat berat untuk dipikul oleh masyarakat kita.

Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, kita masih lagi perlu mempertahankan di Negeri Johor ini, pertumbuhan ekonomi. Jadi, di antara hab pertumbuhannya Dato' Speaker, di antaranya ialah sempena dengan pelaburan-pelaburan yang akan terus datang ke Iskandar ini. *So*, mungkin ini satu daripada *indicator* dengan izin, pertumbuhan ekonomi yang berlaku di negara kita ini dalam konteks mungkin suasana *recession* yang berlaku rata-rata, sama ada di peringkat dunia termasuk juga negara kita. *But still,* dengan

izin, kita perlu kepada *indicator* pertumbuhan yang boleh wujud di koridor-koridor yang ada di koridor-koridor pertumbuhan yang ada di negara kita ini. Dan kita mengalu-alukan pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari semalam, mengatakan bahawa setiap koridor ditambah lagi peruntukan sebanyak RM2 bilion. Bermakna, walaupun Perdana Menteri mempengerusikan mesyuarat koridor utara semalam tetapi mengumumkan pertumbuhan, pertambahan sebanyak RM2 bilion untuk setiap koridor dan saya percaya termasuk Koridor Iskandar Malaysia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, itu adalah di antara perkara-perkara yang dapat saya sambung sempena dengan perbahasan di Dewan yang mulia ini. Dan sekali lagi saya mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan di atas segala pandangan yang telah pun Ahli Yang Berhormat sampaikan sempena dengan perbahasan ini. Dan saya selalu mengingatkan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri supaya mengesan semula perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk tindakan susulan terhadap perkara-perkara tersebut. Yang Berhormat Dato' Speaker, sekali lagi terima kasih di atas kesempatan dan kita berdoa ke hadrat Allah SWT mudah-mudahan Allah akan memberi petunjuk hidayah kepada kita semua di atas usaha-usaha kita untuk Negeri Johor ini. Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Terima kasih Yang Amat Berhormat. (Dewan bertepuk). Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, suatu ucapan menjunjung kasih sebagaimana berikut. Ampun tuanku, adalah patik Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri yang bersidang pada hari ini mengambil ketetapan menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berangkat ke Dewan yang mulia ini dan bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-12. Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : PENUBUHAN JAWATANKUASA, PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH TETAP DEWAN NEGERI JOHOR.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan iaitu Dewan ini mengambil ketetapan mengikut Peraturan Tetap Bilangan 103 di dalam Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri untuk menubuhkan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor dengan keanggotaannya sebagai berikut :

Speaker Dewan Negeri Johor,
Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Ali bin Hassan
sebagai Pengerusi,
Yang Berhormat Datuk Dr. Adham bin Baba,
Yang Berhormat Datuk Samsol Bari bin Jamali,
Yang Berhormat Encik Ayub bin Rahmat,
Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Aziz bin Sapian,
Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Md. Ali,
Yang Berhormat Dr. Lee Hong Tee,

Yang Berhormat Dr. Mohamad bin Taslim,
Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri Johor.

Dan Jawatankuasa ini adalah berkewajipan memeriksa dan mengesyorkan pindaan-pindaan kepada Dewan Negeri apabila mustahak kepada Peraturan dan Perintah Tetap Dewan Negeri dan cukup bilang bagi jawatankuasa ini adalah pengerusi dan tiga orang ahli. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : PENUBUHAN JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN DEWAN NEGERI

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan iaitu Dewan ini mengambil ketetapan mengikut Peraturan Tetap Bilangan 103 di bawah Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri untuk menubuhkan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri dengan keanggotaannya seperti berikut :

Speaker Dewan Negeri ,
Yang Berhormat Dato' Ali bin Hassan sebagai Pengerusi,
Yang Berhormat Tuan Haji Tahir bin Mohd Taat,
Yang Berhormat Datuk Sulaiman bin Taha,
Yang Berhormat Datuk Ariss bin Samsudin,
Yang Berhormat Datuk Ir. Hasni bin Mohamad,
Yang Berhormat Encik Lau Chin Hoon,
Yang Berhormat En. Tan Cher Puk,
Yang Berhormat Encik Ng Lam Hua,
Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri Johor dan
Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Johor.

Jawatankuasa ini adalah berperanan menimbangkan apa-apa perkara yang menyentuh kuasa-kuasa, hak-hak dan kebebasan Dewan Negeri yang diserahkan oleh Dewan Negeri kepadanya dan setelah itu mengeluarkan penyata mengenainya pada Dewan Negeri. Cukup bilang bagi jawatankuasa ini ialah pengerusi dan tiga orang ahli. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan untuk mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : PENUBUHAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan iaitu Dewan ini mengambil ketetapan mengikut Peraturan Tetap Bil. 110(2) di bawah Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri untuk menubuhkan Jawatankuasa Kira-Kira Raya dengan keanggotaannya seorang Pengerusi dan tidak lebih daripada 6 orang ahli sebagaimana berikut :

Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Hamid bin Abd. Rahman
sebagai Pengerusi,
Yang Berhormat Dato' Haji Baderi bin Dasuki,
Yang Berhormat Dato' Haji Osman bin Sapian,
Yang Berhormat Encik Ng See Tiong,
Yang Berhormat Datuk Harun bin Abdullah,
Yang Berhormat Encik Munusamy a/l Mareemuthu,
Yang Berhormat Dr. Boo Cheng Hau.

Jawatankuasa ini bertanggungjawab memeriksa kira-kira yang menunjukkan peruntukan wang yang dikurniakan oleh Dewan Negeri bagi membayar perbelanjaan awam. Memeriksa apa-apa jua kira-kira yang dibentangkan dalam Dewan Negeri mengikut bagaimana yang difikirkan patut oleh Jawatankuasa ini. Memeriksa penyata Ketua Audit Negara yang dibentangkan dalam Dewan Negeri mengikut kehendak Jumlah kata (2) bagi Fasal 107, Perlembagaan Persekutuan; memeriksa apa-apa jua perkara-perkara lain yang ditunjukkan oleh Dewan Negeri kepadanya. Jawatankuasa ini juga dari masa ke semasa akan mengeluarkan penyata ataupun laporan dalam hal pemeriksaan yang dilakukan bagi dibentangkan dalam Dewan Negeri. Cukup bilang bagi Jawatankuasa ini ialah Pengerusi dan 3 orang Ahli.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : PERANGGARAN TAMBAHAN PEMBANGUNAN PERTAMA TAHUN 2008

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini serta-merta berpindah menjadi Jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri untuk menimbangkan Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2008 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 2 tahun 2008 dan memperakukan sama ada peranggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tiada dipinda. Tambahan peruntukan pembangunan

yang pertama bagi tahun 2008 adalah sebanyak RM37 juta dan diletakkan di bawah satu Jawatankuasa seperti berikut:

Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan RM37 juta. Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

DEWAN NEGERI BERSIDANG SEBAGAI JAWATANKUASA.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM37 juta bagi Maksud P.56, Pejabat Menteri Besar dipersetujukan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan, P.56, Pejabat Menteri Besar Johor memerlukan tambahan peruntukan sebanyak RM37 juta di mana sebanyak RM15 juta diperlukan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan di seluruh Negeri Johor dan sebanyak RM22 juta lagi adalah untuk menampung bayaran pampasan pengambilan balik tanah untuk pembinaan pusat pentadbiran baru Ledang, Daerah Ledang, Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, oleh sebab maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2008 telah pun selesai ditimbangkan maka saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu dimaklumkan serta-merta kepada Dewan Negeri.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

DEWAN NEGERI BERSIDANG SEMULA.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2008; dari itu saya membawa rundingan supaya Dewan ini bersetuju bahawa peruntukan wang berjumlah RM37 juta yang dicadangkan bagi Peranggaran Tambahan Pembangunan

Pertama Tahun 2008 itu diluluskan oleh Dewan ini. Dan dengan ini mengambil ketetapan bahawa satu jumlah wang yang tidak melebihi RM37 juta hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam Tahun Kewangan 2008 bagi menyempurnakan maksud yang dinyatakan dalam kertas mesyuarat yang tersebut.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (2008) (NO.1) TAHUN 2008

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2008) (No.1) Tahun 2008 dibaca kali yang pertama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rang Undang-undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2008 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga dan saya membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan yang pertama bagi perbelanjaan bekalan tahun 2008. Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM48,798,000.00 sebagaimana yang dimasukkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah 4 Jawatankuasa seperti berikut :

Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri Johor; RM33,441,000.00;
Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri RM122,000.00;
Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri Johor, RM12,735,000.00;
Dan Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri Johor, RM2,000,500.00.

Penjelasan lanjut bagi tiap-tiap tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa yang berkenaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2008 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU.

Y.B. Dato' Speaker : DEWAN NEGERI BERSIDANG SEBAGAI JAWATANKUASA.

Jurutulis : JADUAL.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM674,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan; RM28,920,000.00 bagi Maksud B.04, Perbendaharaan Negeri dan RM86,000.00 bagi Maksud B.05,Dewan Negeri; dan RM2,790,000.00 bagi Maksud B.06, Pelbagai Perkhidmatan; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan tambahan sebanyak RM674,000.00 diperlukan bagi menampung perolehan aset jabatan. Bagi Maksud B.04, Pejabat Perbendaharaan Negeri peruntukan tambahan sebanyak RM28,920,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi bayaran skim saham Pekebun Kecil dan peserta FELCRA Tebing Runtuh yang terlibat dengan pembangunan Bandar Nusajaya dan pembinaan projek laluan kedua Malaysia ke Singapura. Bagi Maksud B.05, Dewan Negeri peruntukan tambahan sebanyak RM86,000.00 diperlukan untuk menampung perolehan aset jabatan. Bagi Maksud B.06, Pelbagai Perkhidmatan peruntukan tambahan

sebanyak RM2,790,000.00 diperlukan di mana sebanyak RM2,078,000.00 adalah untuk menampung perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat termasuk sewaan, manakala baki sebanyak RM712,000.00 lagi adalah untuk menampung pemberian tambahan kepada agensi-agensi kerajaan negeri.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM12,735,000.00 bagi Maksud B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi Maksud B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM12,735,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM75,000.00 adalah untuk pembayaran elaun lebih masa kepada anggota-anggota jabatan manakala baki sebanyak RM12,660,000.00 lagi adalah untuk menampung perbelanjaan penyelenggaraan parit dan sungai seluruh Negeri Johor untuk membantu mengatasi masalah banjir.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM122,000.00 bagi Maksud B.12, Kebun Bunga Kerajaan; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi bagi Maksud B.12, Pejabat Kebun Bunga Kerajaan Negeri, peruntukan tambahan sebanyak RM122,000.00 perlu untuk menampung perolehan aset-aset jabatan ini.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli yang bersetuju angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM153,000.00 bagi Maksud B.19, Jabatan Hutan menjadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.19, Pejabat Perhutanan Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM153,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi Pengurusan Pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM7,000.00 adalah untuk menampung pembayaran ganjaran kepada anggota-anggota kontrak, manakala baki sebanyak RM146,000.00 lagi adalah

untuk pembayaran Gantian Cuti Rehat kepada anggota-anggota yang bersara.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM2,500,000.00 bagi Maksud B.30, Rakan Muda, Sukan dan Kebudayaan menjadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Pengerusi bagi Maksud B.30, Rakan Muda Sukan dan Kebudayaan Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM2,500,000.00 diperlukan bagi menampung pertambahan pemberian untuk pengurusan agensi-agensi Kerajaan Negeri.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang jumlah RM19,000.00 bagi Maksud B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru, RM667,000.00 bagi Maksud B.51, Pejabat Tanah dan Galian, RM98,000.00 bagi Maksud B.57, Pejabat Tanah Kluang dan RM34,000.00 bagi Maksud B.59, Pejabat Tanah Mersing menjadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud bekalan B.41,Pejabat Daerah Johor Bahru peruntukan tambahan sebanyak RM19,000.00 diperlukan adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran Gantian Cuti Rehat kepada anggota-anggota yang bersara.

Bagi Maksud Bekalan B.51, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor peruntukan tambahan sebanyak RM667,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi Pengurusan Pejabat. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM567,000.00 adalah untuk Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan dan baki sebanyak RM100,000.00 lagi adalah untuk pembelian sebuah kenderaan jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.57, Pejabat Tanah Kluang, peruntukan tambahan sebanyak RM98,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM58,000.00 adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan dan baki sebanyak RM40,000.00 lagi adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran Gantian Cuti Rehat kepada anggota yang bersara.

Bagi Maksud Bekalan B.59, Pejabat Tanah Mersing, peruntukan tambahan sebanyak RM34,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran Gantian Cuti Rehat kepada anggota-anggota yang bersara.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, dan yang tidak bersetuju, Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

DEWAN NEGERI BERSIDANG SEMULA.

Y.A.B Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatu dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2008) (No.1) Tahun 2008 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang di baca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Jurutulis : BAHAWA DENGAN INI ADALAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG OLEH DEWAN NEGERI JOHOR SEPERTI BERIKUT : ENAKMEN INI BOLEHLAH DINAMAKAN ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (2008) (NO. 1) TAHUN 2008.

RUNDINGAN-RUNDINGAN DENGAN TIDAK PAYAH DIBERITAHU.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu rundingan di bawah Perintah Tetap Bilangan 32 (viii) yang diakui mustahak iaitu pemilihan Ahli Dewan Negara oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar

sebagaimana peruntukan peraturan yang sama, rundingan itu perlu disokong oleh sepuluh orang ahli.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menyokong rundingan itu sila bangun di tempat masing-masing. Oklah dah lebih. Oleh kerana terdapat lebih daripada tujuh orang yang menyokong, rundingan itu saya terima. Oleh sebab lebih daripada sepuluh orang, terlupa. Rundingan itu saya terima.

Jurutulis : RUNDINGAN MENGENAI PEMILIHAN AHLI DEWAN NEGARA.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli Yang Berhormat sebagaimana biasa dilakukan, pemilihan Ahli Dewan Negara ini adalah menurut Fasal Perkara 45 Jadual Ketujuh Perlembagaan Persekutuan. Dengan demikian tiap-tiap cadangan hendaklah disokong dan disertai dengan kenyataan bertulis yang di tanda tangani oleh calon berkenaan menyatakan kesanggupan berkhidmat jika dipilih dan cadangan itu tidaklah perlu dibahas.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sila kemukakan cadangan sekarang. Jemput, Yang Berhormat.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Yang Berbahagia Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop dipilih oleh Dewan yang mulia ini menjadi Ahli Dewan Negara bagi tempoh tiga tahun. (Dewan bertepuk) Beliau yang kini berusia 62 tahun..

Y.B. Dato' Speaker : Dah dekat umur maghrib. (Dewan ketawa)

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Lebih tua daripada saya Dato' Speaker. (Dewan ketawa). Telah dilahirkan di Kampung Kesang Tasek, Sungai Mati, Muar, Johor pada 8 November 1946. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Ismail Muar. Sekolah Inggeris Dato' Speaker dan Sekolah Tinggi, Muar. Tuan Haji Ahamat Yusof pernah berkhidmat sebagai Guru di Sekolah Menengah Tengku Mahmood Iskandar, Sungai Mati, Muar dan Sekolah Menengah Tun Dr. Ismail, Parit Raja, Batu Pahat pada tahun 1966 hingga 1970. Selepas mendapat latihan di Maktab Perguruan Malaya. Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian di Universiti Malaya dan memperolehi Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Sosiologi dan Antropologi pada tahun 1974. Pelajar apa dipanggil, mahasiswa. Selepas itu beliau meneruskan pula kerjaya di bidang Penerbitan dengan bertugas sebagai Pengurus Penerbitan Utusan Melayu, di Kuala Lumpur, Timbalan Pengurus Perniagaan di Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga Pengurus Berita Distributors iaitu anak Syarikat Kumpulan The New Straits Times, Kuala Lumpur.

Tuan Haji Ahamat juga amat rapat dengan masyarakat apabila bergerak aktif dalam beberapa badan sukarela termasuk sebagai EXCO GAPENA, Ahli Jawatankuasa Persatuan Anak-Anak Melayu Johor Wilayah Persekutuan dan Selangor yang juga sebagai Ahli Majlis Daerah Tangkak serta Pengerusi Majlis Ketua-Ketua Whip Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor mulai 1969 hingga kini. Dalam kegiatan politik, pengalamannya juga meluas dengan mengetuai UMNO Cawangan Kesang Tasek sejak 1995 hingga sekarang. Selain daripada menjadi Naib Ketua dan Ketua Penerangan UMNO Bahagian Ledang dan kini

beliau masih terus berkhidmat sebagai Bendahari UMNO Bahagian berkenaan dan sebagai Setiausaha Barisan Nasional Parlimen Ledang. Pada masa yang sama, beliau telah dilantik ke jawatan Setiausaha Politik Menteri Besar Johor mulai 1 Mei 2004 hingga 30 Jun 2008. Atas sumbangan dan pengalaman beliau yang luas dalam pelbagai bidang maka Dewan Negeri Johor mencadangkan supaya Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop dilantik sebagai Ahli Dewan Negara bagi tempoh tiga tahun dan dengan ini saya serahkan pengakuan bertulis yang telah pun ditandatangani oleh calon yang saya cadangkan itu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini masih bersedia untuk menerima cadangan-cadangan lain, jika ada. Oleh sebab tak ada cadangan lain, maka saya kemukakanlah cadangan bahawa Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop dipilih oleh Dewan ini menjadi Ahli Dewan Negara (Dewan bertepuk).

Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, cadangan itu dipersetujukan.

Jangan lupa belanja, Haji Ahamat (Dewan ketawa). Nampak toya aje (Dewan ketawa).

Dengan demikian, saya isytiharkan sekali lagi bahawa Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop adalah dipilih oleh Dewan ini menjadi Ahli Dewan Negara bagi tempoh selama tiga tahun.

Saya dan bagi pihak Dewan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop, semoga beliau dapat menumpukan khidmat kepada rakyat dan negeri sebagai Ahli Dewan Negara (Dewan bertepuk).

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Jaya Dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan kita ini ditangguhkan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Ucapan tangguhan, ikut peraturan mesyuarat. Yang Berhormat Dr. Boo Cheng Hau, jemput.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Selamat sejahtera dan salam bahagia. Yang Berhormat Dato' Speaker, Skudai ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker untuk, bagi membenarkan Skudai menyampaikan ucapan tangguhan di Dewan yang mulia ini. Saya ingin, Skudai ingin menyampaikan penghargaan setinggi-tingginya kepada Yang

Berhormat Dato' Speaker sebagai seorang tokoh yang berkesusilaan dan juga bersopan santun dan banyak membantu Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perpaduan Nasional bukan sahaja berasaskan toleransi tetapi juga penerimaan rakyat bahawa Malaysia adalah sebuah masyarakat majmuk. Walaupun Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini mempunyai pandangan berlainan dan berbagai-bagai pendirian parti politik, saya rasa semua pendirian mereka mesti dihormati dan diterima sebagai asas demokrasi. Perpaduan dan permuafakatan sejati bukan bergantung kepada baju, pakaian yang kita memakai, tapi yang lebih mustahak, saya menjemput semua Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, kita sama-sama menyanjungi nilai-nilai murni sejagat tanpa kira bangsa, agama dan parti politik. Nilai-nilai murni sejagat, Yang Berhormat Dato' Speaker, sepatutnya disanjungi oleh semua Ahli-Ahli Barisan Malaysia, baik Barisan Nasional mahupun Pakatan Rakyat iaitu mewujudkan satu Kerajaan Bersih, Cekap dan Amanah dan juga mempertingkatkan usaha Anti Rasuah, menghapuskan diskriminasi dalam mana-mana bentuk dan juga memupuk ketulusan dalam pentadbiran awam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, permuafakatan itu bukan bergantung pada wajah muka, warna kulit atau pakaian kita memakai. Kalau kita pakai pakaian sama..

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ucapan Yang Berhormat ini tak ada dalam yang senarai beri saya ni. Dia kena ikut apa Yang Berhormat nak, nak bangkitkan, kena ikut. Dia tidak boleh lari daripada senarai atau ucapan yang diserahkan kepada saya. Yang Berhormat berucap ini tak ada langsung pada saya ini.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ada sentuh sedikit sebab..

Y.B. Dato' Speaker : Tak boleh. Dia dalam peraturan ucapan penangguhan sebab itulah diminta salinan ucapan itu. Dia tidak boleh Yang Berhormat tetiba cakap benda yang lain. Tak boleh. Itu ucapan penangguhan khas saja diberi berdasarkan ada satu teks yang khas untuk dimaklumkan aje. Tak boleh sentuh yang tak ada kena mengena dengan asal eh. Tak boleh Yang Berhormat. Ini Yang Berhormat punya dah beri pada saya, bila Yang Berhormat lari daripada ini, 10 minit habis. Dia tak boleh lebih. Mintak ikut tekslah. Ini pun dah terlebih dah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Macam itu.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, dia tak boleh Yang Berhormat tambah lagi benda-benda lain. Tidak boleh. Dia bukan 10 minit Yang Berhormat mungkin cakap bebas, tak ada. Tak boleh. Khas tujukan pada benda-benda Yang Berhormat dah berikan pada saya.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ok, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya meminta keizinan untuk, saya cubalah bagi ucapan mengikut teks yang ucapan yang diberikan dahulu, dalam 10 minit.

Y.B. Dato' Speaker : Ada 10 minit.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dan sebelum ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, parti meminta menghormati, sepatutnya menghormati peranan pembangkang sebaliknya sebagai ahli pembangkang kita cuba menghormati dasar-dasar yang ditentukan oleh kerajaan. Tapi saya nak menerangkan adalah kita tidak mencuri mana-mana kawasan, kita diberikan mandat seperti Ahli-Ahli di Dewan yang mulia ini untuk membawa suara pengundi-pengundi ke dalam Dewan yang mulia ini. Dan kita mesti menegakkan bahawa yang lebih mustahak ialah nilai-nilai murni yang kita sama-sama menyanjungi. Walaupun Menteri Besar sudah melantik 6 Pembantu Khas bergaji di kawasan pembangkang, iaitu gaji RM3,000.00 satu bulan dan akan berjumlah RM1 juta dalam tempoh 5 tahun. Dan kita ADUN Pakatan Rakyat juga akan menganak angkatkan kawasan-kawasan lain apabila dijemput oleh penduduk di kawasan lain tanpa gaji. Dan ini merupakan satu perhubungan yang baru dan dinamik di antara dua-dua parti. Dan kita mengalu-alukan perubahan ini dan Skudai berharap perubahan ini akan dihormati oleh semua Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bekalan air Yong Peng kekurangan adalah kekurangan sumber-sumber air yang bersih. Saya menegaskan di sini bukanlah semua air longkang itu ada air juga...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, kat mana ni? Tak ada air Yong Peng?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ini Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk kepentingan awam.

Y.B. Dato' Speaker : Tak, tak, tak. Dia bukannya itu. Saya dah terangkan Yang Berhormat tak boleh. Nanti saya tak benarkan Yang Berhormat. Dia salah peraturan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ok.

Y.B. Dato' Speaker : Jadi, Yang Berhormat, Yang Berhormat kena baca ini, ikut. Ini tak baca. Baca Yang Berhormat beri pada saya itu aje. Dia bukan boleh merayau ke mana. Parlimen pun gitu, baca apa yang ada, dah diberi kepada Speaker. Kalau Yang Berhormat masuk Yong Peng, Yang Berhormat masuk itu semua dah bercakap juga kat Dewan. Dah tak ada benda. Yang Berhormat tak boleh lari daripada teks Yang Berhormat beri saya. Yang Berhormat, cakap lain. Saya cari halaman belakang pun tak ada cerita itu.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Skim Belian Balik Bersyarat ASJ dan Dana Johor, dua-dua saham ini dipasarkan dengan RM1.00 seunit. Walaupun belian, harga belian balik agak berbeza untuk Dana Johor adalah RM0.50 seunit. Dan mereka dibayar, cuma boleh menjual balik dengan 10 peratus jumlah saham setiap tahun. Ini bermakna mereka akan menjual semua sehingga tahun menjelang 2014. Ketidaksamaan ini telah menimbulkan ketidakpuasan pelabur Dana Johor. Dan saya berharap dengan keyakinan kepada pengurusan pihak berkenaan akan di, akan dibetulkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pelabur Dana Johor telah mengadu, mereka telah didiskriminasikan dan berharap Pihak Berkuasa akan memberikan harga saham yang sama, harga belian balik yang sama. Yang Berhormat Dato' Speaker, negara kita sudah menghadapi cabaran global, globalisasi dan usaha dan lagi mempertikaikan usaha memajukan ekonomi Negeri Johor.

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kuorum.

Y.B. Dato' Speaker : Tak cukup berapa? Kuorum. Sekejap, Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ok, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Sekejap aje.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kita..

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, duduk. Sekejap je. Dia kata kuorum tak cukup. Tu nak *check.* Cukup 14. Dia berapa? Berapa orang? Sekiranya, minta Jurutulis kira. Dia ni kuorum orang nak berucap ni ada berapa ni. Dia kalau kurang, tak boleh. Minta Jurutulis *check* berapa orang. Nanti yang Berhormat, kuorum ini kurang.

Ok, nampak tak ada yang masuk. Tengok, satu, dua minit tak ada ni. Saya kena tangguh ni kalau tak ada.

Ok, Yang Berhormat, bila tak cukup kuorum, dia tak boleh berucap eh. Dewan kena tangguh. Ok, minta maaf Yang Berhormat, ini pasal kuorum bukan Speaker. Bila kuorum tak cukup, Speaker menjalankan tanggungjawab. Makna tak cukup kuorum, bilangan kehadiran Ahli dalam persidangan. Dengan ini, Ahli Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasihlah kepada semua pihak yang memberikan kerjasama kepada saya dan alhamdulillah kesemuanya dapat menjalankan mesyuarat dengan jayanya. Persidangan tidak ada melanggar peraturan dan sebagainya. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam persidangan ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan ini saya tangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:35 pagi.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis
Encik Mohd. Haffiz bin Haji Ahmad

Penolong Jurutulis
Cik Shubanah binti Yusuf

Kordinator
Encik Abdul Rahman bin Mohd. Yusof

Pemberita Dewan
Puan Asiah binti Moklis

Pembantu Penerbitan
Cik Malina binti Mohd. Nasir
Puan Noraisah binti Mohd. Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Tadbir (Mesyuarat)
Puan Zainah binti Mansor

Pembantu Tadbir Rendah
Puan Hanita binti Mohamed
Puan Fakhrinnazia binti Fuad

Pembantu Am Rendah
Encik Ahmad Amizan bin A. Samad
Encik Mohd. Hassan bin Jamian
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Mohamad Khirunizam bin Pahmi

Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)
Puan Zalina binti Ali
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor

Puan Inson binti Abdul Wahab
Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan)

Puan Saniah binti Kassim
Pejabat Setiausaha Kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa

Puan Ra'biah binti Abd. Hamid
Pejabat Mufti Johor

Puan Zuraida binti Zakaria
Pejabat Pengarah Perancang Bandar dan Desa Negeri Johor

Puan Azlin binti Bahrin
Pejabat Pengarah Kerja Raya Negeri Johor

Cik Zuliani binti Mohd. Noh
Pejabat Ketua Hakim Syarie Negeri Johor

Puan Junaidah binti Paing
Pejabat Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor

Puan Norzuliana binti Zakaria
Pejabat Pegawai Daerah Johor Bahru

Puan Lindawati binti Othman
Pejabat Pengarah Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ)

Puan Aidah binti Kinot
Pejabat Mekanikal JKR Johor

Puan Haironisha binti Zainal Abidin
Pejabat Menteri Besar Johor (Pentadbiran)

Puan Suriati binti Abdul Hajar
Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor

Puan Norliza binti Md Aris
Pejabat Setiausaha Politik Menteri Besar Johor

Puan Rumiah binti Semirono
Pejabat Unit Media dan Komunikasi Menteri Besar Johor

Rakaman

Encik Abdul Rahman bin Elias
Jabatan Penerangan Negeri Johor

Encik Mohd. Suhazli bin Mohd. Nordin
Jabatan Penerangan Negeri Johor

PEJABAT DEWAN NEGERI
JOHOR

12 Ogos 2008

MHHA/as/G: penyata rasmi 19 jun – 4 julai 08